PILIHAN DAN PERALIHAN BAHASA DIASPORA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI, DAERAH KERIAN, PERAK

MOHD KHAIDIR BIN ABDUL WAHAB

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PILIHAN DAN PERALIHAN BAHASA DIASPORA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI, DAERAH KERIAN, PERAK

MOHD KHAIDIR BIN ABDUL WAHAB

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

INSTITUT ALAM DAN TAMADUN MELAYU
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

8 Mei 2026

MOHD KHAIDIR BIN ABDUL WAHAB
P129839

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA The National University of Malaysia	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI **SELEPAS PEMBETULAN** ***Form and Check List of Amended Thesis** / Dissertation **Submission***		

G. PERAKUAN TESIS/ DISERTASI SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (*CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS / DISSERTATION*)			
Nama penuh pengarang (*Author's Full Name*)	MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P129839	Sesi Akademik (*Academic Session*)	Sem 2 Sesi 2025/2026
Tajuk Tesis / Disertasi (*Thesis / Dissertation Title*)	PILIHAN DAN PERALIHAN BAHASA DIASPORA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI, DAERAH KERIAN, PERAK		

Semua tesis/disertasi dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia.
All theses/ dissertations and publications relating to the research work of a student are subject to the Intellectual Property Policy of Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saya mengaku bahawa tahap akses tesis/disertasi ini sebagai (*Tandakan ✓ dalam kotak bagi maklumat yang berkaitan; tandakan satu (1) kotak di bawah sahaja):
I hereby declare the level of access for this thesis/dissertation as follows (tick ✓ the relevant box below; tick only one option).

Pilihan Tahap Akses ***Access Level Selection***		**Tafsiran Tahap Akses Tesis/Disertasi** ***Definition of Thesis/Dissertation Access Level***
☐	**RAHSIA** ***(CONFIDENTIAL)***	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. *Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.*
☐	**TERHAD** ***(RESTRICTED)***	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. *Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.*
☑	**AKSES TERBUKA** ***(OPEN ACCESS)***	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan *The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Universiti Kebangsaan Malaysia The National University of Malaysia	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI **SELEPAS PEMBETULAN** ***Form and Check List of Amended Thesis** / Dissertation **Submission***		

		Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). *The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).*
☐	EMBARGO	Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh *embargo*. *The period during which access to the thesis/dissertation is restricted for two (2) years due to specific reasons, such as confidentiality or copyright. The thesis/dissertation will be granted open-access status upon the expiry of the embargo period.*

PENGESAHAN PELAJAR *(STUDENT VERIFICATION)*	**PENGESAHAN PENYELIA *(SUPERVISOR VERIFICATION)***
TANDATANGAN PELAJAR **(*STUDENT'S SIGNATURE*)**	**TANDATANGAN PENYELIA / PENGERUSI JK SISWAZAH** ***(SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)***
Nama Pelajar *(Student name)*: ***MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB*** No. Pendaftaran Pelajar *(Student's Registration No.)* **P129839** Tarikh:11.05.2026 *(Date)*	Nama Penyelia / Pengerusi JK Siswazah : *(Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name)* PROF. DR. CHONG SHIN Penyelidik Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor Darul Ehsan Tarikh: *(Date)* 12/05/2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT atas limpahan rahmat, hidayah dan inayat-Nya yang mengizinkan saya menamatkan perjalanan ilmu, penuh dengan cabaran dan ujian, pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) buat kali kedua. Setiap langkah ialah anugerah; setiap kesulitan ialah didikan; setiap kejayaan ialah tanda kasih-Nya yang tidak bertepi.

Dengan takzim dan penghargaan setulus hati, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Chong Shin, penyelia utama yang sentiasa membimbing dengan penuh ketelitian, ilmu dan kebijaksanaan. Panduan beliau bukan sahaja memperkukuh landasan akademik, bahkan juga membentuk keutuhan nilai dan disiplin diri. Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada Profesor Madya Dr. Karim Harun, penyelia bersama yang sentiasa memberikan pandangan bernas dan dorongan ikhlas sepanjang penyelidikan dan penulisan ini. Penghargaan yang tidak terhingga turut ditujukan kepada Profesor Emeritus Dr. James T. Collins**,** selaku penilai cadangan penyelidikan, Dr. Wan Robiah Meor Osman dan Profesor Madya Dr. Yusriadi Ebong, selaku penilai tesis ini serta atas komen kritis, saranan konstruktif dan pandangan ilmiah yang telah memperkukuh reka bentuk dan hala tuju kajian ini. Daripada kalian, saya belajar bahawa kesederhanaan bukanlah kelemahan, namun kekuatan untuk terus meninggi.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Universiti Sains Malaysia dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah menjadi gedung ilmu serta sumber inspirasi ketika menelusuri perjalanan kesarjanaan ini. Terima kasih khususnya kepada Dato' Profesor Gs. Dr. Narimah Samat, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), atas sokongan berterusan terhadap kecemerlangan akademik. Penghargaan juga dihulurkan kepada Profesor Madya Dr. Jasni Sulong, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, atas kepimpinan yang sentiasa menggalakkan budaya ilmu dan kecemerlangan penyelidikan.Tidak dilupakan setulus penghargaan kepada para mentor yang menjadi suluh sepanjang perjalanan akademik saya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong, Profesor Dr. Noriah Mohamed, Profesor Dr. Goh Sang Seong, Dr. Norsofiah Abu Bakar ,Tuan Haji Jamaluddin Asaari, para pensyarah dan staf pentadbiran di Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bimbingan, bantuan dan nasihat kalian telah membuka horizon baharu dan memberikan anjakan positif dalam perjalanan sebagai seorang ahli akademia.

Dengan penuh kasih, dedikasi ini ditujukan buat Ayahanda Tuan Haji Abdul Wahab bin Kasan dan Bonda Puan Hajah Jamaliah binti Masdor, yang menjadi sumber kekuatan dan doa yang tidak pernah putus. Alhamdulillah, Allah SWT memanjangkan usia kalian berdua untuk menyaksikan kejayaan PhD kali kedua anakmu sebagai tanda kasih, doa dan restu yang sentiasa mengiringi langkah ini. Buat isteri tercinta, Dr. Wan Nor Azyantie Wan Yusuf, terima kasih atas cinta, kesetiaan dan pengorbanan yang tidak ternilai. Buat puteri-puteri tersayang, Nur Sumayyah Faiha dan Nur Safiyyah Faiha, semoga kejayaan ini menjadi teladan untuk terus menuntut ilmu dengan sabar, gigih dan rendah hati.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ABSTRAK

Masyarakat Banjar diaspora di mukim Bagan Serai berada dalam ekologi linguistik yang rencam, dicirikan oleh kewujudan dan interaksi pelbagai bahasa, termasuk bahasa Banjar, bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah. Dalam konteks perubahan mobiliti, pendidikan dan interaksi sosial yang pelbagai, timbul persoalan tentang kedudukan semasa bahasa Banjar sebagai alat komunikasi dan penanda identiti. Kajian ini meneliti pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di mukim Bagan Serai, Kerian, Perak menggunakan kerangka pilihan bahasa dan domain Fishman (1972) serta Skala Gangguan antara Generasi Bergred Diperluas (*Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* atau EGIDS) oleh Lewis dan Simons (2010). Dari segi reka bentuk, kajian ini menggunakan pendekatan *exploratory sequential mixed methods* yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif secara berperingkat. Fasa kualitatif melibatkan rakaman tidak sedar yang dilaksanakan dalam tiga pusingan merentasi enam domain, iaitu keluarga, persahabatan, jual beli, pekerjaan, pendidikan dan keagamaan. Selain itu, kajian ini melibatkan temu bual separa berstruktur serta analisis kandungan untuk memperkukuh dapatan kualitatif. Fasa kuantitatif pula dilaksanakan melalui kaedah soal selidik bagi menilai dan mengesahkan pola dapatan yang diperoleh daripada fasa kualitatif. Triangulasi data menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah mendominasi domain rasmi dan awam, manakala bahasa Banjar masih kekal terutama dalam interaksi sesama etnik dan amalan tradisi. Namun begitu, fungsi bahasa Banjar ini mengecil dan lebih bersifat simbolik, terutama dalam kalangan generasi muda. Peralihan ini dipengaruhi antaranya oleh jurang generasi dan transmisi keluarga yang lemah, perkahwinan campur, norma institusi pendidikan dan pekerjaan yang menuntut bahasa Melayu, akomodasi linguistik untuk keberkesanan komunikasi serta persepsi prestij dan praktikaliti terhadap bahasa dominan. Berdasarkan penilaian EGIDS, kedudukan bahasa Banjar di mukim ini terletak antara Tahap 7–8a (beralih–hampir pupus). Usaha pemulihan wajar ditumpukan pada penggunaan di rumah (domain keluarga), sokongan pendidikan tidak formal di madrasah, masjid dan sekolah setempat, serta dokumentasi bahan lisan secara teratur. Tanpa langkah terancang, bahasa Banjar terdedah kepada risiko merosot ke tahap lebih kritikal; dengan kerjasama keluarga, institusi setempat dan dasar pada peringkat daerah, bahasa ini masih berpotensi untuk kembali menjadi medium komunikasi harian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

LANGUAGE CHOICE AND SHIFT AMONG THE BANJAR DIASPORA COMMUNITY IN MUKIM BAGAN SERAI, KERIAN DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

The Banjar diaspora community in Mukim Bagan Serai exists within a complex linguistic ecology, characterized by the presence and interaction of multiple languages, including Banjar, Standard Malay, and the Kedah Malay dialect. In the context of changing mobility patterns, education, and diverse social interactions, questions arise regarding the current status of the Banjar language as a means of communication and a marker of identity. This study examines language choice among the Banjar diaspora in Mukim Bagan Serai, Kerian, Perak, using Fishman's (1972) language choice and domain framework, as well as the Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS) by Lewis and Simons (2010). In terms of design, the study adopts an exploratory sequential mixed-methods approach, combining qualitative and quantitative methods in phases. The qualitative phase involved unobtrusive recordings conducted in three rounds across six domains: family, friendship, commerce, work, education, and religion. In addition, semi-structured interviews and content analysis were conducted to strengthen the qualitative findings. The quantitative phase was implemented through questionnaires to assess and validate the patterns identified in the qualitative phase. Data triangulation indicates that Standard Malay and the Kedah Malay dialect dominate official and public domains, whereas the Banjar language remains prevalent primarily in intra-ethnic interactions and traditional practices. However, the functional use of Banjar has diminished and is increasingly symbolic, especially among the younger generation. This shift is influenced by factors such as generational gaps and weak family language transmission, intermarriage, educational and occupational institutional norms that prioritize Malay, linguistic accommodation for communicative effectiveness, and perceptions of prestige and practicality associated with the dominant language.Based on the EGIDS assessment, the Banjar language in this mukim is positioned between Levels 7 and 8a (shifting–nearly extinct). Revitalization efforts should focus on use within the home (family domain), informal education support in madrasahs, mosques, and local schools, as well as systematic documentation of oral materials. Without a structured approach, Banjar is at risk of further decline; however, with collaboration from families, local institutions, and district-level policies, the language still has the potential to regain its role as a medium of daily communication.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI ILUSTRASI		xx
SENARAI SINGKATAN		xxiii
BAB I	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
	1.2.1 Asal usul masyarakat Banjar	2
	1.2.2 Asal usul kesultanan Banjar dan masyarakat Banjar	2
	1.2.3 Falsafah hidup masyarakat Banjar	9
1.3	Diaspora Masyarakat Banjar	12
	1.3.1 Diaspora masyarakat Banjar ke Tanah Melayu	15
	1.3.2 Diaspora masyarakat Banjar ke Mukim Bagan Serai	18
1.4	Permasalahan Kajian	20
1.5	Objektif Kajian	26
1.6	Persoalan Kajian	27
1.7	Pendekatan Kajian	27
	1.7.1 Kerangka pilihan bahasa dan domain oleh Fishman (1972)	27
	1.7.2 Pendekatan EGIDS oleh Lewis dan Simons (2010)	29

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.8	Kerangka Konseptual Kajian	35
1.9	Batasan Kajian	36
1.10	Kepentingan Kajian	37
1.12	Definisi Operasional	38
	1.11.1 Fenomena bahasa	39
	1.11.2 Pilihan bahasa	39
	1.11.3 Pengekalan bahasa	42
	1.11.4 Peralihan bahasa	43
	1.11.5 Diaspora	43
1.12	Kesimpulan	45
BAB II	**SOROTAN LITERATUR**	
2.1	Pengenalan	47
2.2	Kajian Pilihan Bahasa di Barat	48
2.3	Kajian Pilihan Bahasa Komuniti Minoriti di Alam Melayu	55
2.4	Kajian-kajian Sosiolinguistik Masyarakat Banjar di Tanah Asal Etnik Banjar	68
2.5	Ulasan Kritis	73
2.6	Kesimpulan	81
BAB III	**METODOLOGI KAJIAN**	
3.1	Pengenalan	83
3.2	Reka Bentuk Kajian	83
3.3	Kaedah Kualitatif	86
	3.3.1 Pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*)	87
	3.3.2 Temu Bual	90
	3.3.3 Analisis dokumen	92
3.4	Kaedah Kuantitatif	92
3.5	Instrumen Kajian	94

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

	3.5.1 Alat merakam	94
	3.5.2 Borang soal selidik	95
3.6	Kajian Rintis	97
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan	97
	3.7.1 Kebolehpercayaan	98
	3.7.2 Kesahan	100
3.8	Prosedur Kiraan Skor dan Penetapan Tahap Berdasarkan EGIDS	103
3.9	Lokasi Kajian	108
3.10	Populasi dan Sampel Kajian	109
	3.10.1 Sampel kajian pemerhatian berpartipasi dengan mengaplikasikan rakaman tidak sedar (dengan keizinan)	113
	3.10.2 Sampel kajian temu bual semi berstruktur	115
	3.10.3 Sampel penelitian dokumen	118
	3.10.4 Sampel Kajian Tinjauan Menggunakan Soal Selidik dan *Google Form*	119
3.11	Penganalisisan Data	121
	3.11.1 Data pemerhatian berpartisipasi	122
	3.11.2 Data temu bual semi berstruktur	123
	3.11.3 Analisis dokumen	124
	3.11.4 Soal selidik	125
	3.11.5 Pengukuran daya tahan bahasa Banjar	126
3.12	Etika Penyelidikan	127
3.13	Kesimpulan	128
BAB IV	**DOMAIN DAN PILIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI**	
4.1	Pengenalan	129
4.2	Data Rakaman Tak Sedar	130
	4.2.1 Domain keluarga	131
	4.2.2 Domain persahabatan	139
	4.2.3 Domain aktiviti jual beli	148
	4.2.4 Domain keagamaan	156

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.2.5	Domain pekerjaan	169
4.2.6	Domain pendidikan (madrasah)	177
4.3	Data Temu Bual Semi Berstruktur	187
4.3.1	Pemaparan data temu bual secara tematik	187
4.3.2	Analisis tematik	220
4.4	Data Analisis Kandungan	234
4.4.1	Papan tanda "Warung Wadai"	235
4.4.2	Papan tanda "Pemborong dan Peruncit Kawitan Enterprise"	237
4.4.3	Gegantung "Banjar Motor"	239
4.4.4	Papan tanda "Hotel Kulaan Inn"	241
4.4.5	Gegantung "Warung Kari Ikan Sembilang B40"	243
4.4.6	Papan tanda di kantin sekolah	245
4.4.7	Papan tanda peribahasa Banjar di SK Dato Mas'ud, Bagan Serai	248
4.4.8	Lencana butang (*button badge*) "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin"	250
4.4.9	Kad jemputan Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"	252
4.4.10	Buku program Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"	254
4.4.11	Memo "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi"	256
4.4.12	Papan kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi	258
4.4.13	Poster penyertaaan larian "Bukahan Sabarataam 2024 @ Kasi Jadi"	260
4.4.14	Nama kedai runcit "Koperasi Banjar Bagan Serai Berhad"	262
4.4.15	Papan tanda jalan utama di Bagan Serai	264
4.5	Interpretasi dan Rumusan	266
4.5.1	Hubungan dapatan rakaman tidak sedar, temu bual dan analisis kandungan dengan objektif kajian pertama	266
4.5.2	Pola pilihan bahasa yang dikenal pasti	267
4.5.3	Bahasa Banjar tulisan sebagai bahasa simbolik	269
4.6	Kesimpulan	270
BAB V	**FENOMENA PERALIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA**	
5.1	Pengenalan	271

UNIVERSITI PERANGSANA MALAYSIA

5.2	Domain Keluarga	271
	5.2.1 Rumusan domain keluarga	275
5.3	Domain Persahabatan	276
	5.3.1 Rumusan domain persahabatan	279
5.4	Domain Jual Beli	280
	5.4.1 Rumusan domain jual beli	286
5.5	Domain Keagamaan	287
	5.5.1 Rumusan domain keagamaan	292
5.6	Domain Pekerjaan	293
	5.6.1 Rumusan domain pekerjaan	297
5.7	Domain Pendidikan	298
	5.7.1 Rumusan domain pendidikan	302
5.8	Kesimpulan	303

BAB VI TAHAP PERALIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI BERDASARKAN SKALA EGIDS

6.1	Pengenalan	305
6.2	Data Soal Selidik Bahagian A: Demografi Kajian	307
6.3	Data Soal Selidik Bahagian B: Penggunaan Bahasa dan Tahap Vitaliti Bahasa Banjar Melalui Enam Komponen Utama	308
	6.3.1 Pengetahuan tentang bahasa	309
	6.3.2 Perasaan milikan	312
	6.3.3 Analisis tahap penggunaan bahasa Banjar berdasarkan domain keluarga dan di luar domain keluarga	316
	6.3.4 Analisis persepsi responden berkaitan perbezaan bahasa antara penutur dalam kalangan golongan muda dan tua	346
	6.3.5 Analisis aspek sikap bahasa responden	348
	6.3.6 Hubungan antara kumpulan umur dan tahap kefasihan/ pilihan bahasa	356
	6.3.7 Hubungan antara kumpulan jantina dan tahap kefasihan/ pilihan bahasa	359

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

	6.3.8	Hubungan antara kumpulan taraf pendidikan dan tahap kefasihan/pilihan bahasa	362
	6.3.9	Hubungan antara kumpulan pekerjaan dan tahap kefasihan/pilihan bahasa	364
6.4		Rumusan Tahap Vitaliti Dengan Skala EGIDS	367
6.5		Kesimpulan	371
BAB VII		**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**	
7.1		Pengenalan	373
7.2		Ringkasan Dapatan Kajian	373
7.3		Sumbangan Kajian	380
7.4		Implikasi Kajian	382
	7.4.1	Implikasi teoritikal	382
	7.4.2	Implikasi kepada masyarakat	383
	7.4.3	Implikasi dasar	386
7.5		Cadangan Kajian Lanjutan	388
7.6		Penutup	390
RUJUKAN			391
LAMPIRAN			
Lampiran A1		Surat Kelulusan Etika JEP-2024-108 (LK-12M)	409
Lampiran A2		Surat Kelulusan Etika JEP-2024-108	411
Lampiran B		Borang Penilaian Pakar	415
Lampiran C		Soal Selidik Pilihan Bahasa dan *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS)	418
Lampiran D		Surat Pelantikan Koordinator Masigit Lawas Masjid Tinggi Bagan Serai	426
Lampiran E		Surat Kelulusan Belajar Sambilan Ph.D Kedua	427
Lampiran F		Penerimaan Abstrak Persidangan/Seminar	428

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Lampiran G Senarai Penerbitan 433



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1.1	Kerangka EGIDS	34
Jadual 3.1	Domain yang ditetapkan dalam kajian ini	89
Jadual 3.2	Klasifikasi tahap kebolehpercayaan berdasarkan nilai *Cronbach's Alpha*	98
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam setiap variabel	99
Jadual 3.4	Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam setiap variabel	103
Jadual 3.5	Perbandingan tahap pemilihan dan penguasaan bahasa dengan skala EGIDS	105
Jadual 3.6	Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	110
Jadual 3.7	Saiz sampel kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak	111
Jadual 3.8	Sampel kajian pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (tiga kali pusingan rakaman)	114
Jadual 3.9	Bilangan responden mengikut kumpulan umur	116
Jadual 3.10	Langkah pelaksanaan analisis tematik	117
Jadual 3.11	Jumlah dokumen yang diteliti	118
Jadual 3.12	Bilangan responden mengikut kumpulan umur	120
Jadual 3.13	Instrumen kajian dan bilangan sampel	121
Jadual 4.1	Sesi rakaman pertama: Perbualan ketika menonton televisyen di ruang tamu	132
Jadual 4.2	Sesi rakaman kedua: Perbualan ketika berada di halaman rumah	134
Jadual 4.3	Sesi rakaman ketiga: Perbualan ketika berada di dapur	137
Jadual 4.4	Sesi rakaman pertama: Majlis kenduri (aroh) ahli kariah Kampung Masjid Tinggi	140

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.5	Sesi rakaman kedua: Makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi	142
Jadual 4.6	Sesi rakaman ketiga: Perbualan kisah *babandang* orang Banjar	145
Jadual 4.7	Sesi rakaman pertama: Aktiviti jual beli di Warung Wadai	149
Jadual 4.8	Sesi rakaman kedua: Aktiviti jual beli di Warung Wadai	151
Jadual 4.9	Sesi rakaman ketiga: Aktiviti jual beli di Warung Wadai	153
Jadual 4.10	Sesi rakaman pertama: Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi	157
Jadual 4.11	Sesi rakaman kedua: Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi	161
Jadual 4.12	Sesi rakaman ketiga: Selepas Solat Subuh di Masjid Al-Athar	164
Jadual 4.13	Sesi rakaman pertama: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai	170
Jadual 4.14	Sesi rakaman kedua: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai	172
Jadual 4.15	Sesi rakaman ketiga: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai	174
Jadual 4.16	Sesi rakaman pertama: Aktiviti di luar bilik darjah	179
Jadual 4.17	Sesi rakaman kedua: Latihan nasyid di madrasah	181
Jadual 4.18	Sesi rakaman ketiga: Pengajaran di madrasah	184
Jadual 4.19	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 001 (L: 67)]	188
Jadual 4.20	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 002 (L: 68)]	192
Jadual 4.21	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 003 (P: 71)]	194
Jadual 4.22	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 001 (L: 60)]	196
Jadual 4.23	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 002 (L: 57)]	198

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.24	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 003 (L:60)]	200
Jadual 4.25	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 001 (L: 48)]	202
Jadual 4.26	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 002 (L: 42)]	204
Jadual 4.27	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 003 (L: 42)]	206
Jadual 4.28	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 001 (L: 35)]	208
Jadual 4.29	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 002 (L: 38)]	210
Jadual 4.30	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 003 (P: 35)]	212
Jadual 4.31	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 001 (L: 21)]	214
Jadual 4.32	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 002 (P: 21)]	216
Jadual 4.33	Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 003 (L: 21)]	218
Jadual 4.34	Analisis kandungan 1	236
Jadual 4.35	Analisis kandungan 2	237
Jadual 4.36	Analisis kandungan 3	240
Jadual 4.37	Analisis kandungan 4	243
Jadual 4.38	Analisis kandungan 5	244
Jadual 4.39	Analisis kandungan 6	246
Jadual 4.40	Analisis kandungan 7	248
Jadual 4.41	Analisis kandungan 8	250
Jadual 4.42	Analisis kandungan 9	253
Jadual 4.43	Analisis kandungan 10	255

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.44	Analisis kandungan 11	257
Jadual 4.45	Analisis kandungan 12	259
Jadual 4.46	Analisis kandungan 13	261
Jadual 4.47	Analisis kandungan 14	263
Jadual 4.48	Analisis kandungan 15	265
Jadual 5.1	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain keluarga	276
Jadual 5.2	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain persahabatan	280
Jadual 5.3	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain jual beli	287
Jadual 5.4	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain keagamaan	292
Jadual 5.5	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain pekerjaan	298
Jadual 5.6	Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain pendidikan	303
Jadual 6.1	Latar belakang responden	307
Jadual 6.2	Tahap kefasihan bahasa	309
Jadual 6.3	Tahap kefasihan bahasa ibunda/pertama anda	310
Jadual 6.4	Kemampuan berbahasa Banjar untuk menjadi ahli komuniti Banjar	312
Jadual 6.5	Didiskriminasi kerana berbahasa Banjar	313
Jadual 6.6	Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar	315

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.7	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dalam keluarga	317
Jadual 6.8	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan datuk dan nenek	318
Jadual 6.9	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan ibu dan bapa	319
Jadual 6.10	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan adik-beradik anda	320
Jadual 6.11	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan isteri atau suami	321
Jadual 6.12	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan anak	322
Jadual 6.13	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan cucu	323
Jadual 6.14	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berada di kawasan kejiranan	324
Jadual 6.15	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berada di majlis kenduri	325
Jadual 6.16	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berekreasi di waktu petang	327
Jadual 6.17	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika dalam mesyuarat jawatankuasa kampung	328
Jadual 6.18	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli makanan di Warung Wadai, Bagan Serai	329
Jadual 6.19	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di Pasar Awam, Bagan Serai	330
Jadual 6.20	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di Pasar Malam, Bagan Serai	331
Jadual 6.21	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di luar mukim, Bagan Serai	332
Jadual 6.22	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menunaikan solat fardu di masjid	333
Jadual 6.23	Statistik deskriptif bahasa yang biasa anda gunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama ahli kariah masjid	334

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.24	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama masyarakat dari luar mukim Bagan Serai	336
Jadual 6.25	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menghadiri majlis jamuan bersama ahli kariah masjid	337
Jadual 6.26	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di bilik darjah	338
Jadual 6.27	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di kantin/kafe	339
Jadual 6.28	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di padang	340
Jadual 6.29	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika program bersama pelajar di luar Mukim Bagan Serai	341
Jadual 6.30	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan rakan di tempat kerja	342
Jadual 6.31	Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan majikan	343
Jadual 6.32	Statistik deskriptif bahasa yang anda gunakan ketika makan bersama rakan sekerja	344
Jadual 6.33	Statistik deskriptif bahasa yang anda gunakan ketika melakukan aktiviti riadah bersama rakan sekerja	345
Jadual 6.34	Bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda	346
Jadual 6.35	Jika tidak, bagaimana ia berlaku?	347
Jadual 6.36	Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?	348
Jadual 6.37	Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?	350
Jadual 6.38	Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?	351
Jadual 6.39	Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?	353
Jadual 6.40	Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?	354

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.41	Kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	356
Jadual 6.42	*Chi-Square Tests* kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	357
Jadual 6.43	Kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	359
Jadual 6.44	*Chi-Square Tests* kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	359
Jadual 6.45	Kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	362
Jadual 6.46	*Chi-Square Tests* kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/ pilihan bahasa *Crosstabulation*	362
Jadual 6.47	Kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	365
Jadual 6.48	*Chi-Square Tests* kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	365
Jadual 6.49	Hasil sintesis terhadap pola peralihan bahasa Banjar berdasarkan domain dan faktor demografi	368

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Peta kawasan tanah asal suku Banjar di Lembah Barito, Kalimantan Selatan	7
Rajah 1.2	Petempatan utama masyarakat Banjar di Semenanjung Malaysia	17
Rajah 1.3	Rajah aliran EGIDS	30
Rajah 1.4	Kerangka konseptual kajian	36
Rajah 3.1	Hubungan kaedah pengumpulan data dan pola penggunaan bahasa	85
Rajah 3.2	Model triangulasi instrumen pengumpulan data	87
Rajah 3.3	Masigit Lawas	108
Rajah 3.4	Masjid Al-Athar	108
Rajah 3.5	Warung Wadai	109
Rajah 4.1	Keluarga berketurunan Banjar di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi	131
Rajah 4.2	Perbualan keluarga berketurunan Banjar di halaman rumah	134
Rajah 4.3	Perbualan adik beradik berketurunan Banjar di dapur	136
Rajah 4.4	Warung Wadai	148
Rajah 4.5	Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi	156
Rajah 4.6	Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak	177
Rajah 4.7	Pemetaan secara tematik pilihan bahasa mengikut kerangka tiga tingkat	220
Rajah 4.8	Papan tanda “Warung Wadai”	235
Rajah 4.9	Papan tanda “Pemborong dan Peruncit Kawitan Enterprise”	237
Rajah 4.10	Gegantung “Banjar Motor”	239
Rajah 4.11	Papan tanda “Hotel Kulaan Inn”	241

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Rajah 4.12	Gegantung "Warung Kari Ikan Sembilang B40"	243
Rajah 4.13	Papan tanda di kantin sekolah	245
Rajah 4.14	Papan tanda peribahasa Banjar di SK Dato Mas'ud, Bagan Serai	248
Rajah 4.15	Lencana butang (*button badge*) "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin"	250
Rajah 4.16	Kad jemputan Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"	252
Rajah 4.17	Buku program Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"	254
Rajah 4.18	Memo "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi"	256
Rajah 4.19	Papan kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi	258
Rajah 4.20	Poster penyertaaan larian "Bukahan Sabarataam 2024 @ Kasi Jadi"	260
Rajah 4.21	Nama kedai runcit "Koperasi Banjar Bagan Serai Berhad"	262
Rajah 4.22	Papan tanda jalan utama di Bagan Serai	264
Rajah 4.23	Rumusan pola pilihan bahasa domain keluarga, persahabatan, jual beli, keagamaan, pekerjaan dan pendidikan	269
Rajah 5.1	Kad jemputan (atas) dan buku program (bawah) Majlis Aruh Ganal "*Bubuhan Andin Tasin*"	274
Rajah 5.2	Poster larian "*Bukahan Sabarataan 2024 @ Kasi Jadi*"	278
Rajah 5.3	Memo "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar"	279
Rajah 5.4	Warung Wadai	284
Rajah 5.5	Kawitan Enterprise	285
Rajah 5.6	Warung Kari Ikan Sembilang B40	286
Rajah 6.1	Tahap kefasihan bahasa	309
Rajah 6.2	Tahap kefasihan bahasa ibunda/pertama anda	311
Rajah 6.3	Kemampuan berbahasa Banjar untuk menjadi ahli komuniti Banjar	312

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Rajah 6.4	Didiskriminasi kerana berbahasa Banjar	314
Rajah 6.5	Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar	315
Rajah 6.6	Bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda	347
Rajah 6.7	Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?	249
Rajah 6.8	Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?	350
Rajah 6.9	Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?	352
Rajah 6.10	Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?	353
Rajah 6.11	Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?	355
Rajah 6.12	Kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	357
Rajah 6.13	Kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	360
Rajah 6.14	Kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	363
Rajah 6.15	Kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*	366
Rajah 6.16	Status bahasa Banjar di Bagan Serai	370

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
BB	Bahasa Banjar
BI	Bahasa Inggeris
Bil.	Bilangan
BIT	Bahasa Ibunda Tambahan
BM	Bahasa Melayu
DAKEN	Dasar Kebudayaan Negara
DAS	Lembangan Sungai
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DMK	Dialek Melayu Kedah
EGIDS	*Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale*
et al.	*et alia*; dan lain-lain
IPA	*International Phonetic Alphabet*
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
L	Lelaki
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
P	Perempuan
pnyt.	Penyunting
UNESCO	*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Asal usul sesuatu bahasa berkait dengan asal usul penuturnya kerana bahasa itu dilahirkan oleh masyarakat pengguna yang membawa bahasanya bersama-sama ketika bermigrasi. Kesannya, berlakulah penyebaran bahasa yang dinamai sebagai penyebaran bahasa secara migrasi atau secara perpindahan (Asmah Omar 1993; Darwis 1992; Mohd Khaidir 2021). Sesuatu bahasa itu mempunyai kawasan pertuturan tersendiri sama ada meluas atau menyempit mengikut penyebaran bangsanya. Dengan kata lain, setiap kelompok penutur mempunyai variasi bahasa tersendiri dengan fungsi lengkap sebagai instrumen komunikasi. Fenomena migrasi ini mempunyai potensi menyebarluaskan lingkungan atau wilayah bahasa, namun hadirnya bahasa golongan migran di persekitaran baharu lama-kelamaan akan melahirkan kelompok penutur yang pada akhirnya berbeza daripada kelompok penutur di tanah asal. Tercetusnya perbezaan ini lazimnya berkait erat dengan faktor lingkungan sosial. Oleh itu, bidang sosiolinguistik berperanan penting dalam usaha menerokai fenomena ini.

Satu daripada ruang lingkup kajian sosiolinguistik ialah pilihan bahasa yang menurut Holmes (2008) merupakan satu cabang sosiolinguistik terapan. Fenomena pilihan bahasa ini lazimnya lebih ketara dalam komuniti yang penuturnya bersifat multilingual. Hal ini dapat dilihat dalam persekitaran berbahasa oleh penutur di Mukim Bagan Serai di Kerian, Perak. Oleh itu, fokus tesis ini ialah menganalisis fenomena pilihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Banjar di kawasan Bagan Serai. Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan organisasi tesis.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.2.1 Asal Usul Masyarakat Banjar

Terdapat beberapa aspek penting dalam perbincangan tentang asal usul masyarakat Banjar. Pertama, dari sudut sejarah, kesultanan Banjar bermula pada abad ke-16 di Kalimantan Selatan dan menjadi faktor penting pembentukan identiti etnik dan linguistik masyarakat Banjar (Sahriansyah 2015). Kesultanan Banjar juga menjadi pusat kuasa politik dan kebudayaan yang mendominasi wilayah tersebut serta mewujudkan pengaruh kuat dalam kehidupan sosial dan budaya masyarakatnya. Kedua, falsafah hidup masyarakat Banjar menjadi asas kepada cara hidup dan pandangan dunia mereka. Ketiga, diaspora masyarakat Banjar yang berlaku akibat penjajahan, perang dan faktor ekonomi telah menyebabkan mereka tersebar ke pelbagai wilayah di Indonesia dan luar negara serta membawa bersama-sama bahasa dan budaya mereka. Keempat, adat dan tradisi mereka yang kaya dengan warisan budaya, amalan dan kepercayaan tradisional turut dibawa oleh generasi seterusnya walaupun mereka berada di perantauan. Dengan melihat kesemua aspek ini, penyelidikan ini akan menelusuri pembentukan corak pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora.

1.2.2 Asal Usul Kesultanan Banjar dan Masyarakat Banjar

Ras (1990) dalam *Hikayat Banjar* menyatakan bahawa pada zaman dahulu masyarakat di Kalimantan Selatan belum membentuk komuniti tersendiri, dan mereka masih menggunakan gelaran berdasarkan sistem sungai, umpamanya orang Batang Alai, orang Batang Amandit, orang Batang Tabalong, orang Batang Balangan dan orang Batang Labuan Amas. Pembentukan negara bernama Dipa telah menyatukan komuniti yang tinggal di semua sistem aliran tersebut. Negara Dipa kemudiannya digantikan dengan negara Daha yang menjadi ibu negara kepada semua komuniti yang tinggal di Kalimantan Selatan.

Menurut *Hikayat Sang Bima*, keturunan raja-raja Banjar berasal daripada Sang Dewa bersaudara, iaitu raja-raja Bima (Sang Bima), raja-raja Bali (Sang Kuala), raja-raja Dompu (Darmawangsa) dan raja-raja Gowa (Sang Rajuna) yang merupakan lima bersaudara, iaitu putera daripada Maharaja Pandu Dewata (Chambert-Loir 2004;

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Sahriansyah 2015). Di Kalimantan, telah berdiri suatu pemerintahan – bermula daripada kerajaan awal, iaitu kerajaan Kuripan; kerajaan I, iaitu kerajaan negara Dipa; kerajaan II, iaitu kerajaan negara Daha; kerajaan III, iaitu kesultanan Banjar; kerajaan IV, iaitu kerajaan Martapura/Kayu Tangi; dan kerajaan V, iaitu kerajaan Pagustian. Maharaja Sukarama, iaitu Raja Daha, telah mewasiatkan cucunya Raden Samudera untuk menjadi penggantinya. Kesannya, keselamatan Raden Samudera terancam kerana bapa saudaranya, iaitu Pangeran Bagalung, Pangeran Mangkubumi dan Pangeran Tumenggung, juga bercita-cita menjadi Raja Daha. Demi keselamatan diri, Pangeran Samudera melarikan diri menggunakan sampan ke hilir sungai Barito dengan bantuan Arya Taranggana (Sahriansyah 2015).

Apabila Maharaja Sukarama meninggal dunia, Pangeran Mangkubumi menjadi Raja Daha kemudian digantikan oleh Pangeran Tumenggung. Pangeran Samudera yang melarikan diri telah diberi perlindungan oleh Patih Masih di rumahnya. Beliau menyamar sebagai nelayan di daerah Balandean dan Kuin. Balandean ialah sebuah kampung yang terletak di daerah Alalak di dalam kawasan Barito Kuala, Kalimantan Selatan. Kampung ini terletak di kawasan delta yang subur, berdekatan dengan sungai besar dan mempunyai hubungan rapat dengan bandar Banjarmasin, yang merupakan pusat perdagangan utama di wilayah tersebut. Kuin pula sebuah kawasan di Banjarmasin Utara di Kalimantan Selatan. Sementara itu, bersama dengan Patih Muhur, Patih Masih mengangkat Patih Balitung menjadi raja yang berkedudukan di Bandarmasih yang kini dikenali sebagai Banjarmasin dan menjadi pusat kegiatan ekonomi dan kebudayaan di Kalimantan Selatan. Banjarmasin terkenal dengan pasar terapungnya yang unik serta menjadi pusat perdagangan dan kegiatan maritim di wilayah tersebut (Sahriansyah 2015).

Peristiwa serangan Pangeran Tumenggung ke Bandar Masih menjadi titik penting dalam sejarah pembentukan kesultanan Banjar. Pangeran Samudera, yang mendapatkan bantuan daripada kerajaan Demak berupa 40 000 orang perajurit dan armada sebanyak 1000 buah perahu, yang setiap satunya memuatkan 400 orang perajurit, berhasil mempertahankan wilayahnya dan menahan serangan tersebut (Slamet Muljana 2005). Setelah perlawanan yang sengit, Pangeran Tumenggung akhirnya bersedia menyerahkan kekuasaan kerajaan negara Daha kepada Pangeran Samudera.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Penyatuan kerajaan negara Daha dengan Bandar Masih menandakan lahirnya kesultanan Banjar, dengan pusat kekuasaan di Bandarmasih. Walau bagaimanapun, Pangeran Tumenggung diberi kekuasaan terhadap wilayah Batang Alai. Pangeran Samudera kemudian dinobatkan sebagai raja pertama kesultanan Banjar dengan gelaran Sultan Suriansyah. Satu daripada langkah awalnya sebagai sultan ialah memeluk agama Islam dengan bimbingan Khatib Dayan. Proses islamisasi yang dimulakan dengan bantuan kerajaan Demak ini menjadi titik tolak yang signifikan dalam berdirinya kesultanan Banjar (Saifullah & Susi 2018).

Pada zaman pemerintahannya, Pangeran Samudra dari negara Daha telah mendirikan sebuah kerajaan di muara Sungai Barito, iaitu kesultanan Banjar. Nama Banjar berasal daripada nama Kampung Banjar yang terletak di muara Sungai Kuin, di tepi kanan Sungai Barito. Kampung Banjar dipimpin oleh seorang ketua kampung atau patih yang bernama Patih Masih. Kampung ini dikenali sebagai Kampung Banjar Masih hasil gabungan nama Kampung Banjar dan Patih Masih. Kampung Banjar Masih berkembang menjadi kerajaan Banjar Masih dengan raja pertamanya Sultan Suriansyah, yang merupakan anak saudara daripada kerajaan Hindu negara Daha yang terletak di pedalaman (Saifullah & Susi 2018).

Kerajaan Banjar Masih ialah kerajaan baharu yang terpisah dari negara Daha atau komuniti Banjar Lama/Proto Banjar. Komuniti kerajaan Banjar Masih dikenali sebagai orang Banjar Masih. Apabila kerajaan negara Daha atau wilayah Batang Banyu ditakluk oleh kerajaan Banjar Masih, wilayah kerajaan negara Daha dimasukkan ke dalam kerajaan Banjar Masih. Pada zaman pemerintahan kesultanan Demak, baginda mewajibkan raja dan rakyat di bawah pemerintahannya menganut agama Islam yang menjadi identiti orang Banjar, membezakan komuniti ini daripada komuniti lain di sekitarnya. Menurut Saifullah dan Susi (2018), pada zaman pra-Islam, komuniti di Kampung Banjar Masih dan kampung sekitarnya di hilir Sungai Barito dikelompokkan sebagai warganegara kerajaan negara Daha atau orang negara Daha. Walau bagaimanapun, nama Banjar lebih popular untuk merujuk komuniti kedua-dua wilayah tersebut walaupun pada hakikatnya kebudayaan di wilayah Batang Banyu ialah kebudayaan Banjar yang lebih klasik. Komuniti Banjar Masih dan komuniti Banjar di

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

negara Daha menggunakan bahasa yang sama, namun mempunyai dialek yang berbeza (Saifullah & Susi 2018).

a. Banjar Kuala (Banjar Masih)

Banjar Kuala ialah campuran orang Kuin, orang Batang Banyu, orang Dayak Ngaju (Berangas, Bakumpai), orang Kampung Melayu, orang Kampung Bugis-Makassar, orang Kampung Jawa, orang Kampung Arab dan sebahagian orang Cina Parit yang menganut agama Islam (mempunyai pengaruh daripada komuniti Ngaju). Ketika pusat kerajaan dipindahkan ke Banjarmasin, telah terbentuk kesultanan Banjarmasin, dan perpindahan pusat kerajaan tersebut membawa bersama sebahagian komuniti Batang Banyu yang bercampur dengan komuniti di sekitar istana yang telah membentuk subetnik Banjar. Di samping itu, kedua-dua komuniti ini bertemu dengan komuniti Ngaju. Komuniti yang tinggal di sekitar ibu kota kesultanan Banjarmasin inilah yang menamai diri mereka orang Banjar, sedangkan komuniti Pahuluan dan Batang Banyu biasanya mengakui diri mereka berasal dari wilayah tradisional yang terkemuka pada suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun, ketika mereka berada di luar tanah Banjar, mereka mengaku sebagai orang Banjar. Pada tahun 1526, komuniti Banjar Masih terdiri daripada etnik Ngaju, Maayan dan Bukit. Rentetan daripada itu, telah berlaku percampuran unsur budaya Melayu, Jawa, Ngaju, Maayan, Bukit dan etnik lain yang disatukan melalui agama Islam, bahasa Banjar dan adat istiadat Banjar (Saifullah & Susi 2018). Ketika Pangeran Samudera mendirikan kerajaan Banjar, dia dibantu oleh orang Ngaju, para pembesar seperti Patih Belandean, Patih Belitung, Patih Kuwi serta orang Bakumpai yang tewas dalam perang. Penduduk Daha yang dikalahkan sebahagian besar ialah orang Bukit dan Maayan. Mereka kemudiannya menganut agama Islam lalu mengangkat sumpah setia kepada raja dan menggunakan bahasa ibunda yang baharu seterusnya mereka meninggalkan bahasa ibunda lama. Oleh itu, orang Banjar itu bukanlah kesatuan etnik tetapi kesatuan politik (Saifullah & Susi 2018).

b. Banjar Batang Banyu (Banjar Klasik)

Pembentukan komuniti Banjar Batang Banyu atau Banjar klasik diandaikan berkait rapat dengan pembentukan pusat pemerintahan yang meliputi seluruh kawasan Banjar, yang mungkin mula-mula terbentuk di hulu Sungai Negara atau cabangnya, iaitu Sungai

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tabalong. Kawasan di tebing Sungai Tabalong ialah tempat tinggal tradisional masyarakat Maanyan (dan orang Lawangan), dan diandaikan banyak yang turut serta dalam pembentukan subetnik Banjar Batang Banyu selain sudah tentu orang asal pertama yang berdiaspora ke sana dan imigran yang datang dari luar. Masyarakat sub-Dayak Maanyan masih berpegang teguh pada adat Kaharingan yang berjiran dengan perkampungan etnik Banjar seperti warukin Dayak, Dayak Balangan dan Dayak Samihim (Saifullah & Susi 2018).


c. Banjar Pahuluan

Penganut Islam di sekitar istana Banjarmasin mungkin sudah wujud sebelum ini, namun penukaran agama secara besar-besaran berlaku selepas Raja Pangeran Samudera memeluk Islam dan ditabalkan sebagai Sultan Suriansyah, dan diikuti oleh kerabat diraja. Tindakan ini menjadi teladan bagi golongan elit ibu kota yang turut berinteraksi dengan penduduk pedalaman seperti Orang Bukit di lembah sungai yang sama. Demi keselamatan atau hubungan persaudaraan, pelopor etnik Banjar membentuk kompleks penempatan bubuhan yang berasingan, yang pada mulanya terdiri daripada tokoh berwibawa sebagai ketua bersama-sama kerabat serta keluarga lain yang turut serta (Saifullah & Susi 2018).

Walaupun terdapat satu naratif utama, terdapat juga pelbagai versi lain yang memperkaya pemahaman kita tentang komuniti ini. Menurut Coomans (1987), pembentukan orang Banjar sebagai suatu komuniti tidak wujud begitu sahaja. Pada ribuan tahun dahulu, kawasan Kalimantan didiami oleh dua kumpulan besar yang bermigrasi dari Asia, iaitu kumpulan Proto-Melayu dan Deutro-Melayu. Laluan dan masa kedatangan kedua-dua kumpulan ini adalah berbeza. Penduduk yang tiba di Kalimantan Tengah dan Kalimantan Selatan kemungkinan besar singgah terlebih dahulu di pulau Jawa dan Sumatera sebelum tiba di sana, manakala mereka yang kemudiannya menetap di Kalimantan Timur dan Barat mungkin tidak singgah di Pulau Jawa. Kumpulan yang singgah di Kalimantan Tengah ini dikenali sebagai Proto-Melayu atau bangsa Maayan, sementara yang menetap di Kalimantan Selatan dikenali sebagai Deutro-Melayu atau masyarakat Banjar (Coomans 1987; Salim 2001).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Menurut Saifullah dan Susi (2018), masyarakat Banjar terbentuk sebagai hasil pertembungan kelompok etnik yang mempunyai asal usul beragam yang terdapat di Kalimantan Selatan, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Timur. Kebanyakan orang Banjar berasal dari lembah Sungai Bahan, Sungai Barito (pusat orang Banjar terletak di bahagian hilir Sungai Barito), Sungai Martapura dan Sungai Tabanio; lihat Rajah 1.1:



Rajah 1.1 Peta kawasan tanah asal suku Banjar di Lembah Barito, Kalimantan Selatan

Sumber: BPS Kabupaten Banjar 2025

Mallinckrodt (1928) pula menyatakan masyarakat Banjar yang tinggal di wilayah Kalimantan Selatan dikenali sebagai suku Banjar, iaitu salah satu suku daripada suku Melayu yang berasal dari kawasan penguasaan Hindu Jawa; kebanyakan mereka

tinggal di pesisir Kalimantan Selatan, Tengah, Timur dan Barat. Suku Banjar berasal dari penempatan koloni Melayu yang pertama di daerah Tabalong, iaitu sebuah daerah di Kalimantan Selatan. Ibu kota daerah ini terletak di Kota Tanjung. Suku bangsa Banjar sebahagian besarnya tinggal di kawasan Kalimantan Selatan, Timur dan Tengah. Dahulunya, wilayah Kalimantan Selatan dan Kalimantan Tengah bergabung dengan kesultanan Banjar yang terbahagi kepada dua kawasan, iaitu kawasan barat dan kawasan timur. Bahagian barat menjadi Kotawaringin dengan Pangeran Dipati Anta Kusuma sebagai pemimpin. Bahagian timur pula menjadi kerajaan Tanah Bumbu dengan pimpinan Dipati Tuha; kerajaan Tanah Bumbu ini tersebar ke wilayah Sebamban, Tingal, Pulau Laut, Batu Licin, Bangkalan, Sampanahan, Pagatan, Koensan, Cantung serta Manunggal. Sebagai tanah perantauan utama di wilayah Kalimantan Tengah dan Timur, kawasan ini juga dikenali dengan budaya *madam*, iaitu budaya yang masyarakatnya merantau sampai ke luar pulau. Menurut Alfani (1997), suku Banjar asli, kecuali di Kota Baru, hampir semuanya terletak di wilayah negeri Kalimantan Selatan. Lembangan Sungai Barito bahagian hilir, Lembangan Sungai Bahan (Negara), Lembangan Sungai Martapura dan Lembangan Sungai Tabanio merupakan wilayah asal usul suku Banjar, iaitu kawasan teras kesultanan Banjar.

Selama lebih daripada 1000 tahun, suku Banjar dipercayai berasal dari Sumatera dan kawasan sekitarnya kemudian berdiaspora membina petempatan di wilayah baharu. Seterusnya, mereka mula bercampur dengan suku Dayak yang merupakan penduduk asli. Daripada imigran ini, terbentuklah tiga suku, iaitu Banjar Banyu, Banjar Kuala dan Banjar Pahuluan. Orang Pahuluan pada dasarnya dikenali sebagai masyarakat yang terletak di kawasan pergunungan Meratus hulu dari kawasan lembah sungai cabang sungai Negara. Kawasan lembah sungai Negara didiami oleh orang Batang Banyu, manakala yang mendiami kawasan sekitar Banjarmasin dan Martapura ialah orang Banjar Kuala (Rahman 2019). Suku Banjar menurut Mallinckrodt (1928) ialah suatu nama untuk suku-suku Melayu, misalnya yang berada di sebahagian kawasan pesisir Kalimantan Selatan, Tengah, Timur dan Barat yang merupakan kawasan penguasaan Hindu Jawa. Ras (1968) pula menyatakan bahawa kawasan Tabalong ialah penumpuan pertama masyarakat Melayu dan berkembang menjadi suku Banjar. Pada awal abad pertama Masihi, masyarakat tersebut bermigrasi dari Indonesia Barat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kesimpulannya, sejarah kesultanan Banjar serta pembentukan komuniti Banjar melalui migrasi, penyebaran Islam dan asimilasi budaya telah memainkan peranan penting dalam pewujudan identiti etnik dan linguistik yang unik bagi masyarakat Banjar. Tiga subetnik utama, iaitu Banjar Kuala, Banjar Batang Banyu dan Banjar Pahuluan menyumbang kepada kepelbagaian budaya dan dialek dalam kalangan mereka. Walaupun berbeza dari segi asal usul, kesatuan masyarakat Banjar diperkuat melalui pegangan teguh terhadap ajaran Islam, penggunaan bahasa Banjar yang kaya dengan variasi, serta amalan adat tradisi yang berakar umbi serta menjadikan mereka satu entiti teguh dalam politik dan budaya serantau. Sebagai kesinambungan daripada pemahaman tentang asal usul dan identiti masyarakat Banjar, falsafah hidup yang menjadi teras kepada nilai dan cara hidup mereka juga perlu difahami dengan mendalam.

1.2.3 Falsafah Hidup Masyarakat Banjar

Falsafah dan prinsip hidup utama yang disemai dalam masyarakat Banjar ialah hidup untuk bekerja dan hidup untuk beramal ibadah (Alfani 1997). Umumnya, tiada perbezaan pola falsafah dan prinsip hidup generasi tua dan generasi muda Banjar kerana nilai-nilai ini telah diturunkan secara mantap oleh generasi tua kepada generasi muda.

Falsafah hidup kedua ialah beriman. Dengan kata lain, setiap orang Banjar meyakini adanya Allah SWT. Orang Banjar selalu diminta untuk mempelajari rukun iman, iaitu beriman kepada Allah, malaikat, nabi dan rasul, kitab-kitab Allah, hari kiamat serta qada dan qadar. Tidak mempelajari rukun ini bermakna individu itu belum sempurna dalam beragama (Sahriansyah 2015).

Falsafah hidup ketiga ialah *bauntung* yang bermaksud orang Banjar perlu mempunyai kemahiran untuk hidup. Sejak kecil, orang Banjar sudah diajar kemahiran kejuruan, iaitu kemahiran yang dikaitkan dengan pekerjaan tertentu di persekitarannya. Dalam konteks ini, kejuruan ialah kemahiran yang dipelajari dan digunakan untuk menjalankan pekerjaan khusus, misalnya menjahit, membuat perabot, berdagang atau membuat barangan tertentu (Sahriansyah 2015). Hal ini merangkumi latihan praktikal dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi mahir dalam sesuatu bidang. Hakikat ini juga boleh dilihat melalui asal usul orang Banjar tersebut: Orang Kelua mahir

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menjahit; orang Amuntai mahir membuat almari; orang Alabio mahir berniaga kain; orang Negara mahir berniaga emas, membuat tembikar, membuat perahu dan kapal; orang Mergasari mahir membuat anyaman; orang Martapura mahir berdagang batu-batuan seperti emas, intan dan zamrud. Orang Banjar dalam hidupnya harus mempunyai kemahiran atau kepandaian supaya dapat terus bertahan. Selain itu, orang Banjar perlu berhati-hati dan optimis (Sahriansyah 2015).

Falsafah hidup keempat pula ialah *batuah* yang bermaksud berkat atau bermanfaat bagi kehidupan orang lain. Orang Banjar sebagai pemeluk agama Islam tentu akan mengamalkan ajaran dengan baik agar hidupnya membawa kebaikan kepada orang lain kerana sebaik-baik manusia ialah orang yang bermanfaat buat orang lain. Oleh itu, orang Banjar, baik pada masa dahulu mahupun pada masa sekarang, selalu diharapkan agar hidupnya berguna kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Agar menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat, orang Banjar harus memiliki iman yang kuat, ilmu yang bermanfaat dan sentiasa melakukan kebajikan (Sahriansyah 2015).

Falsafah hidup kelima ialah *cangkal*, iaitu gigih dan rajin bekerja. Orang Banjar harus bekerja keras untuk mencapai cita-cita sebagaimana yang dilakukan oleh mereka pada masa yang lalu – mereka dahulunya gemar merantau (budaya *madam*). Walau bagaimanapun, budaya ini sudah semakin terhakis dalam kalangan anak muda Banjar; sebaliknya, remaja Banjar hari ini cenderung untuk kekal di tempat asal. Orang Banjar ketika bekerja sentiasa berusaha menyeimbangkan kepentingan dunia dengan akhirat. Hidup haruslah diisi dengan kerja keras, doa dan ibadah kepada Allah SWT (Sahriansyah 2015).

Falsafah hidup keenam ialah baik tingkah laku. Orang Banjar dalam pergaulan sehariannya harus menunjukkan budi pekerti yang luhur agar disenangi oleh orang lain. Dengan kata lain, mereka harus pandai menyesuaikan diri dengan persekitaran tempat tinggal mereka. Misalnya, mereka berkebolehan bergaul dengan berkesan kerana mereka rajin beribadah di masjid atau surau, menghadiri majlis pengajian, mengajar anak-anak membaca al-Quran dan sebagainya (Sahriansyah 2015).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Falsafah hidup ketujuh ialah sikap kompetitif individu. Orang Banjar terkenal sebagai pekerja yang gigih mengejar cita-cita, namun mereka lebih suka bekerja secara individu, bukannya secara kolektif (Sahriansyah 2015). Akibatnya, mereka tidak berdaya membina kekuatan ekonomi atau politik pada peringkat nasional. Orang Banjar cenderung bersifat individu dan mempunyai ego yang tinggi sehingga sukar diatur. Minat mereka dalam aktiviti perdagangan memberikan pengaruh positif terhadap sikap dan perilaku mereka, terutama sikap kompetitif dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup. Namun begitu, di sisi lain, sikap ini juga membawa pengaruh negatif; mereka cenderung bersikap individu dan selalu berorientasikan perhitungan untung rugi dalam tindakan mereka (Aseri et al. 2009).

Falsafah hidup kelapan ialah sikap qanaah dan pasrah. Orang Banjar pada masa mudanya ialah pekerja yang gigih meraih cita-cita, tetapi apabila sudah berjaya dan sudah tua, mereka hidup dengan santai untuk menikmati hidup dan beribadah kepada Allah untuk mengisi waktu. Lazimnya, orang Banjar mengisi waktu tua atau masa persaraan dengan mengikuti pengajian agama di sekitar tempat tinggal mereka, menjaga atau memelihara cucu dan sebagainya. Dengan demikian, kebanyakan orang Banjar pada masa tuanya bekerja seadanya sahaja; yang paling penting ialah ibadah kepada Allah (Sahriansyah 2015).

Falsafah hidup yang kesembilan pula terserlah dalam ungkapan "*Haram menyerah dan waja sampai kaputing*" yang bermaksud "pantang menyerah dan tegas pendirian". Kata-kata hikmah ini diungkap oleh Pangeran Antasari dalam rangka memotivasikan pasukannya atau pejuang untuk melawan pasukan penjajah Belanda. Orang Banjar mempunyai pendirian yang kuat untuk mempertahankan keyakinan atau apa-apa yang diperjuangkan sehingga mereka tidak mudah goyang atau terumbang-ambing oleh situasi dan keadaan yang dihadapi. Bahkan, dalam usaha mempertahan harga diri, orang Banjar selalu berprinsip "*dalas hangit kada manyarah*", iaitu berjuang sampai ke titisan darah yang terakhir dan tidak akan menyerah (Sahriansyah 2015).

Kesemua falsafah hidup masyarakat Banjar mencerminkan nilai keagamaan, ketekunan dan semangat juang yang tinggi. Masyarakat Banjar berpegang teguh pada prinsip hidup untuk bekerja dan hidup untuk beramal ibadah yang diwarisi dari generasi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ke generasi. Selain itu, keimanan, kemahiran kejuruan, kebergunaan kepada masyarakat serta sikap gigih dan rajin dalam bekerja menjadi asas kepada kelangsungan hidup mereka. Meskipun cenderung bersifat individualistik dan kompetitif, mereka tetap menekankan pentingnya tingkah laku yang baik dan menyesuaikan diri dengan persekitaran. Akhirnya, sikap qanaah, pasrah dan pantang menyerah menjadi simbol keteguhan mereka ketika menghadapi pelbagai cabaran kehidupan.

1.3 DIASPORA MASYARAKAT BANJAR

Diaspora atau *madam* ialah budaya masyarakat yang tinggal di pinggiran sungai atau laut, misalnya orang Banjar yang terkenal sebagai pelaut, pedagang dan perantau ulung. Orang pesisir mempunyai mobiliti yang sangat tinggi kerana sikap hidup yang dinamik dan terbuka untuk menerima perubahan.

Terdapat beberapa faktor orang Banjar merantau meninggalkan kesultanan Banjar. Faktor pertama ialah perang melawan tentera Belanda yang berlarutan dan akhirnya menyebabkan orang Banjar tewas. Dalam *De Bandjermasinsche Krijg van 1859-1863*, Rees (1867) menekankan peranan orang Banjar di barisan hadapan menentang Belanda, manakala orang Dayak bertindak sebagai pejuang yang membantu di belakang. Sebaliknya, dalam *Ethnographische Beschrijving der Dajaks* (Perelaer 1868), peranan orang Dayak lebih ditonjolkan, dan peranan orang Banjar dianggap kurang penting. Menurut Sjamsuddin (2001), perang orang Banjar yang diwakili oleh Pangeran Antasari dan orang Dayak yang diwakili oleh Temenggung Surapati bersifat saling bergantung untuk melawan penjajah Belanda selama hampir setengah abad. Sejarah Kalimantan Selatan dan Kalimantan Tengah jelas didominasi oleh sejarah kedua keluarga besar ini. Pada tahun 1860, apabila kesultanan Banjar dikalahkan oleh penjajah Belanda melalui Perang Banjar, orang Banjar mula menyebar ke pelbagai daerah di Nusantara seperti Kutai, Pontianak, Riau, Surabaya, Surakarta dan Sulawesi.

Faktor kedua ialah cukai individu yang tinggi yang dikenakan oleh penjajah Belanda terhadap orang Banjar. Cukai ini menyebabkan mereka jatuh miskin, bahkan pada zaman penjajahan Jepun selama tiga hingga lima tahun, orang Banjar benar-benar menderita secara fizikal dan rohani. Sebahagian hasil tanaman padi diambil oleh tentera Jepun, dan hal ini menyebabkan rakyat benar-benar miskin, bahkan pakaian mereka

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dibuat daripada kain tepung gandum yang sukar diperoleh. Selain itu, pada setiap pagi, orang Banjar perlu menghormati dewa matahari mengikut kepercayaan orang Jepun. Kepercayaan ini bertentangan dengan kepercayaan orang Banjar kerana mereka hanya menyembah Allah SWT. Di mukim Batumandi, daerah Balangan, terdapat sebuah kampung yang dinamai Timbun Tulang kerana kampung itu menjadi tempat pembuangan jenazah wanita Banjar yang telah diperkosa oleh tentera Jepun. Akibat kekejaman tentera Belanda dan Jepun terhadap orang Banjar, mereka berdiaspora, keluar dari kampung halaman menuju daerah baharu yang lebih aman untuk terus hidup (Sahriansyah 2015).

Faktor ketiga pula ialah undangan daripada Sultan Kutai Kartanegara di Kalimantan Timur dan kesultanan Siak Riau. Orang Banjar berpindah ke kesultanan Kutai kerana undangan Sultan Kutai untuk menangani isu perikanan, memandangkan orang Banjar dianggap pakar dalam perikanan sungai, tasik dan paya serta membantu menyelesaikan konflik perdagangan antara orang Dayak dengan orang Bugis. Dalam konteks ini, orang Banjar sering berurusan dengan orang Bugis sehingga konflik antara dua etnik ini jarang berlaku; hal ini seterusnya menimbulkan petempatan baharu di seberang sungai (Taufik 2013). Di samping itu, orang Banjar diundang oleh kesultanan Siak Riau untuk menetap dan mendominasi di sana. Kebanyakan orang Banjar di kesultanan Siak Riau bekerja sebagai petani, nelayan dan guru agama Islam atau guru mengaji al-Quran.

Faktor keempat diaspora orang Banjar ialah keadaan ekonomi untuk kelangsungan hidup. Mereka berdiaspora di kawasan seperti Kalimantan Timur, Kalimantan Tengah, Kalimantan Barat Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu untuk tujuan ekonomi (Sahriansyah 2015). Dalam masyarakat Banjar, perjalanan adalah penting untuk mendapatkan sumber pendapatan yang lebih baik (Tsing 1998). Orang Banjar selalu melakukan perjalanan ke kawasan pedalaman menggunakan perahu menyusuri sungai untuk mendapatkan barang yang boleh diperdagangkan. Mereka lazimnya akan melakukan *batunggu* (berdiam menunggu) di persimpangan sungai atau jalan desa untuk menjaja barang dagangan. Selain menjaja barang, mereka membeli barang dagangan yang dibawa atau ditawarkan oleh penduduk pedalaman supaya barang itu kemudiannya dapat dijual di kota (Alfisah 2013). Menurut Salim (1996), tradisi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berpindah mereka ini juga ialah bukti lemahnya ikatan masyarakat Banjar pada tanah dan keluarga; mereka nampaknya mengutamakan kelangsungan hidup yang lebih baik. Sebagaimana yang tercatat dalam sejarah migrasi, orang Banjar pernah menjadi satu daripada empat suku kaum yang mempunyai tahap migrasi tertinggi, selepas Minangkabau, Bugis dan Batak (Basri 1988).

Faktor kelima ialah agama. Mereka mempunyai keinginan untuk mendalami ilmu agama dan menyebarkan dakwah Islam. Pada mulanya, individu dalam komuniti Banjar berhijrah ke pusat pengajian agama seperti yang dilakukan oleh M. Arsyad al-Banjari dan K.H. Jaferi; mereka memilih untuk mendalami ilmu agama di Makkah dan Madinah. Setelah memperoleh ilmu yang mendalam, mereka kembali dan menyumbang kepada tanah air dengan mendirikan institusi pendidikan agama seperti institusi pendidikan agama tradisional atau sekolah pondok dan Muhammadiyah Alabio di Kalimantan Selatan (Sahriansyah 2015). Institusi-institusi ini bukan sahaja menyediakan pendidikan agama, bahkan juga menjadi pusat pengembangan dakwah yang mendorong penyebaran agama Islam ke wilayah lain. Keinginan untuk mendalami ilmu agama ini berkembang menjadi satu gerakan dakwah yang lebih besar: M. Arsyad al-Banjari bersama-sama murid dan keturunannya telah menyebarkan Islam ke pelbagai daerah di Kalimantan Selatan seperti Pagatan (daerah Tanah Bumbu), Taniran dan Negara (daerah Hulu Sungai Selatan), Amuntai (daerah Hulu Sungai Utara), Jatuh dan Pemangkih (daerah Hulu Sungai Tengah), Kelua (daerah Tabalong), Juai dan Paringin (daerah Balangan) serta Marabahan (daerah Barito Kuala); selain itu, beliau bersama-sama murid dan keturunannya menyebarkan Islam ke daerah di Kalimantan Tengah seperti Kapuas, Palangka Raya, Pangkalan Bun, Sampit, Muara Teweh dan Puruk Cahu. Menurut Ahyat (2012), hampir semua daerah di Kalimantan Selatan, Kalimantan Timur, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Barat mempunyai keturunan dan anak murid M. Arsyad al-Banjari yang menetap di wilayah tersebut. Mereka bertindak sebagai ulama dan guru agama Islam. Penyebaran agama ini bukan sahaja melibatkan individu, bahkan juga mewujudkan komuniti diaspora yang aktif mempertahankan dan memperluas pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat setempat (Sahriansyah 2015).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, kelima-lima faktor ini membentuk corak diaspora masyarakat Banjar yang tidak terhad kepada rantau Nusantara, namun juga meliputi pelbagai wilayah lain. Pergerakan ini meninggalkan kesan yang signifikan terhadap perkembangan sosial, ekonomi, budaya dan agama di kawasan yang didiami oleh mereka.

1.3.1 Diaspora Masyarakat Banjar ke Tanah Melayu

Orang Banjar dari Kalimantan Selatan telah berhijrah secara besar-besaran ke Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sebahagian besarnya dikenali sebagai "perantau hilang", iaitu orang yang menetap secara kekal di tanah perantauan dan tidak kembali lagi ke Kalimantan Selatan (Mohamed Salleh 2015). Shamsul (1964) menekankan bahawa faktor ekonomi, khususnya peluang memiliki tanah yang disediakan dengan sistem pengairan oleh kerajaan penjajah Inggeris, menjadi satu daripada daya tarikan utama yang menyebabkan orang Indonesia, termasuklah orang Banjar, berhijrah ke Tanah Melayu. Bermula pada awal abad ke-20, semakin banyak orang Banjar berhijrah ke Tanah Melayu sebagaimana yang dinyatakan oleh Hassan (1988): Tanah Melayu ialah destinasi utama penghijrahan orang Banjar, selain Tungkal dan Inderagiri. Namun begitu, orang Banjar yang berhijrah ke Tanah Melayu selepas tahun 1874 tidak tersebar secara serata di semua negeri, sebaliknya lebih tertumpu di Perak, Selangor dan Johor. Pada tahun 1911, majoriti masyarakat Banjar menetap di Perak, terdapat juga yang menetap di Selangor, dan segelintirnya berada di Johor. Menjelang tahun 1947, jumlah kaum Banjar semakin berkembang di Selangor dan Johor, namun sedikit menurun di Perak.

Terdapat empat pola umum diaspora orang Banjar ke Tanah Melayu. Untuk pola pertama, mereka berhijrah ke Pulau Sumatera terlebih dahulu, khususnya Tungkal (Jambi) dan Tembilahan (Indragiri hilir). Selepas tinggal di sana untuk satu tempoh, mereka membuat keputusan untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Dalam hal ini, Johor menjadi tumpuan kerana negeri Melayu inilah yang terdekat dengan Tungkal dan Tembilahan. Segelintir daripada mereka terus menetap di Johor, manakala selebihnya berpindah ke negeri Melayu yang lain. Pola ini melibatkan orang Banjar terawal yang berhijrah dan juga mereka yang berhijrah pada awal abad ke-20. Mungkin juga terdapat

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam golongan ini para pedagang Banjar yang datang ke Sumatera walaupun maklumat tentang mereka tidak begitu jelas. Ketika Mohamed Salleh (1992) melakukan kajian tentang orang Banjar di Selangor, beliau bertemu dengan beberapa orang tua yang menyatakan bahawa mereka pernah tinggal di Kuala Tungkal sebelum berpindah ke Selangor.

Pola kedua melibatkan orang Banjar yang berhijrah terus ke Tanah Melayu. Pola ini lebih kepada golongan yang berhijrah pada awal abad ke-20. Dari Kalimantan Selatan, mereka menaiki kapal pedagang dan mendarat di Singapura. Sebahagiannya menetap di Johor kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura, manakala sebahagian lagi meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang. Mereka kemudian berpindah ke negeri Melayu lain, terutama Perak dan Selangor. Oleh sebab itu, pada awalnya, orang Banjar di Johor tidaklah sebanyak yang di Perak dan di Selangor (Mohamed Salleh 2005)

Pola yang ketiga pula melibatkan orang Banjar yang menetap di Tanah Melayu, namun atas faktor tertentu, khususnya faktor ekonomi, mereka kembali ke Sumatera, terutama Kuala Tungkal dan Tembilahan, tanpa kembali ke Kalimantan Selatan. Hal ini berlaku terutama semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an yang memberikan kesan besar kepada pekebun getah kecil Banjar khususnya di Johor. Kebanyakan mereka yang terjejas oleh kemerosotan ekonomi memilih untuk berpindah dari Johor. Pola keempat pula melibatkan orang Banjar yang pada mulanya berhijrah ke Sumatera kemudian membuat keputusan berhijrah semula ke Tanah Melayu, namun apabila kemelesetan ekonomi melanda (atau terdapat faktor lain), mereka kembali ke Sumatera. Destinasi kepulangan mereka selalunya Kuala Tungkal, Tembilahan dan ada juga yang berpindah ke Sumatera Utara, tetapi mereka tidak pulang ke Kalimantan Selatan. Pola migrasi ini menunjukkan fleksibiliti orang Banjar dalam usaha mencari kehidupan yang lebih baik mengikut keadaan ekonomi semasa (Mohamed Salleh 2005).

Migrasi dalaman di Tanah Melayu, khususnya yang melibatkan masyarakat Banjar, berlaku secara berperingkat dan dipengaruhi oleh faktor ekonomi serta peluang pertanian yang tersedia di pelbagai negeri. Pada peringkat awal, kebanyakan orang Banjar yang tiba di Tanah Melayu melalui Johor hanya menetap untuk seketika di negeri

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

tersebut. Berdasarkan banci penduduk pada tahun 1911, didapati 81 peratus daripada populasi kelompok ini menetap di Perak, manakala hanya 3.7 peratus tinggal di Johor. Hakikat ini menunjukkan bahawa kebanyakan orang Banjar yang datang ke Johor akhirnya meneruskan perjalanan ke Perak lalu memilih untuk menetap di sana berbanding dengan terus menetap di Johor. Namun begitu, pada tahun 1921, bilangan orang Banjar di Johor meningkat dengan ketara daripada hanya 782 orang pada tahun 1911 kepada 8365 orang. Pertambahan ini menunjukkan bahawa Johor menerima pertambahan penduduk Banjar yang besar dalam tempoh tersebut, selari dengan peningkatan penduduk Banjar di Perak, yang bertambah daripada 17 368 orang pada tahun 1911 kepada 24 766 orang pada tahun 1921 (Shamsul 1964).



Rajah 1.2 Petempatan utama masyarakat Banjar di Semenanjung Malaysia

Sumber: Mohd Azis (2019) dalam *Berita Harian*, 21 Februari 2019

Menjelang tahun 1931, sebilangan besar orang Banjar dari Perak berhijrah ke Selangor dan Johor berikutan kemajuan kedua-dua buah negeri tersebut yang berkembang lebih pesat daripada Perak. Akibatnya, jumlah orang Banjar di Perak berkurang kepada 21 862 orang tetapi meningkat di Selangor kepada 6315 orang dan di Johor 15 492 orang. Walau bagaimanapun, antara tahun 1931 hingga 1947, banyak orang Banjar di Johor, terutama di Batu Pahat, berpindah semula ke Perak dan ke

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Selangor kerana kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an yang menyebabkan mereka tidak dapat lagi bergantung pada penanaman getah. Bagi mengelakkan kesempitan hidup, mereka berpindah ke kawasan pertanian padi di Kerian dan Hilir Perak, khususnya di Sungai Manik, serta ke kawasan pertanian padi di Kuala Selangor, iaitu Tanjung Karang. Akibatnya, jumlah orang Banjar di Johor menurun kepada 12 049 orang pada tahun 1947; populasi mereka sebaliknya meningkat di Perak kepada 34 186 orang, demikian juga di Selangor, iaitu kepada 14 322 orang (Mohamed Salleh 2016).


Perpindahan dalaman di negeri Selangor turut berlaku. Misalnya, pada tahun 1911, kebanyakan orang Banjar tinggal di Kuala Langat; mereka inilah yang terlibat dalam penanaman getah. Namun begitu, menjelang tahun 1921, sebahagian daripada mereka telah berhijrah ke daerah Kuala Selangor untuk mengusahakan tanaman padi di kawasan pertanian padi di Tanjung Karang yang menjadikan kawasan tersebut pusat utama komuniti Banjar di Selangor. Sebuah kampung di Sabak Bernam, iaitu Kampung Tengah, yang pada asalnya didiami oleh orang Banjar yang mengusahakan kebun kelapa menyaksikan sejumlah besar penduduknya berpindah ke mukim Pancang Pedena pada tahun 1932 untuk melibatkan diri dengan penanaman padi di kawasan baharu yang dibuka. Di Perak pula, pada peringkat awal, orang Banjar banyak bertumpu di Bagan Datuk untuk mengusahakan penanaman kelapa, namun apabila kawasan pertanian padi dibuka di Sungai Manik pada 1930-an, kebanyakan mereka berpindah ke kawasan padi tersebut; hanya sebilangan kecil yang kekal di Bagan Datuk (Mohamed Salleh 2016). Perpindahan ini juga seiring dengan corak migrasi masyarakat Banjar ke Mukim Bagan Serai; inilah komuniti Banjar yang mula berkembang pesat melalui pelibatan dalam pertanian padi. Hal ini telah menjadikan kawasan ini pusat utama diaspora Banjar di negeri Perak.

1.3.2 Diaspora Masyarakat Banjar ke Mukim Bagan Serai

Mukim Bagan Serai yang terletak di daerah Kerian, Perak adalah antara kawasan penting dalam sejarah penghijrahan masyarakat Banjar di Malaysia (rujuk Rajah 1.2). Kehadiran komuniti Banjar di sini memberikan impak besar bukan sahaja dari segi sosioekonomi, tetapi juga dari sudut kebudayaan dan bahasa. Diaspora ini berlaku

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam beberapa gelombang migrasi, iaitu komuniti Banjar yang terlibat mencari kehidupan yang lebih baik di kawasan subur seperti Bagan Serai (rujuk Rajah 1.3).



Rajah 1.3 Peta daerah Kerian dan Mukim Bagan Serai

Sumber: Wikimedia Commons 2019

Penempatan masyarakat Banjar di Bagan Serai turut dipengaruhi oleh lokasi strategiknya, iaitu berdekatan dengan sungai dan pesisir pantai serta sesuai untuk pertanian dan perdagangan. Penghijrahan ini membentuk komuniti yang kaya dengan identiti Banjar dari segi bahasa, adat dan amalan keagamaan yang terus diwarisi hingga hari ini. Melalui sejarah lisan, dapat kita fahami cara masyarakat Banjar memainkan peranan penting dalam pembangunan Bagan Serai sebagai petempatan yang berkembang pesat, yang menjadikannya pusat penting bagi diaspora Banjar di Malaysia.

Bagan Serai mendapat namanya daripada gabungan dua perkataan: “bagan”– pelabuhan kecil atau kawasan tepi sungai yang menjadi tempat perahu atau kapal kecil

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berlabuh; dan “serai” – herba yang sering digunakan dalam masakan Melayu dan dikatakan banyak ditanam di pinggiran sungai. Menurut sejarah lisan, nama ini dikaitkan dengan keadaan geografinya yang dahulunya dipenuhi pokok serai di sekitar Sungai Kurau. Gabungan dua unsur ini mencerminkan ciri-ciri semula jadi dan kedudukan strategik Bagan Serai sebagai kawasan persinggahan dan petempatan awal. Menurut informan kajian, iaitu Tuan Haji Jamaludin Asaari, yang tinggal di Jalan Banjar, Masjid Tinggi, nama “bagan” merujuk jeti yang dahulunya dikelilingi tanaman serai. Pada ketika itu, kawasan ini belum mempunyai nama, namun masyarakat merujuknya sebagai “serai” kerana banyaknya pohon serai di situ. Maka, ketika ada yang bertanya “Hendak pergi ke mana?”, mereka akan menjawab “Hendak ke serai.” Kisah lisan ini menjadi salah satu sumber yang membantu menelusuri asal usul Bagan Serai yang kini menjadi penempatan penting dan bersejarah di Malaysia (Jamaludin 2019, 2025)

Selain itu, terdapat kisah lisan yang menyebut sekumpulan perantau dari Sumatera yang singgah ke kawasan ini sebelum era penjajahan British. Mereka tiba di kawasan Bagan Serai melalui pesisiran pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dan menyusuri Sungai Kurau hingga tiba di satu lokasi yang dipenuhi pokok serai. Oleh sebab kawasan tersebut sesuai sebagai petempatan, mereka bersepakat menetap di kawasan tersebut lalu menamainya Bagan Serai. Kisah ini menjadi salah satu asas sejarah tentang cara komuniti Banjar yang merantau ke Tanah Melayu, terutama di Bagan Serai, kemudian membentuk salah satu petempatan terbesar bagi suku Banjar di Malaysia. Hal ini menjadi simbol kebanggaan bagi penduduk Perak (Jamaludin 2019, 2025)

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Percampuran masyarakat Banjar dengan komuniti di sekelilingnya mewujudkan persaingan antara bahasa ibunda masyarakat ini dengan bahasa atau dialek lain. Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai yang turut berada dalam kelompok etnik minoriti ini menggunakan bahasa Banjar sebagai bahasa pertama apabila bertutur sesama mereka. Kajian awal mendapati bahawa selain bahasa ibunda, bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan dalam semua sektor, dipelajari dan digunakan oleh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

masyarakat ini baik dalam domain rasmi mahupun tidak rasmi. Di samping itu, mereka menggunakan dialek Melayu Kedah dengan komuniti Melayu setempat. Dalam hal ini, wujudlah senario pertembungan bahasa Banjar dengan bahasa lain (khususnya bahasa dan dialek Melayu) yang berupaya menyebabkan penutur bahasa ibunda semakin mengecil (Noriah & Meriam 2005; Riduan et al. 2019), lebih-lebih lagi jika bahasa tersebut ialah bahasa dominan. Dari segi sikap bahasa, pilihan bahasa oleh penutur boleh berubah dan disesuaikan dengan fungsi penggunaan bahasa itu. Setiap masyarakat bahasa itu mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang ingin digunakan dan akan menentukan hasil proses peralihan bahasa yang berlaku (Sa'adiah 2014). Dengan merujuk Sa'adiah (2014), Dilah et al. (2021), Latif dan Chong (2022) dan sebagainya, dapat diamati satu gejala umum: Golongan yang berstatus minoriti kini berdepan dengan peralihan bahasa yang rencam. Dalam konteks di seluruh Malaysia dan di Perak, masyarakat Banjar yang berstatus minoriti perlu diberi perhatian untuk kajian khusus bagi mengenal pasti sama ada bahasa golongan ini turut berdepan dengan situasi yang sama. Crystal (2000) menyatakan bahawa bahasa yang berpotensi terancam ialah bahasa yang terpinggir dari sudut sosial dan ekonomi, menghadapi tekanan besar daripada bahasa majoriti dan mula kehilangan penutur kanak-kanak. Sementara itu, bahasa dianggap terancam apabila hanya sedikit atau tiada kanak-kanak yang mempelajarinya, dan penutur yang fasih hanya terdiri daripada golongan muda dan dewasa.

Bahasa ialah tonggak utama aktiviti manusia dan sebahagian daripada identiti kebangsaan yang mencerminkan kekayaan budaya masyarakat. Sungguh malang jika suatu bangsa kehilangan bahasa warisan mereka kerana bahasa etnik atau suku kaum ini memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan dan pembangunan budaya negara. Keberadaan bahasa etnik ibarat tali pusat yang mengikat kesinambungan warisan, nilai dan tradisi yang merupakan inti kepada kepelbagaian budaya dan kekayaan warisan negara. Kehilangan bahasa etnik dapat menyebabkan kelemahan dalam warisan budaya serta identiti kebangsaan yang unik. Asmah (2008) menyatakan pemeliharaan bahasa ialah faktor utama untuk menyokong kelestarian kepelbagaian budaya sesebuah negara. Kehilangan bahasa etnik tidak hanya menjejaskan warisan linguistik, bahkan juga merosotkan nilai budaya yang terkandung dalam bahasa tersebut. Hal ini berpotensi menyebabkan kehilangan identiti kebangsaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

serta ketiadaan kesedaran akan kekayaan budaya yang dimiliki. Oleh itu, upaya untuk memelihara dan memperkukuh penggunaan bahasa etnik sangat penting bagi memastikan kelestarian kepelbagaian budaya. Dengan menghargai dan memelihara bahasa etnik, sesebuah negara dapat memastikan warisan budaya terus hidup dan berkembang untuk dinikmati oleh generasi yang berikutnya pada masa depan. Pandangan ini disokong oleh Muna Afifah (2017) yang berpendapat bahawa bahasa etnik sukar berkembang kecuali dalam kalangan penduduk yang mendiami kawasan etnik tersebut. Bahasa etnik amat kaya dengan hal berkaitan dengan adat resam, kegiatan harian dan persekitaran. Oleh itu, apabila bahasa itu pupus, adat, kegiatan dan persekitaran ini turut hilang dan mungkin tidak akan dapat dikembalikan. Fenomena kepupusan bahasa semakin ketara dan memerlukan perhatian serta dokumentasi yang serius. Di Malaysia, bahasa seperti bahasa Seru di Sarawak telah lenyap, manakala bahasa Besisi, Semelai dan kreol Portugis Melaka di Semenanjung Malaysia kini berada dalam kategori bahasa terancam (yourDictionary.com 1996–2001). Menurut Krauss (1992), 90 peratus bahasa di dunia dijangka akan pupus atau sedang menghadapi risiko kepupusan menjelang penghujung abad ke-21. Sebahagian besar bahasa yang wujud pada hari ini tergolong dalam kategori nazak (*moribund*), iaitu bahasa yang tidak lagi diperturunkan sebagai bahasa ibunda kepada generasi muda (Kindell 2006). Oleh itu, langkah proaktif untuk melindungi bahasa ini adalah penting supaya warisan budaya dan identiti masyarakat terus terpelihara.

Pada zaman dahulu, masyarakat tradisional Banjar memilih untuk berkahwin sesama mereka yang berketurunan Banjar agar masalah komunikasi, penerimaan adat dan pegangan dapat difahami oleh pasangan. Masyarakat Banjar yang dikenali sebagai pemanas (panas baran) memerlukan pasangan yang mudah menerima adat, pegangan dan prinsip keturunan Banjar yang diwarisi daripada nenek moyang mereka dari Kalimantan Selatan. Selain itu, masyarakat Banjar akan berkahwin dengan pasangan yang terdiri daripada *kulaan* atau *bubuhan*, iaitu kaum keluarga atau saudara-mara mereka sendiri untuk menjaga harta dan menguatkan keturunan mereka. Berdasarkan dapatan kajian Yusmawati (2021), masyarakat tradisional Banjar di daerah Kerian suatu ketika dahulu menganggap suku lain sebagai ‘orang luar’ dan akan mengelak daripada berkahwin dengan mereka. Faktor ini menyebabkan masyarakat Banjar dapat mengekalkan ciri-ciri keperibadian masyarakat mereka seperti penggunaan bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar dalam komunikasi harian. Penggunaan bahasa Banjar ini memudahkan mereka untuk sentiasa bekerjasama melakukan aktiviti kehidupan seperti bergotong-royong atau *badarau*, menuai padi atau *babandang* dan melakukan kenduri atau *aroh* (Jamaludin 2019). Namun begitu, kini kebanyakan masyarakat Banjar sudah terbuka untuk menerima pasangan daripada keturunan yang berbeza; wujud perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Banjar dengan masyarakat selain berketurunan Banjar. Fenomena perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Banjar dengan kelompok bukan Banjar telah memberi implikasi yang signifikan terhadap kelangsungan bahasa warisan tersebut. Pada asasnya, masyarakat Banjar tradisional yang bersifat kesukuan cenderung mengutamakan perkahwinan sesama etnik bagi memelihara kesinambungan identiti dan bahasa, namun amalan ini semakin longgar dalam konteks semasa sehingga perkahwinan campur menjadi perkara biasa (Nurussobah et al. 2017). Perubahan ini seterusnya mempengaruhi corak penggunaan bahasa dalam institusi keluarga. Seiring dengan dapatan Yusmawati (2021), situasi ini telah mewujudkan generasi baharu berketurunan Banjar yang tidak lagi menguasai bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda. Hal ini berlaku apabila bahasa dominan seperti bahasa Melayu lebih kerap digunakan dalam interaksi harian keluarga, sekali gus mengurangkan pendedahan anak-anak kepada bahasa Banjar sejak peringkat awal. Akibatnya, bukan sahaja keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa Banjar semakin terhakis, malah penggunaan bahasa tersebut dalam komunikasi seharian juga semakin terpinggir. Keadaan ini jelas mencerminkan berlakunya proses peralihan bahasa yang berpotensi menjejaskan tahap vitaliti bahasa Banjar dalam jangka masa panjang. (Yusmawati 2021). Dapatan ini selari dengan kajian terhadap anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun yang menunjukkan bahawa anak-anak cenderung memilih bahasa dominan, khususnya bahasa Melayu, sebagai bahasa utama dalam komunikasi keluarga berbanding bahasa etnik mereka. Pemilihan bahasa ini dipengaruhi oleh latar belakang etnik ibu bapa serta persekitaran sosial, seperti didikan dalam keluarga dan interaksi komuniti, sehingga menyebabkan bahasa warisan semakin kurang digunakan. Justeru, situasi ini memperkukuh hujah bahawa perkahwinan campur menjadi salah satu faktor penting yang menyumbang kepada peralihan bahasa dan seterusnya mengancam kelangsungan bahasa etnik dalam generasi seterusnya (Nurul Jannah & Mohamad Suhaizi 2023). Dapatan ini turut disokong oleh kajian Cendellera (2022) yang menunjukkan bahawa individu daripada keluarga kahwin campur dalam masyarakat

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Cina memperlihatkan pemilihan bahasa yang tidak konsisten merentas domain, dengan kecenderungan menggunakan bahasa dominan seperti Mandarin, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bergantung kepada konteks penggunaan. Walaupun sikap terhadap bahasa etnik masih positif, penggunaan bahasa tersebut tidak lagi menjadi pilihan utama dalam semua domain, khususnya apabila berdepan dengan tuntutan komunikasi yang lebih luas. Keadaan ini selari dengan dapatan Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023) yang menunjukkan bahawa anak-anak daripada perkahwinan campur cenderung memilih bahasa dominan sebagai bahasa utama dalam komunikasi keluarga, sekali gus mengurangkan penggunaan bahasa warisan dalam kehidupan seharian.

Generasi kedua, ketiga dan seterusnya dalam kalangan masyarakat Banjar yang berpendidikan tinggi kebiasaannya menitikberatkan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pendidikan anak-anak mereka. Kesannya, wujud perasaan malu dalam generasi ini untuk bertutur dalam bahasa Banjar walaupun ketika bertutur sesama sanak saudara. Malahan, generasi muda berpandangan kemampuan bertutur dalam bahasa Banjar ialah suatu yang lucu pada zaman moden ini. Hal ini sejajar dengan pengakuan Presiden Pertubuhan al-Banjari Kuala Lumpur–Selangor bahawa beliau terkilan kerana enam orang anaknya tidak dapat bertutur dalam bahasa Banjar. Beliau turut mengakui bahawa kadangkala generasi muda mengejeknya apabila beliau bertutur bahasa Banjar. Beliau juga mengakui bahawa generasi muda tidak berminat menguasai bahasa Banjar mungkin kerana ada sifat malu apabila menggunakan bahasa tersebut (Mohd Aziz 2019). Sikap yang negatif terhadap bahasa Banjar ini amat membimbangkan; tindakan susulan harus diambil agar bahasa ini terus lestari dan tidak pupus.

Walau bagaimanapun, liputan dalam surat khabar hanya berupa pengakuan peribadi seorang penutur asli bahasa Banjar, dan mungkin tidak patut disamakan dengan masyarakat banjar di Bagan Serai secara keseluruhannya. Hingga kini, belum ada kajian sosiolinguistik yang komprehensif untuk mengesahkan situasi ini. Siti Noraini dan Nor Hashimah (2018) menyatakan bahawa:

> Generasi tua lebih kuat mempertahankan identiti bahasa atau dialek mereka daripada generasi muda. Malahan, kebanyakan generasi muda yang

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

> berketurunan Banjar yang ditemui tidak boleh bertutur dan memahami dialek ibu bapa mereka. Majoriti generasi muda di daerah ini lebih cenderung menggunakan bentuk percakapan standard dalam komunikasi seharian mereka...

Namun demikian, dakwaan bahawa terdapat jurang antara generasi dalam penggunaan bahasa Banjar ini bertitik tolak hanya daripada satu ujian kecil terhadap beberapa sebutan kata. Fenomena ini turut melalui kajian terhadap tiga generasi etnik Bajau Sama di Kota Belud, Sabah yang mendapati bahawa generasi tua masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda, manakala generasi muda lebih cenderung beralih kepada bahasa Melayu sebagai bahasa dominan, termasuk dalam domain kekeluargaan yang sepatutnya menjadi ruang utama pemindahan bahasa antara generasi Malah, dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa generasi muda bertindak sebagai pemangkin kepada peralihan bahasa sehingga mengakibatkan kemerosotan transmisi bahasa ibunda antara generasi (Berawati Renddan et al. 2020). Fenomena yang sama turut dibuktikan melalui kajian oleh Md. Roslan dan Arba'ie (2020) terhadap pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah yang menunjukkan penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan adalah rendah (sekitar 25%) berbanding bahasa Melayu (75%). Keadaan ini menandakan bahasa dominan telah mengambil alih fungsi komunikasi harian dalam keluarga, sekali gus melemahkan peranan bahasa ibunda dalam interaksi antara generasi. Selain itu, tahap transmisi bahasa didapati berada pada Gred 3 (Terancam), iaitu ibu bapa masih bertutur dalam bahasa ibunda tetapi anak-anak tidak lagi memberi respons dalam bahasa tersebut. Situasi ini menunjukkan berlakunya gangguan transmisi antara generasi yang menjadi faktor utama kemerosotan daya hidup bahasa. Seiring dengan pandangan Fishman (1991), kegagalan pemindahan bahasa dalam domain kekeluargaan mempercepatkan proses peralihan bahasa dan meningkatkan risiko kepupusan bahasa etnik. Oleh itu, dapatan ini mengesahkan bahawa jurang generasi dalam penggunaan bahasa merupakan fenomena yang konsisten dan memerlukan penelitian berasaskan domain yang lebih mendalam.

Sebagaimana bahasa minoriti yang lain, bahasa Banjar ialah khazanah negara dan bahasa warisan yang seharusnya dipelihara, dituturkan, dikembangkan dan dimartabatkan. Menurut Asmah (2008), pemeliharaan bahasa ialah gejala yang paling penting dalam pengekalan kedudukan bahasa dalam masyarakat. Jika bahasa atau dialek

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

terus digunakan oleh penuturnya, maka bahasa tersebut akan kekal sebagai sistem pertuturan dalam masyarakat bahasa tersebut. Demikian jugalah dengan bahasa Banjar; tanpa pemeliharaan yang sewajarnya, bahasa komuniti Banjar ini akan hilang begitu sahaja. Walaupun terdapat kajian tentang diaspora Banjar di Malaysia, kajian-kajian tersebut kurang menegaskan secara eksplisit kekhasan kes komuniti Banjar di Bagan Serai, khususnya apabila dibandingkan dengan diaspora lain seperti komuniti Jawa dan Bugis. Komuniti Banjar di Bagan Serai masih memperlihatkan kesinambungan penggunaan bahasa warisan dalam domain tertentu, terutamanya dalam domain keagamaan dan kekeluargaan. Fenomena ini diperhatikan tidak lagi dijumpai pada komuniti diaspora lain, terutamanya komuniti Jawa. Sebagai contoh, kajian Subakir (1998) melaporkan bahawa orang Jawa di Kuala Selangor cenderung berbahasa Melayu daripada berbahasa Jawa kerana faktor identiti. Dalam hal ini, mereka menggunakan bahasa Melayu kerana mereka mahu dikenali sebagai Melayu.

Bagi komuniti Banjar diaspora, mereka mengamalkan pemilihan bahasa yang bersifat fungsional, iaitu penggunaan bahasa Banjar, Bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah secara bergilir mengikut konteks interaksi sosial. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar bukan sahaja kekal sebagai simbol identiti, malah masih berfungsi sebagai medium komunikasi dalam situasi tertentu. Oleh itu, penelitian terhadap komuniti ini penting bagi memahami bentuk pengekalan bahasa yang bersifat kontekstual serta menilai tahap vitaliti bahasa Banjar secara lebih tepat.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

i. Mengenal pasti pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai terhadap bahasa ibunda dan bahasa di persekitaran.
ii. Menganalisis fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.
iii. Menilai tahap peralihan bahasa Banjar dengan pendekatan Skala Gangguan antara Generasi Bergred Diperluas (*Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* atau EGIDS).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan, kajian ini dilakukan untuk mencapai menjawab persoalan yang berikut:

i. Bagaimanakah pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai terhadap bahasa ibunda dan bahasa lain yang dituturkan di persekitaran mereka?
ii. Apakah fenomena sosiolinguistik masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dari segi peralihan bahasa dan faktor yang mempengaruhinya?
iii. Apakah tahap kepunahan bahasa Banjar pada situasi sekarang?

1.7 PENDEKATAN KAJIAN

1.7.1 Kerangka Pilihan Bahasa dan Domain oleh Fishman (1972)

Kerangka pilihan bahasa dan domain oleh Fishman (1972) menekankan cara bahasa digunakan dalam pelbagai konteks sosial berdasarkan domain tertentu. Fishman (1972) menyatakan bahawa pilihan bahasa adalah daripada faktor situasi sosial, peranan sosial dan hubungan antara individu. Pilihan bahasa bukan sekadar fenomena linguistik, bahkan juga perkara yang dipengaruhi oleh identiti, hubungan dengan manusia dan kuasa sosial dalam masyarakat. Hal ini merujuk tindakan penutur memilih bahasa tertentu untuk memenuhi tujuan tertentu dalam perbualan atau interaksi harian.

Domain ialah kluster situasi sosial yang lazimnya mengalami kekangan oleh seperangkat peraturan tingkah laku (Fishman 1972). Dengan kata lain, domain merujuk pelbagai persekitaran sosial penggunaan bahasa. Setiap domain mempunyai norma tingkah laku yang mengatur cara individu berinteraksi dan memilih bahasa dalam situasi tersebut. Misalnya, domain keluarga, tempat kerja atau agama mempunyai peraturan dan jangkaan berbeza tentang penggunaan bahasa. Setiap domain mempunyai peraturan yang mendefinisikan siapa berkomunikasi dengan siapa, dalam keadaan apa dan dengan bahasa apa. Sebagai contoh, dalam domain keluarga, individu mungkin menggunakan bahasa yang lebih santai dan mesra daripada domain pekerjaan yang memerlukan bahasa yang lebih formal dan profesional. Domain juga boleh merujuk ruang tertentu

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam masyarakat yang dalamnya bahasa tertentu digunakan seperti di sekolah, pasar atau gereja. Fishman (1972: 435–439) juga memerihalkan domain sebagai:

> *... A socio-cultural construct abstracted from topics of communication, relationships and interactions between communicators and locales of communication in accord with the institutions of society ...*

Penutur dalam komuniti dipengaruhi oleh domain untuk menentukan cara individu itu berinteraksi. Para pengkaji sebelum ini seperti Fasold (1984), Holmes (2013) dan Wardhaugh dan Fuller (2021) turut bersetuju bahawa pilihan bahasa seseorang bergantung pada faktor seperti kumpulan penutur, peranan dalam hubungan, topik yang dibincangkan dan latar belakang. Oleh itu, pendekatan berdasarkan domain ini sangat relevan, terutama dalam masyarakat yang berbilang bahasa.

Holmes (1992) menyatakan bahawa domain merujuk interaksi antara kumpulan penutur tertentu dalam konteks sosial yang tertentu. Pandangan ini selari dengan teori domain oleh Fishman (1972) yang menekankan bahawa pilihan bahasa dipengaruhi oleh hubungan antara penutur, lokasi, tujuan dan topik perbualan. Kajian Greenfield dan Fishman (1970) menunjukkan bahawa pilihan bahasa dalam komuniti dwibahasa seperti komuniti Puerto Rico di New York dipengaruhi oleh domain sosial tertentu. Bahasa Sepanyol memainkan peranan utama dalam domain keluarga yang mencerminkan usaha mengekalkan identiti budaya dan hubungan kekeluargaan. Sebaliknya, dominasi bahasa Inggeris dalam domain pendidikan dan pekerjaan menunjukkan keperluan menyesuaikan diri dengan tuntutan sosial dan ekonomi di negara tuan rumah. Hal ini menggariskan kepentingan domain sebagai kerangka analisis untuk memahami pilihan bahasa dalam komuniti dwibahasa.

Penerapan konsep domain dalam kajian ini membolehkan pengkaji membuat generalisasi dan mendapatkan gambaran yang jelas tentang corak penggunaan bahasa dalam kelompok etnik. Hal ini juga membantu menggambarkan cara penutur memilih kod bahasa tertentu berdasarkan situasi yang dihadapi. Oleh itu, konsep domain sangat berguna dalam kajian penggunaan bahasa terhadap komuniti Banjar diaspora di Bagan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Serai. Fishman (1972) menyatakan bahawa analisis domain membantu mengenal pasti pola penggunaan bahasa yang sesuai dalam setiap domain.

Fishman (1972) juga mengatakan bahawa pilihan bahasa antara domain boleh dikategorikan kepada dua kategori utama, iaitu domain rendah (*low*) dan domain tinggi (*high*). Konsep domain rendah dan tinggi ini membezakan penggunaan bahasa yang lebih santai dalam situasi biasa daripada penggunaan bahasa yang lebih formal dalam konteks rasmi. Domain keluarga, rakan dan kejiranan, misalnya, dianggap sebagai domain rendah, manakala domain pendidikan, pentadbiran dan pekerjaan ialah domain tinggi. Terdapat anggapan bahawa dialek lebih banyak digunakan dalam domain rendah, sementara variasi bahasa standard lebih dominan dalam domain tinggi kerana sifat formal situasi tersebut. Untuk menjawab persoalan ini, kajian terperinci perlu dijalankan untuk memahami bagaimana komuniti Banjar di Bagan Serai membuat pilihan bahasa dalam pelbagai domain sosial. Penyelidikan ini dapat mengenal pasti sama ada penggunaan dialek Banjar lebih menonjol dalam domain seperti keluarga dan kejiranan, serta sejauh mana bahasa Melayu standard digunakan dalam konteks yang lebih formal seperti pendidikan dan pekerjaan. Analisis sedemikian akan membantu penilaian terhadap pola penggunaan bahasa yang mencerminkan identiti budaya dan tahap integrasi komuniti ini dalam masyarakat arus perdana.


1.8.2 Pendekatan EGIDS oleh Lewis dan Simons (2010)

Pendekatan dalam kajian ini berasaskan pengembangan kerangka Fishman (1972), iaitu Skala Penilaian Gangguan antara Generasi (*Graded Intergenerational Disruption Scale* atau GIDS) kepada skala yang lebih terperinci dan terangkum, iaitu EGIDS (Lewis & Simons 2010). Lewis dan Simons (2010) menggunakan kaedah analisis perbandingan antara tiga sistem penilaian utama, iaitu GIDS asal (1992), kerangka UNESCO (2003) dan kategori vitaliti bahasa dalam *Ethnologue* (2009). Analisis ini membolehkan penyatuan elemen kritikal daripada ketiga-tiga pendekatan tersebut dan seterusnya menghasilkan kerangka diagnostik yang mampu menilai bahasa pada pelbagai peringkat vitaliti dan kepupusan.

Kerangka EGIDS ini dirumuskan berdasarkan rajah aliran (*decision tree*) yang merangkumi lima soalan diagnostik utama, setiap satunya dirancang untuk mengenal

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pasti dimensi penting seperti fungsi identiti bahasa, tahap penggunaan rasmi, status pemindahan antara generasi, tahap literasi dan generasi termuda yang masih fasih bertutur. Pendekatan ini bersifat holistik kerana melibatkan analisis data demografi, status sosial dan keupayaan institusi dalam usaha mendukung penggunaan bahasa. Dalam kajian ini, EGIDS juga diterapkan untuk mengukur usaha revitalisasi bahasa dengan menambah kategori seperti *Reawakened* dan *Rediscovered* untuk menilai tahap kemajuan pemulihan bahasa yang hampir pupus. Berikut ialah rajah aliran EGIDS.



Rajah 1.3 Rajah aliran EGIDS

Sumber: Lewis & Simons 2010

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Rajah aliran ini menunjukkan proses diagnostik untuk menilai tahap kepupusan bahasa berdasarkan beberapa faktor utama. Proses dimulakan dengan soalan utama, iaitu "Apakah fungsi identiti?" (*What is the identity function*) yang menilai peranan utama bahasa dalam komuniti berdasarkan penggunaannya. Terdapat empat kategori yang menjelaskan fungsi identiti ini: Pertama, jika bahasa tersebut tidak lagi mempunyai penutur asli atau komuniti yang mengenal pasti bahasa itu sebagai sebahagian daripada identiti mereka, bahasa itu dianggap sebagai bersejarah (*historical*) dan dikategorikan pada Tahap 10 – Pupus (*Level 10 – Extinct*); kedua, jika bahasa itu hanya digunakan dalam konteks simbolik atau upacara tertentu tanpa penutur asli yang fasih, bahasa itu dikenali sebagai warisan (*heritage*) dan tergolong dalam Tahap 9 – Tidak Aktif (*Level 9 – Dormant*); ketiga, jika bahasa itu digunakan untuk komunikasi harian dalam keluarga dan komuniti, fungsinya ialah Rumah (*Home*), dan analisis akan beralih kepada aspek transmisi generasi berikutnya; keempat, jika bahasa digunakan oleh pelbagai komuniti sebagai alat komunikasi bersama-sama atau *lingua franca*, bahasa ini berfungsi sebagai bahasa Penghubung (*Vehicular*) antara orang yang tidak berkongsi bahasa ibunda yang sama, dan analisis seterusnya akan menilai tahap penggunaannya dalam konteks rasmi. Kategori-kategori ini membantu mengenal pasti status semasa bahasa berdasarkan peranannya dalam masyarakat.

Soalan kedua ialah "Apakah tahap penggunaan rasmi?" (*What is the level of official use?*) yang menilai tahap penggunaan bahasa dalam konteks rasmi, khususnya untuk bahasa yang berfungsi sebagai Penghubung. Terdapat empat tahap penggunaannya: Pertama, jika bahasa digunakan secara meluas pada peringkat antarabangsa seperti dalam perdagangan, diplomasi atau pendidikan global (misalnya bahasa Inggeris), bahasa ini dikategorikan sebagai Tahap 0 – Antarabangsa (*Level 0 – International*); kedua, jika bahasa diiktiraf secara rasmi pada peringkat negara serta digunakan dalam fungsi kerajaan, pendidikan dan dokumen rasmi, bahasa ini tergolong dalam Tahap 1 – Kebangsaan (*Level 1 – National*); ketiga, jika bahasa itu digunakan pada peringkat serantau untuk media tempatan, perkhidmatan awam atau pentadbiran wilayah, bahasa ini terletak pada Tahap 2 – Serantau (*Level 2 – Regional*); keempat, jika bahasa tidak diiktiraf secara rasmi tetapi tetap memainkan peranan penting dalam perdagangan atau interaksi sosial dalam kalangan komuniti berbeza, bahasa ini

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dikelaskan sebagai Tahap 3 – Perdagangan (*Level 3 – Trade*). Dengan analisis ini, tahap bahasa itu diinstitusikan dalam masyarakat akan dapat ditentukan.

Soalan ketiga ialah "Adakah semua ibu bapa mewariskan bahasa kepada anak-anak mereka?" (*Are all parents transmitting the language to their children?*) yang menilai tahap pemindahan bahasa dalam keluarga. Hal ini penting sekiranya domain Rumah ialah fungsi identiti bahasa. Jika jawapannya "ya", maka bahasa tersebut masih disampaikan secara aktif daripada generasi ke generasi dalam konteks rumah tangga. Keadaan ini mencerminkan kesinambungan penggunaan bahasa dalam keluarga dan meningkatkan peluang untuk bahasa itu terus berkembang dan bertahan. Dalam kes ini, analisis akan diteruskan dengan keempat yang berkaitan dengan penilaian status literasi bahasa dalam komuniti. Sebaliknya, jika jawapannya "tidak"**,** hal ini bermakna bahasa ini tidak lagi diajarkan atau digunakan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka yang menunjukkan bahawa proses pemindahan intergenerasi telah terganggu. Dalam keadaan ini, analisis akan beralih kepada soalan kelima yang akan menilai generasi termuda yang masih fasih bertutur dalam bahasa tersebut untuk mengukur sejauh mana bahasa itu terancam.

Seperti yang telah dinyatakan, soalan keempat berkaitan dengan literasi bahasa, iaitu "Apakah status literasinya?" (*What is the literacy status?*). Soalan ini menilai tahap penguasaan tulisan bahasa dalam komuniti jika ibu bapa masih menyampaikan bahasa kepada anak-anak mereka. Jika literasi bahasa diajarkan melalui pendidikan formal, seperti pendidikan di sekolah atau institusi pendidikan, bahasa itu dikategorikan sebagai Tahap 4 – Pendidikan (*Level 4 – Educational*). Jika literasi bahasa tersebut baru diperkenalkan, tetapi belum diterima secara meluas dalam komuniti, bahasa ini dikelaskan sebagai Tahap 5 – Bertulis (*Level 5 – Written*). Jika tiada literasi atau pengajaran rasmi untuk bahasa tersebut, tetapi bahasa itu masih digunakan secara lisan dalam komuniti, bahasa ini dikategorikan sebagai Tahap 6a – Berkembang (*Level 6a – Vigorous*) yang menunjukkan bahawa bahasa tersebut masih hidup dan digunakan secara aktif walaupun tiada sokongan literasi yang formal.

Soalan kelima pula ialah "Siapakah generasi termuda yang masih fasih bertutur?" (*What is the youngest generation that has proficient speakers*?) yang menilai

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

tahap penggunaan bahasa berdasarkan generasi yang masih fasih bertutur. Jika kanak-kanak ialah generasi termuda yang masih fasih bertutur dalam bahasa tersebut, bahasa itu dikategorikan sebagai Tahap 6b – Terancam (*Level 6b – Threatened*). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa masih digunakan oleh generasi muda tetapi mengalami ancaman kepupusan. Jika hanya ibu bapa yang fasih bertutur, tetapi ibu bapa ini tidak mengajarkannya kepada anak-anak, proses pemindahan bahasa ini sedang mengalami gangguan, dan bahasa itu dikategorikan sebagai Tahap 7 – Peralihan (*Level 7 – Shifting*). Jika hanya datuk dan nenek yang fasih bertutur dalam bahasa tersebut, bahasa ini tergolong dalam Tahap 8a – Nazak (*Level 8a – Moribund*), yang menandakan bahawa bahasa tersebut semakin hampir pupus. Jika generasi tertua, iaitu datuk dan nenek atau yang lebih tua, ialah satu-satunya penutur yang masih fasih, bahasa itu dikategorikan sebagai Tahap 8b – Hampir Pupus (*Level 8b – Nearly Extinct*) yang menunjukkan bahawa bahasa tersebut berada pada tahap yang sangat kritikal.

Berdasarkan rajah aliran diagnostik EGIDS, penilaian tahap kepunahan bahasa dalam komuniti melibatkan beberapa faktor penting. Proses bermula dengan menilai fungsi identiti bahasa, sama ada bahasa tersebut digunakan untuk komunikasi harian dalam keluarga (Rumah), sebagai bahasa penghubung antara komuniti (Penghubung), atau hanya untuk tujuan simbolik (Warisan) atau sudah tidak digunakan (Bersejarah). Kemudian, penggunaan rasmi bahasa pada peringkat antarabangsa, kebangsaan atau serantau menentukan tahap bahasa tersebut diinstitusikan dalam masyarakat. Pemindahan bahasa dalam keluarga juga penting dengan bahasa yang diajarkan oleh ibu bapa kepada anak-anak menunjukkan kesinambungan antara generasi. Status literasi yang merujuk penggunaan bahasa dalam pendidikan dan dokumentasi turut membantu menilai vitaliti bahasa tersebut. Akhirnya, dengan menilai generasi termuda yang fasih bertutur dalam bahasa itu, kita dapat mengetahui sama ada bahasa tersebut terancam atau hampir pupus. Gabungan faktor ini memberikan gambaran yang jelas tentang tahap kepupusan bahasa dan membantu merancang langkah-langkah pemuliharaan yang sesuai.

Jadual 1.1 ialah perincian kerangka EGIDS yang memberikan penilaian terperinci tentang status bahasa berdasarkan penggunaan, keberlangsungan dan tahap ancaman kepupusannya:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 1.1 Kerangka EGIDS

Tahap	Label	Penerangan	UNESCO
0	Antarabangsa	Bahasa ini digunakan pada peringkat antarabangsa untuk pelbagai tujuan.	Selamat
1	Kebangsaan	Bahasa ini digunakan untuk pendidikan, pekerjaan, media massa dan kerajaan pada peringkat kebangsaan.	Selamat
2	Serantau	Bahasa ini digunakan untuk media massa tempatan dan serantau serta khidmat kerajaan.	Selamat
3	Perdagangan	Bahasa ini digunakan untuk komunikasi tempatan dan serantau, baik orang dalam mahupun orang luar.	Selamat
4	Pendidikan	Pengetahuan tentang bahasa ini disebarkan melalui sistem pendidikan umum.	Selamat
5	Tulisan	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi, namun dalam bentuk tulisan hanya digunakan oleh segelintir komuniti.	Selamat
6a	Berkembang	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan dipelajari oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda.	Selamat
6b	Terancam	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi, namun hanya segelintir yang menurunkannya kepada anak-anak.	Mudah Terancam
7	Berubah	Generasi dewasa menggunakan bahasa ini, tetapi tidak mewariskannya kepada anak-anak.	Pasti Terancam
8a	Nazak	Penutur aktif yang tinggal hanyalah golongan datuk dan nenek.	Sangat Terancam
8b	Hampir Pupus	Penutur yang tinggal terdiri daripada golongan datuk dan nenek dengan sedikit peluang penggunaan.	Kritikal Terancam
9	Tidak Aktif	Bahasa ini berfungsi sebagai peringatan kepada identiti etnik dengan penguasaan simbolik sahaja.	Pupus
10	Pupus	Tiada siapa lagi mengaitkan identiti etnik dengan bahasa tersebut walaupun secara simbolik.	Pupus

Sumber: Diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu berdasarkan Lewis dan Simons (2010)

Tahap 0 hingga 5 dikategorikan sebagai selamat yang menunjukkan bahasa yang digunakan secara meluas pada peringkat antarabangsa hingga peringkat komuniti setempat. Bahasa antarabangsa (Tahap 0) seperti bahasa Inggeris digunakan untuk pelbagai tujuan global, manakala bahasa pada Tahap 1 hingga 4 berfungsi dalam konteks kebangsaan, serantau, perdagangan atau pendidikan. Tahap 5 pula menggambarkan bahasa yang masih hidup dalam bentuk lisan tetapi hanya sedikit digunakan dalam bentuk tulisan.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


Tahap 6a dan 6b pula menunjukkan peralihan daripada bahasa yang berkembang kepada bahasa yang terancam. Pada Tahap 6a, bahasa masih digunakan oleh semua generasi dan dipelajari oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda, namun pada Tahap 6b bahasa itu mula tidak diajarkan kepada generasi muda, yang menjadikannya mudah terancam. Tahap 7 hingga 8b menggambarkan bahasa yang berada dalam keadaan lebih kritikal, misalnya bahasa yang tidak diwarisi generasi muda (Peralihan) dan hanya dituturkan oleh generasi tua (Nazak) atau hampir pupus sepenuhnya. Bahasa yang berada pada Tahap 9 dan 10 dianggap tidak aktif atau pupus. Pada Tahap 9, bahasa hanya berfungsi sebagai simbol identiti etnik tanpa penguasaan sebenar, manakala Tahap 10 menggambarkan kehilangan sepenuhnya hubungan bahasa tersebut dengan identiti etnik, apatah lagi penggunaannya.

Secara keseluruhannya, kerangka EGIDS bukan sahaja mengukur tahap vitaliti bahasa, malah juga berfungsi sebagai alat untuk memahami risiko kepupusan bahasa dan keperluan melindungi bahasa tersebut, terutama bagi bahasa yang berada dalam kategori terancam atau hampir pupus.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang selaras dengan kerangka teori yang dinyatakan sebelum ini. Setiap persoalan kajian yang dikemukakan bagi mencapai objektif kajian dijelaskan secara terperinci untuk memastikan kesinambungan antara teori dengan penyelidikan, sekali gus membantu menstrukturkan analisis dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.4 yang berikut:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 1.4 Kerangka konseptual kajian

Sumber: Mohd Khaidir 2026

1.9 BATASAN KAJIAN

Tesis ini terbatas kepada masyarakat Banjar yang tinggal di daerah Kerian, manakala informan yang difokuskan terdiri daripada individu yang berketurunan Banjar, iaitu ibu bapa yang menuturkan bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda. Walaupun bahasa Melayu standard merupakan bahasa kebangsaan dan wajar dikaji dari segi kecekapan dan penggunaan mereka, kajian ini memfokuskan bahasa ibunda (iaitu bahasa Banjar) kerana bahasa minoriti ini ialah salah satu khazanah warisan Alam Melayu yang tidak wajar diabaikan.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dari segi kawasan, masyarakat Banjar di daerah Kerian ini terbatas kepada satu mukim sahaja, iaitu Mukim Bagan Serai yang dikecilkan lagi kepada dua buah kampung, iaitu Kampung Masjid Tinggi dan Kampung Parit Haji Taib. Mukim dan kampung ini dipilih kerana kawasan ini terkenal sebagai petempatan masyarakat Banjar, iaitu mempunyai bilangan populasi Banjar yang signifikan untuk kajian ilmiah.

Dari segi bahasa pula, kajian ini memfokuskan pilihan dan penggunaan terhadap tiga bahasa, iaitu bahasa Banjar, dialek Melayu tempatan dan bahasa Melayu standard. Bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin tidak difokuskan kerana bahasa-bahasa tersebut bukan bahasa utama dalam komunikasi seharian. Enam domain pilihan bahasa yang diketengahkan oleh Fishman (1972), iaitu domain keluarga, persahabatan, keagamaan, aktiviti jual beli, pendidikan dan pekerjaan akan digunakan untuk meneliti perilaku penggunaan bahasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini berlandaskan teori domain, berpegang pada kenyataan Fishman (1972), iaitu "Siapa bercakap dalam bahasa apa kepada siapa dan bila" dan juga penggunaan EGIDS untuk menilai tahap kepunahan bahasa ibunda masyarakat Banjar. Domain ialah konsep yang amat berguna untuk penghuraian fungsi bagi perubahan yang dibentuk oleh masyarakat kepada tahap seluruh masyarakat dan juga institusi sosial yang besar, manakala EGIDS ialah pendekatan mengukur tahap kepunahan yang ditingkatkan dari GIDS Fishman.

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dijangka memberikan gambaran yang jelas dan terperinci tentang pilihan bahasa dan peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai. Maklumat baharu akan diperoleh untuk melihat kecenderungan masyarakat Banjar pada hari ini dalam interaksi mereka dalam domain tertentu dengan memilih satu bahasa perhubungan. Dapatan ini dapat mencerminkan sikap dan pilihan bahasa masyarakat Banjar di kawasan lain secara khususnya dan golongan minoriti lain secara umumnya. Oleh itu, maklumat ini penting sebagai sumber rujukan yang berguna kini dan masa depan untuk tujuan revitalisasi bahasa minoriti yang terancam punah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora ini dapat memberikan pengetahuan tentang perubahan bahasa kontemporari selepas era migrasi. Para sarjana dapat membandingkan hasil dapatan ini dengan bahasa di tanah asal suku Banjar – misalnya, bagaimanakah pola asimilasi dan kelangsungan bahasa Banjar di tanah migrasi mereka yang baharu? Di samping itu, memandangkan ada laporan yang mengatakan bahawa generasi tua masih mengekalkan sebutan asli, maka menjadi satu kerugian jika maklumat sosiolinguistik penting ini tidak diperoleh daripada informan masyarakat Banjar yang masih hidup.

Di samping itu, melalui kajian ini, kita dapat mengetahui perubahan semasa penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan generasi tua dan generasi muda di kawasan kajian. Aspek ini wajar diteliti kerana perhatian terhadap kelangsungan bahasa dan budaya minoriti merupakan salah satu trend kajian terkini dan agenda yang diutamakan oleh pihak UNESCO. Setelah mengenal pasti tahap kepunahan bahasa, usaha melestarikan bahasa akan menjadi lebih mudah bagi pihak yang berkaitan.

Kajian ini juga dapat menjadi panduan untuk merangka strategi yang berkesan dalam usaha melestarikan bahasa Banjar. Misalnya, program pendidikan bahasa dan budaya Banjar boleh dirancang untuk sekolah di kawasan tersebut. Selain itu, komuniti Banjar boleh didorong untuk menggunakan bahasa tersebut dalam aktiviti harian mereka dan dalam pelbagai acara kebudayaan. Dengan cara ini, kesinambungan bahasa Banjar dapat dipelihari dan sekali gus mengukuhkan identiti budaya mereka.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini akan memberikan sumbangan penting kepada bidang sosiolinguistik dan usaha pelestarian bahasa. Dapatan ini juga bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang interaksi bahasa dalam komuniti minoriti, tetapi juga menyediakan data yang boleh digunakan untuk menyokong dan mengembangkan inisiatif pelestarian bahasa di seluruh dunia.

1.11 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian dengan lebih tepat kerana isu yang sama mungkin dikaji dari perspektif yang berbeza oleh pengkaji yang berbeza (Sabitha 2005). Ketika menjalankan kajian ini,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

beberapa istilah dan konsep penting telah dikenal pasti untuk memastikan fokus kajian selaras dengan objektif yang ditetapkan. Definisi operasional yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

1.11.1 Fenomena Bahasa

Sosiolinguistik ialah kajian yang empirikal, maka hasil kajiannya biasanya dapat dikaitkan dengan fenomena dan gejala. Dalam konteks sosiolinguistik, fenomena ialah kejadian itu sendiri (Noriah 2019). Fenomena secara amnya bermaksud kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan atau sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diberikan dan dijelaskan secara saintifik (*Kamus Inggeris–Melayu Dewan* 1994). Fenomena bahasa dalam kajian ini merujuk keadaan atau situasi dalam sesebuah masyarakat yang mempengaruhi pilihan individu terhadap sesuatu bahasa dalam konteks penggunaannya dalam interaksi seharian. Fenomena bahasa berlaku seiring dengan perubahan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut atau pengaruh daripada budaya masyarakat lain. Di samping itu, aspek keperluan penutur bahasa tersebut sendiri juga menjadi faktor kepada perubahan bahasa (Kamaruddin 2019). Fenomena sikap, pilihan variasi bahasa, pengalihan kod dan percampuran bahasa diandaikan sebagai fenomena kebahasaan yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat dwibahasa atau multibahasa yang saling berinteraksi pada tempat dan masa tertentu.

1.11.2 Pilihan Bahasa

Pilihan bahasa ialah fenomena yang terdapat dalam kalangan penutur masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Dalam fenomena bahasa, terdapat fenomena lain seperti pilihan variasi kod bahasa dan pengalihan kod (Ferguson 1959). Individu yang menguasai dua atau lebih bahasa pastinya akan memilih bahasa yang akan digunakan. Fenomena pilihan bahasa berlaku akibat pertembungan bahasa, sosial dan budaya. Kesannya, wujud masyarakat yang memiliki mampu memilih bahasa atau kod bahasa dalam sesuatu interaksi yang berkemungkinan berlaku proses mempertahankan bahasa pertama, melakukan peralihan bahasa kepada bahasa kedua atau mencampurkan bahasa pertama dengan bahasa kedua (Kamaruddin 2019).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pilihan bahasa oleh seseorang pengguna bahasa boleh berubah dan disesuaikan dengan fungsi penggunaan sesebuah bahasa itu. Oleh itu, pilihan bahasa berkait dengan peralihan bahasa, dan setiap kelompok masyarakat bahasa itu mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang ingin digunakan dan akan menentukan hasil proses peralihan yang berlaku (Riduan et al. 2019; Sa'adiah 2014). Bagi individu atau masyarakat yang multibahasa atau dwibahasa secara tidak langsung akan memilih salah satu bahasa atau kelainan bahasa untuk diguna pakai dalam interaksi tertentu. Pilihan tersebut didasari faktor tertentu. Kajian pilihan bahasa mengikut prinsip "Siapa bercakap dalam bahasa apa kepada siapa dan bila" (Fishman 1972) menggariskan panduan semasa berkomunikasi. "Siapa bercakap" merujuk responden yang dikaji, iaitu masyarakat Banjar di daerah Mukim Bagan Serai; "bahasa apa" merujuk pilihan bahasa yang digunakan; kepada siapa ialah interlokutor atau orang yang diajak berbual; dan "bila" ialah domain pilihan bahasa seperti keluarga, persahabatan dan jual beli. Domain kajian merujuk latar sesuatu perbualan itu berlaku. Latar dapat mempengaruhi pilihan dan penggunaan bahasa individu dan masyarakat (Mohammed Azlan 2012).

a. Penutur ("Siapa bercakap")

Menurut Fishman (1972), penutur ialah individu yang berinteraksi dalam konteks sosial tertentu, dan dalam keadaan ini pilihan bahasa atau variasi bahasa yang digunakannya dipengaruhi oleh faktor seperti identiti etnik, status sosial dan domain. Fishman (1972) turut menekankan bahawa "Siapa bercakap" merujuk bukan sahaja individu yang berbicara, tetapi juga latar belakang sosial dan budaya mereka yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam perbualan tersebut. Hal ini termasuklah peranan sosial mereka, hubungan kekeluargaan dan konteks situasi perbualan. Dalam konteks sosiolinguistik, analisis Fishman terhadap "Siapa bercakap" membantu memahami cara identiti sosial dan hierarki sosial dalam masyarakat mempengaruhi pola komunikasi serta pilihan bahasa dalam kalangan penutur pelbagai latar belakang etnik dan budaya.

b. Interlokuter ("Kepada siapa")

Interlokuter merujuk pihak lawan bicara atau kumpulan yang menjadi penerima atau peserta dalam interaksi bahasa. Identiti dan latar belakang sosial interlokuter memainkan peranan penting dalam penentuan cara penutur memilih dan menggunakan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa atau variasi bahasa tertentu. Pilihan bahasa oleh penutur dipengaruhi oleh faktor seperti hubungan sosial, status, etnik, serta konteks dan domain perbualan.

Fishman (1972) menekankan bahawa "Kepada siapa" bukan hanya tentang orang yang menjadi penerima dalam perbualan, tetapi juga tentang cara identiti dan peranan sosial interlokuter mempengaruhi dinami komunikasi. Misalnya, penutur mungkin memilih bahasa formal atau tidak formal, atau mungkin berlaku penggunaan dua atau lebih bahasa atau variasi bahasa dalam satu pertuturan atau konteks (penukaran kod) bergantung pada "Siapakah interlokuternya?", "Adakah mereka mempunyai hubungan rapat atau jarak sosial, serta hierarki sosial antara penutur dengan interlokuter?"

Dalam konteks sosiolinguistik, analisis Fishman (1972) terhadap "Kepada siapa" membantu memahami cara faktor sosial dan budaya mempengaruhi pola interaksi dan pilihan bahasa dalam masyarakat pelbagai etnik dan budaya.

c. Domain ("Bila")

Domain merujuk latar atau konteks sesuatu perbualan itu berlaku (Holmes 2001), dan satunya dicirikan oleh hubungan sosial, aktiviti dan lokasi tertentu, yang bersama-sama menentukan pilihan bahasa dalam situasi tersebut. Fishman (1972) memperkenalkan konsep ini untuk menjelaskan cara individu dalam masyarakat dwibahasa atau pelbagai bahasa memilih bahasa yang sesuai berdasarkan konteks sosial mereka seperti pernyataan beliau di bawah:

> *Domains are defined in terms of institutional contexts or social-ecological co-occurrences. They attempt to designate the major clusters of interaction situations that occur in particular multilingual settings. Domains enable us to understand that language choice and topic ...are...related to widespread socio-cultural norms and expectations.*

Dalam konteks kajian ini pemahaman tentang domain amat penting untuk mengkaji cara bahasa Banjar digunakan dan dipelihara dalam masyarakat di Bagan Serai. Dengan mengenal pasti setiap domain ini, kita dapat memahami dengan lebih

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

baik cara bahasa memainkan peranan dalam kehidupan sosial dan budaya sesebuah masyarakat.

1.11.3 Pengekalan Bahasa

Fasold (1984) menyatakan bahawa pengekalan bahasa berlaku apabila masyarakat secara kolektif terus menggunakan bahasa yang sedia ada. Dalam hal ini, penutur bahasa asal terus menggunakannya dalam kehidupan seharian meskipun berhadapan dengan tekanan untuk beralih kepada bahasa lain yang mungkin lebih dominan. Dalam konteks ini, pengekalan bahasa memastikan bahawa bahasa ibunda tetap hidup dan diwariskan kepada generasi berikutnya. Pandangan ini disokong oleh Hayati et al. (2020) yang mengatakan bahawa pengekalan bahasa terjadi apabila penuturnya kekal menggunakan bahasa ibunda dan menurunkannya kepada anak-anak serta generasi seterusnya bagi menjamin kelangsungan bahasa tersebut dalam masyarakat.

Oleh itu, usaha mengekalkan bahasa ialah proses berterusan untuk memastikan bahasa yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau kaum terus bertahan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan pengaruh persekitaran. Lebih penting lagi, bahasa ialah unsur utama dalam penentuan identiti dan budaya kumpulan, khususnya kumpulan minoriti. Hal ini sejajar dengan pandangan Holmes (2001), iaitu: Pengekalan identiti dan budaya yang berbeza selalunya penting untuk keyakinan diri ahli suatu kelompok minoriti, dan hal ini akan memberikan kesan kepada tahap kejayaan yang dicapai dalam masyarakat.

Hal ini memberi mereka rasa kestabilan dan keselamatan dalam komuniti mereka. Kejayaan dalam pemeliharaan identiti dan warisan budaya ini akan memberikan impak terhadap pencapaian dalam pelbagai bidang kehidupan. Oleh itu, usaha mengekalkan dan mengukuhkan identiti serta warisan budaya ini memegang peranan yang penting bagi meningkatkan keyakinan diri dan mencapai kejayaan dalam masyarakat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.11.4 Peralihan Bahasa

Peralihan bahasa berlaku apabila masyarakat tidak lagi menggunakan bahasa ibunda mereka yang menyebabkan kegagalan dalam mengekalkan fungsi asal bahasa ibunda dan digantikan oleh bahasa lain yang lebih dominan (Cowell 2016; Fasold 1984; Kedrebeogo 1995; Sa'adiah 2019; Siti Noraini & Nor Hashimah 2018; Weinreich 1953). Lazimnya, peralihan bahasa berlaku apabila masyarakat minoriti berpindah untuk menyertai masyarakat yang mempraktikkan pelbagai bahasa dalam negara bangsa moden serta perlu mempelajari bahasa dominan kumpulan untuk memenuhi keperluan komunikasi, urusan harian dan pekerjaan (Noraisikin et al. 2020). Hal ini sering dianggap sebagai peningkatan status (Asmah 2008; Holmes 2008; Ostler 2011; Paulston 1994; Sa'adiah 2019; Saidah 2009; Weinreich 1953). Paulston (1994) mengamati bahawa keupayaan golongan minoriti yang berhijrah untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka apabila menyertai masyarakat multilingual dapat dipengaruhi oleh faktor mobiliti sosial.

1.11.5 Diaspora

Diaspora merujuk fenomena penyebaran komuniti atau individu dari tanah asal ke lokasi baharu sama ada secara sukarela atau melalui paksaan yang mencetuskan transformasi identiti budaya, sosial dan ekonomi mereka. Diaspora melibatkan bukan sahaja perpindahan fizikal, tetapi juga pertembungan dan penyesuaian dengan budaya tuan rumah, sambil sebahagiannya mengekalkan identiti asal. Heilbron (1998) menjelaskan bahawa fenomena diaspora bersifat pelbagai dimensi, merangkumi pengasingan paksa seperti penawanan Babylon, diaspora perdagangan yang memajukan jaringan ekonomi global seperti pedagang Genoa, dan diaspora buruh seperti buruh *coolie* Cina yang hampir menyerupai perhambaan.

Fenomena diaspora tidak sekadar dilihat sebagai mobiliti demografi, tetapi turut melibatkan pembentukan naratif sejarah yang kompleks. Diaspora Yahudi, sebagai contohnya, bukan sahaja mempengaruhi penyebaran agama Kristian, tetapi juga mewujudkan asas komuniti diaspora yang mampu bertindak sebagai jambatan budaya antara masyarakat yang mempercayai satu Tuhan dengan masyarakat yang mengamalkan kepercayaan pelbagai dewa pada zaman purba. Pada masa yang sama,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

diaspora Genoa membentuk rangkaian ekonomi yang penting, membantu Columbus meneroka Amerika dan menunjukkan cara diaspora boleh mempengaruhi perjalanan sejarah dunia (Heilbron 1998).

Dalam konteks moden, diaspora mencerminkan cabaran dan peluang dalam masyarakat pelbagai budaya. Seperti yang dihujahkan oleh Heilbron (1998), diaspora membawa persoalan kritikal tentang cara mengekalkan identiti etnik tanpa mengorbankan keharmonian sosial dalam persekitaran pelbagai kultural. Keadaan di California yang tiada kumpulan etnik majoriti, menonjolkan realiti diaspora sebagai fenomena global yang memerlukan integrasi budaya tanpa mengorbankan keunikan setiap etnik. Oleh itu, diaspora harus difahami bukan sekadar perpindahan geografi, tetapi sebagai fenomena yang mengubah sempadan sosial, budaya dan ekonomi pada era globalisasi. Heilbron (1998) menegaskan bahawa pemahaman mendalam tentang pengalaman diaspora, terutama dalam konteks diaspora Cina dan Genoa, adalah penting untuk merangka dasar yang terangkum dan mampan dalam usaha menangani cabaran identiti dan integrasi.

Secara lebih komprehensif, Cohen (2008) mengemukakan enam ciri khas yang digunakan untuk mengelaskan kelompok masyarakat sebagai diaspora: Pertama, mereka ialah keturunan daripada leluhur yang pernah hidup di luar tanah asal, etnik atau suku bangsa mereka; kedua, mereka berusaha melestarikan kearifan lokal, termasuklah mitos dan cerita asal yang diwariskan secara turun-temurun oleh nenek moyang mereka; ketiga, mereka merasakan bahawa mereka tidak sepenuhnya diterima sebagai bahagian dari masyarakat utama di tempat tinggal mereka sekarang, baik dalam konteks lokal, daerah atau negara; keempat, cerita leluhur mereka menjadi elemen penting dalam pelestarian dan pembentukan budaya serta gaya hidup mereka; kelima, terdapat keyakinan yang mendalam untuk menjaga dan memelihara kebudayaan tanah air leluhur mereka sebagai masyarakat diaspora; keenam, mereka secara aktif berusaha membangun hubungan yang erat dengan tanah asal mereka, baik dalam aspek sosial, ekonomi mahupun budaya.

Masyarakat diaspora mempunyai ciri tersendiri yang paling nyata, iaitu usaha mengekalkan warisan budaya dan nilai yang diwarisi oleh leluhur mereka tentang tanah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

air asal. Aspek ini sangat penting kerana budaya memainkan peranan besar dalam pembentukan identiti manusia. Seperti yang dijelaskan oleh Hendrokumoro (2023), budaya tidak hanya menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, tetapi juga menjadi asas yang membentuk jati diri individu dan komuniti. Dalam konteks ini, konsep Malinowski (1944) menyatakan bahawa terdapat tujuh unsur budaya yang bersifat universal, termasuklah bahasa, teknologi sistem mata pencarian dan ekonomi, organisasi sosial, sistem pengetahuan, agama dan seni. Kesemua elemen ini ialah komponen penting yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia dan terus memainkan peranan dalam pembentukan struktur sosial dan budaya masyarakat diaspora.

1.12 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, bab ini telah memberikan gambaran menyeluruh tentang diaspora dalam tradisi masyarakat Banjar. Isu utama yang digariskan ialah cabaran yang dihadapi oleh bahasa Banjar dalam usaha untuk kekal relevan dalam kalangan masyarakat Banjar yang kini terdedah kepada pengaruh bahasa majoriti seperti bahasa Melayu, dialek Melayu Kedah dan bahasa Inggeris dalam pelbagai domain rasmi dan tidak rasmi. Melalui penerapan pendekatan yang berasaskan pelbagai domain seperti keluarga, persahabatan, jual beli, agama, pekerjaan dan pendidikan, kajian ini mengemukakan kerangka yang komprehensif untuk menilai tahap pemeliharaan bahasa Banjar serta mengkaji peranan sosial bahasa tersebut dalam kehidupan harian masyarakat. Selain itu, bab ini merangkumi objektif, persoalan dan kepentingan kajian dalam konteks sosiolinguistik dan pemeliharaan bahasa warisan yang menyediakan asas untuk perbincangan lanjut dalam bab-bab yang berikutnya. Fokus akan diberikan kepada situasi semasa, cabaran dan elemen yang mempengaruhi penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar.

Dengan demikian, bab ini membentuk landasan yang kukuh untuk memahami fenomena pengekalan dan peralihan bahasa Banjar dalam komuniti minoriti ini. Keseluruhan analisis dan perbincangan yang diutarakan di sini adalah penting dalam usaha memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang isu yang berkaitan dengan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa, identiti dan warisan budaya serta mencerminkan usaha memelihara dan mengekalkan bahasa Banjar sebagai sebahagian daripada khazanah budaya Malaysia.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bab ini bertujuan untuk mengulas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pilihan bahasa, baik yang dihasilkan oleh sarjana dari luar negara mahupun oleh sarjana tempatan. Sorotan literatur yang dijalankan boleh menghasilkan pelbagai maklumat penting yang relevan, khususnya berkaitan teori, pendekatan, metodologi, analisis data pilihan bahasa dan dapatan kajian para pengkaji. Maklumat yang diperoleh melalui sorotan literatur ini bukan sahaja membantu memahami asas teori dan metodologi pilihan bahasa, malah turut memberikan panduan dalam merangka kerangka kajian yang lebih sistematik dan berkesan. Melalui tinjauan ke atas kosa ilmu, kajian lepas, berbagai perspektif dan hasil kajian dapat diinterpretasi serta dinilai untuk menetukan kelompangan-kelompangan yang wujud tentang fenomena pilihan bahasa,dalam konteks kajian tesis ini,masyarakat multilingual etnik Banjar diaspora. Sorotan ini juga memperlihatkan bagaimana kajian terdahulu memerihalkan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa (misalnya faktor budaya, sosial,dan politik), dan sekali gus menjadi rujukan penting dalam menilai fenomena pilihan bahasa dalam kajian ini.

Bab ini dimulakan dengan sorotan terhadap kajian pilihan bahasa yang telah dijalankan oleh sarjana luar negara, diikuti dengan perbincangan yang terperinci mengenai sumbangan sarjana-sarjana di Alam Melayu dalam bidang yang sama. Sorotan ini bertujuan memberikan gambaran yang holistik dan memperkukuh asas kajian ini.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

2.2 KAJIAN PILIHAN BAHASA DI BARAT

Kajian perintis mengenai pilihan bahasa dipelopori oleh Fishman (1972) yang memperkenalkan konsep domain sebagai asas untuk menganalisis pilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat pelbagai bahasa. Beliau menekankan bahawa penggunaan bahasa dipengaruhi oleh faktor seperti hubungan sosial, identiti budaya, dan peranan bahasa dalam menyampaikan makna dalam konteks tertentu. Pendekatan ini diperincikan melalui kerangka "*who speaks what language to whom and when*," yang menjadi panduan utama dalam memahami pengekalan mahupun peralihan pilihan bahasa. Fishman (1972) memperkenalkan konsep domain sebagai kerangka utama untuk menganalisis pilihan bahasa dalam masyarakat berbilang bahasa. Konsep ini menggariskan hubungan antara siapa yang bercakap (*who speaks*), bahasa yang digunakan (*what language*), kepada siapa percakapan ditujukan (*to whom*), bila dan dimana perbualan berlaku (*when and where*). Melalui pendekatan ini, Fishman menekankan bahawa pilihan bahasa bukan hanya dipengaruhi oleh faktor individu, tetapi juga oleh struktur sosial dan konteks interaksi. Dalam kerangka ini, individu yang terlibat dalam interaksi yang menjadi pendengar atau penerima komunikasi disebut sebagai interlokutor. Hubungan sosial antara pihak yang berkomunikasi dan konteks tertentu menentukan pilihan bahasa yang digunakan dalam situasi tersebut. Oleh itu, peranan interlokutor adalah penting, kerana ia mempengaruhi kesesuaian bahasa berdasarkan hubungan sosial dan konteks komunikasi. Fishman menegaskan bahawa analisis domain membantu memahami bagaimana bahasa dipilih dan digunakan secara dinamik dalam pelbagai situasi sosial.

Melalui konsep domain, Fishman mengklasifikasikan pelbagai situasi sosial, seperti keluarga, tempat kerja, pendidikan, dan agama, untuk memahami bagaimana individu memilih bahasa yang berbeza berdasarkan peranan sosial mereka dalam situasi tertentu. Ini menjadikan kajian pilihan bahasa lebih terarah kepada pemahaman kontekstual, iaitu bahasa digunakan untuk memberi panduan dalam melihat interaksi sosial dalam masyarakat berbilang bahasa. Dalam kajian ini, pendekatan Fishman yang menggunakan konsep domain sebagai kerangka analisis adalah relevan, terutamanya dalam memahami bagaimana pilihan bahasa berubah mengikut generasi dan konteks sosial yang tertentu. Kajian mengenai pilihan bahasa di Barat yang dipelopori oleh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Fishman (1972) telah memberi sumbangan yang besar dalam memahami bagaimana pilihan bahasa berfungsi dalam masyarakat berbilang bahasa melalui penggunaan konsep domain. Meskipun pendekatan ini memberikan asas yang kukuh untuk menganalisis pilihan bahasa dalam pelbagai konteks sosial, mungkin tidak sepenuhnya menggambarkan pola pilihan bahasa dalam komuniti tertentu, seperti masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai, Perak. Oleh kerana sifat sesebuah sosial masyarakat adalah dinamik, pilihan dan penggunaan bahasa turut akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Oleh itu, kajian ini akan meneliti bagaimana faktor-faktor seperti identiti etnik, perubahan sosial, dan pengaruh globalisasi mempengaruhi pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai, yang mungkin akan memaparkan hasil kajian yang menarik dan berbeza dengan kajian pilihan bahasa dalam konteks masyarakat Barat.

Kajian awal berkaitan pilihan bahasa di Barat juga diketengahkan oleh Ervin-Tripp (1972), iaitu beliau mengulas konsep domain dalam kajian pilihan bahasa dengan menghubungkan cara penggunaan bahasa kepada faktor-faktor seperti peranan individu, topik perbualan, fungsi interaksi, dan konteks sosial. Semua faktor ini memainkan peranan penting dalam menentukan bagaimana seseorang memilih bahasa yang digunakan. Menurut Ervin-Tripp, peranan individu, topik perbualan, fungsi interaksi, dan konteks sosial adalah domain utama dalam pilihan bahasa. Pilihan bahasa yang digunakan oleh peserta dalam komunikasi dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti usia, gender, pekerjaan, status sosioekonomi, asal-usul, keturunan, dan hubungan antara penutur (contohnya antara majikan dan pekerja atau suami dan isteri). Topik yang dibincangkan juga mempengaruhi pilihan bahasa, meliputi perkara seperti pekerjaan, sukan, dan isu semasa. Fungsi interaksi biasanya melibatkan aktiviti rutin dan kebiasaan harian seperti memberi salam, mengucapkan terima kasih, dan memohon maaf. Latar belakang pilihan bahasa merangkumi masa dan lokasi komunikasi yang boleh berubah jika ada variasi baru semasa komunikasi tersebut. Pilihan bahasa juga akan berubah sekiranya peranan peserta, topik, fungsi interaksi, dan latar berubah. Kajian ini berkait rapat dengan pandangan Fishman (1972), yang menegaskan bahawa domain adalah kerangka utama untuk memahami hubungan antara siapa yang bercakap, bahasa yang digunakan, kepada siapa percakapan ditujukan, masa dan tempat komunikasi berlaku. Kedua-dua pandangan ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

adalah hasil interaksi dinamik antara struktur sosial dan konteks interaksi. Namun, terdapat perbezaan dalam penekanan, iaitu Ervin-Tripp lebih menumpukan kepada pelbagai faktor sosial dan individu yang spesifik, manakala Fishman memberikan kerangka yang lebih luas dan makro untuk menganalisis pilihan bahasa dalam masyarakat berbilang bahasa.

Holmes (2001) menjalankan kajian tentang pilihan bahasa dalam masyarakat multibahasa. Menurut Holmes, penutur dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai bahasa cenderung memilih satu bahasa sebagai medium komunikasi utama. Pilihan bahasa ini dipengaruhi oleh faktor sosial seperti siapa yang bercakap, konteks sosial, fungsi komunikasi, dan topik perbincangan. Holmes membuktikan bahawa pendekatan ini relevan untuk menjelaskan pilihan bahasa dalam masyarakat multibahasa, terutamanya apabila interaksi berlaku dalam kalangan ahli keluarga, iaitu lokasi di rumah, dan topik berkisar pada aktiviti kekeluargaan. Elemen-elemen ini memainkan peranan penting dalam menentukan corak pilihan bahasa. Menurut Holmes, konsep ini dikenali sebagai "domain", yang telah diperkenalkan oleh Fishman pada tahun 1972. Menurut Holmes (2001), domain adalah konsep yang digunakan untuk mengkaji pilihan bahasa dalam masyarakat. Domain ini bergantung pada tiga faktor sosial utama, iaitu siapa yang bercakap, di mana perbualan berlaku, dan apa yang dibincangkan. Konsep domain membantu untuk mengenal pasti dan membandingkan corak penggunaan bahasa yang digunakan dalam pelbagai situasi. Dengan memahami konsep domain, ia memudahkan pengkaji membuat perbandingan dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai bahasa.

Menurut Spolsky (2004), pilihan bahasa dalam masyarakat dwibahasa atau pelbagai bahasa banyak dipengaruhi oleh dasar bahasa yang ditetapkan oleh kerajaan atau institusi dan faktor sosioekonomi. Beliau berpendapat bahawa dasar bahasa yang diwujudkan melalui pentadbiran awam, sistem pendidikan, dan media mempunyai kuasa besar dalam menentukan bahasa yang mendominasi dalam ruang awam. Ini bermaksud bahawa pilihan bahasa bukan sekadar keputusan individu tetapi turut diarahkan oleh tekanan dari dasar dan politik bahasa yang memperkukuh kedudukan bahasa tertentu. Selain itu, Spolsky (2004) menekankan bahawa mobiliti sosial dan status ekonomi berperanan besar dalam menentukan nilai dan prestij bahasa tertentu.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Bahasa yang dianggap "bernilai" dalam masyarakat sering dikaitkan dengan akses kepada pekerjaan yang lebih baik, pendidikan berkualiti tinggi, dan status sosial yang lebih tinggi. Sebagai contoh, individu yang menguasai bahasa dominan atau bahasa rasmi mungkin lebih mudah mencapai kejayaan dan mobiliti sosial yang diinginkan. Dalam hal ini, pilihan bahasa mencerminkan aspirasi individu dan komuniti untuk memperoleh manfaat sosial dan ekonomi yang ditawarkan oleh penguasaan bahasa tersebut. Spolsky (2004) menyimpulkan bahawa pilihan bahasa sering mencerminkan hubungan antara identiti peribadi, pengaruh ekonomi dan politik, yang bersama-sama mempengaruhi keputusan berkenaan penggunaan bahasa dalam kalangan individu dan komuniti. Kajian ini lebih menekankan pengaruh dasar bahasa, politik, dan sosioekonomi dalam masyarakat pelbagai bahasa, namun kurang memberi perhatian kepada aspek interaksi mikro dalam komuniti diaspora. Selain itu, fokus terhadap pengaruh global seperti dominasi bahasa rasmi sering mengesampingkan kajian tentang bagaimana komuniti diaspora membuat pilihan bahasa yang sesuai dengan keperluan sosial dan budaya mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneroka faktor yang mempengaruhi pola pilihan bahasa dalam komuniti diaspora Banjar, khususnya dalam konteks kehidupan harian mereka.

Kajian oleh Grosjean (2010) menekankan bahawa pilihan bahasa dalam kalangan penutur dwibahasa adalah proses yang dinamik, kontekstual dan dipengaruhi oleh domain dalam kehidupan seharian. Melalui konsep *complementarity principle*, Grosjean menunjukkan bahawa penutur dwibahasa sering kali memilih bahasa berdasarkan keperluan komunikasi khusus dalam domain tertentu dan penguasaan bahasa mereka dalam konteks tersebut. Misalnya, seseorang penutur mungkin lebih selesa menggunakan bahasa rasmi di tempat kerja untuk memenuhi kehendak pekerjaan, namun beralih kepada bahasa ibunda atau bahasa yang lebih santai dalam situasi keluarga atau peribadi. Pendekatan Grosjean ini menggariskan bahawa pilihan bahasa bagi penutur dwibahasa bukan sekadar keputusan tetap atau formal, tetapi satu bentuk fleksibiliti yang membolehkan mereka memenuhi keperluan sosial dan emosi yang berbeza. Penutur dwibahasa mengatur bahasa mereka mengikut keperluan kognitif dan hubungan sosial yang sesuai dengan konteks, Contohnya, dengan menggunakan bahasa yang mereka anggap lebih berkesan dalam konteks tertentu. Pendekatan ini juga menekankan bahawa pilihan bahasa merupakan alat penting bagi penutur dwibahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

untuk menyesuaikan diri dan membentuk identiti mereka dalam pelbagai domain kehidupan.

Kajian Coulmas (2013) menekankan bahawa pilihan bahasa dalam masyarakat multilingual, khususnya di Eropah, bukan sekadar refleksi identiti budaya, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi. Coulmas membincangkan bagaimana dasar bahasa kerajaan, seperti bilingualisme rasmi dan polisi ekonomi, memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan bahasa individu dan komuniti. Dalam konteks ini, pemerintah di negara seperti Jerman atau Perancis mengaitkan penguasaan bahasa nasional dengan status sosial dan akses yang lebih luas kepada pendidikan dan pekerjaan yang berkualiti. Hal ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat yang multilingual, pilihan bahasa sering dibuat berdasarkan faedah sosioekonomi yang berpotensi diperoleh, bukan semata-mata keutamaan budaya. Coulmas menekankan bahawa di bawah pengaruh dasar kerajaan dan globalisasi, generasi muda di Eropah cenderung memilih bahasa yang menjanjikan peluang ekonomi yang lebih baik, terutamanya bahasa yang digunakan dalam sektor profesional dan antarabangsa seperti bahasa Inggeris. Ini memberi implikasi bahawa pilihan bahasa tidak hanya dipandu oleh kesetiaan bahasa atau identiti, tetapi juga oleh akses kepada peluang ekonomi yang lebih besar dan peningkatan status sosial. Dalam situasi bahasa tertentu dianggap lebih menguntungkan secara ekonomi, seperti bahasa nasional atau bahasa Inggeris, bahasa-bahasa lain yang kurang berpotensi ekonomi mungkin semakin jarang digunakan dan akhirnya boleh mengancam kepelbagaian bahasa di sesebuah negara. Coulmas merumuskan bahawa pilihan bahasa adalah keputusan strategik bagi ramai individu dan keluarga dalam masyarakat multibahasa, yang mencerminkan keseimbangan antara aspirasi sosial, ekonomi, dan identiti budaya. Oleh itu, kajian Coulmas lebih memfokuskan kepada strategi pilihan bahasa yang berkait rapat dengan faedah ekonomi dan dasar kerajaan, manakala kajian pengkaji menggarap persoalan kelangsungan bahasa etnik dalam persekitaran yang kian homogen. Kajian pengkaji turut melihat sama ada terdapat usaha pengekalan atau peralihan bahasa, iaitu kedudukan bahasa Banjar dalam interaksinya dengan Bahasa Melayu baku dan dialek tempatan serta kemampuannya untuk bertahan sebagai identiti etnik atau secara beransur-ansur digantikan oleh bahasa atau dialek tersebut. Memandangkan di Malaysia, kelulusan bahasa Melayu dalam SPM merupakan syarat wajib untuk layak memohon pekerjaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

di sektor-sektor awam, maka bahasa Melayu menyerlahkan kepentingan faktor ekonominya. Sehubungan dengan itu, kajian ke atas komuniti Banjar di Bagan Serai dapat memperkayakan hasil kajian yang berkenaan pilihan bahasa dan faktor ekonomi seperti yang dilakukan oleh Coulmas (2013).

Kajian oleh Akrofi (2016) meneliti kesan perubahan sosial terhadap pilihan bahasa dalam komuniti dwibahasa Larteh, Ghana, khususnya dalam domain pendidikan, tradisi, dan agama. Di Larteh, bahasa utama ialah Leteh dan Akuapem Twi, manakala bahasa Inggeris diperkenalkan melalui pendidikan formal. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan bahasa Inggeris yang semakin meluas, terutamanya dalam bidang pendidikan dan domain awam, memberi cabaran besar kepada bahasa tempatan seperti Leteh. Penduduk memilih bahasa Inggeris untuk mengejar peluang ekonomi dan mobiliti sosial yang lebih baik, tetapi pilihan ini menyebabkan penurunan penggunaan bahasa Leteh, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Akibatnya, penguasaan bahasa Leteh semakin berkurang dalam kehidupan seharian, sekali gus menimbulkan risiko kepupusan. Penemuan ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa di Larteh mencerminkan aspirasi sosial yang dipengaruhi oleh pendidikan dan globalisasi. Namun, ia juga memberi implikasi negatif terhadap kelangsungan bahasa tempatan, yang semakin tergugat oleh keperluan ekonomi dan sosial yang dipenuhi oleh bahasa Inggeris. Kajian Akrofi (2016) memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh bahasa tempatan dalam konteks peralihan kepada bahasa global, iaitu bahasa Inggeris, yang sering dianggap penting untuk pendidikan, pekerjaan, dan mobiliti sosial. Sementara itu, kajian pengkaji lebih menumpukan kepada cabaran bahasa masyarakat minoriti di Malaysia dalam peralihan kepada bahasa Melayu dan dialek tempatan. Dengan meneliti konteks lokal Malaysia, kajian pengkaji berpotensi mengisi jurang dari perspektif yang lebih spesifik dan relevan terhadap realiti linguistik komuniti di Bagan Serai, Perak, iaitu keadaan kepelbagaian bahasa dan dialek digunakan secara serentak dalam kehidupan seharian, mencerminkan kepelbagaian budaya dan identiti masyarakat setempat. Hal ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kelangsungan bahasa minoriti dalam era moden.

Kajian oleh Lovrits et al. (2024) mengkaji bagaimana ideologi bahasa mempengaruhi pilihan bahasa dalam konteks pelbagai bahasa di institusi Kesatuan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Eropah di Luxembourg. Mereka memperkenalkan konsep "perasaan rendah diri bahasa" dan "dorongan bahasa" untuk menggambarkan tekanan yang dialami oleh penutur bahasa Perancis dalam suasana kerja harian. Walaupun bahasa Perancis mempunyai status tinggi dan dikaitkan dengan "logik kehormatan" kerana penggunaannya di Perancis, kehadiran bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan di institusi tersebut mendorong ramai penutur Perancis untuk menyesuaikan diri dengan bahasa Inggeris demi kelangsungan komunikasi profesional. Fenomena ini menunjukkan bahawa pilihan bahasa dalam kalangan penutur Perancis bukan sekadar keputusan praktikal tetapi juga dipengaruhi oleh ideologi yang menekan mereka untuk beralih kepada bahasa yang lebih dominan dalam suasana antarabangsa. Dalam konteks ini, pilihan bahasa yang dibuat oleh penutur Perancis dilihat sebagai usaha untuk menyesuaikan diri dengan norma institusi yang lebih mengutamakan bahasa Inggeris, meskipun hal ini berpotensi mengancam kedudukan bahasa Perancis. Oleh itu, untuk mengekalkan vitaliti bahasa Perancis di dalam institusi yang pelbagai bahasa, pengurusan yang sensitif terhadap bahasa diperlukan, agar penutur bahasa Perancis berasa selesa menggunakan bahasa mereka dalam interaksi harian. Hal ini menunjukkan bagaimana ideologi bahasa dan tekanan sosial boleh mempengaruhi pilihan bahasa, iaitu penutur sering kali dipaksa memilih bahasa yang dominan bagi memastikan kebolehan mereka untuk berkomunikasi secara berkesan dalam konteks pekerjaan.

Kajian oleh Talukder dan Barner-Rasmussen (2024) membincangkan dilema pilihan bahasa dalam firma kecil antarabangsa melalui perspektif pertukaran sosial. Walaupun kajian ini menyediakan kerangka penting untuk memahami motivasi di sebalik pilihan bahasa seperti "bahasa Inggeris sahaja" atau "berbilang bahasa", pendekatannya lebih banyak menekankan faktor ekonomi dan praktikal, seperti perkongsian sumber dalaman dan luaran serta status bahasa. Namun demikian, perbincangan berkaitan hubungan budaya dan identiti didapati masih bersifat umum dan kurang mendalam. Selain itu, kajian ini juga kurang memberi perhatian kepada cabaran sebenar yang dihadapi oleh komuniti diaspora atau kumpulan minoriti dalam usaha mereka mempertahankan identiti bahasa. Kepelbagaian bahasa luaran yang diketengahkan lebih berkait dengan keperluan perniagaan global, manakala aspek marginalisasi atau asimilasi bahasa dalam kalangan komuniti tertentu tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Kekurangan ini membuka ruang untuk kajian yang lebih

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mendalam mengenai interaksi faktor-faktor tersebut dalam konteks komuniti tertentu, seperti masyarakat Banjar diaspora. Komuniti ini bukan sahaja berhadapan dengan cabaran komunikasi dalam persekitaran moden tetapi juga bergelut untuk memastikan kelangsungan identiti bahasa dan budaya mereka.

Seterusnya, sorotan kajian akan meneliti pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia secara umum dan masyarakat Banjar khususnya, baik di Nusantara mahupun di Malaysia.

2.3 KAJIAN PILIHAN BAHASA KOMUNITI MINORITI DI ALAM MELAYU

Pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti minoriti di Nusantara secara umum mencerminkan hubungan yang dinamik antara faktor sosial, budaya, politik, dan ekonomi. Rantau Nusantara, yang terkenal dengan kepelbagaian etnik dan linguistiknya menyebabkan pelbagai bahasa berinteraksi dalam pelbagai domain kehidupan. Bagi masyarakat minoriti, keputusan untuk menggunakan bahasa tertentu sering dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk status sosial bahasa, kebolehcapaian pendidikan, dasar kerajaan, dan keperluan praktikal untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran (Giles et al. 1977).

Untuk memahami lebih mendalam tentang fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti minoriti di Nusantara, kajian oleh oleh Azlan Mis (2010) bertumpu kepada peranan dan pilihan bahasa sebagai lingua franca dalam kalangan suku kaum di Sarikei, Sarawak, seperti Melayu, Iban, Cina, dan Melanau. Kajian ini menegaskan bahawa pelbagai suku kaum di Sarawak memilih *lingua franca* yang sesuai untuk memudahkan komunikasi dan interaksi antara etnik, bagi memperkukuh hubungan sosial. Kewajaran kajian ini dinyatakan berdasarkan pemilihan bahasa yang berlaku dalam kehidupan seharian, iaitu bahasa yang terpilih perlu berfungsi secara efektif sebagai *lingua franca*, difahami dan diterima oleh semua pihak tanpa menimbulkan konflik atau salah faham. Kajian ini juga menekankan bahawa, berdasarkan analisis pilihan bahasa, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sering menjadi pilihan yang utama dalam kalangan responden. Bahasa Iban lazimnya digunakan dalam situasi tidak formal, manakala dialek Melayu Sarawak pula lebih sering digunakan dalam situasi formal. Hasil ini memperlihatkan pola bahasa yang unik, iaitu bahasa-bahasa ini mampu

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memenuhi fungsi komunikasi dalam pelbagai konteks sosial. Dalam konteks yang lebih luas, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai simbol identiti etnik yang menghubungkan komuniti-komuniti pelbagai kaum di Sarawak. Kajian seperti Azlan Mis (2010) yang berfokus kepada pilihan bahasa dalam interaksi berbagai suku etnik wajar diterapkan dalam kajian Banjar diaspora di Bagan Serai kerana komuniti ini bukan sebuah masyarakat yang tertutup tetapi sentiasa berinteraksi dengan masyarakat berbilang kaum dalam kehidupan seharian.

Remmy (2011) meneliti pola pemilihan variasi bahasa Iban dalam kalangan penutur dari latar belakang variasi berbeza di bahagian Barat Sarawak, iaitu di Samarahan, Sibu, Betong, dan Iban Standard. Data dikumpulkan menggunakan kaedah rakaman perbualan tidak sedar di pelbagai lokasi seperti rumah, tempat kerja, dan ruang awam untuk mengelakkan modifikasi pertuturan oleh informan. Selepas rakaman, latar belakang informan dan variasi yang dituturkan direkodkan. Bagi memastikan kepatuhan terhadap etika, informan dimaklumkan pada akhir sesi bahawa perbualan mereka telah dirakam dan akan digunakan untuk tujuan penyelidikan. Enam dialog dipilih untuk dianalisis, merangkumi variasi yang digunakan, domain interaksi, dan bentuk penggunaan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan tiga pola utama pemilihan variasi Iban: (i) penggunaan Iban Standard dalam situasi formal atau apabila terdapat perbezaan variasi yang ketara antara penutur; (ii) penggunaan variasi masing-masing oleh penutur yang saling memahami variasi ibunda mereka; dan (iii) penyesuaian terhadap variasi lawan bicara bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi. Pemilihan variasi ini dipengaruhi oleh domain interaksi seperti lokasi, tahap keakraban, kompetensi penutur, dan topik perbualan, menjadikan Iban Standard sebagai lingua franca utama di Sarawak. Teknik yang digunakan Remmy (2011) diaplikasi dalam kajian pengkaji untuk mengumpulkan data autentik tentang pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai tanpa modifikasi pertuturan oleh informan. Selepas rakaman selesai, informan dimaklumkan mengenai tujuan rakaman untuk memastikan kepatuhan terhadap etika penyelidikan, sekali gus memperoleh data yang mencerminkan penggunaan bahasa sebenar dalam pelbagai domain sosial.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian oleh Mohammad Fadzeli et al. (2016) meneliti corak pilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand, khususnya di Rantau Panjang (Malaysia) dan Golok (Thailand). Tumpuan diberikan kepada dua domain utama,iaitu perniagaan dan keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun masyarakat di kedua-dua negara bertutur dalam bahasa yang berbeza, dialek Kelantan menjadi bahasa dominan dalam interaksi harian. Faktor usia didapati mempengaruhi pola penggunaan bahasa; generasi muda cenderung menggunakan dialek Kelantan dan bahasa Thai dalam domain tertentu, manakala generasi lebih tua lebih cenderung menggunakan dialek Kelantan sahaja. Di pihak masyarakat Thailand, penggunaan dialek Kelantan dalam kehidupan seharian mencerminkan usaha pemeliharaan bahasa di kawasan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa berperanan sebagai penanda identiti bagi komuniti di Golok, yang kebanyakannya berasal dari Malaysia. Kajian ini menyumbang data empirikal penting mengenai penggunaan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand. Sesungguhnya, berdasarkan kajian Mohammad Fadzeli et al. (2016), pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti minoriti di Malaysia merupakan satu fenomena yang kompleks dan menarik, yang mencerminkan pelbagai faktor sosio-budaya, sejarah, dan ekonomi. Kajian mengenai pilihan bahasa dalam komuniti minoriti di Malaysia adalah penting, terutamanya untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dan bagaimana pemilihan tersebut berhubungan dengan vitaliti bahasa. Dalam beberapa perenggan berikutnya, sorotan kajian tertumpu kepada pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti minoriti di Malaysia. Ini termasuk analisis pemilihan bahasa dalam pelbagai konteks sosial dan budaya, serta cabaran yang dihadapi oleh bahasa-bahasa minoriti dalam menghadapi dominasi bahasa utama seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Melalui sorotan ini, pola pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti minoriti di Malaysia dan implikasi yang timbul daripada fenomena ini dapat difahami dengan lebih mendalam.

Sorotan kajian ini memberikan pandangan yang mendalam mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Chetti di Melaka, yang merupakan satu kelompok etnik minoriti dengan latar belakang unik. Menurut Rahilah et al. (2016), masyarakat Chetti merupakan satu kumpulan yang berakar umbi daripada suku kaum India, namun tidak bertutur dalam bahasa Tamil seperti majoriti kaum India di Malaysia. Sebaliknya, mereka menggunakan bahasa Chetti sebagai bahasa komunikasi utama mereka. Kajian

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ini bertujuan untuk meneliti bagaimana masyarakat Chetti memilih dan menggunakan bahasa dalam kehidupan harian mereka, khususnya di Kampung Gajah Berang, Melaka, iaitu penutur bahasa Chetti tinggal secara majoriti. Metodologi yang dipilih oleh pengkaji meliputi soal selidik, temu bual, dan pemerhatian, yang memberikan data empirikal tentang pola penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat ini. Melalui metodologi ini, pengkaji dapat memerhatikan secara langsung konteks penggunaan bahasa Chetti dan bahasa lain dalam pelbagai domain, terutamanya dalam konteks keluarga. Rahilah et al. (2016) menekankan bahawa bahasa Chetti masih memainkan peranan penting dalam domain rumah atau keluarga, yang menunjukkan bahawa identiti budaya mereka tetap kukuh walaupun berada dalam lingkungan majoriti yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Dapatan ini menandakan satu tahap vitaliti yang positif bagi bahasa Chetti kerana masyarakat ini masih cenderung menggunakan bahasa asal mereka walaupun berhadapan dengan pengaruh bahasa majoriti. Dalam konteks interaksi seharian, bahasa Inggeris turut digunakan dengan baik, memperlihatkan keupayaan masyarakat ini untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran dwibahasa. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami situasi bahasa minoriti seperti bahasa Chetti dapat kekal relevan dalam kalangan masyarakat majoriti. Daripada hasil kajian ini, kita dapat mengesani bahawa komuniti minoriti di kawasan urban yang berstatus bukan bumiputera akan memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa alternatif utama dalam interaksi harian. Kajian yang dilakukan ke atas komuniti Banjar sesungguhnya dapat mengisi kelompangan berkenaan pola pilihan bahasa komuniti bumiputera yang tinggal di luar bandar, iaitu sama ada bersamaan dengan komuniti minoriti di bandar ataupun sebaliknya.

Kajian oleh Yusuf (2017) mengenai pemilihan bahasa kelompok tutur pendatang Jawa di Landasan Ulin, Banjarbaru, meneliti bagaimana komuniti Jawa yang berhijrah ke wilayah tersebut memilih bahasa dalam pelbagai domain komunikasi. Dengan menggunakan kaedah soal selidik dan wawancara terstruktur, kajian ini melibatkan 73 responden berusia antara 17 hingga 58 tahun, yang merupakan generasi pertama penutur bahasa Jawa sebagai bahasa pertama (B1). Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa Indonesia mendominasi dalam komunikasi harian, termasuk di tempat kerja, sekolah, dan interaksi sosial umum, manakala bahasa Jawa masih digunakan dalam konteks tertentu seperti komunikasi dengan sesama pendatang

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dari Pulau Jawa dan dalam lingkungan keluarga. Selain itu, terdapat penggunaan campuran bahasa Indonesia-Jawa dalam beberapa situasi, mencerminkan proses peralihan bahasa akibat faktor sosial dan integrasi dengan masyarakat tempatan. Kajian ini menekankan kepentingan penyelidikan lanjutan mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan etnik lain di Banjarbaru untuk memahami lebih lanjut dinamika peralihan bahasa dalam komuniti pendatang. Kajian Yusuf (2017) ini mirip dengan kajian dalam tesis ini yang mengkaji aspek pilihan bahasa dalam kalangan golongan migran. Dalam kajian beliau, jelas diketahui bahawa bahasa ibunda orang Jawa digunakan dalam lingkungan yang terbatas, iaitu sesama orang Jawa yang dari Pulau Jawa dan dalam lingkungan keluarga sahaja. Bagaimana pula dengan kaum Banjar diaspora di Bagan Serai, apakah bahasa Banjar dituturkan oleh penduduk tempatan ketika berinteraksi dengan pengunjung dari Banjarmasin dan, penutur dari kategori umur manakah yang masih mampu berinteraksi sepenuhnya dalam bahasa Banjar dengan pengunjung tersebut?

Kajian yang dilakukan oleh Chong et al. (2018) di Sarawak memberikan gambaran yang mendalam tentang pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Penan Muslim yang multilingual. Menggunakan metodologi yang melibatkan pemerhatian ikut serta dan wawancara, kajian ini mengumpulkan data dengan merujuk kepada kerangka teoritikal yang diperkenalkan oleh Fishman (1972), yang menekankan pemilihan bahasa berdasarkan domain sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Penan Muslim dipengaruhi secara signifikan oleh konteks keagamaan. Dalam domain ini, bahasa Bintulu dipilih sebagai lambang identiti agama Islam oleh komuniti Penan. Ini adalah hasil daripada sejarah penyebaran agama Islam di kawasan lembah Kemena, iaitu dialek Melayu Sarawak belum berkembang dengan meluas pada peringkat awal. Masyarakat Penan, yang mula-mula terdedah kepada ajaran Islam, lebih mudah menerima bahasa Bintulu, yang merupakan bahasa dominan dalam kalangan komuniti Islam di kawasan tersebut. Penting untuk diperhatikan bahawa pilihan bahasa Bintulu ini bukan hanya sekadar alat komunikasi, tetapi juga mencerminkan penghayatan dan identiti agama. Bahasa Bintulu menjadi simbol yang mengikat masyarakat Penan Muslim dengan identiti keagamaan mereka, mengukuhkan rasa kekitaan dan solidariti dalam kalangan anggota masyarakat. Dari perspektif sosial, kajian ini juga menyoroti bagaimana faktor budaya, sejarah, dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

konteks lokal membentuk cara masyarakat berinteraksi dan memilih bahasa. Pemilihan bahasa Bintulu dalam kalangan Penan Muslim memberikan satu contoh jelas bagaimana identiti etnik dan agama dapat mempengaruhi penggunaan bahasa dalam pelbagai domain kehidupan. Dapatan ini sesuai dijadikan rujukan kerana dalam kajian-kajian sosiolinguistik lain, hubungan agama dengan pilihan bahasa jarang diperkatakan.

Dalam kajian oleh Nurul Atikah dan Sa'adiah (2018), masyarakat minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah menjadi subjek utama dengan analisis berdasarkan pendekatan Fishman (1972) yang memfokuskan kepada domain kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, keagamaan, dan pekerjaan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Siam mengutamakan bahasa Siam dalam domain kekeluargaan dan keagamaan, mencerminkan fungsi bahasa tersebut sebagai simbol identiti budaya dan agama. Sebaliknya, bahasa Melayu mendominasi domain pekerjaan dan kejiranan, mencerminkan adaptasi linguistik untuk integrasi sosial dan pemenuhan keperluan komunikasi antara etnik. Kajian ini turut mendapati masyarakat Siam bersikap terbuka terhadap variasi bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan campuran bahasa Melayu-Siam, menunjukkan kebolehsuaian dalam pelbagai konteks interaksi sosial. Bagi komuniti Banjar di Bagan Serai, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu juga merupakan variasi bahasa bukan dialek yang kerap digunakan, khususnya orang generasi muda. Kajian yang mendalam terhadap persepsi mereka dan pengaruh bahasa ini terhadap penggunaan bahasa Banjar wajar dilakukan.

Kajian oleh Siti Aisah et al. (2019) meneliti pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai di Hulu Selangor, khususnya di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, iaitu soal selidik, rakaman, dan pemerhatian turut serta, bagi memahami tingkah laku bahasa masyarakat Semai. Seramai 175 responden, yang terdiri daripada penutur natif bahasa Semai dan individu yang mempunyai hubungan erat dengan komuniti tersebut, dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Kajian ini menggunakan Teori Domain Fishman (1972) sebagai kerangka analisis bagi menilai pemilihan bahasa dalam pelbagai domain. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Semai masih mengekalkan penggunaan bahasa Semai sebagai medium utama komunikasi, terutamanya dalam domain kekeluargaan, sekali gus mencerminkan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

keutuhan bahasa ini dalam konteks budaya mereka. Kajian ini menekankan pentingnya pemahaman terhadap corak pemilihan bahasa dalam memperkukuhkan identiti etnik dan budaya komuniti Orang Asli. Dalam kajian pengkaji, bahasa Banjar, meskipun masih digunakan dalam domain tertentu seperti keluarga dan persahabatan, berhadapan dengan cabaran pemeliharaan dalam domain pekerjaan dan pendidikan yang lebih formal. Sementara itu, kajian komuniti Semai lebih tertumpu kepada komuniti Orang Asli yang cenderung untuk lebih terasing dari masyarakat arus perdana, menjadikan pengaruh bahasa asing atau bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka lebih terhad. Oleh itu, kajian pengkaji memberi tumpuan yang lebih besar kepada pilihan bahasa dalam konteks masyarakat yang lebih terbuka dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan kebudayaan, yang mencabar pemeliharaan bahasa Banjar dalam pelbagai domain sosial.

Kajian oleh Dilah Tuah et al. (2021) tentang masyarakat Kedayan di Bekenu, Sarawak memberikan gambaran menyeluruh mengenai ketahanan bahasa Kedayan dalam suasana multilingual yang kompleks. Dengan menggunakan kerangka domain Fishman (1972), kajian ini meneliti pemilihan bahasa dalam lima domain utama: kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan. Dalam domain kekeluargaan, bahasa Kedayan kerap digunakan dalam kalangan ahli keluarga, terutamanya generasi tua, sebagai usaha mengekalkan identiti budaya Kedayan dan mewariskan bahasa ini kepada generasi muda. Walaupun bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak lebih lazim dalam kehidupan seharian, ahli keluarga Kedayan tetap memilih bahasa mereka dalam perbualan di rumah. Dalam konteks persahabatan pula, bahasa Kedayan bersaing dengan dialek Melayu Sarawak tetapi masih digunakan, terutamanya apabila komuniti Kedayan berkumpul secara eksklusif. Ini menunjukkan bahawa, meskipun ada pengaruh bahasa lain, bahasa Kedayan tetap menjadi simbol ikatan antara rakan-rakan Kedayan, terutama bagi mereka yang berasal dari kampung yang sama. Dalam domain keagamaan, bahasa Kedayan mempunyai peranan penting dalam upacara tradisional yang berkait dengan agama dan adat. Bahasa ini digunakan dalam doa dan ritual agama, yang mengekalkan hubungan komuniti Kedayan dengan kepercayaan tradisional mereka serta mencerminkan identiti budaya yang unik. Dalam domain pendidikan dan pekerjaan, bahasa Melayu lebih dominan, khususnya dalam kalangan generasi muda yang bersekolah dan bekerja di luar kampung. Namun, kajian

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ini menunjukkan bahawa mereka masih menguasai bahasa Kedayan dan menggunakannya dalam situasi tertentu, seperti berinteraksi dengan ahli keluarga yang lebih tua atau semasa acara adat. Secara keseluruhan, kajian Dilah Tuah et al. (2021) menunjukkan bahawa bahasa Kedayan masih lestari dan kekal sebagai bahasa utama dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Kedayan. Meskipun terdapat pengaruh bahasa lain seperti bahasa Melayu dan dialek Melayu Sarawak, bahasa Kedayan tetap kukuh dalam komuniti ini. Hal ini memberikan keyakinan bahawa bahasa tersebut akan terus bertahan dan memainkan peranan penting dalam memelihara identiti budaya Kedayan.Tinjauan ke atas kajian lepas ini mendapati bahawa pada zaman sekarang, jarang terdapat contoh kelompok minoriti yang mengekalkan bahasa ibunda mereka dengan baik dan contoh ini wajar dijadikan rujukan bagi membandingkannya dengan komuniti Banjar di Bagan Serai.

Nguyen dan Hamid (2021) mengkaji pengalaman pilihan bahasa dalam kalangan pelajar etnik minoriti Vietnam ketika berkomunikasi dengan individu daripada pelbagai peringkat usia, hubungan dalam keluarga dan komuniti etnolinguistik mereka. Konsep kuasa, solidariti, pilihan bahasa dominan dan tidak dominan telah digunakan untuk meneliti strategi pilihan bahasa yang digunakan oleh para pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa arus perdana telah ditetapkan sebagai kod solidariti generasi dalam kalangan ahli keluarga yang lebih muda, manakala bahasa ibunda (L1) dianggap sebagai kod kuasa yang dikaitkan dengan ahli keluarga dan komuniti yang lebih tua. Pola pilihan bahasa yang muncul ini berpotensi menyebabkan gangguan dalam amalan bahasa seharian dalam kumpulan sesama generasi yang berbeza, sekali gus mempercepatkan proses peralihan bahasa. Oleh itu, kajian pengkaji mengisi kelompangan dalam kajian pemilihan bahasa dengan memberi tumpuan kepada komuniti Banjar diaspora yang merangkumi individu berusia lingkungan 20-an hingga warga emas dalam enam domain utama, iaitu keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, agama, dan pekerjaan. Kajian pengkaji menekankan pengekalan dan peralihan bahasa Banjar yang berlaku dalam kesemua domain tersebut. Berbeza dengan kajian Nguyen dan Hamid (2021), yang hanya memfokuskan kepada interaksi dalam keluarga dan komuniti, kajian ini memperluas skop perbincangan dengan menghuraikan kepelbagaian domain dan menganalisis kepentingan pemilihan bahasa terhadap vitaliti bahasa Banjar dalam kalangan komuniti diaspora di Bagan Serai, Perak.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian oleh Putra et al. (2022) memberikan gambaran menyeluruh mengenai pilihan bahasa dalam kalangan generasi muda di Denpasar, Bali, dengan memfokuskan kepada penggunaan Bahasa Bali, Bahasa Indonesia, dan Bahasa Inggeris dalam domain keluarga, pendidikan, pekerjaan, dan agama. Kajian ini melibatkan 52 peserta berstatus mahasiswa yang data mereka diperoleh melalui soal selidik dan wawancara secara dalam talian disebabkan peningkatan kes Covid-19. Hasil kajian mendapati bahawa Bahasa Indonesia menjadi pilihan utama dalam kebanyakan domain, diikuti oleh Bahasa Bali dan Bahasa Inggeris. Pelbagai faktor dikenal pasti mempengaruhi keputusan bahasa yang digunakan, termasuk konteks sosial, tahap kecekapan bahasa, dan keselesaan dalam komunikasi. Kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap pemahaman pola penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda dalam komuniti yang sarat dengan kepelbagaian linguistik. Berbeza dengan kajian oleh Putra et al. (2022) yang memfokuskan kepada generasi muda, kajian pengkaji melibatkan generasi muda, pertengahan dan tua. Oleh hal yang demikian, kajian pengkaji dapat memberikan perspektif yang lebih holistik terhadap perubahan dan cabaran dalam pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Banjar di Bagan Serai, Perak. Kajian yang dengan mengambil kira kepelbagaian kategori umur amat penting kerana setiap generasi akan menunjukkan pola pilihan bahasa yang berbeza dan memaparkan sikap yang berbeza terhadap bahasa di persekitaran mereka.

Kajian oleh Burhan Murshidi et al. (2023) memberikan tumpuan kepada pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jahut di Kampung Sungai Kiul, Jerantut, Pahang, khususnya untuk memahami bahasa yang menjadi pilihan mereka berdasarkan domain sosial. Berdasarkan dapatan, masyarakat Jahut masih mengutamakan penggunaan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Jahut, dalam komunikasi dalaman, meskipun bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar apabila berinteraksi dengan bukan Jahut, termasuk pegawai kerajaan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972) untuk memahami konteks pemilihan bahasa. Responden terdiri daripada 20 penutur natif masyarakat Jahut, dan maklumat dikumpulkan melalui soal selidik, pemerhatian, dan rakaman. Penyelidikan ini menyerlahkan kepentingan pemeliharaan bahasa Jahut sebagai warisan budaya yang signifikan. Oleh hal yang demikian, kajian pengkaji berpotensi untuk dijalankan memandangkan kajian Burhan Murshidi et al. (2023)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memfokuskan kepada pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Jahut di Jerantut, Pahang dan hanya menyentuh aspek penggunaan bahasa dalam domain sosial secara umum tanpa memfokuskan kepada variasi domain tertentu. Sebaliknya, kajian pengkaji memberikan perhatian khusus kepada masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak, dengan menilai pemilihan bahasa dalam enam domain utama, iaitu domain keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan yang lebih komprehensif dan menyeluruh. Selain itu, konteks diaspora Banjar menawarkan perspektif unik tentang interaksi bahasa dalam masyarakat pelbagai etnik dan urban, berbeza dengan fokus pedalaman dan peribumi dalam kajian Burhan Murshidi et al. (2023).

Khairul Ashraaf dan Harishon (2023) mengkaji mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli di Kok Lanas dalam tiga domain,iaitu pengajaran dan pembelajaran, interaksi antara etnik, dan sosial. Kajian yang menggunakan teori Analisis Domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972) ini menunjukkan bahasa Melayu standard, bahasa Temiar, dan dialek Kelantan adalah pilihan bahasa yang dominan dalam ketiga-tiga domain tersebut. Bahasa Melayu standard dipilih kerana kemampuannya memberikan kefahaman yang paling efektif dalam interaksi dengan peserta daripada pelbagai etnik. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana faktor-faktor sosiolinguistik, seperti konteks dan tujuan komunikasi, mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti orang asli di Malaysia. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji terletak pada fokus terhadap demografi peserta, iaitu kajian ini tertumpu pada etnik Orang Asli dalam tiga domain tertentu, manakala kajian pengkaji melibatkan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai dengan pelbagai domain sosial yang lebih meluas, termasuk keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan. Kajian pengkaji juga melibatkan peserta daripada pelbagai kumpulan umur, iaitu antara 20 hingga 65 tahun, memberikan perspektif yang lebih mendalam mengenai penggunaan bahasa merentas generasi. Perbezaan ini menyoroti kekurangan kajian yang membincangkan pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti diaspora yang lebih berusia dan bagaimana bahasa dipelihara dalam pelbagai domain sosial.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023), menyelidiki pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak-anak hasil perkahwinan campur Orang Asli Jakun di Bukit Ibam, Pahang. Berfokus pada pemeliharaan bahasa dalam komuniti tradisional, kajian ini menggunakan Teori Analisis Domain Fishman untuk menganalisis penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Jakun dalam konteks domain kekeluargaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa anak-anak daripada perkahwinan campur cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka. Walaupun ini meningkatkan kecekapan kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa kebangsaan, ia turut menimbulkan cabaran kepada kelangsungan bahasa Jakun. Dominasi penggunaan bahasa Melayu memberi manfaat dari segi integrasi sosial dan ekonomi; namun, ia juga membawa risiko kehilangan bahasa etnik yang penting bagi identiti budaya Orang Asli Jakun. Kajian ini mengungkapkan dilema antara pemeliharaan identiti budaya dan keperluan integrasi nasional, dengan bahasa Melayu menggantikan bahasa Jakun sebagai bahasa utama dalam domain kekeluargaan. Perubahan ini menggambarkan kesan perkahwinan campur terhadap corak penggunaan bahasa, sekali gus menunjukkan pergeseran sosio-linguistik dalam komuniti Orang Asli Jakun. Di sebalik manfaat integrasi melalui penguasaan bahasa kebangsaan, dapatan ini mencerminkan risiko terhadap kesinambungan bahasa etnik yang merupakan asas identiti budaya komuniti tersebut. Sesungguhnya, perkahwinan campur yang berpotensi mempengaruhi pemilihan bahasa merupakan satu hakikat dan fenomena ini bukan sahaja berlaku pada komuniti Jakun, tetapi juga berlaku ke atas komuniti lain, misalnya masyarakat Banjar Bagan Serai yang terdedah luas kepada pengaruh luar. Dalam komuniti yang dikaji, memang ada golongan yang berkahwin campur dengan orang Melayu, misalnya dari daerah atau negeri lain, tetapi setakat ini belum ada kajian intensif yang dilakukan ke atas fenomena ini.

Ningsih (2024) telah meneliti pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat dwibahasa Dayak-Jawa dalam ranah keluarga dengan memberi tumpuan kepada bentuk, fungsi, dan faktor yang mempengaruhi penggunaannya. Penyelidikan ini mendapati bahawa bahasa Dayak, Jawa, dan Indonesia digunakan sama ada secara tunggal, melalui alih kod (contohnya Indonesia-Dayak, Indonesia-Jawa, Dayak-Jawa), atau melalui campur kod dalam bentuk kata atau frasa. Pilihan bahasa ini memainkan pelbagai fungsi, termasuk fungsi instrumental, regulasi, representasi, interaksi, dan personal,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

yang menunjukkan keupayaan komunikasi keluarga untuk mengekalkan hubungan harmoni. Faktor-faktor seperti situasi dan latar (lokasi dan masa), peserta dalam interaksi, topik perbualan, dan fungsi komunikasi dikenal pasti sebagai elemen penting yang mempengaruhi pemilihan bahasa. Kajian oleh Ningsih (2024) terbatas kepada satu domain sahaja, iaitu keluarga, tanpa mengambil kira domain lain seperti persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan yang juga penting dalam memahami pola penggunaan bahasa secara menyeluruh. Oleh itu, kajian pengkaji mengenai pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak, merangkumi pelbagai domain ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan memberikan gambaran lebih komprehensif tentang faktor, fungsi, dan pola pilihan bahasa dalam konteks komuniti yang lebih pelbagai.

Kajian oleh Akhmad et al. (2024) memfokuskan kepada pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi di Pulau Banggi, Sabah, khususnya dalam domain kekeluargaan. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data daripada 370 responden. Berlandaskan Teori Domain oleh Fishman (1972), kajian ini mendapati bahawa bahasa Bonggi dan bahasa Melayu dialek Sabah merupakan bahasa utama yang digunakan dalam domain kekeluargaan. Namun, dapatan turut menunjukkan penggunaan bahasa lain seperti Dusun, Bajau, dan Ubian sebagai bahasa perhubungan. Kajian ini juga mendapati fenomena kemerosotan penggunaan bahasa Bonggi dalam kalangan segelintir masyarakat yang hanya mampu bertutur dalam bahasa etnik lain atau bahasa Melayu Sabah. Hasil kajian ini menekankan keperluan untuk memelihara bahasa Bonggi sebagai warisan budaya yang signifikan, dan memberi implikasi kepada usaha pelestarian bahasa minoriti di kawasan pelbagai etnik. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh secara mendalam aspek pemilihan bahasa dalam konteks pelbagai domain sosial yang lebih luas, terutamanya dalam kalangan masyarakat diaspora. Oleh itu, kajian pengkaji akan mengisi kelompangan ini dengan memberi fokus kepada pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai. Kajian ini berbeza dengan kajian Akhmad et al. (2024) yang lebih tertumpu kepada masyarakat dengan latar belakang etnik yang berbilang di kawasan pedalaman, manakala kajian pengkaji akan menilai pemilihan bahasa dalam konteks kawasan separa bandar (semi-urban) yang melibatkan pelbagai kaum dan etnik,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iaitu merujuk kepada lokasi kajian yang berada berhampiran kawasan bandar Bagan Serai serta mempunyai kepelbagaian penduduk seperti Melayu (termasuk komuniti Banjar diaspora), Cina dan India, yang mewujudkan situasi komunikasi yang lebih rencam dan mempengaruhi corak pemilihan bahasa merentas pelbagai domain sosial.Selain itu, kajian ini akan meneliti secara lebih mendalam penggunaan bahasa dalam enam domain sosial utama dan implikasinya terhadap perubahan sosial, integrasi bahasa, dan pelestarian bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat diaspora di kawasan kajian.

Kajian oleh Muhammad Danial Danish dan Noor Saadah (2024) memberikan tumpuan kepada pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran dengan memanfaatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk menganalisis pilihan bahasa dalam empat domain utama yang diperkenalkan oleh Fishman (1972), iaitu kekeluargaan, persahabatan, pendidikan, dan keagamaan. Data kuantitatif dikumpulkan melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS, sementara data kualitatif diperoleh melalui pemerhatian langsung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa generasi muda lebih cenderung memilih bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa dalam semua domain. Hal ini mencerminkan dominasi bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama dalam masyarakat tersebut. Di samping itu, kajian ini menegaskan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh perubahan sosiolinguistik dalam masyarakat Jawa akibat penghijrahan dan interaksi dengan komuniti majoriti di Malaysia. Walaupun kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat diaspora Jawa, ia tidak mencakupi konteks masyarakat diaspora lain seperti masyarakat Banjar yang mempunyai latar budaya, sejarah migrasi, dan pola bahasa yang berbeza. Tambahan lagi, jika dibandingkan dari segi wilayah persebaran suku Jawa diaspora, wilayahnya jauh lebih luas dari etnik Banjar yang hanya terdapat dalam lingkungan negeri Perak sahaja. Daripada kajian Muhammad Danial Danish dan Noor Saadah (2024) dan rujukan kepada beberapa kajian lain misalnya kajian Mohamad Subakir (1998) dan Muhammad Firdaus dan Normahdiah (2014) kita telah mengetahui bahawa kaum Jawa yang sebagai imigran golongan terbesar di Malaysia telah mengalami pergeseran bahasa yang serius. Bagaimana pula dengan kaum Banjar yang sebagai kaum imigran minoriti? Adakah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

golongan ini menunjukkan pola vitaliti bahasa yang sama dengan etnik Jawa ataupun sebaliknya? Kajian pengkaji yang menumpukan kepada masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak akan meninjau situasi ini secara lebih holistik bagi memahami pola pemilihan bahasa, peranan bahasa dalam mengekalkan identiti budaya mereka.

2.4 KAJIAN-KAJIAN SOSIOLINGUISTIK MASYARAKAT BANJAR DI TANAH ASAL ETNIK BANJAR

Di tanah asal, etnik Banjar bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi dalam keluarga dan komuniti, tetapi juga digunakan secara meluas dalam sektor ekonomi, keagamaan, dan budaya. Walaupun bahasa Banjar masih dominan, faktor seperti pendidikan formal dalam bahasa Indonesia, percampuran dengan etnik lain, serta proses urbanisasi turut mempengaruhi pola penggunaannya. Dalam bahagian ini, kajian terdahulu yang meneliti pilihan bahasa masyarakat Banjar di tanah asal khususnya di Kalimantan Selatan akan dibincangkan.

Wardani et al. (2016) yang mengkaji pemilihan bahasa komuniti Banjar di Pontianak mendapati bahawa pemilihan dan sikap bahasa dalam kalangan komuniti Banjar di Pontianak berbeza mengikut generasi dan domain sosial, iaitu domain rumah, jiran, dan komuniti. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik yang melibatkan 100 responden, dibahagikan kepada tiga kumpulan umur: G1 (51 tahun ke atas), G2 (25-50 tahun), dan G3 (25 tahun ke bawah). Dapatan menunjukkan bahawa generasi pertama (G1) masih menggunakan Bahasa Banjar secara meluas dalam setiap domain dengan sikap bahasa yang positif. Generasi kedua (G2) pula menggunakan Bahasa Banjar secara seimbang dengan Bahasa Indonesia/Melayu Pontianak tetapi menunjukkan sikap yang semakin negatif terhadap Bahasa Banjar. Generasi ketiga (G3) didapati lebih cenderung menggunakan Bahasa Indonesia/Melayu Pontianak di semua domain dan mempunyai sikap negatif terhadap penggunaan Bahasa Banjar, mencerminkan penurunan vitaliti bahasa tersebut. Walau bagaimanapun di Pontianak, komuniti Banjar masih memiliki hubungan rapat dengan masyarakat asal dan berada dalam persekitaran budaya Banjar yang lebih kukuh. Sebaliknya, di Bagan Serai, masyarakat Banjar diaspora berada dalam konteks persekitaran yang lebih pelbagai budaya, melibatkan interaksi dengan kelompok etnik lain, pengaruh bahasa Melayu dan dialek tempatan seperti dialek Melayu Kedah. Perbezaan konteks ini mungkin

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mempengaruhi pola pemilihan bahasa dan tahap vitaliti bahasa Banjar. Kajian di Bagan Serai juga berpotensi untuk meneliti pengaruh sosial, agama, dan pendidikan terhadap pilihan bahasa, yang boleh melengkapkan dapatan daripada Wardani et al. (2016).

Kajian oleh Husni Mubarak (2016) yang mengenal pasti kecenderungan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat Banjar di Daerah Kotabaru, Mukim Pulau Laut Utara dalam domain keluarga dan pentadbiran kerajaan, dengan pendekatan kualitatif seterusnya membuktikan kepentingan data kualitatif dalam kajian pilihan bahasa. Hasil kajian beliau mendapati bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga memperlihatkan sikap bahasa yang positif, dengan kebanyakan responden secara konsisten menggunakan bahasa tersebut dalam interaksi keluarga. Sebaliknya, dalam domain pentadbiran kerajaan, penggunaan bahasa Banjar didapati kurang konsisten, sering diselang-selikan dengan bahasa Indonesia. Fenomena ini mencerminkan sikap bahasa yang lebih negatif, iaitu apabila responden cenderung menggunakan pelbagai bahasa secara fleksibel dalam konteks pentadbiran kerajaan. Sedar akan kepentingan pendekatan kualitatif dalam kajian sosiolinguistik, pendekatan ini turut diterapkan dalam kajian yang dilakukan ke atas komuniti Banjar di Bagan Serai.

Kajian oleh Dendy et al. (2016) mengkaji penggunaan dan sikap terhadap bahasa Banjar di Pontianak berdasarkan teori domain. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden berumur 51 tahun ke atas terus menggunakan bahasa Banjar secara aktif dalam domain rumah, kejiranan, dan masyarakat, dengan sikap positif terhadap bahasa tersebut, mencerminkan kekuatan tradisi dan nilai budaya. Sebaliknya, responden berumur 25 hingga 50 tahun menunjukkan penggunaan bahasa Banjar yang setara dengan bahasa Indonesia/Melayu Pontianak dalam domain yang sama, tetapi dengan sikap yang lebih negatif, mungkin akibat globalisasi dan perubahan sosial. Responden di bawah 25 tahun pula hanya menggunakan bahasa Indonesia/Melayu Pontianak, menandakan peralihan generasi yang jelas dan sikap negatif terhadap bahasa Banjar. Kajian ini menggariskan corak penggunaan bahasa Banjar berubah mengikut umur dan konteks sosial, serta menekankan pentingnya teori domain dalam memahami dinamika bahasa dalam masyarakat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian oleh Rahmasari dan Zulaeha (2018) meneliti pilihan bahasa dalam kalangan komuniti pelbagai etnik di kawasan keluarga di Perumahan Permai ATM, dengan menumpukan kepada variasi bahasa, peralihan kod, dan campur kod yang berlaku dalam interaksi harian. Menggunakan kaedah rujukan yang merangkumi teknik pemerhatian langsung, rakaman, dan pencatatan, kajian ini mendapati bahawa komuniti tersebut menggunakan variasi bahasa tunggal seperti Melayu-Banggai, Banggai, Saluan, Balantak, Banjar, dan Bugis. Peralihan kod yang diperhatikan melibatkan pertukaran antara bahasa Saluan ke Bahasa Indonesia dan Banjar ke Melayu-Banggai, sementara campur kod berlaku melalui penyisipan kata, frasa, dan unsur leksikal antara bahasa-bahasa yang digunakan. Dapatan ini menunjukkan kepentingan seseorang pengkaji sosiolinguistik mengambil kira aspek peralihan kod dan pencampuran kod dalam mengkaji pilihan bahasa sesebuah masyarakat. Ini kerana dengan data-data linguistik, data-data numerikal yang diperoleh melalui pendekatan statistik dapat disokong dan diperbincangkan secara komprehensif.

Kamal Hasuna dan Akhmad Humaidi (2018) telah meneliti faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam masyarakat multibahasa di Pasar Kemakmuran, Kabupaten Kotabaru, Provinsi Kalimantan Selatan. Kajian ini menggunakan pendekatan Etnografi Komunikasi yang diperkenalkan oleh Hymes, dengan akronim SPEAKING sebagai panduan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam masyarakat tersebut dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosial dan budaya. Dalam konteks masyarakat multibahasa, interaksi sosial melibatkan penggunaan beberapa bahasa atau variasi bahasa, di mana setiap penutur perlu bijak memilih bahasa atau ragam bahasa yang sesuai dengan situasi komunikasi. Pemilihan bahasa tersebut tidak dilakukan secara rawak, tetapi mengambil kira pelbagai aspek seperti kontak bahasa, kontak dialek yang menyebabkan masyarakat menjadi dwibahasa atau multibahasa, serta faktor sosial yang mengaitkannya dengan sistem simbol (kod), tingkah laku budaya, dan konteks penggunaan bahasa. Kajian mereka ini menunjukkan bahawa skop penelitian pilihan bahasa selain bersandarkan teori domain, turut dapat dilakukan dengan mengintegrasikan pendekatan lain.

Corisa (2019) melalui kajiannya terhadap masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak di Palangka Raya meneliti pilihan bahasa dalam ranah keluarga, dengan fokus kepada

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pasangan suami isteri yang menjalani perkahwinan silang antara etnik atau perkahwinan dalam suku yang sama. Kajian ini mendapati masyarakat ini menggunakan tiga bahasa utama, iaitu bahasa Banjar, bahasa Dayak, dan bahasa Melayu, yang penggunaannya mencakupi pelbagai bentuk seperti bahasa tunggal, alih kod (contohnya Melayu-Banjar, Melayu-Dayak, dan sebagainya), serta campur kod dalam bentuk kata, frasa, perulangan kata, dan klausa. Dari aspek fungsi, pilihan bahasa ini memenuhi enam fungsi utama, iaitu instrumental untuk keperluan praktikal, regulasi untuk mengurus hubungan sosial, representasi untuk menyampaikan maklumat, interaksional untuk membina hubungan sosial, heuristik bagi tujuan pembelajaran, dan personel sebagai alat ekspresi diri. Selain itu, faktor situasi dan latar seperti waktu dan tempat, peserta dalam interaksi, topik perbincangan, dan fungsi interaksi turut dikenal pasti sebagai pendorong utama dalam keputusan pemilihan bahasa. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami bagaimana bahasa berperanan dalam memelihara keharmonian komunikasi keluarga, di samping menyeru agar bahasa daerah terus dipertahankan untuk mengelakkan pergeseran bahasa dalam komuniti tutur, dengan menekankan keperluan kepada kajian lanjutan untuk memperluas pemahaman terhadap fenomena ini dalam bidang sosiolinguistik.

Kajian oleh Trisnawati (2023) meneliti pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat multilingual di Kota Sampit, ibu kota Kabupaten Kotawaringin Timur, Kalimantan Tengah,iaitu sebuah pusat perdagangan penting dengan industri perkayuan dan kelapa sawit. Kajian ini memberi tumpuan kepada lima domain utama,iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Berdasarkan dapatan kajian lapangan, kajian ini mendapati masyarakat di Kota Sampit menggunakan pelbagai bahasa, termasuk Bahasa Indonesia, Dayak, Banjar, Jawa, Madura, Bima, Batak, dan Serawai. Walau bagaimanapun, selain Bahasa Indonesia, bahasa Banjar dikenal pasti sebagai bahasa yang paling dominan dalam interaksi sosial kerana dianggap memiliki prestij yang tinggi dalam kalangan komuniti setempat. Selain itu, fenomena poliglosia dan diglosia turut diamati, iaitu masyarakat multilingual di Kota Sampit mampu menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut tujuan komunikasi dan membezakan antara variasi bahasa tinggi dan rendah. Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat ini merangkumi peserta, topik perbincangan, dan situasi komunikasi, menunjukkan bahawa pilihan bahasa di kawasan tersebut bukan sahaja

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berasaskan latar belakang etnik, tetapi juga bergantung kepada konteks sosial dan fungsi bahasa dalam interaksi harian. Apabila sesebuah bahasa menduduki status H-language (istilah yang digunakan oleh Ferguson), tidak kira bahasa kebangsaan ataupun bahasa lingua franca lokal, masyarakat akan bersikap positif terhadap bahasa tersebut dan kerap menggunakannya dalam berbagai situasi. Bagi bahasa Banjar di Sampit, kajian Trisnawati (2023) telah mengesahkan statusnya mengatasi bahasa-bahasa lain di sekitarnya, misalnya Jawa, Madura, Bima, Batak, Serawai dan sebagainya. Bagi masyarakat Banjar di Bagan Serai, statusnya belum jelas dan perlu ada kajian untuk mengesahkannya (iaitu sama ada masyarakat menganggap bahasa Banjar sebagai bahasa berprestij, selain bahasa Melayu baku?)

Jumadi et al. (2024) menjalankan kajian komprehensif mengenai pilihan bahasa dalam kalangan komuniti multietnik di Banjarmasin, Kalimantan Selatan, yang melibatkan domain keluarga, pendidikan, dan kerajaan. Dengan menggunakan pendekatan kaedah campuran melalui soal selidik dan wawancara mendalam, kajian ini mendapati beberapa penemuan penting: (i) Penutur bahasa Banjar lebih banyak menggunakan bahasa Banjar di rumah dan di tempat awam, tetapi beralih kepada bahasa Indonesia apabila berada di luar rumah, serta menghindari penggunaan bahasa tempatan lain; (ii) Ahli komuniti Dayak lebih cenderung menggunakan bahasa Banjar atau Indonesia berbanding bahasa ibunda mereka; (iii) Komuniti Madura, Bugis, dan Minangkabau umumnya menggunakan bahasa ibunda mereka di rumah, tetapi lebih memilih bahasa Indonesia atau Banjar di ruang awam; dan (iv) Penutur bahasa Jawa dan Sunda pula menggunakan bahasa ibunda mereka di rumah, tetapi bertukar kepada bahasa Indonesia atau Banjar dalam interaksi di luar rumah. Dalam konteks pendidikan, (i) guru secara umumnya menggunakan bahasa Indonesia dalam pengajaran dan mesyuarat profesional; manakala (ii) pelajar menggunakan kedua-dua bahasa Indonesia dan Banjar. Dalam konteks kerajaan, pekerja subdaerah menggunakan bahasa Indonesia untuk interaksi tidak formal dengan tetamu dan bahasa Banjar dalam situasi formal. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Banjar di tanah asal, iaitu Kalimantan Selatan, bukan menuturkan bahasa Banjar secara keseluruhannya tetapi dipengaruhi oleh bahasa nasional, iaitu bahasa Indonesia. Pengaruh bahasa nasional ke atas pola penggunaan bahasa lokal didapati bersifat sejagat dan berlaku di mana-mana tempat,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

termasuklah di Bagan Serai, Perak. Persamaan yang turut diamati di Bagan Serai ialah bahasa Banjar dipengaruhi oleh bahasa Melayu Baku—bahasa nasional.

2.5 ULASAN KRITIS

Secara keseluruhannya, kajian-kajian awal pilihan bahasa di Barat, seperti yang dikemukakan oleh Fishman (1972), Ervin-Tripp (1972), dan Holmes (2001), memberikan pandangan yang mendalam tentang pola pemilihan bahasa dalam masyarakat pelbagai bahasa. Fishman (1972) memperkenalkan konsep domain, iaitu faktor "siapa, apa bahasa, kepada siapa, dan bila" untuk memahami pola pilihan bahasa dalam konteks sosial yang spesifik. Domain ini membolehkan analisis yang lebih terperinci tentang cara bahasa dipilih mengikut latar sosial tertentu. Sebaliknya, Ervin-Tripp (1972) menekankan aspek seperti peranan individu, topik perbualan, dan fungsi interaksi yang turut mempengaruhi pilihan bahasa dalam pelbagai situasi, sementara Holmes (2001) mengaitkan konsep domain dengan kehidupan keluarga dalam konteks masyarakat multibahasa. Kajian lanjut oleh Spolsky (2004), Grosjean (2010) dan Coulmas (2013) mengembangkan lagi pemahaman ini dengan mengaitkan pilihan bahasa dengan faktor ekonomi dan dasar bahasa. Spolsky (2004) menyatakan bahawa pilihan bahasa dalam masyarakat sering kali dipengaruhi oleh dasar yang dilaksanakan kerajaan dan mobiliti sosial, manakala Grosjean (2010) memperkenalkan prinsip saling melengkapi bahasa atau *complementarity* yang menekankan fleksibiliti dwibahasa dalam menyesuaikan bahasa berdasarkan keperluan domain tertentu. Menurut Coulmas (2013), dasar bahasa dan faktor ekonomi boleh mendorong masyarakat untuk beralih kepada bahasa yang dianggap lebih bernilai dari segi ekonomi, seperti bahasa yang memberi peluang lebih baik dalam pekerjaan, pendidikan, dan mobiliti sosial. Peralihan ini sering menyebabkan bahasa-bahasa minoriti atau bahasa tradisional kurang digunakan, yang akhirnya boleh mengakibatkan bahasa-bahasa tersebut semakin terpinggir atau pupus. Dengan kata lain, kepelbagaian bahasa yang pernah wujud dalam masyarakat tersebut akan terjejas atau berkurangan apabila masyarakat lebih cenderung menggunakan bahasa dominan atas sebab-sebab ekonomi.

Rumusan kajian pilihan bahasa di barat menunjukkan bahawa pilihan bahasa bukan sahaja berkaitan dengan identiti budaya, tetapi juga aspirasi ekonomi. Pengaruh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

faktor ekonomi boleh mendorong masyarakat untuk beralih kepada bahasa yang dianggap mempunyai nilai ekonomi yang lebih tinggi, seperti bahasa Inggeris, bagi tujuan peningkatan peluang pekerjaan dan mobiliti sosial. Namun begitu, perubahan ini juga boleh mengakibatkan kemerosotan penggunaan bahasa ibunda atau bahasa tempatan, seterusnya menjejaskan kepelbagaian bahasa dan warisan budaya dalam masyarakat.

Kebanyakan kajian lepas yang mendakwa sebagai kajian sosiolinguistik sebenarnya lebih menumpukan kepada aspek psikologi sosial bahasa berbanding analisis sosiolinguistik yang sebenar. Hal ini disebabkan pendekatan kuantitatif yang sering digunakan, iaitu responden hanya diminta menandakan jawapan dalam soal selidik tanpa pemerhatian terhadap penggunaan bahasa dalam konteks sebenar. Menurut Ladegaard (2000), sikap bahasa yang diukur melalui soal selidik tidak semestinya mencerminkan tingkah laku linguistik yang sebenar kerana wujud jurang antara topik yang dikatakan oleh informan dan cara mereka menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pendekatan ini mempunyai keterbatasan dalam memahami pola sebenar pilihan bahasa dalam masyarakat. Justeru, kajian sosiolinguistik yang lebih menyeluruh seharusnya menggabungkan pendekatan kualitatif seperti rakaman interaksi dan pemerhatian bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat mengenai penggunaan bahasa dalam pelbagai domain. Selain itu, pergantungan kepada soal selidik dalam kajian sosiolinguistik juga cenderung menghasilkan data yang bersifat statik (kerana penutur dibatasi dengan jawapan yang sedia disenaraikan) dan angka-angka numerikal ini kurang menyerlahkan variasi serta perubahan dalam penggunaan bahasa yang berlaku secara dinamik dalam interaksi sosial. Responden mungkin memberikan jawapan berdasarkan norma sosial atau persepsi ideal terhadap sesuatu bahasa, bukannya berdasarkan penggunaan sebenar dalam konteks komunikasi harian. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keabsahan dapatan kajian yang hanya bergantung kepada data sikap bahasa tanpa menyertakan bukti empirikal daripada pemerhatian atau analisis wacana. Oleh itu, gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, seperti yang digunakan dalam kajian etnografi sosiolinguistik, adalah lebih sesuai dalam memahami fenomena pilihan bahasa secara lebih holistik. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan penyelidik mengenal pasti

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

corak penggunaan bahasa dalam situasi sebenar tetapi juga menganalisis faktor sosial yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam pelbagai domain interaksi.

Tambahan pula, kebanyakan kajian lepas kelihatan mempunyai corak yang serupa, iaitu menumpukan kepada analisis domain dan pilihan bahasa tanpa mengambil kira aspek daya tahan bahasa secara lebih mendalam. Walaupun pendekatan ini dapat memberikan gambaran umum tentang pola penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks sosial, ia kurang berupaya menilai tahap keberlangsungan sesuatu bahasa dalam jangka panjang. Salah satu kelemahan utama ialah ketiadaan penggunaan kerangka seperti *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) yang diperkenalkan oleh Lewis dan Simons (2010). EGIDS merupakan alat yang lebih komprehensif dalam mengukur daya tahan bahasa kerana ia mengambil kira bukan sahaja penggunaan bahasa dalam domain tertentu, tetapi juga faktor-faktor seperti pemindahan antara generasi, fungsi bahasa dalam masyarakat, serta sokongan institusi terhadap bahasa tersebut. Oleh itu, kajian sosiolinguistik yang lebih mendalam seharusnya mempertimbangkan penggunaan EGIDS atau model serupa bagi menilai kedudukan sebenar sesuatu bahasa dalam hierarki daya tahan bahasa, seterusnya membolehkan pengkaji mengukur tahap ancaman atau kestabilan bahasa dalam komuniti yang dikaji.

Kelompangan dalam kajian pilihan bahasa dari segi variasi generasi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kerana ia dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pola pergeseran atau pemeliharaan bahasa dalam komuniti tertentu. Banyak kajian terdahulu hanya menumpukan kepada satu kumpulan umur sahaja, sama ada generasi muda atau generasi tua, tanpa mengambil kira jurang generasi yang terbentuk dari aspek pilihan dan penggunaan bahasa. Pendekatan ini menyebabkan kesukaran dalam memahami cara proses peralihan bahasa berlaku dalam komuniti, terutama bagi masyarakat minoriti yang berhadapan dengan dominasi bahasa lain.Sebagai contoh, kajian Wardani et al. (2016) di Pontianak menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam pemilihan bahasa Banjar antara tiga generasi. Generasi pertama (51 tahun ke atas) masih menggunakan bahasa Banjar secara meluas dalam kehidupan seharian dan menunjukkan sikap positif terhadap bahasa tersebut. Namun, dalam kalangan generasi kedua (25-50 tahun), penggunaan bahasa Banjar mulai berkurangan dan digantikan dengan bahasa Indonesia atau Melayu Pontianak

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam domain tertentu, mencerminkan tahap pemeliharaan yang semakin berkurangan. Generasi ketiga (25 tahun ke bawah) pula lebih cenderung menggunakan bahasa Indonesia atau Melayu Pontianak dalam hampir semua domain, sekali gus menunjukkan pergeseran bahasa yang jelas dan sikap yang semakin negatif terhadap bahasa Banjar.

Walaupun kajian Wardani et al. (2016) memberikan perspektif yang berguna dalam memahami perubahan pilihan bahasa berdasarkan generasi dalam kalangan Banjar diaspora di Pontianak, konteks di Kalimantan Selatan berbeza dengan komuniti diaspora Banjar di Bagan Serai, Perak. Di Kalimantan selatan, masyarakat Banjar masih merupakan kumpulan majoriti dan mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan budaya asal mereka, manakala masyarakat Banjar di Bagan Serai merupakan komuniti minoriti dalam persekitaran yang lebih heterogen dari segi budaya dan bahasa. Mereka bukan sahaja berinteraksi dengan masyarakat Melayu, tetapi juga dengan etnik lain seperti Jawa dan Cina, yang boleh mempengaruhi pola pemilihan bahasa mereka. Oleh itu, kajian yang lebih berfokus kepada pola pemilihan bahasa dalam kalangan generasi yang berbeza dalam komuniti diaspora amat diperlukan bagi memahami sama ada pergeseran bahasa berlaku dalam kalangan generasi muda atau masih terdapat usaha pemeliharaan bahasa yang dilakukan oleh generasi terdahulu. Kajian yang membandingkan pola pemilihan bahasa antara generasi tua, pertengahan, dan muda dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang mekanisme peralihan bahasa dan faktor yang menyumbang kepada pemeliharaan atau kemerosotan bahasa Banjar dalam komuniti ini. Sebagai contoh, adakah generasi tua masih menuturkan bahasa Banjar dalam domain keluarga, tetapi generasi muda lebih memilih bahasa Melayu? Atau adakah terdapat usaha intergenerasi untuk mengekalkan bahasa Banjar melalui pendidikan tidak formal, aktiviti keagamaan, atau interaksi sosial dalam komuniti?

Selain itu, kajian ini juga boleh menilai sama ada faktor seperti pendidikan, pekerjaan, pemodenan dan globalisasi memainkan peranan dalam perubahan pemilihan bahasa merentas generasi. Generasi muda yang mendapat pendidikan formal dalam bahasa Melayu atau Inggeris dan aktif menggunakan media-media sosial mungkin lebih cenderung untuk menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan harian mereka,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berbanding generasi tua yang masih mengutamakan bahasa Banjar dalam komunikasi seharian. Oleh itu, kajian yang lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai kumpulan umur dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan bahasa Banjar dalam komuniti diaspora di Bagan Serai, sama ada bahasa ini masih bertahan atau semakin terhakis dalam generasi baharu. Kelompangan dalam kajian pilihan bahasa dari segi variasi generasi perlu diisi dengan penyelidikan yang lebih menyeluruh mengenai perbezaan pemilihan bahasa antara generasi dalam komuniti diaspora Banjar. Dengan memahami perubahan ini, dapat dikenal pasti sama ada bahasa Banjar masih mempunyai daya tahan dalam komuniti tersebut atau sedang mengalami peralihan secara beransur-ansur kepada bahasa lain seperti bahasa Melayu atau dialek tempatan.

Sebahagian besar kajian terdahulu mengenai pilihan bahasa cenderung menumpukan kepada satu atau dua domain sahaja, tanpa memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana pilihan bahasa berbeza mengikut pelbagai domain dalam kehidupan seharian. Misalnya, kajian oleh Ningsih (2024) hanya meneliti domain keluarga dalam komuniti dwibahasa Dayak-Jawa, tanpa mengambil kira domain lain seperti pendidikan, persahabatan, atau pekerjaan. Begitu juga, kajian oleh Putra et al. (2022) di Denpasar, Bali, memfokuskan kepada generasi muda dalam domain keluarga, pendidikan, pekerjaan, dan agama, tetapi tidak melihat cara bahasa digunakan dalam interaksi sosial yang lebih luas seperti jual beli atau interaksi harian di tempat awam. Keadaan ini turut berlaku dalam kajian lain yang membincangkan komuniti minoriti di Malaysia dan Nusantara. Misalnya, kajian oleh Akhmad et al. (2024) yang meneliti pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi di Pulau Banggi, Sabah, hanya memfokuskan kepada domain keluarga, tanpa meneliti cara bahasa Bonggi digunakan dalam konteks sosial lain seperti pekerjaan atau perniagaan. Begitu juga, kajian oleh Muhammad Danial Danish dan Noor Saadah (2024) yang mengkaji generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor, hanya menumpukan kepada empat domain utama, iaitu keluarga, persahabatan, pendidikan, dan keagamaan, tanpa menilai pola pemilihan bahasa dalam interaksi luar seperti jual beli atau komunikasi dalam persekitaran pekerjaan.

Selain itu, kajian oleh Burhan Murshidi et al. (2023) mengenai masyarakat Orang Asli Jahut di Kampung Sungai Kiul, Jerantut, Pahang, hanya menyentuh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pemilihan bahasa dalam domain sosial secara umum, tanpa meneliti cara bahasa digunakan dalam situasi yang lebih spesifik seperti perniagaan atau interaksi profesional. Kajian oleh Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023) pula meneliti pemilihan bahasa dalam keluarga hasil perkahwinan campur Orang Asli Jakun di Bukit Ibam, tetapi tidak mengaitkan cara perkahwinan campur ini mempengaruhi pilihan bahasa dalam domain lain seperti pendidikan atau sosial. Bahkan, dalam konteks masyarakat Banjar sendiri, kajian terdahulu seperti oleh Wardani et al. (2016) di Pontianak hanya meneliti pilihan bahasa dalam domain rumah, kejiranan, dan komuniti, tanpa mengambil kira domain yang lebih luas seperti pekerjaan dan jual beli yang juga penting dalam memahami vitaliti bahasa Banjar dalam kehidupan seharian. Begitu juga, kajian oleh Jumadi et al. (2024) di Banjarmasin yang menganalisis penggunaan bahasa Banjar dalam keluarga dan pendidikan, tetapi tidak meneliti sama ada bahasa Banjar masih digunakan dalam interaksi ekonomi dan sosial yang lebih luas. Oleh itu, kelompangan ini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian lepas masih belum memberikan gambaran menyeluruh mengenai variasi pilihan bahasa antara domain. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti pemilihan bahasa dalam enam domain utama, iaitu keluarga, persahabatan, pendidikan, pekerjaan, jual beli, dan keagamaan dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai. Dengan memahami cara pilihan bahasa berbeza dalam pelbagai domain, dapat dikenal pasti sama ada bahasa Banjar masih mempunyai daya tahan dalam pelbagai konteks sosial atau hanya tertumpu dalam domain tertentu sahaja, yang akhirnya dapatan ini dapat digunakan untuk menentukan tahap vitaliti bahasa Banjar di Bagan Serai dengan menggunakan EGIDS.

Kajian sosiolinguistik mengenai komuniti diaspora di Malaysia banyak menumpukan kepada kumpulan-kumpulan etnik tertentu seperti masyarakat Jawa, Siam, dan Orang Asli. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti ini, kajian yang memberi tumpuan kepada masyarakat Banjar diaspora masih terhad, lebih-lebih lagi sebuah kajian sosiolinguistik yang bersifat triangulasi. Oleh itu, terdapat kelompangan dalam memahami cara masyarakat Banjar yang telah berhijrah dan menetap di luar tanah asal mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran linguistik baharu serta cara mereka mengekalkan atau mengubah pola pemilihan bahasa mereka dalam kehidupan seharian. Dalam kajian-kajian terdahulu

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mengenai komuniti diaspora lain, terdapat beberapa aspek yang sering diberikan perhatian, seperti faktor sosial dan ekonomi yang mempengaruhi pemilihan bahasa, peranan keluarga dalam mengekalkan bahasa ibunda, serta kesan dasar pendidikan terhadap penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda. Namun, bagi masyarakat Banjar diaspora, kajian yang lebih mendalam mengenai elemen-elemen ini masih kurang, terutama dalam memahami bagaimana interaksi sosial mereka dalam pelbagai domain seperti keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan mempengaruhi corak pemilihan bahasa mereka.

Tambahan pula, kajian mengenai komuniti diaspora lain banyak memberikan perhatian kepada faktor peralihan bahasa dan pengekalan identiti etnik melalui bahasa, tetapi aspek ini belum diterokai sepenuhnya dalam konteks masyarakat Banjar. Sejauh mana bahasa Banjar masih digunakan dalam kalangan generasi muda, dan adakah terdapat usaha secara formal atau tidak formal dalam komuniti untuk memastikan kelangsungan bahasa Banjar dan menggunakan bahasa ini sebagai penanda etnisiti mereka? Persoalan ini masih belum banyak disentuh dalam kajian sedia ada. Selain itu, terdapat keperluan untuk meneliti tahap faktor globalisasi dan pengaruh media sosial mempengaruhi pola pemilihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora. Dalam masyarakat yang semakin moden dan terbuka kepada pengaruh luar, generasi muda mungkin lebih cenderung menggunakan bahasa dominan seperti bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini dapat mengisi kelompangan dengan meneliti sama ada bahasa Banjar masih mempunyai tempat dalam konteks interaksi harian serta usaha masyarakat untuk mengekalkan penggunaannya. Secara keseluruhannya, kajian ini berpeluang untuk mengisi jurang dalam penyelidikan mengenai pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora dengan memberi fokus kepada aspek-aspek yang kurang dikaji sebelum ini. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komuniti ini, penyelidikan ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai daya tahan bahasa Banjar dalam persekitaran diaspora serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam usaha mengekalkannya sebagai sebahagian daripada identiti etnik masyarakat Banjar di Malaysia.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Perkahwinan campur merupakan faktor yang berpotensi mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, namun kajian khusus mengenai kesannya masih belum banyak dilakukan. Dalam keluarga hasil perkahwinan campur, terdapat kecenderungan untuk menggunakan bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah sebagai lingua franca, terutamanya jika salah seorang pasangan bukan penutur natif bahasa Banjar. Situasi ini boleh menyebabkan penurunan penggunaan bahasa Banjar dalam komunikasi harian, terutamanya dalam interaksi antara ibu bapa dan anak-anak. Jika pasangan yang bukan berketurunan Banjar kurang menguasai bahasa Banjar atau tidak mempunyai keinginan untuk menggunakannya, bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah akan menjadi pilihan utama, sekali gus mengurangkan peluang generasi muda untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Banjar dalam kehidupan seharian.

Walaupun dalam sesetengah keluarga masih terdapat usaha untuk mengekalkan bahasa Banjar, seperti penggunaannya dalam situasi tertentu seperti berkomunikasi dengan datuk dan nenek atau semasa upacara adat, pemindahan bahasa ini mungkin berlaku secara separa dan tidak menyeluruh. Selain itu, tahap kemahiran bahasa pasangan, peranan datuk dan nenek dalam pemindahan bahasa, sikap ibu bapa terhadap pemeliharaan bahasa Banjar, serta pengaruh pendidikan dan media merupakan antara faktor utama yang menentukan sama ada bahasa Banjar akan terus diwarisi atau semakin terpinggir. Dalam komuniti yang mengalami perkahwinan campur, cabaran utama adalah memastikan bahasa Banjar terus digunakan walaupun terdapat tekanan sosial untuk beralih kepada bahasa yang lebih dominan seperti bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah. Kajian ini berpotensi mengisi kelompangan dengan meneliti sejauh mana perkahwinan campur mempengaruhi pemilihan bahasa dalam keluarga Banjar diaspora di Bagan Serai. Selain itu, dalam konteks perkahwinan campur, pilihan bahasa dalam keluarga sering kali bergantung kepada tahap dominasi bahasa dalam komuniti yang lebih luas. Jika masyarakat di sekitar lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah, pasangan yang berbeza latar belakang etnik akan lebih mudah mengadaptasi bahasa tersebut sebagai medium komunikasi utama, menyebabkan bahasa Banjar semakin jarang digunakan dalam interaksi harian.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Namun, jika terdapat kesedaran dalam kalangan keluarga untuk mengekalkan bahasa Banjar, pemindahan bahasa masih boleh berlaku melalui interaksi dengan ahli keluarga yang lebih tua atau melalui aktiviti komuniti yang menggalakkan penggunaan bahasa ini. Peranan institusi sosial seperti madrasah dan surau juga boleh menjadi faktor penting dalam mengekalkan penggunaan bahasa Banjar dalam konteks keagamaan dan adat, memberikan ruang kepada generasi muda untuk terus terdedah kepada bahasa tersebut. Justeru, kajian ini bukan sahaja dapat mengisi jurang dalam penyelidikan sosiolinguistik berkaitan diaspora Banjar, tetapi juga boleh memberikan gambaran yang lebih jelas tentang daya tahan bahasa Banjar dalam persekitaran perkahwinan campur serta mencadangkan langkah-langkah praktikal bagi memastikan bahasa ini terus diwarisi oleh generasi akan datang.

2.6 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan sorotan literatur yang dianalisis dalam Bab II, dapat disimpulkan bahawa kajian pilihan bahasa telah mengalami perkembangan yang pesat dengan pelbagai pendekatan teoritikal yang digunakan oleh sarjana Barat dan tempatan. Walaupun konsep domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972) terus menjadi asas dalam kajian pilihan bahasa, terdapat keperluan untuk memperluaskan skop kajian dengan mengambil kira faktor lain seperti globalisasi, perubahan sosial, serta pengaruh dasar pendidikan dan ekonomi terhadap pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat multilingual. Kajian terdahulu yang meneliti komuniti minoriti di Malaysia dan Nusantara menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam komuniti tertentu sangat dipengaruhi oleh faktor sosial, budaya, dan politik, namun kebanyakan kajian masih terhad kepada domain tertentu sahaja, seperti kekeluargaan atau pendidikan, tanpa memberikan gambaran menyeluruh tentang cara bahasa digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Selain itu, kajian mengenai pilihan bahasa dalam komuniti diaspora, khususnya masyarakat Banjar, masih belum diterokai secara mendalam, terutamanya dalam konteks diaspora di Malaysia. Kebanyakan kajian yang dilakukan di tanah asal masyarakat Banjar di Kalimantan lebih menumpukan kepada interaksi bahasa Banjar dengan bahasa Indonesia, manakala di Malaysia, masih kurang kajian yang

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

membincangkan bagaimana bahasa Banjar berinteraksi dengan bahasa Melayu baku dan dialek tempatan seperti dialek Kedah. Di samping itu, pengaruh faktor seperti perkahwinan campur, mobiliti sosial, dan pendidikan terhadap pemilihan bahasa dalam komuniti diaspora Banjar masih belum dikaji secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini berpotensi untuk mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti cara faktor-faktor ini mempengaruhi pola penggunaan dan vitaliti bahasa Banjar dalam komuniti diaspora di Bagan Serai.

Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan kuantitatif seperti soal selidik untuk mengukur sikap bahasa, namun terdapat kelemahan dalam kaedah ini kerana data yang dikumpulkan sering kali bersifat statik dan tidak menggambarkan variasi penggunaan bahasa dalam situasi sebenar. Justeru, terdapat keperluan untuk menggabungkan pendekatan kualitatif seperti rakaman interaksi dan pemerhatian sosial bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif mengenai pemilihan bahasa dalam komuniti multilingual. Kajian ini bukan sahaja akan menganalisis pola pilihan bahasa dalam pelbagai domain, tetapi juga akan menilai daya tahan bahasa Banjar dengan menggunakan kerangka seperti *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) bagi memahami tahap penggunaan bahasa ini sama ada mampu bertahan dalam komuniti diaspora atau sebaliknya.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang sosiolinguistik dengan memberikan analisis yang lebih holistik terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai. Hasil kajian ini dijangka bukan sahaja dapat memperkayakan pemahaman tentang fenomena pilihan bahasa dalam komuniti minoriti, tetapi juga dapat membantu dalam merangka strategi pemeliharaan bahasa Banjar agar ia terus lestari dalam persekitaran yang semakin dipengaruhi oleh dominasi bahasa Melayu dan globalisasi. Dalam bab berikutnya, akan dihuraikan metodologi yang digunakan untuk mencungkil data-data mengenai pilihan dan penggunaan bahasa Banjar di Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Metodologi merupakan aspek yang sangat penting dalam sesuatu kajian kerana ia menentukan ketepatan, kesahan, kebolehpercayaan, dan keupayaan hasil kajian tersebut digeneralisasikan. Pemilihan metodologi yang tepat adalah penting dalam memastikan hasil dapatan dapat menjawab persoalan kajian secara jelas dan sistematik. Bryman (2015) menegaskan bahawa metodologi kajian bukan sahaja memandu proses pengumpulan data tetapi juga membantu pengkaji dalam memahami fenomena yang dikaji secara mendalam dan menyeluruh. Sebagaimana ditegaskan oleh Neuman (2014), kaedah penyelidikan yang jelas dan terperinci akan memperkukuh kebolehpercayaan data serta memberikan asas yang kukuh untuk generalisasi hasil kajian. Justeru, bab ini akan membincangkan metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Ia merangkumi aspek pengenalan, reka bentuk kajian, pendekatan kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur kiraan skor, populasi dan persampelan kajian, analisis data, etika penyelidikan dan kesimpulan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan salah satu aspek penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan kerana ia menentukan kaedah pengumpulan dan analisis data yang digunakan. Secara umumnya, reka bentuk kajian terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan *mixed methods* dengan mengaplikasikan reka bentuk *exploratory sequential mixed methods* seperti yang dihuraikan oleh Creswell dan Creswell (2018). Pendekatan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ini dimulakan dengan kaedah kualitatif untuk mengenal pasti fenomena yang dikaji secara mendalam. Seterusnya, kaedah kuantitatif digunakan untuk mengesahkan, mengukuhkan, dan memperluaskan pemahaman yang diperoleh daripada fasa kualitatif.


Reka bentuk kajian ini dipilih bagi meninjau dan meneliti variabel-variabel mikro dan makro yang menentukan fenomena pilihan bahasa, pengekalan bahasa, dan peralihan bahasa dalam komuniti yang dikaji, seterusnya membolehkan tahap kepunahan bahasa dapat dikenal pasti. Pemilihan reka bentuk ini juga sejajar dengan pandangan Grenoble dan Whaley (1998), yang menegaskan bahawa jika kajian sosiolinguistik hanya menggunakan kaedah kuantitatif semata-mata, dapatan yang diperoleh berisiko kurang tepat atau mungkin dimanipulasi oleh pengkaji. Oleh itu, gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam reka bentuk *exploratory sequential mixed methods* membolehkan data dikumpul secara lebih holistik dan sahih, serta mengurangkan potensi bias dalam penafsiran hasil kajian.

Kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) dengan menggunakan rakaman tak sedar (dengan keizinan responden kajian), temu bual dan analisis dokumen (Lihat Rajah 3.1). Manakala kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Gabungan instrumen-instrumen ini digunakan untuk triangulasi data bagi memastikan data daripada satu sumber tidak dimanipulasi (Nambiar 2007). Menurut Fetterman (1989), triangulasi dianggap sebagai elemen asas dalam kajian lapangan kerana dapatan daripada satu instrumen boleh dibandingkan dengan instrumen lain untuk mendapatkan gambaran yang tepat tentang situasi sebenar. Sehubungan itu, Denzin (1978) mencadangkan penggunaan triangulasi sebagai gabungan metodologi untuk menilai sesuatu fenomena dengan menggunakan lebih daripada satu instrumen, seterusnya memperkukuh kesahan dapatan kajian. Berdasarkan saranan beberapa sarjana di atas, pengkaji memutuskan untuk menggunakan reka bentuk *exploratory sequential mixed methods* bagi memastikan hasil kajian yang lebih kukuh dan mengelakkan sebarang pemanipulasian data.

Berdasarkan gabungan keempat-empat kaedah pengumpulan data yang telah dibincangkan, pengkaji telah merangka satu rajah yang mengintegrasikan beberapa aspek utama dalam kajian sosiolinguistik bagi memastikan proses pengumpulan data

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berjalan dengan lebih sistematik. Secara asasnya, bidang sosiolinguistik merangkumi dua komponen utama, iaitu aspek sosial dan aspek linguistik. Dalam kajian ini, data yang diperoleh daripada kedua-dua aspek ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai pola penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Bagan Serai. Data sosial dikumpulkan melalui borang soal selidik dan temu bual, manakala data linguistik diperoleh melalui pemerhatian berpartisipasi (rakaman tidak sedar dengan keizinan), serta analisis dokumen. Hubungan antara instrumen-instrumen ini dapat digambarkan dalam Rajah 3.1 di bawah:



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Rajah 3.1 Hubungan kaedah pengumpulan data dan pola penggunaan bahasa

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Hasil daripada pengumpulan data sosial melalui borang soal selidik dan temu bual, serta data linguistik melalui pemerhatian berpartisipasi (rakaman tidak sedar dengan keizinan) dan analisis dokumen, adalah untuk melihat pola penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat yang dikaji. Secara khusus, kajian ini mengenal pasti pilihan bahasa yang digunakan dalam pelbagai domain seperti keluarga, persahabatan, pendidikan, agama, pekerjaan, dan jual beli, selain menilai tahap peralihan bahasa, sama

ada bahasa Banjar masih digunakan atau beralih kepada bahasa lain seperti Bahasa Melayu atau dialek lain. Faktor sosial seperti umur, pendidikan, pekerjaan, dan interaksi sosial turut dianalisis bagi memahami pengaruhnya terhadap penggunaan bahasa. Selain itu, kajian ini menentukan vitaliti bahasa Banjar, sama ada ia masih aktif digunakan, semakin berkurangan, atau mengalami ancaman kepupusan dalam komuniti. Secara keseluruhannya, gabungan data sosial dan linguistik ini memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai status dan pola penggunaan bahasa Banjar di Bagan Serai.


3.3 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif sering digunakan untuk memahami fenomena sosial secara mendalam melalui pendekatan yang berpusatkan kepada konteks dan perspektif individu. Merriam (2009) menyatakan bahawa kaedah kualitatif membolehkan pengkaji memahami pengalaman manusia secara holistik, manakala Creswell (2014) menekankan pentingnya penggunaan pelbagai instrumen untuk mendapatkan gambaran yang terperinci dan mendalam terhadap sesuatu fenomena. Kaedah ini amat relevan dalam kajian pengkaji yang memerlukan pemahaman menyeluruh tentang pola pilihan bahasa masyarakat Banjar dalam pelbagai domain sosial, termasuk keluarga, persahabatan, pendidikan, keagamaan, pekerjaan dan jual beli. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, pengkaji dapat menyelami pengalaman bahasa yang unik dalam komuniti diaspora ini, memahami konteks sosio-budaya yang mempengaruhi pilihan bahasa mereka, serta menilai bagaimana interaksi bahasa tersebut mencerminkan identiti dan vitaliti bahasa Banjar dalam komuniti berkenaan.

Sehubungan itu, kajian ini menggunakan gabungan pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar, temu bual, dan analisis dokumen. Gabungan pelbagai instrumen ini bertujuan untuk melakukan triangulasi data, yang penting bagi memastikan data yang diperoleh tidak dimanipulasi dan dapat memberikan gambaran sebenar terhadap fenomena yang dikaji (Nambiar 2007). Triangulasi dianggap sebagai elemen asas dalam kajian lapangan, seperti yang ditegaskan oleh Fetterman (1989). Melalui triangulasi, dapatan daripada satu instrumen dapat dibandingkan dengan instrumen lain, sekali gus membantu pengkaji memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang sesuatu situasi. Denzin (1978) turut

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menyarankan penggunaan triangulasi sebagai gabungan metodologi yang melibatkan lebih daripada satu instrumen untuk menilai fenomena secara holistik, sekali gus memperkukuh kesahan dapatan kajian. Berdasarkan pandangan sarjana-sarjana tersebut, pengkaji memutuskan untuk mengaplikasikan gabungan ketiga-tiga instrumen ini secara triangulasi. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan keutuhan hasil kajian, tetapi juga memastikan kebolehpercayaan data dan mengelakkan sebarang kemungkinan manipulasi maklumat.



Rajah 3.2 Model triangulasi instrumen pengumpulan data

Sumber: Mohd Khaidir 2026

3.3.1 Pemerhatian Berpartisipasi (*Participant Observation*)

Pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) ialah satu teknik penyelidikan unik yang membolehkan pengkaji berinteraksi secara langsung dengan individu dalam situasi kehidupan harian mereka untuk memahami pengalaman, pemikiran, emosi, dan makna sosial yang kompleks. Kaedah ini berkembang daripada usaha antropologi dan sosiologi pada abad ke-19 dan ke-20, dengan tokoh seperti Franz Boas dan Bronislaw Malinowski menerajui penggunaannya dalam kajian budaya dan masyarakat setempat. Teknik ini menggabungkan aktiviti pemerhatian secara pasif dan aktif, membolehkan pengkaji memainkan peranan sosial tertentu untuk memperoleh data dari perspektif dalaman (Jorgensen 2015). Aktiviti pemerhatian secara pasif dan aktif dalam teknik ini merujuk kepada tahap penglibatan pengkaji semasa kajian. Dalam aktiviti pemerhatian secara pasif, pengkaji hanya memerhatikan tanpa terlibat secara langsung, sesuai untuk

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memahami interaksi sosial tanpa mempengaruhi suasana asli, seperti memerhati interaksi di warung ketika urusan jual beli. Sebaliknya, aktiviti pemerhatian secara aktif melibatkan pengkaji sebagai peserta dalam aktiviti komuniti, seperti menyertai upacara keagamaan atau perbualan, yang membolehkan pemahaman mendalam daripada perspektif "orang dalam" (*emic*). Aktiviti ini sering digunakan untuk memastikan kajian yang lebih autentik dan kurang bias daripada perspektif luar.

Dalam konteks kajian ini, pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) dengan rakaman tidak sedar dengan kebenaran telah diaplikasikan ketika mendapatkan data yang autentik. Rakaman tak sedar diperlukan untuk mendapatkan data pertuturan yang tabii, bebas daripada pengaruh hiperkoreksi yang sering berlaku apabila informan menyedari kehadiran alat rakaman. Data ini penting untuk memastikan analisis sosiolinguistik menggambarkan pertuturan sebenar dalam konteks semula jadi (Chong Shin 2018; Remmy 2011; Wong 1987). Dalam kajian sosiolinguistik, pendekatan rakaman tak sedar boleh diterima jika dilakukan dengan pertimbangan yang teliti terhadap etika, termasuk memaklumkan informan selepas rakaman dan mendapatkan persetujuan untuk menggunakan data tersebut seperti kajian yang dijalankan oleh beberapa sarjana seperti Selvajothi (2017) dan Remmy (2011). Hal ini menyeimbangkan antara keperluan akademik dan nilai etika.

Kaedah pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) melibatkan pengkaji secara aktif terlibat dalam kehidupan harian subjek kajiannya untuk mengumpul data yang mendalam. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang norma, nilai, dan pola tingkah laku dalam masyarakat yang dikaji (Spradley 1980). Kaedah ini melibatkan pengkaji membuat pemerhatian dan catatan terperinci tentang aktiviti, interaksi, dan konteks sosial yang diperhatikan. Laporan penyelidikan yang dihasilkan perlu reflektif dan komprehensif, menyajikan temuan secara jelas dan sistematik serta mematuhi prinsip etika penyelidikan. Latif dan Chong (2022) pula menyatakan bahawa teknik pemerhatian berpartisipasi merupakan pendekatan yang kerap digunakan oleh pengkaji dalam mengkaji pemilihan bahasa. Pendekatan ini melibatkan pengkaji untuk terlibat secara aktif dalam masyarakat yang dikaji, berinteraksi dengan mereka, dan memahami gaya hidup serta budaya masyarakat tersebut. Dalam hal ini, pengkaji terlibat secara langsung

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam aktiviti masyarakat banjar di Mukim Bagan Serai, mengamati interaksi mereka dan akhirnya merakam pertuturan-pertuturan mereka ketika sedang berkomunikasi. Hasil komunikasi informan ini dirakamkan dengan kaedah rakaman tak sedar (dengan keizinan responden kajian). Semasa melakukan pemerhatian berpartisipasi, pengkaji juga melaksanakan pemerhatian berstruktur, iaitu menetapkan pemerhatian tertentu dan memerhatikan kawasan tersebut secara berkala. Dalam hal ini, pengkaji telah memilih lokasi mengikut domain yang telah ditetapkan, iaitu domain keluarga,persahabatan, aktiviti jual beli, keagamaan, pekerjaan dan pendidikan. Melalui pelaksanaan pemerhatian berstruktur, satu kelompok terkawal (*controlled group*) dapat dibentuk dan data yang dikumpul akan lebih konsisten dan representatif.

Dalam konteks kajian ini kaedah pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) dijalankan berdasarkan enam domain yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Domain-domain tersebut seperti terdapat dalam Jadual 3.1:

Jadual 3.1 Domain yang ditetapkan dalam kajian ini

Bil.	Domain	Peserta	Tempat	Rasional
1.	Keluarga	Ahli keluarga	Rumah	Mengetahui jenis bahasa yang digunakan untuk ahli-ahli keluarga berinteraksi, dalam lingkungan rumah.
2.	Persahabatan	Rakan	Tempat pergaulan sosial	Meneliti bahasa-bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi dengan rakan yang mungkin mempunyai kompetensi bahasa yang berbeza-beza.
3.	Agama	Imam dan kariah	Masjid Al-Athar	Mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam masjid dan ketika upacara keagamaan.
4.	Pendidikan	Guru dan murid	Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah	Mengetahui bahasa yang digunakan di sekolah ketika berinteraksi dengan sesama guru dan dengan murid. Pengaruh bahasa Melayu baku ke atas murid-murid di sekolah.
5.	Pekerjaan	Pekerja	Warung B40 di Masjid Tinggi	Mengenal pasti bahasa-bahasa yang digunakan sesama pekerja dan pekerja dan pembeli.
6.	Jual beli	Penjual	Warung *Wadai*	Mengenal pasti bahasa-bahasa yang digunakan ketika urusan jual beli ketika membeli kuih muih dan makanan tradisi masyarakat Banjar.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam domain keluarga, kajian bertujuan mengetahui jenis bahasa yang digunakan oleh ahli keluarga ketika berinteraksi dalam lingkungan rumah. Bagi domain persahabatan, fokus diberikan kepada bahasa yang digunakan ketika berkomunikasi dengan rakan di tempat pergaulan sosial, memandangkan rakan mungkin memiliki kompetensi bahasa yang berbeza-beza. Dalam domain agama, kajian mengenal pasti bahasa yang digunakan oleh imam dan kariah di Masjid Al-Athar, terutamanya semasa upacara keagamaan. Bagi domain pendidikan, kajian memberi tumpuan kepada bahasa yang digunakan oleh guru dan murid di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, termasuk pengaruh bahasa Melayu baku terhadap murid. Dalam domain pekerjaan, instrumen ini mengenal pasti bahasa yang digunakan oleh pekerja di Warung di Masjid Tinggi, sama ada sesama pekerja atau ketika berinteraksi dengan pembeli. Akhir sekali, bagi domain jual beli, rakaman meneliti bahasa yang digunakan oleh penjual di Warung Wadai semasa urusan jual beli kuih-muih dan makanan tradisi masyarakat Banjar.

3.3.2 Temu Bual

Temu bual adalah kaedah pengumpulan data secara langsung daripada sampel kajian. Dalam kajian ini, temu bual digunakan untuk memperoleh maklumat tentang sejarah, situasi atau status semasa bahasa Banjar, dan pandangan mengenai bahasa tersebut. Rakaman temu bual telah dijalankan oleh pengkaji bersama catatan nota penting. Rakaman yang diperoleh kemudiannya dipilih dan ditranskripsi untuk menyokong data utama daripada pemerhatian berpartipasi, iaitu rakaman tidak sedar dan analisis dokumen. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual semi berstruktur. Oleh kerana pengkaji hanya memerlukan maklumat asas, simbol notasi tidak digunakan dalam transkripsi tersebut.

a. Temu bual semi berstruktur

Temu bual semi berstruktur dianggap lebih signifikan berbanding temu bual berstruktur kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk mengamati reaksi spontan daripada responden (Selvajothi 2017; Yin 2011). Pendekatan ini menyediakan maklumat yang lebih autentik dan membantu mengurangkan kemungkinan maklumat dimanipulasi oleh informan. Soalan-soalan yang diajukan tidak terikat sepenuhnya kepada protokol temu bual, sebaliknya disesuaikan berdasarkan konteks perbualan yang berlangsung.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Soalan-soalan berbentuk terbuka memberi peluang kepada responden untuk menyatakan pandangan mereka secara bebas. Antara soalan yang diajukan dalam konteks kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak dalam domain keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan adalah:

i. Apakah pandangan responden terhadap penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan di Bagan Serai? Soalan ini bertujuan untuk memahami konteks penggunaan bahasa Banjar merentasi pelbagai domain sosial dalam komuniti.
ii. Bagaimanakah responden melihat pengekalan atau peralihan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan komuniti, iaitu generasi muda dan generasi tua di Bagan Serai? Soalan ini meneliti persepsi terhadap tahap pemindahan bahasa merentas generasi dan potensi gangguan antara generasi (intergenerational disruption).
iii. Jika berlaku peralihan bahasa, apakah bahasa yang cenderung menggantikan bahasa Banjar dalam interaksi harian? Soalan ini menggambarkan arah perubahan linguistik serta bahasa pesaing yang dominan dalam konteks tempatan.
iv. Bagaimanakah bahasa Banjar dikaitkan dengan identiti etnik masyarakat Banjar di Bagan Serai? Soalan ini menyentuh aspek sosiolinguistik berkaitan hubungan antara bahasa dan identiti etnik.
v. Apakah pandangan jika bahasa Banjar tidak dipelihara? Soalan ini menggali peranan simbolik dan fungsi budaya bahasa Banjar dalam mengekalkan warisan komuniti.

Walaupun kaedah temu bual ini mempunyai kelebihannya, terdapat juga beberapa kekangan. Jawapan yang diberikan oleh responden tidak semestinya mencerminkan keadaan sebenar penggunaan bahasa (Stockdale 2002). Oleh itu, pengkaji melengkapkan kajian dengan menggunakan pelbagai instrumen tambahan, termasuk pemerhatian berpartisipasi, rakaman tidak sedar, dan analisis dokumen.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.3.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan kajian terhadap penggunaan bahasa melalui pelbagai bahan bertulis yang berkaitan dengan komuniti. Dalam kajian mengenai pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak, dokumen bertulis turut menjadi sumber penting bagi memahami pola penggunaan bahasa dalam domain seperti keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan. Meskipun kajian sosiolinguistik sering memberi penekanan kepada data lisan, analisis terhadap komunikasi bertulis dapat melengkapkan gambaran yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini seperti yang dijelaskan oleh Nambiar (2007), membuktikan bahawa mengabaikan bahan bertulis boleh menyebabkan kajian tentang pola penggunaan bahasa kurang komprehensif. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada dokumen seperti poster, papan tanda, gegantung, lencana butang (*button badge*), kad jemputan, memo, papan kenyataan dan buku program majlis rasmi. Dokumen-dokumen ini membantu menilai bagaimana bahasa Banjar, bahasa Melayu standard, atau dialek Melayu lain digunakan dalam pelbagai konteks sosial.

Dalam kajian berkaitan pilihan bahasa, data pertuturan lazimnya dijadikan asas utama kajian. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti corak penggunaan bahasa melalui dokumen bertulis, seperti yang dijalankan oleh Selvajothi (2017) dan Nambiar (2007) dalam kajian mereka mengenai peralihan bahasa dalam kalangan komuniti Tamil dan komuniti Malayalee. Menurut Nambiar (2007), komunikasi dalam bentuk tulisan tidak boleh diabaikan dalam kajian berkaitan peralihan bahasa, kerana ia turut mencerminkan pola penggunaan sesuatu bahasa dalam sesebuah komuniti. Namun, disebabkan keterbatasan bahan bertulis dalam bahasa Banjar yang dapat ditemui di Bagan Serai, kajian ini memberi tumpuan kepada analisis dokumen seperti poster, papan tanda, gegantung, lencana butang (*button badge*), kad jemputan, memo, papan kenyataan dan buku program majlis rasmi.

3.4 KAEDAH KUANTITATIF

Kaedah kuantitatif dalam kajian ini memainkan peranan penting dalam menilai tahap peralihan bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, sejajar dengan objektif ketiga kajian yang menggunakan pendekatan *Expanded Graded*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Intergenerational Disruption Scale (EGIDS). Melalui soal selidik yang disusun secara sistematik, data numerikal yang diperoleh membolehkan pengukuran objektif terhadap tahap penggunaan bahasa Banjar dalam pelbagai domain seperti keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan. Selain itu, persoalan kajian ketiga tentang tahap kepunahan bahasa Banjar juga dapat dijawab melalui analisis statistik terhadap pola penggunaan bahasa responden merentas generasi. Kaedah kuantitatif juga membolehkan kajian ini menghasilkan dapatan yang lebih bersifat generalisasi, sejajar dengan prinsip bahawa data numerikal dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang trend sosial dalam populasi yang lebih besar (Neuman 2014).

Lebih lanjut, kaedah ini membolehkan pengkaji menentukan kedudukan bahasa Banjar dengan menggunakan pendekatan *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) yang diperkenalkan oleh Lewis dan Simons (2010). Skala ini menilai vitaliti bahasa berdasarkan faktor-faktor seperti jumlah penutur dalam pelbagai generasi, peranan bahasa dalam kehidupan seharian, dan tahap perkongsian bahasa kepada generasi muda. Oleh itu, dengan menganalisis data soal selidik, pengkaji dapat menentukan sama ada bahasa Banjar masih berada dalam tahap penggunaan aktif, mengalami kemerosotan, atau berada dalam fasa kepupusan sebagaimana yang telah diperhatikan dalam banyak kajian terdahulu mengenai peralihan bahasa dalam komuniti diaspora (Grenoble & Whaley 2006). Selain itu, hasil soal selidik juga membolehkan pengkaji mengenal pasti corak dominasi bahasa lain dalam komuniti ini, sejajar dengan teori Analisis Domain oleh Fishman (1972), yang menekankan bahawa peralihan bahasa berlaku apabila bahasa majoriti menggantikan bahasa minoriti dalam domain utama seperti keluarga, pendidikan, dan pekerjaan. Kajian sebelumnya oleh Edwards (2010) turut menegaskan bahawa bahasa yang kehilangan fungsi sosial dalam domain-domain kritikal lebih cenderung untuk mengalami kepupusan. Oleh itu, kaedah kuantitatif ini bukan sahaja membolehkan pengukuran tahap kepunahan bahasa Banjar tetapi juga mengungkap faktor-faktor utama yang mempercepatkan peralihan bahasa dalam komuniti diaspora ini. Kesimpulannya, pemilihan pendekatan kuantitatif dalam kajian ini bukan sekadar untuk mendapatkan data secara sistematik tetapi juga untuk membolehkan analisis mendalam terhadap pola penggunaan bahasa merentas generasi dan domain sosial. Dengan merujuk kepada teori dan skala yang telah diperkenalkan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

oleh Fishman (1972) dan Lewis dan Simons (2010), kajian ini mampu memberikan gambaran yang lebih mantap tentang status semasa bahasa Banjar dan menjawab persoalan kajian mengenai tahap kepupusan bahasa tersebut dengan lebih empirikal.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Terdapat dua jenis instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kualitatif dan kuantitatif, iaitu alat merakam dan borang soal selidik.

3.5.1 Alat Merakam

Dalam konteks kajian ini, rakaman tidak sedar menggunakan alat perakam audio merupakan satu teknik penting dalam penyelidikan sains sosial, khususnya bagi pengumpulan data secara rahsia atau tanpa pengetahuan subjek kajian. Teknik ini biasanya digunakan untuk mendapatkan gambaran pertuturan yang tidak dipengaruhi oleh kesedaran subjek terhadap kewujudan perakam atau peralatan rakaman. Seperti yang dinyatakan oleh Latif dan Chong (2022), rakaman tidak sedar bertujuan memperoleh data pertuturan yang semula jadi tanpa sebarang modifikasi. Ini bermaksud, sekiranya penutur menyedari kehadiran alat rakaman, mereka mungkin akan mengubah cara sebutan atau gaya pertuturan mereka. Menurut Stockdale (2002), rakaman audio merupakan instrumen penting dalam penyelidikan kualitatif, terutamanya untuk memastikan kesahan data yang dikumpul melalui instrumen lain seperti borang soal selidik dan temu bual. Rakaman audio juga berperanan penting dalam mengkaji corak penggunaan bahasa secara spontan, pilihan bahasa, kemahiran berbahasa, serta sikap terhadap bahasa ketika responden mengekspresikan perasaan mereka dalam suasana yang semula jadi (Selvajothi 2017). Rakaman yang diperoleh kemudiannya ditapis, dan beberapa keratan yang berkaitan akan dipilih serta ditranskripsikan untuk tujuan analisis. Melalui kaedah ini, corak penggunaan bahasa dari aspek linguistik, seperti pilihan bahasa, kadar peralihan kod dan campuran kod, yang mempengaruhi fenomena peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, dapat diteliti dengan lebih tepat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.5.2 Borang Soal Selidik

Borang kaji selidik merupakan instrumen yang penting dalam kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai kerana ia memperkukuhkan dapatan kajian kualitatif. Di samping itu, penggunaan instrumen ini dianggap sangat praktikal kerana dapat melibatkan sejumlah besar responden, sekaligus membolehkan generalisasi hasil kajian dilakukan dengan lebih berkesan (Denscombe 2014). Instrumen borang kaji selidik sering menjadi pilihan utama dalam kalangan pengkaji, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, untuk menyokong dapatan kajian mereka. Sebagai contoh, beberapa kajian yang menggunakan instrumen ini termasuklah Sabrielo (1985), David (1996), Nor Hisham Osman (1999), Sankar (2004), Dealwis (2011), Kasatkina (2011), Wodak (2012), Mohammed Azlan Mis (2010) dan Selvajothi (2017).

Dalam kajian ini borang kaji selidik adalah berdasarkan data kuantitatif yang diadaptasi daripada Coluzzi et al. (2018). Borang kaji selidik tersebut terdiri daripada 39 soalan dan telah diedarkan melalui dalam talian (*google form*) dan bersemuka. Dari segi bentuk, soal selidik ini mengandungi tiga jenis soalan utama, iaitu soalan tertutup, soalan separuh terbuka, dan soalan terbuka**.** Soalan tertutup memberikan pilihan jawapan tetap kepada responden, seperti pemilihan bahasa yang lebih fasih digunakan atau sikap terhadap pemeliharaan bahasa Banjar. Soalan separuh terbuka pula membolehkan responden memilih jawapan yang tersedia serta memberi ulasan tambahan jika perlu, seperti dalam soalan berkaitan keperluan berbahasa Banjar dalam komuniti. Manakala soalan terbuka memberi kebebasan kepada responden untuk memberikan pandangan mereka tanpa had, contohnya mengenai perbezaan bahasa Banjar antara generasi muda dan tua. Gabungan ketiga-tiga jenis soalan ini membantu mendapatkan data yang lebih menyeluruh dalam memahami pola penggunaan dan vitaliti bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat Banjar yang dikaji (Lihat Lampiran D).

Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian utama. Bahagian A memfokuskan kepada latar belakang demografi responden, termasuk umur, jantina, taraf pendidikan, dan pekerjaan. Maklumat ini bertujuan untuk memahami profil asas responden yang boleh mempengaruhi pilihan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dan penggunaan bahasa mereka. Responden diminta untuk membuat pilihan berdasarkan ruangan jawapan yang telah disediakan. Bahagian B pula mengandungi enam komponen utama. Bahagian ini dimulakan dengan menilai tahap pengetahuan bahasa untuk mengenal pasti kefahaman responden terhadap bahasa yang dipertuturkan. Responden diminta memilih bahasa daripada senarai yang disediakan dalam ruang jawapan. Seterusnya, elemen perasaan milikan mengukur sejauh mana responden merasakan kepentingan kemampuan berbahasa Banjar. Dalam bahagian ini, responden perlu membuat pilihan antara 'Ya', 'Tidak', atau 'Bergantung pada situasi'. Selain itu, responden juga ditanya sama ada mereka pernah mengalami diskriminasi kerana berbahasa Banjar, dengan pilihan jawapan "Ya, selalu", "Ya, kadang-kadang", atau "Tidak". Akhirnya, sikap komuniti Melayu terhadap komuniti yang berbahasa Banjar turut dinilai, iaitu responden perlu memilih antara "Positif", "Negatif (Mereka mahu kami berbahasa Melayu)", atau "Tidak ambil peduli".

Ketiga, soal selidik ini meneliti bahasa yang digunakan dalam keluarga, iaitu domain utama dalam pewarisan bahasa. Keempat, soal selidik ini turut menganalisis bahasa yang digunakan di luar domain keluarga, termasuk dalam domain persahabatan, jual beli, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan, bagi mengenal pasti pola variasi penggunaan bahasa dalam pelbagai situasi. Bagi kedua-dua bahagian ini, responden diminta memilih bahasa daripada senarai yang disediakan dalam ruang jawapan. Kelima, perbezaan penggunaan bahasa antara golongan muda dan tua dikaji bagi memahami peralihan bahasa merentas generasi. Dalam bahagian ini, responden perlu membuat pilihan antara 'Ya', 'Tidak', 'Tidak pasti', atau 'Tidak'. Akhir sekali, sikap bahasa responden dinilai untuk meneliti pandangan mereka terhadap status dan kepentingan bahasa yang digunakan. Bagi bahagian ini, responden perlu membuat pilihan antara 'Ya' atau 'Tidak' untuk soalan a hingga d, manakala untuk soalan e, pilihan yang disediakan ialah 'Ya', 'Tidak', atau 'Lebih kurang sama'.Gabungan data daripada bahagian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pilihan bahasa dan vitaliti bahasa Banjar dalam kalangan responden.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.6 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis ini telah dijalankan terhadap 40 orang responden di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai dalam tempoh dua minggu, bermula pada 6 Mei 2024 hingga 19 Mei 2024. Dalam pelaksanaannya, pengkaji sendiri telah mengedarkan instrumen kajian kepada responden secara bersemuka bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap setiap item. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini juga adalah berbeza daripada responden kajian sebenar bagi mengelakkan sebarang bias dan memastikan memperoleh dapatan kajian yang mantap.

Seperti yang dinyatakan oleh Bryman (2016), kajian rintis berperanan penting dalam menilai kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen sebelum pelaksanaan kajian sebenar. Yin (2018) turut menegaskan bahawa kajian rintis membolehkan pengkaji mengenal pasti kelemahan metodologi dan menyesuaikan pendekatan yang lebih berkesan. Tujuan utama kajian rintis ini dilakukan adalah untuk mengukuhkan instrumen yang telah digunakan bagi kajian ini khususnya borang kaji selidik. Seperti yang dinyatakan, borang kaji selidik yang digunakan untuk kajian rintis ini diadaptasi daripada Coluzzi et al. (2018). Dalam kajian ini, instrumen soal selidik yang digunakan telah diuji bagi memastikan kejelasan soalan, kesesuaian skala pengukuran, serta kefahaman responden terhadap item yang dikemukakan. Selain itu, temu bual dan pemerhatian turut dijalankan untuk memperoleh gambaran awal mengenai pola penggunaan bahasa serta faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam komuniti tersebut. Hasil kajian rintis ini menjadi asas kepada penambahbaikan instrumen soal selidik dan memastikan analisis data yang lebih tepat dalam kajian utama.

3.7 KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN

Dalam sesuatu penyelidikan, aspek kesahan dan kebolehpercayaan amat penting bagi memastikan dapatan kajian adalah tepat serta bebas daripada sebarang unsur bias atau manipulasi (Fasold 1984). Kebolehpercayaan merujuk kepada tahap konsistensi sesuatu dapatan apabila diuji secara berulang, manakala kesahan memastikan instrumen yang digunakan benar-benar mengukur konsep yang dikaji tanpa percanggahan. Bryman (2012) menegaskan bahawa kebolehpercayaan yang tinggi mencerminkan ketekalan dalam pengukuran instrumen kajian, manakala kesahan menentukan sejauh mana

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sesuatu instrumen memenuhi matlamat penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan kuantitatif, Creswell dan Creswell (2018) turut menekankan bahawa kedua-dua aspek ini berperanan penting dalam menjamin ketepatan serta kebolehpercayaan data agar selari dengan objektif kajian.

3.7.1 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan instrumen dalam kajian ini diuji menggunakan ujian *Cronbach's Alpha*, yang sering menjadi rujukan utama dalam menganalisis tahap konsistensi sesuatu instrumen kajian. Ujian ini bertujuan menilai kestabilan skor yang diperoleh berdasarkan data yang dikumpulkan, sekali gus memberikan gambaran mengenai konsistensi dalaman setiap variabel yang terlibat. Secara teorinya, pekali Alpha berkisar antara 0 hingga 1, iaitu nilai yang lebih hampir kepada 1 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Namun, tahap penerimaan kebolehpercayaan ini boleh berbeza bergantung pada konteks dan jenis kajian yang dijalankan. Menurut George dan Mallery (2003), nilai Alpha yang melebihi 0.7 dianggap memadai untuk menunjukkan kebolehpercayaan instrumen, seperti yang diperincikan dalam Jadual 3.2:

Jadual 3.2 Klasifikasi tahap kebolehpercayaan berdasarkan nilai *Cronbach's Alpha*

Nilai *Cronbach's Alpha*	**Kebolehpercayaan**
$\alpha > 0.9$	Sangat baik
$\alpha > 0.8$	Baik
$\alpha > 0.7$	Dapat diterima
$\alpha > 0.6$	Perlu dipersoal
$\alpha > 0.5$	Lemah
$\alpha > 0.4$	Tidak boleh diterima

Sumber: Diadaptasi daripada George dan Mallery (2003)

Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi borang kaji selidik yang digunakan melebihi 0.7. Ini menandakan bahawa instrumen yang dibangunkan untuk menilai tahap peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Berikut merupakan dapatan yang diperoleh daripada analisis borang kaji selidik yang dijalankan:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 3.3 Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam setiap variabel

Bil.	Variabel	Item	*Cronbach's Alpha* (α)
1.	Pengetahuan Tentang Bahasa	2	0.93
2.	Perasaan Milikan	3	0.70
3.	Domain Keluarga	7	0.89
4.	Domain Persahabatan	4	0.87
5.	Domain Aktiviti Jual Beli	4	0.83
6.	Domain Keagamaan	4	0.87
7.	Domain Pendidikan	4	0.86
8.	Domain Pekerjaan	4	0.93
9.	Perbezaan Bahasa antara Penutur dalam Golongan Muda dan Tua	2	0.72
10.	Sikap Bahasa	5	0.79

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi borang kaji selidik yang digunakan melebihi 0.7. Ini menandakan bahawa instrumen yang dibangunkan untuk menilai tahap peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik dan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

Dalam penyelidikan kualitatif pula, kebolehpercayaan data merujuk kepada konsistensi dan ketepatan dalam pengumpulan serta analisis maklumat, yang memastikan bahawa dapatan kajian boleh dipercayai dan diulang dengan hasil yang serupa dalam konteks yang sama. Salah satu strategi utama untuk meningkatkan kebolehpercayaan ialah pengesahan transkripsi oleh pengekod kedua, yang berperanan menilai kejelasan dan ketepatan rakaman dari sudut teknikal. Dalam kajian ini, transkripsi telah disemak oleh pakar fonetik bagi memastikan setiap perkataan, intonasi, dan ciri pertuturan lain didokumentasikan dengan tepat tanpa sebarang kesilapan interpretasi. Verifikasi ini penting bagi menjamin keabsahan data yang dikumpul, sekali gus meminimumkan sebarang bias pengkaji dalam mentafsir pertuturan. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa analisis pemilihan bahasa dibuat berdasarkan data ujaran yang sahih dan tepat, khususnya apabila kajian melibatkan variasi bahasa, peralihan kod dan penggunaan pelbagai bahasa dalam interaksi sebenar. Ketepatan transkripsi amat penting kerana sebarang kesilapan dalam merekod bentuk bahasa boleh menjejaskan interpretasi terhadap pola pemilihan bahasa yang dikaji. Oleh itu, pengesahan oleh pakar fonetik membantu meningkatkan kebolehpercayaan dapatan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kajian serta memastikan bahawa analisis yang dijalankan benar-benar mencerminkan penggunaan bahasa sebenar dalam kalangan responden. Sekiranya semasa proses transkripsi terdapat sebutan yang meragukan, kurang jelas, atau penggunaan kosa kata yang tidak difahami oleh pengkaji, rujukan silang akan dibuat dengan penduduk tempatan yang fasih dalam dialek atau bahasa yang digunakan oleh penutur. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan ketepatan representasi linguistik, malah turut memastikan makna dan konteks asal kekal terpelihara. Justeru, dengan pelaksanaan semakan pakar dan konsultasi komuniti, kebolehpercayaan serta integriti dapatan kajian kualitatif dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

3.7.2 Kesahan

Creswell (2007) menyarankan lapan strategi untuk menentukan kesahan berdasarkan kepada kaedah kualitatif iaitu pemerhatian secara berterusan, triangulasi, ulasan pakar bidang, pengukuhan hipotesis, menjelaskan pengkaji sebagai orang di luar lingkaran untuk mengelakkan hasil kajian yang berat sebelah, dapatan serta intepretasi yang diperoleh daripada responden atau informan, penerangan yang tepat dan terperinci serta pengauditan dapatan yang diperoleh. Creswell (2007) juga mencadangkan menggunakan sekurang-kurangnya dua daripada lapan strategi yang dicadangkan untuk menentukan kesahan. Oleh itu, kajian ini menggunakan lima strategi bagi menentukan kesahan sesuatu dapatan. Berikut merupakan strategi-strategi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

a. Pemerhatian secara berterusan

Menurut Creswell (2007), salah satu strategi untuk menentukan kesahan dalam penyelidikan kualitatif ialah pemerhatian secara berterusan, yang melibatkan pengumpulan data secara mendalam melalui pemerhatian berulang di lokasi yang sama. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan tiga kali pusingan pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) bagi memastikan ketekalan dan ketepatan data yang diperoleh. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami pola interaksi dan variasi tingkah laku dalam konteks sebenar, sekali gus meningkatkan keabsahan dapatan. Selain itu, rakaman tak sedar (dengan keizinan) diaplikasikan bagi mengurangkan bias pemerhatian dan mendapatkan data yang lebih autentik. Dengan kaedah ini, pengkaji

dapat mengesahkan kesahihan temuan melalui triangulasi masa dan situasi, menjadikan dapatan lebih kukuh serta relevan dengan objektif kajian.

b. Triangulasi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan empat teknik pengumpulan data utama bagi memperkukuh ketepatan dapatan, iaitu pemerhatian berpartisipasi (*participant observation*) dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (dengan keizinan), temu bual, analisis dokumen dan soal selidik (lihat Rajah 3.2). Penggunaan pelbagai instrumen ini membolehkan pengkaji melakukan verifikasi silang terhadap data yang diperoleh, sekali gus mengenal pasti sebarang konsistensi atau variasi dalam dapatan kajian.

c. Ulasan pakar bidang

Dalam memastikan kesahan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini, instrumen tersebut telah dinilai oleh seorang pakar sosiolinguistik melalui analisis kandungan. Langkah ini bertujuan memastikan bahawa setiap item soal selidik dapat mengukur pemilihan bahasa dengan tepat. Instrumen ini dinilai berdasarkan dua aspek kesahan utama, iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Dalam aspek kesahan muka, instrumen telah diberi skala 3 (setuju) dalam skala empat mata (1 - sangat tidak setuju, 4 - sangat setuju). Ini menunjukkan bahawa format instrumen diterima dengan baik, arahan yang diberikan adalah jelas, penggunaan perkataan adalah sesuai, serta aspek teknikal seperti fon, ejaan, tatabahasa, dan istilah dipastikan bersesuaian dengan konteks kajian. Oleh itu, soal selidik ini dinilai mudah difahami oleh responden serta dapat memberikan maklumat yang relevan untuk tujuan analisis.

Selain itu, dalam aspek kesahan kandungan, pakar sosiolinguistik yang menilai instrumen turut memberikan skala 3 (setuju) bagi setiap item soal selidik. Ini bermaksud, setiap soalan yang dibina adalah bersesuaian dengan objektif kajian serta dapat mengukur aspek pilihan bahasa dalam konteks yang dikaji. Walaupun secara keseluruhannya instrumen ini dinilai memadai, beberapa penambahbaikan kecil telah disyorkan bagi memastikan instrumen lebih mantap dan tepat. Tambahan lagi, kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Sekretariat Etika Penyelidikan UKM (UKM PPI/111/8/JEP-2024-108) (Lihat Lampiran A1), yang turut menilai borang soal selidik

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sebelum diluluskan. Proses penyaringan etika ini memastikan bahawa instrumen yang digunakan dalam pengumpulan data menepati piawaian penyelidikan akademik dan menghasilkan dapatan yang boleh dipercayai serta berkualiti.

d. Dapatan dan interpretasi yang diperoleh daripada responden atau informan (*member checking*)

Dalam penyelidikan kualitatif, pengesahan dapatan oleh responden atau *member checking* merupakan kaedah penting untuk meningkatkan kesahan kajian dengan memastikan bahawa interpretasi pengkaji benar-benar mencerminkan pengalaman sebenar responden. Proses ini melibatkan pengkaji mengemukakan semula dapatan kajian, termasuk transkripsi temu bual, kepada responden bagi mendapatkan maklum balas dan mengesahkan ketepatan makna serta konteks yang ditafsirkan. Dalam kajian ini, langkah ini amat penting untuk memastikan bahawa penggunaan bahasa, istilah, dan maksud yang disampaikan oleh responden diterjemahkan dengan tepat tanpa sebarang penyimpangan akibat bias pengkaji. Sekiranya terdapat sebarang ketidaktepatan dalam transkripsi atau tafsiran, responden berpeluang untuk memberikan penjelasan tambahan atau pembetulan, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan serta ketulenan data yang dikumpulkan. Dengan demikian, *member checking* bukan sahaja mengukuhkan integriti dapatan kajian tetapi juga memastikan bahawa suara responden diwakili dengan tepat dalam analisis penyelidikan.

e. Audit luaran

Dalam kajian ini, sebahagian hasil dapatan kajian telah diolah menjadi makalah dalam jurnal dan bab dalam buku, hasil-hasil tulisan ini telah diwasit oleh pakar sebelum penerbitan. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa kajian ini secara tidak langsung telah menerima komen dan input cadangan dari pakar dalam bidang. Bab mengenai dapatan kajian kualitatif telah diterbitkan dalam buku *Warisan Sakral dari Perspektif Bahasa* pada tahun 2025. Selain itu, artikel berkaitan dapatan kajian kualitatif telah diterbitkan dalam jurnal *ATMA*, UKM (*MyCite*) pada bulan Januari 2025 serta dalam jurnal *Melayu*, UKM (*MyCite*) pada bulan April 2025. Sebuah artikel bertaraf Scopus Q2 juga telah diterbitkan dalam *forthcoming issue* jurnal *Kajian Malaysia*, USM. Semua penerbitan ini telah melalui proses penilaian ketat oleh pakar bidang bagi memastikan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ketepatan metodologi, kesahan dapatan, serta sumbangan akademik kajian. Oleh itu, penilaian oleh pakar dalam setiap peringkat penerbitan ini telah memberikan nilai tambah yang signifikan dalam memurnikan kajian serta mengukuhkan kesahihannya dalam disiplin yang dikaji.

3.8 PROSEDUR KIRAAN SKOR DAN PENETAPAN TAHAP BERDASARKAN EGIDS

Jadual 3.4 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen soal selidik berdasarkan interpretasi skor dalam setiap variabel, iaitu pemilihan bahasa, interpretasi skor, dan penguasaan bahasa. Skor min yang diperoleh dikategorikan kepada lima tahap: sangat rendah (1.00 - 1.80) dengan peratusan 1 hingga 20 peratus, rendah (1.81 - 2.60) dengan peratusan 21 hingga 40 peratus, sederhana (2.61 - 3.40) dengan peratusan 41 hingga 60 peratus, tinggi (3.41 - 4.20) dengan peratusan 61 hingga 80 peratus, dan sangat tinggi (4.21 - 5.00) dengan peratusan 81 hingga 100 peratus. Kategori ini membantu dalam menilai tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik serta memberikan gambaran jelas mengenai tahap pemilihan dan penguasaan bahasa responden. Jadual ini telah diadaptasi dan diubah suai daripada Field (2018) dan Mohd Majid (2005) bagi memastikan kesesuaian dalam konteks kajian ini.

Jadual 3.4 Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam setiap variabel

Pemilihan Bahasa (Skor min)	Interpretasi Skor	Penguasaan Bahasa (%)
1.00 - 1.80	Sangat Rendah	01 - 20
1.81 – 2.60	Rendah	21 - 40
2.61 – 3.40	Sederhana	41 - 60
3.41 – 4.20	Tinggi	61-80
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi	81 - 100

Sumber: Diadaptasi daripada Field (2018) dan Mohd Majid (2005)

Peratusan dalam penguasaan bahasa menunjukkan sejauh mana responden menguasai bahasa berdasarkan skor min yang diperoleh. Responden dalam kategori sangat rendah (1.00 - 1.80) dengan peratusan antara 1 hingga 20 peratus menunjukkan keupayaan yang terhad dalam memahami dan menggunakan bahasa, iaitu mereka hanya mampu berkomunikasi pada tahap asas. Seterusnya, dalam kategori rendah (1.81 - 2.60) dengan peratusan 21 hingga 40 peratus, responden mempunyai kefahaman yang sedikit

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

lebih baik tetapi masih menghadapi cabaran dalam membina ayat yang jelas atau berstruktur dengan baik. Responden dalam kategori sederhana (2.61 - 3.40) dengan peratusan 41 hingga 60 peratus pula mempunyai penguasaan bahasa yang mencukupi untuk komunikasi harian, namun mungkin mengalami kesukaran dalam situasi lebih formal atau ketika menggunakan tatabahasa yang kompleks. Bagi kategori tinggi (3.41 - 4.20) dengan peratusan 61 hingga 80 peratus, responden menunjukkan tahap kecekapan yang baik dalam berkomunikasi, menulis, dan memahami bahasa dalam pelbagai konteks. Akhir sekali, kategori sangat tinggi (4.21 - 5.00) dengan peratusan 81 hingga 100 peratus menggambarkan responden yang mempunyai penguasaan bahasa yang sangat baik, dapat berkomunikasi dengan lancar dan memahami nuansa bahasa dalam interaksi rasmi dan tidak rasmi. Peratusan ini membantu dalam memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap kecekapan bahasa Banjar responden serta hubungannya dengan pemilihan bahasa dalam pelbagai konteks komunikasi. Jadual 3.5 merupakan skala perbandingan tahap pemilihan dan penguasaan bahasa EGIDS seperti yang dirumuskan oleh Lewis dan Simons (2010):

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 3.5 Perbandingan tahap pemilihan dan penguasaan bahasa dengan skala EGIDS

Skor Min	Tahap Pemilihan dan Penguasaan Bahasa	Peratus (%)	Tahap EGIDS	Label EGIDS	Keterangan EGIDS	UNESCO
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi	81 – 100	0 – 3	*International, National, Regional, Trade* (Antarabangsa, Kebangsaan, Serantau, Perdagangan)	Bahasa ini digunakan di peringkat antarabangsa untuk pelbagai tujuan, Di peringkat kebangsaan bahasa ini digunakan dalam bidang pendidikan, pekerjaan, media massa, dan urusan kerajaan. Selain itu, ia turut memainkan peranan penting dalam media massa tempatan dan serantau serta perkhidmatan kerajaan. Di samping itu, bahasa ini juga digunakan secara meluas dalam komunikasi tempatan dan serantau, merangkumi interaksi antara penduduk setempat serta komunikasi dengan pihak luar.	*Safe* (Selamat)
3.41 – 4.20	Tinggi	61 – 80	4-6a	*Educational, Written, Vigorous* (Pendidikan, Tulisan, Berkembang)	Pengetahuan mengenai bahasa ini disebarkan melalui sistem pendidikan umum. Di samping itu bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi, namun dalam bentuk tulisan hanya oleh segelintir komuniti. Selanjutnya, bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan dipelajari oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda.	*Safe* (Selamat)
2.61 – 3.40	Sederhana	41 – 60	6b –8b	*Threatened, Shifting, Moribund, Nearly Extint* (Terancam, Berubah, Hampir pupus, Hampir pupus sepenuhnya)	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi, namun hanya segelintir yang menurunkannya kepada anak-anak. Di samping itu, generasi dewasa masih bertutur dalam bahasa ini, tetapi tidak mewariskannya kepada anak-anak mereka. Akibatnya, penutur aktif yang tinggal hanyalah golongan datuk dan nenek. Lebih membimbangkan, penutur yang	*Vulnerable* (Mudah Terancam) *Definitely Endangered* (Pasti Terancam) *Severely Endangered* (Sangat Terancam)

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

					masih ada terdiri daripada golongan ini dengan sedikit peluang untuk menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian.	*Critically Endangered* (Kritikal Terancam)
1.81 – 2.60	Rendah	21 – 40	9	*Dormant* (Tidak aktif)	Bahasa ini hanya berfungsi sebagai peringatan kepada identiti etnik, dengan penguasaan simbolik sahaja.	*Extinct* (Pupus)
1.00 – 1.80	Sangat Rendah	1 – 20	10	*Extinct* (Pupus)	Tiada siapa lagi mengaitkan identiti etnik dengan bahasa tersebut, walaupun secara simbolik.	*Extinct* (Pupus)

Sumber: Diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh pengkaji berdasarkan Lewis dan Simons (2010)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 3.5 menunjukkan perbandingan tahap pemilihan dan penguasaan bahasa dengan skala EGIDS serta klasifikasi UNESCO, yang menggambarkan tahap kelestarian sesuatu bahasa. Pada tahap sangat tinggi (skor min 4.21 – 5.00, peratus 81 – 100%), bahasa tersebut digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa, kebangsaan, dan serantau dalam bidang pendidikan, pekerjaan, media massa, serta urusan kerajaan. Bahasa ini dikategorikan sebagai selamat (*safe*) oleh UNESCO, kerana masih digunakan secara aktif dalam komunikasi lisan dan tulisan di semua generasi. Pada tahap tinggi (skor min 3.41 – 4.20, peratus 61 – 80%), bahasa ini diajar dalam sistem pendidikan dan masih digunakan oleh semua generasi secara lisan, namun dalam bentuk tulisan hanya diamalkan oleh sebahagian komuniti. Ia masih diklasifikasikan sebagai selamat (*safe*) tetapi memerlukan usaha pemuliharaan dalam aspek dokumentasi bertulis.

Seterusnya, tahap sederhana (skor min 2.61 – 3.40, peratus 41 – 60%) menunjukkan bahasa ini masih digunakan secara lisan oleh semua generasi, tetapi penurunannya kepada anak-anak semakin berkurang. Pada tahap yang lebih kritikal, hanya golongan dewasa atau warga emas yang bertutur dalam bahasa ini, menyebabkan ia berada dalam kategori mudah terancam (*vulnerable*) hingga sangat terancam (*critically endangered*) mengikut klasifikasi UNESCO. Jika tiada usaha pemuliharaan, bahasa ini berisiko untuk pupus dalam beberapa dekad akan datang. Pada tahap rendah (skor min 1.81–2.60, peratus 21 – 40%), bahasa tersebut tidak lagi digunakan dalam komunikasi harian dan hanya berfungsi sebagai simbol identiti etnik, tanpa sebarang peranan aktif dalam masyarakat. Ia dikategorikan sebagai pupus (*extinct*) oleh UNESCO kerana penggunaannya sangat terhad atau hampir tidak wujud.

Akhir sekali, tahap sangat rendah (skor min 1.00 – 1.80, peratus 1 – 20%) menandakan kepupusan sepenuhnya, iaitu bahasa tersebut tidak lagi dituturkan atau dikaitkan dengan mana-mana kumpulan etnik. Ia telah kehilangan fungsi sosial dan budaya, serta hanya wujud dalam bentuk dokumentasi sejarah jika ada. Kesimpulannya, jadual ini menunjukkan bahawa semakin rendah tahap pemilihan dan penguasaan sesuatu bahasa, semakin besar risiko bahasa itu pupus. Oleh itu, kajian terhadap bahasa dalam kategori terancam amat penting untuk membantu dalam usaha pemuliharaan dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

perancangan dasar bahasa, bagi memastikan kesinambungan penggunaannya dalam kalangan generasi akan datang.

3.9 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian dilakukan di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak. Dua buah kampung yang terlibat, iaitu Kampung Jalan Besar Masjid Tinggi dan Kampung Jalan Banjar. Kedua-dua buah kampung ini terkenal dengan adanya komuniti masyarakat Banjar yang menjalankan pelbagai aktiviti dalam domain yang pelbagai. Umpamanya, dalam domain keagamaan terdapat dua buah masjid yang terkenal yang terdapat di dua buah kampung tersebut, iaitu Masigit Lawas dan Masjid Al-Athar. Pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan dalam kalangan masyarakat Banjar sering dijalankan di dua buah masjid ini.



Rajah 3.3 Masigit Lawas

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 3.4 Masjid Al-Athar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Di samping itu juga terdapat sebuah warung yang diberi nama ”Warung *Wadai*” atau kedai menjual kuih-muih yang cukup terkenal dalam kalangan penduduk di Mukim Bagan Serai. Warung ini menjual beraneka kuih muih dan makanan tradisi masyarakat Banjar.



Rajah 3.5 Warung Wadai

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Pemilihan lokasi tersebut disifatkan wajar kerana Mukim Bagan Serai ini terkenal sebagai antara penempatan suku Banjar yang terbesar di Malaysia. Persatuan Banjar Semenanjung Malaysia yang menjadi nadi utama masyarakat Banjar Semenanjung Malaysia juga berpusat di sini.

3.10 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Saiz sampel yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi responden yang terlibat mengisi soal selidik, temu bual dan rakaman tidak sedar (dengan keizinan). Saiz sampel yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi responden yang terlibat mengisi soal selidik, temu bual dan rakaman tidak sedar (dengan keizinan), iaitu

terdapat beberapa orang responden dalam rakaman tidak sedar (tiga pusingan) merupakan individu yang sama dengan responden soal selidik, manakala responden temu bual terdiri daripada individu yang berbeza daripada responden soal selidik dan rakaman tidak sedar.

Penentuan saiz sampel kajian untuk kajian kuantitatif ini berdasarkan kepada pengiraan Krejcie dan Morgan (1970) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6:

Jadual 3.6 Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi (orang)	**Sampel**
Setiap 40,000	380

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang disarankan untuk populasi 40,000 orang ialah 380 orang. Nisbah bagi sampel ini boleh dikira seperti berikut:

i. $\frac{380}{40,000} = 0.0095$

ii. $0.0095 \times 35,770 = 340$

Ini bermakna, bagi setiap seorang dalam populasi, terdapat 0.0095 peluang untuk dimasukkan dalam sampel kajian. Oleh kerana saiz populasi kajian ialah 35 770 orang (Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai 2024), maka jumlah sampel yang sesuai dikira dengan mendarabkan nisbah tersebut dengan saiz populasi. Oleh itu, jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian ini ialah 340 orang. Saiz ini dipilih supaya kajian dapat mewakili keseluruhan populasi. Pengiraan ini menunjukkan bahawa dengan populasi 35 770 orang saiz sampel 340 orang adalah mencukupi mengikut pendekatan Krejcie dan Morgan. Pemilihan saiz sampel yang tepat adalah penting bagi memastikan dapatan kajian boleh digeneralisasikan kepada populasi secara menyeluruh.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 3.7 Saiz sampel kajian pilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak

Populasi Penduduk di Mukim Bagan Serai (orang)	Sampel Kajian ()rang)	
35,770	● Pemerhatian berpatisipasi rakaman tidak sedar (tiga kali pusingan)	76
	● Temu Bual	15
	● Soal Selidik (keseluruhan)	340
Jumlah		431

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Selain daripada soal selidik, pendekatan kualitatif turut digunakan bagi mendapatkan data yang lebih mendalam. Bilangan sampel temu bual yang mencukupi dalam kajian kualitatif bergantung kepada beberapa faktor utama, termasuk jenis kajian, tujuan penyelidikan serta keperluan untuk mencapai penyerapan data atau *saturation*. Menurut Morse (1994), saiz sampel yang kecil, antara enam hingga 50 peserta, sudah memadai untuk mencapai *saturation* yang diperlukan dalam kajian kualitatif. Begitu juga, Francis et al. (2010) menyatakan bahawa jumlah temu bual yang mencukupi bergantung kepada jenis soalan penyelidikan dan keupayaan pengkaji untuk mengenal pasti apabila tiada tema baru muncul. Selain itu, Creswell (1998) mencadangkan bahawa antara lima hingga 25 temu bual adalah mencukupi untuk kajian fenomenologi, manakala Guest et al. (2006) pula menyatakan bahawa antara enam hingga 12 temu bual adalah mencukupi untuk mencapai *saturation* dalam kebanyakan kajian kualitatif. Bertaux (1981) pula menegaskan bahawa 15 temu bual adalah saiz sampel yang paling kecil yang boleh diterima dalam kajian kualitatif. Seiring dengan justifikasi ini, pengkaji melibatkan seramai 15 orang responden dalam temu bual ini. Pembahagian responden kepada lima kumpulan umur yang berbeza adalah seperti berikut: Kumpulan umur 1 (61 tahun ke atas), Kumpulan umur 2 (51 hingga 60 tahun), Kumpulan umur 3 (41 hingga 50 tahun), Kumpulan umur 4 (31 hingga 40 tahun) dan Kumpulan umur 5 (20 hingga 30 tahun). Pembahagian responden kepada lima kumpulan umur yang berbeza adalah seperti berikut: Kumpulan umur 1 (61 tahun ke atas), Kumpulan umur 2 (51 hingga 60 tahun), Kumpulan umur 3 (41 hingga 50 tahun), Kumpulan umur 4 (31 hingga 40 tahun) dan Kumpulan umur 5 (20 hingga 30 tahun), yang ditetapkan berdasarkan pengelasan struktur umur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) dalam laporan *Current Population Estimates, Malaysia, 2022*. Pembahagian ini bertujuan memberikan gambaran yang seimbang dan representatif terhadap pelbagai peringkat

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

umur dalam populasi yang dikaji. Pendekatan ini selaras dengan cadangan para sarjana yang menekankan kepentingan variasi dan kedalaman data, sambil memastikan saiz sampel yang mencukupi untuk mencapai *saturation* data yang diperlukan. Dengan bilangan temu bual ini, diharapkan tema-tema utama dapat dikenalpasti dan dianalisis dengan lebih mendalam tanpa berlebihan sehingga menyukarkan analisis yang lebih terperinci dan berkesan.

Selanjutnya, seramai 76 orang responden telah terlibat dalam rakaman tidak sedar dengan keizinan sebanyak tiga kali pusingan bagi keenam-enam domain dalam situasi yang berbeza, yang membolehkan pemerhatian secara autentik terhadap corak interaksi bahasa dalam situasi sebenar tanpa dipengaruhi oleh faktor kesedaran responden. Oleh itu, dalam kajian kualitatif ini seramai 91 orang telah dilibatkan,iaitu dengan 15 orang dalam temu bual dan 76 orang lagi dalam rakaman tidak sedar. Pendekatan ini memberi kelebihan kepada kajian kerana ia membolehkan pengumpulan data yang lebih mendalam dan semulajadi mengenai pilihan bahasa dan interaksi sosial tanpa pengaruh atau manipulasi yang mungkin timbul sekiranya responden sedar bahawa mereka sedang diperhatikan. Kaedah kualitatif melibatkan temu bual dan rakaman tidak sedar, membantu untuk mencapai pemahaman yang lebih holistik mengenai fenomena yang dikaji serta memastikan data yang diperoleh adalah lebih representatif dan autentik. Tuntasnya, gabungan kaedah ini, iaitu rakaman tidak sedar (dengan keizinan), temu bual dan soal selidik memastikan data yang diperoleh bukan sahaja bersifat kualitatif yang holistik dan mendalam tetapi juga dilengkapi dengan analisis bersifat kuantitatif untuk memperkukuhkan lagi dapatan kajian ini.

Pendekatan ini selari dengan kaedah campuran (*mixed-methods*) yang menggabungkan data kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan analisis yang lebih komprehensif. Oleh kerana peserta temu bual dan individu dalam pemerhatian berpatisipasi tidak diambil daripada kumpulan soal selidik, jumlah keseluruhan sampel bertambah kepada 431 orang. Justeru, strategi persampelan ini memastikan keterwakilan data yang lebih luas dan mengukuhkan keabsahan dapatan kajian mengenai vitaliti dan pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.10.1 Sampel Kajian Pemerhatian Berpartisipasi dengan Mengaplikasikan Rakaman Tidak Sedar (Dengan Keizinan)

Sampel kajian bagi pemerhatian berpartisipasi yang menggunakan kaedah rakaman tak sedar (dengan keizinan) melibatkan seramai 76 orang responden. Jumlah ini dibahagikan mengikut enam domain utama yang telah ditetapkan (Jadual 3.8), dan setiap domain melibatkan tiga pusingan rakaman berdasarkan konteks interaksi dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai. Dalam domain keluarga, seramai sembilan orang ahli keluarga diperhatikan ketika berinteraksi di rumah bagi mengetahui pilihan bahasa dalam komunikasi seharian dalam lingkungan keluarga. Dalam domain persahabatan, 11 orang rakan menjadi responden dalam pemerhatian di tempat pergaulan sosial bagi meneliti pilihan bahasa rakan-rakan daripada latar belakang bahasa yang berbeza berkomunikasi antara satu sama lain. Bagi domain agama, 10 orang responden terdiri daripada imam, ahli kariah dan individu yang dijemput dalam program keagamaan di Masjid Al-Athar untuk mengenal pasti pilihan bahasa dalam konteks ibadah dan aktiviti keagamaan. Dalam domain pendidikan, 12 responden yang terdiri daripada guru dan murid diperhatikan di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah bagi memahami bahasa yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di luar dan di dalam bilik darjah. Bagi domain pekerjaan, 16 orang pekerja di Warung B40 Masjid Tinggi diperhatikan untuk mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam komunikasi sesama pekerja dan pelanggan. Akhir sekali, dalam domain jual beli, 18 orang penjual di Warung Wadai diperhatikan bagi mengetahui bahasa yang digunakan ketika transaksi jual beli, terutamanya dalam urusan jualan kuih-muih tradisional Banjar. Pembahagian ini memastikan setiap domain mempunyai representasi yang mencukupi untuk memperoleh data pemerhatian yang sahih dan menyeluruh mengenai pilihan bahasa dalam konteks masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai. Jadual 3.8 memaparkan sampel kajian pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (tiga kali pusingan rakaman):

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 3.8 Sampel kajian pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (tiga kali pusingan rakaman)

Bil.	Domain	Interlokutor	Lokasi	Bilangan Responden	Rasional
1.	Keluarga	Ahli keluarga	Rumah	9	Meneliti pilihan bahasa dalam komunikasi keluarga di rumah.
2.	Persahabatan	Rakan sebaya	Tempat pergaulan sosial	11	Mengenal pasti penggunaan bahasa dalam kalangan rakan dari latar belakang berbeza.
3.	Agama	Imam dan ahli kariah	Masjid Al-Athar	10	Mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam konteks ibadah dan aktiviti keagamaan.
4.	Pendidikan	Guru dan murid	Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah	12	Memahami bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran serta pengaruh bahasa Melayu baku.
5.	Pekerjaan	Majikan, pekerja dan pembeli	Warung Masjid Tinggi	16	Mengenal pasti bahasa yang digunakan sesama majikan, pekerja dan pelanggan.
6.	Jual beli	Penjual dan pelanggan	Warung Wadai	18	Mengkaji bahasa yang digunakan dalam urusan transaksi jual beli.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Secara keseluruhannya, pembahagian responden dalam enam domain utama ini membolehkan analisis mendalam terhadap pilihan bahasa dalam pelbagai konteks interaksi sosial masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai. Pendekatan ini sejajar dengan konsep interlokutor Fishman yang menekankan fungsi bahasa dalam hubungan sosial yang berbeza, termasuk dalam lingkungan keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, pekerjaan, dan jual beli. Melalui pemerhatian terhadap penggunaan bahasa dalam setiap domain, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pola penggunaan bahasa dalam masyarakat serta faktor yang mempengaruhi vitaliti bahasa dalam komuniti ini. Hasil kajian ini juga berpotensi menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pemeliharaan dan peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di lokasi kajian.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.10.2 Sampel Kajian Temu Bual Semi Berstruktur

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), taburan penduduk negara telah dikategorikan kepada tiga peringkat umur utama, iaitu 0 hingga 14 tahun, 15 hingga 64 tahun, dan 65 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, bagi mencapai analisis yang lebih terperinci serta sejajar dengan objektif kajian ini, pengkaji telah menyusun semula julat umur kepada lima kumpulan yang lebih spesifik seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.9. Bagi kaedah temu bual, seramai 15 orang informan telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan peranan aktif dan keterlibatan mereka dalam aktiviti harian komuniti Banjar di Bagan Serai, termasuk kegiatan sosial, keagamaan, dan ekonomi. Informan terdiri daripada individu daripada pelbagai peringkat umur serta latar belakang sosial dan ekonomi yang berbeza bagi memastikan data yang diperoleh mencerminkan kepelbagaian pandangan dan pengalaman dalam kalangan anggota komuniti. Pendekatan ini juga membolehkan pengkaji memperoleh gambaran mengenai tahap penggunaan, pengekalan dan peralihan bahasa Banjar dalam domain yang ditetapkan, iaitu kekeluargaan, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan.

Kaedah pemilihan informan dalam kajian ini dilaksanakan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu satu pendekatan yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif apabila pengkaji memerlukan peserta yang dapat memberikan maklumat yang mendalam, dan relevan terhadap isu yang dikaji. Menurut Creswell (2013), pensampelan bertujuan membolehkan pengkaji memilih individu yang memahami secara langsung fenomena yang sedang dikaji dan berupaya menyumbangkan perspektif yang signifikan terhadap konteks penyelidikan. Justeru, dalam kajian ini, informan dipilih berdasarkan keterlibatan mereka secara aktif dalam pelbagai aspek kehidupan komuniti Banjar di Bagan Serai, termasuk dalam bidang sosial, keagamaan, pendidikan, dan ekonomi. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang bukan sahaja luas dari segi variasi kumpulan umur, tetapi juga mendalam dari segi pengalaman linguistik setiap individu dalam domain-domain tersebut. Selain itu, pemilihan secara bertujuan juga sejajar dengan keperluan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan atau peralihan bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam komuniti etnik minoriti, yang tidak dapat diperoleh secara efektif melalui pensampelan rawak.

Jadual 3.9 Bilangan responden mengikut kumpulan umur

Bil.	Kumpulan	Kategori Umur	Bilangan	Peratus (%)
1.	Kumpulan umur 1	61 tahun ke atas	3	20.0
2.	Kumpulan umur 2	51 hingga 60 tahun	3	20.0
3.	Kumpulan umur 3	41 hingga 50 tahun	3	20.0
4.	Kumpulan umur 4	31 hingga 40 tahun	3	20.0
5.	Kumpulan umur 5	20 hingga 30 tahun	3	20.0
	Jumlah		**15**	**100**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Temu bual yang dijalankan bersifat semi berstruktur bagi membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang lebih autentik dan meneliti penggunaan bahasa dalam interaksi harian mereka. Pemilihan tiga responden bagi setiap kumpulan umur bertujuan mewakili variasi asas dalam setiap generasi serta membolehkan perbandingan pola pemilihan bahasa dibuat secara lebih berfokus. Walaupun tidak mewakili keseluruhan populasi secara statistik, dapatan kajian ini bersifat indikatif dan diperkukuh melalui triangulasi data untuk memberikan gambaran kecenderungan antara generasi.

Selain itu, salah seorang informan yang ditemu bual merupakan seorang tokoh Banjar dalam kategori umur 61 tahun ke atas yang mempunyai pertalian langsung dengan generasi awal masyarakat Banjar yang berhijrah dari Kalimantan Selatan ke Bagan Serai. Beliau memiliki pengetahuan mendalam tentang sejarah kedatangan masyarakat Banjar ke kawasan ini serta perubahan dalam penggunaan bahasa dari generasi ke generasi. Maklumat daripada tokoh ini memberikan konteks sejarah yang lebih kukuh kepada kajian, khususnya dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kelangsungan bahasa Banjar di mukim ini.

Data temu bual dikumpulkan daripada ekstrak temu bual responden. Rakaman temu bual tidak ditransliterasikan tetapi hanya diterjemahkan memandangkan pengkaji hanya perlu mendapatkan maklumat atau pandangan mereka mengenai penggunaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Banjar di Bagan Serai. Soalan temu bual yang dikemukakan kepada responden adalah seperti berikut:

i. Apakah pandangan responden terhadap penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga, persahabatan, pendidikan, jual beli, keagamaan, dan pekerjaan di Bagan Serai? Soalan ini bertujuan untuk memahami konteks penggunaan bahasa Banjar merentasi pelbagai domain sosial dalam komuniti.
ii. Bagaimanakah responden melihat pengekalan atau peralihan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan komuniti, iaitu generasi muda dan generasi tua di Bagan Serai? Soalan ini meneliti persepsi terhadap tahap pemindahan bahasa merentas generasi dan potensi gangguan antara generasi *(intergenerational disruption*).
iii. Jika berlaku peralihan bahasa, apakah bahasa yang cenderung menggantikan bahasa Banjar dalam interaksi harian?Soalan ini menggambarkan arah perubahan linguistik serta bahasa pesaing yang dominan dalam konteks tempatan.
iv. Bagaimanakah bahasa Banjar dikaitkan dengan identiti etnik masyarakat Banjar di Bagan Serai? Soalan ini menyentuh aspek sosiolinguistik berkaitan hubungan antara bahasa dan identiti etnik.
v. Apakah pandangan jika bahasa Banjar tidak dipelihara? Soalan ini menggali peranan simbolik dan fungsi budaya bahasa Banjar dalam mengekalkan warisan komuniti.

Analisis Tematik Braun dan Clarke (2006) akan digunakan sebagai kaedah untuk menyusun data berdasarkan tema yang wujud dalam temu bual yang dijalankan. Langkah pelaksanaan analisis tematik dipaparkan dalam Jadual 3.10.

Jadual 3.10 Langkah pelaksanaan analisis tematik

Fasa	Langkah
Fasa 1	Mengenali (membiasakan diri) dengan data (transkripsi data verbal)
Fasa 2	Membina kod awal (*initial codes*)
Fasa 3	Mencari tema
Fasa 4	Menyemak tema
Fasa 5	Menentukan dan menamakan tema
Fasa 6	Menghasilkan laporan

Sumber: Diterjemah dan diadaptasi daripada Braun & Clarke (2006: 15-23)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.10.3 Sampel Penelitian Dokumen

Bagi kaedah analisis dokumen, sampel kajian merangkumi pelbagai bahan bertulis yang digunakan dalam kehidupan seharian komuniti Banjar di Bagan Serai. Dokumen-dokumen ini dianalisis untuk mengenal pasti pola penggunaan bahasa dalam pelbagai domain sosial, termasuk keluarga, persahabatan, keagamaan, pendidikan, jual beli, dan pekerjaan. Antara dokumen yang dikaji ialah kad jemputan kenduri yang mencerminkan bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi rasmi dan tidak rasmi dalam kalangan masyarakat Banjar, papan tanda, risalah keagamaan dan lain-lain yang menggambarkan peranan bahasa Banjar dalam penyebaran ajaran Islam dalam komuniti.

Jadual 3.11 Jumlah dokumen yang diteliti

Bil.	Dokumen	Jumlah
1.	Papan tanda	7
2.	Papan kenyataan	1
3.	Buku program	1
4.	Gegantung	2
5.	Kad jemputan	1
6.	Memo	1
7.	Poster	1
8.	Lencana butang (Button Badge)	1
	Jumlah	**15**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Pemilihan dokumen dilakukan secara teliti dengan mempertimbangkan kepelbagaian domain yang menjadi fokus kajian bagi memastikan analisis yang komprehensif. Analisis terhadap bahan bertulis ini bukan sahaja membantu mengesahkan dapatan daripada rakaman tidak sedar, temu bual, analisis kandungan dan soal selidik, tetapi juga memberikan bukti konkrit tentang sejauh mana bahasa Banjar masih digunakan atau telah mengalami peralihan dalam pelbagai aspek kehidupan komuniti. Dengan menggabungkan data daripada dokumen bertulis dengan sumber lisan dan pemerhatian, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih holistik mengenai pola pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.10.4 Sampel Kajian Tinjauan Menggunakan Soal Selidik dan *Google Form*

Seperti sampel temu bual, sampel bagi kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik melalui *Google Form* turut melibatkan lima kumpulan umur, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.12. Pembahagian ini selari dengan pendekatan sosiolinguistik yang menekankan peranan faktor umur dalam variasi dan perubahan bahasa (Labov 1994). Kumpulan umur 20 hingga 30 tahun merupakan kumpulan paling dominan dalam kajian ini, melibatkan 115 orang responden (33.8%). Generasi ini berada dalam peringkat awal dewasa dan sering terdedah kepada pelbagai pengaruh bahasa akibat perkembangan teknologi dan perubahan sosial. Menurut Fishman (1991), golongan muda cenderung mengadaptasi bentuk bahasa baharu yang lebih dinamik dalam komunikasi harian mereka, terutama dalam domain pekerjaan, persahabatan, dan media sosial.

Kumpulan umur 31 hingga 40 tahun pula melibatkan 72 orang responden (21.2%). Individu dalam lingkungan umur ini lazimnya berada dalam fasa pertengahan kehidupan, memainkan peranan penting dalam pembentukan bahasa dalam konteks kekeluargaan dan pekerjaan. Berdasarkan kajian Milroy dan Milroy (1992), mereka yang berada dalam peringkat usia ini sering menjadi perantara antara norma linguistik lama dan baharu dalam sesuatu komuniti, sekali gus mempengaruhi pengekalan atau peralihan bahasa warisan. Kumpulan umur 41 hingga 50 tahun pula melibatkan 32 orang responden (9.4%). Walaupun jumlahnya kecil, kumpulan ini tetap signifikan kerana mereka sering berperanan sebagai penyampai norma linguistik dan budaya kepada generasi muda. Seramai 52 orang responden (15.3%) terdiri daripada kumpulan umur 51 hingga 60 tahun. Golongan ini masih aktif dalam kehidupan sosial dan pekerjaan. Chambers (2003) menyatakan bahawa individu dalam kategori umur ini mungkin mengalami perubahan dalam pilihan bahasa bergantung pada konteks sosial, khususnya apabila berinteraksi dengan generasi lebih muda, seperti anak-anak dan cucu. Menurut Trudgill (2000), individu dalam lingkungan umur ini lazimnya menunjukkan kestabilan dalam penggunaan bahasa, namun tetap terdedah kepada pengaruh luar yang boleh mendorong perubahan pilihan bahasa.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Akhir sekali, kumpulan umur 61 tahun ke atas merangkumi 69 orang responden (20.3%). Berdasarkan perspektif Eckert (1997), individu dalam kumpulan ini cenderung mengekalkan penggunaan bahasa warisan kerana mereka lebih terikat dengan norma linguistik yang telah lama diamalkan dalam komuniti. Mereka berperanan sebagai penjaga atau pemegang warisan bahasa, memastikan kesinambungan penggunaannya dalam masyarakat. Secara keseluruhannya, pembahagian mengikut kumpulan umur ini membolehkan analisis sosiolinguistik yang lebih mendalam tentang tahap penggunaan bahasa Banjar berdasarkan generasi, sekali gus memberikan gambaran tentang pola peralihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai.

Jadual 3.12 Bilangan responden mengikut kumpulan umur

Bil.	Kumpulan	Kategori Umur	Bilangan	Peratus (%)
1.	Kumpulan umur 1	61 tahun ke atas	69	20.3
2.	Kumpulan umur 2	51 hingga 60 tahun	52	15.3
3.	Kumpulan umur 3	41 hingga 50 tahun	32	9.4
4.	Kumpulan umur 4	31 hingga 40 tahun	72	21.2
5.	Kumpulan umur 5	20 hingga 30 tahun	115	33.8
	Jumlah		**340**	**100**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Secara keseluruhannya, pembahagian kumpulan umur dalam kajian ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh mengenai variasi bahasa dalam komuniti berdasarkan perspektif sosiolinguistik. Justifikasi daripada sarjana Barat seperti Fishman (1991), Labov (1994) dan Eckert (1997) menunjukkan bahawa faktor umur mempunyai kesan yang signifikan terhadap pemilihan dan perubahan bahasa dalam sesebuah masyarakat. pembahagian ini memberikan gambaran yang lebih holistik mengenai taburan responden mengikut umur, sekali gus membolehkan analisis yang lebih mendalam mengenai pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat yang dikaji.

Bilangan sampel dalam kajian ini dipilih berdasarkan kepelbagaian instrumen yang digunakan bagi memastikan data yang diperoleh bersifat menyeluruh dan boleh dipercayai. Pemerhatian berpartisipasi dengan rakaman tidak sedar (dengan keizinan) telah dijalankan dalam tiga pusingan, melibatkan seramai 76 orang responden bagi meneliti interaksi bahasa secara spontan dalam pelbagai domain sosial. Selain itu, temu bual semi berstruktur telah dilaksanakan melibatkan 15 orang informan yang dipilih

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

secara purposif untuk mendapatkan maklumat mendalam mengenai pengalaman serta pandangan mereka terhadap penggunaan bahasa Banjar dalam komuniti. Bagi melengkapkan kajian, sebanyak 15 dokumen bertulis telah dianalisis untuk memahami pola penggunaan bahasa dalam komunikasi bertulis. Seterusnya, bagi memperoleh gambaran kuantitatif mengenai pilihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai, sebanyak 340 borang soal selidik telah diedarkan melalui edaran secara bersemuka dan platform *google form*. Bagi golongan remaja dan dewasa , soal selidik diedarkan melalui *google form*, manakala bagi golongan yang lebih berusia, edaran dilakukan secara bersemuka. Dalam pelaksanaan secara bersemuka, terdapat responden yang mengisi soal selidik sendiri, manakala sebahagian yang lain memerlukan bantuan pengkaji untuk membacakan soalan dan menandakan jawapan berdasarkan respons yang diberikan. Proses pengedaran ini dijalankan di beberapa lokasi komuniti seperti masjid dan kedai makan, yang menjadi ruang interaksi harian masyarakat. Pendekatan gabungan ini membolehkan pengkaji memperoleh seramai 340 orang responden serta memastikan keterwakilan pelbagai kumpulan umur dalam kajian.

Pendekatan pelbagai kaedah ini selaras dengan cadangan Creswell (2014) yang menekankan kepentingan triangulasi dalam kajian sosial bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan.Secara keseluruhannya bilangan sampel yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini dapat dirumuskan seperti yang terdapat pada Jadual 3.13 seperti berikut:

Jadual 3.13 Instrumen kajian dan bilangan sampel

Bil.	Instrumen	Bilangan
1.	Pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (dengan keizinan)	76
2.	Temu bual	15
3.	Penelitian dokumen	15
4.	Borang kaji selidik	340

Sumber: Mohd Khaidir 2026

3.11 PENGANALISISAN DATA

Analisis data dalam kajian ini dilakukan secara sistematik berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui kaedah rakaman tak sedar, temu bual, penelitian dokumen dan soal

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

selidik. Data yang dikumpulkan dianalisis bagi memahami pola penggunaan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai.

3.11.1 Data Pemerhatian Berpartisipasi

Pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar (dengan keizinan) tiga kali pusingan di lokasi yang sama membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman mendalam mengenai norma, nilai, dan corak interaksi sosial dalam masyarakat yang dikaji. Kaedah ini selaras dengan pandangan Spradley (1980), yang menegaskan bahawa pemerhatian berpartisipasi memberi peluang kepada pengkaji untuk menyelami budaya masyarakat melalui penglibatan langsung dalam kehidupan seharian mereka. Dalam kajian ini, pemerhatian berstruktur turut digunakan untuk memastikan konsistensi data. Lokasi-lokasi yang dipilih berdasarkan domain tertentu membolehkan pembentukan kelompok terkawal (*controlled group*), seterusnya menghasilkan data yang lebih sistematik dan representatif. Rakaman tak sedar (dengan keizinan) digunakan bagi memastikan pertuturan yang direkodkan mencerminkan bahasa semula jadi yang digunakan dalam situasi sebenar. Menurut Latif dan Chong (2022), teknik ini penting dalam penyelidikan sosiolinguistik kerana kesedaran terhadap kewujudan perakam boleh menyebabkan subjek mengubah gaya pertuturan mereka. Selain itu, Stockdale (2002) menyatakan bahawa rakaman audio memainkan peranan kritikal dalam kajian kualitatif kerana ia membantu dalam pemerhatian terhadap perubahan kod, penggunaan dialek, serta struktur wacana yang berlaku secara spontan.

Rakaman yang dikumpulkan disaring, dan hanya rakaman suara yang jelas akan dianalisis. Untuk memastikan keabsahan data, data mentah ini ditranskripsi terlebih dahulu dalam abjad Rumi, kemudian sebutannya dilambangkan dengan Abjad Fonetik Antarabangsa. Dalam transkripsi, aksara yang ditandakan dengan huruf tebal ialah data bahasa Banjar, manakala yang digarisi ialah dialek melayu Kedah atau variasi bahasa lain; bahasa Melayu standard pula dilambangkan dengan aksara biasa. Transkripsi ini kemudiannya disemak oleh seorang pengekod kedua, iaitu pensyarah kanan dalam bidang fonetik, bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Creswell (2013) menegaskan bahawa proses pengesahan ini penting dalam memastikan ketepatan analisis data serta mengelakkan tafsiran yang salah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam kajian ini, keenam-enam domain dianalisis untuk memahami corak penggunaan bahasa dalam situasi yang berbeza. Domain keluarga menganalisis interaksi bahasa dalam kalangan ahli keluarga di rumah untuk mengenal pasti dominasi bahasa Banjar, bahasa Melayu Standard, dialek Melayu Kedah atau variasi bahasa lain. Domain persahabatan pula memerhati perbezaan penggunaan bahasa dalam kalangan rakan sebaya, khususnya dalam situasi tidak formal. Bagi domain keagamaan, bahasa yang digunakan dalam aktiviti keagamaan di Masjid Al-Attar dikaji, termasuk khutbah, pengajian agama, dan komunikasi harian. Domain pendidikan meneliti interaksi bahasa antara guru dan murid di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah. Dalam domain pekerjaan, bahasa utama yang digunakan dalam komunikasi antara pekerja dan pelanggan di Warung B40 di Masjid Tinggi dikenal pasti. Seterusnya, domain jual beli mengkaji bahasa yang digunakan dalam transaksi jual beli di Warung Wadai, terutamanya dalam interaksi antara penjual dan pelanggan. Melalui analisis ini, pola peralihan dan campuran kod dalam pertuturan dapat diperhatikan dengan lebih jelas. Selain itu, kajian ini turut membantu memahami faktor sosiolinguistik yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora.

Secara keseluruhannya, analisis data dalam kajian ini menunjukkan bagaimana penggunaan bahasa dipengaruhi oleh domain sosial dan konteks interaksi. Kaedah triangulasi yang digunakan dalam kajian ini menggabungkan pemerhatian berpartipasi, temu bual, penelitian dokumen dan soal selidik mengukuhkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan.

3.11.2 Data Temu Bual Semi Berstruktur

Dalam menganalisis data temu bual semi berstruktur, kajian ini menggunakan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang melibatkan enam fasa utama, bermula dengan pembiasaan terhadap data melalui transkripsi verbatim dan pembacaan berulang bagi memahami kandungan temu bual secara menyeluruh. Seterusnya, segmen data yang signifikan dikenal pasti dan dijana sebagai kod awal, sebelum dikelompokkan kepada tema-tema yang lebih luas melalui proses pencarian dan semakan tema secara sistematik bagi memastikan keselarasan, ketepatan dan ketidakbertindihan makna. Tema-tema yang dimuktamadkan kemudiannya dinamakan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dan ditakrifkan secara jelas berdasarkan intipati data, sebelum dihuraikan dalam bentuk laporan analisis yang disokong oleh petikan empirik daripada transkripsi temu bual.

Setelah tema-tema dikenal pasti melalui analisis tematik Braun dan Clarke (2006), tema-tema tersebut dipetakan ke dalam kerangka tiga tingkat seperti yang dicadangkan oleh Vallerga dan Zurbriggen (2022), yang berfungsi sebagai kerangka interpretatif kajian ini. Pemetaan ini membolehkan tema dianalisis secara berhierarki, iaitu pada Tingkat 1 yang merujuk kepada justifikasi pola penggunaan bahasa dan mencerminkan tahap vitaliti bahasa, Tingkat 2 yang melibatkan tingkah laku linguistik, sikap serta konteks sosial, dan Tingkat 3 yang merujuk kepada bentuk refleksi dan reaksi penutur terhadap keadaan bahasa yang dikaji. Melalui gabungan kedua-dua pendekatan ini, analisis data temu bual bukan sahaja menjelaskan proses pembinaan tema secara empirik, malah menafsirkan fungsi dan kedudukan tema-tema tersebut dalam ekologi sosial bahasa, sekali gus memperkukuh ketelitian serta kebolehpercayaan dapatan kajian.

3.11.3 Analisis Dokumen

Dalam menganalisis data daripada dokumen, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) bagi mengenal pasti pola penggunaan bahasa dalam pelbagai bahan bertulis dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai. Analisis ini dijalankan secara sistematik bagi meneliti status, fungsi dan konteks penggunaan bahasa Banjar, bahasa Melayu standard serta variasi bahasa lain dalam komunikasi bertulis, sekali gus melengkapi dapatan daripada temu bual semi berstruktur dan rakaman tidak sedar.

Proses analisis dimulakan dengan penetapan objektif analisis yang jelas, iaitu untuk mengenal pasti bentuk dan kecenderungan penggunaan bahasa dalam dokumen terpilih serta hubungannya dengan faktor sosial dan kemasyarakatan. Seterusnya, pengkaji memilih unit teks yang relevan untuk dianalisis, merangkumi bahan bertulis seperti papan tanda, poster, gegantung, serta dokumentasi aktiviti sosial dan keagamaan yang mencerminkan amalan bahasa sebenar dalam komuniti kajian. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan kerelevanan, kebolehwakilan dan kebolehcapaian bagi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memastikan data yang dianalisis mencerminkan realiti penggunaan bahasa dalam konteks bertulis.

Setiap unit teks yang dipilih kemudiannya dikategorikan dan dikodkan secara sistematik berdasarkan kategori analisis yang dibangunkan selaras dengan objektif kajian, seperti jenis bahasa yang digunakan, konteks penggunaan dan fungsi komunikatif. Pengekodan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola pengulangan serta kecenderungan penggunaan bahasa dalam dokumen yang dianalisis. Data yang telah dikodkan seterusnya ditafsirkan dan dibincangkan dengan mengaitkannya dengan dapatan temu bual dan rakaman tidak sedar bagi memahami peranan bahasa Banjar dalam ekologi linguistik komuniti secara lebih menyeluruh.

Akhirnya, dapatan analisis dokumen dirumuskan bagi menilai kedudukan dan fungsi bahasa Banjar dalam komunikasi bertulis komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai. Rumusan ini bukan sahaja menyokong dapatan kajian secara keseluruhan, malah menyumbang kepada penilaian tahap vitaliti bahasa Banjar dengan memperkukuh kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian melalui triangulasi sumber data.

3.11.4 Soal Selidik

Data kuantitatif yang dikumpul daripada borang kaji selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah statistik deskriptif dan inferensi. Untuk memastikan sama ada item kajian ini boleh dipercayai, analisis kebolehpercayaan item dijalankan dengan merujuk kepada nilai *Cronbach's Alpha*. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan taburan responden, termasuk latar belakang demografi serta pola pilihan bahasa dalam enam domain sosial yang ditetapkan, melalui nilai min, sisihan piawai, peratusan dan frekuensi. Untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian, analisis regresi linear digunakan untuk menentukan hubungan antara kumpulan umur, jantina, taraf pendidikan dan pekerjaan dengan tahap kefasihan/pilihan bahasa. Jika nilai Sig. < 0.05, maka terdapat hubungan yang signifikan antara kumpulan umur, jantina, taraf pendidikan dan pekerjaan dengan tahap kefasihan/pilihan bahasa.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3.11.5 Pengukuran Daya Tahan Bahasa Banjar

Dapatan soal selidik ini selanjutnya akan diterapkan dalam rangka kerja *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) bagi menentukan tahap kepunahan bahasa Banjar dalam komuniti yang dikaji. EGIDS, yang dikembangkan oleh Lewis dan Simons (2010), merupakan alat yang berkesan dalam menilai daya tahan sesuatu bahasa berdasarkan penggunaan antara generasi serta fungsinya dalam masyarakat. Melalui penerapan EGIDS, pola pilihan bahasa dalam enam domain sosial yang telah dianalisis dapat dibandingkan dengan kriteria yang ditetapkan dalam skala ini bagi menentukan sama ada bahasa Banjar berada pada tahap penggunaan yang stabil, mengalami peralihan, atau berisiko pupus.

Dalam konteks kajian ini, data mengenai tahap pilihan bahasa Banjar dalam domain keluarga, persahabatan, keagamaan, pendidikan, pekerjaan, dan jual beli menjadi indikator utama dalam menentukan sama ada bahasa ini masih dituturkan secara aktif dalam kalangan generasi muda atau hanya digunakan oleh golongan lebih tua. Jika dapatan menunjukkan bahawa bahasa Banjar lebih banyak digunakan oleh generasi tua, tetapi semakin berkurang dalam kalangan generasi muda, maka ini mencerminkan trend peralihan bahasa yang boleh dikategorikan dalam tahap 6b (*Threatened*) atau 7 (*Shifting*) dalam EGIDS. Sebaliknya, jika bahasa ini masih digunakan secara meluas dalam pelbagai domain dan dalam kalangan semua peringkat umur, maka ia boleh dikategorikan dalam tahap 5 (*Developing*) atau lebih tinggi, menunjukkan bahawa bahasa masih mempunyai fungsi sosial yang kukuh dalam komuniti.

Penerapan EGIDS dalam kajian ini juga membolehkan analisis yang lebih sistematik terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada pengekalan atau kepunahan bahasa Banjar. Faktor seperti pengaruh bahasa dominan, dasar bahasa di peringkat pendidikan, serta sikap masyarakat terhadap penggunaan bahasa Banjar dalam kehidupan harian boleh dianalisis secara lebih mendalam. Dengan membandingkan dapatan soal selidik dengan skala EGIDS, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti tahap kepunahan bahasa Banjar secara empirikal, tetapi juga memberikan pandangan tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memperkukuh kelangsungan bahasa ini dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai.

3.12 ETIKA PENYELIDIKAN

Dalam sesuatu kajian, etika penyelidikan memainkan peranan penting bagi memastikan proses pengumpulan data dijalankan secara bertanggungjawab, menghormati hak responden, dan mematuhi garis panduan akademik yang ditetapkan. Kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Sekretariat Etika Penyelidikan UKM (UKM PPI/111/8/JEP-2024-108) (lihat Lampiran A1). Dalam proses penyaringan etika, borang soal selidik yang dibangunkan turut dinilai sebelum diluluskan, bagi memastikan kesesuaiannya dengan piawaian penyelidikan. Dengan demikian, penyusunan instrumen ini dapat dipercayai untuk mengumpul data yang relevan dan berkualiti, sekaligus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Menurut Creswell (2007), terdapat beberapa aspek etika yang perlu dipatuhi oleh pengkaji bagi memastikan kajian tidak melanggar batasan etika akademik. Dalam kajian ini, pengkaji telah memperoleh surat kebenaran daripada institusi pengajian bagi menjalankan penyelidikan di lokasi yang dipilih. Surat ini telah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan dan organisasi berkaitan sebagai langkah pematuhan etika. Selain itu, kerahsiaan data responden dijamin dengan tidak mendedahkan nama mereka dalam borang soal selidik, memastikan privasi dan hak mereka terpelihara. Di samping itu, pengkaji juga telah dilantik menjadi koordinator pemantapan Masigit Lawas di Mukim Bagan Serai oleh pihak masjid. Ini memperkukuhkan lagi keberadaan pengkaji secara formal menjalankan kajian di lokasi kajian (Bil (001)/dlm .MAA/025 8 Mac 2025) (lihat Lampiran E).

Pengkaji juga menjelaskan secara terperinci kepada responden mengenai tujuan kajian sebelum mereka menyertai sesi temu bual atau soal selidik. Ini bertujuan untuk mendapatkan persetujuan berdasarkan pemahaman yang jelas mengenai penglibatan mereka dalam kajian ini. Dalam konteks rakaman data, kebenaran terlebih dahulu telah diperoleh daripada informan untuk merakam sesi temu bual dan pemerhatian. Walaupun terdapat rakaman yang dilakukan tanpa pengetahuan segera responden bagi mendapatkan interaksi natural, pengkaji telah mendapatkan kebenaran retrospektif

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

daripada responden kajian setelah rakaman dibuat. Selain itu, sepanjang sesi temu bual, pengkaji berperanan sebagai fasilitator dan pendengar bagi mengelakkan bias atau mempengaruhi jawapan informan. Jika terdapat isu sensitif seperti perkauman atau keagamaan yang dibangkitkan oleh responden dan tidak berkaitan dengan objektif kajian, pengkaji mengalih perbualan secara berhemah bagi mengekalkan profesionalisme dalam pengumpulan data.

Secara keseluruhannya, kepatuhan terhadap prinsip etika dalam kajian ini memastikan bahawa setiap data yang dikumpulkan adalah sahih, boleh dipercayai, dan diperoleh dalam keadaan yang menghormati hak serta sensitiviti responden. Ini bukan sahaja meningkatkan kredibiliti kajian, tetapi juga mematuhi standard akademik dalam penyelidikan sosial dan linguistik.

3.13 KESIMPULAN

Kesimpulannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan analisis yang komprehensif terhadap fenomena pilihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai. Kaedah pemerhatian berpartisipasi dengan mengaplikasikan rakaman tak sedar, temu bual semi berstruktur, analisis dokumen, dan soal selidik telah digunakan untuk memperoleh data yang pelbagai dan mendalam. Penggunaan teknik triangulasi data mengukuhkan kesahan dapatan dengan membandingkan hasil daripada pelbagai instrumen penyelidikan. Selain itu, analisis data kuantitatif melalui regresi linear membolehkan pemahaman yang lebih jelas mengenai hubungan antara pemboleh ubah yang mempengaruhi pilihan dan sikap terhadap bahasa Banjar, manakala kajian kualitatif memberikan perspektif yang lebih kontekstual terhadap pola penggunaan bahasa. Dengan memastikan pematuhan kepada etika penyelidikan serta menggunakan instrumen yang telah diuji kebolehpercayaannya, kajian ini berupaya memberikan dapatan yang kukuh dan relevan dalam memahami tahap vitaliti serta peralihan bahasa Banjar dalam komuniti yang dikaji. Bab seterusnya akan menghuraikan dapatan utama kajian yang diperoleh melalui rakaman tak sedar, temu bual semi berstruktur, dan analisis dokumen, bagi menggambarkan secara terperinci pola dan konteks penggunaan bahasa dalam komuniti tersebut.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB IV

DOMAIN DAN PILIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan analisis dan hasil dapatan daripada data kualitatif yang diperoleh. Bab ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu pengenalan, dapatan pemerhatian berpartisipasi mengaplikasikan rakaman tak sedar dengan keizinan, dapatan rakaman temu bual, dapatan analisis dokumen, perbincangan dan kesimpulan. Data kualitatif ini dianalisis untuk menjawab objektif pertama, iaitu mengenalpasti pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai terhadap bahasa ibunda dan bahasa di persekitaran mereka.

Oleh itu, data diperoleh melalui tiga instrumen utama, iaitu rakaman tak sedar, temu bual, dan analisis dokumen. Data yang dikumpulkan melalui instrumen-instrumen ini dianalisis bagi menentukan pola pilihan bahasa masyarakat Banjar serta menilai sama ada terdapat kecenderungan ke arah pengekalan atau peralihan bahasa Banjar di mukim tersebut. Penggunaan pelbagai instrumen ini bertujuan untuk memperkukuh dapatan melalui kaedah triangulasi, sejajar dengan pendekatan sosiolinguistik yang menekankan kepelbagaian sumber data bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan ketepatan analisis (Holmes 2013; Romaine 1995). Dalam konteks kajian ini, data kualitatif berperanan sebagai data utama, manakala data kuantitatif digunakan untuk menyokong dan mengukuhkan dapatan yang diperoleh, sebagaimana yang disarankan oleh Spolsky (2004) mengenai keperluan penggunaan pelbagai sumber data bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif tentang penggunaan bahasa dalam masyarakat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.2 DATA RAKAMAN TAK SEDAR

Seperti yang dinyatakan dalam Bab III, tujuan utama pengkaji menggunakan rakaman tak sedar dalam bentuk audio dan video ini adalah untuk mendapatkan data yang semula jadi tanpa modifikasi pertuturan. Dalam erti kata lain, jika penutur sedar dengan kehadiran alat perakam, mungkin mereka akan melakukan pengubahsuaian cara sebutan ataupun gaya pertuturan (Latif & Chong 2022).Selain itu, instrumen ini juga telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk mendengar secara langsung akan bahasa yang dipertuturkan oleh responden. Dengan ini, pengkaji dapat menentukan pilihan bahasa yang digunakan oleh responden semasa berkomunikasi dalam enam domain yang ditetapkan dalam kajian ini, iaitu domain keluarga, domain persahabatan, domain keagamaan, domain aktiviti jual beli, domain pendidikan dan domain pekerjaan.

Pengkaji telah menggunakan proses rakaman tak sedar yang berstruktur dengan mengaplikasikan tiga langkah. Langkah pertama melibatkan pengkaji menetapkan sebanyak tiga kali proses rakaman tak sedar ke lokasi yang menjalankan aktiviti dalam domain yang sama. Sebagai contoh pengkaji telah menjalankan rakaman tak sedar sebanyak tiga kali dalam aktiviti keagamaan di lokasi yang sama untuk melihat tahap konsistensi responden kajian memilih bahasa atau bahasa-bahasa tertentu dalam komunikasi dalam domain tersebut. Langkah kedua melibatkan usaha pengkaji untuk menganalisis 18 buah rakaman tak sedar yang telah dilakukan terhadap responden dalam pelbagai topik, latar dan kumpulan umur sebanyak tiga kali pusingan dalam enam domain yang telah ditetapkan. Berdasarkan 18 buah rakaman yang telah diperoleh, pengkaji telah memastikan sama ada responden menggunakan bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, bahasa Melayu atau bahasa campuran melalui pilihan bahasa. Selanjutnya, langkah ketiga pula semua rakaman yang dikumpulkan akan disaring dan hanya rakaman suara yang jelas akan dipilih untuk dianalisis. Data mentah ini terlebih dahulu akan ditranskripsi dalam bentuk abjad Rumi dan kemudian sebutan dilambangkan dengan menggunakan *International Phonetic Alphabet* (IPA). Dalam data yang dipersembahkan, aksara yang ditandakan dengan huruf tebal (*bold*) adalah bahasa Banjar, kata atau frasa yang bergaris bawah (*underline*) menunjukkan penggunaan dialek Melayu Kedah, dialek Melayu lain atau bahasa-bahasa lain manakala yang ditampilkan dalam bentuk aksara biasa adalah bahasa Melayu standard.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan memanfaatkan ketiga-tiga langkah ini, pengkaji telah dapat mengenal pasti pilihan bahasa Banjar sama ada menjurus ke arah pengekalan atau peralihan dalam kalangan responden kajian dalam enam domain tersebut.

4.2.1 Domain Keluarga

Dalam kajian domain keluarga, pengkaji telah memilih sebuah keluarga berketurunan Banjar di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi, Mukim Bagan Serai sebagai subjek kajian. Pengkaji telah menjalankan rakaman tidak sedar bagi tiga aktiviti utama, iaitu ketika responden menonton televisyen di ruang tamu, berbual di halaman rumah, dan makan di dapur. Aktiviti ini dipilih untuk memahami bagaimana pilihan bahasa berlaku secara semula jadi dalam situasi harian keluarga Banjar. Ketiga-tiga aktiviti ini menggambarkan variasi penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks komunikasi keluarga, memberikan pandangan umum tentang corak pilihan bahasa dalam kehidupan seharian mereka.



Rajah 4.1 Keluarga berketurunan Banjar di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

a. Sesi rakaman pertama: Perbualan ketika menonton televisyen di ruang tamu

Sesi rakaman pertama berlangsung di ruang tamu sebuah keluarga Banjar di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi, Mukim Bagan Serai. Rakaman ini memberi tumpuan kepada perbualan yang berlaku semasa menonton televisyen, iaitu ahli keluarga berinteraksi dalam suasana santai dan tidak formal. Lokasi ini dipilih untuk memahami bagaimana bahasa digunakan dalam konteks hiburan keluarga di dalam rumah, serta melihat bagaimana interaksi verbal berlaku dalam suasana yang lebih tertumpu dan intim.

Jadual 4.1 Sesi rakaman pertama: Perbualan ketika menonton televisyen di ruang tamu

Peserta Dialog

R001/ DK (1) : Ayah (lelaki,54 tahun)
R002/ DK (1) : Anak (lelaki, 20 tahun)
R003/ DK (1) : Ibu Saudara/Kakak ayah (perempuan, 62 tahun)

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DK (1)	[**kareta?** tu **lɛh.** ʔalɔr pɔŋsu] Kereta tuke..Alor Pongsu	Berbual ketika menonton televisyen
R003/ DK (1)	[ʔa.lɔr pɔŋsu sə.la.ma] Alor Pongsu Selama	
R001/ DK (1)	[kəbetulan **uraŋ** jatuh **mutɔr lɛh**] Kebetulan orang jatuh motor ya	
R002/DK (1)	[hʊm..**handaʔ məŋɛ̃lak wa.rɛʔ]** Hummm (merujuk betul)...hendak mengelak monyet.	
R003/ DK (1)	[moŋɛt] Monyet	
R002/DK (1)	[mɛ̃sɛn tu **lataʔ** di mana] Mesin itu letak di mana?	
R003/DK (1)	[ada kot dəkat atas tu. **mɛ̃sɛn** tu rosaʔ. ni **ako mɜ̃ŋutɛp** jaŋ ko mɜ̃mbawa **buliʔ** hari **toʊ**. ʊraŋ mana **toʊ**] Ada kot dekat atas tu. Mesin itu rosak. Ini aku mengutip yang awak membawa balik hari itu. Orang mana tu.	
R002/DK (1)	[Cuba cari] Cuba cari	

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam sesi rakaman pertama yang melibatkan perbualan ketika menonton televisyen di ruang tamu, responden kajian secara dominan menggunakan bahasa Banjar. Responden, terdiri daripada ayah (R001), anak (R002), dan ibu saudara/kakak ayah (R003), menggunakan istilah-istilah seperti “kareta?”, “lɛh”, “mutɔr” dan “mə̃ŋutɛp” yang merupakan ciri khas bahasa Banjar. Penggunaan bahasa Banjar ini menunjukkan bahawa dalam konteks keluarga dan suasana informal, bahasa ini menjadi pilihan utama, memainkan peranan penting dalam komunikasi harian dan mengukuhkan identiti budaya serta hubungan kekeluargaan mereka.

Pilihan bahasa ini juga mencerminkan bagaimana bahasa Banjar terus digunakan secara aktif dalam perbualan seharian, terutama dalam suasana santai seperti menonton televisyen bersama keluarga. Ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar bukan hanya sekadar digunakan untuk berkomunikasi, tetapi juga sebagai elemen penting untuk mengekalkan warisan budaya dan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga. Penggunaan bahasa Banjar yang berterusan dalam situasi tidak formal ini menunjukkan kesetiaan keluarga tersebut terhadap bahasa ibunda mereka, yang memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan dan kelangsungan bahasa dalam generasi seterusnya.

b. Sesi rakaman kedua: Perbualan ketika berada di halaman rumah

Sesi rakaman kedua berlangsung di halaman rumah, melibatkan perbualan antara anggota keluarga Banjar di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi, Mukim Bagan Serai. Rakaman ini memfokuskan kepada interaksi sosial yang berlaku secara semula jadi di persekitaran luar rumah, ketika mereka berbual dalam suasana santai. Lokasi dan konteks perbualan ini dipilih untuk menggambarkan bagaimana pilihan bahasa berlaku dalam suasana yang lebih santai dan informal, memberi gambaran tentang penggunaan bahasa dalam interaksi keluarga di luar rumah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 4.2 Perbualan keluarga berketurunan Banjar di halaman rumah

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.2 Sesi rakaman kedua: Perbualan ketika berada di halaman rumah

Peserta Dialog

R001/ DK (2) : Ayah (lelaki,54 tahun)
R002/ DK (2) : Sepupu (lelaki, 60 tahun)
R003/ DK (2) : Kakak Ayah (perempuan, 62 tahun)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DK (2)	[jaŋ **uraŋ tuha?** tu, kalau **binĩŋa?** sakit **ɟua**] Yang orang tua itu, kalau bininya sakit juga	Berbual tentang rawatan di halaman rumah
R003/ DK (2)	[sakit ɟugala malam tu bərdəŋõt-bərdəŋõt. kalau **kasai** dəŋãn ubat tu lagila] Sakit jugalah malam tu berdenyut-denyut. Kalau sapu dengan ubat tu lagilah.	
R002/ DK (2)	[mẽmãŋla. dia **mẽubati?]** Memanglah ubat itu merawati	
R003/ DK (2)	[**mẽŋĩkot-mẽŋĩkot** tu] Ubat **mula bertindak sedikit demi sedikit**	
R001/ DK (2)	[**tapeiɛ kasaŋŋã** alhamdulillah. **buɟurka?]** Tapi kesannya alhamdulillah. Betulkah?	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R003/ DK (2)	[huɾm.. **buɟuɾ**] Hurm..Betul
R001/ DK (2)	[jaŋ aku bawɑʔ **uɾaŋ tuha təɾkamãih** atɑs katil **kada** tahan. tapi **iloʔ**] yang aku bawa orang tua terkencing tak tahan sakit. Tetapi sembuh.
R003/ DK (2)	tu.ka Ya kah?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Analisis dapatan ini menunjukkan bahawa dalam perbualan keluarga Banjar di luar rumah, bahasa Banjar masih menjadi pilihan utama. Penggunaan kata seperti "kasai", "buɟur", "təɾkamãih" dan "kada" menandakan identiti linguistik yang kuat dalam kalangan penutur, khususnya generasi lebih tua. Keutamaan bahasa Banjar dalam membincangkan topik berkaitan kesihatan dan pengalaman peribadi menunjukkan bukan sahaja keterikatan emosi terhadap bahasa warisan tetapi juga peranan bahasa ini dalam menyampaikan makna secara lebih ekspresif dan mendalam dalam interaksi sosial yang intim. Namun, fenomena percampuran bahasa turut berlaku, seperti penggunaan perkataan "tu.ka", yang merupakan unsur dialek Melayu Kedah. Ini mencerminkan tahap dwibahasa atau bahkan pelbagai bahasa yang wujud dalam komuniti, iaitu penutur menyesuaikan pilihan bahasa mengikut konteks dan interaksi. Dalam hal ini, dialek Melayu Kedah mungkin berfungsi sebagai alat komunikasi yang lebih luas, terutama dalam kalangan individu yang terbiasa dengan variasi dialek tersebut. Selain itu, bahasa Melayu digunakan dalam bahagian tertentu perbualan untuk menyampaikan maklumat umum yang lebih mudah difahami oleh semua pihak. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca yang menghubungkan pelbagai latar belakang linguistik dalam situasi sosial yang lebih luas. Fenomena ini memperlihatkan pola diglosia yang dinamik, iaitu bahasa Banjar tetap berfungsi dalam domain kekeluargaan dan hubungan rapat, manakala bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah digunakan secara strategik bagi memastikan kefahaman dan kelancaran komunikasi antara penutur daripada latar yang berbeza.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. Sesi rakaman ketiga: Perbualan ketika berada di dapur

Sesi rakaman ketiga, yang juga merupakan sesi terakhir, berlangsung di dapur rumah di Jalan Banjar, Kampung Masjid Tinggi, Mukim Bagan Serai. Perbualan melibatkan ahli keluarga yang sama, namun suasananya lebih tertumpu kepada aktiviti harian di dalam rumah, terutamanya semasa waktu makan bersama. Dapur dipilih sebagai lokasi kerana ia sering menjadi ruang interaksi yang intim dan tidak formal, iaitu perbualan cenderung berkisar pada topik harian dan peribadi yang mengukuhkan keakraban keluarga. Fokus utama rakaman ini adalah untuk meneliti tahap konsistensi pilihan bahasa yang digunakan, dengan penekanan kepada sejauh mana bahasa Banjar masih kekal dominan dalam situasi ini. Sesi ini juga bertujuan untuk meneliti kewujudan peralihan bahasa dan mengenal pasti konteks yang mendorong penggunaan bahasa lain selain bahasa Banjar. Jika peralihan bahasa berlaku, faktor-faktor yang mempengaruhinya akan dianalisis dalam perbualan santai keluarga di dapur.



Rajah 4.3 Perbualan adik beradik berketurunan Banjar di dapur

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.3 Sesi rakaman ketiga: Perbualan ketika berada di dapur

Peserta Dialog

R001/ DK (3) : Adik bongsu (perempuan,60 tahun)
R002/ DK (3) : Kakak kedua (Perempuan, 64 tahun)
R003/ DK (3) : Kakak sulung (perempuan, 74 tahun)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DK (3)	[**kada bisa** sampai] Tidak boleh sampai	Berbual antara adik beradik ketika makan di dapur
R002/ DK (3)	[haʔ **umãŋãkah**] Hah emaknyakah?	
R003/ DK (3)	[**kada hiŋkat mãŋãmbiliʔ**] Tidak boleh mengambil	
R001/ DK (3)	[dia **bulik** hari **ɟumãʔat**] Dia balik hari Jumaat	
R002/ DK (3)	[Ohh.. haah] Ohh..Haah	
R001/ DK (3)	[haʔ **mãnɛ̃skaʔ..mãnɛ̃s** saŋat kaʔ, **sadaŋ**] Ha maniskah, manis snagatkah, sedang	
R002/ DK (3)	[**sadaŋ haɟa**ʔ] Sedang saja	
R003/ DK (3)	[sapa bawa **wadai** ni **leh**] Siapa bawa kuih ini ya	
R001/ DK (3)	[**marandaŋ** tadi, **balian samãlam** kalu **mãnĩs** padahkanlah] Menggoreng tadi, belian semalam kalau manis beritahu	
R003/ DK (3)	[**sadap ulahan uraŋ** nĩ] Sedap masakan orang (pembuat kuih) ini	
R002/ DK (3)	[ja. **lawas kada** makan **wadai** nĩ] Ya.Lama tidak makan kuih ini	
R003/ DK (3)	[**handaʔ mãrandaŋ** apa lagi tuʔ. laju **haɟa**] Hendak goreng apa lagi tu? Laju betul.	
R002/ DK (3)	[**kada** payah dah] Tidak perlu dah	

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam sesi rakaman ketiga yang berlangsung di dapur, pilihan bahasa yang digunakan oleh peserta perbualan, iaitu adik-beradik berketurunan Banjar, menunjukkan tahap konsistensi yang tinggi dalam penggunaan bahasa Banjar. Perbualan harian yang merangkumi interaksi tidak formal ini tetap kekal dalam bahasa Banjar, terutamanya ketika membincangkan topik-topik mengenai aktiviti di dapur seperti penyediaan makanan dan kualiti rasa. Contohnya, ungkapan seperti "kada bisa sampai, "mãnɛ̃skaʔ", wadai dan "marandaŋ" memperlihatkan kelangsungan penggunaan kosa kata Banjar yang asli dalam konteks interaksi santai. Pilihan bahasa ini mencerminkan keakraban antara peserta perbualan dan kebergantungan kepada bahasa Banjar dalam komunikasi harian mereka, yang masih kekal relevan walaupun dalam suasana yang lebih intim seperti dapur.

Tambahan pula, tiada peralihan bahasa yang ketara berlaku dalam kalangan generasi tua, yang lebih cenderung mengekalkan penggunaan bahasa Banjar sepenuhnya sepanjang perbualan. Generasi yang lebih berusia ini menunjukkan komitmen tinggi terhadap bahasa ibunda mereka, tanpa campuran dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu standard atau dialek lain. Hal ini boleh dilihat dalam cara mereka mengekspresikan diri dan menyampaikan maklumat, iaitu ungkapan-ungkapan Banjar tetap dominan dan tidak digantikan dengan istilah daripada bahasa lain. Keadaan ini bukan sahaja memperlihatkan kelestarian bahasa Banjar dalam domain kekeluargaan, tetapi juga menegaskan pentingnya bahasa ini sebagai lambang identiti etnik dalam kalangan komuniti Banjar di Kampung Masjid Tinggi.

d. Rumusan

Berdasarkan ketiga-tiga sesi rakaman, jelas menunjukkan bahawa bahasa Banjar adalah pilihan utama dalam komunikasi harian keluarga berketurunan Banjar yang terlibat dalam kajian ini. Jika ditinjau dari segi peringkat umur, hampir kesemua peserta dalam ketiga-tiga dialog ialah warga tua kecuali seorang peserta remaja berusia 20 (iaitu di 4.2.1 (a)). Dalam hal ini, kesemua penutur berusia dan remaja menggunakan bahasa Banjar sebagai bahasa interaksi utama dalam keluarga dan bahasa Banjar digunakan secara konsisten oleh semua ahli keluarga. Penggunaan bahasa ini dalam pelbagai konteks, dari hiburan hingga perbualan santai di luar rumah dan semasa aktiviti harian

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

di dapur, mencerminkan keakraban dan komitmen keluarga terhadap bahasa ibunda mereka.

Kesimpulannya, bahasa Banjar bukan sahaja digunakan untuk berkomunikasi tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ikatan kekeluargaan dan mengekalkan identiti budaya. Konsistensi dalam penggunaan bahasa Banjar di semua situasi yang direkodkan menunjukkan bahawa bahasa ini terus digunakan dan relevan dalam interaksi keluarga, tanpa adanya peralihan bahasa yang ketara. Hal ini menegaskan bahawa bahasa Banjar berfungsi sebagai medium utama dalam komunikasi keluarga, mengekalkan warisan budaya dan mempererat hubungan dalam kalangan ahli keluarga di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai.

4.2.2 Domain Persahabatan

Pengkaji telah menggunakan kaedah rakaman tidak sedar yang berstruktur dengan melaksanakan tiga sesi rakaman di sekitar Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai, iaitu di sebuah warung dan semasa majlis kenduri (aroh). Ketiga-tiga sesi ini melibatkan aktiviti santai seperti berbual sambil menjamu selera dan bertukar-tukar cerita dalam suasana mesra, yang secara jelas tergolong dalam domain persahabatan. Rakaman ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola pilihan bahasa yang digunakan secara semula jadi dalam interaksi harian komuniti setempat.

a. Sesi rakaman pertama: Majlis kenduri (aroh) ahli kariah Kampung Masjid Tinggi

Dari segi latar belakang, komunikasi ini berlangsung ketika makan di majlis kenduri (Aroh) ahli kariah Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak (Mohd Khaidir Abdul Wahab et al, 2025). Dalam komunikasi ini, peserta kajian terdiri daripada empat orang penduduk yang berumur 40 tahun ke atas. Mereka sedang duduk berbual ketika sedang menikmati makanan tengah hari di majlis kenduri di kampung tersebut.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.4 Sesi rakaman pertama: Majlis kenduri (aroh) ahli kariah Kampung Masjid Tinggi

Peserta Dialog

R001/ DP (1) : Penduduk Kampung (lelaki, 30 tahun ke atas)
R002/ DP (1) : Penduduk Kampung (lelaki, 40 tahun ke atas)
R003/ DP (1) : Penduduk Kampung (lelaki, 40 tahun ke atas)
R004/ DP (1) : Penduduk Kampung (lelaki, 70 tahun ke atas)

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DP (1)	[ʔassalamũlaḭkum hari nĩ **aroh** rumah haji baharudin. nĩ n**ãs**i dalãm **rantãŋ**. ada nãsi tomãto **leh**] Assalamualaikum hari ni kenduri rumah haji Baharuddin. ini, nasi dalam bekas makanan bertingkat. Ada nasi tomato ya.	Berbual ketika makan tengah hari di majlis kenduri (Aroh)
R002/ DP (1)	[kenãpa **rantaŋ kadaʔ bercurɛs**, kau **padahkan]** Kenapa bekas makanan bertingkat ini tidak bocor, kau beritahu.	
R003/ DP (1)	[nĩ **ampal** mãsaʔ kicap] Ni daging lembu yang dihancurkan menjadi lempeng masak kicap	
R001/ DP (1)	**[kadaʔ bersanʔduʔ]** Tiada senduk.	
R003/ DP (1)	**[pakayi** sudu **mayoʔ** ai] Pakai sudu cukuplah	
R003/ DP (1)	**[umãi nãndukah** lagiʔ] Masih kenalkah lagi?	
R004/ DP (1)	[**nãnduʔ]** Kenal	
R003/ DP (1)	**[aŋah padahkan** nĩ **apaŋã** laukŋãʔ**]** Angah (panggilan kepada orang tua yang dihormati) apa nama lauk ini?	
R004/ DP (1)	[ini **pulot berhirɛs]** Ini pulut berhiris.	
R003/ DP (1)	[depa **ŋãmbat** pulut **arunãn]**. Orang sebut pulut arunan	
R004/ DP (1)	[**arunan birɛs**, **arunan leh]** Arunan biris, arunan ya	
R003/ DP (1)	[nĩ **apaŋã hiraŋ** nĩ, **padahkan**] Apa yang hitam ni, beritahu	
R004/ DP (1)	[mata **kada hawas]** Mata rabun	

bersambung....

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R003/ DP (1)	[cuba **nĩriŋ]** Cuba tengok
R004/ DP (1)	**[tarupoŋ** baru **hawas**, inĩ **ampal** masaʔ kicap, jaŋ nĩ aja<u>ʔ</u> asam, <u>jang nĩ</u> kambiŋ masaʔ kurma] Teropong baru nampak, ini daging lembu yang dihancurkan masak kicap, ini air asam, ini kambing masak kurma.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dalam konteks domain persahabatan seperti yang diperhatikan dalam Situasi 1 di Majlis Kenduri (Aroh), dapatan menunjukkan bahawa bahasa Banjar bukan sahaja masih digunakan, tetapi berfungsi sebagai bahasa matrik komunikasi dalam kalangan komuniti Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai. Penggunaan bahasa Banjar yang meluas ini mencerminkan keteguhan identiti etnik dan bahasa yang diwarisi sejak turun-temurun, terutamanya dalam konteks sosial yang signifikan seperti kenduri aroh yang menuntut kehadiran pelbagai lapisan usia dalam komuniti.

Walaupun interaksi didominasi oleh bahasa Banjar, terdapat unsur bilingualisme dan translanguaging yang berlaku secara semula jadi. Ini dapat dilihat melalui penyisipan kata atau frasa dalam bahasa Melayu standard, seperti "nasi tomato" dan "kambing masak kurma", yang digunakan ketika menyebut atau memperkenalkan jenis makanan dalam majlis. Fenomena ini menunjukkan kebolehan responden untuk beralih kod mengikut konteks wacana, terutama apabila merujuk kepada perkara yang mungkin tidak mempunyai padanan terus dalam kosa kata Banjar, atau untuk memastikan kefahaman yang lebih meluas dalam komuniti yang semakin bercampur latar belakang linguistiknya. Selain itu, penggunaan dialek Melayu Kedah, khususnya melalui kata ganti nama seperti "<u>depa</u>" (merujuk kepada mereka), memperlihatkan bahawa interaksi sosial di kampung ini turut dipengaruhi oleh persekitaran linguistik yang lebih luas, memandangkan Bagan Serai terletak berhampiran sempadan negeri Kedah dan negeri Perak. Ini menyokong pandangan bahawa komuniti ini mengamalkan repertoir linguistik yang pelbagai, dan penggunaan dialek atau bahasa tertentu disesuaikan berdasarkan konteks sosial, peserta interaksi, dan tahap keakraban antara penutur.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Fenomena seperti penggunaan nama panggilan tradisional Banjar seperti “aŋah”, yang digunakan oleh generasi muda untuk merujuk kepada individu yang lebih tua tetapi bukan saudara kandung, turut memperkukuh nilai sosial dan adat Banjar yang masih diamalkan. Panggilan ini bukan sahaja mencerminkan penghormatan, tetapi juga memperlihatkan ikatan sosial yang kukuh antara ahli komuniti tanpa mengira pertalian darah. Keseluruhannya, penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan ini bukan sekadar medium komunikasi, tetapi menjadi simbol identiti, penghormatan, dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora. Dalam masa yang sama, keupayaan mereka untuk menggunakan unsur bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah menunjukkan bahawa masyarakat ini bersifat fleksibel dan adaptif, selari dengan realiti sosial dan linguistik semasa. Dapatan ini menyokong tanggapan bahawa vitaliti bahasa Banjar dalam domain persahabatan masih tinggi, terutama dalam kalangan komuniti dewasa dan warga emas yang memainkan peranan penting dalam pemindahan budaya dan bahasa kepada generasi muda.

b. Sesi rakaman kedua: Makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi

Sesi rakaman kedua yang berlangsung ketika sedang makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi, Bagan Serai.

Jadual 4.5 Sesi rakaman kedua: Makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi

Peserta Dialog

R001/ DP (2) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (lelaki, 60 tahun ke atas)
R002/ DP (2) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (lelaki, 40 tahun ke atas)
R003/ DP (2) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (lelaki, 50 tahun ke atas)
R004/ DP (2) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (perempuan, 50 tahun ke atas)
R005/ DP (2) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (perempuan, 20 tahun ke atas)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DP (2)	[inĩ banɟar kah. ʔapaɲa jaŋ dimãkan?] Ini Banjar kah. Apanya yang dimakan?	Berbual ketika makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi
R002/ DP (2)	[nĩ tʃutʃor **hundaŋ** hari nĩ kita ʔada tʃutʃor **hundaŋ** samẽon **handaʔ** ʔada sikit lagiʔ] Ini cucur udang. Hari ini kita ada cucur udang. Sameon hendak. ada sikit lagi.	

bersambung....

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R001/ DP (2)	[**talah** dah **lɛh**?] Habis sudah kah?
R003/ DP (2)	[nĩ ʧʃutʃoɾ udaŋ lɛh?] Ini cucur udang ya?
R004/ DP (2)	[[ʔ**amĩun** bulan ramãdan karaŋ **lɛi** makan **uraŋ lɛi**] Kalau bulan ramadan orang makan kerang ya
R001/ DP (2)	[**uraŋ kada mĩnaʔ** laʔ koʔ **mũn aɾei kada** ramãdan] Orang tidak minat makan kerang kot bila hari bukan bulan ramadan
R002/ DP (2)	[bulan ramãdan mãkan sikit sikit baɲãʔ-baɲãʔ tu **kada hiŋkat ɟua ɟəruɟuʔ** ɟua] Bulan ramadan makan sikit sikit. Banyak-banyak tu tidak boleh juga loya juga
R001/ DP (2)	[**ɟəruɟuʔ lɛh**] loya ya
R001/ DP (2)	[bisakah basuɾah banɟaɾ?] Bolehkah berbahasa Banjar?
R005/DP (2)	[paham ɟa] Faham saja
R004/ DP (2)	[**məŋharaʔtei**] Memahami
R001/ DP (2)	[Ohh..**məŋharaʔtei**] Ohh..memahami
R004/ DP (2)	[**kada bisa məɲãmbat**] Tidak boleh bertutur
R001/ DP (2)	[məŋharaʔtei məmãrunãʔ iaɲã ɟua bagi paruna] Istilah məŋharaʔtei juga bermaksud mencantikkan bagi cantik
R004/ DP (2)	[hi ʔeh] Ya betul

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan daripada sesi rakaman kedua yang dijalankan ketika makan malam di Warung Hadi, Masjid Tinggi memperlihatkan pola pilihan bahasa dalam kalangan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

masyarakat Banjar setempat. Kesemua responden, kecuali seorang (R005), mempunyai pengetahuan bahasa Banjar yang sangat baik. Data menunjukkan bahawa bahasa Banjar menjadi medium utama komunikasi dalam interaksi ini, yang menggambarkan vitaliti bahasa tersebut dalam kalangan generasi dewasa dan warga emas di Kampung Masjid Tinggi.

R001 hingga R004 dengan jelas menggunakan pelbagai bentuk bahasa Banjar, termasuk kosa kata seperti “talah”, “uraŋ”, “kada”, dan frasa idiomatik seperti “kada hiŋkat jua” dan “jerujuk jua”, yang mencerminkan ekspresi budaya tempatan. Penggunaan ini bukan sahaja bersifat komunikatif tetapi juga memperkukuh solidariti komuniti. Hal ini menunjukkan bahawa dalam domain persahabatan, terutamanya semasa waktu santai seperti makan malam, bahasa Banjar memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti kelompok.

Walau bagaimanapun, R005, yang merupakan individu termuda dalam kumpulan tersebut, menunjukkan pemahaman terhadap bahasa Banjar tetapi tidak berkeupayaan penuh untuk bertutur. Jawapannya seperti “paham ja” mencerminkan fenomena peralihan bahasa (*language shift*), iaitu keadaan apabila kefahaman masih wujud tetapi kecekapan bertutur semakin menurun dalam kalangan generasi muda. Interaksi antara R001 dan R004 seterusnya membincangkan aspek kefahaman dan ketidakmampuan bertutur (“kada bisa menyambat”), yang memberi gambaran kritis terhadap cabaran pewarisan bahasa Banjar dalam komuniti.

Selain itu, perbualan turut memaparkan aspek reflektif terhadap makna kata dalam bahasa Banjar seperti istilah “mengharatei” dan “memarunai”, yang menunjukkan keunikan semantik serta kepekaan terhadap nuansa bahasa ibunda. Kesedaran ini menandakan tahap metalinguistik yang tinggi dalam kalangan penutur dewasa bahasa Banjar. Secara keseluruhan, rakaman ini memberikan bukti penting bahawa bahasa Banjar masih digunakan secara aktif dalam kalangan generasi pertengahan dan warga emas di Kampung Masjid Tinggi. Namun, kewujudan jurang antara generasi dalam aspek kecekapan bertutur perlu diberi perhatian serius dalam usaha pelestarian bahasa ini.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. Sesi rakaman ketiga: Perbualan kisah *babandang* orang Banjar

Sesi rakaman ketiga telah dijalankan di sebuah warung di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai, melibatkan dua orang lelaki Banjar yang masing-masing berusia sekitar 70-an dan 60-an. Perbualan santai antara jiran sekampung ini tertumpu kepada kisah lama berkaitan pekerjaan *babandang*, iaitu satu aktiviti penting dalam budaya masyarakat Banjar yang merujuk kepada kerja-kerja menuai dan mengurus padi di sawah. Dalam sesi ini, informan berusia 70-an berkongsi kenangan beliau tentang pengalaman bekerja di bendang, termasuk teknik tradisional, adat berkaitan musim menuai, serta semangat gotong-royong yang menjadi tunjang kepada kehidupan kampung yang berpaksikan kegiatan sawah padi. Rakaman ini bukan sahaja memperlihatkan penggunaan bahasa Banjar yang masih aktif dalam kalangan warga emas, tetapi turut berperanan sebagai arkib lisan yang mendokumentasikan amalan dan warisan pertanian tradisional masyarakat Banjar di utara Perak.

Jadual 4.6 Sesi rakaman ketiga: Perbualan kisah *babandang* orang Banjar

Peserta Dialog

R001/ DP (3) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (lelaki, 70 tahun ke atas)
R002/ DP (3) : Penduduk Kampung Masjid Tinggi (lelaki, 60 tahun ke atas)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DP (3)	[susah **manãɟaʔ bahari**] Susah menebas rumput (menggunakan parang tajak) bahari	Berbual kisah *babandang* orang Banjar
R002/ DP (3)	[**susahleh manãɟaʔ]** Susah ya menebas rumput (menggunakan parang tajak)?	
R002/ DP (3)	[**manãɟaʔ, mə̃radi səmũʔaɲã toʔ]** Semua kerja menebas rumput (menggunakan parang tajak) dan proses memulakan bibit semaian tu uruskan sendiri?	
R001/ DP (3)	[kamĩ **paŋ**] kamilah	
R001/ DP (3)	**[rameʔ]** seronok	
R002/ DP (3)	[**tu am**] Itulah	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R002/ DP (3)	[**batanãm kiapaʔ]** Bagaimana menanam (padi)
R001/ DP (3)	[mə̃ŋũpahkanʔ **ka ʔuraŋ. umã mãupahʔan**] Mengupahkan orang. Emak mengupahkan.
R002/ DP (3)	[**mə̃ŋapu samãi səmuʔaan**] menyapu, menyemai semuanya (bagaimana)?
R001/ DP (3)	[kami **paŋ mãambil**] Kami sendiri yang mengambil
R002/ DP (3)	**[mãunɟũn kalik. haruãn.sapat.manãŋguʔ haruãn.mãŋãlau. suaʔ mãŋãlau leh]** memancing ikan keli, ikan haruan, ikan sepat. Menyauk ikan dengan jaring bertangkai. Memancing. Pernah memancingkah?
R001/ DP (3)	[**mə̃ŋãgau ɟuaʔ]** (menyauk ikan dengan tangan) juga
R002/ DP (3)	[**mãŋãrat. mə̃mũkul. suaʔkah baharíʔ]** Mengerat, memukul. Pernahkah dilakukah zaman dahulu?
R001/ DP (3)	**[suaʔ]** Suah

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan daripada sesi rakaman ketiga ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar masih dominan dalam kalangan warga emas di Kampung Masjid Tinggi, khususnya dalam domain persahabatan. Perbualan antara dua orang lelaki Banjar yang berusia 70-an dan 60-an ini bukan sahaja memperlihatkan kelancaran pertuturan dalam bahasa Banjar, malah menggambarkan keutuhan kosa kata Banjar berkaitan aktiviti dalam persekitaran *babandang* seperti "manãjaʔ", "batanãm", "mãŋãrat", "batanãm" dan lain-lain. Perbualan ini turut berfungsi sebagai wahana penting bagi pemindahan memori kolektif masyarakat, kerana informan yang lebih berusia dilihat memainkan peranan sebagai penyampai naratif pengalaman silam kepada rakan sebaya, dalam bentuk yang sangat spontan dan responsif. Selain itu, strategi respons yang digunakan oleh R002 seperti pertanyaan retorik dan penegasan ulang (*"Susah ya manajak?"*, *"Semua kerja urus sendiri?"*) jelas menunjukkan wujudnya koherensi wacana dan nilai hormat terhadap pengalaman hidup generasi terdahulu. Tiadanya peralihan kod ke bahasa Melayu standard atau dialek Melayu Kedah turut mengukuhkan bukti bahawa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Banjar masih berfungsi sebagai medium utama dalam pertuturan tentang kehidupan dan budaya lama. Maka, sesi ini secara tidak langsung berperanan sebagai arkib budaya lisan yang penting, yang mencerminkan vitaliti bahasa Banjar dalam komuniti Banjar diaspora di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai dan mengesahkan bahawa bahasa ini masih hidup dan signifikan dalam konteks interaksi sosial harian warga emas.

d. Rumusan

Dapatan daripada ketiga-tiga sesi rakaman yang memfokuskan kepada domain persahabatan di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai secara konsisten menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih memainkan peranan penting sebagai medium utama komunikasi, khususnya dalam kalangan generasi pertengahan dan warga emas. Dalam situasi sosial seperti Majlis Kenduri (Aroh), makan malam di warung, dan perbualan pagi di warung, bahasa Banjar digunakan secara meluas bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga sebagai simbol identiti etnik dan penanda solidariti komuniti. Penggunaan kosa kata Banjar yang dominan, termasuk ungkapan idiomatik dan istilah budaya seperti “manãja?”, “batanãm”,“mãŋãrat”, serta nama panggilan tradisional seperti “aŋah”, memperlihatkan tahap kefasihan bahasa tersebut dalam wacana sosial harian. Namun demikian, gejala peminjaman istilah-istilah asing terutamanya istilah-istilah yang di luar konteks budaya Banjar juga diperhatikan. Di samping itu, wujud juga elemen bilingualisme dan translanguaging dalam interaksi, terutamanya dalam kalangan responden yang lebih muda atau ketika membincangkan topik tertentu seperti jenis makanan, yang memerlukan penyisipan kosa kata asing, iaitu dalam bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah. Fenomena ini mencerminkan fleksibiliti linguistik masyarakat Banjar diaspora yang mampu menyesuaikan pilihan bahasa mengikut konteks dan peserta komunikasi.

Walaupun keutuhan bahasa Banjar dapat dilihat jelas dalam kalangan generasi lebih tua, dapatan daripada sesi rakaman kedua menunjukkan wujudnya jurang generasi, apabila salah seorang peserta muda hanya memahami tetapi tidak dapat bertutur dalam bahasa Banjar dengan lancar, menandakan tanda-tanda awal peralihan bahasa (*language shift*). Walau bagaimanapun, kesedaran metalinguistik yang tinggi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dalam kalangan penutur dewasa terhadap makna dan fungsi kosa kata Banjar membuktikan bahawa bahasa ini masih hidup dan berfungsi bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai wadah pemindahan nilai, pengalaman dan identiti budaya. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa vitaliti bahasa Banjar dalam domain persahabatan masih kukuh, namun usaha bersepadu diperlukan untuk memastikan kesinambungan pewarisan bahasa ini dalam kalangan generasi muda dalam komuniti.

4.2.3 Domain Aktiviti Jual Beli

Pengkaji telah menggunakan proses rakaman tak sedar yang berstruktur dengan melibatkan tiga kali rakaman di Warung Wadai di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai. Proses ini bertujuan untuk mengumpul data yang autentik tentang interaksi sosial dalam kalangan penduduk setempat ketika urusan jual beli makanan di warung tersebut. Setiap rakaman dilakukan pada masa yang berbeza untuk memastikan variasi dan ketepatan data yang diperoleh. Data yang dikumpul kemudian dianalisis untuk mengenal pasti corak perbualan dan penggunaan bahasa dalam konteks harian di warung tersebut dengan lebih mendalam.



Rajah 4.4 Warung Wadai

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

a. Sesi rakaman pertama: Aktiviti jual beli di Warung Wadai

Dari segi latar belakang, komunikasi ini berlangsung ketika urusan jual beli sedang berlangsung antara penjual dan pembeli di Warung Wadai, Bagan Serai. Dalam rakaman ini, penjual yang berusia 50-an memainkan peranan penting sebagai penggerak utama komunikasi. Pengalaman dan kemahiran sosialnya memungkinkan interaksi yang lancar dan mesra dengan para pembeli. Setiap pembeli, dari pelbagai peringkat umur, memberikan pandangan yang unik dan cara mereka berkomunikasi juga berbeza, mencerminkan latar belakang dan budaya mereka yang pelbagai.

Jadual 4.7 Sesi rakaman pertama: Aktiviti jual beli di Warung Wadai

Peserta Dialog

R001/ DJB (1) : Penjual (perempuan, 50-an)
R002/ DJB (1) : Pembeli (perempuan, 20-an)
R003/ DJB (1) : Pembeli (lelaki, 40-an)
R004/ DJB (1) : Pembeli (lelaki, 50-an)
R005/ DJB (1) : Pembeli (lelaki, 50-an)

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DJB (1)	[lagi sapa nã? kira...ada limã puluh sɛn ka.siŋgit ka] Lagi siapa hendak kira?Ada lima puluh sen atau seringgit	Berkomunikasi ketika urusan jual beli makanan
R002/ DJB (1)	[jaŋ nĩ pə.. kərabu ɛa]? Yang ni apa ? kerabu ya?	
R001/ DJB (1)	[kərabu sɛlom mãsih] Kerabu selom. Terima kasih.	
R001/ DJB (1)	[kuoi bərapa duʷa kə tiga] Kuih berapa?Dua atau tiga?	
R003/ DJB (1)	[duʷa duʷa sat nã] Dua..dua..kejap ya	
R003/ DJB (1)	[Laksa apə?] Laksa apa?	
R001/ DJB (1)	[Laksa bəras] Laksa beras	
R003/ DJB (1)	[Laksa beras ɛa?] Laksa beras ya	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R001/ DJB (1)	[Ha.] Yə
R004/ DJB (1)	**[Napa diniring** sama **haɟa??]** Kenapa dilihat semua sama?
R005/ DJB (1)	**[Kada ɟumpaʔ wadai]** Tidak jumpa kuih

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Berdasarkan dapatan situasi perbualan kali pertama, aktiviti jual beli di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai,Perak memperlihatkan penggunaan bahasa campuran. Dalam perbualan R001/2, didapati penjual memilih bahasa yang bersesuaian ketika berurusan dengan pembeli. Bahasa matriknya merupakan bahasa Melayu standard tetapi semasa berurusan dengan pembeli R002/2, penjual (R001/2) beralih kepada bahasa slanga moden contohnya "mãsih"yang merujuk kepada terima kasih dan "*singgiʔ*" yang merujuk kepada seringgit. Ketika berurusan dengan pembeli R003/2, penjual beralih kepada dialek Melayu Kedah seperti penggunaan perkataan "sat" yang merujuk kepada kejap dan "kuoi" yang merujuk kepada kuih. Penggunaan dialek ini memaparkan kemampuan penjual untuk menyesuaikan cara komunikasi mereka dengan latar belakang bahasa dan dialek pembeli. Dapatan juga menunjukkan bahawa apabila pembeli terjumpa dengan rakan mereka yang berketurunan Banjar, mereka akan menggunakan bahasa Banjar semasa berkomunikasi di lokasi kajian seperti ditunjukkan komunikasi antara pembeli R004/1 dan pembeli R005/2. Dapat disimpulkan bahawa aktiviti jual beli yang berlaku di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak mencerminkan penggunaan bahasa campuran secara meluas dalam kalangan masyarakat setempat. Penjual menyesuaikan bahasa mereka dengan pelbagai dialek dan slanga yang sesuai dengan latar belakang pembeli, menunjukkan kefleksibelan linguistik dan pemahaman budaya yang mendalam. Ini bukan sahaja memudahkan komunikasi, tetapi juga mengukuhkan hubungan sosial dan budaya dalam komuniti tersebut. Peralihan bahasa Banjar kepada dialek Melayu Kedah dan bahasa slanga menunjukkan perubahan bahasa yang dipengaruhi oleh faktor sosial dan generasi, yang turut mencerminkan evolusi identiti budaya dalam kalangan masyarakat setempat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

b. Sesi rakaman kedua: Aktiviti jual beli di Warung *Wadai*

Berdasarkan dapatan sesi rakaman pertama aktiviti jual beli yang berlaku di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak mencerminkan penggunaan bahasa campuran secara meluas dalam kalangan masyarakat setempat. Penjual menyesuaikan bahasa mereka dengan dialek Melayu Kedah dan slanga yang sesuai dengan latar belakang pembeli, menunjukkan kefleksibelan linguistik serta pemahaman budaya yang mendalam. Dari segi latar belakang, sesi rakaman kedua ini dijalankan untuk melihat konsistensi pemilihan bahasa antara penjual dan pembeli yang berlaku di Warung Wadai, Bagan Serai, sama ada corak penggunaannya masih sama atau terdapat penemuan baharu dalam sesi rakaman kedua ini.

Jadual 4.8 Sesi rakaman kedua: Aktiviti jual beli di Warung Wadai

Peserta Dialog

R001/ DJB (2) : Penjual (perempuan, 50-an)
R002/ DJB (2) : Penjual (perempuan, 40-an)
R003/ DJB (2) : Penjual (lelaki, 20-an)
R004/ DJB (2) : Pembeli (lelaki, 30-an)
R005/ DJB (2) : Pembeli (lelaki, 60-an)
R006/ DJB (2) : Pembeli (Perempuan, 50-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R003/ DJB (2)	[ada lagi ajam?] Ada lagi ayam?	Berkomunikasi ketika urusan jual beli makanan
R002/ DJB (2)	[ada lagi] Ada lagi.	
R001/ DJB (2)	[mãsih ɟuai] Terima kasih. Jual	
R001/ DJB (2)	**[lagi sapa nãʔ kira]** Siapa lagi nak kira?	
R001/ DJB (2)	[nãm pat səpuloh sətəŋah] Enam,empat (merujuk makanan yang dibeli) RM 10.50.	
R001/ DJB (2)	[ʧari apa? badaʔ bərəndam] Cari apa? (Kuih)Badak Berendam?	
R003/ DJB (2)	[kuih bərapa? dua.ka] Kuih berapa? Dua kah?	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R004/ DJB (2)	[dua. saʔ naʔ ambeʔ nĩ] Dua. Kejap nak ambil ini.
R005/ DJB (2)	[baraŋ hilaŋ dah ɟumpaʔ dah?] Barang hilang dah jumpa?
R002/ DJB (2)	[Kamĩ ɟumpaʔ dah, lam**ã** dah] Sudah lama saya jumpa.
R002/ DJB (2)	**[tiŋgai̯ nĩ ɟa lagi. dah ka. ada lagi?]** Tinggal (kuih) ini sahaja lagi. Sudah kah.Ada lagi?
R006/ DJB (2)	[ɟaguŋ dua. teh **ai̯**s] Jagung dua, teh ais.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman kedua di Warung Wadai, Bagan Serai, Perak, menunjukkan kesinambungan penggunaan bahasa campuran seperti yang diperhatikan dalam sesi rakaman pertama. Penjual menggunakan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard dengan pembeli yang mempunyai latar belakang usia yang berbeza, mencerminkan kefleksibelan bahasa dan kesesuaian budaya. Misalnya, dalam interaksi antara penjual dan pembeli, ungkapan seperti "Ada lagi ayam?" dan "Kuih berapa? Duaka?" mencerminkan bahasa Melayu standard yang santai dan mudah difahami oleh semua pihak. Penjual wanita dalam lingkungan 50-an dan 40-an serta penjual lelaki berusia 20-an menunjukkan adaptasi bahasa yang berbeza, bergantung kepada pembeli mereka. Ungkapan seperti "mãsih ɟuai̯" (dialek Melayu Kedah) dan "ʃari apa? badaʔ bərəndam?" (bahasa Melayu standard) menunjukkan variasi dalam cara mereka berkomunikasi. Ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan bukan sahaja untuk transaksi tetapi juga untuk membina hubungan mesra antara penjual dan pembeli. Penjual wanita dalam lingkungan 50-an lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Kedah, sementara penjual yang lebih muda lebih fleksibel dalam menggabungkan dialek Melayu Kedah dengan bahasa Melayu standard dalam perbualan mereka. Dalam sesi rakaman kedua di Warung Wadai, Bagan Serai, Perak, didapati bahawa penggunaan bahasa Banjar tidak kelihatan dalam perbualan antara penjual dan pembeli. Ini mungkin disebabkan oleh keperluan untuk menggunakan bahasa yang lebih umum dan mudah difahami oleh semua pihak yang terlibat, memandangkan pelanggan datang dari pelbagai latar belakang bahasa dan budaya. Sebaliknya, dialek Melayu Kedah dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Melayu standard lebih dominan dalam perbualan. Ini mencerminkan keperluan untuk menggunakan bahasa yang lebih inklusif dan dapat difahami oleh semua, serta menunjukkan adaptasi penjual dalam menyesuaikan bahasa mereka mengikut kesesuaian situasi dan latar belakang pembeli. Walaupun bahasa Banjar merupakan sebahagian penting dari identiti budaya di Bagan Serai, dalam konteks jual beli harian di warung, penggunaan bahasa yang lebih umum dapat membantu dalam melancarkan komunikasi dan transaksi.

c. Sesi rakaman ketiga: Aktiviti jual beli di Warung *Wadai*

Dalam sesi ini, fokus utama adalah untuk menilai tahap konsistensi pilihan bahasa dalam urusan jual beli antara penjual dan pembeli. Penekanan akan diberikan kepada pemerhatian bagaimana penggunaan bahasa campuran dan variasi dialek, termasuk dialek Melayu Kedah, bahasa Melayu standard, dan kemungkinan bahasa Banjar, mempengaruhi komunikasi. Analisis akan dilakukan untuk menentukan sejauh mana konsistensi dalam penggunaan bahasa dipelihara dan apakah terdapat perubahan atau penyesuaian bahasa berdasarkan interaksi dan latar belakang pembeli.

Jadual 4.9 Sesi rakaman ketiga: Aktiviti jual beli di Warung Wadai

Peserta Dialog

R001/ DJB (3) : Penjual (perempuan, 50-an)
R002/ DJB (3) : Penjual (perempuan, 40-an)
R003/ DJB (3) : Penjual (lelaki, 60-an)
R004/ DJB (3) : Pembekal kuih (Perempuan, 40-an)
R005/ DJB (3) : Pembeli (lelaki, 30-an)
R006/ DJB (3) : Pembekal kuih (Perempuan, 30-an)
R007/ DJB (3) : Pembeli (lelaki, 40-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R004/ DJB (3)	[assalammũalaiḵum naʔ hantaʔ kuwi^{h}] Assalamualaikum. Nak hantar kuih	Berkomunikasi ketika urusan jual beli makanan
R002/ DJB (3)	[hari ahat ləpaiḥ ɔraŋ səmãŋgoi buat səmajaŋ haɟat] Hari Ahad lepas orang Semanggol buat sembahyang hajat.	
R003/ DJB (3)	[anãʔ saja adə buat mənĩaga ʔonlaiṇ kalau̯ dəkat sinĩ baɲãʔ gunã bahasa mɔ̃laju biasa banɟar ada jugaʔ waruŋ nĩ nãmã banɟar. wadaiḵ tu banɟar] Anak saya ada buat meniaga online.Kalau dekat sini banyak guna bahasa Melayu biasa,Banjar ada juga.Warung ini nama Banjar. Wadai tu bahasa Banjar	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R003/ DJB (3)	[haŋ nãk balik dah kan] Awak nak balik dah kan?
R001/ DJB (3)	[dua stəŋah] Dua stengah.
R003/ DJB (3)	[ləpaiḥ nĩ haŋ taʔ balik dah kan] Lepas ni awak tak balik dah kan?
R001/ DJB (3)	[besʔ wo huɟan besʔ bətoi̯ huɟan lamã̲ taʔ huɟanʔ] Best woo hujan..Best betol hujan.Lama tak hujan
R001/ DJB (3)	[hantaʔ kuih ka] Hantar kuih kah.
R006/ DJB (3)	[ʔaːh ʔadə nioʔ dalam dia ʔadə daun pisaŋ skali] Aah. Ada kelapa dalam dia.Ada daun pisang sekali.
R005/ DJB (3)	[kek kəladi ʔadə ɟuai daʔ] Kek keladi ada jual tak?
R002/ DJB (3)	[kek kəladi taʔdaʔ ɟuai] Kek keladi tiada jual.
R007/ DJB (3)	[bərapa harga] Berapa harga?
R001/ DJB (3)	[lima riŋgit stəŋah] Lima ringgit setengah

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dalam sesi rakaman ketiga ini, analisis menunjukkan bahawa terdapat variasi bahasa dan dialek yang digunakan dalam perbualan jual beli di Warung Wadai. Responden terdiri daripada penjual, pembekal kuih, dan pembeli yang berinteraksi menggunakan campuran dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard. Penjual perempuan berusia 50-an (R001) dan lelaki berusia 60-an (R003) menggunakan dialek Melayu Kedah yang ketara dalam komunikasi mereka, seperti penggunaan kata "stəŋah", "haŋ" dan "hantaʔ" Pembekal kuih perempuan berusia 30-an (R006) turut menggunakan dialek ini, seperti dalam perbualan mengenai kuih yang dihantar. Namun, ada juga penggunaan bahasa Melayu standard dalam perbualan, terutama dalam urusan yang lebih formal atau melibatkan pembeli yang mungkin bukan penutur dialek Melayu Kedah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, data ini mencerminkan tahap konsistensi dalam penggunaan bahasa, dengan penyesuaian jelas berlaku bergantung kepada interlokutor dan konteks interaksi. Situasi ini menunjukkan bahawa interaksi jual beli di Warung Wadai mencipta ruang linguistik yang fleksibel, yang membenarkan percampuran bahasa dan dialek sebagai strategi untuk memudahkan komunikasi dan mewujudkan hubungan sosial yang lebih akrab dan mesra.

d. Rumusan

Berdasarkan analisis tiga sesi rakaman di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai, jelas menunjukkan bahawa dialek Melayu Kedah merupakan pilihan bahasa yang paling dominan dalam urusan jual beli. Penjual di warung ini secara konsisten menggunakan dialek tersebut dalam interaksi harian mereka. Ini membuktikan bahawa penggunaan dialek Melayu Kedah amat efektif dalam urusan jual beli di lokasi ini, memandangkan majoriti pembeli turut berasa selesa dan mudah memahami dialek tersebut ketika membeli makanan. Pada masa yang sama, bahasa Melayu standard juga digunakan, terutama dalam situasi yang memerlukan komunikasi lebih formal atau ketika berurusan dengan pembeli yang mungkin kurang memahami dialek tempatan. Penggunaan bahasa Melayu standard ini menggambarkan fleksibiliti linguistik yang tinggi dalam kalangan penjual dan pembeli di Warung Wadai.

Di samping itu, penggunaan slanga juga diperhatikan dalam urusan jual beli, terutamanya apabila melibatkan pembeli daripada generasi muda. Keadaan ini mencerminkan variasi sosial serta perbezaan generasi dalam pilihan bahasa yang digunakan dalam komunikasi seharian. Penggunaan bahasa Banjar di Warung Wadai pula, walaupun terhad, tetap signifikan. Bahasa ini digunakan terutamanya dalam situasi khusus apabila pembeli yang berketurunan Banjar datang berurusan, sekaligus menunjukkan kemampuan penjual menyesuaikan bahasa mereka berdasarkan latar belakang budaya pembeli. Penjual yang berketurunan Banjar sering menggunakan bahasa ini sebagai satu bentuk penghormatan dan penghargaan terhadap identiti budaya bersama. Walaupun bahasa Banjar tidak sepopular dialek Melayu Kedah atau bahasa Melayu standard dalam interaksi harian di warung ini, kewujudannya tetap penting, terutamanya kerana nama warung itu sendiri menggunakan perkataan "Wadai" berasal

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

daripada bahasa Banjar yang bermaksud “kuih”. Hal ini mencerminkan usaha komuniti tempatan dalam menghargai dan memelihara identiti serta warisan budaya Banjar mereka.

4.2.4 Domain Keagamaan

Pengkaji telah menggunakan proses rakaman tak sedar yang berstruktur dengan melibatkan tiga sesi rakaman di Masjid Al-Athar di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai. Proses ini bertujuan mengumpul data autentik mengenai interaksi sosial dalam kalangan penduduk setempat semasa menjalankan aktiviti keagamaan di dalam masjid dan di persekitaran masjid. Setiap rakaman dilakukan pada masa yang berbeza untuk memastikan variasi dan ketepatan data yang diperoleh. Data yang dikumpul kemudian dianalisis untuk mengenal pasti pola penggunaan bahasa dalam domain keagamaan di masjid ini.

a. Sesi rakaman pertama: Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi

Sesi rakaman pertama ini bertujuan untuk mengumpul data tentang pilihan bahasa yang digunakan oleh khatib dan AJK masjid sebelum Solat Jumaat. Khutbah yang disampaikan oleh khatib dan makluman yang diberikan oleh AJK masjid sebelum solat bermula diperhatikan dengan teliti. Rakaman ini bertujuan mengkaji bagaimana bahasa digunakan dalam konteks keagamaan, termasuk perbezaan gaya penyampaian antara khutbah yang lebih formal oleh khatib dan makluman yang lebih santai oleh ahli jawatankuasa masjid. Data yang diperoleh akan dianalisis untuk memahami corak penggunaan bahasa dalam masjid dan bagaimana ia membantu menyampaikan mesej keagamaan serta maklumat penting dengan berkesan kepada jemaah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 4.5 Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.10 Sesi rakaman pertama: Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi

Peserta Dialog

R001/ DA (1) : AJK masjid (lelaki, 50-an)
R002/ DA (1) : Khatib khutbah Jumaat (lelaki, 60-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DA (1)	[kita ʔakan adakan solat haɟat səlepas solat ɟumaaʔ supaja ʔallah turunkan huɟan ʔakibat kəmarau jaŋ ʔagaʔ panɟaŋ] Kita akan adakan solat hajat selepas solat Jumaat supaya Allah turunkan hujan akibat kemarau yang agak panjang.	Bahasa pengantar di masjid ketika Solat Jumaat
R001/ DA (1)	[pərtama səkali ʔahli kariah kita jaŋ məŋərɟakan sawah padi kəkəriŋan ʔaiʲr baʁu ni təlah dilaksanakan solat di tasɛʔbukit merah. hari inĩ kita buat di pəriŋkat masɟit kita pula.mudah	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

	mudahan doʔa kita pada hari inĩ dimãkbulkan ʔoleh ʔallah iŋʃaʔ-ʔallah itu sahaja maklumãn daripada saja.səkijan]
	Pertama sekali ahli kariah kita yang mengerjakan sawah padi i kekeringan air. Baghu ni telah dilaksanakan solat di Tasek Bukit Merah. Hari ini kita buat di peringkat masjid kita pula. Mudah-mudahan doa kita pada hari ini dimakbulkan oleh Allah. Insya-Allah.Itu sahaja makluman daripada saya. Sekian
R002/ DA (1)	[əmaʔaʰ jaŋ dirahmati illahi, mãrilah kita tiŋkatkan kəʔimãnãn dan kətakwaan kə hadrat allah dəŋãn mẽlaksanãkan səgala pərintah dan mənɟauĥi səmua laraŋãŋŋa,mudaʔ-mudaʔan kita məndapat kəɟayaan di dunĩa dan kəbahagiaan di aʔkʰirat]
	Jemaah yang dirahmati Illahi, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat
R002/ DA (1)	[mĩmbar akan məɲãmpaiĸkan xutbah bərtaɟuk mãmẽlihara kəmuliaʔan manhaɟ ilmũ]
	mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk memelihara kemuliaan manhaj ilmu
R002/ DA (1)	[firmanallah subhanãhu wa. taʔala ajat dua ratus enãm puluh sembilan surah albaqarah bərmãksud: dia allah mãmberikan hikmah ataų ilmu jaŋ bərgunã kəpada səsiapa jaŋ dikehəndakiŋã. mãka,səsuŋguhŋã jaŋ diberi hikmah itu dia bənãr bənãr təlah məndapat kurniã jaŋ baɲãk dan tidak ada jaŋ dapat mãŋambil pəngaɟaran kəcuali ʔoraŋ jaŋ bərakal dan tulus .]
	Firman Allah subhanawataala, ayat 269 surah al-Baqarah bermaksud: Dia (Allah) memberikan hikmah (kebijaksanaan) atau ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendakiNya.
	Maka, sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia (kebaikan) yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran (daripada firman Allah) kecuali orang yang berakal dan tulus.
R002/ DA (1)	[manhaɟ ilmũ bərmaksud kaʔedah ilmĩah jaŋ ɟəlas, digariskan ʔuntuk məŋhasilkan pənəlitian ilmũ dalam satu-satu bidaŋ serta mãmbuktikan kəbənãran səsuatu maklumat]
	Manhaj ilmu bermaksud kaedah ilmiah yang jelas, digariskan untuk menghasilkan penelitian ilmu dalam satu-satu bidang serta membuktikan kebenaran sesuatu maklumat.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman pertama yang dijalankan sebelum Solat Jumaat di Masjid Al-Athar (Masjid Tinggi), Bagan Serai, memperlihatkan pilihan bahasa dalam konteks keagamaan yang sangat dipengaruhi oleh peranan sosial dan bentuk penyampaian

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

wacana. Berdasarkan rakaman, dua individu lelaki telah dikenalpasti sebagai penutur utama, iaitu seorang ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan seorang khatib yang menyampaikan khutbah Jumaat. Analisis terhadap bentuk dan fungsi bahasa yang digunakan oleh kedua-dua penutur ini menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi gaya, laras, dan intensiti formaliti bahasa.

AJK masjid (R001/DA1) menggunakan bahasa Melayu standard dengan gaya pertuturan yang lebih santai dan mudah difahami oleh masyarakat umum. Tujuan utama pertuturannya adalah untuk menyampaikan maklumat praktikal berkaitan solat hajat yang bakal dilaksanakan, sebagai respon terhadap kemarau yang memberi kesan kepada aktiviti pertanian tempatan. Dalam penyampaiannya, beliau merujuk secara langsung kepada konteks komuniti misalnya kekeringan sawah padi dan lokasi solat terdahulu di Tasek Bukit Merah. Gaya ini mencerminkan fungsi sosial bahasa sebagai alat penyampai maklumat yang bersifat serta-merta dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat, tanpa struktur retorik yang kompleks. Sebaliknya,khatib (R002/DA1) menggunakan laras bahasa yang lebih formal, berstruktur, dan sarat dengan elemen retorik keagamaan. Khutbah Jumaat beliau dimulakan dengan seruan agama seperti “Jemaah yang dirahmati Illahi”, diikuti dengan galakan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dan disusuli dengan rujukan kepada ayat al-Quran (Surah al-Baqarah: 269). Penekanan terhadap konsep-konsep abstrak seperti “hikmah”, “ketaqwaan” dan “manhaj ilmu” mencerminkan sifat khutbah sebagai wacana yang bersifat didaktik dan berautoriti. Selain itu, penggunaan istilah Arab dan struktur ayat yang lebih panjang dan padat menjadikan gaya penyampaiannya sesuai dengan keperluan khutbah sebagai medium pengajaran agama yang perlu menyentuh dimensi intelektual dan spiritual jemaah.

Perbezaan antara kedua-dua gaya pertuturan ini menggambarkan pemilihan bahasa dalam masjid ditentukan oleh konteks fungsi komunikasi dan peranan sosial penutur. Sementara AJK masjid memerlukan gaya yang inklusif dan komunikatif, khatib pula mengangkat bahasa sebagai wahana pemindahan ilmu dan nilai agama secara mendalam. Kedua-dua bentuk wacana ini, walaupun berbeza dari segi laras dan fungsi, sama-sama memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian mesej yang berkesan kepada komuniti jemaah. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Melayu standard memainkan peranan utama sebagai medium komunikasi dalam ruang ibadah, khususnya sebelum Solat Jumaat. Gaya penyampaian oleh AJK masjid dan khatib menunjukkan pematuhan terhadap bentuk bahasa yang jelas, formal dan mudah difahami, sejajar dengan keperluan penyampaian mesej keagamaan yang inklusif dan berkesan. Dalam khutbah yang disampaikan, unsur Bahasa Arab digunakan secara strategik, terutamanya dalam petikan ayat al-Quran dan frasa-frasa agama seperti "manhaɟ", "subhanahu wa ta'ala" dan "insya-Allah", yang memberikan nilai sakral dan legitimasi agama kepada mesej yang disampaikan dalam bahasa Melayu. Meskipun komuniti masjid terdiri daripada masyarakat Banjar, tiada penggunaan bahasa Banjar dikesan dalam mana-mana pertuturan, menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah mengambil alih fungsi utama sebagai alat komunikasi rasmi dalam domain keagamaan. Namun begitu, satu elemen sebutan dialek Melayu Kedah turut muncul, iaitu melalui penggunaan kata "*baghu"* (baharu), yang digunakan oleh AJK masjid. Ini menunjukkan sedikit penyesuaian kepada latar tempatan dalam pertuturan, namun tidak menjejaskan keseluruhan struktur bahasa formal yang digunakan. Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Arab sahaja yang berfungsi secara aktif dalam domain keagamaan formal, manakala dialek melayu Kedah hanya muncul secara terpencil dan tidak dominan, sejajar dengan keperluan penyampaian agama yang konsisten, berstruktur dan dapat difahami oleh jemaah yang pelbagai.

b. Sesi rakaman kedua: Majlis tahlil, iftar Ramadan dan selepas Solat Tarawih di Masjid Al-Athar

Sesi rakaman kedua telah dilaksanakan di lokasi yang sama seperti sesi pertama, namun dalam suasana yang berbeza, iaitu semasa berlangsungnya Majlis Tahlil, Iftar Ramadan, dan selepas solat terawih berjemaah di Masjid Al-Athar. Fokus utama sesi ini adalah untuk meneliti pilihan bahasa yang digunakan oleh jemaah serta AJK masjid dalam konteks keagamaan yang lebih santai dan bersifat komuniti berbanding suasana formal dan ritualistik sebelum Solat Jumaat. Data yang dikumpul daripada sesi ini akan dibandingkan secara kritis dengan dapatan sesi rakaman pertama bagi mengenal pasti perbezaan ketara jika ada dari segi gaya penyampaian, variasi linguistik, serta peranan bahasa dalam membentuk suasana spiritual dan sosial yang berbeza. Perbandingan ini dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan bernuansa tentang penggunaan bahasa Melayu (dan bahasa lain, jika ada) dalam domain keagamaan di

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

masjid, termasuk sejauh mana fleksibiliti dan adaptasi bahasa berlaku mengikut konteks ibadah dan interaksi komuniti Islam setempat.

Jadual 4.11 Sesi rakaman kedua: Solat Jumaat di Masjid Al-Athar @ Masjid Tinggi

Peserta Dialog

R001/ DA (2) : Imam Muda dari Palestin (Anak angkat Timbalan Mufti Negeri Perak) (lelaki, 20-an)
R002/ DA (2) : Setiausaha Masjid (lelaki, 60-an)
R003/ DA (2) : Ustaz Alidin dari Banjarmasin (lelaki, 40-an)
R004/ DA (2) : Ahli kariah masjid (lelaki, 40-an)
R005/ DA (2) : Ahli kariah masjid (lelaki, 60-an)

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DA (2)	[ʔassalamũʕa.laikumwaraḥmãtullahhiwabarakatuh.al.jaʊm ʔaf.tˁirtu fi mãsɟid al.ʔaθar wa sˁallajtu al.maɣ.rib wa alʕi.ʃaːʔ wa ʔam.mãmtu an.nãːs fi sˁalat tarawiħ] Hari ini saya berbuka puasa di Masjid Al-Athar, menunaikan solat Maghrib dan Isyak, dan saya menjadi imam untuk solat Tarawih.	Majlis tahlil iftar Ramadan dan selepas Solat Tarawih di Masjid Al-Athar
R001/ DA (2)	[iftar bərsama sama ɟəmãaʔ inʃaʔallah solat tarawih dan iʃaʔ bəsama sama inʃaʔallah] Iftar bersama-sama, jemaah insyaAllah, solat Tarawih dan Isyak bersama-sama insyaAllah	
R002/ DA (2)	[alhamdulillah ʃukran ɟazilan] Alhamdulilah. Terima kasih banyak-banyak.	
R002/ DA (2)	[ʔassalamũʕalaikum waraḥmatullahi wabarakatuh alhamdulillah kita bərsama ʔustad alidin ʃandan al.banɟari mũlaj daripada kapuas kalimãntan taŋãʔ oraŋ alalak. ja ʔustad pandaŋan ʔustad ʔiftar di m.laisja ʔni kajapa bandiŋ daŋan di banɟar] Assalamualaikumwaraḥmatullahhiwabarakatuh. alhamdulilah kita bersama Ustaz Alidin Shandan al banjari mulai daripada Kapuas Kalimantan tengah orang Alalak. Ya ustad pandangan ustad iftar di Malaysia ini bagaimana berbanding dangan di Banjar (Kalimantan)?	
R003/ DA (2)	[suasanã di malaisja nĩ ləbih kuraŋ dəkat Banɟarmasin la. dari bərbuka puasa di sini ləbih ramãila] Suasana di Malaysia ni lebih kurang dekat banjarmasin la. dari berbuka puasa di sini lebih meriahlah	
R002/ DA (2)	[ramai lɛʔ ni barataːn banɟar ni ʔus.tad ni mə.ŋaɟar di laŋar.laŋar suraw suraw masɟid masɟid jika ada jaŋ handak dataŋ ka malaisja lagi silakan kita masih ada lagi ramãi dan trima kasih]	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

	Ramai ya. Ini semua banjar ni.Ustad ni mangajar di langar-langar, surau-surau, masjid-masjid. Jika ada yang hendak datang ka Malaysia lagi silakan.Kita masih ada lagi ramadan. Terima kasih.
R004/ DA (2)	[suasanã tahun ləpas dan tahun ʔni ada bərbeza sikit las fəsli kita nak ɲãmbat dari səgi ʃiliŋ totali kita dah tukɑʔ habeh renõveʃen habeh atas tu kita a.a bagi sikit laitiŋ] suasana tahun lepas dan tahun ini ada berbeza sikit pertama kita nak beritahu dari segi syiling.Semua kita dah tukar semua diubahsuai. Atas tu kita ada bagi sikit pencahayaan.
R002/ DA (2)	[nĩ mãlam mãlam oraŋ di malaisja nĩ mãkan t͡ʃut͡ʃur **hundaŋ** di sinĩ ada **karaŋ** bakar **mãrasanĩ** ni **karaŋ karaŋ halos** ɲãmanɲa hari ni **bartitisan** huɟan **karaŋ karaŋ halos parunã karaŋɲa toʔ.** səmblan riŋgit **sapariŋãn wajahinĩk bahari** kira **ʔanɔʔ** kira timbaŋ **baharik** sapot daŋan tin planta **baharik**] Ni malam-malam orang di Malaysia ni makan cucur udang. Di sini ada kerang bakar.merasa ni kerang-kerang halus.nyamannya hari ni bertitisan hujan.Kerang-kerang halus.Cantik kerangnya tu.sembilan ringgit sepinggan sekarang.Dulu kira (berfikir).kira timbang dulu guna tin tin planta dulu (nak timbang).
R005/ DA (2)	[**kada gurɪŋ lɛʔ]** Tak tidur kah?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman kedua ketika Majlis tahlil iftar Ramadan dan selepas Solat Tarawih di Masjid Al-Athar menunjukkan pilihan bahasa yang lebih pelbagai berbanding sesi sebelumnya, dengan kehadiran tetamu antarabangsa yang memainkan peranan penting dalam membentuk corak komunikasi dalam domain keagamaan. Kehadiran seorang imam muda dari Palestin telah memperlihatkan penggunaan bahasa Arab dalam konteks sebenar, bukan sekadar sebagai bahasa ibadah tetapi sebagai medium komunikasi interpersonal. Frasa seperti [ʔassalamuʕalaikum waraḥmatullahi wabarakatuh... wa ʔammamtu an-nās fī ṣalāt at-tarāwīḥ] yang diucapkan oleh tetamu tersebut bukan sahaja menunjukkan kemahiran linguistik dalam bahasa Arab, tetapi turut mencerminkan nilai kebudayaan dan keilmuan Islam yang dibawanya. Lebih menarik, bahasa Arab ini dibalas dengan bahasa Arab juga oleh ahli Jemaah, iaitu responden R002 yang mengucapkan [alḥamdulillāh, syukran jazīlan], menandakan kewujudan komunikasi dwibahasa yang bersifat situasional dan bersopan apabila berhadapan dengan tetamu berbahasa Arab. Pilihan ini menunjukkan penyesuaian

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

linguistik yang mencerminkan penghormatan terhadap latar budaya tetamu serta menandakan tahap penguasaan bahasa Arab asas dalam kalangan AJK masjid.

Pilihan bahasa oleh R003, iaitu ustaz dari Banjarmasin, Kalimantan Tengah, memperlihatkan ciri-ciri dialek Banjar yang mendekati Bahasa Melayu standard, menjadikannya mudah difahami oleh komuniti tempatan di Masjid Al-Athar, termasuk mereka yang bukan penutur jati dialek Banjar. Contohnya "*berbuka puasa di sini lebih ramai*" suatu frasa yang tidak asing dalam pertuturan harian masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan "ramai" dalam konteks ini tidak membawa maksud bilangan yang banyak seperti dalam penggunaan bahasa Melayu standard. Sebaliknya, ia merujuk kepada suasana yang meriah atau hidup, yang merupakan satu bentuk pengaruh daripada bahasa Indonesia lokal. Jika diamati, dialek Banjar dalam varian Kalimantan Tengah (seperti yang dituturkan oleh R003) telah melalui proses penyederhanaan dan naturalisasi apabila berinteraksi dalam ruang antara-etnik seperti di masjid. Ketidakasingan unsur linguistik ini mungkin juga disumbangkan oleh akar sejarah dan pertalian rumpun yang rapat antara bahasa Banjar dan bahasa Melayu, menjadikan proses pemahaman berlaku secara hampir intuitif dalam kalangan pendengar. Tambahan pula, dalam suasana ibadah dan kerohanian seperti majlis tahlil dan iftar, kejelasan mesej menjadi keutamaan, dan pilihan bahasa yang mendekati standard membantu menjamin keberkesanan komunikasi merentas komuniti.

Pilihan bahasa oleh R004 memperlihatkan penyisipan pelbagai unsur linguistik, termasuk kosa kata Inggeris seperti "totali" dan "laitiŋ", yang lazim digunakan dalam konteks perbincangan berkaitan pengubahsuaian masjid. Dalam masa yang sama, terdapat ciri dialek Kedah seperti "tukɑʔ" dan "habeh", serta unsur Banjar dalam sebutan seperti "ŋaʔmbat". Gabungan ini menunjukkan strategi translanguaging yang mencerminkan latar sosial komuniti majmuk masjid, dengan penggunaan bahasa yang fleksibel mengikut konteks dan identiti penutur. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan pemahaman, tetapi juga menguatkan hubungan sosial dalam suasana ibadah yang santai dan mesra. Sesi rakaman kedua di Masjid Al-Athar memperlihatkan kepelbagaian pilihan bahasa yang mencerminkan sifat majmuk komuniti Islam setempat. Bahasa Melayu kekal sebagai medium utama, namun turut diselitkan dengan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Arab**,** dialek Banjar, dialek Melayu Kedah, serta kosa kata pinjaman Inggeris. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam domain keagamaan bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan mesej ibadah, tetapi juga berperanan sebagai medium interaksi sosial, simbol identiti budaya, dan alat penyatuan komuniti pelbagai latar.

c. Sesi rakaman ketiga: Selepas Solat Subuh di Masjid Al-Athar

Sesi rakaman ketiga dalam kajian ini telah dilaksanakan selepas Solat Subuh di Masjid Al-Athar. Tujuan utama sesi ini adalah untuk mendokumentasikan pilihan bahasa yang digunakan oleh jemaah dalam konteks ibadah pada selepas solat Subuh. Penekanan diberikan kepada pilihan bahasa digunakan dalam interaksi keagamaan yang berlaku pada waktu berlainan, dengan memberi tumpuan khusus kepada variasi masa dan suasana ibadah. Rakaman ini juga berperanan sebagai perbandingan terhadap sesi-sesi terdahulu yang melibatkan Solat Jumaat, Majlis tahlil iftar Ramadan dan aktiviti selepas Solat Tarawih, bagi mengenal pasti perbezaan dari segi gaya komunikasi serta corak penggunaan bahasa. Data yang diperoleh akan dianalisis untuk mengesan pola dan kecenderungan bahasa yang mungkin berbeza mengikut waktu pelaksanaan ibadah. Dapatan daripada sesi ini dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang penggunaan bahasa dalam konteks keagamaan masyarakat setempat di Masjid Al-Athar.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.12 Sesi rakaman ketiga: Selepas Solat Subuh di Masjid Al-Athar

Peserta Dialog

R001/ DA (3) : Setiausaha masjid (lelaki, 60-an)
R002/ DA (3) : Penceramah jemputan (lelaki, 30-an)
R003/ DA (3) : Tetamu jemputan dari Banjarmasin (lelaki, 50-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DA (3)	[pada hari inĩ ʔada wakil dari tivi banɟar bukan tivi malaiʃia jaŋ hadir bəsamã:samã kita subuh inĩ]] Pada hari ini ada wakil dari TV Banjar bukan TV Malaysia yang hadir bersama-sama kita subuh ini.	Bahasa pengantar di masjid ketika Solat Subuh
R001/ DA (3)	[kalu məlihat jutub dan tik tok inĩla kətiga tiga jãŋ didataŋkan dari indonesia masjarakat banɟar diaspora banɟar]	

bersambung...

...sambungan

Kalau melihat *youtube* dan *tik tok,*inilah ketiga-tiga yang didatangkan dari Indonesia, masyarakat Banjar diaspora Banjar.

[ɟadi bərkəsəmpatan bərsama-sama məreka? ini bərbəlasan tahun jaŋ lalu miŋgu ləpas məreka dataŋ dari banjar masin kalimantan sələtan]
Jadi berkesempatan bersama-sama mereka ini berbelasan tahun yang lalu. Minggu lepas mereka datang dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan.

R002/ DA (3) [saja uraŋ banɟar tapi **kada hiŋkat** basurah **bulɛhla rakaį rakai** gitula **uma** ?ajah banɟar banɟar bəlah sanã ka tak taụla]
Saya orang banjar tetapi tidak boleh berkomunikasi. Bolehla rosak-rosak (tidak fasih). Emak ayah Banjar asal dari (merujuk Kalimatan Selatan) tak tahulah.

R002/ DA (3) [banɟar **alaį ?ka** 'kada tahɔla djam di rumãh mantuha di samãŋgol **umã djam** di batu lima ɟalan kuala kurau tu ajahpun oraŋ telok piaį]
Banjar alaika tidak tahulah tinggal di rumah mertua di Semanggol. Emak tinggal di Batu Lima jalan Kuala Kurau tu ayahpun orang Telok Piai.

R002/ DA (3) [kalaụ kita lihat **wajah hinĩ?** walaụpun dia banɟar tapi kabanja?annya **kada hiŋkat basurah** kalaụ ikutkan saya gənərasi kaduwa katiga mãtʃam tula?]
Kalau kita lihat sekarang, walaupun dia Banjar tapi kebanyakannya tidak boleh bercakap banjar.Kalau ikutkan saya generasi kedua, ketiga macam tula.

R002/ DA (3) [pasai **umã** dan **ajahpun kada pati basurah** banjar jadi bila dataŋ anak-anak inĩ hilaŋ. tapi aku lima **baadiŋ** jaŋ **hiŋkat basurah** siki? nĩ akola jaŋ laịn kada bisa lagi? bila turun ka anak tu kada bisa basurah lagi? mungkin səbap bəcampuʁ daŋan uraŋ-uraŋ laịn]
Sebab emak dan ayahpun kurang bercakap Banjar. Jadi bila datang anak-anak ini hilang.Tapi aku lima beradik yang boleh bercakap sikit ini akulah yang lain tidak boleh bercakap lagi. Bila turun kepada anak itu tidak boleh bercakap banjar langsung mungkin sebab bercampur dengan orang-orang lain.

R003/ DA (3) [tadi bərtʃəramah bərtʃampor bahasa məlaju banɟar tu **bisanja məŋərti adʒa** di sini ja]
Tadi berceramah bercampur bahasa Melayu Banjar tu biasanya mengerti sahaja di sini ya?

R002/ DA (3) [?o: ŋərti ɟa kalụ di masɟid tiŋgi ni ?oraŋ banɟar baŋa? la masɟid-masɟid laen tu məlaju ɟa la kalaw di kuraw tu paret mat ?ali ?ada ɟua tʃəlop-tʃəlop gitula kalaw di məlesia ?ini gənərasi **?anom** ni sudah kada tahu **basurah** banɟar səbab ?itu kita kəna tʃari solusi nak tʃari pənələsɛ:aŋŋa]

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

	Ohh..Faham saja. Kalau di Masjid Tinggi ini Orang Banjar banyak lah.Masjid-masjid lain itu Melayu saja lah.Kalau di Kurau tu Parit Mat Ali ada jua Celup-celup begitulah. Kalau di Malaysia ini generasi muda ni sudah tidak tahu bercakap Banjar. Sebab itu kita kena cari solusi nak cari penyelesainnya.
R003/ DA (3)	[memaŋ jaŋ bisa bahasa banɟar ʔitu jaŋ bərumʊr limapuluh tawʊn kə atas saɟa imuŋ dapat dataŋ ka sini] Memang yang bisa (bercakap) bahasa Banjar itu yang berumur 50 tahun.ke atas saja.Seronok dapat datang ke sini.
R002/ DA (3)	[ja.ʔapabila dia mai ʔ**anom** ni sudah hilaŋ turun ke ʔanak ɟa habih. **imuŋ** tu ʔapa] Ya. Apabila dia sampai ke muda ni sudah hilang.Turun ke anak ja habis.Imung **i**tu apa?
R001/ DA (3)	[ˈimuŋ tu ʔaˈraiˌ] imung tu gembira.
R002/ DA (3)	[kalaw di sini səmiŋgu dua kaliːla .səlasə dan rabu **halam** ni ɟilid dua dah ɟilid satu dah talah dah . ʔalhamdulillah] Kalau di sini seminggu dua kali lah. Selasa dan Rabu. Sebelum ini jilid dua dah jilid satu selesai sudah. Alhamdulilah.
R002/ DA (3)	[la dah sampaiˌ surah al-ʔaʕraːf dah . kəhidupan ʔoraŋ banɟar di sinĩ membərati ʔugamã ni . zaman **bafiari** baɲãʔ badiam di kampuŋ dəŋan ʔarwah ʔatok . bab səmbahjaŋ ʔini saŋat ditəkaŋkan matʃam ʔqaripun ʔada ʔoraŋ banɟar] sekarang dah sampai surah al-Araf dah. Kehidupan orang Banjar di sini menitikberatkan agama ni. Zaman dulu banyak berdiam di kampung dengan arwah atok.Bab sembahyang ini sangat ditekankan macam qaripun ada orang Banjar.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman ketiga dalam kajian ini telah dilaksanakan selepas Solat Subuh di Masjid Al-Athar, dengan objektif utama untuk mendokumentasikan pilihan bahasa yang digunakan oleh jemaah dalam suasana ibadah pada waktu awal pagi. Fokus diberikan kepada konteks komunikasi keagamaan yang berlangsung dalam suasana yang lebih tenang dan bersifat reflektif, berbanding dengan waktu-waktu ibadah lain seperti Solat Jumaat dan Solat Tarawih. Jemaah yang hadir juga tidak seramai dalam kedua-dua situasi sebelum ini. Rakaman ini turut bertindak sebagai bahan perbandingan dengan sesi-sesi sebelumnya bagi mengenal pasti konsistensi, perubahan, dan keunikan penggunaan bahasa dalam ritual keagamaan masyarakat setempat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat penggunaan dwibahasa secara semula jadi antara bahasa Melayu dan bahasa Banjar dalam kalangan responden. Responden R001 (setiausaha masjid, 60-an) cenderung menggunakan bahasa Melayu formal dalam penyampaian maklumat umum, seperti kehadiran tetamu dari luar negara, yang menandakan kecenderungan untuk mengekalkan kefahaman menyeluruh dalam komuniti majmuk. Sebaliknya, responden R002 (penceramah jemputan, 30-an) mempamerkan penggunaan kod bahasa Banjar yang lebih ketara, khususnya ketika menyentuh soal identiti keluarga, latar keturunan, dan transmisi bahasa antara generasi. Ini mencerminkan bahawa penggunaan bahasa Banjar lebih dominan dalam wacana bersifat peribadi dan identiti, dan bukannya dalam komunikasi rasmi.

Menariknya, responden R003 (tetamu dari Banjarmasin, 50-an) menyatakan bahawa kefasihan dalam bahasa Banjar kini banyak terhad kepada generasi yang lebih berusia, manakala generasi muda di Malaysia semakin kurang fasih atau langsung tidak berbahasa Banjar. Kenyataan ini disokong oleh pengalaman peribadi R002, yang mengakui hanya beliau sahaja dalam kalangan lima beradik yang masih boleh bertutur dalam bahasa Banjar. Faktor yang dikenal pasti termasuklah kurangnya amalan bertutur dalam keluarga dan proses asimilasi dengan komuniti tempatan yang lebih dominan menggunakan bahasa Melayu. Selain itu, dapatan turut memperlihatkan penyisipan elemen dialek Melayu Kedah dalam pertuturan, yang mencerminkan proses adaptasi linguistik dalam kalangan masyarakat Banjar di kawasan utara Semenanjung. Sebagai contoh, penggunaan kata seperti “pasai” (bermaksud ‘sebab’) dan “mai” (bermaksud ‘datang’) menunjukkan penyerapan kosa kata dialek Melayu Kedah dalam struktur ujaran responden. Perkara ini menandakan wujudnya percampuran dialek tempatan dengan bahasa warisan, dan mencerminkan tahap integrasi komuniti Banjar dengan persekitaran linguistik sekeliling.

Lebih penting lagi, terdapat kesedaran kolektif dalam kalangan responden terhadap kemerosotan antara generasi dalam penggunaan bahasa Banjar. Hal ini jelas apabila mereka menyuarakan keperluan untuk mencari penyelesaian bagi memastikan bahasa ini tidak terus terpinggir. Perbualan yang dirakam memperlihatkan gabungan antara kegusaran linguistik dan kesedaran etnolinguistik, mencerminkan usaha komuniti dalam mengekalkan warisan bahasa melalui kesedaran kendiri dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pengiktirafan terhadap peranan masjid sebagai ruang sosial yang penting. Secara keseluruhan, analisis rakaman ini mengesahkan bahawa walaupun bahasa Melayu berfungsi sebagai medium komunikasi rasmi dan universal di ruang ibadah, bahasa Banjar kekal signifikan dalam menandai identiti etnik serta sebagai medium perhubungan sosial dalam kalangan sesama penutur. Dalam konteks Masjid Al-Athar, wujud keragaman linguistik antara bahasa Melayu, bahasa warisan, dan dialek tempatan, yang mencerminkan kerumitan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Malaysia.

d. Rumusan

Secara keseluruhan, ketiga-tiga sesi rakaman yang dijalankan di Masjid Al-Athar memperlihatkan bahawa bahasa Melayu standard berfungsi sebagai medium utama komunikasi dalam domain keagamaan, khususnya dalam konteks formal seperti khutbah Jumaat, penyampaian makluman oleh ahli jawatankuasa masjid, dan pengendalian solat berjemaah. Gaya bahasa yang digunakan berbeza mengikut peranan sosial penutur dan situasi ibadah; khutbah Jumaat menggunakan laras yang lebih formal dan retorik dengan unsur bahasa Arab yang padat, manakala penyampaian maklumat oleh AJK masjid lebih santai dan mesra, menunjukkan kecenderungan kepada komunikasi yang inklusif dan mudah difahami. Dalam konteks ibadah yang lebih santai seperti selepas solat Tarawih atau Subuh, bahasa Banjar muncul secara aktif, khususnya dalam perbualan yang melibatkan latar etnik dan pengalaman peribadi, menandakan fungsinya sebagai bahasa identiti dalam kalangan generasi pertengahan dan tua.

Dalam masa yang sama, terdapat penyisipan dialek Melayu Kedah dalam pertuturan, seperti penggunaan kata “pasai” dan “mai”, yang memperlihatkan penyesuaian linguistik masyarakat Banjar terhadap persekitaran sosial-geografi di utara Perak. Kehadiran dialek ini menunjukkan unsur translanguaging yang berlaku secara spontan dalam komuniti majmuk masjid, tanpa menjejaskan fungsi utama bahasa Melayu dalam penyampaian mesej keagamaan. Selain itu, bahasa Arab bukan sahaja digunakan dalam konteks ritual, tetapi juga dalam komunikasi interpersonal, seperti dalam interaksi bersama tetamu dari Palestin. Ini menunjukkan status bahasa Arab sebagai simbol kesatuan ummah dan penghormatan terhadap latar tetamu serta

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mencerminkan tahap penguasaan asas bahasa Arab dalam kalangan jemaah. Secara rumusannya, penggunaan bahasa dalam domain keagamaan di Masjid Al-Athar menunjukkan wujudnya pelapisan fungsi bahasa, iaitu bahasa Melayu sebagai medium rasmi dan umum, bahasa Banjar sebagai bahasa warisan dan identiti dan digunakan dalam situasi yang lebih "tertutup", dialek Melayu Kedah sebagai bentuk penyesuaian lokal, dan bahasa Arab sebagai lambang spiritual dan hubungan antarabangsa ummah. Keempat-empat unsur ini memperlihatkan keragaman linguistik yang bukan sahaja memenuhi keperluan komunikasi pelbagai lapisan masyarakat, tetapi juga menegaskan peranan masjid sebagai ruang pelestarian bahasa dan penyatuan sosial dalam komuniti Islam yang pelbagai bangsa dan etnik.

4.2.5 Domain Pekerjaan

Pengkaji telah melaksanakan rakaman tak sedar yang berstruktur melibatkan tiga sesi di sebuah warung berhampiran Masjid Tinggi, iaitu Warung B40 bagi meneliti pilihan bahasa yang digunakan oleh pekerja warung semasa berinteraksi dengan pelanggan. Rakaman dijalankan dalam persekitaran semula jadi tanpa pengetahuan awal daripada informan tentang objektif sebenar kajian, bagi memastikan data yang dikumpul bersifat autentik dan tidak dipengaruhi oleh kesedaran linguistik. Fokus utama adalah terhadap adaptasi pilihan bahasa oleh pekerja warung berdasarkan latar belakang etnik dan umur pelanggan, serta konteks interaksi sama ada bersifat santai atau lebih formal. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menelusuri corak penggunaan bahasa yang berbeza-beza dalam domain pekerjaan informal yang sering kali diabaikan dalam kajian sosiolinguistik. Dapatan daripada rakaman ini dijangka memberi gambaran yang lebih mendalam tentang trend penggunaan bahasa, termasuk kecenderungan terhadap penggunaan bahasa Melayu, bahasa Banjar, dialek tempatan seperti dialek Melayu Kedah, atau bahasa lain mengikut profil demografi pelanggan.

a. Sesi rakaman pertama: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Sesi rakaman pertama ini bertujuan untuk mengumpul data tentang pilihan bahasa yang digunakan oleh pekerja warung ketika berurusan dengan pelbagai jenis pelanggan di Warung B40 berhampiran Masjid Tinggi, Bagan Serai. Fokus utama adalah untuk memerhati bagaimana pekerja warung memilih bahasa atau dialek tertentu bergantung

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kepada latar belakang etnik, usia, dan status sosial pelanggan. Rakaman ini juga melihat sama ada terdapat perbezaan dalam penggunaan bahasa ketika pekerja berinteraksi dengan pelanggan tetap berbanding pelanggan baru, serta bagaimana mereka menyesuaikan bahasa dalam situasi yang berbeza, seperti semasa mengambil pesanan, berbual santai, atau mengendalikan transaksi.

Jadual 4.13 Sesi rakaman pertama: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Peserta Dialog

R001/ DPN (1) : Pemilik Warung (lelaki, 50-an)
R002/ DPN (1) : Pekerja (1) (lelaki, 40-an)
R003/ DPN (1) : Pekerja (2) (lelaki, 20-an)
R004/ DPN (1) : Pembeli (1) (lelaki, 30-an)
R005/ DPN (1) : Pembeli (1) (lelaki, 50-an)

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DPN (1)	[ˈle.mon ʔais ˈsa.tu] Lemon ais satu	Bahasa pengantar di warung
R003/ DPN (1)	[bos ʔo.raɪt] Bos. Orait.	
R002/ DPN (1)	[nĩ sapa puŋa] Ini sapa punya?	
R001/ DPN (1)	[səmua tiga bəlaç riŋgit] Semua tiga belas ringgit	
R004/ DPN (1)	[ʔokej tərima kaseh ni ʔapa?] Ok. Terima kasih.Ini apa?	
R001/ DPN (1)	[nĩ pari ʔikan merah] Ini pari, ikan Merah	
R005/ DPN (1)	[ʔapa **habar**] Apa khabar?	
R002/ DPN (1)	[**habar baɛʔ handaʔ** minum ʔapa] Khabar baik. Hendak minum apa?	
R005/ DPN (1)	[teh panãs satu. lətakkan ɟariŋ. takut mũka ʁosak] Teh panas satu.Letakkan jaring. Takut muka rosak.	
R002/ DPN (1)	[**bulik gurin̪** dulu **wadai sabutin̪** teh panas sato] Bulik tidur dulu. Kuih seketul teh panas satu.	

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Sesi rakaman pertama bertujuan untuk mengumpul data empirikal berkaitan pilihan bahasa pekerja warung ketika berinteraksi dengan pelanggan pelbagai latar belakang. Rakaman turut merakamkan pelbagai konteks interaksi termasuk pengambilan pesanan, perbualan santai, dan urusan transaksi.

Daripada transkripsi perbualan, didapati wujud kecenderungan adaptasi bahasa berdasarkan konteks sosial pelanggan. Contohnya, R002 menggunakan bahasa Banjar ketika berinteraksi dengan R005, seorang pelanggan yang lebih berusia, dengan ungkapan seperti "Apa habar?" dan "handaʔ". Kata *"habar"* dan *"handaq"* merupakan ciri khas bahasa Banjar, yang masih kerap digunakan dalam kalangan penutur tempatan di Bagan Serai. Ini menunjukkan wujudnya usaha penyesuaian linguistik berasaskan jangkaan identiti etnik dan hubungan sosial, sekali gus memperkukuh hubungan interpersonal. Dalam interaksi lain, R001, pemilik warung, menggunakan dialek Melayu Kedah ketika mengendalikan transaksi bersama R004. Frasa seperti "tiga bəlaç riŋgit" menonjolkan elemen dialek Melayu Kedah (penggunaan bəlaç untuk belas), yang menggambarkan bukan sahaja identiti penutur tetapi juga mencerminkan tahap keintiman antara penjual dan pelanggan. Penggunaan dialek ini bukan sahaja memperlihatkan keaslian budaya tempatan, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme untuk membina kepercayaan dan keselesaan dalam hubungan jual beli.

Di samping itu, bahasa slanga berasaskan bahasa Inggeris turut muncul dalam kalangan pekerja muda. Contohnya, R003 menggunakan frasa "Bos. Orait." kepada pelanggan. Kata ganti hormat "bos" dan adaptasi "orait" daripada *alright* menggambarkan pengaruh bahasa Inggeris dalam komunikasi harian, khususnya dalam kalangan generasi muda yang terdedah kepada media popular. Ini memperlihatkan fenomena alih kod yang berlaku secara semula jadi dalam wacana tempatan, menandakan keberadaan amalan bilingualisme dan multilingualisme dalam komuniti ini. Secara keseluruhannya, dapatan daripada sesi ini memperlihatkan bahawa pekerja warung mengamalkan pendekatan linguistik yang fleksibel dan strategik berdasarkan konteks interaksi. Pilihan bahasa yang bersifat situasional ini mencerminkan realiti masyarakat majmuk di Bagan Serai, iaitu keberkesanan komunikasi bergantung pada kebolehan untuk mengakses dan menyesuaikan pelbagai bentuk bahasa dan dialek. Kepelbagaian linguistik yang ditampilkan dalam warung bukan sekadar satu bentuk

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

komunikasi berfungsi, tetapi turut memainkan peranan penting dalam membina keharmonian sosial dan penyatuan komuniti merentas sempadan etnik dan generasi.

b. Sesi rakaman kedua: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Sesi rakaman kedua ini bertujuan untuk memerhati tahap konsistensi pilihan bahasa dalam interaksi antara pekerja warung dan pelanggan di lokasi yang sama. Fokus kali ini masih sama, iaitu melihat variasi linguistik yang muncul ketika pekerja warung berinteraksi dengan pelanggan yang berlainan dari segi latar belakang etnik dan usia, serta bagaimana keakraban antara pekerja dan pelanggan mempengaruhi pilihan bahasa.

Jadual 4.14 Sesi rakaman kedua: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Peserta Dialog

R001/ DPN (2) : Pemilik Warung (lelaki, 50-an)
R002/ DPN (2) : Pekerja (1) (lelaki, 40-an)
R003/ DPN (2) : Pekerja (2) (lelaki, 20-an)
R004/ DPN (2) : Pembeli (1) (lelaki, 30-an)
R005/ DPN (2) : Pembeli (2) (lelaki, 40-an)
R006/ DPN (2) : Pembeli (3) (lelaki, 30-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPN (2)	[mĩnũm] Minum?	Bahasa pengantar di warung
R004/ DPN (2)	[limãu̯ ʔai̯s] Limau ais.	
R005/ DPN (2)	[kopi ʔai̯s ʔai̯r banduŋ ikat təpi] Kopi ais, air bandung ikat tepi.	
R003/ DPN (2)	[kopi ʔai̯s ʔai̯r banduŋ ikat təpi] Kopi ais, air bandung ikat tepi	
R003/ DPN (2)	[ʔorai̯t tadi limaw ʔaiskan] Orait. Tadi limau aiskan?	
R004/ DPN (2)	[ʔa: bətui̯] Aah *betui*.	
R005/ DPN (2)	[nãsi ləmaʔ tələ mata] Nasi lemak telur mata	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R003/ DPN (2)	[naʔ buŋkuçʔ nasi puteh satu ikan sijakap] Nak bungkus nasi putih satu, ikan siakap
R003/ DPN (2)	[mus naʔ ikat təpikan] Mus, nak ikat tepikan?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman kedua bertujuan memperincikan lagi pemerhatian terhadap strategi pilihan bahasa dalam kalangan pekerja warung ketika berinteraksi dengan pelanggan di lokasi yang sama. Rakaman ini memperlihatkan bagaimana fleksibiliti berbahasa menjadi alat utama dalam membina interaksi yang efektif serta memperkukuh hubungan sosial di ruang niaga komuniti.

Dapatan menunjukkan bahawa dialek Melayu Kedah menjadi medium utama komunikasi, diguna secara meluas oleh pekerja dan pelanggan tanpa batasan usia. Sebagai contoh, ungkapan seperti “Aah betui” dan “Nak buŋkuçʔ nasi putih satu” memperlihatkan bentuk tempatan bagi “betul” dan “bungkus”. Penggunaan bentuk-bentuk ini tidak hanya mencerminkan identiti linguistik komuniti setempat, tetapi juga mengisyaratkan adanya tahap keakraban tinggi antara penutur, yang menjadikan suasana transaksi lebih santai dan mesra. Dalam masa yang sama, wujud selingan bahasa Inggeris seperti “Orait” yang digunakan oleh R003, seorang pekerja muda, sebagai maklum balas kepada pesanan pelanggan. Selingan ini mencerminkan pengaruh bahasa Inggeris dalam budaya komunikasi generasi muda yang terdedah kepada media popular dan interaksi dwibahasa. Penggunaan istilah seperti ini turut berperanan sebagai penanda identiti sosial, memperlihatkan kecekapan pekerja warung menyesuaikan gaya bahasa mengikut keperluan situasi.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada sesi rakaman kedua ini mengesahkan bahawa komunikasi di warung bukan sahaja bersifat transaksional, tetapi turut memperlihatkan nilai-nilai sosial dan kebudayaan komuniti setempat. Pekerja warung menggunakan kepelbagaian variasi bahasa secara strategik termasuk dialek Melayu Kedah, slanga Inggeris, dan pertuturan tidak formal untuk menyesuaikan diri dengan pelanggan yang berbeza. Pendekatan ini tidak hanya menjamin keberkesanan komunikasi, tetapi juga mengekalkan keharmonian sosial dalam ruang niaga harian.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. Sesi rakaman ketiga: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Sesi rakaman ketiga ini memberi tumpuan kepada pemerhatian mendalam terhadap pola pilihan bahasa dalam kalangan pekerja warung ketika berinteraksi dengan pelanggan dalam pelbagai situasi harian. Fokus khusus diberikan kepada pengesanan tahap konsistensi penggunaan bahasa seperti dialek Melayu Kedah, bahasa Banjar, bahasa Melayu standard, serta slanga tempatan yang lazim digunakan dalam interaksi seharian. Pemerhatian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana pekerja mengekalkan pilihan bahasa yang sama atau berubah-ubah bergantung kepada konteks, khususnya ketika mengambil pesanan, berbual santai dengan pelanggan tetap, mahupun semasa menjalankan urusan transaksi jual beli.Tujuan utama analisis ini adalah untuk memahami sejauh mana ketekalan linguistik dalam persekitaran perniagaan kecil seperti warung boleh mempengaruhi tahap kefahaman pelanggan, keselesaan berinteraksi, serta persepsi mereka terhadap profesionalisme perkhidmatan. Pemerhatian turut mengambil kira faktor latar belakang pelanggan yang berbeza, seperti etnik, usia, dan tahap keakraban dengan pekerja, yang mungkin mempengaruhi kod linguistik yang dipilih. Dengan itu, dapatan daripada sesi ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang adaptasi linguistik yang berlaku secara semula jadi dalam domain pekerjaan, khususnya di persekitaran komuniti tempatan seperti di warung ini.

Jadual 4.15 Sesi rakaman ketiga: Pekerja di Warung B40 di Masjid Tinggi, Bagan Serai

Peserta Dialog

R001/ DPN (2) : Pemilik Warung (lelaki, 50-an)
R002/ DPN (2) : Pekerja (1) (lelaki, 20-an)
R003/ DPN (2) : Pekerja (2) (lelaki, 20-an)
R004/ DPN (2) : Pembeli (1) (lelaki, 30-an)
R005/ DPN (2) : Pembeli (2) (lelaki, 50-an)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R005/ DPN (3)	**[ʔaŋahɲaʔ** bagi nãsi **ʔaŋãhɲãʔ]** Angah (panggilan hormat kepada kenalan rapat atau orang yang lebih tua) bagi nasi .	Bahasa pengantar di warung
R001/ DPN (3)	[**handaʔ** tambahkah] Hendak tambahkah?	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R005/ DPN (3)	[ja **ʔaŋahɲaʔ]** Ya, Angah (panggilan hormat kepada kenalan rapat atau orang yang lebih tua)
R002/ DPN (3)	[nĩ kari ʔikan] Ini kari ikan
R005/ DPN (3)	[ʔako taʔo ʔaɨ̯] Aku tahu
R002/ DPN (3)	[ha.ha] Haha
R005/ DPN (3)	[ʔaku **tulak** ka **markɛt mambali** ʔikan] Aku pergi ke pasar membeli ikan
R002/ DPN (3)	[baɲaʔ ʔikan situ] Banyak ikan situ
R005/ DPN (3)	[**ɟaku paŋ**] Itulah aku dah beritahu
R001/ DPN (3)	[ʔini ʔikan goreŋ dah **ditaʔaʔ]** Ini ikan goreng dah dipotong
R005/ DPN (3)	[ʔaku imbah məŋopi parot kaɲaŋ dah] Aku selepas mengopi perut kenyang dah
R003/ DPN (3)	[aja̲ʔ ada] Ayaq ada?
R004/ DPN (3)	[ada mĩlo a̲ih] Ada. Milo ais.
R003/ DPN (3)	[mãkan] Makan?
R004/ DPN (3)	[kueʔ nĩ satu] Kuih ni satu
R004/ DPN (3)	[tərima kasih] Terima kasih
R003/ DPN (3)	[sama sama ɟuai na] Sama-sama. Jual ya

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam domain pekerjaan, khususnya dalam konteks perniagaan kecil seperti warung, sesi rakaman ketiga mendapati bahawa pekerja warung menggunakan bahasa yang konsisten dan mudah difahami, iaitu gabungan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard, bergantung kepada konteks dan jenis interaksi. Sebagai contoh, ungkapan seperti "nĩ kaɾi ʔikan" dan "ajaʔ ada?" menunjukkan pendekatan bahasa yang berorientasikan kefahaman pelanggan tanpa penggunaan bentuk bahasa yang terlalu formal.

Walaupun pekerja berusia 20-an dalam sesi ini tidak menunjukkan penggunaan slanga, respons mereka tetap relevan dan responsif terhadap perbualan pelanggan. Menariknya, pembeli dalam sesi ini lebih banyak memperkenalkan elemen bahasa Banjar ke dalam interaksi, seperti melalui ujaran "ʔaŋahnyaʔ bagi nasi" dan "ʔaku tulak ka markɛt mambali ʔikan". Walaupun begitu, pekerja tetap memberikan respons yang relevan dan bersesuaian dengan konteks, misalnya melalui ujaran "Handak tambahkah?" yang dilihat sebagai bentuk adaptasi terhadap variasi bahasa pelanggan. Ini menunjukkan bahawa dalam domain pekerjaan, khususnya dalam perkhidmatan berasaskan komunikasi langsung seperti warung, pekerja cenderung mengekalkan bentuk bahasa yang bersifat inklusif dan fungsional. Dalam masa yang sama, pelanggan pula berperanan dalam memperkayakan variasi bahasa melalui penggunaan dialek etnik masing-masing. Justeru, interaksi dalam domain ini memperlihatkan kewujudan ekosistem komunikasi yang adaptif, iaitu pilihan bahasa dipengaruhi oleh keperluan kefahaman, hubungan sosial, dan latar etnik peserta komunikasi.

d. Rumusan

Rumusan daripada ketiga-tiga sesi rakaman yang dijalankan di warung berhampiran Masjid Tinggi, Bagan Serai memperlihatkan bahawa pilihan bahasa dalam domain pekerjaan sangat bergantung kepada faktor sosiolinguistik seperti latar belakang etnik, perbezaan umur, serta tahap keakraban antara penjual dan pelanggan. Secara umum, pekerja warung mengekalkan penggunaan bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah sebagai medium utama dalam urusan kerja harian, terutamanya ketika mengambil pesanan atau berinteraksi dengan pelanggan yang tidak dikenali rapat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pilihan bahasa ini dilihat sebagai strategi untuk memastikan komunikasi kekal jelas, cepat, dan berkesan dalam konteks perniagaan kecil.

Namun begitu, terdapat juga selingan penggunaan bahasa Banjar, khususnya dalam interaksi yang melibatkan pelanggan lebih berusia atau yang mempunyai hubungan sosial lebih rapat dengan pekerja. Contohnya, ujaran seperti "Handak tambahkah?" daripada pekerja dan "angahnyak" oleh pelanggan menunjukkan kewujudan dan kelangsungan penggunaan elemen linguistik Banjar dalam perbualan seharian. Selain itu, sesetengah interaksi turut mencerminkan penyisipan slanga Inggeris secara sporadik, biasanya dalam suasana lebih santai, yang menandakan adanya pengaruh luar dalam sistem komunikasi tempatan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa komunikasi dalam domain pekerjaan di Warung B40 berlangsung dalam suasana yang fleksibel dan adaptif, iaitu pekerja dan pelanggan menyesuaikan bentuk bahasa mengikut konteks sosial dan identiti penutur. Penggunaan dialek Melayu Kedah sebagai bentuk komunikasi utama mencerminkan akar budaya setempat yang masih utuh, manakala kehadiran variasi seperti bahasa Banjar dan slanga Inggeris menggambarkan keupayaan komuniti untuk menyesuaikan diri secara linguistik. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa interaksi pekerjaan di warung bukan sahaja memenuhi tujuan perkhidmatan, malah menjadi medium penting bagi mengekspresikan identiti sosial dan kebudayaan melalui pelbagai bentuk bahasa yang digunakan secara intuitif dan inklusif.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.2.6 Domain Pendidikan (Madrasah)

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola pilihan bahasa dalam kalangan warga Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak, melalui tiga sesi rakaman tidak sedar yang diperoleh dengan kerjasama pengerusi madrasah (Mohd Khaidir Abdul Wahab et.al (2025). Rakaman tersebut melibatkan pelbagai konteks interaksi harian di madrasah, merangkumi situasi di luar bilik darjah, aktiviti latihan nasyid, dan pengajaran serta pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian ini menyerlahkan keunikan dengan tertumpu kepada domain pendidikan di Madrasah dan bukannya di sekolah-sekolah biasa.Tumpuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menghuraikan pola penggunaan bahasa yang berlaku dalam setiap situasi

tersebut, termasuk peralihan atau ketekalan bahasa yang digunakan oleh pelajar dan tenaga pengajar di madrasah. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang corak penggunaan bahasa dalam persekitaran pendidikan madrasah, di samping menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan dan kedudukan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai.



Rajah 4.6 Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak

Sumber: Mohd Khaidir 2026

a. Sesi rakaman pertama: Aktiviti di luar bilik darjah

Sesi rakaman pertama ini memfokuskan kepada aktiviti permainan di luar bilik darjah yang bertujuan untuk melatih fokus pelajar, dengan penekanan pada penggunaan bahasa dalam konteks ini. Rakaman akan merekod bagaimana pengajar memberi arahan dan berkomunikasi dengan pelajar, serta bagaimana pelajar bertindak balas terhadap arahan tersebut dan berinteraksi antara satu sama lain semasa permainan. Analisis ini akan menilai jenis bahasa yang digunakan, sama ada formal atau tidak formal, serta perubahan dalam cara berkomunikasi yang mungkin berlaku semasa aktiviti. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana bahasa mempengaruhi tahap konsentrasi dan

kerjasama pelajar, serta menilai kesan konteks sosial dan budaya terhadap pilihan bahasa dalam situasi permainan.

Jadual 4.16 Sesi rakaman pertama: Aktiviti di luar bilik darjah

Peserta Dialog

R001/ DPD (1) : Fasilitator (lelaki, 20-an)
R002/ DPD (1) : Fasilitator (lelaki, 20-an)
R003/ DPD (1) : Murid (lelaki, 13 tahun)
R004/ DPD (1) : Guru (lelaki, 30-an)
R005/ DPD (1) : Murid (lelaki, 13 tahun)
R006/ DPD (1) : Semua murid Pra Tahfiz

Responden	**Perbualan**	**Topik atau situasi**
R001/ DPD (1)	[**mãrinã̃** mənãri mənãre] Marina, menari, menare	Aktiviti di luar bilik darjah
R003/ DPD (1)	[ʔaiʔ ʔawat matʃ͡am tu] *Ait awat* macam tu.	
R002/ DPD (1)	[ʔoke ʔaŋkat taŋãn trus tərus səkaraŋ pusiŋ] Ok. Angkat tangan. Terus.Terus. Sekarang pusing	
R004/ DPD (1)	[pəsərta kem pra tahfiz sədaŋ bəriadah bərsamã ʔabaŋ ʔabaŋ fasi di pəkaraŋãn komplek al.ʔayla al.ʔislamĩjah bagan sərai] Peserta Kem Pra Tahfiz sedang beriadah bersama abang-abang fasi di perkarangan Kompleks Al-Akhlak Al-Islamiah Bagan Serai.	
R005/ DPD (1)	[ɟaŋãn ləpas ɟaŋãn ləpas] Jangan lepas..jangan lepas.	
R004/ DPD (1)	[pəsərta bərɟaja məɲələsaikan task] Peserta berjaya menyelesaikan *task*	
R002/ DPD (1)	[ʔoke kətuʔ kətuʔ bo bo boj ʔoke] Ok. Ketuk-ketuk Bo Bo Boi. Ok	
R006/ DPD (1)	[təbaik] Terbaik	

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman pertama ini melibatkan aktiviti permainan luar bilik darjah dalam kalangan peserta Kem Pra Tahfiz bersama fasilitator dan guru di perkarangan Kompleks Al-Akhlak Al-Islamiah, Bagan Serai. Dapatan daripada rakaman ini menunjukkan wujudnya kepelbagaian penggunaan bahasa yang menarik perhatian, termasuk Bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Melayu standard, Bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Perak, dan elemen pinjaman daripada bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Melayu standard jelas terpapar dalam arahan fasilitator seperti "Ok… Angkat tangan. Terus… terus, sekarang pusing." yang diucapkan dengan tujuan memberi panduan yang jelas dan mudah difahami kepada semua peserta. Gaya pertuturan ini mencerminkan fungsi bahasa standard sebagai medium komunikasi inklusif, khususnya dalam persekitaran pendidikan yang melibatkan peserta daripada pelbagai latar belakang linguistik.

Dalam masa yang sama, kehadiran dialek Melayu Kedah dapat dilihat melalui ujaran seperti "ʔaiʔ ʔawat mat͡ʃam tu" yang menunjukkan adaptasi bahasa lokal terhadap suasana interaksi santai. Ini memperlihatkan bagaimana elemen tempatan diserap secara semula jadi dalam pertuturan harian, sekaligus memperkaya konteks komunikasi antara fasilitator dan murid. Selain itu, penggunaan bahasa Banjar turut dikesan melalui istilah seperti "marina", yang membawa makna 'saudara'. Istilah ini digunakan dalam konteks santai antara fasilitator dan peserta, mencerminkan usaha mengekalkan identiti budaya dan warisan linguistik masyarakat Banjar yang masih wujud di Bagan Serai. Elemen ini bukan sahaja membawa nilai sentimental, malah mengukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan komuniti madrasah.

Menariknya, wujud juga penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris, seperti "*task*", dalam ucapan seperti "Peserta berjaya menyelesaikan *task*." Hal ini berkemungkinan berpunca daripada pengaruh pendidikan semasa, iaitu istilah seperti ini telah menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata pedagogi dalam kalangan guru dan pelajar. Istilah tersebut juga membantu menyampaikan makna yang lebih tepat dan konteks yang spesifik dalam penyampaian tugasan atau objektif aktiviti. Sementara itu, istilah seperti "menare", yang diucapkan oleh fasilitator, mencerminkan pengaruh dialek Melayu Perak, yang mungkin merupakan dialek asal penuturnya. Penggunaan ini menunjukkan bagaimana seseorang individu boleh terus mengekalkan ciri dialek peribadi walaupun berada dalam lingkungan komuniti yang mempunyai dialek atau bahasa tempatan yang berbeza. Ini menggambarkan hakikat bahawa identiti linguistik seseorang tetap terpelihara dalam interaksi sosial walaupun terdapat kepelbagaian persekitaran.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, integrasi pelbagai bentuk bahasa ini mencerminkan realiti kepelbagaian linguistik yang wujud dalam persekitaran pendidikan madrasah. Interaksi antara murid dan fasilitator memperlihatkan bagaimana pelbagai elemen linguistik digabung dan digunakan secara fleksibel bergantung pada konteks, tujuan komunikasi, dan latar belakang penutur. Keadaan ini bukan sahaja memperlihatkan adaptasi bahasa yang dinamik, tetapi juga mencerminkan keharmonian antara warisan linguistik dan keperluan komunikasi kontemporari dalam domain pendidikan di Bagan Serai.

b. Sesi rakaman kedua: Latihan nasyid di madrasah

Sesi rakaman kedua memfokuskan kepada latihan nasyid di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, yang bertujuan untuk meneroka penggunaan bahasa dalam konteks aktiviti seni dan keagamaan. Rakaman ini merekod cara pengajar memberikan arahan dan berkomunikasi dengan pelajar semasa latihan nasyid, serta bagaimana pelajar berinteraksi antara satu sama lain dalam proses latihan tersebut. Analisis ini akan menilai jenis bahasa yang digunakan sama ada formal atau tidak formal, serta cara bahasa memainkan peranan dalam mempengaruhi tumpuan dan tahap kerjasama pelajar sepanjang sesi. Kajian ini juga bertujuan untuk memahami peranan konteks keagamaan dan budaya mempengaruhi pilihan bahasa dalam aktiviti seni yang dijalankan di madrasah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.17 Sesi rakaman kedua: Latihan nasyid di madrasah

Peserta Dialog

R001/ DPD (2) : Murid (lelaki, 13 tahun)
R002/ DPD (2) : Guru (lelaki, 30-an)
R003/ DPD (2) : Murid (lelaki, 13 tahun)
R004/ DPD (2) : Murid (lelaki, 13 tahun)

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPD (2)	[ʔassalamũʔalaikum warahmãtullahi wabarakatuh ʔallahumã salim wa salim ʕala sajjidnã muhammãd waʕala ʔalihi wa sahbihi ʔaɟmãʕin] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allahumasalim wasalim 'ala sayyidina Muhammad wa'ala alihi wa sahbihi ajma'in. -Sesi latihan-	Latihan nasyid di madrasah

bersambung...

...sambungan

R002/ DPD (2)	[ʔoke sələsai nãk ulaŋ səkali lagi taʔ] Ok selesai?nak ulang sekali lagi tak?
R001/ DPD (2)	[ha] Ha
R002/ DPD (2)	[ʔoke ulaŋ ulaŋ nãk buat lagu laɪ̯nka nãk buat lagu samɛ̃] Ok. Ulang ulang.Nak buat lagu lainkah nak buat lagu sama?
R001/ DPD (2)	[lagu laɪ̯n] Lagu lain.
R002/ DPD (2)	[lagu laɪ̯n ʔoke bawak jabadratim jabadratim] Lagu lain? Ok bawa.Yabadratim Yabadratim (tajuk lagu). -Sesi latihan-
R002/ DPD (2)	[ʔoke dah kalau taʔ pueh hati ləpaih mãɣrib nãnti kitanbuat lagi ʔoke bagi ʔabaŋ ʔabaŋ pulak pi trai ʔeh mãik tututop dulu tutop dulu təpoʔ nĩ buat pəsembahan ɟe taʔdə mənãŋ taʔ də kalah] Ok sudah? Kalau tak puas hati lepas maghrib nanti kita buat lagi. Ok bagi abang-abang pula pergi cuba.Eh mic itu tutup dulu tutup dulu. Tepuk.Ini buat persembahan saja. Tak ada menang tak ada kalah.
R004/ DPD (2)	[ustad nãk ʔambik ʔaɪ̯r] Ustad nak ambil air.
R002/ DPD (2)	[ʔoke ʔoke minũm ʔair t͡ʃəpatla ʔala ʔoke stenbai sədie mũla] Ok ok. Minum air.Cepatlah ala. Ok standby, sedia mula.
R004/ DPD (2)	[tri fo] *Three four*
R002/ DPD (2)	[sallalah huʔalaihi wa sallam ʕalaik] Sallallahu alaihi wa sallam 'alaik.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman kedua memfokuskan kepada aktiviti latihan nasyid di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, yang dijalankan oleh guru bersama murid-murid lelaki. Dapatan daripada sesi ini memperlihatkan pelbagai elemen linguistik yang digunakan secara serentak dalam suasana pendidikan yang bersifat seni dan keagamaan.

Rakaman dimulakan dengan ungkapan keagamaan seperti “Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh” dan “Allahumasalim wasalim 'ala sayyidina Muhammad wa'ala alihi wa sahbihi ajma'in”. Ucapan ini berfungsi bukan sahaja sebagai pembuka sesi, malah mencerminkan kepentingan unsur spiritual dalam kegiatan nasyid.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Penggunaan frasa Arab ini menunjukkan bahawa aspek keagamaan menjadi landasan utama dalam pengajaran di madrasah, selari dengan identiti institusi yang berpaksikan pendidikan Islam.Sepanjang sesi, bahasa Melayu standard digunakan secara dominan, terutamanya oleh guru ketika memberi arahan atau mengemukakan pertanyaan, seperti dalam ujaran "ʔoke sələsai nãk ulaŋ səkali lagi taʔ" dan "Lagu lain? Ok, bawa." Penggunaan bahasa Melayu standard dalam situasi ini menunjukkan fungsinya sebagai medium penyampaian formal yang efektif untuk memastikan mesej disampaikan secara jelas dan difahami oleh semua pelajar. Ia juga membantu mengekalkan struktur dan kelancaran latihan.

Selain itu, terdapat penyisipan dialek Melayu Kedah dalam pertuturan seperti "lepaih" dan "puaih hati". Penggunaan dialek ini mencerminkan latar sosio-budaya tempatan yang masih wujud dalam interaksi antara guru dan murid. Dialek tempatan digunakan secara bersahaja untuk mengukuhkan hubungan interpersonal dan mencipta suasana yang lebih mesra dan santai semasa latihan berlangsung. Elemen bahasa Inggeris juga dikesan, seperti dalam frasa "*standby*" dan "*three four*". Penggunaan istilah ini menunjukkan pengaruh luar, khususnya dalam konteks pembelajaran moden dan kesan globalisasi terhadap gaya pengajaran. Frasa seperti "*Ok standby*, sedia mula" dan "*three four*" berfungsi sebagai arahan koordinasi dan penanda mula yang mudah difahami, Bahkan telah menjadi sebahagian daripada kod komunikasi yang diterima secara meluas dalam kalangan pelajar masa kini.

Menariknya, penggunaan istilah "Yabadratim" sebagai nama lagu menunjukkan peminjaman budaya Arab dalam konteks seni Islam, sekali gus menyatukan unsur linguistik Arab dan tempatan dalam satu persembahan. Manakala ujaran seperti "takde menang, takde kalah" pula menggariskan sifat aktiviti nasyid sebagai aktiviti bukan kompetitif yang mementingkan penyertaan dan semangat kerjasama.Secara keseluruhannya, sesi rakaman ini mencerminkan kepelbagaian linguistik yang berfungsi dalam pelbagai lapisan dari aspek spiritual, pedagogi, sosial hingga ke arah koordinasi aktiviti. Interaksi antara guru dan pelajar di madrasah ini memperlihatkan bagaimana bahasa Melayu standard, dialek Melayu Kedah, bahasa Arab, dan bahasa Inggeris saling melengkapi dalam konteks pembelajaran berasaskan seni dan agama. Situasi ini mengukuhkan kefahaman bahawa dalam konteks madrasah, pemilihan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa bukan sahaja bergantung kepada tujuan komunikasi, malah turut dipengaruhi oleh nilai budaya, identiti dan keperluan fungsional aktiviti yang dijalankan.

c. Sesi rakaman ketiga: Pengajaran di madrasah

Sesi rakaman ketiga memfokuskan kepada aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, dan merupakan kesinambungan daripada dua sesi sebelumnya yang meneliti penggunaan bahasa dalam konteks aktiviti di luar bilik darjah dan latihan nasyid. Dalam sesi ini, tumpuan diberikan kepada cara pengajaran berlaku dalam persekitaran formal madrasah, dengan menilai bagaimana bahasa digunakan oleh pengajar dan pelajar dalam situasi pembelajaran. Rakaman ini bertujuan untuk mendalami jenis bahasa yang digunakan semasa pengajaran, sama ada bahasa Melayu standard, dialek tempatan, atau bahasa asing, dan bagaimana pilihan bahasa ini mempengaruhi interaksi serta proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.18 Sesi rakaman ketiga: Pengajaran di madrasah

Peserta Dialog

R001/ DPD (3) : Guru (lelaki, 30-an)
R002/ DPD (3) : Semua pelajar lelaki di dalam kelas

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPD (3)	[bismĩllahirrahmã nirrahiṁ bismĩllah aʃ.ʃafi] Bismillahirrahmanirrahim, bismillah al-Shafi	Penerapan amalan doa
R002/ DPD (3)	[bismĩllahirrahmã nirrahiṁ bismĩllah aʃ.ʃafi] Bismillahirrahmanirrahim, bismillah al-Shafi	
R001/ DPD (3)	[bismĩllah al.kafi] Bismillah al-Kafi	
R002/ DPD (3)	[bismĩllah al.kafi] Bismillah al-Kafi	
R001/ DPD (3)	[bismĩllah al.mãfi] Bismillah al-Maafi	
R002/ DPD (3)	[bismĩllah al.mãfi] Bismillah al-Maafi	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

R001/ DPD (3)	[bismilla hillazi la jadurru mãʕasmihi] Bismillahillazi la yadhurru ma'asmihi
R002/ DPD (3)	[bismilla hillazi la jadurru mãʕasmihi] Bismillahillazi la yadhurru ma'asmihi
R001/ DPD (3)	[ʃajʔun fil.ʔardˤi wala fissamã ʔi wahuwa ʔassamĩ ʕulʕa.lim] Shai'un fil ardhi wala fissama'i wa huwa assami'ul alim
R002/ DPD (3)	[ʃajʔun fil.ʔardˤi wala fissamã ʔi wahuwa ʔassamĩ ʕulʕa.lim] Shai'un fil ardhi wala fissama'i wa huwa assami'ul alim
R001/ DPD (3)	[bismillahirrah.mãnirrahimˆ ʔallahummã bariklanã fimã razaqtanã wa qinã ʕaðaban.nãr] Bismillahirrahmanirrahim, Allahumma barik lana fima razaqtana wa qina 'adhaban-nar.
R002/ DPD (3)	[bismillahirrah.mãnirrahimˆ ʔallahummã bariklanã fimã razaqtanã wa qinã ʕaðaban.nãr] Bismillahirrahmanirrahim, Allahumma barik lana fima razaqtana wa qina 'adhaban-nar.
R001/ DPD (3)	[ja ʔallah dəŋan rəzəkimũ kamĩ mãkan] Ya, Allah, dengan rezeki-Mu,kami makan
R002/ DPD (3)	[ja ʔallah dəŋan rəzəkimũ kamĩ mãkan] Ya, Allah, dengan rezeki-Mu,kami makan
R001/ DPD (3)	[dəŋan rahmatmũ kamĩ kəŋaŋ] Dengan rahmat-Mu kami kenyang
R002/ DPD (3)	[dəŋan rahmatmũ kamĩ kəŋaŋ] Dengan rahmat-Mu kami kenyang
R001/ DPD (3)	[ʔa:min ja rabbal ʕalamin] Amin ya Rabbal 'Alamin
R002/ DPD (3)	[ʔa:min ja rabbal ʕalamin] Amin ya Rabbal 'Alamin

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Sesi rakaman ketiga memfokuskan kepada suasana pengajaran di dalam bilik darjah Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah. Dapatan menunjukkan bahawa proses pengajaran di madrasah ini mengintegrasikan unsur keagamaan dan pedagogi, khususnya melalui pemilihan bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu dan nilai spiritual.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Guru memulakan sesi pengajaran dengan membaca beberapa doa, antaranya "Bismillahirrahmanirrahim," "Bismillah al-Shafi" dan "Bismillah al-Kafi," yang merupakan frasa dalam bahasa Arab. Doa-doa ini dibacakan secara berulang dan diikuti oleh pelajar dengan penuh perhatian. Penggunaan bahasa Arab dalam bacaan ini bukan sahaja memperkukuh penghayatan terhadap tradisi Islam, tetapi juga melatih pelajar dalam aspek penghafalan dan sebutan yang tepat. Ini menggambarkan bahawa bahasa Arab dipilih sebagai bahasa ibadah dan pengisian rohani yang mendalam dalam konteks pengajaran di madrasah.

Pada masa yang sama, bahasa Melayu digunakan secara konsisten sebagai medium pengajaran dan komunikasi antara guru dan pelajar. Frasa seperti "Ya, Allah dengan rezeki-Mu kami makan" dan "Dengan rahmat-Mu kami kenyang" menunjukkan bagaimana bahasa Melayu berfungsi sebagai wahana penyampaian makna yang mudah difahami dan dekat dengan realiti harian pelajar. Penggunaan bahasa Melayu juga memastikan keseragaman dalam kefahaman, khususnya dalam kalangan pelajar yang berasal daripada latar belakang linguistik yang berbeza. Gabungan penggunaan bahasa Arab dan bahasa Melayu ini memperlihatkan pendekatan dwibahasa yang berfungsi secara pelengkap, iaitu bahasa Arab sebagai bahasa ibadah dan bahasa ilmu, manakala bahasa Melayu sebagai medium komunikasi pedagogi. Kaedah ini menepati falsafah pendidikan madrasah yang bukan sahaja menekankan ilmu pengetahuan, tetapi juga pemupukan nilai rohani dalam kalangan pelajar.

d. Rumusan

Ketiga-tiga sesi rakaman yang dijalankan di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, memperlihatkan bagaimana bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk suasana pendidikan Islam yang menyeluruh. Bahasa Arab dan bahasa Melayu dipilih secara strategik dan berfungsi dalam konteks yang saling melengkapi. Bahasa Arab digunakan dalam bacaan doa, zikir dan puji-pujian keagamaan, sekali gus memperkukuh identiti Islam dan penghayatan spiritual dalam kalangan pelajar. Penggunaan bahasa ini juga menekankan aspek hafalan, sebutan yang tepat, dan adab terhadap teks agama.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam masa yang sama, bahasa Melayu digunakan secara dominan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran, komunikasi harian, dan penyampaian arahan. Bahasa ini berperanan sebagai jambatan antara ilmu dan kefahaman, memudahkan penyampaian isi kandungan serta menggalakkan interaksi antara guru dan pelajar. Rakaman turut menunjukkan kehadiran dialek tempatan seperti bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dan dialek Melayu Perak dalam interaksi spontan, sekali gus menyumbang kepada kepelbagaian linguistik yang mencerminkan identiti komuniti setempat. Penggunaan bahasa Inggeris pula hadir dalam bentuk istilah pinjaman seperti "*task*", "*standby*" dan "*three four*", mencerminkan adaptasi kepada pengaruh luar dan pendekatan pendidikan yang kontemporari.

Secara keseluruhan, pemilihan dan penggunaan bahasa di madrasah ini bukan sahaja mencerminkan keperluan komunikasi yang berkesan, tetapi juga menjadi medium untuk memperkukuh kefahaman agama, membina identiti budaya, dan menyemai nilai rohani dalam kalangan pelajar. Pendekatan yang menggabungkan unsur keagamaan, teknik hafalan, seni nasyid, dan komunikasi pelbagai bahasa menjadikan proses pendidikan lebih bermakna dan kontekstual dalam persekitaran madrasah.

4.3 DATA TEMU BUAL SEMI BERSTRUKTUR

Seperti yang diterangkan dalam bahagian 3.4.2, tujuan menjalankan temu bual adalah untuk mengukuhkan dapatan rakaman tidak sedar melalui luahan dan pandangan reponden terpilih tentang fenomena bahasa Banjar di Bagan Serai.

4.3.1 Pemaparan Data Temu Bual secara Tematik

Data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dimasukkan ke dalam jadual analisis tematik seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.19 hingga 4.33. Bertitik tolak daripada data yang diperoleh, pengkaji telah berjaya mendapatkan sebuah gambaran fenomena pengekalan dan peralihan bahasa Banjar yang dapat memperkukuhkan lagi dapatan rakaman tidak sedar.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

a. Kumpulan Umur 1 (61 tahun ke atas)

i. Responden: KU1: 001 (L: 67)

Jadual 4.19 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 001 (L: 67)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU1:001/ **Keluarga**	*"Ada satu fenomena yang mak bapak dia total cakap banjaq tapi anak dia mesti jawab bahasa Melayu."*	• Anak tidak membalas dalam bahasa Banjar	Jurang generasi dalam pilihan bahasa
	"Alhamdulilah saya mempunyai tujuh orang anak. Dukacita dimaklumkan bahawa anak-anak saya mengerti bahasa Banjar tetapi amat sukar bagi mereka untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Banjar."	• Perbezaan penggunaan bahasa antara ibu bapa dan anak	Peralihan bahasa
	"Saya dan isteri saya ialah asli orang Banjar, generasi keempat atau kelima berhijrah ke Semenanjung Malaysia ini. Itulah suasana hari ini, anak-anak di daerah ini khususnya di Bagan Serai yang umurnya 20 ke bawah ini kemungkinan sudah sukar untuk berbahasa Banjar, yang kemungkinan yang masih kental dengan bahasa Banjar ini ialah kalangan masyarakatnya dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas atau 30 tahun ke atas yang mereka ini tinggal di kawasan yang lebih rimud atau pedalaman,iaitu lebih jauh dari kota atau istilah dalam parit atau tebuk yang keluarga mereka memang bercakap Banjar di rumah seisi keluarga."	• Kefahaman pasif dalam kalangan anak • Bahasa Banjar terancam dalam kalangan generasi muda • Faktor umur dan kawasan penempatan	Faktor peralihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU1:001/ **Persahabatan**	*"Di kalangan rakan-rakan di Bagan Serai ini khususnya. Kalau kita lihat di Warung,, di kedai-kedai, kenduri kendara. Generasi 30an, 40an masih lagi boleh berbicara, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Banjar. Walaupun ada sesetengah istilahnya menyatakan bahawa Bajar itu tidak sesempurna Banjar dipertuturkan di Kalimantan Selatan. Walau bagaimanapun mereka masih berusaha dan cuba mengupayakan diri untuk bertutur dengan baik dalam bahasa Banjar."*	• Faktor umur • Perbualan antara rakan-rakan • Lokasi perbualan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU1:001/ **Pendidikan**	*"Banyak sekolah di daerah ini didirikan di kawasan parit. Contohnya Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman, Sekolah Kebangsaan Parit Haji Taib. Kalau di Jalan Banjar ini ada Sekolah Kebangsaan Dato'Mas'ud.Jadi kita boleh katakan rata-rata generasinya berketurunan Banjar walaupun sudah generasi keenam atau ketujuh tapi mereka sebahagiannya masih boleh bertutur dan bercakap dalam bahasa Banjar dengan fasih."* *"Kalau di sekolah-sekolah hari ini ada dikalangan pelajar-pelajar kita sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah kemungkinan datang dari latar belakang keluarga yang memang asli Banjar mak bapak, datuk, nenek sebahagian mereka masih bertutur dalam bahasa Banjar walaupun kadang kalanya ada menggunakan bahasa-bahasa mengajuk dalam Banjar itu tidak menggunakan sebaik mungkin bahasa Banjar itu keadaan di sekolah."*	• Penggunaan bahasa Banjar yang bercampur dengan bahasa lain	Percampuran kod
KU1:001/ **Jual beli**	*"Berjual di kedai di warung Wadai masih menggunakan istilah aku beli barang ini, aku jual barang ini. Itu istilah bahasa Banjar yang mengakadkan jual beli itu dengan baik, dengan susun atur kata yang teratur menggunakan istilah-istilah bahasa Banjar.Kalau menjual barang-barang pertanian seperti padi, beras, buah-buahan masih lagi mengakadkan jual beli itu dengan aku jual barang sebanyak harga dan penerimanya pula akan menyebut aku menerima sekian-sekian harga."*	• Istilah bahasa • Banjar digunakan dalam urusan jual beli	Pengekalan Bahasa

bersambung...

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS MALAYSIA

...sambungan

KU1:001/ **Keagamaan**	*"Kalau di masjid ini kalau kita melihat generasi yang 40,50, 60 dan 70-an ke atas kebanyakan mereka ini 90% dikatakan memang bertutur dalam bahasa Banjar sebab komuniti Banjar yang hadir ke masjid di sini biasanya adalah mereka yang senior yang berumur dan mereka ini masih lagi fasih menggunakan bahasa Banjar sama ada loghat yang kaluanya, alainya, martapura, barabai dan sebagainya."*	• Faktor umur 40-70-an	Pengekalan bahasa
KU1:001/ **Pekerjaan**	*"Jika majikan berasal dari keturunan Banjar dan pekerja-pekerja mereka juga berketurunan Banjar biasanya komunikasi dua hala antara mereka biasanya bercakap Banjar.Contohnya ada REM Kelapa Sawit di Padang Lalang pemiliknya orang Banjar majoriti pekerja termasuklah pemandu-pemandu lori menggunakan bahasa Banjar lebih banyak daripada bahasa Melayu biasa."*	• Faktor keturunan majikan • Bahasa Melayu kurang digunakan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU1:001/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"mengikut situasi dan kesesuaian konteks perbualan serta umur."*	• Pilihan bahasa mengikut situasi, konteks dan umur	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU1:001/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Dialek Kedah dan bahasa Melayu."*	• Penggantian bahasa kepada bahasa dominan	Peralihan bahasa
KU1:001/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Identiti Kaum Banjar ini makin terasing dan lebur di arus Budaya bangsa-bangsa dan etnik yang lain di negara kita."*	• Penghakisan identiti etnolinguistik	

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU1:001/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Jika kita tidak memelihara dan melestarikan bahasa Banjar kita akan kehilangan warisan budaya, akan pupuslah cerita-cerita rakyat.Disebabkan bahasa ini salah satu daripada budaya maka adat resam sama akan hilang secara sendirinya sekiranya ia tidak dipelihara. Selain itu putus hubungan antara generasi tua dengan generasi muda. Sekarang ini datuk nenek yang umurnya 70 tahun ke atas yang total orang Banjar nak berkomunikasi dengan cucu bawah 10 tahun misal kata yang berbahasa Melayu di rumah maka berlaku gap antara mereka.Jika berlaku perubahan ini berlaku ancaman kepada Bahasa Banjar. Mungkin diadakan kelas-kelas bahasa untuk menghidupkan semula bahasa Banjar.Sokongan pemerintah perlu melestarikan kepelbagaian bahasa dan budaya kaum minoriti ini khususnya masyarakat Banjar."*	• Ancaman kepupusan bahasa. • Kehilangan warisan budaya • Putus intergenerasi. • Jurang komunikasi antara generasi • Bahasa sebagai pembawa budaya • Peranan dasar dan sokongan negara.	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Responden: KU1: 002 (L: 68)

Jadual 4.20 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 002 (L: 68)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU1:002/ **Keluarga**	*"Bagi saya masih lagi guna Bahasa Banjarla. Surah Banjar.Dengan anak-anakpun.kita tak mau surah Banjar tu hilang macam tu ja. Kita kena latih jugala depa.Kalau masa hadapan tu merekala pulak penyambung bahasa tu. Kalau tinggalkan dan tidak diajar bermakna lama-lama pupusla"*	• Pengekalan bahasa Banjar • Pewarisan bahasa Banjar • Kebimbangan kepupusan bahasa • Pengekalan bahasa Banjar dalam komuniti	Kesedaran masyarakat
KU1:002/ **Persahabatan**	*"Kalau kawasan kami sini cakap Banjarla. Kalau ada orang lain tu kena cakap Melayu jugakla supaya faham"*	• Alih kod kepada bahasa dominan apabila ada orang luar mukim • Bahasa melayu bahasa dominan • Bahasa Banjar dikekalkan	Faktor pengekalan dan peralihan bahasa Banjar Akomodasi bahasa
KU1:002/ **Pendidikan**	*"kalau di sekolah bahasa Melayula.Sebab dekat sekolah tu takdaq bahasa Banjar."* *"ada yang Banjar ada yang Melayu. Ada yang anak Banjar dia faham apa yang kita cakap tu, tapi nak balas balik tak boleh."*	• Komuniti dwibahasa (Banjar–Melayu)	Peralihan bahasa
KU1:002/ **Jual beli**	*"Kalau di Masjid Tinggi ini kebanyakan Banjar ja."* *"Bahasa bercampur Banjar dan Melayu ikut pembeli"*	• Campur kod Banjar dan Melayu	Percampuran kod

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU1:002/ **Keagamaan**	*" Kalau orang tua tidak berubah. Tetapi generasi muda ni kalau tak dididik memang habis"*	• Jurang generasi dalam penggunaan bahasa	Percampuran kod Kesedaran masyarakat
KU1:002/ **Pekerjaan**	*"Bahasa Melayu"*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU1:002/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Orang tua tidak berubah. Peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda"*	• Jurang generasi dalam penggunaan bahasa	Percampuran kod
KU1:002/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Dialek utara dan bahasa Melayu"*	• Dialek Utara dan bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU1:002/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bagi saya kalau boleh buatlah program bahasa Banjar"*	• Pemupukan bahasa	Kesedaran masyarakat
KU1:002/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Kalau tak dipelihara lama-lama akan pupus. Takdaq lagi anak muda yang berbahasa Banjar"*	• Ketiadaan penutur muda	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Responden: KU1: 003 (P: 71)

Jadual 4.21 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU1: 003 (P: 71)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU1:003/ **Keluarga**	*"Bahasa Banjar ni kalau mak bapak kita orang Banjar kena bercakap Banjar. Tapi budak-budak sekarang ni diorang dah tak pandai bahasa Banjar.Jadi depa (mereka) dengar jela bahasa Banjar tu.Tapi kalau saya ni dengan arwah mak bapak dulu cakap Banjar.Tapi kalau jumpa dengan adik beradik akan cakap Banjar sebab taknakla pupus bahasa Banjar tu bahasa ibunda.Sayang kalau nak dilupakan."*	• Penggunaan aktif dalam generasi terdahulu • Pengekalan dalam kalangan keluarga terdekat • Pasif dalam kalangan generasi kini	Jurang generasi dalam pilihan bahasa Kesedaran masyarakat
KU1:003/ **Persahabatan**	*"Saya tengok juga. Kalau orang tu macam bunyi bahasa Banjar tu saya akan teruskan cakap Banjar dengan mereka.Tapi kalau mereka bercakap dalam bahasa Melayu biasa ni sayapun ikut merekala tak cakap Banjarlah".*	• Penyesuaian bahasa mengikut rakan bicara	Akomodasi bahasa
KU1:003/ **Pendidikan**	*"Di Bagan Serai ni sekolah ni tiadala guna bahasa Banjar ni. Bahasa Melayu ja. Biasanya cakap Melayu takut kawan-kawan mengejek-ejek (sambil ketawa)."*	• Elak guna bahasa Banjar kerana takut diejek • Tekanan rakan sebaya	Peralihan bahasa
KU1:003/ **Jual beli**	*"Kalau di sini macam cakap orang Kedah"*	• Dialek Kedah dominan	Peralihan bahasa
KU1:003/ **Keagamaan**	*"Kebanyakan bahasa Melayu. Cuma kalau jumpa kawan satu keturunan Banjar akan cakap Banjar".*	• Bahasa Melayu dominan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU1:003/ **Pekerjaan**	*"Bahasa Melayu"*	• Bahasa Melayu dominan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU1:003/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Generasi tua masih mengekalkan bahasa Banjar. Tetapi generasi muda memang dah tak guna dah".*	• Pengekalan bahasa Banjar dalam kalangan generasi tua dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda	Pengekalan dan peralihan bahasa Banjar
KU1:003/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu atau dialek Kedah"*	• Peralihan bahasa kepada Bahasa Melayu atau dialek Kedah	Pengekalan bahasa Banjar dalam kalangan generasi tua dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda
KU1:003/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Sebab di kawasan Bagan Serai ni ramai penduduk Banjar.Masuk dalam-dalam Tebuk (Kampung di pedalaman) tu kebanyakan orang Banjar tula mereka utamakan cakap Banjar."*	• Komuniti Banjar ramai di Bagan Serai dan kadar penggunaan bahasa Banjar adalah tinggi	Peralihan bahasa Banjar Pengekalan Bahasa Banjar Bahasa Banjar Penanda identiti Etnik
KU1:003/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*" Takut suatu hari nanti akan pupus.Dah hilang bahasa Banjar tu. Sebab anak-anak semua berbahasa Melayu. Anak-anak dah tak faham berbahasa Banjar. Jadi berbahasa Melayu takut nanti suatu hari dah tak tahu cakap Banjar".Saya galakkanla kalau jumpa dengan kawan Banjar mesti cakap Banjar. Sayangla pulak bahasa ibunda dilupai".*	• Peralihan Bahasa, galakan guna sesama etnik untuk elak kepupusan.	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

b. Kumpulan Umur 2 (51-60 tahun)

i. Responden: KU2: 001 (L: 60)

Jadual 4.22 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 001 (L: 60)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU2:001/ **Keluarga**	*"Sangat memberangsangkan dalam keluarga terutama dalam kalangan orang-orang lama"*	• Warga emas merupakan penutur aktif bahasa Banjar	Pengekalan bahasa
KU2:001/ **Persahabatan**	*"memang baik sekali terutama apabila berjumpa dengan geng-geng ataupun kawan-kawan daripada orang Banjar"*	• Keselesaan berbahasa Banjar dalam kelompok etnik	Sikap bahasa penutur Banjar
KU2:001/ **Pendidikan**	*"Situasi penggunaan bahasa Banjar di sekolah-sekolah di kawasan Bagan Serai ini agak terhad jugaklah mereka hanya bercakap apabila bersama dengan orang-orang Banjar sahaja".*	• Penggunaan bahasa Banjar terbatas di sekolah	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU2:001/ **Jual beli**	*"Penggunaan bahasa tu memang kebanyakannya Banjar dan kadang-kadang selit juga dialek utara".*	• Campuran bahasa Banjar dan dialek Utara	Percampuran kod
KU2:001/ **Keagamaan**	*"Kadang-kadang penceramah yang datang untuk membuat ceramah agama di kawasan Bagan Serai ini mereka selitkan juga bahasa-bahasa Banjar."*	• Penceramah selit bahasa Banjar	Percampuran kod
KU2:001/ **Pekerjaan**	*"Amat baik sekali. Tetapi di situasi di pejabat-pejabat kerajaan mengikut keadaan andaikata pegawai tu bertemu dengan orang Banjar mereka akan bercakap dalam bahasa Banjar dengan seronok sekali ."*	• Bahasa Banjar digunakan untuk berinteraksi dengan rakan sama etnik di pejabat	Akomodasi pertuturan

bersambung...

UNIVERSITI SANGSAN MALAYSIA

...sambungan

KU2:001/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Mereka masih menggunakan bahasa Banjar dalam keluarga dan sahabat"*	• Penggunaan bahasa	Pengekalan bahasa Banjar
KU2:001/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Dialek utara dan bahasa Melayu"*	• Penggunaan bahasa	Peralihan bahasa
KU2:001/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Penggunaan seharian di Bagan Serai menggunakan Bahasa Banjar dalam keluarga dan rakan-rakan".*	• Penggunaan bahasa	Bahasa Banjar penanda identiti etnik
KU2:001/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Jika tidak digunakan dalam seharian maka akan hilanglah identiti orang Banjar dan akhirnya generasi akan datang juga akan hilang sedikit demi sedikit dan saya mengharapkanagar bahasa Banjar kekal di kawasan Bagan serai dan kawasan sekitarnya ".*	• Terdapat kesedaran oleh penutur Banjar tentang kepentingan pengekalan bahasa	Kesedaran masyarakat Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Responden: KU2: 002 (L: 57)

Jadual 4.23 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 002 (L: 57)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU2:002/ **Keluarga**	*"Kalau di rumah tu rasa kurang. Kalau di rumah ni depa tak pandai sangat bahasa Banjar ni (Isteri orang Kedah)."*	• Kurang guna bahasa Banjar di rumah kerana berkahwin campur	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU2:002/ **Persahabatan**	*"Kalau jumpa kawan-kawan di kedai tu baru basurah (bercakap Banjar)"*	• Guna bahasa Banjar dengan rakan sebaya (berketurunan Banjar)	Pengekalan bahasa Banjar
KU2:002/ **Pendidikan**	*"Kurang. Banyak cakap bahasa Melayu".*	• Dominasi bahasa Melayu di sekolah, kurang guna bahasa Banjar	Peralihan bahasa Banjar
KU2:002/ **Jual beli**	*"Masa beli penggunaan bahasa Banjar kurang cuma bila bila jumpa sama-sama orang Banjar akan cakap Banjar".*	• Guna terhad bahasa Banjar semasa jual beli	Angkubah sosial dalam pilihan bahasa
KU2:002/ **Keagamaan**	*"Begitu juga masa di masjid kurang jugak tapi bila sama-sama orang Banjar akan cakap bahasa Banjar.Ada juga yang guna loghat-loghat Kedah".*	• Guna campur bahasa Banjar dan loghat Kedah dalam konteks agama	Akomodasi bahasa
KU2:002/ **Pekerjaan**	*"Kurang jugak.Kalau jumpa orang Banjar mereka akan cakap Banjar. Loghat-loghat Kedah selalu digunakan.Contoh di Pejabat Pos guna bahasa Melayu biasa ni"*	• Guna bahasa Melayu standard dan loghat Kedah, Bahasa Banjar bila jumpa orang Banjar. • Pengekalan bahasa dalam domain persahabatan keturunan yang sama.	Akomodasi bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU2:002/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Bercakap bila jumpa kawan-kawan Banjar sahaja.Selain itu cakap loghat kedah atau bahasa Melayu".*	• Dialek Kedah dan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama	Percampuran kod
KU2:002/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Loghat Kedah dan bahasa Melayu"*	• Dialek Kedah dan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama	Peralihan bahasa Banjar
KU2:002/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Mungkin penduduk di Bagan Serai ni penduduknya masih ramai lagi berketurunan Banjar. Di Parit Buntar tu mungkin dah bercampur dengan orang Kedah"*	• Taburan etnik	Peralihan bahasa Banjar
KU2:002/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Di Bagan Serai ni Persatuan Banjar ni masih ada. Masih aktifla. Macam-macamla mereka"*	• Pengekalan bahasa	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Responden: KU2: 003 (L:60)

Jadual 4.24 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU2: 003 (L:60)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU2:003/ **Keluarga**	*"Dalam keluarga sayala. Anak-anak saya mereka faham bahasa Banjar tetapi bila nak bercakap tu mereka tak berapa pandai sangatlakan tapi mereka fahamla."*	• Faham bahasa Banjar tetapi kurang fasih bertutur dalam kalangan anak-anak	Peralihan bahasa Banjar
KU2:003/ **Persahabatan**	*"Kalau dengan kawan-kawan macam umur saya ni atas 60-an mereka guna bahasa Banjar dalam percakapan. Tetapi yang umur 20-an ke atas memang depa faham tapi nak bercakap tu mereka tak boleh atau mereka malu."*	• Penggunaan aktif dalam kalangan warga emas, pasif dalam kalangan muda	Pengekalan/Peralihan bahasa Banjar
KU2:003/ **Pendidikan**	*"Saya ambil contoh sekolah Dato' Mas'ud.Isteri saya mengajar di sekolah sanala.Kalau pekerja dia orang Banjar sama-sama mereka akan bercakap Banjarla.Begitu juga budak-budak sekolah yang umur darjah 1 dan darjah 2 tu kalau mereka sama dalam satu kampung mereka boleh cakap Banjar tetapi bila berlainan kampung automatik mereka tukar kepada bahasa kebangsaan atau cakap utara."*	• Pilihan bahasa bergantung kepada rakan sebaya dan asal kampung	Angkubah sosial Pilihan bahasa Banjar
KU2:003/ **Jual beli**	*"Di keliling pekan itu dikelililingi parit-parit atau tebuk-tebuk kebanyakan orang Banjar.Bila mereka ke pekan untuk urusan jual beli mereka berjumpa contohnya orang Parit 3 jumpa dengan orang Parit Gabis mereka akan bercakap bahasa Banjar (etnik yang sama)."*	• Pengekalan bahasa Banjar sesama etnik Banjar	Pengekalan bahasa Banjar
KU2:003/ **Keagamaan**	*"Kalau generasi tua macam saya ni kalau kami berjumpa akan bercakap bahasa Banjar. Orang luarpun suka dengar bila kami bercakap Banjar terutama intonasi dia tu. Walaupun tak pupus lagi pengembangan bahasa Banjar tu perlahan la"*	• Bahasa Banjar kekal dituturkan dalam kalangan tua, tetapi pengembangannya perlahan	Pengekalan bahasa Banjar

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU2:003/ **Pekerjaan**	*"Macam saya jual insurans. Kalau yang tua-tua tu yang datang sama umur mereka cakap Banjarla dengan saya"*	• Penggunaan Banjar bergantung kepada usia pelanggan	Pengekalan dalam urusan dengan pelanggan generasi tua
KU2:003/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Kalau macam umur saya ni atas 60-an mereka guna bahasa Banjar dalam percakapan. Tetapi yang umur 20-an ke atas memang depa (mereka) dah tak cakap Banjar "*	• Penggunaan aktif dalam kalangan warga emas, pasif dalam kalangan muda	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU2:003/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu atau dialek Utara"*	• Bahasa Melayu dan dialek Utara dominan	Peralihan bahasa
KU2:003/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bagan Serai mempunyai etnik Banjar yang ramai berbanding mukim lain di daerah Kerian"*	• Tumpuan utama komuniti Banjar di daerah Kerian	Angkubah sosial
KU2:003/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Teramat sedihlah.Sebab bahasa Banjar ni kalau dia pupus sukarlah untuk kita hidupkan balik. Anak-anak sekarang jauh sangat dah dengan bahasa Banjar ni. Kita sebagai orang-orang tua ni selalulah meneruskan atau bercakap di dalam rumah ka, dengan ibu dia ka, dengan adik dia ka dalam bahasa banjar supaya mereka berbangga menjadi orang Banjar"*	• Kebimbangan kepupusan dan usaha penutur tua untuk memulihara bahasa	Kesedaran masyarakat Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. Kumpulan Umur 3 (41-50 tahun)

i. Responden: KU3: 001 (L: 48)

Jadual 4.25 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 001 (L: 48)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU3:001/ **Keluarga**	*"Tidak digunakanla kebanyakan kecuali ada sesetengah tempat ja digunakan macam kampung-kampung di dalam (pedalamanan). Bila dah dekat luaq ni depa dah guna bahasa Melayu dah."*	• Penggunaan bahasa Banjar di kawasan pedalaman • BM dominan di kawasan berhampiran pekan	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU3:001/ **Persahabatan**	*"Banyak dah tak cakap dah. Kadang-kadang depa malu tau nak cakap Banjar. Bagi saya malu pasaipa. Kita ni sah Banjar. Kita ada satu kelebihan pandai basurah Banjar."*	• Pengurangan penutur Banjar malu nak cakap Banjar	Sikap bahasa penutur Banjar
KU3:001/ **Pendidikan**	*"Biasanya penggunaan Bahasa Banjar bila ada program ja.Bila tiada program habis."*.	• Penggunaan bahasa Banjar bila ada program	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU3:001/ **Jual beli**	*"Tengok keadaan juga. Kalau pembeli tu Banjar penjual akan bercakap bahasa Banjarla"*.	• Faktor pembeli berketurunan Banjar	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU3:001/ **Keagamaan**	*"Kebanyakan sudah tiada.Macam nak pupus dah bahasa Banjar ni."*.	• Faktor penurunan penggunaan bahasa banjar	Peralihan bahasa Banjar

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU3:001/ **Pekerjaan**	*"Kebanyakan bahasanya ikut situasi juga.Nama kedai ni nama Kawitan (ibu bapa) saya nak kekalkan nama ni sebab saya Banjar."*	• Penggunaan bahasa Banjar mengikut situasi	Kesedaran Masyarakat
		• Kekalkan bahasa Banjar melalui nama kedai	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik
KU3:001/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Kebanyakan dah tak guna bahasa Banjar"*	• Penurunan fungsi bahasa Banjar	Kesedaran masyarakat
KU3:001/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu setempat."*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU3:001/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bahasa Banjar sudah tidak digunakan sangat dah di sini".*	• Peralihan bahasa	Peralihan bahasa Kesedaran masyarakat
KU3:001/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Hanya tinggal nama Banjar.Rugi.Tapi jangan malu".*	• Peralihan bahasa • Kepupusan bahasa	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Responden: KU3: 002 (L: 42)

Jadual 4.26 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 002 (L: 42)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU3:002/ **Keluarga**	*"Boleh dibahagikan kepada dua tahun 90-an dan sekarang ni. Pada tahun 90-an bahasa Banjar digunakan sangat kerap menjadi rutin di antara keluarga di Bagan Serai ini menggunakan bahasa Banjar untuk orang Banjar. Pada waktu kini penggunaan bahasa Banjar semakin kurang digunakan antara ibubapa dan anak-anak"*	• Penggunaan bahasa Banjar pada tahun 90-an dan kini. • Ibu bapa tak menggunakan bahasa Banjar kepada anak-anak	Jurang generasi dalam pilihan bahasa Pengekalan/Peralihan bahasa
KU3:002/ **Persahabatan**	*"Pada tahun 90-an bahasa Banjar digunakan sangat kerap antara rakan-rakan di Bagan Serai.. Sekarang penggunaan bahasa Banjar semakin kurang digunakan antara Kawan-kawan"*	• Peralihan bahasa antara generasi	Peralihan bahasa
KU3:002/ **Pendidikan**	*"Melestarikan bahasa Banjar di sekolah agak sukar kerana ibu bapa itu sendiri yang tak menggunakan bahasa Banjar kepada anak-anak dia. Kebanyakan guna bahasa Melayu."*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU3:002/ **Jual beli**	*"Masih digunakan bahasa Banjar dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas tapi 4o tahun ke bawah kurangla masih gunakan bahasa Melayu biasa.Penggunaan dialek utara juga banyak sebab orang Bagan Serai itu bertemu dengan orang dari Kedah dan Pulau Pinang."*	• Pengaruh pertembungan geografi	Penyesuaian bahasa mengikut identiti lawan tutur
KU3:002/ **Keagamaan**	*"Di rumah-rumah ibadat seperti masjid khutbah tu dalam bahasa Melayu untuk mudahkan orang lain memahami, anak-anak memahami. Anak-anak sekarang ni tak memahami bahasa Banjar tu dengan mudahla sebab ibu bapa tu sendiri tak mengajar anak-anak tu."*	• Bahasa Melayu sebagai medium rasmi keagamaan	Faktor umur Pengekalan dan Peralihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU3:002/ **Pekerjaan**	*"Penggunaan bahasa Banjar memang kurangla digunakan melainkan mereka mengenali itu adalah orang Banjar dan akan berinteraksi dalam bahasa Banjar tapi biasanya di bank, klinik Kesihatan guna bahasa Melayu"*	• Penggunaan bahasa Melayu dalam institusi rasmi	Peralihan bahasa
KU3:002/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Masih digunakan bahasa Banjar dalam lingkungan umur 40 tahun ke atas tapi 4o tahun ke bawah kurangla masih gunakan bahasa Melayu biasa"*	• Faktor umur	Akomodasi Bahasa
KU3:002/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu dan Dialek Melayu utara".*	• Bahasa pengganti	Peralihan bahasa
KU3:002/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bila orang kenal Banjar tu mereka akan teringat Bagan Serai. Ini kerana Bagan Serai lebih banyak digunakan berbanding Parit Bunatr dan Kuala Kurau yang lebih dekat dengan Pulau Pinang dan Kedah".*	• Bagan Serai sebagai Pusat Identiti dan Kelestarian Bahasa Banjar	Angkubah Sosial
KU3:002/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Semestinyalah bahasa Banjar akan pupus. Orang tidak lagi memahami ayat-ayat, perkataan bahasa Banjar.Bahasa Banjar akan hilang di Malaysia".*	• Kepupusan bahasa	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Responden: KU3: 003 (L: 42)

Jadual 4.27 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU3: 003 (L: 42)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU3:003/ **Keluarga**	*"Kalau dengan mak saya cakap Banjarla. Kalau dengan isteri saya cakan campurla bahasa banjar dengan bahasa kampung (bahasa Melayu)"*	• Pengekalan bahasa dengan ibu dan campur bahasa dengan isteri	Pengekalan/ percampuran kod
KU3:003/ **Persahabatan**	*"Kalau dengan kawan yang berketurunan Banjar saya akan cakap Banjar."*	• Penggunaan bahasa Banjar dengan rakan seetnik	Pengekalan bahasa
KU3:003/ **Pendidikan**	*"Bahasa Kampung (bahasa Melayu)."*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU3:003/ **Jual beli**	*"Contoh Kalau di Warung Wadai atau di kedai-kedai kopi di kawasan kampung ini saya akan gunakan bahasa Banjarlah"*	• Pengekalan bahasa di warung dan kedai kopi	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU3:003/ **Keagamaan**	*"Saya akan bercakap bahasa Banjar bila berjumpa dengan orang yang berketurunan Banjar sahaja"*	• Penggunaan bahasa Banjar dengan rakan seetnik	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU3:003/ **Pekerjaan**	*"Saya akan bercakap bahasa Banjar bila berjumpa dengan orang yang berketurunan Banjar sahaja. Selain itu cakap bahasa kampung (bahasa Melayu)"*	• Penyesuaian bahasa mengikut etnik	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU3:003/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Kalau yang tua masih kekal lagi. Kalau macam saya ni akan bercakap bahasa Banjar bila berjumpa dengan orang yang berketurunan Banjar sahaja. Selain itu cakap bahasa kampung (bahasa Melayu)"*	• Faktor umur	Sikap bahasa penutur Banjar

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU3:003/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu (bahasa kampung)"*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU3:003/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Kalau di Bagan Serai ramai orang Banjar sebab itu melambangkan identiti etnik Banjar"*	• Jumlah komuniti menggambarkan identiti etnik	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik
KU3:003/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Kalau tak digunakan rasa sayangla bahasa tu. Bahasa asalkan. Sayangla kalau tak dipelihara.Kalau generasi umur saya ni masih guna lagila tapi generasi baru-baru ni saya rasa macam akan pupusla. Macam anak sayapun dia tak gunakan dah bahasa Banjar ni . Dia dah tak tahu dan tak pandai tapi dia fahamla sikit-sikit.Kalau dia jumpa kawan-kawan diapun dah tak guna bahasa Banjar dah.Saya rasa generasi yang umur 20 dah tak guna dah bahasa Banjar.*	• Kepupusan bahasa	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

d. Kumpulan Umur 4 (31-40 tahun)

i. Responden: KU4: 001 (L: 35)

Jadual 4.28 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 001 (L: 35)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU4:001/ **Keluarga**	*"Kalau cakap sekarang..kurangla dalam golongan remaja.Sekarang ini kebanyakan guna "bahasa kampung" macam bahasa Melayula.. campur-campur. Kalau dulu kebanyakanya memang guna bahasa Banjarla.Sekarang mak ayah dah tak bercakap bahasa Banjar dengan anak-anak dan cucu-cucu"*	• Penggunaan bahasa Banjar menurun dalam kalangan remaja • Percampuran bahasa • Ibu bapa tidak lagi menggunakan bahasa Banjar kepada anak dan cucu	Peralihan bahasa Percampuran kod
KU4:001/ **Persahabatan**	*"Kalau persahabatan tengok keadaanla. Kalau 30-an ke atas guna bahasa Banjar lagila.Tapi bawah 30-an kebanyakan dah tak guna bahasa Banjar".*	• Faktor umur	Pengekalan/ Peralihan Bahasa Banjar
KU4:001/ **Pendidikan**	*"Tak pastilah. Tapi saya rasa kuranglah.sebab generasi peringkat umur saya ni dah jarang bercakap Banjar dengan anak-anak".*	• Faktor penurunan penggunaan bahasa banjar	Peralihan bahasa
KU4:001/ **Jual beli**	*"Tengok keadaan juga. Kalau pembeli tu Banjar penjual akan bercakap bahasa Banjarla".*	• Faktor latar belakang pelanggan	Pengekalan dan peralihan bahasa
KU4:001/ **Keagamaan**	*"Ada juga penggunaan bahasa Banjar.Kalau jumpa kawan-kawan Banjar dia akan bercakap Banjar".*	• Penggunaan bahasa Banjar dalam konteks tidak formal sebelum solat dan selepas solat di masjid	Pengekalan Bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU4:001/ **Pekerjaan**	*"Kebanyakan bahasanya dalam bahasa Melayu dan ikut situasi juga"*	• Bahasa Melayu lebih dominan di tempat kerja	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:001/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Mengikut situasi".*	• Situasi sosial (konteks/domain)	Pengekalan dan peralihan bahasa
KU4:001/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa kampung. Bahasa macam kita cakap ni. Bahasa Melayu"*	• Bahasa Melayu sebagai bahasa pengganti	Peralihan bahasa
KU4:001/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Rasanya adat dulula.Sekarang ni adat Banjar dah takdaq sangat orang buat. Kurangla...jarang jumpakla. Dulu mungkin ada lagi.Masa saya kecik-kecik dulu dalam umur sekolah rendah ada lagila adat-adat Banjar ni.Tapi sekarang jarangla nampak."*	• Rasa tidak pasti akan kelangsungan bahasa	Kesedaran masyarakat
KU4:001/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Tak tahulah. Sebab sekarang ini kita akan ajarla jugak sikit-sikit agar benda tu (bahasa Banjar) itu adakan.Walaupun tak banyak sikit-sikit tu taula."*	• Usaha kecil-kecilan memulihara bahasa	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Responden: KU4: 002 (L: 38)

Jadual 4.29 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 002 (L: 38)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU4:002/ **Keluarga**	*"Kalau ayah lebih banyak cakap bahasa Banjar daripada mak. Adik beradik, kulaan sepupulakan kebanyakan semua cakap Banjaq dalam pergaulanlakan.Harian ni kebanyakan semua cakap Banjaq.Kurangla cakap bahasa Melayu ni"*	• Bahasa Banjar dominan dalam komunikasi harian. • Bahasa Melayu kurang dominan.	Pengekalan bahasa Banjar
KU4:002/ **Persahabatan**	*"Kalau persahabatan, kalau kata dia mula cakap Banjaq kita akan cakap Banjaqla. Kalau dia cakap besa macam ni (bahasa Melayu) kita cakap macam nila.Majoriti la ni dah tak banyak orang yang boleh cakap Banjaqkan.Kira generasi macam sayani kurangla. Ada sesetengah kampung ja kekalkan lagi cakap Banjar ni apa semua.Tapi tak banyak dahla".*	• Faktor interlokutor • Pengurangan penutur bahasa Banjar	Akomodasi bahasa
KU4:002/ **Pendidikan**	*"Bahasa Melayu. Anak-anak sayapun tak pandai cakap Banjar".*	• Bahasa Melayu dominan	Peralihan bahasa
KU4:002/ **Jual beli**	*"Kalau jual beli ni contohnya tula kalau permulaan dia start cakap Banjaq kita akan cakap Banjar dengan dia. Kalau dia cakap macam ni (bahasa Melayu) kita layan macam nila."*	• Faktor interlokutor	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:002/ **Keagamaan**	*"Kalau masjid macam orang-orang lama la.Orang-orang lama ni mereka akan cakap Banjar.Macam generasi kami ni memang kurang dah bercakap.Macam anak-anak pun dah beralih kepada dialek Kedah. Utarala."*	• Bahasa Banjar masih digunakan oleh generasi lama di masjid • Peralihan dalam kalangan generasi muda	Pengekalan dan Peralihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU4:002/ **Pekerjaan**	*"Kalau dekat Banjar Motor ni bahasa kami macam nila (bahasa Melayu. Cuma kadang-kadang kalau macam kita marah tu adalah terkeluaq Banjaq tu. Kalau bahagian pomen ni memang depa cakap Banjaq".*	• Bahasa Melayu dominan • Kod bahasa Banjar muncul ketika emosi seperti marah	Akomodasi bahasa
KU4:002/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Pengekalan masih Banjar di Parit Gabis, Parit 6, Parit 7. Masih pekat bahasa Banjar dia."*	• Pengekalan bahasa di lokasi tertentu	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU4:002/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa kampung (Bahasa Melayu) atau dialek Kedah atau Utara"*	• Bahasa pengganti	Peralihan bahasa
KU4:002/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bahasa Banjar ada ciri khas yang berbeza dengan bahasa lain. Contohnya bahasa Jawa."*	• Ciri khas bahasa Banjar	Bahasa sebagai penanda identiti etnik
KU4:002/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Satu kerugianla. pasti akan pupus"*	• Kepupusan bahasa	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Responden: KU4: 003 (P: 35)

Jadual 4.30 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU4: 003 (P: 35)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU4:003/ **Keluarga**	*"Bahasa Banjar hanya digunakan oleh golong tua sahaja contohnya nenek,atok, mak, ayah. Untuk anak-anak ni kurangla digunakan sebabnya mungkin ibubapa tak bercakap dengan anak-anak"*	• Kemerosotan transmisi antara generasi dalam penggunaan bahasa Banjar dalam keluarga • Penggunaan terhad kepada generasi tua	Jurang generasi dalam pilihan bahasa
KU4:003/ **Persahabatan**	*"Kalau dalam kalangan etnik itu memang dari keturunan Banjar memang kami akan menggunakan bahasa Banjar tapi kalau untuk kawan-kawan yang bukan daripada etnik Banjar memang mereka tidak faham langsunglah untuk menggunakan bahasa Banjar dalam pergaulan".*	• Penyesuaian bahasa berdasarkan latar etnik rakan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:003/ **Pendidikan**	*" Penggunaan bahasa Banjar ini digunakan di sekolah-sekolah luar bandar. Contohnya di sekolah di kawasan Bagan Serai ini antaranya di bahagian Masjid Tinggi, SK Parit Haji Aman,SK Dato' Alaudin sebab di situ terdapat ramai komuniti Banjar. Jadi bila ada komuniti Banjar jadi mudah untuk komunikasi Banjar itu dilaksanakan dalam institusi pendidikan di kawasan tersebut. Di kawasan seperti SMK Bagan Serai, SK Matang Buluh kurang etnik Banjar jadi penggunaan bahasa Banjar itu terhad."*	• Penggunaan bahasa Banjar bergantung kepada jumlah komuniti Banjar di sekolah	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:003/ **Jual beli**	*"Domain jual beli dalam bahasa banjar digunakan oleh penjual dalam komuniti Banjar memang sangat digunakan. Tapi sekiranya penjual itu bukan dalam kalangan etnik Banjar memang menggunakan bahasa Melayu standard sahaja".*	• Penggunaan bahasa bergantung kepada latar etnik penjual	Angkubah sosial dan pilihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

KU4:003/ **Keagamaan**	*"Banyak digunakan di kawasan-kawasan tertentu antaranya Masjid Tinggi tetapi di kawasan Pekan Bagan Serai jarang digunakan"*	• Pengekalan dan peralihan bahasa bergantung lokasi masjid (di luar bandar & di pekan Bagan Serai)	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:003/ **Pekerjaan**	*"Penggunaan bahasa Banjar banyak digunakan dalam aktiviti pekerjaan dalam bidang pertanian khususnya ketika bersawah.Contohnya di kawasan-kawasan kampung seperti Parit Mentara, Parit Haji Taib. Manakala di pejabat kerajaan sangat kurangla digunakan.Kebanyakan menggunakan bahasa Melayu standard."*	• Penggunaan bahasa Banjar dominan dalam kerja sawah, rendah di pejabat kerajaan	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU4:003/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Golongan Tua masih menggunakan bahasa Banjar dii kawasan kampung tetapi di sekitar kawasan pekan kebanyakan generasi muda dah kurang mereka guna bahasa banjar tetapi bahasa Melayu standard. Mereka akan guna bahasa Banjar bila jumpa komuniti Banjar juga"*	• Golongan tua di kampung kekal guna bahasa Banjar; generasi muda lebih guna bahasa Melayu standard di pekan	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU4:003/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu standard atau bahasa kampung bagi memudahkan urusan seharian dalam komuniti bukan Banjar"*	• Penggunaan bahasa Melayu standard atau bahasa Kampung	Bahasa sebagai penanda identiti etnik
KU4:003/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Semua orang tahu Bagan Serai dan banjar tidak boleh dipisahkan seperti keistimewan bahasa, kepelbagaian makanan, wajah pun berbeza ada campuran macam cina sikit"*	• Identiti Banjar sebati dengan Bagan Serai	Kesedaran masyarakat
KU4:003/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Generasi akan datang tidak akan mengenali bahasa Banjar ini. Jadi inisiatif yang boleh dilakukan ialah Persatuan Banjar masih lagi mengekalkan identitinya, tradisi makanan, tetap bertutur dalam bahasa Banjar walaupun berkurangan tetapi masih dipraktikkan untuk semua domain yang ditanya tadi supaya dapat diturunkan kepada generasi akan datang."*	• Peranan persatuan dalam mengekalkan bahasa dan warisan Banjar untuk generasi akan datang	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

d. Kumpulan Umur 5 (20-30 tahun)

i. Responden: KU5: 001 (21-L)

Jadual 4.31 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 001 (L: 21)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU4:001/ **Keluarga**	*"Di Jalan Banjar, Masjid Tinggi ini penggunaan bahasa Banjar masih lagi digunakan. Tetapi di luar kawasan Jalan Banjar ini kebanyakan keluarga banyak menggunakan bahasa Melayu atau dialek Kedah sebagai bahasa komunikasi"*	• Penggunaan bahasa Banjar tertumpu di lokasi tertentu • Bahasa Melayu/dialek Kedah sebagai bahasa alternatif di luar kawasan	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU4:001/ **Persahabatan**	*"Menurut pandangan saya, kebanyakan remaja-remaja di kawasan Bagan Serai ini boleh dikatakan penggunaan adalah bahasa Melayu dan dialek Kedah. Hal ini kerana majoriti daripada mereka tidak fasih berbahasa Banjar."*	• Faktor umur • Peralihan generasi muda kepada bahasa dominan	Peralihan Bahasa
KU4:001/ **Pendidikan**	*"Pada pandangan saya komunikasi anak-anak murid di persekolahan boleh dikatakan bahasa Melayu dan dialek Kedah".*	• Bahasa Melayu untuk formal dan dialek Kedah untuk santai	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU4:001/ **Jual beli**	*"Pada pandangan saya dalam urusan penjual dan pembeli adalah kurang menggunakan bahasa Banjar.Sebab utamanya ialah pembeli bukan sekadar dalam kalangan masyarakat Banjar tetapi ramai lagi etnik lain. Sebagai contoh pembeli dari luar juga untuk mendapatkan barangan bukan sahaja penduduk di Bagan Serai yang berbahasa Banjar ".*	• Penggunaan rendah bahasa Banjar • Penyesuaian bahasa dengan pembeli	Akomodasi bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

KU4:001/ **Keagamaan**	*"Penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan Jemaah ialah majoritinya berbahasa Banjar kerana Jemaah di masjid di Masjid Tinggi terdiri daripada golongan Banjar dan ada segelintir yang menggunakan dialek Kedah ".*	• Bahasa Banjar lebih dominan • Penggunaan dialek Kedah segelintir jemaah	Pengekalan Bahasa
KU4:001/ **Pekerjaan**	*"Bagi saya banyak menggunakan bahasa Melayu kerana majikan terdiri daripada pelbagai jenis etnik."*	• Bahasa Melayu lebih dominan	Peralihan bahasa
KU4:001/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Golongan tua masih mengekalkan penggunaan bahasa Banjar kerana sudah sebati dengan diri mereka. Bagi generasi muda pula bahasa Banjar kurang diberi penekanan oleh mereka Dimana ketika mereka dilahirkan penggunaan bahasa Melayu dan dialek Kedah telah diterapkan sejak dari kecil lagi disebabkan oleh mudah difahami dan senang untuk berkomunikasi berbanding dengan bahasa Banjar hanya segelintir masyarakat sahaja yang fasih dan dapat memahami bahasa Banjar ".*	• Penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan golongan tua • Penurunan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan muda	Sikap bahasa penutur Banjar
KU4:001/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Bahasa Melayu dan dialek Kedah boleh menguasai dan bertutur bahasa ini".*	• Bahasa Melayu dan dialek Kedah dominan	Peralihan bahasa
KU4:001/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Hanya orang Banjar yang boleh menguasai dan bertutur bahasa ini. Keunikan tu tak dapat dilihat melalui bahasa-bahasa lain".*	• Bahasa Banjar ekslusif kepada etnik Banjar	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik
KU4:001/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Jika bahasa Banjar ini tidak dipelihara dan tidak dijaga oleh masyarakat di Bagan Serai penggunaan bahasa Banjar ini lama kelamaan dia akan pupus.Penggunaan bahasa Melayu dan dialek Kedah terus menjadi pengguna bahasa pertama di began Serai".*	• Ancaman kepupusan bahasa Banjar • Bahasa Melayu dan dialek Kedah sebagai bahasa utama	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Responden: KU5: 002 (P: 21)

Jadual 4.32 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 002 (P: 21)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU5:002/ **Keluarga**	*"Hanya golongan berumur sahaja yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Banjar jika dibandingkan dengan generasi muda. Generasi muda yang mampu berbahasa Banjar sangatlah kurang berbanding golongan yang berumur kerana kurang dipraktikkan dalam komunikasi kekeluargaan"*	• Perbezaan generasi dalam kecekapan bahasa	Jurang generasi dalam pilihan bahasa
KU5:002/ **Persahabatan**	*"Berdasarkan pengalaman saya komunikasi dengan rakan-rakan menggunakan bahasa Banjar agak minimal .Kebanyakan mereka lebih banyak menggunakan dialek Utara lebih dominan dalam kalangan masyarakat di Bagan Serai walaupun terdapat dalam kalangan mereka yang mengetahui serba sedikit bahasa Banjar"*	• Penggunaan bahasa Banjar minimal dalam kalangan rakan	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU5:002/ **Pendidikan**	*"Sangat terhad kerana bahasa Melayu standard digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah."*	• Bahasa Melayu standard sebagai bahasa pengantar utama	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU5:002/ **Jual beli**	*"Penggunaan bahasa Banjar lebih meluas dalam kalangan masyarakat Banjar yang lama telah menetap di Bagan Serai.Jual beli harian mereka lebih selesa menggunakan bahasa Banjar terutama dalam kalangan penjual dan pembeli yang sama berketurunan Banjar".*	• Penempatan lama pengaruhi amalan bahasa berketurunan Banjar	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU5:002/ **Keagamaan**	*"Penggunaan bahasa Melayu standard dalam aktiviti keagamaan khususnya di Masjid Tinggi seperti ceramah agama dan kelas pengajian menjadi bahasa utama kerana mudah difahami oleh masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Namun begitu dalam komuniti Banjar*	• Bahasa Melayu dominan • Bahasa Banjar digunakan di majlis kecil-kecilan	Angkubah sosial dan pilihan bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan

	bahasa Banjar digunakan dalam majlis keagamaan yang dijalankan secara kecil-kecilan seperti majlis tahlil, bacaan Yasin ataupun kenduri arwah semasa komunikasi Santai antara mereka ".		
KU5:002/ **Pekerjaan**	*"Dalam konteks pekerjaan bukan formal penggunaan bahasa Banjar agak meluas kerana berlaku di kampung-kampung di pedalaman seperti pekerjaan pesawah. Tetapi pekerjaan di pejabat bahasa Melayu standard dan dialek Melayu utara lebih banyak digunakan"*	• Pilihan bahasa bergantung kepada jenis pekerjaan dan lokasi	Angkubah sosial dan pilihan bahasa
KU5:002/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Dialek Melayu utara mendominasi peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda khususnya".*	• Penggunaan dialek Melayu utara oleh generasi muda	Peralihan bahasa
KU5:002/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Dialek Melayu utara".*	• Peralihan kepada dialek Melayu Utara	Peralihan bahasa
KU5:002/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Bahasa Banjar diperkenalkan melalui nama-nama makanan,gelaran kekeluargaan mencerminkan usaha masyarakat untuk mengekalkan budaya mereka dan lambang identiti mereka di Bagan Serai".*	• Bahasa Banjar dalam nama makanan tradisi • Penggunaan gelaran kekeluargaan Banjar	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik
KU5:002/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Lama kelamaan masyarakat Banjar akan melupakan asal usul dan budaya mereka.Generasi muda tidak lagi mempunyai keupayaan untuk bertutur dalam bahasa Banjar.Perkara ini adat tradisi dan gaya hidup masyarakat Banjar akan dilupakan.Ia mungkin boleh hilang keseluruhannya.Sayang sekali jika warisan bahasa ini tidak dapat diteruskan kepada generasi yang akan datang"*	• Lenyapnya keupayaan bertutur dalam kalangan generasi muda	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Responden: KU5: 003 (L: 21)

Jadual 4.33 Penetapan tema berdasarkan transkripsi temu bual [Responden: KU5: 003 (L: 21)]

ID Informan/ Domain	Transkripsi	Kod Awal (*Initial Code*)	Tema
KU5:003/ **Keluarga**	*"Walaupun bukan selalu tapi saya sebagai generasi muda ada masa dan waktu yang tertentu dan ini dapat membantu untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan juga memfasihkan lagi bahasa Banjar saya sebagai anak jati bahasa Banjar"*	• Penggunaan bahasa Banjar secara terhad	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU5:003/ **Persahabatan**	*"Di kawasan saya, bila saya bercakap bahasa Banjar kami saling memahami dan ia akan merapatkan ukhwah antara rakan-rakan"*	• Bahasa Banjar sebagai medium pengerat hubungan	Kesedaran masyarakat
KU5:003/ **Pendidikan**	*"Penggunaan bahasa Banjar di sekolah tidak terlalu kerap kerana majoritinya bahasa Melayu dan Dialek Melayu utara. Sekolah Kebangsaan Parit Hj Taib, Sekolah Kebangsaan Parit Hj Aman manjorintinya penduduk bahasa Banjar sering menggunakan bahasa Banjar di dalam sekolah".*	• Dominasi bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Utara	Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar
KU5:003/ **Jual beli**	*"Penggunaan lebih meluas terutama di Warung Wadai kerana penjualnya penutur bahasa Banjar dan apabila kita berkomunikasi dalam bahasa Banjar dia lebih menunjukkan keakraban dan juga akan lebih seronok sekiranya ada rezeki boleh dibelanja oleh penjual kerana generasi muda yang boleh bertutur dalam bahasa Banjar".*	• Warung sebagai ruang pelestarian bahasa	Kesedaran masyarakat
KU5:003/ **Keagamaan**	*"Dalam aktiviti keagamaan di masjid penutur sering menggunakan bahasa Banjar .Tetapi sekiranya ada orang luar atau orang bukan Banjar penutur akan menggunakan bahasa Melayu dan dialek Utara. Jika ceramah agama bahasa Banjar tidak digunakan"*	• Penyesuaian bahasa dalam konteks keagamaan	Akomodasi bahasa

bersambung...

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

...sambungan


KU5:003/ **Pekerjaan**	*"Penutur Banjar sering menggunakan bahasa Banjar contohnya ketika di warung, peniaga, pesawah lebih selesa dan lebih kerap menggunakan bahasa Banjar tetapi sekiranya di pejabat-pejabat seperti pejabat pos akan menggunakan dialek utara".*	• Bahasa Banjar dalam pekerjaan tidak formal	Angkubah bahasa dan pilihan bahasa
KU5:003/ **Pengekalan dan peralihan bahasa antara generasi tua dan muda di Bagan Serai dalam domain yang ditetapkan**	*"Golongan yang lebih tua mengekalkan bahasa Banjar lebih kuat dan masih bertahan berbanding dengan generasi yang muda berlaku peralihan ke arah dialek utara apabila berkomunikasi dengan komuniti setempat".*	• Perubahan bahasa antara generasi	Pengekalan/Peralihan bahasa
KU5:003/ **Bahasa Pengganti Jika Berlaku Peralihan**	*"Dialek Melayu utara"*	• Peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda	Peralihan Bahasa
KU5:003/ **Bahasa Banjar dan Identiti Etnik di Bagan Serai**	*"Apabila orang Banjar ni dia bertemu dengan orang Banjar yang lain atau kulaan ia lebih akan berkomunikasi lebih meluaspenggunaan bahasa Banjar itu yang melambangkan identiti"*	• Penggunaan bahasa Banjar mengukuhkan identiti apabila berinteraksi sesama komuniti etnik	Bahasa Banjar sebagai penanda identiti etnik
KU5:003/ **Jika bahasa Banjar tidak dipelihara**	*"Secara tidak langsung identiti masyarakat Banjar itu akan hilang terutama sekali generasi muda yang masih kurang fasih menggunakan bahasa Banjar dan apabila tidak dipelihara identiti Banjar itu akan hilang kerana bahasa jiwa bangsa.Apabila bahasa hilang bangsa akan hilang jiwanya"*	• Kepupusan bahasa dan kehilangan identiti	Kesedaran masyarakat

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.3.2 Analisis Tematik

Daripada Jadual 4.20 hingga 4.34, secara kumulatif, terdapat sejumlah sepuluh tema yang dapat dirumuskan. Tema-tema ini dapat dipetakan kepada kerangka tiga tingkat seperti yang dilakukan oleh Vallerga dan Zurbriggen (2022) dalam Rajah 4.7 berikut:



Rajah 4.7 Pemetaan secara tematik pilihan bahasa mengikut kerangka tiga tingkat

Sumber: Vallerga & Zurbriggen 2022

a. Pengekalan bahasa (Tema 1) dan peralihan bahasa (Tema 2)

i. Kumpulan umur 61 tahun ke atas

Dalam Kumpulan Umur 1 yang melibatkan tiga orang responden berusia 61 tahun ke atas, data diperoleh daripada KU1:001 (Lelaki, 67 tahun), KU1:002 (Lelaki, 68 tahun), dan KU1:003 (Perempuan, 71 tahun), yang kesemuanya berasal dari kawasan Bagan Serai, Perak. Ketiga-tiga responden merupakan penutur asli bahasa Banjar dan aktif terlibat dalam kegiatan sosial dan keagamaan di komuniti masing-masing.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga masih dikekalkan dalam kalangan responden Kumpulan Umur 1. Mereka menyatakan bahawa mereka sendiri bertutur dalam bahasa Banjar bersama pasangan dan adik-beradik. Dalam domain persahabatan, responden KU1:001, KU1:002 dan KU1:003 menyatakan bahawa mereka masih menggunakan bahasa Banjar bersama rakan sebaya yang juga beretnik Banjar. Namun, apabila bercakap dengan kenalan yang bukan penutur Banjar atau apabila mendengar rakan berbicara dalam bahasa Melayu, mereka akan menyesuaikan penggunaan bahasa. Responden menyatakan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam urusan jual beli, terutama di kawasan kampung dan dalam kalangan komuniti Banjar seperti di warung dan pasar tempatan. Istilah Banjar masih wujud dalam akad jual beli tradisional. Namun, apabila pembeli atau penjual bukan dalam kalangan etnik Banjar, mereka akan menggunakan bahasa Melayu.

Dalam domain keagamaan, semua responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar masih kukuh dalam kalangan jemaah berumur 40 tahun ke atas. Perbualan di masjid dan dalam aktiviti keagamaan seperti kenduri masih menggunakan bahasa Banjar. Dalam konteks pekerjaan, penggunaan bahasa Banjar masih berlaku apabila pekerja dan majikan sama-sama beretnik Banjar, contohnya dalam sektor pertanian dan jualan barangan tempatan. Di tempat kerja yang lebih formal seperti pejabat kerajaan, bahasa Melayu menjadi pilihan utama. Bagi responden yang terlibat dalam bidang perniagaan, mereka menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar bergantung kepada latar pelanggan, iaitu golongan tua lebih cenderung menggunakan Banjar, manakala pelanggan muda lebih selesa berbahasa Melayu.

ii. Kumpulan umur 51 hingga 60 tahun

Kumpulan Umur 2 melibatkan tiga orang responden yang berusia antara 51 hingga 60 tahun, iaitu KU2:001 (Lelaki, 60 tahun), KU2:002 (Lelaki, 57 tahun), dan KU2:003 (Lelaki, 60 tahun). Ketiga-tiga responden merupakan penduduk tetap Bagan Serai, Perak, yang berketurunan Banjar. Mereka aktif dalam kegiatan kemasyarakatan dan masih mengekalkan penggunaan bahasa Banjar dalam pelbagai domain sosial, walaupun penggunaan bahasa ini semakin mencabar dalam konteks generasi muda dan formaliti institusi.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam domain keluarga, penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan kumpulan umur ini menunjukkan pola yang berbeza-beza. KU2:001 menekankan bahawa warga emas masih aktif menggunakan bahasa Banjar dalam kalangan ahli keluarga, manakala KU2:002 menyatakan bahawa faktor perkahwinan campur mengurangkan penggunaan bahasa tersebut, kerana pasangan bukan Banjar kurang fasih berbahasa Banjar. KU2:003 pula menyatakan bahawa anak-anak memahami bahasa Banjar tetapi kurang fasih bertutur, menandakan wujudnya pemahaman pasif dalam kalangan generasi muda. Hal ini mencerminkan peralihan bahasa secara perlahan dalam domain keluarga, dengan warga emas menjadi pemelihara utama. Dalam domain persahabatan, responden masih mengekalkan bahasa Banjar ketika berinteraksi dengan rakan sebaya yang juga berketurunan Banjar. KU2:001 dan KU2:003 mengakui keselesaan menggunakan Banjar apabila berjumpa dengan rakan dari latar etnik yang sama, manakala KU2:002 turut menggunakan Banjar dalam perbualan santai di kedai bersama kenalan Banjar. Namun begitu, interaksi dengan rakan bukan Banjar atau generasi lebih muda cenderung menggunakan bahasa Melayu atau dialek Kedah. Ini menunjukkan bahawa interlokutor memainkan peranan besar dalam penentuan pilihan bahasa dan berlakunya peralihan fungsi bahasa dalam kalangan generasi muda.

Dalam domain pendidikan, semua responden menyatakan bahawa bahasa Banjar tidak digunakan secara rasmi di sekolah. KU2:001 menyebut bahasa ini hanya digunakan sesama pelajar yang sama etnik, manakala KU2:002 dan KU2:003 menegaskan bahawa bahasa Melayu dan dialek Kedah lebih dominan dalam interaksi murid dan guru. Dalam domain jual beli, penggunaan bahasa Banjar masih aktif apabila penjual dan pembeli merupakan etnik Banjar. KU2:001 menyatakan bahawa bahasa Banjar digunakan dalam bentuk percampuran dengan dialek Kedah. Dalam domain keagamaan, semua responden melaporkan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan jemaah yang lebih berusia, sama ada dalam ceramah, perbualan di masjid atau kenduri. KU2:001 menyebut penceramah agama kadangkala menyelitkan bahasa Banjar dalam ceramah mereka, manakala KU2:002 menyatakan bahawa ada juga penggunaan loghat Kedah dalam konteks agama. Dalam domain pekerjaan, KU2:001 menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar masih berlaku apabila pekerja dan majikan merupakan orang Banjar, walaupun dalam konteks rasmi seperti di pejabat kerajaan. KU2:002

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

melaporkan bahawa loghat Kedah dan bahasa Melayu lebih dominan di tempat kerja, kecuali apabila berinteraksi dengan penutur Banjar.

iii. Kumpulan umur 41 hingga 50 tahun

Kumpulan Umur 3 ini melibatkan tiga orang responden berusia antara 41 hingga 50 tahun, iaitu KU3:001 (Lelaki, 48 tahun), KU3:002 (Lelaki, 42 tahun), dan KU3:003 (Lelaki, 42 tahun), yang kesemuanya menetap di kawasan Bagan Serai, Perak dan berasal daripada komuniti Banjar. Ketiga-tiga responden merupakan individu yang masih mengekalkan identiti etnik Banjar, namun menunjukkan tahap penggunaan bahasa Banjar yang lebih rendah berbanding kumpulan umur lebih tua. Mereka memperlihatkan kecenderungan terhadap peralihan bahasa kepada bahasa Melayu dalam pelbagai domain, dengan penggunaan bahasa Banjar yang selektif dan bersifat kontekstual.

Dalam domain keluarga, ketiga-tiga responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar semakin berkurangan. KU3:002 membandingkan penggunaan bahasa Banjar pada tahun 1990-an yang lebih kerap dengan situasi sekarang yang semakin jarang diamalkan antara ibu bapa dan anak-anak. KU3:003 menyatakan bahawa beliau menggunakan bahasa Banjar dengan ibu, tetapi berbahasa campuran dengan isteri dan berbahasa Melayu dengan anak. Hal ini menggambarkan proses peralihan bahasa yang ketara dalam kalangan keluarga generasi ini, iaitu faktor pasangan dan konteks keluarga memainkan peranan penting dalam penurunan penggunaan bahasa Banjar.

Dalam domain persahabatan, responden menyatakan bahawa mereka masih menggunakan bahasa Banjar apabila berinteraksi dengan rakan-rakan yang juga beretnik Banjar. KU3:002 pula membandingkan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan rakan pada era 1990-an dengan masa kini yang semakin berkurangan. KU3:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar digunakan hanya apabila berjumpa dengan rakan yang dikenali sebagai berketurunan Banjar. Ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan sangat bergantung kepada identiti etnik interlokutor dan kesedaran diri terhadap asal usul etnik.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam domain pendidikan, ketiga-tiga responden menunjukkan bahawa bahasa Banjar tidak digunakan secara rasmi di sekolah. KU3:001 menyatakan bahawa bahasa Banjar hanya digunakan semasa program tertentu, manakala selebihnya digantikan dengan bahasa Melayu. KU3:003 pula menyebut bahawa bahasa Melayu menjadi medium utama dalam pendidikan. Perkara ini menegaskan bahawa sistem pendidikan formal tidak memberikan ruang untuk penggunaan bahasa Banjar, justeru mempercepatkan proses peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda.

Dalam domain jual beli, KU3:001 dan KU3:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam konteks tertentu, terutamanya di warung atau dengan pelanggan yang dikenali sebagai orang Banjar. KU3:002 pula menyebut bahawa walaupun bahasa Banjar masih digunakan oleh golongan berusia 40 tahun ke atas, generasi yang lebih muda lebih selesa menggunakan bahasa Melayu atau dialek utara. Pemilihan bahasa dalam urusan jual beli dipengaruhi oleh faktor umur, lokasi, dan latar etnik pembeli dan penjual.

Dalam domain keagamaan, ketiga-tiga responden bersetuju bahawa bahasa Banjar semakin kurang digunakan. KU3:001 menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar hampir pupus dalam konteks keagamaan. KU3:002 menyebut bahawa khutbah di masjid kini disampaikan dalam bahasa Melayu bagi memudahkan kefahaman, memandangkan anak-anak sudah tidak memahami bahasa Banjar. KU3:003 menyatakan bahawa beliau hanya akan berbahasa Banjar dalam konteks keagamaan sekiranya mengenali individu tersebut sebagai penutur Banjar. Ini menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam domain ini sangat pragmatik dan lebih menekankan kepada keberkesanan komunikasi.

Dalam domain pekerjaan, penggunaan bahasa Banjar adalah sangat terhad dan hanya berlaku apabila terdapat interaksi sesama etnik Banjar. KU3:001 menyatakan bahawa bahasa Banjar digunakan mengikut situasi, manakala KU3:002 menyebut bahawa bahasa Melayu digunakan di bank dan klinik kesihatan jika bertemu dengan rakan seetnik. KU3:003 yang menjalankan perniagaan kecil turut menyatakan bahawa beliau akan berbahasa Banjar apabila bertemu pelanggan dari komuniti Banjar sahaja.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iv. Kumpulan umur 31 hingga 40 tahun

Kumpulan Umur 4 ini melibatkan tiga orang responden, iaitu KU4:001 (Lelaki, 35 tahun), KU4:002 (Lelaki, 38 tahun), dan KU4:003 (Perempuan, 35 tahun), yang menetap di Bagan Serai dan merupakan individu berketurunan Banjar. Dalam kumpulan ini, dapatan menunjukkan bahawa proses peralihan bahasa semakin ketara dalam kalangan generasi ini, terutama dalam kalangan ibu bapa yang tidak lagi menuturkan bahasa Banjar kepada anak-anak. Penggunaan bahasa Banjar terhad kepada konteks-konteks tertentu sahaja seperti pergaulan dengan individu seetnik, urusan di kampung, serta situasi yang membolehkan interaksi dalam kalangan komuniti Banjar.

Dalam domain keluarga, KU4:002 mengaku masih menuturkan bahasa Banjar dengan ayah dan saudara-mara seetnik, tetapi mengakui bahawa penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat. KU4:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar hanya digunakan oleh golongan tua seperti nenek dan ayah, manakala beliau sendiri jarang menggunakan bahasa tersebut dengan anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa faktor usia dan sikap ibu bapa memainkan peranan utama dalam kelangsungan bahasa Banjar dalam keluarga.

Dalam domain persahabatan, ketiga-tiga responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar bergantung kepada latar etnik rakan. KU4:001 dan KU4:002 mengaitkan penggunaan bahasa Banjar dengan umur rakan, iaitu rakan berusia 30 tahun ke atas masih menuturkan bahasa Banjar, manakala generasi lebih muda tidak lagi menggunakannya. KU4:003 pula menyatakan bahawa bahasa Banjar hanya digunakan jika rakan juga berketurunan Banjar, dan rakan-rakan bukan Banjar tidak memahami bahasa tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa peranan interlokutor sangat penting dalam menentukan pilihan bahasa dalam persahabatan.

Dalam domain pendidikan, KU4:001 menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan generasinya semakin kurang di sekolah. KU4:002 pula menegaskan bahawa anak-anak tidak memahami bahasa Banjar dan lebih menguasai bahasa Melayu. KU4:003 memberi gambaran bahawa bahasa Banjar masih digunakan di sekolah-sekolah luar bandar seperti SK Parit Haji Aman dan SK Dato' Alaudin yang mempunyai bilangan komuniti Banjar yang ramai, namun penggunaannya terhad di

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sekolah yang berada di pekan Bagan Serai seperti di SMK Bagan Serai. Hal ini menonjolkan peranan lokasi dan kepadatan etnik dalam mempengaruhi penggunaan bahasa di sekolah.

Dalam domain jual beli, ketiga-tiga responden menegaskan bahawa penggunaan bahasa Banjar sangat bergantung kepada latar belakang penjual atau pembeli. Jika pembeli atau penjual dikenali sebagai orang Banjar, maka interaksi berlaku dalam bahasa Banjar. Namun, jika pihak satu lagi tidak beretnik Banjar, maka bahasa Melayu atau dialek Kedah digunakan. Keadaan ini menunjukkan fleksibiliti dalam pilihan bahasa mengikut konteks sosial dan pengenalan etnik pihak lawan tutur. Dalam domain keagamaan, KU4:001 menyatakan bahasa Banjar digunakan dalam interaksi tidak formal di masjid, seperti sebelum dan selepas solat. KU4:002 menyatakan bahawa generasi tua di masjid masih menggunakan bahasa Banjar, namun generasi muda kini lebih cenderung kepada dialek Kedah atau bahasa Melayu standard. KU4:003 menyatakan bahawa kawasan seperti Masjid Tinggi masih menggunakan bahasa Banjar dalam urusan keagamaan, tetapi di kawasan pekan Bagan Serai penggunaannya semakin berkurang. Hal ini menegaskan bahawa faktor lokasi dan umur penutur sangat mempengaruhi vitaliti bahasa Banjar dalam domain keagamaan.

Dalam domain pekerjaan, ketiga-tiga responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar sangat terhad di tempat kerja rasmi seperti pejabat kerajaan, manakala di sektor tidak formal seperti pertanian atau bengkel, bahasa Banjar masih digunakan. KU4:002 menyebut bahawa bahasa Banjar boleh muncul secara spontan dalam emosi marah ketika sedang bekerja di bengkel. KU4:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar digunakan secara aktif dalam kalangan petani, contohnya di Parit Mentara dan Parit Haji Taib, namun sangat jarang digunakan di pejabat kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu standard. Ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam sektor pekerjaan tidak formal dan di kawasan kampung.

v. Kumpulan umur 20 hingga 30 tahun

Kumpulan Umur 5 ini melibatkan tiga orang responden muda, iaitu KU5:001 (Lelaki, 21 tahun), KU5:002 (Perempuan, 21 tahun), dan KU5:003 (Lelaki, 21 tahun) yang merupakan generasi muda keturunan Banjar di Bagan Serai. Secara keseluruhannya,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kumpulan ini menunjukkan pola penggunaan bahasa Banjar yang semakin berkurang dan terhad, terutama dalam domain rasmi dan dalam kalangan rakan sebaya. Bahasa Melayu standard dan dialek Kedah menjadi pilihan utama dalam kebanyakan situasi komunikasi harian, manakala penggunaan bahasa Banjar tertumpu dalam situasi dan lokasi yang spesifik serta melibatkan interaksi sesama etnik Banjar.

Dalam domain keluarga, ketiga-tiga responden mengakui bahawa bahasa Banjar tidak lagi menjadi bahasa utama dalam komunikasi keluarga. KU5:001 menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar hanya masih aktif di kawasan seperti Jalan Banjar, manakala di kawasan lain, bahasa Melayu dan dialek Kedah lebih dominan. KU5:002 menyatakan bahawa hanya golongan berumur sahaja yang masih bertutur dalam bahasa Banjar, manakala generasi muda tidak mempraktikkannya dalam komunikasi kekeluargaan. KU5:003 pula menegaskan bahawa beliau hanya menggunakan bahasa Banjar pada masa dan situasi tertentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa telah berlaku gangguan transmisi antara generasi, dan bahasa Banjar tidak lagi menjadi bahasa komunikasi utama dalam keluarga muda.

Dalam domain persahabatan, responden menyatakan bahawa penggunaan bahasa Banjar sangat terhad. KU5:001 dan KU5:002 menjelaskan bahawa rakan sebaya mereka lebih selesa menggunakan dialek Kedah atau bahasa Melayu standard kerana lebih difahami dan digunakan secara meluas. KU5:003 pula menekankan bahawa pertuturan dalam bahasa Banjar antara rakan yang seetnik mampu merapatkan hubungan sosial, menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih mempunyai nilai simbolik dalam kalangan sesama etnik.

Dalam domain pendidikan, ketiga-tiga responden mengesahkan bahawa bahasa Banjar jarang digunakan dalam konteks persekolahan. KU5:001 dan KU5:002 menyatakan bahawa bahasa Melayu dan dialek Kedah menjadi bahasa pengantar utama, manakala penggunaan bahasa Banjar hampir tidak wujud. KU5:003 menyebut bahawa bahasa Banjar hanya digunakan di sekolah-sekolah tertentu yang terletak di kawasan yang didiami ramai komuniti Banjar seperti SK Parit Haji Taib dan SK Parit Haji Aman. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengekalan bahasa Banjar dalam pendidikan sangat bergantung kepada lokasi dan demografi sekolah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam domain jual beli, KU5:001 dan KU5:002 menegaskan bahawa bahasa Banjar hanya digunakan jika penjual dan pembeli sama-sama beretnik Banjar, manakala bahasa Melayu lebih dominan kerana kehadiran pelanggan pelbagai etnik. KU5:003 memberikan contoh tentang penggunaan bahasa Banjar di warung seperti Warung Wadai, yang menjadi ruang pelestarian bahasa dan simbol keakraban antara komuniti. Dapatan ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih bertahan dalam komuniti setempat dalam sektor jual beli tidak formal, tetapi terhad penggunaannya secara umum.

Dalam domain keagamaan, ketiga-tiga responden menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard lebih banyak digunakan dalam ceramah, khutbah, dan kelas pengajian, terutama kerana keperluan kefahaman khalayak pelbagai etnik. Walau bagaimanapun, KU5:002 dan KU5:003 menyebut bahawa dalam majlis keagamaan kecil seperti tahlil dan kenduri arwah, bahasa Banjar masih digunakan dalam kalangan sesama komuniti. Hal ini menunjukkan adanya perbezaan dalam pilihan bahasa berdasarkan bentuk majlis dan latar khalayak.

Dalam domain pekerjaan, responden menyatakan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam pekerjaan tidak formal seperti pertanian dan bengkel di kampung. KU5:001 dan KU5:002 menyebut bahawa di tempat kerja formal, bahasa Melayu dan dialek Kedah lebih dominan kerana majikan dan rakan sekerja datang daripada pelbagai etnik. KU5:003 menambah bahawa pekerja seperti pesawah dan peniaga kampung masih lebih selesa menggunakan bahasa Banjar. Maka, faktor lokasi, jenis pekerjaan, dan tahap formaliti mempengaruhi pilihan bahasa dalam sektor pekerjaan.

b. Pencampuran kod (Tema 3)

Dalam situasi yang bahasa Banjar semakin kurang digunakan oleh masyarakatnya akibat dominasi bahasa-bahasa lain di sekeliling penutur Banjar, wujud fenomena sosiolinguistik seperti pencampuran kod. Gejala pencampuran kod dalam kalangan mereka berlaku kerana faktor kerterbiasaan menggunakan kod bahasa lain, sebagai kod altenatif untuk bahasa asal kerana kurang kompeten berbahasa, dan didorong oleh faktor pragmatik tertentu.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam hal keterbiasaan menggunakan kod bahasa asing, gejala ini amat lumrah dijumpai dalam ekologi bahasa Banjar di Bagan Serai di mana dialek Melayu Kedah dan Melayu merupakan dua bahasa luar yang dominan. Sebagai contoh, hasil wawancara dengan responden KU2:001 mendapati bahawa kata-kata dialek Melayu Kedah diselitkan ketika bertutur dalam bahasa Banjar. Dominasi kedua-dua variasi Melayu ini dapat ditunjukkan melalui jawapan yang diberikan oleh responden KU2:002 yang mengatakan bahawa loghat Kedah dan bahasa Melayu merupakan dua variasi yang mungkin menggantikan bahasa Banjar. Sesungguhnya, anak-anak muda Banjar yang kini telah kurang kompetensi terhadap bahasa Banjar mengakibatkan mereka tidak mampu membalas komunikasi dengan bahasa asal dan beralih kepada kod bahasa Melayu (KU1:002). Bagi pencampuran kod yang didorong oleh faktor pragmatik, kajian ini mendapati bahawa dalam situasi yang biasanya menggunakan bahasa Melayu, apabila hendak meluahkan emosi, kod bahasa Banjar akan dilafazkan dari mulut penutur (KU4:002).

c. Akomodasi bahasa (Tema 4)

Pada kelazimannya, konsep akomodasi bahasa dilakukan untuk melancarkan proses interaksi dengan pihak lawan bicara yang kurang fasih bahasa tertentu. Sebagai contoh, dalam domain keagamaan, responden KU5:003 memberitahu bahawa bahasa Banjar biasanya digunakan di masjid. Tetapi, sekiranya terdapat orang luar atau orang bukan Banjar, bahasa dalam domain tersebut akan digantikan dengan bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah. Begitu juga dengan domain persahabatan, responden KU1:002 mengaku bahawa bagi memastikan sesuatu komunikasi berjaya, akomodasi ke bahasa Melayu dilakukan olehnya jika terdapat kehadiran penutur bukan Banjar. Keterancaman bahasa juga dapat dicerminkan melalui dimensi akomodasi bahasa. Sebagai contoh, oleh kerana anak-anak muda sekarang kurang memahami bahasa Banjar, maka dalam domain keagamaan, bahasa Melayu digunakan di rumah-rumah ibadat seperti masjid bagi memudahkan pemahaman mereka tentang hal-hal keagamaan (KU3:002). Sesungguhnya, kecenderungan penutur untuk melakukan akomodasi terhadap sesuatu bahasa luar memberi impak negatif iaitu mengurangkan peluang seseorang penutur berbahasa ibundanya. Ini dikenalpasti melalui pengakuan seorang responden warga tua (KU1:003) yang mengatakan bahawa apabila pihak lawan bicara tidak berbahasa Banjar

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(bertukar ke bahasa Melayu; dalam domain persahabatan), maka dia pun menyesuaikan dengan bahasa lawan bicara. Contoh peralihan bahasa yang berlaku ke atas warga tua ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan bahasa Banjar agak goyah sedangkan warga tua selalu bersinonim dengan kelompok yang kuat mempertahankan bahasa ibunda mereka.

d. Sikap terhadap bahasa Banjar (Tema 5)

Bahasa Banjar yang berada di ambang ancaman kehilangan pewaris menonjolkan berbagai sikap terhadap bahasa tersebut. Bagi golongan yang berusia 41 tahun ke atas, mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Banjar, contohnya responden KU2:001 meluahkan perasaan bangga dan selesa untuk berbahasa Banjar apabila berjumpa dengan kawan-kawan daripada orang Banjar. Salah seorang responden, iaitu KU3:001 turut memberitahu bahawa terdapat penutur Banjar yang berasa malu hendak berbahasa Banjar, tetapi dia sendiri mengaku tidak berasa malu untuk berbahasa Banjar kerana sebagai orang Banjar, seseorang itu harus pandai berbahasa Banjar. Daripada hasi temubual, didapati bahawa sikap terhadap bahasa Banjar dalam kalangan penutur yang berusia bawah 40 tahun adalah sebaliknya. Contohnya, responden KU5:001 yang dalam lingkungan usia 20-30 tahun mengatakan bahawa bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah mudah difahami dan senang untuk berkomunikasi berbanding dengan bahasa Banjar yang hanya difahami oleh segelintir masyarakat sahaja.

e. Bahasa Banjar penanda identiti etnik (Tema 6)

Petikan dari hasil wawancara dengan responden KU1:003 iaitu "*Sebab di kawasan Bagan Serai ni ramai penduduk Banjar. Masuk dalam-dalam Tebuk (Kampung di pedalaman) tu kebanyakan orang Banjar tula mereka utamakan cakap Banjar*." (Tafsiran: Walaupun di Bagan Serai ramai penduduk Banjar, namun orang Banjar yang tinggal di kawasan pedalaman atau kawasan di Tebuk lebih mengutamakan bahasa Banjar), jika dikaitkan dengan aspek identiti, dapat ditafsirkan bahawa orang Banjar di kawasan urban mengiktiraf orang Banjar yang tinggal di kawasan pedalaman lebih mengekalkan bahasa Banjar daripada mereka. Daripada frasa ini "...*kebanyakan orang Banjar tula mereka utamakan cakap Banjar*", kita dapat ketahui bahawa walaupun responden sendiri juga merupakan orang Banjar, tetapi apabila dibandingkan,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

responden ini menegaskan orang Banjar di Tebuk lebih menyerlahkan identiti sebagai orang Banjar kerana masih mengutamakan bahasa Banjar. Penegasan ini dapat dikesani melalui penggunaan kata penegas *tula* (iaitu "itulah"). Pada hakikatnya, walaupun orang Banjar di Bagan Serai berdepan dengan krisis identiti kerana kelangsungan bahasa, terdapat individu yang berusaha mengekalkan identiti Banjar. Contoh ini dapat dipastikan melalui temubual dengan responden KU3:001 yang mengatakan bahawa sebagai orang Banjar, dia ingin mengekalkan nama di kedainya dengan nama Banjar (iaitu *Kawitan*). Bahasa Banjar perlu dipelihara kerana jika bahasa ini hilang, maka akan hilanglah identiti Banjar (KU2:001).

f. Keterbatasan penggunaan bahasa Banjar (Tema 7)

Berdasarkan hasil temubual dengan responden, dilaporkan bahawa bahasa Banjar menunjukkan keterbatasan penggunaan dalam berbagai domain. Antara yang paling ketara ialah bahasa Banjar hanya digunakan sesama orang Banjar sahaja (KU2:001; KU4:003; KU5:003) dan tidak digunakan untuk tujuan interaksi interetnik. Dalam domain pendidikan, dilaporkan bahawa bahasa Banjar amat terhad digunakan kerana bahasa Melayu standard merupakan bahasa pengantar sekolah (KU5:002; KU5:003). Bagi golongan muda, bahasa Banjar digunakan dengan agak minimal untuk berkomunikasi sesama rakan-rakan di kawasan Bagan Serai. Mereka biasanya menuturkan dialek Melayu Kedah walaupun dalam kalangan mereka, terdapat penutur yang mengetahui serba sedikit bahasa Banjar (KU5:003). Salah seorang responden KU4:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar digunakan secara aktif dalam kalangan petani, contohnya di Parit Mentara dan Parit Haji Taib, namun sangat jarang digunakan di pejabat kerajaan (menggunakan bahasa Melayu standard). Ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam sektor pekerjaan tidak formal dan di kawasan kampung.

Dari segi lingkungan penggunaan bahasa Banjar, seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 4.3.7, bahasa ini masih dikekalkan di kampung-kampung pedalaman, manakala di kawasan pekan atau bandar, bahasa Melayu lebih kerap digunakan (KU3:001). Di kawasan pekan, memang terdapat lingkungan yang aktif menggunakan bahasa Banjar (terutamanya dalam domain keluarga), namun di luar lingkungan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

tersebut, banyak keluarga Banjar didapati berbahasa Melayu dan menuturkan dialek Melayu Kedah. Ini seperti yang dilaporkan oleh responden KU5:001, iaitu "*di Jalan Banjar, Masjid Tinggi ini penggunaan bahasa Banjar masih lagi digunakan. Tetapi di luar kawasan Jalan Banjar ini kebanyakan keluarga banyak menggunakan bahasa Melayu atau dialek Kedah sebagai bahasa komunikasi*".

g. Angkubah sosial dan pilihan bahasa (Tema 8)

Kesemua senario pilihan bahasa yang dihuraikan dalam tema-tema di atas berkait rapat dengan angkubah-angkubah sosial tertentu. Dari aspek angkubah umur, memang tidak dapat dinafikan bahawa golongan yang berusia cenderung berbahasa Banjar di rumah dan mereka lebih mengekalkan bahasa Banjar jika dibandingkan dengan generasi muda (KU5:003). Bagi golongan muda, terdapat segelintir kecil generasi muda yang masih boleh berbahasa Banjar dengan baik (KU1:001), tetapi hakikatnya ramai anak-anak muda lain didapati kurang fasih berbahasa Banjar. Bagi keluarga yang berkahwin campur, keadaan peralihan bahasa lebih ketara lagi. Sebagai contoh, seorang responden Banjar yang berkahwin dengan wanita dari Kedah, mengaku kurang menggunakan bahasa Banjar di rumah dan dialek Melayu Kedah digunakan bagi melancarkan interaksi antara suami isteri (KU2:002).

Dalam konteks hubungan sosial di luar, penggunaan bahasa Banjar oleh responden dikenalpasti berdasarkan etnisiti lawan bicara. Pada umumnya, mereka akan berbahasa Banjar apabila berjumpa dengan kawan-kawan Banjar (contohnya KU2:002) ataupun dalam domain jual beli, jika identiti pembeli dikenalpasti merupakan orang Banjar, penjual akan berbahasa Banjar dengannya (KU3:001; KU4:003). Namun demikian, pilihan penggunaan bahasa Banjar juga ditentukan berdasarkan asal usul penutur. Jika dua orang penutur berasal dari kampung yang sama, mereka akan menggunakan bahasa Banjar untuk berkomunikasi, manakala apabila berinteraksi dengan orang Banjar dari kampung lain, bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah akan dijadikan medium untuk berinteraksi (dalam domain pendidikan; KU2:003).

Latar belakang sosial juga penting untuk menentukan pilihan bahasa Banjar dan bahasa lain dalam kalangan responden. Contohnya di Warung Wadai dan kedai-kedai kopi yang menjadi tumpuan penduduk Banjar tempatan, responden akan berbahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar dengan penduduk berketurunan Banjar yang berkumpul di situ (KU3:003). Bagi golongan remaja, boleh dikatakan bahawa mereka berbahasa mengikut situasi sosial, misalnya responden (KU4:001) berbahasa Banjar apabila berjumpa dengan orang Banjar, tetapi di tempat kerja, dia menggunakan bahasa Banjar mengikut situasi dan paling kerap berbahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah. Di masjid yang merupakan tempat pertemuan sosial masyarakat keturunan Banjar dan bukan Banjar, pilihan bahasa juga dilakukan mengikut latar belakang lawan bicara, contohnya komuniti Banjar berbahasa Banjar dalam majlis keagamaan yang dijalankan secara kecil-kecilan seperti majlis tahlil, bacaan Yasin ataupun kenduri arwah semasa komunikasi Santai antara mereka (KU5:002).

h. Jurang generasi dalam pilihan bahasa (Tema 9)

Pola-pola peralihan bahasa, iaitu dari bahasa Banjar ke bahasa Melayu tempatan telah mewujudkan jurang generasi dari segi penguasaan bahasa. Dalam hal ini, generasi tua boleh dikatakan masih mengekalkan bahasa Banjar tetapi bahasa ini kurang diwarisi oleh generasi muda, dan semakin muda seseorang penutur, semakin merosot tahap kompetensi bahasa Banjar mereka. Antara faktor utamanya ialah ibu bapa tidak bercakap bahasa Banjar dengan anak-anak mereka (KU4:003) dan bahasa ini kurang dipraktikkan dalam komunikasi kekeluargaan (KU5:002). Ketika komunikasi antara bapa dan emak dengan anak-anak mereka, terdapat kes di mana ibu bapa berbahasa Banjar tetapi anak mereka menyahut dalam bahasa Melayu (KU1:001). Hasil wawancara dengan seorang responden (KU3: 002) mendapati bahawa pada tahun 1990an, bahasa Banjar masih kuat digunakan dalam keluarga Banjar, namun pada masa kini, bahasa Banjar semakin kurang digunakan antara ibu bapa dengan anak. Bagi responden yang sedar kepentingan mewarisi bahasa Banjar, anak-anak mereka pula cuma mengerti bahasa Banjar tetapi amat sukar untuk berkomunikasi dengan orang Banjar (KU1:001).

i. Kesedaran masyarakat (Tema 10)

Fenomena keterancaman bahasa Banjar sesungguhnya disedari oleh masyarakat Banjar di Bagan Serai (KU3:001). Bagi responden (KU1:003) yang mempunyai anak-anak yang kurang fasih berbahasa Banjar, dia berusaha berbahasa Banjar dengan adik-

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

beradiknya dengan alasan nak memerlihara bahasa ibundanya daripada pupus. Atas inisiatif ini responden ini turut berbahasa Banjar dengan kawan-kawan Banjarnya. Jika dikaitkan dengan identiti, responden KU2:001 sedar bahawa kalau bahasa Banjar telah hilang, maka secara langsung identiti Banjar juga turut lenyap (begitu juga dengan pengakuan KU5:003). Justeru itu, beliau masih mengharapkan bahasa Banjar kekal digunakan di kawasan Bagan Serai. Jika tiada lagi penutur bahasa Banjar lagi, orang tidak lagi memahami ayat-ayat, perkataan bahasa Banjar dan akhirnya hanya tinggal nama Banjar sahaja dalam komuniti tersebut (KU3:001). Antara bahasa yang disedari bakal menggantikan bahasa Banjar ialah bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah (KU5:001). Kehilangan bahasa Banjar juga dianggap satu kerugian dari segi warisan Banjar (KU4:002), dan ini secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada warisan tak ketara lain seperti adat tradisi dan amalan hidup akan dilupakan generasi akan datang (KU5:002). Secara umumnya, penduduk Banjar sedar bahawa bahasa ini bakal hilang dan mereka mempunyai hasrat untuk memelihara bahasa tersebut daripada pupus (KU3:003). Antara usaha yang dicadangkan oleh responden-responden ialah seperti cuba mendedahkan bahasa Banjar kepada anak muda (KU4:001) dan menyeru Persatuan Banjar memainkan peranan dalam merevitalisasikan bahasa Banjar (KU4:003). Bagi diri individu pula, terdapat responden (KU5:003) yang berazam untuk meningkatkan penguasaan bahasa Banjar agar selari dengan identiti sebagai anak jati Banjar (KU5:003).

4.4 DATA ANALISIS KANDUNGAN

Penelitian dokumen merangkumi pemerhatian terhadap bahan bertulis dan bercetak yang digunakan dalam komuniti, termasuk surat rasmi, risalah keagamaan, catatan peribadi, buku teks madrasah, serta papan tanda di ruang awam. Dalam konteks Mukim Bagan Serai, dokumen-dokumen ini berperanan sebagai sumber empirikal yang mencerminkan tahap penggunaan bahasa Banjar dalam pelbagai domain kehidupan masyarakat. Papan tanda seperti nama kedai, papan kenyataan masjid, tanda arah, dan paparan umum lain menjadi petunjuk visual terhadap kehadiran dan kedudukan bahasa Banjar dalam ruang linguistik awam.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pemerhatian terhadap penggunaan bahasa pada papan tanda dapat menunjukkan sama ada bahasa Banjar masih dipelihara dalam komunikasi visual masyarakat atau telah digantikan sepenuhnya oleh bahasa Melayu standard atau bahasa lain. Misalnya, penggunaan istilah atau ungkapan dalam bahasa Banjar pada papan tanda kedai atau masjid dapat ditafsir sebagai pengekalan identiti linguistik setempat. Sebaliknya, jika papan tanda hanya memaparkan bahasa Melayu atau dwibahasa Melayu-Inggeris, ini boleh mencerminkan berlakunya peralihan bahasa secara perlahan tetapi signifikan. Oleh itu, analisis terhadap papan tanda di Mukim Bagan Serai dapat memberikan gambaran makro tentang status semasa bahasa Banjar sama ada terus hidup dalam ruang awam atau semakin menyusut penggunaannya. Kajian terhadap dokumen dan papan tanda ini, secara keseluruhan, menyumbang kepada pemahaman menyeluruh mengenai sejauh mana bahasa Banjar diperturunkan dan dipelihara dalam komuniti, serta bentuk-bentuk peralihan yang mungkin sedang berlaku.

4.4.1 Papan Tanda "Warung Wadai"



Rajah 4.8 Papan tanda "Warung Wadai"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI PENGAJIAN MALAYSIA

Jadual 4.34 Analisis kandungan 1

Bil	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam papan tanda awam sebagai bukti pengekalan atau peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "WARUNG WADAI" ● **Arah**: "500m" ● **Teks tulisan Jawi di atas**: "واروڠ واداي" ● **Elemen visual**: Ikon rumah tradisional (mewakili identiti budaya)
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu standard + bahasa Banjar (perkataan "wadai"). ● **Tulisan:** Rumi dan Jawi ● **Fungsi komunikasi:** Tanda arah dan jarak untuk ke Warung Wadai. ● **Domain penggunaan:** Aktiviti jual beli ● **Identiti linguistik:** Bahasa Banjar melalui kata wadai (merujuk kepada kuih tradisional Banjar) ● **Isyarat budaya:** Rumah tradisional (mewakili warisan etnik atau budaya Banjar)
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● **Pengekalan Bahasa Banjar (Simbolik):** Penggunaan kata "wadai" merupakan bukti jelas leksikal Banjar masih digunakan dalam ruang awam. Dalam bahasa Banjar, "wadai" bermaksud kuih atau manisan tradisional, dan kata ini tidak digunakan dalam bahasa Melayu standard, yang lebih lazim menggunakan istilah "kuih". ● **Penggunaan bahasa Melayu Standard (Utama):** "Warung" dan "500m" ialah elemen bahasa Melayu standard. Ini menunjukkan pencampuran dengan bahasa dominan untuk pemahaman umum, terutamanya oleh bukan penutur Banjar. ● **Peranan Tulisan Jawi:** Tulisan Jawi di papan tanda menandakan warisan Islam-Melayu tempatan. Ia tidak eksklusif kepada Banjar, tetapi memperkukuh unsur tradisional dan nilai keagamaan dalam identiti komuniti. ● **Simbol Budaya Visual:** Gambar rumah tradisional melengkapkan komunikasi visual, memberikan konteks etnik dan budaya Banjar secara tidak langsung.
5.	Kesimpulan	● Papan tanda ini menggambarkan pengekalan bahasa Banjar dalam bentuk simbolik dan terpilih melalui

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	penggunaan kata leksikal khas (“wadai”), yang masih dikenali dalam kalangan komuniti. Namun begitu, bahasa Melayu standard mendominasi struktur komunikasi, menunjukkan unsur peralihan bahasa dalam ruang awam untuk tujuan praktikal dan inklusif.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.2 Papan Tanda “Pemborong dan Peruncit Kawitan Enterprise”



Rajah 4.9 Papan tanda “Pemborong dan Peruncit Kawitan Enterprise”

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.35 Analisis kandungan 2

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam papan tanda awam sebagai bukti pengekalan atau peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: “PEMBORONG DAN PERUNCIT” ● “KAWITAN ENTERPRISE” ● “017-537 7982 (FAUZIL)” ● **Logo**: Ramly

bersambung…

…sambungan

3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu standard + bahasa Banjar (perkataan "kawitan") + bahasa Inggeris (Enterprise) ● **Tulisan:** Rumi ● **Fungsi komunikasi:** Komersial **(**memperkenalkan jenis perniagaan). ● **Domain penggunaan:** Pekerjaan ● **Identiti linguistik:** Bahasa Banjar melalui kata kawitan (merujuk kepada ibu dan bapa) ● **Isyarat budaya:** Tiada ikon etnik atau simbol warisan. Simbol "Ramly" melambangkan pemilik kedai ini sebagai pemborong makanan keluaran Syarikat Ramly,iaitu identiti jenama makanan halal tempatan Malaysia yang terkenal, khususnya dalam bidang pemprosesan daging dan produk sejuk beku seperti burger, nugget, sosej, dan sebagainya.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● **Penggunaan bahasa Melayu Standard (Utama):** Frasa seperti **"PEMBORONG DAN PERUNCIT"** serta maklumat sokongan seperti nombor telefon (**"017-5377982 (FAUZIL)"**) ditulis dalam bahasa Melayu standard. Ini menunjukkan kesedaran pengusaha terhadap keperluan komunikasi yang mudah difahami oleh khalayak lebih luas, termasuk masyarakat bukan Banjar dalam konteks komersial bidang perniagaan. ● **Pengekalan Bahasa Banjar (Simbolik):** Penggunaan kata "kawitan" merupakan bukti jelas unsur leksikal Banjar masih digunakan untuk tujuan komersial memperkenalkan sesebuah perniagaan yang pemiliknya berketurunan Banjar. Dalam bahasa Banjar, "kawitan" bermaksud ibu dan bapa, dan kata ini tidak digunakan dalam bahasa Melayu standard, yang lebih lazim menggunakan istilah "ibu bapa". Penggunaan kata ini dalam papan tanda komersial secara simbolik memperlihatkan kebanggaan terhadap warisan budaya dan bahasa nenek moyang. ● **Penggunaan Bahasa Inggeris:** Perkataan "Enterprise" dalam nama perniagaan.Dari sudut sosiolinguistik, campuran ini mencerminkan adaptasi komuniti Banjar terhadap norma ekonomi dan sosial yang lebih luas di Malaysia, iaitu bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa berstatus tinggi dan berprestij. Penggunaan istilah seperti Enterprise, selain menunjukkan status perniagaan tersebut merupakan milikan tunggal individu Banjar, juga menandakan usaha penjenamaan yang lebih moden, dipercayai dapat menarik pelanggan dari pelbagai latar belakang bahasa dan budaya. Hal ini selari dengan pandangan Fishman (2000), yang menyatakan bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi tetapi juga penanda status sosial dan ekonomi.Peralihan ini mencerminkan

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

		proses glokalisasi, iaitu gabungan unsur tempatan (bahasa Banjar) dan global (bahasa Inggeris) yang berlaku dalam ruang keusahawanan komuniti Banjar. Ia memperlihatkan identiti etnolinguistik masih dikekalkan melalui unsur seperti kawitan, namun pada masa yang sama dibingkaikan semula dalam wacana profesional melalui penggunaan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bukan sahaja perubahan linguistik, tetapi juga anjakan nilai dan penyesuaian terhadap realiti komersial moden.
5.	Kesimpulan	● Analisis papan tanda "Kawitan Enterprise" di Mukim Bagan Serai menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih dikekalkan dalam bentuk simbolik melalui penggunaan kata "kawitan", sekali gus mencerminkan identiti etnolinguistik pemilik berketurunan Banjar. Namun, kehadiran bahasa Melayu standard sebagai medium utama serta penggunaan istilah Inggeris "Enterprise" menunjukkan wujudnya peralihan bahasa secara strategik untuk memenuhi keperluan komunikasi, status dan pasaran dalam konteks komersial moden. Fenomena ini mencerminkan gabungan antara pengekalan identiti budaya dan adaptasi terhadap norma ekonomi nasional, menandakan berlakunya proses glokalisasi dalam landskap linguistik komuniti Banjar.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.3 Gegantung "Banjar Motor"



Rajah 4.10 Gegantung "Banjar Motor"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.36 Analisis kandungan 3

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam gegantung dalam domain pekerjaan sebagai bukti pengekalan atau peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "BANJAR MOTOR" ● Pusat Servis Kenderaan
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu standard + bahasa Banjar (perkataan "Banjar") ● **Tulisan:** Rumi ● **Fungsi komunikasi:** Menyampaikan maklumat tentang jenis perniagaan (bengkel membaiki kenderaan) dan identiti pemilik atau komuniti. ● **Domain penggunaan:** Pekerjaan ● **Identiti linguistik:** Menonjolkan jati diri etnik melalui pemilihan perkataan "Banjar". ● **Isyarat budaya:** Tiada ikon khas atau elemen budaya visual yang secara langsung melambangkan budaya Banjar
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● **Penggunaan bahasa Melayu Standard (Utama):** Penggunaan frasa seperti "Pusat Servis Kenderaan" menunjukkan kesedaran terhadap komunikasi universal yang boleh difahami oleh khalayak lebih luas. Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar utama dalam domain pekerjaan. ● **Pengekalan Bahasa Banjar (Simbolik):** Penggunaan kata "Banjar" secara eksplisit dalam nama perniagaan menunjukkan wujudnya pengekalan identiti etnolinguistik walaupun tiada penggunaan bahasa Banjar dari segi struktur ayat atau leksikal penuh. Ini menunjukkan bahawa elemen etnik masih dihargai sebagai penanda sosial dalam ruang komersial.
5.	Kesimpulan	● Gegantung "Banjar Motor" menunjukkan bahawa identiti etnik Banjar dikekalkan dalam ruang perniagaan melalui penggunaan nama etnik secara simbolik. Walaupun bahasa Banjar tidak digunakan secara penuh, kehadirannya mencerminkan rasa bangga terhadap warisan budaya. Dalam masa yang sama, penggunaan bahasa Melayu standard menandakan penyesuaian linguistik untuk kefahaman umum, mencerminkan keseimbangan antara pengekalan identiti dan keperluan komunikasi komersial moden.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.4.4 Papan tanda "Hotel Kulaan Inn"



Rajah 4.11 Papan tanda "Hotel Kulaan Inn"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.37 Analisis kandungan 4

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam papan tanda perniagaan dalam domain pekerjaan sebagai bukti pengekalan atau peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Hotel Kulaan Inn" (bahagian atas bangunan) ● Tulisan Jawi/Arab di atas "Hotel & Café" (بسم الله الرحمن الرحيم) ● "Hotel & Café" (papan utama tengah) ● "BEST MUSLIM FRIENDLY ACCOMMODATION" (slogan) ● Papan sisi bertulis "HOTEL" dengan nombor telefon
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu standard + bahasa Banjar (perkataan "Banjar") + bahasa Inggeris + Bahasa Arab

bersambung…

…sambungan

		● **Tulisan:** Rumi + tulisan jawi ● **Fungsi komunikasi:** Menyampaikan maklumat tentang jenis perniagaan (perhotelan) dan identiti pemilik atau komuniti. ● **Domain penggunaan:** Pekerjaan ● **Identiti linguistik:** Menonjolkan jati diri etnik melalui pemilihan perkataan "Banjar". ● **Isyarat budaya:** Tiada ikon khas atau elemen budaya visual yang secara langsung melambangkan budaya Banjar
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● "Kulaan" digunakan sebagai usaha pengekalan identiti etnik Banjar. Kata ini membawa makna 'saudara/kawan karib' yang menanam unsur keakraban dan kesetiaan pelanggan, serta mengekalkan warisan budaya. ● Penggunaan bahasa Inggeris seperti "Inn", "Hotel", dan "Café" menunjukkan penyesuaian kepada pengunjung bukan tempatan serta membina imej profesional. ● Frasa "BEST MUSLIM FRIENDLY ACCOMMODATION" juga dalam bahasa Inggeris memperlihatkan pendekatan pemasaran inklusif yang menekankan nilai Islamik dalam pelayanan hospitaliti, selaras dengan trend pelancongan halal di Malaysia. ● Tulisan Arab (بسم الله الرحمن الرحيم) juga digunakan untuk menarik pelanggan Muslim tempatan dan antarabangsa serta sebagai perlambangan identiti Islam. ● Gabungan bahasa menunjukkan satu bentuk penjenamaan berlapis, iaitu etnik, agama dan global.
5.	Kesimpulan	● Papan tanda "Hotel Kulaan Inn" memperlihatkan wujudnya pengekalan dan peralihan bahasa secara serentak dalam kalangan komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai. Penggunaan istilah Banjar seperti kulaan, yang membawa makna saudara atau sahabat akrab, menunjukkan unsur pengekalan identiti etnolinguistik Banjar secara simbolik. Ini mencerminkan rasa kekitaan dan penghargaan terhadap warisan budaya nenek moyang yang masih dijadikan elemen dalam penjenamaan perniagaan. ● Namun demikian, fungsi komunikasi utama dalam papan tanda ini didominasi oleh bahasa Inggeris dan bahasa Melayu standard seperti dalam frasa "Hotel & Café" dan slogan "Best Muslim Friendly Accommodation", yang memperlihatkan anjakan kepada penggunaan bahasa berprestij dan berjangkauan luas untuk tujuan profesionalisme dan menarik pelanggan pelbagai latar. Tambahan pula elemen tulisan Arab seperti (بسم الله الرحمن الرحيم) memperkukuh identiti keagamaan dalam strategi pemasaran, khususnya untuk pasaran pelancongan Muslim. Secara keseluruhan, papan tanda ini

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	menunjukkan berlakunya peralihan fungsi bahasa Banjar kepada peranan simbolik, manakala, penggunaan praktikal disandarkan pada bahasa dominan seperti Melayu standard, Inggeris, dan Arab. Fenomena ini mencerminkan penyesuaian komuniti Banjar terhadap tuntutan ekonomi semasa, sambil tetap mengekalkan elemen warisan melalui strategi penjenamaan hibrid, iaitu yang menggabungkan identiti etnik, nilai keagamaan, dan norma global.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.5 Gegantung "Warung Kari Ikan Sembilang B40"



Rajah 4.12 Gegantung "Warung Kari Ikan Sembilang B40"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.38 Analisis kandungan 5

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam gegantung kedai makan dalam domain pekerjaan sebagai bukti pengekalan atau peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● Teks utama: "Kari Ikan Sembilang B40" ● Frasa kecil: Bubuhan Banjar "Kulaan Nireng Napa Takuriheng" (tulisan Banjar) ● Paparan menu: jenis lauk seperti "Kari Ikan Pari", "Kari Ikan Merah", "Kari Ikan Sembilang", dsb. ● Imej visual: Gambar ikan sembilang (elemen penguat konteks)
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan**: Bahasa Melayu standard + bahasa Banjar ● **Tulisan**: Rumi ● **Fungsi komunikasi**: Promosi jualan untuk sarapan dan makan Tengah hari & peneguhan identiti etnik ● **Domain penggunaan**: Pekerjaan & Jual beli (makanan & perniagaan kecil) ● **Identiti linguistik**: Jelas menonjolkan elemen bahasa Banjar secara eksplisit dalam slogan ● **Isyarat budaya**: Pilihan makanan tradisional tempatan (ikan sembilang) berkait rapat dengan cita rasa tempatan
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Ungkapan Banjar "Kulaan nireng napa takuriheng" secara langsung mengekalkan bahasa Banjar dalam bentuk tulisan awam yang boleh dibaca oleh khalayak, khususnya ahli komuniti yang memahami bahasa itu. Ini merupakan bukti nyata bahawa bahasa Banjar tidak hanya dipelihara secara simbolik tetapi juga secara praktikal walaupun dalam bentuk terhad (slogan). ● Ungkapan Banjar "Kulaan nireng napa takuriheng" membawa maksud bahawa jika seseorang tersenyum apabila mendengar ungkapan itu, maka dia berkemungkinan besar adalah sebahagian daripada komuniti Banjar dan memahami budaya Banjar .Hal ini demikian kerana individu yang mengenali makna sebenar akan memberi reaksi seperti itu. Ungkapan ini difahami sebagai isyarat persaudaraan atau pengenalan identiti sesama orang Banjar dan telah dicipta secara tidak formal oleh sekumpulan sahabat sekitar tahun 1996 di Danau Kota, Setapak di bawah bekas Presiden Persatuan Banjar Malaysia Allahyarham Ir. Sabaran bin Alas. ● Penggunaan bahasa Melayu standard dalam teks seperti "Kari Ikan Sembilang" dan menu makanan lain menunjukkan peralihan fungsi dalam konteks komunikasi meluas. Ia bertujuan memastikan khalayak umum (termasuk bukan Banjar) dapat memahami perkhidmatan yang ditawarkan.

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	● Elemen 'B40' pula mencerminkan pendekatan inklusif terhadap pengguna berpendapatan rendah, menandakan bahawa makanan yang dijual adalah berpatutan dan sesuai dengan kemampuan golongan ini, sekaligus membawa mesej sosial bahawa strategi perniagaan turut mengambil kira keperluan ekonomi kelompok B40.
5. Kesimpulan	● Gegantung ini menunjukkan kesinambungan bahasa Banjar dalam domain pekerjaan (perniagaan). Penulisan slogan dalam bahasa Banjar menandakan pengekalan identiti etnik yang masih aktif dalam ruang sosial awam. ● Namun, dari aspek komunikasi luas, bahasa Melayu standard tetap menjadi medium utama. Maka, pengekalan identiti dan peralihan fungsi, iaitu satu bentuk adaptasi hibrid yang membolehkan etnik Banjar kekal relevan dalam domain pekerjaan dan jual beli di Bagan Serai.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.6 Papan Tanda di Kantin Sekolah



Rajah 4.13 Papan tanda di kantin sekolah

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.39 Analisis kandungan 6

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam papan tanda dalam domain pendidikan, iaitu di sekolah dalam konteks tidak formal, iaitu ketika para guru sedang makan di kantin sekolah.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Kafe Ayuhak Berami-Rami" ● **Teks sampingan**: SK Dato Mas'ud, Jalan Banjar
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan**: Bahasa Banjar dan bahasa Melayu ● **Tulisan**: Rumi ● **Fungsi komunikasi**: Promosi jualan untuk sarapan dan makan tengah hari dan peneguhan identiti etnik oleh pihak sekolah dan pengusaha kantin ● **Domain penggunaan**: Pekerjaan, Jual beli & Pendidikan ● **Identiti linguistik**: Jelas menonjolkan elemen bahasa Banjar secara eksplisit dalam slogan ● **Isyarat budaya**: Terdapat peralatan yang digunakan oleh masyarakat Banjar di Bagan Serai dipamerkan di ruangan kantin guru dengan menggunakan istilan banjar. Contohnya "bubu" dan "Serkap" iaitu alat menangkap ikan.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Kehadiran teks "Kafe Ayuhak Berami-Rami" di ruang kantin guru di SK Dato Mas'ud, Jalan Banjar memperlihatkan kewujudan penggunaan bahasa Banjar dalam ruang pendidikan secara tidak formal. Meskipun papan tanda ini tidak digunakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran rasmi, ia membawa nilai simbolik yang tinggi terhadap pelestarian identiti etnik dalam kalangan warga sekolah. Frasa "Ayuhak Berami-Rami" yang bermaksud 'Marilah Bergembira' dalam bahasa Banjar mengandungi unsur seruan yang mesra dan inklusif, mencerminkan nilai kemasyarakatan dan keakraban dalam kalangan komuniti Banjar. ● Penggunaan bahasa Banjar dalam tulisan Rumi menjadikan mesej tersebut lebih mudah difahami oleh komuniti setempat, termasuk warga sekolah yang bukan penutur jati bahasa Banjar. Penyesuaian ini menzahirkan strategi pengekalan identiti sambil memastikan komunikasi efektif dengan khalayak yang lebih luas. ● Dari segi fungsi komunikatif, papan tanda ini menjalankan dua peranan utama: pertama, sebagai alat promosi jualan makanan di kantin, dan kedua, sebagai bentuk peneguhan identiti etnik. Peneguhan ini diperkuatkan melalui penggunaan kosa kata Banjar serta unsur budaya tempatan, menjadikan

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	● ruang makan guru bukan sahaja tempat menjamu selera, tetapi juga sebagai ruang simbolik bagi penerusan warisan bahasa dan budaya. ● Tambahan pula, penggunaan istilah seperti bubu dan serkap, iaitu alat menangkap ikan yang sinonim dengan budaya masyarakat Banjar di Bagan Serai, meluaskan lagi isyarat budaya yang disampaikan dalam ruang tersebut. Alat-alat ini dipamerkan bersama istilah dalam bahasa Banjar, yang sekaligus menjadi satu bentuk pendidikan tidak formal yang memperkenalkan semula unsur budaya tradisi kepada generasi muda dan warga sekolah secara umum. ● Secara keseluruhan, penggunaan bahasa Banjar dalam papan tanda ini memperkukuh identiti linguistik komuniti Banjar dalam ruang pendidikan. Ia juga menunjukkan bahawa walaupun domain pendidikan secara formal cenderung menggunakan bahasa Melayu standard, ruang tidak formal seperti kantin masih menyediakan peluang untuk pelestarian bahasa etnik. Dalam konteks ini, papan tanda bukan sekadar alat maklumat tetapi juga menjadi wadah pernyataan identiti dan simbol penghargaan terhadap warisan budaya tempatan.
5. Kesimpulan	● Secara keseluruhan, penggunaan bahasa Banjar dalam papan tanda “Kafe Ayuhak Berami-Rami” di ruang kantin guru SK Dato Mas'ud membuktikan bahawa bahasa etnik masih wujud dan berfungsi dalam domain pendidikan secara tidak formal. Kehadiran elemen linguistik dan budaya Banjar, termasuk istilah tradisional dan alat kebudayaan seperti bubu dan serkap, menggambarkan usaha tersirat dalam mengekalkan dan mengangkat identiti etnik di ruang sekolah. ● Walaupun bukan digunakan dalam konteks rasmi pengajaran, penggunaan ini memberikan impak sosiolinguistik yang besar kerana ia membina kesedaran budaya, memperkukuh jati diri komuniti dan mencerminkan keharmonian pelbagai bahasa dalam ekosistem pendidikan. Hal ini sekaligus memperlihatkan bahawa ruang-ruang tidak formal seperti kantin sekolah berpotensi menjadi medium penting dalam pelestarian bahasa warisan dalam kalangan masyarakat tempatan, khususnya masyarakat Banjar di Bagan Serai, Perak.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.4.7 Papan Tanda Peribahasa Banjar di SK Dato Mas'ud, Bagan Serai



Rajah 4.14 Papan tanda peribahasa Banjar di SK Dato Mas'ud, Bagan Serai

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.40 Analisis kandungan 7

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1	Penetapan objektif	● Meneliti fungsi papan tanda peribahasa Banjar di sekolah sebagai medium pendidikan dan pelestarian bahasa Banjar.
2	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● Teks utama: "Peribahasa Kaum Banjar", "Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), peribahasa merupakan ayat atau kelompok kata …". ● Contoh peribahasa: "Akal diakali wan pikir dipikirakan (segala masalah akan selesai bila menggunakan akal fikiran)", "Asa dikarukut bidawang 40 ikung" (Tidak terkira sakitnya), Badiri tahantuk baduduk tahantak"(Serba salah, sukar membuat Keputusan kerana kedua-duanya punya risiko)..

bersambung…

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS MALAYSIA

…sambungan

3	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Campuran bahasa Banjar (untuk peribahasa) dan bahasa Melayu (untuk maksud/terjemahan). ● **Tulisan:** Rumi sepenuhnya. ● **Fungsi komunikasi:** Pendidikan (mengenalkan peribahasa Banjar kepada murid), pelestarian budaya (memelihara peribahasa Banjar), serta penghubung identiti (menyampaikan nilai hidup tradisi Banjar). ● **Domain penggunaan:** Pendidikan ● **Identiti linguistik:** Bahasa Banjar digunakan sebagai warisan untuk memperlihatkan kekayaan budaya, manakala bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar agar maksud mudah difahami oleh murid dan masyarakat umum. ● **Isyarat budaya:** Peribahasa mengandungi nilai moral, budi pekerti, dan panduan hidup masyarakat Banjar, contohnya nasihat berhati-hati, pentingnya kerjasama, dan keberanian memikul tanggungjawab.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Papan tanda ini memperlihatkan usaha sistematik untuk mengekalkan bahasa Banjar dalam ruang pendidikan formal. Walaupun bahasa Melayu mendominasi sebagai bahasa pengantar, bahasa Banjar dipelihara melalui bentuk peribahasa. ● Strategi meletakkan peribahasa Banjar bersama maksud dalam bahasa Melayu menjadikan ia alat pendidikan dwibahasa yang berfungsi mendidik generasi muda tentang warisan etnik sambil memastikan mesej tetap difahami. ● Kehadiran papan tanda ini di sekolah menandakan pengiktirafan rasmi terhadap bahasa Banjar sebagai sebahagian daripada identiti komuniti tempatan, dan sekali gus mendukung usaha pelestarian bahasa minoriti melalui institusi pendidikan. ● Frasa “Maangkat Batang Tarandam” yang ditonjolkan di bahagian bawah membawa mesej simbolik tentang usaha membangkitkan kembali sesuatu yang hampir hilang, seakan selari dengan misi menghidupkan semula warisan bahasa Banjar dalam kalangan generasi muda bermula di peringkat sekolah rendah.
5.	Kesimpulan	● Papan tanda “Peribahasa Kaum Banjar” di SK Dato’ Mas’ud memperlihatkan bahasa Banjar dikekalkan dalam bentuk warisan peribahasa, manakala bahasa Melayu digunakan sebagai penghubung makna agar mudah difahami. ● Hal ini menunjukkan pola pengekalan bahasa Banjar pada tahap budaya dan pendidikan, dengan sokongan bahasa Melayu sebagai medium rasmi. ● Secara keseluruhannya, papan tanda ini berfungsi sebagai alat pelestarian identiti dan warisan Banjar dalam ruang pendidikan formal, memastikan nilai dan kebijaksanaan tradisi disampaikan kepada generasi baharu.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.4.8 Lencana Butang (*Button Badge*) "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin"



Rajah 4.15 Lencana butang (*button badge*) "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 4.41 Analisis kandungan 8

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam penggunaan lencana butang (Button badge) dalam domain persahabatan ketika Majlis Aruh Ganal.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin"
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan**: Bahasa Banjar ● **Tulisan**: Rumi ● **Fungsi komunikasi**: Sebagai lambang solidariti etnik dan pernyataan identiti dalam kalangan peserta majlis Aruh Ganal. Lencana berfungsi sebagai simbol

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

		sokongan, kebanggaan, dan penyatuan komuniti Banjar dalam suasana persahabatan. ● **Domain penggunaan**: Persahabatan dan kekeluargaan dalam konteks kenduri besar (Aruh Ganal) – menekankan pertemuan sosial antara anak, cucu, cicit dan generasi waris Andin Tasin. ● **Identiti linguistik**: Penggunaan istilah seperti Bubuhan (komuniti/keluarga) dan Aruh Ganal (kenduri besar) serta nama tokoh waris Andin Tasin memperkukuh identiti Banjar melalui warisan keturunan dan bahasa. ● **Isyarat budaya**: Menyentuh sejarah keturunan Banjar (Raja → Gusti → Andin) yang memelihara struktur sosial dan nilai adat dalam komuniti, serta penggunaan acara adat untuk mengekalkan jalinan hubungan antara generasi.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Lencana butang yang memaparkan frasa "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin" bukan sekadar item hiasan, tetapi merupakan representasi identiti dan warisan budaya dalam kalangan masyarakat Banjar yang berasal daripada keturunan Andin Tasin. Dalam konteks ini, "Andin" merujuk kepada salah satu gelaran dalam struktur keturunan Raja Banjar (Raja → Gusti → Andin), manakala "Tasin" ialah nama individu yang menjadi rujukan salasilah keluarga. ● Penggunaan nama Andin Tasin secara eksplisit dalam lencana memperlihatkan bahawa acara Aruh Ganal bukan hanya majlis pertemuan biasa, tetapi berfungsi sebagai satu bentuk kenduri besar waris keturunan, yang menghimpunkan anak, cucu, cicit dan generasi penerus bagi tujuan penyatuan dan pengukuhan silaturahim. ● Dari aspek linguistik dan sosiobudaya, frasa ini memaparkan identiti etnik dan kekeluargaan secara holistik – menyatukan bahasa, sejarah, dan nilai kekitaan. Penggunaan tulisan Rumi menjadikan mesej mudah dibaca dan diterima oleh komuniti pelbagai usia, tetapi tetap mengekalkan keaslian makna dalam bahasa Banjar. Dalam domain persahabatan dan kekeluargaan, penggunaan lencana ini menjadi alat pengenalan, tanda kebersamaan, dan ekspresi kebanggaan terhadap susur galur warisan Banjar.Lebih penting lagi, ia berfungsi sebagai penanda budaya yang memperkukuh jati diri kolektif, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang mungkin sudah jauh daripada akar budaya. Melalui pertemuan seperti ini, bahasa Banjar dihidupkan semula secara simbolik dan sosial, bukan hanya dalam pertuturan tetapi juga dalam bentuk visual seperti lencana.
5.	Kesimpulan	● Penggunaan lencana butang yang tertulis "Bubuhan Aruh Ganal Andin Tasin" semasa majlis Aruh Ganal membawa makna yang lebih daripada sekadar aksesori

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	majlis. Ia merupakan simbol identiti warisan yang menghubungkan generasi keturunan Andin Tasin, salah seorang tokoh dalam susur galur keturunan raja Banjar. Dalam domain persahabatan dan kekeluargaan, lencana ini berperanan memperkuat hubungan sosial dan memperteguh warisan budaya serta jati diri etnik Banjar secara menyeluruh.
	● Kehadiran bahasa Banjar dalam konteks visual ini membuktikan bahawa warisan bahasa boleh dipelihara dan dinyatakan melalui pelbagai medium termasuk pertemuan adat dan lambang visual seperti lencana. Secara tidak langsung, ia menyumbang kepada usaha pelestarian bahasa dan budaya etnik dalam suasana yang inklusif, mesra, dan penuh penghormatan terhadap sejarah komuniti.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.9 Kad Jemputan Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"



Rajah 4.16 Kad jemputan Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.42 Analisis kandungan 9

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam penggunaan kad jemputan Majlis Aruh Ganal sebagai medium penyatuan sosial dalam domain persahabatan dan kekeluargaan.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Aruh Ganal" ● **Teks tambahan**: "Bubuhan Andin Tasin" ● **Maklumat acara**: "Kali Pertama/2022, Hari Raya Haji ke-2, 17 Zulhijjah 1443H" ● **Visual**: Imej Kaabah, masjid, kaligrafi Allah, gambar tokoh masyarakat Banjar.
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Banjar + Bahasa Melayu + Bahasa Arab ● **Tulisan:** Rumi (mudah diakses oleh semua generasi dan lapisan masyarakat) & Tulisan Jawi "الأضحى عيد" untuk menandakan perayaan Hari Raya Aidiladha. ● **Fungsi komunikasi:** Kad jemputan berfungsi sebagai lambang solidariti etnik, medium penyatuan persahabatan dan kekeluargaan serta pernyataan identiti Banjar. ● **Domain penggunaan:** Persahabatan dan kekeluargaan – majlis Aruh Ganal sebagai pertemuan besar anak, cucu, cicit dan waris keturunan Andin Tasin. ● **Identiti linguistik:** Penggunaan istilah Bubuhan (komuniti/keluarga) dan Aruh Ganal (kenduri besar) menegaskan kesinambungan warisan Banjar. Nama Andin Tasin menghubungkan acara dengan salasilah keturunan Banjar. ● **Isyarat budaya:** Gandingan adat (Aruh Ganal) dengan simbol Islam (Kaabah, masjid, kaligrafi) melambangkan keseimbangan budaya Banjar dengan agama. Struktur gelaran keturunan Banjar (Raja → Gusti → Andin) dipelihara sebagai identiti sosial yang diwarisi.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Kad jemputan Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin" bukan sekadar kad jemputan, tetapi mengandungi nilai simbolik. Frasa "Bubuhan Andin Tasin" menunjukkan bahawa acara ini adalah khusus untuk menghimpunkan waris keturunan Andin Tasin, sekali gus memperkukuh jaringan sosial dan silaturahim. ● Elemen visual seperti imej Kaabah dan masjid menunjukkan bahawa Aruh Ganal tidak hanya bersifat adat Banjar, tetapi juga mendapat legitimasi daripada nilai Islam, menjadikan ia acara keagamaan dan budaya serentak. ● Penggunaan bahasa Banjar (Aruh Ganal, Bubuhan) bersama bahasa Melayu dan Arab memperlihatkan identiti linguistik yang majmuk, tetapi tetap mengutamakan warisan etnik.

bersambung…


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	● Dari aspek sosial, kad jemputan ini berperanan sebagai ● medium pengenalan identiti kolektif. Kehadiran tokoh masyarakat pada kad menekankan kepimpinan tradisi dan menjadi teladan bagi generasi muda. ● Secara linguistik dan budaya, kad ini menunjukkan bagaimana bahasa Banjar dipelihara dalam bentuk simbolik dan visual, meskipun sebahagian generasi muda mungkin tidak lagi fasih. Kehadirannya menghidupkan kembali warisan melalui ruang sosial dan persahabatan.
5. Kesimpulan	● Kad jemputan Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin" membawa makna lebih daripada sekadar pemberitahuan acara. Ia menjadi simbol identiti warisan, penyatu generasi keturunan Andin Tasin, serta meneguhkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan dalam komuniti Banjar. ● Kehadiran bahasa Banjar bersama Melayu dan Arab dalam kad ini membuktikan bahawa bahasa etnik boleh dipelihara bukan sahaja melalui pertuturan, tetapi juga melalui teks dan visual. ● Secara keseluruhannya, kad jemputan ini berperanan memperkukuh warisan budaya Banjar, memperteguh jati diri etnik, serta menjadi alat pelestarian bahasa dalam konteks majlis adat dan keagamaan.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.10 Buku Program Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"



ARUH GANAL
BUBUHAN "Andin Tasin"
KALI PERTAMA / 2022
HARI RAYA HAJI KE-2 / 11 ZULHIJJAH 1443 HIJRAH

1.0 PENGENALAN

Hari Keluarga @ ARUH GANAL BUBUHAN 'ANDIN TASIN' yang diadakan ini adalah merupakan satu aktiviti kekeluargaan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama ahli keluarga serta kaum karabat. Institusi keluarga adalah saluran asas dalam pembentukan sikap, nilai murni, dan integriti seseorang individu, dalam melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan dinamik.

Penganjuran Hari Keluarga ini juga merupakan satu kerangka atau wadah untuk untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua ahli keluarga. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa Hari Keluarga ini adalah dirancang bagi menghasilkan satu platform semangat mahabbah antara adik beradik dan sesama keluarga besar **BUBUHAN ANDIN TASIN.**

ARUH GANAL 2022 Page 1

Rajah 4.17 Buku program Majlis Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.43 Analisis kandungan 10

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Menilai kehadiran dan fungsi bahasa Banjar dalam buku Program Majlis Aruh Ganal sebagai medium penyatuan sosial dalam domain persahabatan dan kekeluargaan.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "ARUH GANAL BUBUHAN 'Andin Tasin'' ● **Teks sampingan**: "Hari Raya Haji ke-2 / 11 Zulhijjah 1443 Hijrah" ● **Frasa penting**: "Hari Keluarga @ Aruh Ganal", "Bubuhan Andin Tasin" ● **Kata kunci nilai**: "silaturrahim", "kerjasama", "mahabah", "institusi keluarga"
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Banjar (Aruh Ganal, Bubuhan), Bahasa Melayu (naratif pengenalan), Bahasa Arab (silaturrahim, mahabah). ● **Tulisan:**Rumi. ● **Fungsi komunikasi:** Teks berfungsi sebagai pengenalan rasmi, menjelaskan tujuan acara untuk mengukuhkan silaturahim, membina kerjasama, dan memperkuat ikatan waris keturunan Andin Tasin. ● **Domain penggunaan:** Domain kekeluargaandan persahabatan (hari keluarga besar) yang bertepatan dengan Hari Raya Haji/Aidiladha sebagai latar agama. ● **Identiti linguistik:** Istilah Banjar (Aruh Ganal, Bubuhan) mengangkat nilai etnik, istilah Arab-Islam (silaturrahim, mahabah) mengangkat nilai agama, manakala bahasa Melayu ditulis dalam inti teks sebagai medium rasmi. ● **Isyarat budaya:** Menyentuh struktur sosial Banjar berasaskan keluarga besar (Bubuhan), serta nilai adat yang berintegrasi dengan agama.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Bahagian pengenalan dalam buku program ini menegaskan bahawa Aruh Ganal ialah bentuk kenduri besar yang kini diposisikan sebagai Hari Keluarga. Dengan menambah "Hari Raya Haji" sebagai kerangka masa, ia memperlihatkan hubungan erat antara adat Banjar dengan Islam. ● Istilah Bubuhan Andin Tasin merujuk kepada jaringan kekeluargaan berdasarkan salasilah keturunan. Ia menjadi penanda identiti etnik, sekaligus membezakan komuniti ini daripada kelompok lain. ● Penggunaan bahasa Banjar (Aruh Ganal, Bubuhan), bahasa Melayu (dominan dalam teks di bahagian pengenalan), dan bahasa Arab (silaturrahim, mahabah) menunjukkan kepelbagaian linguistik yang berfungsi memperkukuh solidariti dan memberi nilai sakral pada acara.

bersambung…


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	● Dari aspek sosial, teks ini menampilkan Aruh Ganal bukan sahaja sebagai aktiviti adat, tetapi juga sebagai platform menyemai kasih sayang (*mahabah*) dan kerjasama antara generasi. Hal ini memperlihatkan usaha melestarikan bahasa dan adat Banjar melalui integrasi dengan agama.
5. Kesimpulan	● Teks pengenalan Aruh Ganal "Bubuhan Andin Tasin" memperlihatkan kesinambungan adat Banjar yang dihidupkan dalam kerangka Islam (Aidiladha) dan diperkukuh melalui bahasa Melayu sebagai medium utama komunikasi. ● Kehadiran bahasa Banjar dan Arab menunjukkan bahawa identiti etnik dan agama digabungkan untuk menyampaikan nilai kekeluargaan, kerjasama, dan solidariti. ● Penggunaan bahasa Melayu secara dominan dalam teks dengan fungsi sebagai bahasa penyampai maklumat yang utama. Dalam masa yang sama, bahasa Banjar digunakan untuk menandai identiti etnik (contohnya istilah Aruh Ganal, Bubuhan), manakala bahasa Arab menambah dimensi sakral dan keagamaan (contohnya silaturrahim, mahabah). ● Secara keseluruhannya, teks ini berfungsi sebagai dokumen rasmi yang bukan sahaja menjelaskan tujuan acara, tetapi juga mengangkat peranan bahasa sebagai penanda identiti, warisan, dan jati diri kolektif masyarakat Banjar dalam ruang lingkup adat, agama, dan persaudaraan.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.11 Memo "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi"



Rajah 4.18 Memo "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.44 Analisis kandungan 11

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Meneliti pengekalan dan peralihan bahasa Banjar dalam memo iftar Ramadan sebagai medium penyampaian maklumat rasmi berkaitan aktiviti keagamaan, kekeluargaan, dan kebersamaan komuniti.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar" ● **Contoh teks tambahan**: "Kariah Parit Gabis, Kariah Jalan Banjar", "Pencinta Al-Quran", "Tahlil dan doa selamat jam 7.00 petang", "Semua dijemput hadir".
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan**: Bahasa Melayu dengan beberapa penggunaan istilah kata serapan dari bahasa Arab (Ramadan, Tahlil, Doa Selamat, Pencinta al-Quran). ● **Tulisan**: Rumi. ● **Fungsi komunikasi**: Penyampaian maklumat rasmi (jadual giliran iftar) serta penanda kebersamaan dan solidariti masyarakat kariah masjid. ● **Domain penggunaan**: Keagamaan dan persahabatan dalam konteks Ramadan. ● **Identiti linguistik**: Penggunaan istilah Arab dalam teks memperlihatkan pengaruh Islam yang kuat, manakala bahasa Melayu sebagai medium utama menandakan identiti nasional serta kemudahan difahami oleh semua lapisan masyarakat. ● **Isyarat budaya**: Menekankan nilai kerjasama, gotong-royong, dan tanggungjawab bersama dalam menganjurkan majlis berbuka puasa.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Memo ini bukan sekadar senarai giliran iftar, tetapi menjadi dokumen sosial dan budaya yang memperlihatkan sistem kerjasama masyarakat Islam di peringkat kariah masjid. ● Penyusunan nama keluarga, individu, dan kumpulan (contoh: Kariah Parit Gabis, Pencinta al-Quran, tahlil) menunjukkan wujudnya integrasi antara pelbagai lapisan masyarakat dari keluarga kecil, kumpulan jemaah, hingga persatuan. ● Penggunaan istilah Arab seperti "Ramadan", "Tahlil", "Doa Selamat", dan "al-Quran" memperlihatkan bahawa acara ini berakar kuat dalam tradisi Islam. Namun, bahasa Melayu tetap dominan sebagai bahasa penyampaian rasmi supaya mesej mudah difahami oleh semua generasi. ● Frasa "Semua dijemput hadir" menunjukkan sifat keterbukaan, menggalakkan komuniti hadir bersama-sama tanpa mengira latar belakang, sekali gus memperkukuh konsep inklusif dan ukhuwah Islamiah.
5.	Kesimpulan	● Memo Iftar Ramadan Masjid Al-Athar memperlihatkan gabungan bahasa Melayu sebagai medium utama dan istilah Arab sebagai penanda identiti Islam.

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	● Bahasa Melayu digunakan secara dominan bagi menyampaikan maklumat rasmi dengan jelas dan ● mudah, sementara bahasa Arab mengukuhkan unsur keagamaan dan kesakralan acara. ● Teks ini berfungsi bukan sahaja sebagai jadual giliran, tetapi juga sebagai simbol kerjasama, solidariti, dan nilai gotong-royong masyarakat kariah dalam menghayati Ramadan. ● Secara keseluruhannya, penggunaan bahasa dalam teks ini memperlihatkan bagaimana warisan budaya (gotong-royong, persaudaraan) dan agama (Islam) saling melengkapi dalam membentuk identiti kolektif komuniti masjid.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.12 Papan Kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi



Rajah 4.19 Papan kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.45 Analisis kandungan 12

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Meneliti pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di papan kenyataan jawatankuasa biro masjid sebagai medium rasmi untuk menyampaikan struktur organisasi, peranan biro, dan tanggungjawab komuniti terhadap pengimarahan masjid**.**
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● Teks utama: "Ketua-Ketua Jawatankuasa Biro". ● Contoh teks tambahan: "Biro Pembangunan dan Ekonomi", "Biro Pendidikan dan Dakwah", "Biro Kebajikan, Sosial dan Kebudayaan", "Biro Keamanan dan Sukarelawan", "Biro Hal Ehwal Wanita (HELWA)".
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu sepenuhnya, dengan sedikit penggunaan istilah pinjaman Arab (Dakwah, HELWA). ● **Tulisan:** Rumi. ● **Fungsi komunikasi:** Penyampaian maklumat rasmi mengenai organisasi masjid, membahagikan tugas dan tanggungjawab mengikut biro. ● **Domain penggunaan:** Keagamaan (pengimarahan masjid), sosial (kebajikan, sukarelawan), pendidikan (dakwah, penerbitan), dan kebudayaan. ● **Identiti linguistik:** Penggunaan Bahasa Melayu menegaskan identiti nasional serta kefahaman semua lapisan masyarakat, manakala istilah Arab memperkukuh nilai keislaman dan suasana sakral. ● **Isyarat budaya:** Menekankan konsep syura (musyawarah), ukhuwah dan gotong-royong melalui struktur organisasi yang tersusun.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Papan kenyataan ini bukan sahaja menyenaraikan jawatankuasa, tetapi juga menjadi dokumen visual tentang sistem organisasi Islam di peringkat kariah. ● Pembahagian biro seperti Ekonomi, Pendidikan, Dakwah, Sosial, Wanita, Keselamatan, dan Prasarana mencerminkan peranan masjid yang holistik, meliputi agama, kebajikan, ekonomi, dan budaya. ● Penonjolan nama individu beserta gambar memberi ciri keterbukaan dan tanggungjawab sosial serta memudahkan kariah mengenali pemimpin masjid mereka. ● Istilah kata pinjaman dari bahasa Arab seperti Dakwah dan HELWA (Hal Ehwal Wanita) menguatkan peranan Islam sebagai asas struktur organisasi, manakala bahasa Melayu memastikan maklumat difahami dengan jelas. ● Papan ini juga menjadi simbol kebersamaan, iaitu menunjukkan bahawa pengurusan masjid bukan tanggungjawab individu, tetapi kolektif yang melibatkan pelbagai latar belakang (lelaki, wanita, belia, sukarelawan).

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

5.	Kesimpulan	● Papan Kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama penyampaian maklumat rasmi, dengan sisipan istilah Arab yang memperkukuh nilai Islam. ● Bahasa Melayu mendominasi fungsi praktikal untuk memberi maklumat yang mudah difahami, manakala istilah Arab menambahkan identiti keagamaan. ● Dokumen visual ini berfungsi sebagai alat komunikasi rasmi, simbol kepimpinan kolektif, dan penanda budaya gotong-royong masyarakat Islam setempat. ● Secara keseluruhannya, papan kenyataan ini mencerminkan integrasi agama, budaya, dan sosial dalam struktur pengurusan masjid, serta menegaskan peranan masjid sebagai pusat komuniti yang inklusif dan bersepadu.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.13 Poster Penyertaaan Larian "Bukahan Sabarataam 2024 @ Kasi Jadi"



Rajah 4.20 Poster penyertaaan larian "Bukahan Sabarataam 2024 @ Kasi Jadi"

Sumber: Pergerakan Pemuda UMNO Bagan Serai

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.46 Analisis kandungan 13

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Meneliti pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di dalam poster Jemputan Program Larian di Bagan Serai sambil memperlihatkan identiti tempatan, kebudayaan, dan kebersamaan masyarakat.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● Teks utama: "Bukahan Sabarataan 2024 @ Kasi Jadi" ● Contoh teks tambahan: "22 Dis 2024", "7KM", "Dewan Dato' Zainal Abidin Zin, Bagan Serai", "Setiakawan", "Cara Kita!", "Yuran RM50", serta frasa "Cabutan Bertuah, Medal, E-sijil".
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu dengan unsur bahasa Banjar (Bukahan Sabarataan = bermaksud "Lari semua bersama"). Terdapat juga penggunaan istilah pinjaman Inggeris (Flag Off, E-sijil, Bib Number). ● **Tulisan:** Rumi sepenuhnya. ● **Fungsi komunikasi:** Menyampaikan maklumat rasmi (tarikh, lokasi, yuran, hadiah) dan pada masa sama menggalakkan penyertaan komuniti melalui gaya bahasa promosi yang menarik. ● **Domain penggunaan:** Sosial dan komuniti. ● **Identiti linguistik:** Bahasa Melayu dominan sebagai medium komunikasi utama, sementara sisipan dialek Banjar menandakan warisan etnik setempat dan penggunaan istilah Inggeris memberi sentuhan kontemporari sejajar dengan acara moden. ● **Isyarat budaya:** Visual Masijit Lawas, sawah padi, dan aktiviti riadah mencerminkan identiti tempatan, nilai kesihatan, dan solidariti masyarakat Bagan Serai.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Poster ini tidak sekadar mengiklankan acara larian, tetapi berfungsi sebagai simbol identiti budaya Banjar di Bagan Serai. Nama program "Bukahan Sabarataan" jelas memperlihatkan usaha mengekalkan warisan bahasa Banjar dalam konteks moden dan inklusif. ● Penyusunan maklumat seperti tarikh, lokasi, dan pakej penyertaan menggunakan bahasa Melayu ringkas dan jelas, memastikan mudah difahami oleh khalayak umum. ● Elemen visual seperti Masijit Lawas, sawah padi, dan imej kereta api (ETS) menandakan keterhubungan antara warisan tradisi dan kemajuan moden. ● Penggunaan slogan "Setiakawan" dan "Cara Kita!" menekankan nilai kebersamaan, semangat muafakat, dan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. ● Kehadiran elemen digital seperti kod QR dan e-sijil pula menonjolkan adaptasi teknologi dalam acara berasaskan komuniti.

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

5. Kesimpulan	• Poster "Bukahan Sabarataan 2024" mempamerkan penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama yang jelas, mudah diakses, dan inklusif, dengan sisipan bahasa Banjar (*Bukahan Sabarataan*) sebagai penanda identiti etnik. Kehadiran istilah Inggeris seperti flag off dan bib number pula menunjukkan penyesuaian dengan konteks moden dan gaya komunikasi generasi muda. • Dari sudut sosiolinguistik, penggunaan bahasa Banjar dalam judul acara memperlihatkan usaha pengekalan identiti bahasa dalam ruang awam melalui dokumen rasmi berbentuk poster. Namun, dominasi bahasa Melayu dan penyisipan istilah Inggeris menunjukkan berlakunya peralihan linguistik secara beransur, iaitu bahasa Banjar diangkat lebih kepada simbol budaya (*identity marker*) berbanding medium komunikasi utama. • Secara keseluruhannya, teks dan visual dalam poster ini memperlihatkan bahawa pengekalan bahasa Banjar berlaku pada tahap simbolik dan identiti, manakala bahasa Melayu kekal sebagai medium dominan penyampaian maklumat rasmi. Hal ini menandakan keseimbangan antara pengekalan identiti warisan dan peralihan ke arah bahasa nasional serta moden dalam kalangan komuniti Banjar di Bagan Serai.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.14 Nama Kedai Runcit "Koperasi Banjar Bagan Serai Berhad"



Rajah 4.21 Nama kedai runcit "Koperasi Banjar Bagan Serai Berhad"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.47 Analisis kandungan 14

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Meneliti pilihan bahasa di papan tanda kedai runcit Koperasi Banjar di Bagan Serai.
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Kedai Runcit Koperasi Banjar Bagan Serai Bhd" ● **Contoh teks tambahan**: "Saing – Gawi – Sugeh", alamat (No. 69 Masjid Tinggi, 34300 Bagan Serai, Perak), dan nombor telefon. ● **Logo koperasi**: Koperasi Banjar Bagan Serai Berhad (KBBSB).
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu (Kedai Runcit, Koperasi, Bagan Serai) dan Bahasa Banjar (Saing – Gawi – Sugeh). ● **Tulisan:** Rumi sepenuhnya. ● **Fungsi komunikasi:** Memberi maklumat rasmi tentang identiti perniagaan (kedai runcit & koperasi), alamat dan nombor telefon untuk rujukan pelanggan, serta slogan koperasi. ● **Domain penggunaan:** Pekerjaan & Jual Beli ● **Identiti linguistik:** Bahasa Melayu digunakan sebagai medium rasmi utama kerana statusnya sebagai bahasa kebangsaan, manakala bahasa Banjar digunakan dalam slogan sebagai penanda identiti etnik, iaitu kedai ini dimiliki oleh komuniti Banjar yang merupakan ahli koperasi Banjar di Bagan Serai. ● **Isyarat budaya:** Slogan "Saing – Gawi – Sugeh" (bermaksud rajin, kerja, kaya dalam bahasa Banjar) menegaskan nilai budaya Banjar yang berakar pada konsep gotong-royong, usaha, dan kejayaan bersama.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Papan tanda ini bukan sekadar makluman kedai runcit, tetapi berfungsi sebagai dokumen sosial-ekonomi yang memperlihatkan usaha masyarakat Banjar di Bagan Serai mengekalkan identiti etnik dalam ruang rasmi perniagaan. ● Penggunaan bahasa Melayu pada nama kedai (Kedai Runcit) memastikan maklumat jelas dan mudah difahami oleh semua pelanggan, termasuk bukan Banjar. ● Penggunaan bahasa Banjar dalam slogan (Saing – Gawi – Sugeh) berperanan sebagai penanda identiti dan warisan, walaupun bukan bahasa dominan dalam komunikasi maklumat. Ini memperlihatkan bentuk pengekalan simbolik bahasa Banjar dalam ruang awam. ● Simbol koperasi ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih hidup sebagai identiti kolektif, meskipun

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

		fungsinya lebih simbolik berbanding praktikal dalam komunikasi harian perniagaan.
5.	Kesimpulan	● Papan tanda "Kedai Runcit Koperasi Banjar Bagan Serai Bhd" memperlihatkan dominasi bahasa Melayu sebagai medium komunikasi rasmi, dengan sisipan bahasa Banjar dalam slogan sebagai strategi mengekalkan identiti etnik. ● Kehadiran frasa Banjar "Saing – Gawi – Sugeh" menunjukkan bahawa bahasa ini masih berfungsi pada tahap simbolik untuk memperkukuh rasa kebersamaan, walaupun dalam domain perdagangan bahasa Melayu lebih dominan. ● Secara keseluruhannya, papan tanda ini mencerminkan pola pengekalan simbolik bahasa Banjar dalam ruang ekonomi komuniti, dengan bahasa Melayu dan sedikit Inggeris berperanan sebagai medium praktikal dan rasmi dalam sistem perniagaan moden.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.4.15 Papan Tanda Jalan Utama di Bagan Serai



Rajah 4.22 Papan tanda jalan utama di Bagan Serai

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 4.48 Analisis kandungan 15

Bil.	Langkah Menganalisis Data	Huraian
1.	Penetapan objektif	● Meneliti pilihan bahasa di papan tanda jalan sebagai medium rasmi kerajaan untuk menunjukkan arah dan lokasi, serta mengkaji bagaimana bahasa dan nama tempat menjadi penanda identiti komuniti setempat**.**
2.	Pemilihan Unit teks untuk dianalisis	● **Teks utama**: "Jalan Banjar" ● **Contoh teks tambahan**: "Bagan Serai", "Kuala Gula", serta kod laluan A195 dan A196.
3.	Kategori Analisis dan Pengekodan	● **Bahasa digunakan:** Bahasa Melayu (Bagan Serai, Kuala Gula, Jalan), dan unsur etnonim masyarakat Banjar (Jalan Banjar). ● **Tulisan:** Rumi sepenuhnya, menggunakan format rasmi papan tanda jalan di Malaysia. ● **Fungsi komunikasi:** Memberi panduan arah jalan kepada pengguna jalan raya serta menandakan lokasi geografi. ● **Domain penggunaan:** Ruang awam rasmi (pentadbiran) ● **Identiti linguistik:** Perkataan Banjar berfungsi sebagai penanda identiti etnik yang diabadikan dalam nama jalan, walaupun medium utamanya tetap bahasa Melayu. ● **Isyarat budaya:** Penggunaan nama Jalan Banjar menegaskan kewujudan komuniti Banjar di Bagan Serai yang cukup signifikan sehingga diiktiraf dalam bentuk nama tempat rasmi.
4.	Interpretasi dan Perbincangan	● Papan tanda ini memperlihatkan bagaimana identiti etnik Banjar dipelihara melalui nama tempat. Walaupun bahasa Banjar tidak digunakan sepenuhnya, istilah Banjar menandakan kewujudan dan pengaruh komuniti tersebut dalam sejarah dan demografi Bagan Serai. ● Medium rasmi yang digunakan tetap bahasa Melayu, iaitu Jalan sebagai kata generik, selaras dengan dasar bahasa kebangsaan dalam pentadbiran dan prasarana negara. ● Hal ini memperlihatkan pola pengekalan simbolik bahasa Banjar. Ia tidak berfungsi sebagai medium komunikasi penuh dalam papan tanda, tetapi kekal diabadikan dalam nama jalan. ● Kehadiran nama Banjar dalam ruang awam rasmi juga menjadi bentuk pengiktirafan kerajaan terhadap warisan diaspora Banjar di Malaysia, khususnya di Perak.
5.	Kesimpulan	● Papan tanda "Jalan Banjar" memperlihatkan dominasi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, sementara nama

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

	Banjar berfungsi secara simbolik untuk mengekalkan memori sejarah dan identiti komuniti. Secara keseluruhan, ia mencerminkan pengekalan simbolik bahasa Banjar, manakala bahasa Melayu kekal sebagai medium utama penyampaian maklumat.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.5 INTERPRETASI DAN RUMUSAN

4.5.1 Hubungan Dapatan Rakaman Tidak Sedar, Temu bual dan Analisis Kandungan dengan Objektif Kajian Pertama

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai terhadap bahasa ibunda dan bahasa di persekitaran mereka. Dapatan daripada enam domain utama yang dianalisis berdasarkan tiga kali pusingan rakaman, iaitu domain keluarga, persahabatan, jual beli, keagamaan, pekerjaan dan pendidikan memperlihatkan bahawa pilihan bahasa masyarakat Banjar dipengaruhi secara langsung oleh konteks sosial dan lokasi interaksi. Dalam domain tertutup seperti keluarga dan persahabatan, bahasa Banjar berperanan sebagai medium komunikasi utama, khususnya dalam kalangan generasi tua dan pertengahan. Bahasa ini digunakan secara konsisten dalam pelbagai aktiviti harian dan berfungsi sebagai alat pengukuhan hubungan kekeluargaan serta pemeliharaan identiti etnik. Sebaliknya, dalam domain yang lebih terbuka seperti jual beli, pekerjaan, pendidikan dan keagamaan, masyarakat lebih cenderung memilih bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah. Pilihan ini dibuat bagi memenuhi keperluan kefahaman bersama serta keberkesanan komunikasi dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang. Dapatan ini selari dengan pandangan Fishman (1972) yang menegaskan bahawa pilihan bahasa adalah berkait rapat dengan domain sosial dan peranan yang dimainkan oleh penutur dalam konteks tertentu. Menurutnya, bahasa tertentu digunakan dalam domain tertentu apabila ia dianggap paling sesuai untuk memenuhi fungsi komunikasi dan norma sosial dalam situasi tersebut. Oleh itu, objektif kajian pertama telah dicapai apabila corak pilihan bahasa yang berlaku dalam kehidupan harian masyarakat Banjar dapat dikenal pasti dengan jelas melalui bukti empirikal dalam rakaman.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

4.5.2 Pola Pilihan Bahasa yang Dikenal Pasti

Pemerhatian terhadap ketiga-tiga pusingan rakaman merentasi enam domain menunjukkan bahawa pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai memperlihatkan pola penggunaan yang sistematik dan konsisten berdasarkan struktur domain sosial dan faktor generasi. Dalam domain kekeluargaan dan persahabatan, bahasa Banjar muncul sebagai bahasa utama yang digunakan secara aktif dan berterusan. Bahasa ini bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga berfungsi sebagai lambang solidariti etnik, pengikat hubungan kekeluargaan, dan wadah pemindahan nilai budaya. Keutuhan bahasa Banjar dalam domain ini mencerminkan '*domain intimacy*' (Fishman 1972), iaitu ruang sosial bahasa etnik berpeluang untuk dipertuturkan tanpa tekanan daripada norma linguistik dominan. Hal ini memberikan gambaran bahawa keluarga dan hubungan sosial yang akrab masih berfungsi sebagai benteng terakhir bagi kelangsungan bahasa minoriti.


Sebaliknya, dalam domain jual beli dan pekerjaan, bahasa yang dipilih menunjukkan pendekatan yang lebih strategik dan bersifat fungsional. Dialek Melayu Kedah digunakan secara meluas sebagai lingua franca setempat yang membolehkan komunikasi merentas etnik dan latar sosial. Pemilihan ini bukan sahaja didorong oleh keperluan kefahaman bersama, tetapi juga menggambarkan penyesuaian linguistik terhadap persekitaran geografi dan demografi tempatan. Dalam domain keagamaan pula, pelapisan fungsi bahasa dapat diperhatikan: bahasa Melayu standard digunakan dalam konteks formal dan rasmi seperti khutbah dan pengumuman masjid, manakala bahasa Arab digunakan dalam ibadah dan bacaan ritual. Penggunaan dua bahasa ini memperlihatkan pemilihan yang bersifat institusional, sejajar dengan status agama Islam sebagai landasan utama dalam aktiviti keagamaan masyarakat. Di madrasah, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran, manakala bahasa Arab berfungsi secara terbatas dalam aspek penghafazan dan ibadah, menunjukkan pembahagian fungsi bahasa yang teratur mengikut kandungan dan matlamat pendidikan.

Menariknya, walaupun bahasa Banjar tidak dominan dalam domain-domain terbuka, kemunculannya secara spontan dalam bentuk ujaran ringkas, sapaan, atau

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

istilah budaya menandakan bahawa bahasa ini masih berfungsi dalam kesedaran linguistik masyarakat. Kehadiran kosa kata Banjar dan dialek Melayu tempatan seperti Kedah dan Perak dalam situasi tidak formal menunjukkan bahawa penutur memanfaatkan sumber linguistik yang pelbagai untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan audiens, selaras dengan pandangan Fishman (1972) bahawa masyarakat multilingual sering membuat pemilihan bahasa berdasarkan kesesuaian konteks sosial dalam setiap domain. Jika dianalisis dari perspektif generasi, dapatan menunjukkan bahawa generasi tua dan pertengahan (40 tahun ke atas) memainkan peranan utama dalam mengekalkan penggunaan bahasa Banjar, terutamanya dalam domain yang bersifat tradisi dan kekeluargaan. Penggunaan bahasa oleh generasi ini adalah aktif dan intuitif, mencerminkan penguasaan fungsional yang tinggi. Sebaliknya, generasi muda menunjukkan tahap penggunaan yang lebih rendah meskipun mereka masih memahami bahasa tersebut. Mereka lebih cenderung memilih bahasa Melayu standard dan dialek Kedah dalam kebanyakan situasi pertuturan. Keadaan ini menggambarkan corak yang disebut oleh Fishman (1991) sebagai '*intergenerational disruption*', iaitu keadaan bahasa warisan hanya dipertuturkan oleh generasi lebih tua tanpa pewarisan penuh kepada generasi muda. Walaupun belum mencapai tahap kehilangan bahasa, pola ini memberi petunjuk awal kepada kemungkinan penyusutan fungsi bahasa Banjar dalam domain yang lebih terbuka pada masa akan datang sekiranya tiada usaha pengukuhan dilakukan secara berstruktur. Berikut merupakan rumusan pola pilihan bahasa yang dikenal pasti berdasarkan ketiga-tiga pusingan rakaman merentasi enam domain seperti di bawah:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 4.23 Rumusan pola pilihan bahasa domain keluarga, persahabatan, jual beli, keagamaan, pekerjaan dan pendidikan

Sumber: Mohd Khaidir 2026

4.5.3 Bahasa Banjar Tulisan sebagai Bahasa Simbolik

Selain aspek penggunaan lisan, tinjauan lapangan di sekitar pusat tumpuan komuniti Banjar juga mendapati bahawa bahasa Banjar bertulis digunakan secara terbatas di papan tanda/gegantung perniagaan, aktiviti rasmi, sekolah dan domain agama. Pada umumnya, boleh dikatakan bahawa bahasa Banjar disisipkan dalam konteks penggunaan yang sebenarnya berbahasa Melayu standard. Dalam erti kata lain, tiada dokumen yang dianalisis menunjukkan bahasa Banjar digunakan secara sepenuhnya, tetapi biasanya digandakan dengan bahasa Melayu (atau dengan bahasa Inggeris). Gejala ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar berfungsi sebagai simbolik perlambangan jati diri etnik Banjar di Bagan Serai.

Jika merenung dari konteks revitalisasi bahasa, penggunaan bahasa Banjar bertulis yang lumrah di sekitar Bagan Serai menunjukkan komuniti Banjar sebenarnya mempunyai kesedaran untuk merevitalisasikan bahasa ibunda dan warisan budaya mereka. Usaha ini amat jelas diperhatikan dengan penempatan objek-objek budaya dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

peribahasa Banjar di sekolah, iaitu tempat menyemai dan membentuk generasi muda. Selain itu, kecenderungan para peniaga menggunakan sesetengah kosa kata turut dapat ditafsirkan bahawa mereka tidak mengabaikan identiti bahasa asal mereka di lingkungan persekitaran yang multilingual. Kesedaran-kesedaran ini sejajar dengan hasil dapatan analisis tematik di Bahagian 4.3.2, iaitu wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat Banjar bahawa bahasa ini perlu diperlihara dan diwarisi.

4.6 KESIMPULAN

Analisis terhadap pola pilihan bahasa antara generasi dalam kalangan masyarakat Banjar di Bagan Serai melalui rakaman tidak sedar menunjukkan wujudnya kecenderungan *intergenerational disruption* seperti yang dihuraikan oleh Fishman (1991). Generasi tua dan pertengahan (≥ 40 tahun) masih mengekalkan penggunaan bahasa Banjar secara aktif, khususnya dalam domain intim seperti kekeluargaan dan persahabatan. Bahasa Banjar juga masih muncul secara spontan dalam interaksi keagamaan dan pekerjaan, walaupun fungsinya semakin terhad.

Sebaliknya, generasi muda (< 40 tahun) memperlihatkan pola peralihan bahasa yang ketara, dengan Bahasa Melayu standard (BM), dialek Melayu Kedah (DMK), dan bahasa Arab menjadi lebih dominan dalam pelbagai domain. Bahasa Banjar pula hanya difahami secara pasif atau tidak digunakan langsung dalam konteks formal dan separa formal seperti pendidikan, pekerjaan dan jual beli. Ini menunjukkan penyusutan fungsi bahasa Banjar yang semakin membimbangkan, terutamanya dalam domain-domain yang memerlukan adaptasi sosial lebih luas. Pola ini membuktikan bahawa sekiranya tiada usaha pengukuhan yang bersifat sistematik dan terancang, bahasa Banjar berisiko mengalami penyusutan fungsi yang lebih serius, yang akhirnya boleh membawa kepada kehilangan bahasa. Justeru, pelan pelestarian yang melibatkan transmisi bahasa antara generasi, integrasi dalam institusi sosial dan pengiktirafan dalam ruang awam perlu digerakkan segera untuk memastikan kesinambungan bahasa warisan ini.

Bahagian berikutnya pula akan menghuraikan dapatan kajian yang diperoleh melalui rakaman, temu bual semi berstruktur dan analisis kandungan bagi memberikan gambaran terperinci berkenaan pola serta konteks penggunaan bahasa dalam kalangan responden yang dikaji.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB V

FENOMENA PERALIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA

5.1 PENGENALAN

Bab ini meneliti fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai serta faktor-faktor yang mempengaruhinya berdasarkan analisis triangulasi data daripada tiga pusingan rakaman tidak sedar, temu bual separa berstruktur dan analisis kandungan. Ketiga-tiga sumber data ini dipadukan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang pola penggunaan bahasa Banjar, kedudukannya berbanding bahasa lain, serta faktor sosiolinguistik, pendidikan, ekonomi dan sikap bahasa yang mendorong perubahan.

5.2 DOMAIN KELUARGA

Dapatan rakaman tiga pusingan memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih menjadi pilihan utama dalam komunikasi harian keluarga, digunakan secara konsisten oleh generasi tua dan turut dipraktikkan oleh seorang remaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa domain keluarga masih berfungsi sebagai benteng utama dalam proses pemindahan bahasa antara generasi. Fishman (1991) menegaskan bahawa keluarga merupakan domain kritikal dalam mengekalkan bahasa minoriti kerana ia menjadi ruang pertama bagi pemerolehan dan sosialisasi bahasa. Walau bagaimanapun, kekuatan ini perlu dinilai secara berhati-hati. Jika hanya keluarga homogen etnik yang mengekalkan bahasa Banjar, sedangkan keluarga campuran atau interaksi dengan persekitaran luar lebih menuntut penggunaan bahasa lain, kesinambungan bahasa Banjar tetap rapuh. Faktor yang mempengaruhi fenomena ini termasuk homogeniti etnik, peranan generasi tua sebagai model bahasa, serta keterasingan interaksi keluarga daripada tekanan luar. Meskipun bahasa Banjar masih kukuh dalam rumah tangga,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pengaruh pendidikan formal, jaringan rakan sebaya, dan pendedahan media di luar lingkungan keluarga berpotensi mempercepatkan peralihan dalam kalangan generasi muda. Situasi ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar dalam domain keluarga masih digunakan oleh generasi tua dan dipindahkan dalam keluarga tertentu, tetapi transmisi sudah tidak menyeluruh. Kehadiran seorang remaja yang masih menuturkan bahasa Banjar mencerminkan sisa vitaliti, namun pengaruh pendidikan formal, jaringan rakan sebaya, dan pendedahan media dalam bahasa dominan di luar lingkungan keluarga menyebabkan bahasa tidak lagi dipelajari secara aktif oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda utama. Dengan itu, walaupun domain keluarga memperlihatkan kesinambungan, realitinya proses peralihan tetap berlangsung secara perlahan dan berisiko tinggi jika tiada usaha intervensi.

Hasil temu bual memperlihatkan pola yang jelas bahawa bahasa Banjar masih dikekalkan dalam keluarga oleh generasi tua, tetapi penggunaannya semakin menurun apabila melibatkan generasi pertengahan dan muda. Responden dalam kumpulan umur 61 tahun ke atas menegaskan bahawa mereka masih menggunakan bahasa Banjar dengan pasangan dan adik-beradik, malah anak-anak yang sudah dewasa masih memahami bahasa tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa generasi tua berperanan sebagai "penjaga bahasa" atau language guardians (Fishman 1991) yang menjadi model linguistik di rumah. Walau bagaimanapun, kesinambungan ini tidak bersifat menyeluruh kerana dalam keluarga campuran atau apabila pasangan bukan Banjar, penggunaan bahasa oleh generasi tua dengan ahli keluarga didapati amat terhad. Hal ini ditegaskan oleh responden kumpulan umur 51–60 tahun yang menyatakan bahawa faktor perkahwinan campur mengurangkan peluang untuk mengekalkan bahasa Banjar sebagai bahasa utama dalam keluarga. Bagi kumpulan umur 41–50 tahun, penggunaan bahasa Banjar dalam keluarga semakin bersifat selektif. Terdapat responden yang hanya menggunakan bahasa Banjar dengan ibu atau ahli keluarga lebih tua, tetapi beralih kepada bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan pasangan dan anak-anak. Fenomena ini jelas memperlihatkan berlakunya peralihan intra-keluarga, iaitu bahasa Banjar hanya diwariskan secara separa. Holmes (2013) menegaskan bahawa apabila ibu bapa tidak lagi menuturkan bahasa ibunda kepada anak, peluang untuk pewarisan antara generasi menjadi lemah, dan bahasa itu hanya bertahan sebagai passive competence dalam kalangan generasi muda. Hal ini terbukti dalam dapatan kumpulan umur yang

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

lebih rendah lagi, iaitu kumpulan umur 31–40 tahun dan 20–30 tahun. Dalam kedua-dua kumpulan tersebut, responden mengakui anak-anak hanya memahami sedikit tetapi tidak mampu bertutur dengan fasih. Kumpulan umur muda (20–30 tahun) pula mengesahkan bahawa bahasa Banjar tidak lagi menjadi bahasa utama dalam keluarga mereka. Mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu standard dan dialek Kedah, manakala bahasa Banjar hanya digunakan oleh nenek atau ibu bapa yang lebih berusia. Dalam keadaan tertentu, mereka menggunakan bahasa Banjar secara terhad, misalnya ketika berada di kawasan kampung atau berinteraksi dengan ahli keluarga yang lebih tua. Situasi ini sejajar dengan dapatan Weinreich (1968) bahawa bahasa minoriti sering mengalami penurunan fungsi apabila generasi muda hanya memiliki kefahaman pasif dan beralih kepada bahasa dominan dalam interaksi harian.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual dalam domain keluarga mengesahkan bahawa fenomena peralihan bahasa sedang berlaku secara bertahap. Bahasa Banjar masih kukuh dalam kalangan generasi tua (61 tahun ke atas), semakin longgar dalam kalangan pertengahan (41–60 tahun), dan hampir pupus sebagai bahasa keluarga dalam kalangan muda (20–40 tahun). Faktor utama yang mendorong peralihan ini ialah perkahwinan campur, sikap ibu bapa yang tidak menuturkan bahasa Banjar kepada anak-anak, dan pengaruh pendidikan formal yang mengutamakan bahasa Melayu. Hal ini menandakan bahawa domain keluarga, meskipun penting sebagai benteng pewarisan, kini berdepan dengan cabaran serius. Situasi ini menunjukkan hanya generasi tua yang masih mengekalkan bahasa Banjar, manakala generasi muda semakin beralih kepada bahasa dominan.

Selain aspek bahasa lisan, kajian ini juga meninjau penggunaan bahasa Banjar dalam bahan-bahan bertulis. Analisis ini penting kerana keluarga merupakan asas utama dalam pewarisan bahasa (Fishman 1991), dan dokumen bertulis seperti kad jemputan serta buku program berperanan menggambarkan bagaimana bahasa digunakan bagi memperkukuh identiti dan ikatan kekeluargaan. Dua bahan utama, iaitu kad jemputan dan buku program Majlis Aruh Ganal "*Bubuhan Andin Tasin*".

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 5.1 Kad jemputan (atas) dan buku program (bawah) Majlis Aruh Ganal "*Bubuhan Andin Tasin*"

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih diberi tempat dalam ruang keluarga melalui penggunaan istilah khusus seperti *Aruh Ganal* dan *Bubuhan* yang menandai jati diri etnik serta kesinambungan salasilah. Pada masa yang sama, bahasa Melayu digunakan secara dominan sebagai medium utama penyampaian maklumat supaya dapat difahami oleh semua lapisan generasi, manakala bahasa Arab hadir bagi memberikan nilai keagamaan dan sakral. Pola ini memperlihatkan kedudukan bahasa Banjar sebagai fungsi simbolik, iaitu sebagai penanda warisan dan lambang solidariti keluarga besar. Keadaan ini menunjukkan bahasa Banjar masih wujud dalam acara

kekeluargaan dan ritual adat, tetapi semakin berkurangan penggunaannya sebagai bahasa utama dalam interaksi harian generasi muda. Oleh itu, analisis kandungan ini memberikan gambaran bahawa domain keluarga masih menjadi ruang penting bagi mengekalkan bahasa Banjar, namun pemindahan antara generasi semakin rapuh apabila bahasa Melayu mengambil alih peranan dominan dalam fungsi komunikatif.

5.2.1 Rumusan Domain Keluarga

Secara rumusan domain keluarga yang sepatutnya menjadi benteng utama pewarisan bahasa memperlihatkan tanda-tanda jelas peralihan bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat di Mukim Bagan Serai. Walaupun generasi tua masih mengekalkan bahasa Banjar sebagai bahasa utama dalam interaksi kekeluargaan, fungsi ini tidak diwarisi secara konsisten kepada generasi muda. Sebaliknya, bahasa Melayu standard dan dialek Kedah semakin mengambil alih peranan sebagai medium komunikasi harian, manakala bahasa Banjar lebih terbatas kepada penggunaan simbolik dalam adat, ritual, atau interaksi dengan ahli keluarga yang lebih tua.

Fenomena ini dipengaruhi oleh faktor jurang generasi, perkahwinan campur, dominasi bahasa Melayu dan dialek Kedah sebagai bahasa persekitaran, sikap ibu bapa yang tidak menuturkan bahasa Banjar kepada anak-anak, serta pengaruh pendidikan formal yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Akibatnya,bahasa Banjar hanya bertahan dalam bentuk memori kolektif dan simbol identiti, bukannya sebagai bahasa ibunda generasi muda. Kedudukan bahasa Banjar dalam domain keluarga masih digunakan oleh generasi dewasa dan warga tua tetapi transmisi antara generasi sudah tidak menyeluruh. Malah, terdapat tanda-tanda ia mula beralih kepada bahasa yang lebih dominan iaitu generasi muda tidak lagi memperoleh bahasa Banjar sebagai bahasa pertama mereka. Situasi ini menegaskan bahawa walaupun keluarga masih menjadi ruang penting untuk pelestarian bahasa, fungsi komunikatif bahasa Banjar semakin mengecil dan digantikan oleh bahasa dominan, sekali gus meletakkan kesinambungannya pada kedudukan yang kritikal.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 5.1 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain keluarga

Bil.	Generasi / Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Bahasa Banjar masih bahasa utama dalam keluarga dan ritual.	Homogeniti etnik, peranan sebagai penjaga bahasa, interaksi rapat sesama warga tua.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Bahasa Banjar digunakan secara separa, bercampur dengan bahasa Melayu/Dialek Kedah.	Perkahwinan campur, keperluan menyesuaikan diri dengan pasangan/anak, pengaruh rakan sebaya.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Bahasa Banjar tidak lagi dominan; hanya difahami secara pasif atau simbolik.	Sikap ibu bapa yang tidak menuturkan bahasa Banjar, dominasi bahasa Melayu dan dialek Kedah, pendedahan media.
4.	Fungsi bahasa Banjar	Terhad kepada penanda identiti, memori kolektif, adat & simbol kekeluargaan.	Pendidikan formal berasaskan bahasa Melayu, perubahan nilai sosial, keperluan komunikasi inklusif.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.3 DOMAIN PERSAHABATAN

Dapatan daripada tiga pusingan rakaman tidak sedar menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih berfungsi secara signifikan dalam domain persahabatan, khususnya dalam kalangan generasi pertengahan dan warga emas di Kampung Masjid Tinggi, Bagan Serai. Ini sejajar dengan analisis di Bahagian 5.2 iaitu kedua-dua golongan ini masih aktif menggunakan bahasa Banjar dalam berinteraksi.

Interaksi sosial di warung pada waktu pagi, makan malam santai, serta majlis kenduri (*Aroh*) memperlihatkan penggunaan bahasa Banjar secara dominan, lengkap dengan kosa kata, ungkapan idiomatik, dan sapaan tradisional seperti "*manadʒaʔ*" (membuang rumput menggunakan tajak atau parang), "*batanaʔm*" (menanam padi), "*maŋaʕrat*" (menuai hasil padi di sawah), dan gelaran kekeluargaan tradisional seperti "*aŋah*" (gelaran untuk menghormati orang yang lebih tua). Keadaan ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih berperanan sebagai medium utama dalam hubungan persahabatan dan menjadi lambang solidariti etnik. Walau bagaimanapun, wujud juga penggunaan bahasa Melayu standard dan dialek Kedah secara bersilih ganti, terutama dalam kalangan penutur muda. Fenomena *translanguaging* dan pencampuran kod ini

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berlaku kerana keperluan menyampaikan topik di luar lingkungan budaya Banjar atau kerana kekangan kefasihan penutur muda. Walaupun keutuhan bahasa Banjar masih kelihatan kukuh dalam kalangan generasi tua, jurang generasi semakin ketara misalnya dalam rakaman kedua, salah seorang responden muda hanya memahami tetapi tidak mampu menuturkan bahasa Banjar dengan lancar. Keadaan ini menjadi petanda awal kepada proses peralihan bahasa dalam domain persahabatan.

Dapatan temu bual mengukuhkan pemerhatian daripada rakaman bahawa tahap penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan menurun secara generasi. Bagi kumpulan umur 61 tahun ke atas, responden KU1:001, KU1:002, dan KU1:003 menyatakan bahawa mereka masih menggunakan bahasa Banjar dengan rakan sebaya, terutama ketika bersosial di warung, menghadiri majlis kenduri, atau menjalankan urusan jual beli di kampung. Namun, mereka mengakui akan beralih ke bahasa Melayu apabila bercakap dengan kenalan bukan Banjar. Ini menunjukkan wujudnya strategi akomodasi bahasa bagi menjamin kefahaman. Bagi kumpulan umur 51–60 tahun, responden masih mengekalkan penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan rakan sebaya, khususnya di kedai kopi atau warung. Walau bagaimanapun, mereka turut menyatakan bahawa apabila bersama rakan bukan Banjar atau generasi lebih muda, mereka cenderung menukar kepada bahasa Melayu atau dialek Kedah. Faktor interlokutor dan umur jelas menjadi penentu utama dalam pemilihan bahasa dalam domain persahabatan.

Dalam kumpulan umur 41–50 tahun, responden KU3:001, KU3:002 dan KU3:003 menyatakan bahawa bahasa Banjar masih digunakan, tetapi hanya secara selektif dengan rakan-rakan yang diketahui berasal dari komuniti Banjar. KU3:002 menyatakan bahawa jika dibandingkan dengan era 1990-an, penggunaan bahasa Banjar kini jauh berkurangan dalam kalangan rakan-rakan mereka. Bagi kumpulan umur 31–40 tahun, penggunaan bahasa Banjar dalam persahabatan semakin terhad dan hanya berlaku apabila berinteraksi dengan rakan seetnik. KU4:003 menegaskan bahawa rakan bukan Banjar tidak memahami bahasa tersebut, justeru mereka memilih bahasa Melayu atau dialek Kedah dalam komunikasi harian. Dalam kumpulan umur 20–30 tahun, dapatan paling jelas menunjukkan peralihan bahasa, contohnya responden KU5:001 dan KU5:002 menyatakan bahawa rakan-rakan sebaya mereka hampir tidak menggunakan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Banjar dan lebih selesa menggunakan dialek Kedah atau bahasa Melayu standard, manakala KU5:003 menegaskan bahawa hanya dalam kalangan rakan yang sama-sama Banjar, bahasa tersebut digunakan secara terbatas dan bersifat simbolik bagi menandai keakraban. Dapatan ini memperlihatkan wujudnya jurang generasi yang ketara,iaitu semakin muda penutur, semakin kurang tahap kefasihan dan semakin jarang bahasa Banjar digunakan dalam domain persahabatan.

Fenomena penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan turut dicerminkan secara bertulis pada bahan-bahan bercetak yang diedarkan kepada komuniti. Dalam kad Jemputan *Aruh Ganal* "*Bubuhan Andin Tasin*", iaitu kad undangan untuk menjemput penduduk-penduduk ke Majlis *Aruh Ganal*, didapati bahawa kad jemputan tersebut memperlihatkan penggunaan bahasa Banjar (*Aruh Ganal, Bubuhan*) bersama bahasa Melayu dan bahasa Arab sebagai medium penyatuan sosial dalam kalangan sahabat dan keluarga besar. Bahasa Banjar muncul sebagai penanda jati diri, manakala bahasa Melayu berperanan sebagai medium utama penyampaian maklumat agar difahami semua lapisan generasi. Dalam sekeping poster larian yang ditemui, dengan judul "*Bukahan Sabarataan 2024 @ Kasi Jadi*", poster tersebut didapati menggunakan bahasa Melayu sebagai medium dominan dan sisipan satu frasa Banjar (*Bukahan Sabarataan*) hanya sebagai elemen simbolik identiti. Kehadiran istilah Inggeris (*flag off, bib number*) menunjukkan penyesuaian kepada gaya komunikasi generasi muda.




Rajah 5.2 Poster larian "*Bukahan Sabarataan 2024 @ Kasi Jadi*"

Sumber: Pergerakan Pemuda UMNO Bagan Serai

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dalam memo Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar pula, memo tersebut didapati tidak menggunakan bahasa Banjar tetapi dalam bahasa Melayu dengan sisipan bahasa Arab. Secara keseluruhan, dokumen-dokumen ini membuktikan bahawa bahasa Banjar dalam domain persahabatan semakin beralih fungsinya daripada alat komunikasi utama kepada penanda identiti simbolik.



Rajah 5.3 Memo “Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar”

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Pola ini menegaskan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam ruang santai dan informal dalam domain persahabatan, tetapi semakin terpinggir dalam ruang rasmi dan formal.

5.3.1 Rumusan Domain Persahabatan

Domain persahabatan memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih wujud sebagai medium keakraban intra-etnik dan simbol solidariti komuniti, namun penggunaannya

UNIVERSITI PENGAJIAN MALAYSIA

semakin terbatas kepada generasi tua dan situasi santai. Generasi muda cenderung menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah yang lebih inklusif dan dominan dalam persekitaran sosial. Faktor yang mempengaruhi peralihan ini termasuk penurunan tahap kefasihan dalam kalangan generasi muda, kecenderungan melakukan akomodasi kepada rakan bukan Banjar, dan pengaruh pendidikan formal yang menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.

Bahasa Banjar dalam domain persahabatan kini sedang bergerak ke arah peralihan bahasa yang lebih dominan. Jika trend ini berterusan, fungsi bahasa Banjar akan kekal hanya sebagai penanda identiti simbolik dan kehilangan fungsinya sebagai bahasa komunikasi utama dalam jaringan sosial komuniti Banjar.

Jadual 5.2 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain persahabatan

Bil.	Generasi / Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Bahasa Banjar masih dominan bersama rakan sebaya dan dalam interaksi di kampung (warung, kenduri).	Homogeniti jaringan rakan, identiti etnik yang kukuh, tiada tekanan standardisasi.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Bahasa Banjar digunakan secara selektif, bercampur dengan bahasa Melayu/dialek Kedah dalam interaksi antara etnik.	Kehadiran rakan bukan Banjar, akomodasi untuk kefahaman, pengaruh rakan sebaya berketurunan Banjar.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Bahasa Banjar semakin jarang digunakan; lebih memilih bahasaMelayu dan dialek Kedah.	Tahap kefasihan rendah, pengaruh pendidikan formal, persepsi praktikaliti bahasa Melayu.
4.	Fungsi bahasa Banjar	Terhad kepada penanda identiti dan keakraban intra-etnik; semakin kurang dalam ruang rasmi.	Dominasi bahasa Melayu dalam interaksi rentas etnik, penyesuaian kepada norma formal.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.4 DOMAIN JUAL BELI

Dapatan daripada tiga sesi rakaman yang dijalankan di Warung Wadai, Masjid Tinggi, Bagan Serai memperlihatkan dengan jelas bahawa dialek Melayu Kedah merupakan pilihan bahasa yang paling dominan dalam interaksi jual beli. Penjual di warung ini secara konsisten menggunakan dialek tersebut dalam komunikasi harian dengan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

pelanggan. Penggunaan dialek Kedah terbukti efektif dan praktikal kerana hampir semua pembeli berasa lebih selesa, memahami dengan baik, dan memberi respons pantas dalam bahasa tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa dialek Kedah telah berfungsi sebagai lingua franca setempat dalam domain jual beli, merentas latar etnik pembeli.Pada masa yang sama, bahasa Melayu standard turut digunakan secara bersilih ganti, khususnya apabila berinteraksi dengan pelanggan luar atau dalam situasi yang memerlukan komunikasi yang lebih formal seperti memberi penjelasan tentang harga, menu, atau tempahan khas. Fenomena ini mencerminkan fleksibiliti linguistik penjual, yang mampu menyesuaikan bahasa mengikut kesesuaian konteks dan latar pelanggan.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan penggunaan slanga contohnya "*màsih*" yang merujuk kepada terima kasih dan "*singgi?*" yang merujuk kepada seringgit, terutamanya dalam interaksi dengan pembeli generasi muda. Kehadiran unsur slanga memperlihatkan pengaruh budaya remaja dan media sosial yang kuat dalam membentuk gaya pertuturan, sekaligus mewujudkan variasi sosial dalam domain jual beli. Walaupun bahasa Banjar tidak dominan, penggunaannya masih dapat diperhatikan dalam situasi tertentu, khususnya apabila pelanggan dikenalpasti sebagai penutur Banjar. Dalam keadaan sebegini, penjual yang berketurunan Banjar lazimnya akan beralih kepada bahasa Banjar sebagai bentuk penghormatan dan pengiktirafan identiti bersama. Ini memperlihatkan bahawa walaupun ruang penggunaannya semakin kecil, bahasa Banjar masih memiliki fungsi simbolik dan nilai sentimental dalam kalangan komuniti setempat. Malah, nama "*Warung Wadai*" sendiri menandakan usaha komuniti tempatan untuk mengekalkan penanda identiti Banjar secara simbolik dalam ruang awam, walaupun bahasa pertuturan harian telah berubah kepada dialek Kedah dan bahasa Melayu.

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa dalam domain jual beli, bahasa Banjar masih wujud tetapi bukan lagi menjadi bahasa utama komunikasi. Pola ini jelas kelihatan dalam kalangan generasi tua (61 tahun ke atas) dan pertengahan (51–60 tahun) yang masih menggunakan bahasa Banjar ketika berjual beli di warung, pasar tempatan atau kedai runcit di sekitar kampung, khususnya apabila pelanggan turut beretnik Banjar. Responden warga tua (KU1:001, KU1:002 dan KU1:003) menyatakan bahawa mereka masih menggunakan bahasa Banjar dalam urusan jual beli, khususnya di

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

warung dan pasar di kampung. Mereka mengekalkan penggunaan istilah Banjar dalam akad jual beli tradisional dan menyatakan rasa selesa serta bangga menggunakan bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, mereka juga melakukan akomodasi kepada bahasa Melayu apabila berurusan dengan pelanggan bukan Banjar, menandakan fleksibiliti dalam menyesuaikan kod bahasa berdasarkan latar pelanggan. Bagi kumpulan pertengahan (51–60 tahun), mereka masih kerap menggunakan bahasa Banjar dalam jual beli, terutama jika pelanggan dikenali sebagai orang Banjar. KU2:001 melaporkan penggunaan bahasa Banjar bercampur dialek Kedah dalam perbualan jual beli. Namun, mereka turut mengakui bahawa pelanggan muda lebih selesa menggunakan bahasa Melayu. Sikap mereka menunjukkan kesediaan mengekalkan bahasa Banjar dalam konteks komuniti, tetapi bersedia untuk beralih kod bahasa bagi melancarkan urusan.

Generasi 41–50 tahun pula menunjukkan pola penggunaan yang lebih terhad dan selektif. KU3:001 dan KU3:003 menyatakan hanya menggunakan bahasa Banjar di warung atau dengan pelanggan yang dikenali sebagai orang Banjar, manakala KU3:002 menegaskan bahawa pelanggan muda lebih suka berbahasa Melayu atau dialek Kedah. Ini menunjukkan berlakunya peralihan kepada bahasa dominan dalam kalangan golongan pertengahan muda demi keberkesanan komunikasi dan jangkauan pelanggan yang lebih luas. Dalam kalangan generasi 31–40 tahun, penggunaan bahasa Banjar bersifat sangat kontekstual. KU4:003 menyatakan hanya menggunakan bahasa Banjar jika pembeli turut beretnik Banjar, dan beralih ke bahasa Melayu atau dialek Kedah jika pelanggan bukan berketurunan Banjar. Strategi penyesuaian kod ini menunjukkan bahawa nilai ekonomi dan keperluan inklusif lebih diutamakan berbanding pemeliharaan bahasa ibunda. Bagi generasi muda (20–30 tahun), responden KU5:001 dan KU5:002 menegaskan bahawa mereka hampir tidak menggunakan bahasa Banjar dalam urusan jual beli biasa kerana majoriti pelanggan terdiri daripada pelbagai etnik dan lebih memahami bahasa Melayu. KU5:003 menyebut bahasa Banjar hanya muncul di warung seperti Warung Wadai, sebagai simbol keakraban komuniti Banjar. Ini membuktikan bahawa bahasa Banjar semakin hilang fungsi praktikal dan hanya kekal secara simbolik dalam ruang jual beli tertentu.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Konteks sosial dan lokasi turut mempengaruhi pemilihan bahasa. Di kawasan kampung seperti Parit Mentara dan Parit Haji Taib, bahasa Banjar masih dapat didengari dalam urusan jual beli harian. Namun, di kawasan pekan seperti Bagan Serai, bahasa Melayu standard dan dialek Kedah mendominasi sepenuhnya. Warung kampung menjadi salah satu ruang terakhir pengekalan bahasa Banjar dalam domain jual beli. Responden warga tua menyatakan rasa bangga apabila dapat menggunakan bahasa Banjar dalam urusan jual beli sesama komuniti, kerana ia dianggap sebagai satu bentuk mempertahankan identiti etnik. Sebaliknya, generasi muda menganggap bahasa Banjar tidak praktikal untuk urusan jual beli moden kerana kurang difahami khalayak luas. Kesedaran tentang kemerosotan fungsi bahasa ini turut diluahkan, contohnya KU2:001 yang menyatakan bahawa jika bahasa Banjar tidak digunakan lagi dalam jual beli, maka warisan Banjar akan semakin dilupakan. Hal ini menunjukkan wujud rasa tanggungjawab dalam kalangan penutur tua, namun tidak disambut oleh generasi muda yang lebih menekankan keberkesanan komunikasi dalam urusan perniagaan harian.

Pemerhatian terhadap penggunaan bahasa Banjar di papan-papan tanda perniagaan, iaitu papan tanda *Warung Wadai*, papan tanda *Kawitan Enterprise* dan gegantung *Warung Kari Ikan Sembilang B40* mendapati bahawa bahasa Banjar dikekalkan dalam bentuk simbolik dalam perniagaan. Dalam papan tanda *Warung Wadai*, kehadiran kata leksikal Banjar "*wadai*" yang membawa makna kuih tradisional membuktikan bahawa unsur bahasa ini masih hidup dalam ruang awam, walaupun bahasa Melayu standard mendominasi struktur komunikasi seperti perkataan "warung" dan penunjuk arah. Tulisan Jawi dan ikon rumah tradisional turut menambah nilai warisan, sekali gus memperkukuh identiti Banjar secara visual dan budaya. Walau bagaimanapun, fungsi utamanya ialah untuk memudahkan kefahaman khalayak umum, termasuk bukan penutur Banjar, menunjukkan wujudnya penyesuaian kepada bahasa dominan dalam domain ini.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 5.4 Warung Wadai

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Begitu juga pada papan tanda *Kawitan Enterprise*, penggunaan perkataan "*kawitan*" (bererti ibu bapa dalam bahasa Banjar) memperlihatkan pengekalan identiti etnolinguistik pemilik perniagaan. Walau bagaimanapun, frasa utama seperti "pemborong dan peruncit" ditulis dalam bahasa Melayu standard, manakala penggunaan istilah Inggeris "*Enterprise*" mencerminkan strategi penjenamaan moden yang bertujuan menarik pelanggan daripada pelbagai latar. Campuran bahasa ini mencerminkan proses glokalisasi, iaitu penggabungan unsur tempatan (Banjar) dan global (Inggeris), iaitu identiti Banjar masih dipertahankan secara simbolik tetapi dibingkaikan semula dalam wacana profesional dan komersial. Hal ini menunjukkan peralihan fungsi bahasa Banjar daripada medium utama kepada penanda identiti dalam domain jual beli.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 5.5 Kawitan Enterprise

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dilihat pula pada gegantung *Warung Kari Ikan Sembilang B40*, ungkapan Banjar "*Kulaan nireng napa takuriheng*" dimasukkan secara jelas dan terbuka dalam bentuk tulisan awam, menandakan usaha aktif untuk mengekalkan bahasa Banjar dalam ruang sosial. Ungkapan ini berfungsi sebagai isyarat pengenalan sesama komuniti Banjar dan membawa nilai sentimental yang dikaitkan dengan sejarah komuniti tersebut. Namun begitu, keseluruhan menu dan nama hidangan seperti "Kari Ikan Sembilang" menggunakan bahasa Melayu standard untuk memastikan kefahaman semua pelanggan, manakala penambahan label "B40" pula menekankan nilai keterangkuman ekonomi. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih muncul dalam ruang jual beli, fungsinya lebih bersifat simbolik sebagai penanda identiti etnik, manakala bahasa Melayu standard kekal sebagai medium utama komunikasi komersial. Secara keseluruhannya, gabungan ini mencerminkan bentuk adaptasi hibrid yang membolehkan komuniti Banjar mengekalkan warisan linguistik mereka sambil menyesuaikan diri dengan realiti pasaran tempatan dan nasional.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 5.6 Warung Kari Ikan Sembilang B40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.4.1 Rumusan Domain Jual Beli

Berdasarkan triangulasi dapatan daripada rakaman, temu bual dan analisis kandungan dapat dirumuskan bahawa domain jual beli memperlihatkan proses peralihan bahasa Banjar yang ketara, khususnya dalam kalangan generasi muda di Mukim Bagan Serai. Rakaman di Warung Wadai membuktikan penggunaan dialek Kedah dominan, manakala bahasa Banjar hanya digunakan secara terhad apabila melibatkan sesama penutur bahasa Banjar. Temu bual mengesahkan bahawa generasi tua masih menggunakan bahasa Banjar, tetapi generasi muda lebih cenderung kepada bahasa dominan bagi memudahkan komunikasi dengan pelanggan pelbagai etnik. Analisis kandungan papan tanda menunjukkan bahasa Banjar hanya dikekalkan secara simbolik (contoh: *wadai*, *kawitan*), manakala bahasa Melayu dan Inggeris mendominasi komunikasi komersial.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, domain jual beli memperlihatkan bahawa peralihan bahasa Banjar berlaku akibat tekanan penggunaan bahasa dominan (dialek Kedah dan bahasa Melayu standard) yang lebih inklusif dalam interaksi bercampur. Faktor-faktor utama yang mendorong peralihan ini ialah: (i) umur penutur dan pelanggan; (ii) lokasi jual beli (kampung vs pekan/luar mukim); (iii) keperluan komunikasi inklusif dengan komuniti pelbagai etnik; dan (iv) sikap generasi muda yang mengutamakan keberkesanan komunikasi berbanding pewarisan bahasa ibunda.

Jadual 5.3 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain jual beli

Bil.	Generasi / Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Masih menggunakan bahasa Banjar atau bercampur dialek Kedah dalam aktiviti jual beli sesama penutur Banjar tempatan.	Kesetiaan etnik, kebiasaan bahasa, pelanggan terdiri daripada komuniti Banjar, lokasi di kampung/pasar tempatan.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Menggunakan Banjar secara selektif; semakin banyak beralih kepada bahasa Melayu/dialek Kedah, khususnya dengan pelanggan bukan Banjar.	Keperluan komunikasi luas, campuran pelanggan, konteks sosial bercampur.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Hampir tidak menggunakan bahasa Banjar; lebih selesa menggunakan bahasa Melayu standard/dialek Kedah/bahasa slanga kecuali secara simbolik di warung komuniti.	Rakan sebaya pelbagai etnik, dominasi bahasa Melayu, praktikaliti komunikasi, pengaruh urbanisasi.
4.	Fungsi bahasa Banjar	Terhad kepada interaksi sesama komuniti Banjar dan simbol identiti dalam ruang perniagaan kecil tempatan.	Persaingan dengan bahasa dominan, tekanan sosial, orientasi ekonomi dan pasaran.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.5 DOMAIN KEAGAMAAN

Secara keseluruhan, ketiga-tiga sesi rakaman yang dijalankan di Masjid Al-Athar memperlihatkan bahawa bahasa Melayu standard berfungsi sebagai medium utama komunikasi dalam domain keagamaan, khususnya dalam konteks formal seperti khutbah Jumaat, penyampaian makluman oleh ahli jawatankuasa masjid, dan pengendalian solat berjemaah. Gaya bahasa yang digunakan turut berbeza mengikut peranan sosial penutur dan situasi ibadah; khutbah Jumaat menampilkan laras bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

yang formal dan bersifat retorik dengan sisipan kosa kata Arab yang padat, manakala penyampaian maklumat oleh AJK masjid menggunakan laras lebih santai dan mesra, menandakan kecenderungan kepada komunikasi yang inklusif dan mudah difahami semua lapisan jemaah.

Dalam konteks ibadah yang lebih santai seperti selepas solat Tarawih atau Subuh, bahasa Banjar muncul secara aktif, khususnya dalam perbualan tidak formal yang melibatkan latar etnik dan pengalaman peribadi. Penggunaan bahasa Banjar dalam situasi ini memperlihatkan peranannya sebagai bahasa identiti dalam kalangan jemaah generasi pertengahan dan tua, yang masih mengekalkan hubungan sosial berasaskan etnik. Kehadiran dialek Melayu Kedah turut dikesan dalam pertuturan spontan, seperti penggunaan kata "*pasai*" dan "*mai*", mencerminkan penyesuaian linguistik masyarakat Banjar terhadap persekitaran sosial dan geografi di utara Perak. Fenomena ini menunjukkan wujudnya *translanguaging* secara semula jadi dalam komuniti masjid, tanpa menjejaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan dalam penyampaian mesej keagamaan.Selain itu, bahasa Arab bukan sahaja digunakan dalam bacaan ritual seperti doa, selawat dan zikir, tetapi turut digunakan secara terpilih dalam komunikasi interpersonal, contohnya ketika berinteraksi dengan tetamu dari Palestin. Hal ini menunjukkan status bahasa Arab sebagai simbol kesatuan ummah dan penghormatan terhadap latar tetamu, di samping mencerminkan tahap penguasaan asas bahasa tersebut dalam kalangan jemaah tempatan. Namun demikian, contoh ini tidak boleh ditafsir sebagai terdapat penggunaan bahasa bahasa Arab dalam interaksi lisan antara penduduk tempatan, dalam domain keagamaan.

Secara keseluruhannya, dapatan rakaman ini memperlihatkan pelapisan fungsi bahasa dalam domain keagamaan di Masjid Al-Athar: bahasa Melayu standard mendominasi sebagai medium rasmi dan umum, bahasa Banjar berfungsi sebagai bahasa warisan dan penanda identiti yang digunakan secara terbatas dalam interaksi "tertutup", dialek Melayu Kedah melambangkan penyesuaian lokal terhadap persekitaran sosial, manakala bahasa Arab menzahirkan lambang spiritual dan hubungan antarabangsa ummah. Gabungan keempat-empat unsur ini bukan sahaja memenuhi keperluan komunikasi pelbagai lapisan masyarakat, malah menegaskan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

peranan masjid sebagai ruang pelestarian bahasa dan penyatuan sosial dalam komuniti Islam yang majmuk.

Berdasarkan dapatan temu bual dalam domain keagamaan, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa Banjar masih wujud tetapi semakin berkurangan, dan fungsinya lebih bersifat simbolik serta selektif mengikut generasi dan konteks interaksi. Dalam kalangan generasi tua (61 tahun ke atas), ketiga-tiga responden (KU1:001, KU1:002, KU1:003) menegaskan bahawa bahasa Banjar masih digunakan secara meluas dalam kegiatan keagamaan seperti perbualan di masjid, kenduri, tahlil dan pertemuan komuniti jemaah berusia. Mereka menyatakan rasa selesa dan bangga menggunakan bahasa ibunda dalam wacana keagamaan, dan sesekali menyelitkan kosa kata Banjar semasa memberi nasihat agama. Ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih berfungsi sebagai medium komunikasi aktif dan penanda identiti dalam kalangan jemaah veteran, menandakan vitaliti yang relatif stabil dalam kelompok usia ini.

Dalam kalangan generasi pertengahan (51–60 tahun), kesemua responden (KU2:001, KU2:002, KU2:003) melaporkan bahawa bahasa Banjar masih digunakan dalam kalangan jemaah lebih berusia, dan sesekali digunakan oleh penceramah dalam bentuk sisipan kata atau peribahasa semasa ceramah agama. Namun, mereka turut mengakui bahawa terdapat pengaruh ketara dialek Kedah dalam komunikasi harian di masjid, terutamanya apabila khalayak bercampur. Mereka menilai bahawa fungsi bahasa Banjar semakin mengecil dalam aktiviti rasmi seperti kuliah dan khutbah, justeru penggunaannya lebih terhad pada ruang sosial kecil dalam kalangan penutur seetnik. Hal ini menunjukkan mula berlakunya peralihan fungsi keagamaan kepada bahasa Melayu dan loghat Kedah. Dalam kalangan generasi 41–50 tahun, responden (KU3:001, KU3:002, KU3:003) secara konsisten menyatakan bahawa bahasa Banjar semakin jarang digunakan dalam domain keagamaan. KU3:002 menekankan bahawa khutbah dan kuliah kini hampir sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu standard agar difahami generasi muda, manakala KU3:003 hanya akan menggunakan bahasa Banjar dalam perbualan tidak formal dengan individu seetnik. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar telah beralih daripada fungsi penyampaian ilmu agama kepada fungsi simbolik yang terbatas, dan pemilihannya bersifat pragmatik mengikut lawan tutur.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Bagi generasi 31–40 tahun, hanya sebahagian kecil penggunaan bahasa Banjar direkodkan, khususnya dalam interaksi santai di masjid seperti berbual sebelum atau selepas solat. KU4:002 menyatakan bahawa hanya jemaah berusia yang masih menuturkan bahasa Banjar, manakala generasi muda lebih cenderung kepada dialek Melayu Kedah atau bahasa Melayu standard. KU4:003 menegaskan bahawa di kawasan kampung seperti Masjid Tinggi, penggunaan bahasa Banjar masih kelihatan, tetapi hampir tidak wujud di kawasan pekan Bagan Serai. Ini menunjukkan bahawa faktor lokasi dan umur penutur mempengaruhi kehadiran bahasa Banjar, dan penggunaannya semakin bersifat periferi serta tidak formal. Dalam kalangan generasi muda (20–30 tahun), dapatan paling ketara ialah bahasa Banjar hampir tidak digunakan dalam kegiatan keagamaan rasmi seperti ceramah, kelas pengajian dan khutbah. Ketiga-tiga responden (KU5:001, KU5:002, KU5:003) menyatakan bahawa bahasa Melayu standard menjadi bahasa utama kerana lebih difahami khalayak pelbagai etnik. Hanya dalam majlis kecil seperti tahlil atau kenduri arwah dalam kalangan sesama komuniti, bahasa Banjar masih digunakan secara terhad. Mereka melihat bahasa Banjar lebih sebagai bahasa warisan dan simbolik, bukan bahasa fungsional untuk kegiatan agama.

Secara keseluruhan, dapatan temu bual ini memperlihatkan trajektori peralihan yang jelas, iaitu bahasa Banjar masih aktif dan kukuh dalam kalangan generasi tua dalam domain keagamaan, mula mengecil fungsinya dalam kalangan generasi pertengahan, dan hampir pupus penggunaannya dalam kalangan generasi muda. Bahasa Melayu standard telah mengambil alih peranan utama sebagai medium penyampaian ilmu agama, manakala dialek Kedah menjadi bahasa perhubungan harian di ruang keagamaan. Ini menandakan bahawa tanpa usaha pewarisan yang disokong institusi, bahasa Banjar hanya akan kekal sebagai penanda identiti simbolik dalam domain keagamaan, bukannya sebagai bahasa pengajaran dan komunikasi utama.

Dalam kajian, penulis sempat penulis meninjau bahan bertulis berkaitan dengan domain keagamaan, iaitu *Memo Jadual Iftar Ramadan Masjid Al-Athar* dan *Papan Kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar*, hasil pemerhatian mendapati bahawa bahasa Melayu dominan sebagai medium penyampaian utama, manakala istilah Arab digunakan secara terpilih untuk memperkukuh nilai keislaman dan kesakralan aktiviti. Dalam *Memo Jadual Iftar Ramadan*, bahasa Melayu digunakan untuk menyampaikan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

maklumat rasmi berkaitan giliran penyediaan iftar, disertai frasa inklusif seperti “Semua dijemput hadir” yang menzahirkan semangat keterangkuman dan ukhuwah Islamiah. Penyisipan istilah Arab seperti *Ramadan*, *tahlil*, *doa selamat*, dan *al-Quran* menambah dimensi spiritual yang menegaskan bahawa aktiviti ini berakar pada tradisi Islam. Dalam masa yang sama, penyusunan nama keluarga, kumpulan jemaah dan organisasi kecil mencerminkan nilai gotong-royong dan tanggungjawab sosial komuniti kariah.

Begitu juga, *Papan Kenyataan Jawatankuasa Biro Masjid Al-Athar* menunjukkan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya sebagai alat penyampaian maklumat rasmi tentang struktur organisasi dan pembahagian tanggungjawab biro. Istilah Arab seperti *dakwah* dan *HELWA* disisipkan untuk mengekalkan citra Islam, manakala penampilan nama dan gambar individu dalam setiap biro memperlihatkan ciri ketelusan, akauntabiliti, dan tanggungjawab kolektif dalam pengurusan masjid. Dari sudut identiti linguistik, penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama mencerminkan usaha memastikan mesej dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat, manakala sisipan istilah Arab memberikan nilai sakral dan menghubungkan struktur organisasi masjid dengan tradisi Islam yang lebih luas. Tiada unsur bahasa Banjar dikenal pasti dalam kedua-dua teks bertulis ini, menunjukkan bahawa peranan bahasa Banjar dalam domain keagamaan rasmi amat minimum, bahkan hampir tidak wujud. Bahasa Melayu mendominasi sebagai bahasa pentadbiran dan penyampaian maklumat, manakala bahasa Arab berfungsi sebagai penanda agama. Keadaan ini mencerminkan satu bentuk peralihan bahasa dalam domain keagamaan, iaitu bahasa Banjar hanya kekal secara lisan dalam interaksi tidak rasmi, tetapi tidak lagi diangkat sebagai bahasa bertulis atau bahasa rasmi dalam dokumen institusi keagamaan.

Secara keseluruhannya, pola ini membuktikan bahawa semakin bercampur khalayak dan semakin luas ruang sosial keagamaan, semakin mengecil ruang penggunaan bahasa Banjar. Bahasa Melayu mendominasi semua bentuk komunikasi rasmi dan separa rasmi di masjid, manakala bahasa Banjar hanya wujud dalam perbualan sampingan sesama penutur seetnik. Hal ini menandakan fungsi bahasa Banjar kini lebih bersifat simbolik dan tidak lagi berperanan sebagai bahasa ibadah atau komunikasi utama.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

5.5.1 Rumusan Domain Keagamaan

Dapatan daripada rakaman, temu bual, analisis kandungan dan soal selidik memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain keagamaan semakin lemah dan terbatas, manakala bahasa Melayu standard dan bahasa Arab menjadi bahasa utama. Bahasa Melayu mendominasi semua bentuk komunikasi rasmi dan separa rasmi seperti khutbah, kuliah, pengumuman dan pengurusan masjid, manakala bahasa Arab digunakan dalam bacaan doa, zikir dan selawat sebagai bahasa ritual yang berprestij serta simbol kesatuan ummah. Dialek Kedah turut muncul secara spontan sebagai bentuk penyesuaian tempatan dalam komunikasi harian.

Bahasa Banjar hanya muncul dalam interaksi tidak formal dan bersifat "tertutup", seperti berbual selepas solat atau ketika majlis kecil (tahlil, kenduri arwah), khususnya dalam kalangan generasi tua. Generasi pertengahan menggunakannya secara terhad dan bercampur dengan dialek Kedah, manakala generasi muda hampir tidak lagi menuturkannya dalam konteks keagamaan. Analisis kandungan dokumen rasmi masjid menunjukkan bahasa Banjar langsung tidak digunakan, menandakan bahasa ini tidak memainkan fungsi simbolik dalam domain keagamaan. Pola ini membuktikan bahawa semakin bercampur khalayak dan semakin luas ruang sosial keagamaan, semakin merosot peranan bahasa Banjar.

Jadual 5.4 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain keagamaan

Bil.	Generasi / Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Bahasa Banjar masih digunakan secara aktif dalam perbualan di masjid, kenduri, tahlil dan majlis kecil sesama komuniti Banjar.	Jaringan sosial homogen (rakan sebaya Banjar), rasa bangga terhadap bahasa ibunda, tiada tekanan standardisasi rasmi.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Bahasa Banjar hanya digunakan secara selektif dalam interaksi tidak formal; aktiviti rasmi guna Melayu/dialek Kedah.	Pengaruh rakan bukan Banjar, keperluan komunikasi inklusif, penurunan kefasihan dalam kalangan anak-anak mereka.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Hampir tidak menggunakan bahasa Banjar; memilih bahasa Melayu standard atau dialek Kedah dalam semua aktiviti keagamaan.	Tahap kefasihan rendah, tekanan pendidikan formal, persepsi bahasa Banjar tidak praktikal untuk penyampaian agama.

bersambung…

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

…sambungan

4.	Fungsi bahasa Banjar	Terhad kepada simbol identiti etnik dan keakraban sesama penutur dalam majlis kecil; tidak digunakan dalam komunikasi rasmi keagamaan.	Dominasi bahasa Melayu sebagai *lingua franca* agama, keperluan kefahaman rentas etnik, ketiadaan sokongan institusi.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.6 DOMAIN PEKERJAAN

Rakaman di warung berhampiran Masjid Tinggi, Bagan Serai, iaitu di Warung B40 memperlihatkan bahawa pilihan bahasa dalam domain pekerjaan sangat bergantung pada faktor sosiolinguistik seperti latar etnik, perbezaan generasi, serta tahap keakraban antara pekerja dan pelanggan. Secara keseluruhan, pekerja warung menggunakan dialek Melayu Kedah dan bahasa Melayu standard sebagai medium utama komunikasi ketika melaksanakan tugas harian seperti mengambil pesanan, menyediakan makanan, dan melayan pelanggan. Pemilihan bahasa ini mencerminkan strategi komunikasi yang bersifat praktikal dan inklusif, bagi memastikan maklumat disampaikan dengan jelas dan difahami oleh pelanggan daripada pelbagai latar belakang.

Namun begitu, rakaman turut menunjukkan bahawa bahasa Banjar masih digunakan secara terpilih, khususnya dalam interaksi dengan pelanggan tetap yang lebih berusia atau yang berkongsi latar etnik Banjar dengan pekerja. Dalam situasi sebegini, pekerja kadangkala menyelitkan ujaran bahasa Banjar seperti "*handak tambahkah?*" manakala pelanggan membalas dengan kata sapaan tradisional seperti "*angahnyak*". Fenomena ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar kekal wujud dalam domain pekerjaan, walaupun secara periferi, dan berfungsi sebagai penanda keakraban serta solidariti sesama komuniti Banjar. Selain itu, rakaman turut mencatatkan kehadiran unsur slanga Inggeris seperti "*orait*" lazimnya dalam komunikasi santai antara pekerja dan pelanggan muda. Penyisipan ini mencerminkan pengaruh luar yang diserap secara semula jadi dalam pertuturan harian, menandakan tahap keterbukaan linguistik komuniti terhadap variasi bahasa lain yang berkaitan dengan gaya hidup moden.Secara keseluruhannya, dapatan rakaman ini menunjukkan bahawa komunikasi dalam domain pekerjaan berlangsung dalam suasana fleksibel dan adaptif, iaitu pekerja dan pelanggan menyesuaikan bentuk bahasa mengikut konteks sosial, umur dan hubungan sosial antara mereka. Penggunaan dialek Melayu Kedah sebagai bahasa utama mencerminkan akar

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

budaya setempat yang kukuh, manakala bahasa Banjar kekal sebagai bahasa sokongan yang berfungsi memperkukuh hubungan etnik dan jati diri komuniti dalam ruang kerja tidak formal.

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain pekerjaan semakin menyusut merentasi generasi, dengan pola yang jelas menggambarkan peralihan kepada bahasa Melayu dan dialek Kedah sebagai bahasa kerja utama. Dalam kalangan generasi tua (61 tahun ke atas), bahasa Banjar masih digunakan secara meluas terutama dalam sektor tidak formal seperti pertanian, perniagaan kecil, dan jualan barangan tempatan. Responden menegaskan bahawa mereka berasa selesa berbahasa Banjar bersama majikan atau pelanggan seetnik kerana bahasa ini melambangkan keakraban dan identiti bersama. Walau bagaimanapun, mereka turut mengakui bahawa bahasa Melayu menjadi pilihan di pejabat kerajaan atau apabila berurusan dengan pelanggan bukan berketurunan Banjar, menandakan kesedaran terhadap keperluan menyesuaikan bahasa mengikut konteks profesional.

Bagi generasi pertengahan (51–60 tahun), penggunaan bahasa Banjar dalam pekerjaan kelihatan lebih terhad dan bersifat situasional. Responden hanya menuturkan bahasa Banjar apabila berinteraksi dengan rakan sekerja atau majikan yang juga penutur Banjar, manakala bahasa Melayu dan dialek Kedah menjadi dominan dalam persekitaran kerja bercampur etnik. Mereka menilai bahawa penggunaan bahasa Banjar di tempat kerja kini hanya sesuai dalam perbualan santai atau tidak rasmi, manakala urusan rasmi lebih menuntut penggunaan bahasa Melayu sebagai simbol profesionalisme. Hal ini memperlihatkan peralihan fungsi bahasa Banjar daripada medium kerja utama kepada sekadar penanda hubungan sosial sesama etnik. Dalam kalangan generasi 41–50 tahun, kecenderungan untuk menggunakan bahasa Banjar dalam pekerjaan semakin lemah dan bersifat selektif. Responden menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan bahasa Banjar ketika bertemu dengan pelanggan atau rakan seetnik, manakala bahasa Melayu menjadi bahasa utama di institusi kesihatan, perbankan dan sektor awam. Mereka turut menggabungkan kosa kata Banjar dengan bahasa Melayu atau dialek Kedah, menunjukkan kemerosotan penguasaan bahasa Banjar dan penyesuaian terhadap keperluan komunikasi luas. Dalam konteks ini, bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar lebih dilihat sebagai bahasa simbolik untuk mengekalkan jalinan mesra, bukan lagi sebagai alat komunikasi kerja yang berfungsi secara praktikal.

Bagi generasi 31–40 tahun, bahasa Banjar hampir hilang daripada konteks kerja formal dan hanya bertahan secara marginal dalam sektor tidak formal seperti bengkel dan pertanian di kampung. Responden menegaskan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu standard dalam hampir semua urusan kerja, manakala bahasa Banjar hanya muncul secara spontan, misalnya ketika bergurau atau menzahirkan emosi kepada rakan sekerja seetnik. Di pejabat kerajaan, bahasa Banjar langsung tidak digunakan kerana dianggap tidak sesuai dan tidak difahami oleh khalayak kerja mereka. Ini menandakan bahawa bahasa Banjar semakin kehilangan fungsinya sebagai bahasa kerja dalam kalangan generasi ini.

Dalam kalangan generasi muda (20–30 tahun), penggunaan bahasa Banjar dalam pekerjaan hampir pupus. Responden menyatakan bahawa mereka hanya menuturkan bahasa Banjar dalam konteks kerja kampung seperti membantu keluarga di sawah atau berniaga kecil, manakala di tempat kerja rasmi atau moden, mereka sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah. Mereka menganggap bahasa Banjar kurang praktikal, tidak difahami khalayak kerja dan tidak sesuai dengan imej profesional. Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar telah kehilangan fungsi komunikatifnya dalam domain pekerjaan, dan hanya bertahan dalam ruang kecil intra-etnik, sekali gus mencerminkan peralihan bahasa yang dominan dalam kalangan generasi muda.

Berdasarkan hasil tinjauan pengkaji, dalam domain pekerjaan memperlihatkan bahawa papan tanda, gegantung, dan papan komersial lain berperanan penting sebagai medium pengekalan simbolik bahasa Banjar di ruang awam, walaupun fungsi praktikalnya semakin terpinggir oleh dominasi bahasa Melayu standard, bahasa Inggeris, dan bahasa Arab. Analisis terhadap papan tanda "*Kawitan Enterprise*" misalnya, jelas menunjukkan strategi linguistik yang berlapis. Frasa "Pemborong dan Peruncit" ditulis dalam bahasa Melayu standard, mencerminkan keperluan komunikasi yang jelas dan mudah difahami khalayak umum. Namun, sisipan perkataan Banjar "*kawitan*" (bererti ibu bapa) menandakan kebanggaan etnolinguistik pemilik

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

berketurunan Banjar yang masih mahu mengabadikan identiti mereka sebagai seorang pekerja yang dalam bidang perniagaan. Pada masa sama, penggunaan perkataan Inggeris "*Enterprise*" melambangkan adaptasi kepada trend pasaran kontemporari yang menuntut imej profesional dan berprestij. Fenomena ini memperlihatkan satu bentuk glokalisasi (gabungan elemen lokal dan global), iaitu pemilik berusaha mengekalkan warisan Banjar tetapi pada masa yang sama memenuhi tuntutan ekonomi dan sosial yang lebih luas.

Begitu juga dengan gegantung "*Banjar Motor*", penggunaan nama etnik "Banjar" yang digunakan oleh pekerja sebagai mekanik yang mahir dalam servis kenderaan di Bagan Serai menggambarkan pengekalan identiti etnik sebagai tanda kebanggaan. Walaupun bahasa Melayu standard melalui frasa "Pusat Servis Kenderaan" menjadi medium utama komunikasi yang difahami umum, pemilihan nama "Banjar" menandakan bahawa identiti etnik ini masih relevan sebagai modal sosial dalam perniagaan. Keadaan ini selari dengan teori *ethnolinguistic vitality* (Giles et al. 1977), iaitu pengekalan simbol bahasa etnik pada papan tanda berfungsi sebagai penanda kebersamaan komuniti walaupun fungsi komunikatifnya semakin kecil. Dalam kes "*Hotel Kulaan Inn*", pekerja dalam bidang perhotelan yang berketurunan Banjar memilih istilah Banjar "*kulaan*" (bermaksud saudara/kawan akrab) memberi sentuhan identiti etnik dan unsur keakraban yang dijadikan strategi pemasaran. Namun, dominasi bahasa Inggeris ("*Hotel*", "*Café*", "*Inn*", "*Best Muslim Friendly Accommodation*") jelas memperlihatkan orientasi global dan profesional yang menjadi keutamaan dalam industri perhotelan. Tambahan pula, penggunaan tulisan Arab "بسم الله الرحمن الرحيم" pada papan tanda menonjolkan nilai Islamik, sekali gus menggabungkan tiga identiti besar: Banjar (etnik), Melayu/Inggeris (nasional dan global), serta Arab (agama). Gabungan ini menunjukkan wujudnya penjenamaan hibrid, iaitu strategi bahasa yang menggabungkan identiti warisan, keagamaan, dan global dalam ruang pekerjaan moden.

Contoh yang lebih eksplisit dapat dilihat apabila pekerja atau pengusaha warung makanan memasang gegantung "*Warung Kari Ikan Sembilang B40*" yang menyelitkan slogan dalam bahasa Banjar "*Kulaan nireng napa takuriheng*". Frasa ini bukan sahaja memperlihatkan penggunaan bahasa Banjar dalam bentuk bertulis di ruang awam,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

malah membawa makna simbolik yang hanya difahami komuniti Banjar, berfungsi sebagai kod etnik dan penanda persaudaraan. Walaupun teks utama dan menu makanan ditulis dalam bahasa Melayu standard agar difahami oleh pelanggan umum, kehadiran slogan Banjar ini mengesahkan bahawa bahasa tersebut masih dikekalkan dalam bentuk praktik simbolik. Elemen tambahan seperti angka "B40" pula menunjukkan strategi komersial inklusif untuk menarik pelanggan daripada kelas ekonomi tertentu, membuktikan bahawa warisan bahasa dan strategi pemasaran moden boleh digabungkan secara fleksibel. Secara keseluruhan, analisis kandungan papan tanda dalam domain pekerjaan di Mukim Bagan Serai memperlihatkan pola yang konsisten: bahasa Melayu standard digunakan sebagai medium utama komunikasi komersial, bahasa Inggeris berfungsi sebagai simbol prestij dan profesionalisme, bahasa Arab sebagai pengukuh identiti keagamaan, manakala bahasa Banjar hanya dikekalkan dalam bentuk simbolik melalui nama perniagaan atau slogan. Keadaan ini menggambarkan peralihan fungsi bahasa Banjar dalam domain pekerjaan daripada medium praktikal kepada sekadar penanda identiti etnolinguistik. Fenomena ini juga menunjukkan wujudnya strategi adaptasi hibrid, iaitu masyarakat Banjar mengekalkan unsur warisan mereka tetapi pada masa sama menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi dan sosial moden. Dengan kata lain, bahasa Banjar di ruang pekerjaan bukan lagi bahasa transaksi utama, tetapi lebih kepada lambang kebanggaan etnik yang diintegrasikan ke dalam landskap linguistik perniagaan tempatan.

Kesimpulannya, dapatan soal selidik ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir dalam domain pekerjaan di Mukim Bagan Serai. Sama ada dalam urusan formal bersama majikan atau situasi santai bersama rakan sekerja, bahasa Melayu standard menguasai sepenuhnya ruang komunikasi. Hal ini menandakan peluang pewarisan bahasa Banjar melalui interaksi pekerjaan adalah hampir tiada, sekali gus memperkukuh pola peralihan bahasa yang telah dikenal pasti dalam dapatan rakaman dan analisis kandungan.

5.6.1 Rumusan Domain Pekerjaan

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa fungsi bahasa Banjar dalam domain pekerjaan berada pada tahap yang sangat terhad. Bahasa Melayu standard dan dialek Melayu

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kedah telah mengambil alih hampir sepenuhnya peranan komunikasi, sama ada dalam konteks rasmi mahupun tidak rasmi. Bahasa Banjar hanya bertahan dalam sektor pekerjaan tidak formal seperti pertanian, pekerjaan di bengkel, dan perniagaan kecil di kampung, itupun terbatas kepada interaksi sesama penutur seetnik. Analisis kandungan papan tanda perniagaan menunjukkan bahasa Banjar dikekalkan secara simbolik melalui istilah seperti *kawitan*, *kulaan*, dan *Banjar*). Secara keseluruhan, bahasa Banjar tidak lagi berfungsi sebagai bahasa kerja, sebaliknya beralih menjadi penanda identiti etnik yang bersifat simbolik dalam landskap pekerjaan moden.

Jadual 5.5 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain pekerjaan

Bil.	Generasi	Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Pengekalan/ Penggunaan terhad	Penggunaan bahasa Banjar dengan rakan/majikan seetnik dalam sektor tidak formal; BM standard di sektor formal.	Jaringan seetnik, pekerjaan tidak formal, solidariti komuniti.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Peralihan separa	Penggunaan Bahasa Banjar selektif; BM standard dan dialek Melyu Kedah lebih dominan.	Tempat kerja bercampur etnik, tuntutan profesional, perkahwinan campur.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Peralihan ketara	Bahasa Banjar muncul sporadik (kampung/emosi); BM standard dominan.	Norma kerja formal, kurang transmisi kepada anak, akomodasi.
4.	Fungsi bahasa Banjar	Hampir pupus	BM standard dan dialek Melayu Kedah hampir sepenuhnya; Bahasa Banjar simbolik.	Norma profesional, rakan sekerja pelbagai etnik, keutamaan praktikal.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

5.7 DOMAIN PENDIDIKAN

Ketiga-tiga sesi rakaman di Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan yang berlapis dalam mewujudkan suasana pendidikan Islam yang menyeluruh. Bahasa Arab digunakan secara konsisten dalam doa, zikir dan bacaan teks agama. Fungsinya bukan sahaja sebagai wahana ritual, tetapi juga sebagai medium disiplin ilmu yang menekankan hafalan, sebutan tepat, serta penghormatan terhadap teks suci. Hal ini memperkukuh identiti Islam dan memberi nilai spiritual yang tinggi dalam pengalaman pendidikan

pelajar. Bahasa Melayu pula berperanan dominan sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran, komunikasi seharian, dan penyampaian arahan guru. Bahasa ini menjadi jambatan yang menghubungkan teks agama dengan kefahaman pelajar, sekali gus memastikan ilmu disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami serta inklusif. Keberkesanan interaksi guru dengan pelajar banyak bergantung pada penggunaan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi utama.

Dalam interaksi spontan, kedengaran juga kepelbagaian dialek tempatan seperti bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dan dialek Melayu Perak. Penggunaan variasi ini mencerminkan identiti linguistik komuniti setempat dan berfungsi dalam membina keakraban sosial antara pelajar serta guru. Walaupun tidak dominan, variasi ini menandakan madrasah sebagai ruang sosial yang turut menyumbang kepada kesinambungan bahasa warisan. Selain itu, bahasa Inggeris hadir dalam bentuk sisipan istilah pinjaman seperti *task*, *standby*, dan *three four*, yang memperlihatkan adaptasi kepada realiti pendidikan kontemporari. Kehadiran unsur ini menandakan pengaruh global dalam amalan pendidikan Islam tempatan, tanpa menjejaskan dominasi bahasa Melayu dan bahasa Arab. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pemilihan bahasa di madrasah ini bukan sahaja memenuhi keperluan komunikasi, tetapi juga memperkukuh kefahaman agama, memelihara identiti budaya, dan menanamkan nilai rohani dalam kalangan pelajar. Gabungan bahasa Arab sebagai wahana sakral, bahasa Melayu sebagai medium pengajaran, dialek tempatan sebagai penanda identiti, dan bahasa Inggeris sebagai unsur adaptasi menjadikan proses pendidikan di madrasah lebih kontekstual, bermakna, dan bersepadu.

Menurut informan yang ditemu bual mendapati bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain pendidikan semakin berkurangan merentasi generasi, dengan pola peralihan yang jelas daripada generasi tua kepada generasi muda. Dalam kalangan generasi tua (61 tahun ke atas), kesemua responden mengakui bahawa bahasa Banjar hampir tidak mempunyai ruang dalam pendidikan formal. Namun, mereka menegaskan bahawa pada zaman persekolahan mereka dahulu, bahasa Banjar masih digunakan sesama murid Banjar di luar bilik darjah, terutama dalam perbualan santai di asrama atau kawasan sekolah. Walau bagaimanapun, dalam bilik darjah, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama, selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan. Situasi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ini menunjukkan bahawa walaupun generasi tua masih mengekalkan penguasaan bahasa Banjar, fungsi bahasa tersebut terhad pada komunikasi sosial tidak rasmi di sekolah, bukan sebagai medium pendidikan. Bagi generasi pertengahan (51–60 tahun), dapatan memperlihatkan pola yang sama. Responden menegaskan bahawa bahasa Banjar tidak pernah dijadikan bahasa pengajaran, sebaliknya hanya digunakan sesama rakan sebaya yang beretnik Banjar. Malah, faktor perkahwinan campur dan kepelbagaian etnik di sekolah mempercepatkan penurunan fungsi bahasa Banjar dalam pendidikan. Mereka mengakui bahawa bahasa Melayu dan dialek Kedah lebih dominan dalam interaksi antara murid, bahkan dengan guru. Hal ini mencerminkan proses asimilasi yang berlaku secara konsisten, iaitu bahasa Banjar hanya bertahan sebagai bahasa sampingan di luar bilik darjah.

Dalam kalangan generasi 41–50 tahun, peralihan bahasa menjadi lebih ketara. Responden menyatakan bahawa pada era persekolahan mereka, bahasa Banjar hanya sesekali digunakan di sekolah, dan itu pun dalam kalangan rakan karib seetnik. Kebanyakan interaksi rasmi dan tidak rasmi berlaku dalam bahasa Melayu, termasuk dalam aktiviti kokurikulum dan komunikasi dengan guru. Dapatan ini membuktikan bahawa pada peringkat ini, bahasa Banjar hanya tinggal dalam bentuk penggunaan terbatas yang sangat kontekstual. Dalam kalangan generasi muda dewasa (31–40 tahun), responden mengakui bahawa penggunaan bahasa Banjar di sekolah semakin jarang, malah hampir tiada. Menurut informan yang ditemu bual , walaupun ada sekolah luar bandar seperti SK Parit Haji Aman atau SK Dato' Alaudin yang mempunyai majoriti pelajar Banjar, penggunaan bahasa ini tetap terbatas kerana dasar pendidikan menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Di sekolah yang berada di kawasan pekan seperti SMK Bagan Serai, penggunaan bahasa Banjar hampir tidak wujud langsung. Hal ini menunjukkan bahawa faktor lokasi dan kepadatan komuniti memainkan peranan penting, iaitu di kawasan kampung, bahasa Banjar mungkin masih kedengaran sesama rakan, tetapi di kawasan bandar, ia hilang sepenuhnya daripada domain pendidikan. Akhir sekali, dalam generasi muda (20–30 tahun), dapatan jelas memperlihatkan bahawa bahasa Banjar tidak lagi berfungsi dalam konteks persekolahan. Semua responden mengesahkan bahawa bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah menjadi medium utama dalam komunikasi pelajar dan guru. Bahasa Banjar hanya wujud dalam bentuk simbolik atau sesekali digunakan di sekolah tertentu

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

yang majoriti pelajarnya berketurunan Banjar. Namun, bagi kebanyakan sekolah, ia sudah hampir pupus. Responden mengaitkan hal ini dengan faktor kurangnya pewarisan di rumah, menyebabkan generasi muda tidak fasih berbahasa Banjar, apatah lagi menggunakannya di sekolah.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar berada pada kedudukan yang sangat lemah dalam domain pendidikan. Hal ini demikian kerana bahasa Banjar tidak lagi digunakan sebagai medium pembelajaran, sebaliknya sekadar bertahan secara terhad dalam interaksi sosial sesama pelajar seetnik. Hal ini membuktikan bahawa pendidikan formal di Bagan Serai berfungsi sebagai salah satu faktor paling signifikan yang mempercepatkan proses peralihan bahasa daripada bahasa Banjar kepada bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah.

Semasa kajian lapangan, pemerhatian juga dilakukan ke atas penggunaan bahasa Banjar di sekolah aliran utama dan mendapati bahawa bahasa Banjar berfungsi secara signifikan dalam lingkungan sekolah. Dalam hal ini, semasa berada di kantin SK Dato' Mas'ud, Jalan Banjar, diperhatikan bahawa kantin sekolah tersebut menggunakan nama Banjar, iaitu "*Kafe Ayuhak Berami-Rami*" dan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar digunakan sebagai medium peneguhan identiti etnik. Penggunaan bahasa Banjar dalam tulisan Rumi menjadikan penanda identiti dan sekali gus menyampaikan mesej simbolik warisan dalam komuniti pendidikan. Lebih menarik, papan tanda ini diperkukuh dengan paparan artifak budaya seperti *bubu* dan *serkap* yang dilabel dengan istilah Banjar, menzahirkan bentuk pendidikan tidak formal melalui pengenalan kosa kata dan objek budaya tempatan kepada generasi muda. Hal ini menjadikan kantin bukan sekadar ruang menjamu selera, tetapi juga wadah simbolik pelestarian bahasa Banjar oleh pengusaha kantin.. Usaha ini, juga dapat ditafsirkan sebagai pengusaha kantin berinisiatif melestarikan bahasa Banjar dalam kalangan anak-anak muda sekolah.

Selain di kantin, pihak sekolah SK Dato' Mas'ud juga berinisiatif memelihara bahasa dan identiti etnik melalui medium pendidikan formal dengan menyediakan papan tanda "*Peribahasa Kaum Banjar*" di sekolah. Kehadiran peribahasa Banjar yang disertai dengan terjemahan bahasa Melayu menunjukkan pendekatan dwibahasa yang inklusif, iaitu mengekalkan nilai kebijaksanaan bahasa Banjar sambil memastikan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mesejnya dapat difahami oleh murid dan warga sekolah secara menyeluruh. Peribahasa yang dipaparkan sarat dengan nilai moral dan budi pekerti, menjadikan papan tanda ini berfungsi bukan sahaja sebagai hiasan visual, tetapi sebagai alat pendidikan yang menyemai kesedaran budaya dan identiti etnik sejak peringkat sekolah rendah. Penonjolan frasa "*Maangkat Batang Tarandam*" memberikan makna simbolik yang mendalam, melambangkan usaha menghidupkan kembali warisan yang hampir terbenam, iaitu bahasa dan budaya Banjar yang semakin terpinggir. Keseluruhannya, kedua-dua bentuk intervensi ini memperlihatkan bahawa ruang pendidikan, sama ada formal mahupun tidak formal, mampu menjadi tapak penting dalam melestarikan bahasa Banjar, membina jati diri etnik, dan memperkukuh warisan budaya dalam kalangan generasi muda.

5.7.1 Rumusan Domain Pendidikan

Secara keseluruhannya, dapatan daripada rakaman, temu bual dan analisis kandungan menunjukkan bahawa bahasa Melayu mendominasi domain pendidikan sebagai bahasa pengantar rasmi dan lingua franca dalam semua konteks, manakala bahasa Arab berfungsi khusus dalam aspek keagamaan seperti bacaan doa, zikir dan pengajaran agama. Bahasa Banjar pula semakin terpinggir, hanya muncul secara terbatas dalam komunikasi sampingan sesama penutur seetnik, terutama dalam ruang tidak formal seperti kantin atau interaksi spontan di sekolah luar bandar. Dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Perak turut mewarnai interaksi pelajar, mencerminkan penyesuaian kepada persekitaran linguistik tempatan. Walaupun terdapat inisiatif simbolik melalui papan tanda seperti *"Kafe Ayuhak Berami-Rami"* dan *"Peribahasa Kaum Banjar"*, peranan bahasa Banjar dalam pendidikan lebih bersifat identiti dan warisan berbanding fungsi praktikal. Hal ini menandakan bahawa pewarisan bahasa Banjar dalam kalangan generasi muda semakin lemah, sementara bahasa Melayu terus mengukuhkan kedudukan sebagai medium utama dalam pendidikan formal dan tidak formal.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 5.6 Rumusan fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam domain pendidikan

Bil.	Generasi	Fenomena Peralihan	Bentuk Peralihan Bahasa	Faktor yang Mempengaruhi
1.	Generasi tua (61 tahun ke atas)	Pengekalan terhad	Masih menggunakan bahasa Banjar dalam komunikasi sampingan (kantin, padang, program kecil) tetapi BM standard dominan dalam pengajaran.	Solidariti komuniti, kedekatan dengan budaya asal, sekolah luar bandar dengan majoriti Banjar.
2.	Generasi pertengahan (41–60 tahun)	Peralihan separa	Bahasa Banjar digunakan selektif (dengan rakan seetnik atau dalam situasi santai); BM standard dan dialek Melayu Kedah lebih dominan.	Campuran etnik di sekolah, tuntutan kurikulum rasmi, pengaruh pasangan dan rakan bukan Banjar.
3.	Generasi muda (20–40 tahun)	Peralihan ketara	Bahasa Banjar muncul sporadik (kantin, padang, lokasi kampung); BM standard sepenuhnya dalam bilik darjah.	Norma pendidikan formal, akomodasi dengan pelajar/rakan bukan Banjar, kurang transmisi kepada anak-anak.
4.	Fungsi bahasa Banjar	Hampir pupus	BM standard dan dialek Melayu Kedah dominan sepenuhnya; Bahasa Banjar hanya simbolik (papan tanda, kata tertentu).	Norma komunikasi inklusif, rakan pelbagai etnik, dasar pendidikan kebangsaan, keutamaan praktikal.

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Secara keseluruhannya, dapatan daripada rakaman, temu bual dan analisis kandungan menunjukkan bahawa bahasa Melayu mendominasi domain pendidikan sebagai bahasa pengantar rasmi dan lingua franca dalam semua konteks, manakala bahasa Arab berfungsi khusus dalam aspek keagamaan seperti bacaan doa, zikir dan pengajaran agama. Bahasa Banjar pula semakin terpinggir, hanya muncul secara terbatas dalam komunikasi sampingan sesama penutur seetnik, terutama dalam ruang tidak formal seperti kantin atau interaksi spontan di sekolah luar bandar. Dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Perak turut mewarnai interaksi pelajar, mencerminkan penyesuaian kepada persekitaran linguistik tempatan. Walaupun terdapat inisiatif simbolik melalui papan tanda seperti *"Kafe Ayuhak Berami-Rami"* dan *"Peribahasa Kaum Banjar"*, peranan bahasa Banjar dalam pendidikan lebih bersifat identiti dan warisan berbanding fungsi praktikal. Hal ini menandakan bahawa pewarisan bahasa Banjar dalam kalangan generasi muda semakin lemah, sementara bahasa Melayu terus

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mengukuhkan kedudukan sebagai medium utama dalam pendidikan formal dan tidak formal.

5.8 KESIMPULAN

Kajian ini secara menyeluruh memperlihatkan bahawa fenomena peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai berlaku secara ketara merentas enam domain utama, iaitu keluarga, persahabatan, jual beli, pendidikan, pekerjaan dan keagamaan. Data rakaman, temu bual dan analisis kandungan menunjukkan bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir daripada fungsi komunikasi harian, khususnya dalam kalangan generasi muda, dan hanya bertahan sebagai penanda identiti simbolik dalam ruang sosial terpilih. Fenomena peralihan ini digerakkan oleh beberapa faktor teras yang saling berkait.

Pertama, aspek umur dan generasi memperlihatkan jurang ketara antara penutur tua yang masih mengekalkan kelancaran berbahasa Banjar dengan generasi muda yang semakin hilang kefasihan, menandakan kegagalan dalam transmisi antara generasi. Kedua, perkahwinan campur mempercepatkan proses peralihan dengan meletakkan bahasa Melayu sebagai medium penghubung utama dalam keluarga dwietnik, sekali gus menghakis ruang pewarisan bahasa Banjar kepada anak-anak. Ketiga, norma profesional dan sistem pendidikan formal menuntut penggunaan bahasa Melayu standard, menjadikan bahasa Banjar tidak relevan dalam ruang institusi yang bersifat rasmi dan berprestij. Keempat, strategi akomodasi linguistik dalam interaksi masyarakat majmuk mendorong penutur Banjar menyesuaikan diri dengan bahasa Melayu atau dialek Melayu Kedah demi memastikan kelancaran komunikasi, walaupun tindakan ini secara tidak langsung melemahkan domain penggunaan bahasa Banjar. Kelima, persepsi praktikaliti terhadap bahasa Melayu dan dialek Melayu Kedah sebagai lebih inklusif, mobil dan sesuai dengan konteks sosial-ekonomi semasa menjadikan bahasa Banjar terpinggir dan hanya berfungsi dalam ruang simbolik atau emosi. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa bahasa Banjar di Mukim Bagan Serai berada pada kedudukan kritikal. Dalam bab berikut, akan disajikan penilaian secara komprehensif tahap peralihan bahasa masyarakat Banjar dengan Skala EGIDS.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB VI

TAHAP PERALIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DI MUKIM BAGAN SERAI BERDASARKAN SKALA EGIDS

6.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tahap peralihan bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat Banjar diaspora di Mukim Bagan Serai, Perak, dengan menggunakan pendekatan *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS)* yang diperkenalkan oleh Lewis dan Simons (2010). Pengukuran daya tahan bahasa Banjar dilaksanakan berdasarkan dapatan kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan telah diadaptasi daripada Coluzzi et al. (2017, 2018) dan direka untuk memperoleh data kuantitatif bagi menilai tahap vitaliti dan peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai. Instrumen ini merangkumi 39 soalan, dan diedarkan melalui dua kaedah: secara dalam talian (menggunakan *Google Form*) dan secara bersemuka. Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan pengumpulan data yang lebih menyeluruh dan inklusif, termasuk dalam kalangan warga emas yang kurang akses kepada teknologi.

Dari segi bentuk, soal selidik yang digunakan dalam kajian ini merangkumi tiga jenis soalan utama yang dirancang secara strategik untuk mendapatkan data yang bersifat objektif dan deskriptif. Pertama, soalan tertutup menyediakan pilihan jawapan tetap seperti pemilihan bahasa yang lebih dikuasai oleh responden atau pandangan terhadap usaha pemeliharaan bahasa Banjar. Kedua, soalan separuh terbuka pula memberi ruang kepada responden untuk memilih jawapan yang disediakan dan menambah ulasan sekiranya perlu, terutamanya dalam soalan berkaitan keperluan penggunaan bahasa Banjar dalam komuniti. Ketiga, soalan terbuka memberikan kebebasan kepada responden untuk mengemukakan pandangan secara bebas tanpa had, seperti dalam isu perbezaan penggunaan bahasa antara generasi muda dan tua. Kepelbagaian jenis soalan ini bertujuan untuk memperoleh gambaran yang lebih

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menyeluruh tentang pola penggunaan bahasa serta sikap terhadap bahasa Banjar, sejajar dengan matlamat kajian untuk menilai peralihan bahasa merentas domain sosial dan generasi dalam komuniti yang dikaji.

Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian A menumpukan kepada latar belakang demografi responden, iaitu maklumat seperti umur, jantina, taraf pendidikan, dan jenis pekerjaan. Data ini penting untuk membina profil asas responden serta menilai perkaitannya dengan pilihan bahasa yang digunakan. Bahagian B pula memberi tumpuan kepada aspek penggunaan bahasa dan tahap vitaliti bahasa Banjar melalui enam komponen utama. Komponen pertama ialah tahap pengetahuan bahasa, yang menilai kefasihan responden dalam bahasa Banjar dan bahasa-bahasa lain yang dikuasai. Komponen kedua melibatkan perasaan milikan dan sikap terhadap bahasa Banjar, yang mengukur sejauh mana responden merasakan keperluan untuk mengekalkan bahasa tersebut, termasuk pengalaman mereka berkaitan diskriminasi bahasa serta persepsi terhadap sikap komuniti Melayu terhadap pengguna bahasa Banjar.

Komponen ketiga meneliti penggunaan bahasa dalam domain keluarga, iaitu domain yang dianggap paling kritikal untuk kelangsungan bahasa warisan menurut Fishman (1991). Komponen keempat meliputi penggunaan bahasa di luar domain keluarga, merangkumi lima domain sosial utama, iaitu domain persahabatan, pendidikan, keagamaan, pekerjaan, dan aktiviti jual beli. Bahagian ini ditetapkan untuk mengenal pasti variasi penggunaan bahasa mengikut konteks sosial yang berbeza. Komponen kelima pula meneliti perbezaan penggunaan bahasa antara generasi, khususnya persepsi responden terhadap pola peralihan bahasa antara golongan muda dan tua. Akhir sekali, komponen keenam meneliti sikap bahasa, yang mengandungi soalan tentang kepentingan memelihara bahasa Banjar, kebolehan menggunakannya dalam kehidupan harian, serta pandangan terhadap keberkesanan bahasa tersebut dalam menyampaikan makna dan identiti budaya.

Gabungan keenam-enam komponen ini menyediakan asas data yang komprehensif bagi menilai tahap penggunaan dan peralihan bahasa dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai. Data kuantitatif yang diperoleh daripada instrumen ini

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kemudiannya dianalisis dan diterapkan dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS)* untuk menentukan tahap vitaliti atau kepupusan bahasa Banjar dalam komuniti yang dikaji.

6.2 DATA SOAL SELIDIK BAHAGIAN A: DEMOGRAFI KAJIAN

Jadual 6.1 Latar belakang responden

Kategori		**N**	**%**
Umur	20-30 Tahun	115	33.8
	31-40 Tahun	72	21.2
	41-50 Tahun	32	9.4
	51-60 Tahun	52	15.3
	61 Tahun Ke Atas	69	20.3
Jantina	Lelaki	179	52.6
	Perempuan	161	47.4
Pendidikan	PHD	5	1.5
	Ijazah Sarjana	6	1.8
	Ijazah Sarjana Muda	52	15.3
	STPM/Diploma	97	28.5
	SPM	99	29.1
	SRP/PMR	41	12.1
	UPSR/Sekolah Rendah	40	11.8
Pekerjaan	Pelajar	27	7.9
	Bekerja Sendiri	169	49.7
	Kerajaan	52	15.3
	Swasta	92	27.1

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kajian ini melibatkan seramai 340 orang responden daripada pelbagai latar belakang demografi, memberikan gambaran struktur masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai. Berdasarkan pecahan umur, kumpulan 20 hingga 30 tahun merupakan responden kajian yang paling ramai terlibat dalam kajian ini, iaitu 115 orang (33.8%). Dominasi kumpulan ini penting dalam menilai tahap penguasaan dan sikap terhadap bahasa Banjar dalam kalangan generasi muda di lokasi kajian.

Kumpulan 31 hingga 40 tahun merangkumi 72 orang (21.2%), sering berperanan sebagai perantara antara generasi tua dan muda dalam pewarisan budaya dan bahasa. Responden 41 hingga 50 tahun pula seramai 32 orang (9.4%), merupakan

kumpulan terkecil, namun signifikan dari segi peranan mereka dalam kepimpinan sosial dan pembentukan norma bahasa dalam komuniti.Seterusnya, 52 orang (15.3%) daripada kumpulan umur 51 hingga 60 tahun masih aktif dalam pekerjaan dan jaringan sosial, sekaligus mempengaruhi kesinambungan atau perubahan bahasa. Kumpulan umur 61 tahun ke atas, iaitu seramai 69 orang (20.3%), dianggap sebagai pemegang warisan bahasa, dengan kecenderungan kuat mengekalkan penggunaan bahasa Banjar dalam kehidupan harian.

Dari segi jantina, terdapat 179 orang lelaki (52.6%) dan 161 orang perempuan (47.4%), menunjukkan keseimbangan jantina dalam kajian ini.Dalam aspek pendidikan, majoriti responden mempunyai kelulusan SPM (29.1%), diikuti STPM/Diploma (28.5%) dan SRP/PMR (12.1%). Sebahagian kecil pula memiliki Ijazah Sarjana Muda (15.3%), Ijazah Sarjana (1.8%), dan PhD (1.5%). Ini mencerminkan dominasi pendidikan menengah dalam komuniti, dengan sebilangan kecil golongan terpelajar yang dapat memberikan perspektif kritikal terhadap isu bahasa dan identiti.

Dari sudut pekerjaan, kumpulan terbesar ialah mereka yang bekerja sendiri (49.7%), mencerminkan ciri keusahawanan dan sektor tidak formal dalam masyarakat Banjar. Responden yang bekerja di sektor swasta (27.1%) dan kerajaan (15.3%) turut menyumbang kepada variasi domain penggunaan bahasa. Pelajar pula merangkumi 7.9%, menandakan kepentingan kelompok ini dalam melihat kesinambungan bahasa dalam generasi lebih muda.

6.3 DATA SOAL SELIDIK BAHAGIAN B: PENGGUNAAN BAHASA DAN TAHAP VITALITI BAHASA BANJAR MELALUI ENAM KOMPONEN UTAMA

Analisis data bagi soalan 1 yang menumpukan kepada aspek pengetahuan tentang bahasa (terdiri daripada dua soalan) dan soalan 2 yang berkaitan dengan perasaan milikan terhadap bahasa Banjar (terdiri daripada tiga soalan) dipersembahkan dalam bentuk analisis frekuensi dan peratusan. Untuk memudahkan interpretasi, dapatan turut digambarkan melalui carta pai bagi menunjukkan peratusan pilihan responden secara lebih visual dan komprehensif.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

6.3.1 Pengetahuan tentang Bahasa


a. Tahap kefasihan bahasa

Jadual 6.2 menunjukkan tahap kefasihan responden dalam tiga bahasa utama yang digunakan di Mukim Bagan Serai. Daripada 340 responden, seramai 142 orang (41.8%) melaporkan bahawa mereka paling fasih berbahasa Melayu, diikuti 108 orang (31.8%) yang lebih fasih dalam dialek Kedah, manakala hanya 90 orang (26.5%) yang menyatakan bahasa Banjar sebagai bahasa yang paling dikuasai.

Jadual 6.2 Tahap kefasihan bahasa

Bil.	Bahasa	Frekuensi	Peratus (%)
1.	Dialek Kedah	108	31.8
2.	Bahasa Melayu	142	41.8
3.	Bahasa Banjar	90	26.5
	Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.1 Tahap kefasihan bahasa

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini memperlihatkan bahawa walaupun kesemua responden berketurunan Banjar, tahap kefasihan mereka lebih tinggi terhadap bahasa Melayu dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dialek Kedah jika berbanding bahasa Banjar. Bahasa Melayu muncul sebagai bahasa dominan, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara dan manakala dialek Kedah berfungsi sebagai lingua franca tempatan yang meluas digunakan dalam pergaulan seharian.

Bahasa Banjar, walaupun masih dikuasai oleh sebahagian responden, berada pada kedudukan yang lebih rendah dengan hanya 26.5 peratus responden melaporkannya sebagai bahasa paling fasih. Hal ini memberi gambaran bahawa proses pewarisan dan pemerkasaan bahasa Banjar dalam komuniti semakin mencabar apabila berdepan dengan pengaruh kuat bahasa Melayu dan dialek Kedah.Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kefasihan bahasa Banjar dalam kalangan komuniti di Mukim Bagan Serai semakin menurun, dengan fungsi komunikasi harian lebih banyak dipenuhi oleh bahasa Melayu dan dialek Kedah.

b. Bahasa ibunda/pertama anda


Jadual 6.3 menunjukkan bahawa daripada 340 responden berketurunan Banjar, seramai 147 orang (43.2%) menanda bahasa Banjar sebagai bahasa bahasa pertama mereka. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden memilih bahasa lain, iaitu 117 orang (34.4%) memilih bahasa Melayu dan 76 orang (22.4%) memilih dialek Kedah.

Jadual 6.3 Tahap kefasihan bahasa ibunda/pertama anda

Bahasa	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Dialek Kedah	76	22.4
Bahasa Melayu	117	34.4
Bahasa Banjar	147	43.2
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.2 Tahap kefasihan bahasa ibunda/pertama anda

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini memperlihatkan bahawa walaupun kesemua responden berketurunan Banjar, tidak semua meletakkan bahasa Banjar sebagai bahasa pertama. Hal ini memberi gambaran bahawa pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta dialek Kedah sebagai bahasa pergaulan setempat cukup kuat dalam membentuk identiti linguistik responden.

Walaupun peratusan responden yang menanda bahasa Banjar masih tinggi, iaitu lebih 40 peratus, jumlah ini lebih kecil berbanding gabungan bahasa Melayu dan dialek Kedah, (peratusan gabungan kedua-dua bahasa ini mencecah lebih dari 50 peratus). Situasi ini menunjukkan bahawa pewarisan bahasa Banjar dalam komuniti kajian berlaku secara tidak menyeluruh, sebaliknya bersaing dengan bahasa dominan lain dalam persekitaran sosial. Secara keseluruhan, dapatan ini memberi isyarat bahawa bahasa Banjar masih berperanan sebagai bahasa ibunda dalam kalangan komuniti, tetapi kedudukannya tidak lagi eksklusif. Kehadiran bahasa Melayu dan dialek Kedah sebagai pilihan utama sebahagian besar responden mencerminkan wujudnya peralihan bahasa yang semakin ketara di Mukim Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

6.3.2 Perasaan Milikan


a. Untuk menjadi ahli komuniti Banjar, adakah penting untuk mampu berbahasa Banjar?

Jadual 6.4 menunjukkan persepsi responden terhadap kepentingan kemampuan berbahasa Banjar sebagai syarat untuk dianggap sebagai ahli komuniti Banjar. Daripada 340 responden, seramai 166 orang (48.8%) berpendapat bahawa kemampuan bertutur dalam bahasa Banjar penting untuk menjadi sebahagian daripada komuniti. Sebaliknya, 36 orang (10.6%) menyatakan tidak penting, manakala 138 orang (40.6%) menyatakan ia bergantung kepada situasi.

Jadual 6.4 Kemampuan berbahasa Banjar untuk menjadi ahli komuniti Banjar

Kemampuan berbahasa Banjar untuk menjadi ahli komuniti Banjar	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	36	10.6
Bergantung kepada situasi	138	40.6
Ya	166	48.8
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.3 Kemampuan berbahasa Banjar untuk menjadi ahli komuniti Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dapatan ini memperlihatkan bahawa hampir separuh responden masih mengaitkan identiti komuniti Banjar dengan keupayaan bertutur bahasa Banjar. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa masih dilihat sebagai elemen utama dalam mendefinisikan keanggotaan etnik. Namun, peratusan yang tinggi bagi jawapan "bergantung kepada situasi" (40.6%) memberi gambaran bahawa terdapat tahap fleksibiliti dalam mendefinisikan identiti, khususnya dalam konteks persekitaran sosial yang pelbagai bahasa.

Peratusan yang kecil (10.6%) yang menganggap kemampuan berbahasa Banjar tidak penting pula menandakan wujudnya kelompok yang lebih menekankan faktor lain selain bahasa, seperti keturunan, adat, atau penglibatan dalam aktiviti komuniti sebagai penanda identiti. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih diiktiraf sebagai elemen penting dalam keanggotaan komuniti, kedudukannya bukan lagi mutlak. Identiti Banjar dalam kalangan responden dipengaruhi oleh gabungan faktor bahasa, situasi sosial, dan penglibatan budaya, yang mencerminkan realiti proses peralihan bahasa dalam komuniti diaspora.

b. Pernahkah anda didiskriminasi kerana berbahasa Banjar?


Jadual 6.5 memperlihatkan pengalaman responden berkaitan diskriminasi kerana berbahasa Banjar. Daripada 340 responden, majoriti besar iaitu 293 orang (86.2%) menyatakan mereka tidak pernah mengalami diskriminasi. Namun, 43 orang (12.6%) melaporkan bahawa mereka kadang-kadang berdepan diskriminasi, manakala hanya 4 orang (1.2%) menyatakan bahawa mereka sering mengalaminya.

Jadual 6.5 Didiskriminasi kerana berbahasa Banjar

Didiskriminasi kerana berbahasa Banjar	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	293	86.2
Ya. Kadang-Kadang	43	12.6
Ya. Selalu	4	1.2
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.4 Didiskriminasi kerana berbahasa Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umum, diskriminasi kerana penggunaan bahasa Banjar bukanlah fenomena meluas dalam komuniti Bagan Serai. Hal ini menandakan bahawa masyarakat setempat, khususnya dalam konteks pergaulan harian, masih menerima kewujudan bahasa Banjar sebagai sebahagian daripada kepelbagaian linguistik tempatan.

Namun begitu, kewujudan 13.8 peratus responden yang pernah berdepan diskriminasi (kadang-kadang atau selalu) tidak boleh diketepikan. Angka ini memberi gambaran bahawa terdapat situasi tertentu di mana penggunaan bahasa Banjar dianggap tidak sesuai atau dipandang rendah, misalnya dalam persekitaran formal atau ketika berinteraksi dengan masyarakat luar komuniti. Keadaan ini boleh menyumbang kepada rasa kurang yakin penutur muda untuk menggunakan Banjar secara terbuka, sekali gus mempercepatkan proses peralihan bahasa. Secara keseluruhannya, walaupun diskriminasi terhadap penutur bahasa Banjar bukan isu utama, kewujudannya walau kecil tetap signifikan kerana berpotensi mempengaruhi sikap bahasa generasi muda. Jika pengalaman sebegini berterusan, ia boleh menjadi salah satu faktor tambahan yang mempercepatkan pengurangan penggunaan bahasa Banjar dalam komunit

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


c. Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar?

Jadual 6.6 menunjukkan persepsi responden terhadap sikap komuniti Melayu terhadap mereka yang berbahasa Banjar. Daripada 340 responden, majoriti besar iaitu 311 orang (91.5%) menilai sikap komuniti Melayu sebagai positif. Sebanyak 27 orang (7.9%) berpendapat komuniti Melayu tidak ambil peduli, manakala hanya 2 orang (0.6%) yang menganggap sikap komuniti Melayu negatif**.**

Jadual 6.6 Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar

Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Negatif	2	.6
Tidak ambil peduli	27	7.9
Positif	311	91.5
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.5 Sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini jelas memperlihatkan bahawa komuniti Melayu di Bagan Serai secara umum mempunyai penerimaan yang sangat baik terhadap penggunaan bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar. Hal ini bermaksud, penggunaan bahasa Banjar tidak dilihat sebagai penghalang interaksi, malah diterima sebagai sebahagian daripada kepelbagaian budaya setempat.

Peratusan kecil yang menyatakan "tidak ambil peduli" menunjukkan wujudnya kelompok yang neutral, iaitu tidak memberi perhatian khusus kepada isu bahasa dalam pergaulan. Sementara itu, peratusan negatif yang amat rendah (0.6%) membuktikan bahawa pandangan serong terhadap bahasa Banjar hampir tidak wujud dalam konteks sosial komuniti Melayu setempat. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan suasana sosial yang kondusif untuk mengekalkan penggunaan bahasa Banjar kerana ia mendapat penerimaan baik daripada komuniti majoriti. Walaupun begitu, realiti peralihan bahasa Banjar yang ditunjukkan dalam jadual-jadual lain membuktikan bahawa cabaran utama bukanlah faktor diskriminasi atau penerimaan komuniti luar, tetapi lebih kepada faktor dalaman komuniti itu sendiri seperti pewarisan antara generasi dan kecenderungan terhadap bahasa dominan lain.

6.3.3 Analisis Tahap Penggunaan Bahasa Banjar Berdasarkan Domain Keluarga dan di Luar Domain Keluarga

Bahagian ini memberi tumpuan kepada analisis tahap penggunaan bahasa Banjar dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai dengan meneliti dua kategori utama, iaitu domain keluarga dan domain di luar keluarga. Analisis ini penting kerana domain keluarga dianggap sebagai ruang asas pewarisan bahasa warisan, manakala domain luar keluarga (seperti persahabatan, jual beli, pendidikan, keagamaan, dan pekerjaan) menggambarkan bagaimana bahasa berfungsi dalam interaksi sosial yang lebih luas. Oleh itu, perbandingan antara kedua-dua domain ini dapat memberikan gambaran jelas tentang kedudukan bahasa Banjar sama ada masih bertahan dalam ruang intim keluarga atau telah mengalami penggantian dalam konteks sosial yang lebih terbuka.

Data dianalisis melalui statistik deskriptif dengan menilai skor min, sisihan piawai, dan julat peratusan, berasaskan skala lima mata bagi pemilihan bahasa. Selanjutnya, hasil analisis ini akan dibandingkan dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), yang membolehkan kedudukan bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar ditentukan pada tahap global kelestarian bahasa, sama ada selamat, terancam, hampir pupus atau pupus sepenuhnya.

Secara keseluruhan, pendekatan ini membolehkan analisis bukan sahaja mengukur sejauh mana bahasa Banjar digunakan dalam domain tertentu, tetapi juga menilai daya tahannya dalam konteks pewarisan generasi. Penemuan daripada bahagian ini dijangka memberikan gambaran komprehensif tentang vitaliti bahasa Banjar dalam komuniti diaspora, sama ada masih berfungsi sebagai medium utama komunikasi atau telah mengalami proses peralihan ke arah bahasa dominan lain seperti bahasa Melayu dan dialek Kedah.

a. Bahasa yang Digunakan dalam Domain Keluarga

i. Apakah bahasa yang biasa Digunakan dalam Keluarga

Jadual 6.7 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dalam keluarga

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.99	1.56	59.82	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.7 menunjukkan bahasa yang lazim digunakan dalam domain keluarga secara umum oleh 340 responden. Nilai min yang dicatatkan ialah 2.99 dengan sisihan piawai 1.56, manakala peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada 59.82 peratus. Tahap skor berada pada nilai 3, iaitu kategori sederhana. Tahap sederhana ini merujuk kepada penggunaan bahasa Banjar yang digabungkan dengan dialek Kedah, dengan julat peratusan antara 41 hingga 60 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun bahasa Banjar masih digunakan dalam interaksi kekeluargaan, ia bukan lagi medium utama secara eksklusif, sebaliknya berperanan bersama dialek Kedah sebagai bentuk komunikasi harian.

Selanjutnya, skor min 2.99 diletakkan pada tahap 6b iaitu terancam (*threatened*) berdasarkan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pada tahap ini, bahasa masih digunakan oleh generasi dewasa tetapi tidak lagi dituturkan secara meluas oleh kanak-kanak. Keadaan ini memberi gambaran bahawa dalam domain keluarga, fungsi bahasa Banjar sebagai bahasa warisan semakin terhakis kerana proses pewarisan kepada generasi muda tidak berlaku secara menyeluruh. Dapatan ini memperlihatkan kesinambungan bahasa Banjar berada pada tahap kritikal kerana domain keluarga yang menurut Fishman (1991) merupakan nadi utama kelangsungan bahasa warisan, kini sudah mula memperlihatkan penggantian dengan dialek Kedah.

ii. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan datuk dan nenek?

Jadual 6.8 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan datuk dan nenek

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	3.29	1.61	65.88	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.8 memaparkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan oleh responden ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek. Daripada 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 3.29 dengan sisihan piawai 1.61. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada kadar 65.88 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3, iaitu kategori sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan penggunaan bahasa Banjar digabungkan dengan dialek Kedah dengan julat peratusan 41–60 peratus. Walaupun peratusan ini berada sedikit lebih tinggi berbanding penggunaan dalam keluarga secara umum (Jadual 6.7), dapatan ini masih memperlihatkan bahawa komunikasi bersama generasi lebih tua tidak lagi dijalankan dengan bahasa Banjar secara eksklusif. Sebaliknya, responden cenderung menggunakan bahasa campuran antara bahasa Banjar dan dialek Kedah.

Apabila ditafsirkan melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 3.29 meletakkan bahasa Banjar dalam domain ini pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Ini bermakna bahasa masih digunakan secara

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

aktif oleh generasi dewasa (dalam hal ini datuk dan nenek), dan menurut Lewis dan Simons (2012), tetapi penggunaannya semakin berkurang dalam kalangan generasi muda. Dengan kata lain, meskipun generasi lebih tua mengekalkan Banjar sebagai medium utama identiti linguistik, generasi muda cenderung mengurangkan penggunaannya dengan mencampurkannya bersama dialek Kedah.

Situasi ini memperlihatkan bahawa walaupun wujud kesinambungan penggunaan bahasa Banjar dengan datuk dan nenek, proses pewarisan kepada generasi muda tidak berlaku secara menyeluruh. Hal ini menunjukkan bahawa domain interaksi dengan datuk dan nenek menjadi ruang penting bagi menilai tahap vitaliti bahasa Banjar, tetapi dalam masa yang sama turut mendedahkan kelemahan dalam pewarisan antara generasi.

iii. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan ibu dan bapa anda?

Jadual 6.9 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan ibu dan bapa

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	3.08	1.64	61.65	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.9 memperlihatkan corak penggunaan bahasa responden ketika berinteraksi dengan ibu bapa. Daripada 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 3.08 dengan sisihan piawai 1.64. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan sebanyak 61.65 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menandakan bahasa Banjar masih digunakan, namun bukan secara tunggal. Sebaliknya, penggunaannya sering dicampurkan dengan dialek Kedah yang lebih meluas dalam komuniti setempat. Situasi ini memperlihatkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih berperanan dalam hubungan keluarga, ia tidak lagi berfungsi sebagai medium komunikasi eksklusif.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jika dianalisis dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 3.08 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Tahap ini membawa maksud bahasa masih dituturkan oleh generasi dewasa, namun penggunaannya dalam kalangan generasi muda semakin menyusut. Dengan kata lain, ibu bapa masih mengekalkan bahasa Banjar dalam perbualan, tetapi bahasa ini tidak diwariskan secara konsisten kepada anak-anak. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan pola peralihan bahasa yang jelas. Jika dibandingkan dengan dapatan bagi interaksi bersama datuk dan nenek (Jadual 6.8), tahap penggunaan bersama ibu bapa adalah sedikit lebih rendah. Hal ini menggambarkan bahawa peranan bahasa Banjar semakin mengecil apabila beralih daripada generasi tertua kepada generasi pertengahan, sekali gus memberi isyarat bahawa fungsi bahasa Banjar dalam keluarga beransur-ansur digantikan oleh dialek Kedah.

iv. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan adik-beradik anda?

Jadual 6.10 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan adik-beradik anda

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.87	1.57	57.47	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.10 menunjukkan corak penggunaan bahasa responden ketika berkomunikasi dengan adik-beradik. Daripada 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.87 dengan sisihan piawai 1.57. Peratusan penggunaan bahasa Banjar dicatatkan pada kadar 57.47 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menggambarkan bahawa bahasa Banjar digunakan secara bercampur dengan dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa interaksi antara adik-beradik tidak lagi berpusat pada penggunaan eksklusif bahasa Banjar, sebaliknya lebih bersifat dwibahasa dengan kecenderungan kuat terhadap dialek Kedah. Jika diteliti melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.87 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih digunakan oleh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

generasi dewasa tetapi tidak dituturkan secara meluas oleh generasi muda. Oleh itu, dapatan ini mengisyaratkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam komunikasi sesama adik-beradik semakin berkurangan, malah wujud tanda-tanda bahawa bahasa tersebut mungkin tidak diwarisi dengan konsisten oleh generasi seterusnya.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi interaksi dengan adik-beradik ini memperlihatkan tahap penggunaan bahasa Banjar yang lebih rendah berbanding interaksi dengan datuk dan nenek (Jadual 6.9) serta ibu bapa (Jadual 6.11). Situasi ini mengesahkan pola penurunan penggunaan bahasa Banjar mengikut generasi, di mana bahasa tersebut masih agak kukuh dalam kalangan generasi tertua, tetapi semakin berkurang fungsinya dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada dialek Kedah.

v. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan isteri atau suami?

Jadual 6.11 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan isteri atau suami

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
287	3.13	1.41	62.60	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.11 memperlihatkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan responden ketika berkomunikasi dengan pasangan. Daripada keseluruhan 340 responden, hanya 287 orang memberikan jawapan kerana sebahagian responden masih bujang dan tidak mengisi bahagian ini. Nilai min yang dicatatkan ialah 3.13 dengan sisihan piawai 1.41. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada kadar 62.60 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar digunakan bersama dengan dialek Kedah dalam lingkungan peratusan 41–60 peratus. Pola ini memperlihatkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih digunakan dalam komunikasi pasangan, ia tidak mendominasi sepenuhnya kerana pengaruh dialek Kedah yang menjadi lingua franca dalam persekitaran sosial setempat. Jika dianalisis menggunakan kerangka *Expanded Graded*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Intergenerational Disruption Scale (EGIDS), skor min 3.13 diletakkan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih wujud dalam komunikasi rumah tangga, tetapi penggunaannya tidak lagi konsisten dan semakin bersaing dengan bahasa dominan lain.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan bahawa dalam domain keluarga yang paling intim iaitu komunikasi antara suami isteri, bahasa Banjar masih bertahan tetapi tidak berada pada kedudukan kukuh. Penggunaan yang bercampur dengan dialek Kedah menandakan berlakunya proses peralihan bahasa secara beransur-ansur. Jika trend ini berterusan, kesinambungan bahasa Banjar dalam keluarga berisiko semakin berkurangan untuk diwarisi kepada generasi muda.

vi. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan anak?

Jadual 6.12 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan anak

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
272	2.88	1.21	57.06	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41– 60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.12 menunjukkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan responden ketika berkomunikasi dengan anak. Daripada keseluruhan 340 responden, hanya 272 orang memberikan jawapan kerana sebahagian responden tidak mempunyai anak dan tidak mengisi bahagian ini. Nilai min yang dicatatkan ialah 2.88 dengan sisihan piawai 1.21. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada kadar 57.06 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar digunakan dalam komunikasi dengan anak tetapi bercampur dengan dialek Kedah. Ini menggambarkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih bertahan dalam domain keluarga, ia tidak lagi berfungsi sebagai bahasa tunggal. Sebaliknya, penggunaannya semakin digabungkan dengan bahasa dominan lain, selaras dengan konteks persekitaran sosial di Mukim Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jika dianalisis melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.88 meletakkan bahasa Banjar pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih dituturkan oleh golongan dewasa kepada anak-anak, tetapi pemindahan intergenerasi tidak berlaku secara menyeluruh. Hal ini memperlihatkan bahawa kesinambungan Banjar dalam keluarga mula terhakis kerana generasi muda lebih terdedah kepada pengaruh bahasa Melayu dan dialek Kedah. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih mempunyai tempat dalam komunikasi antara ibu bapa dan anak, kedudukannya semakin bercampur dan tidak lagi eksklusif. Situasi ini memberi isyarat awal bahawa pewarisan Banjar kepada generasi muda semakin longgar, sekali gus menimbulkan cabaran besar kepada kesinambungan bahasa ini dalam jangka masa panjang.

vii. Apakah bahasa yang biasa digunakan dengan cucu?

Jadual 6.13 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan cucu

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
144	2.10	0.81	42.0	2	Rendah	Bahasa Melayu	21– 40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.13 memperlihatkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden ketika berkomunikasi dengan cucu. Daripada keseluruhan 340 responden, hanya 144 orang memberikan jawapan kerana sebahagian responden belum mempunyai cucu. Nilai min yang dicatatkan ialah 2.10 dengan sisihan piawai 0.81. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada kadar 42.0 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan digunakan dalam komunikasi dengan cucu berbanding bahasa Banjar. Walaupun terdapat sedikit penggunaan Banjar, ia tidak lagi menjadi bahasa utama dalam interaksi generasi tertua dengan generasi termuda. Keadaan ini menggambarkan bahawa fungsi Banjar sebagai bahasa pewarisan semakin lemah. Jika diteliti melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.10 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa Banjar masih digunakan oleh golongan dewasa dan warga emas, tetapi mereka tidak cenderung menggunakan bahasa Banjar dengan generasi yang termuda, iaitu generasi cucu. Ini menunjukkan bahawa kesinambungan intergenerasi semakin rapuh, dan penggunaan Banjar dalam keluarga semakin terhad.

Secara keseluruhan, dapatan ini memberikan isyarat jelas bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir dalam hubungan dengan cucu. Jika dibandingkan dengan dapatan pada Jadual 6.11 (bahasa dengan pasangan) dan Jadual 6.12 (bahasa dengan anak), kedudukan Banjar semakin menurun apabila interaksi melibatkan generasi yang lebih muda. Hal ini menegaskan bahawa pewarisan bahasa Banjar melalui domain keluarga berada pada tahap yang kritikal.

b. Analisis tahap penggunaan bahasa Banjar di luar domain keluarga

Bahagian ini memberi tumpuan kepada tahap penggunaan bahasa Banjar dalam domain sosial di luar lingkungan keluarga, iaitu dalam konteks persahabatan, aktiviti jual beli, keagamaan, pendidikan, dan pekerjaan. Domain-domain ini dipilih kerana ia mewakili interaksi harian yang melibatkan komuniti yang lebih luas, merentasi generasi dan latar sosial yang pelbagai.

i. Bahasa yang Digunakan dalam Domain Persahabatan

1. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berada di kawasan kejiranan?

Jadual 6.14 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berada di kawasan kejiranan

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.81	1.54	56.29	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.14 menunjukkan bahasa yang lazim digunakan responden ketika berinteraksi dengan kawan-kawan di kawasan kejiranan. Daripada 340 responden, nilai min yang

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

diperoleh ialah 2.81 dengan sisihan piawai 1.54. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada kadar 56.29 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana.

Tahap sederhana ini merujuk kepada penggunaan bahasa Banjar bersama dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa dalam interaksi sosial kejiranan, responden tidak lagi menggunakan bahasa Banjar secara eksklusif, sebaliknya memilih untuk menggabungkannya dengan dialek Kedah yang lebih dominan dalam persekitaran setempat. Apabila diteliti menggunakan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.81 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Ini bermakna bahasa Banjar masih digunakan oleh golongan dewasa, namun penggunaannya tidak konsisten dalam kalangan generasi muda. Sebaliknya, penggunaan dialek Kedah semakin ketara, khususnya dalam interaksi dengan rakan sebaya yang mungkin berasal daripada latar belakang etnik berbeza.Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa dalam domain persahabatan di kawasan kejiranan, bahasa Banjar hanya bertahan pada tahap sederhana. Walaupun ia masih digunakan sebagai medium identiti etnik, bahasa tersebut tidak lagi menjadi pilihan utama, malah berfungsi bersama dialek Kedah untuk memudahkan komunikasi inklusif dalam komuniti setempat. Jika trend ini berterusan, kedudukan bahasa Banjar dalam domain persahabatan akan terus menyusut, sekali gus mempercepatkan proses peralihan bahasa.

2. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berada di majlis kenduri?

Jadual 6.15 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berada di majlis kenduri

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.89	1.48	57.82	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.15 memaparkan pola penggunaan bahasa responden ketika berinteraksi dengan rakan-rakan semasa majlis kenduri. Daripada 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.89 dengan sisihan piawai 1.48. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada tahap 57.82 peratus, manakala tahap skor adalah 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan bahasa Banjar digunakan bersama dengan dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Dapatan ini memperlihatkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih menjadi salah satu medium komunikasi, penggunaannya tidak lagi mendominasi dalam majlis kenduri. Hal ini kerana acara sosial seperti kenduri biasanya melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti bukan Banjar, sekali gus mendorong responden untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan dialek Kedah atau bahasa lain bagi tujuan inklusif.

Apabila dianalisis melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS, skor min 2.89 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih digunakan oleh orang dewasa tetapi tidak diwarisi secara meluas kepada generasi muda. Ini memberi gambaran bahawa dalam konteks sosial yang lebih terbuka seperti majlis kenduri, peranan bahasa Banjar semakin terhad dan penggunaannya cenderung bercampur dengan dialek Kedah yang lebih dominan dalam persekitaran tempatan. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan di majlis kenduri hanya sederhana. Walaupun ia masih berfungsi sebagai identiti etnik, pengaruh dialek Kedah semakin kuat dalam komunikasi seharian. Situasi ini menandakan proses peralihan bahasa yang beransur-ansur, iaitu bahasa Banjar berisiko terus melemah sekiranya tidak diwariskan secara konsisten kepada generasi muda dalam situasi sosial yang lebih luas.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berekreasi di waktu petang?

Jadual 6.16 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika berekreasi di waktu petang

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.71	1.51	54.18	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.16 memaparkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden ketika berinteraksi dengan rakan-rakan sewaktu berekreasi di waktu petang. Daripada 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.71 dengan sisihan piawai 1.51. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada kadar 54.18 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa responden cenderung menggunakan bahasa Banjar bercampur dengan dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Hal ini memperlihatkan bahawa meskipun bahasa Banjar masih digunakan dalam aktiviti santai dan tidak formal seperti rekreasi, ia tidak lagi menjadi bahasa utama, sebaliknya berfungsi bersama dialek Kedah sebagai medium komunikasi seharian.

Berdasarkan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.71 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Ini membawa maksud bahawa bahasa Banjar masih dituturkan oleh golongan dewasa, tetapi penggunaannya semakin mengecil dalam kalangan generasi muda. Aktiviti santai seperti rekreasi, yang biasanya melibatkan interaksi rakan sebaya, memperlihatkan kecenderungan lebih besar untuk beralih kepada dialek Kedah kerana sifatnya yang lebih inklusif dalam kelompok sosial bercampur.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain persahabatan sewaktu berekreasi hanya berada pada tahap sederhana, dan kedudukannya semakin lemah berbanding bahasa dominan lain. Jika dibandingkan dengan situasi di kawasan kejiranan (Jadual 6.14) dan majlis kenduri

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(Jadual 6.15), tahap penggunaan bahasa Banjar ketika berekreasi adalah sedikit lebih rendah, sekali gus memperlihatkan pola penurunan fungsi bahasa Banjar dalam ruang sosial yang lebih terbuka dan santai.

4. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika dalam mesyuarat jawatankuasa kampung?

Jadual 6.17 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan kawan-kawan ketika dalam mesyuarat jawatankuasa kampung

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.30	1.61	46.06	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.17 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden ketika berinteraksi dengan rakan-rakan semasa mesyuarat jawatankuasa kampung. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.30 dengan sisihan piawai 1.61. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada 46.06 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar, dengan julat peratusan antara 21 hingga 40 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa dalam situasi rasmi dan bersifat institusi seperti mesyuarat jawatankuasa kampung, bahasa Banjar semakin kurang digunakan. Sebaliknya, bahasa Melayu diangkat sebagai medium utama kerana statusnya sebagai bahasa kebangsaan serta fungsinya sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran dan komunikasi formal.

Berdasarkan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.30 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Tahap ini menandakan bahawa generasi muda tidak lagi mempelajari bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda, dan penggunaannya semakin terbatas dalam domain rasmi. Justeru, meskipun bahasa Banjar masih wujud dalam kalangan segelintir penutur, penggunaannya tidak signifikan dalam ruang komunikasi formal yang melibatkan keputusan komuniti. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan bahawa mesyuarat jawatankuasa kampung menjadi salah satu domain di luar keluarga yang mempercepatkan proses peralihan bahasa daripada Banjar kepada bahasa Melayu.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kedudukan bahasa Banjar dalam konteks ini semakin terpinggir, berfungsi lebih kepada simbol identiti etnik, tetapi tidak lagi relevan sebagai medium komunikasi utama dalam ruang rasmi dan institusi masyarakat.

ii. Bahasa yang Digunakan dalam Domain Aktiviti Jual Beli

1. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli makanan di Warung Wadai, Bagan Serai?

Jadual 6.18 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli makanan di Warung Wadai, Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.74	1.43	54.76	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.18 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan oleh responden ketika berurusan membeli makanan di Warung *Wadai*, Bagan Serai. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.74 dengan sisihan piawai 1.43. Peratusan penggunaan bahasa Banjar dicatatkan pada kadar 54.76 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 3 yang dikategorikan sebagai sederhana.

Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar digunakan secara bercampur dengan dialek Kedah, dengan julat peratusan antara 41 hingga 60 peratus. Dapatan ini memperlihatkan bahawa meskipun Warung Wadai merupakan ruang yang sinonim dengan identiti komuniti Banjar, bahasa Banjar tidak digunakan secara eksklusif. Sebaliknya, komunikasi dalam urusan jual beli lebih bersifat fleksibel dengan penggunaan campuran bahasa Banjar dan dialek Kedah, bergantung kepada latar pelanggan dan penjual. Apabila diteliti melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.74 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih digunakan dalam interaksi harian oleh golongan dewasa, namun tidak lagi diwarisi secara konsisten kepada generasi muda. Hal ini memberi petunjuk bahawa meskipun domain

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

perdagangan kecil seperti warung berpotensi mengekalkan fungsi bahasa warisan, tekanan sosial daripada penggunaan dialek Kedah tetap dominan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar dalam domain jual beli, khususnya di Warung Wadai yang menjadi simbol identiti etnik Banjar di Bagan Serai, berada pada tahap sederhana sahaja. Walaupun bahasa Banjar masih hidup dan digunakan, fungsinya semakin bergeser kerana generasi muda lebih cenderung kepada penggunaan dialek Kedah. Situasi ini menunjukkan bahawa domain perdagangan kecil masih dapat mengekalkan Banjar sebagai bahasa identiti, tetapi tidak cukup kuat untuk menjamin kelangsungannya tanpa sokongan dalam domain lain seperti keluarga dan pendidikan.

2. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di Pasar Awam, Bagan Serai?

Jadual 6.19 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di Pasar Awam, Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.64	1.20	52.71	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.19 memperlihatkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan responden ketika berurusan membeli barang di Pasar Awam, Bagan Serai. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.64 dengan sisihan piawai 1.20. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 52.71 peratus, manakala tahap skor adalah 3 yang dikategorikan sebagai sederhana. Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar digunakan secara bercampur dengan dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Pola ini menggambarkan bahawa dalam situasi jual beli di pasar awam yang lebih terbuka dan melibatkan interaksi dengan masyarakat pelbagai latar etnik, responden tidak lagi menggunakan bahasa Banjar secara dominan. Sebaliknya, mereka lebih cenderung mengamalkan dwibahasa dengan menggabungkan bahasa Banjar dan dialek Kedah sebagai strategi komunikasi inklusif.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Apabila dianalisis dalam kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.64 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih digunakan oleh orang dewasa, tetapi penggunaannya semakin kurang dalam kalangan generasi muda. Keadaan di pasar awam, yang bersifat interaksi terbuka dengan pelanggan dan peniaga daripada pelbagai etnik, turut mendorong kepada dominasi dialek Kedah dan bahasa Melayu berbanding bahasa Banjar. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa Banjar masih digunakan dalam domain jual beli di pasar awam, kedudukannya tidak kukuh kerana lebih banyak bergantung pada penggunaan bersama dengan dialek Kedah. Jika dibandingkan dengan dapatan di Warung Wadai (Jadual 6.18), penggunaan bahasa Banjar di pasar awam adalah sedikit lebih rendah. Situasi ini memperlihatkan bahawa semakin luas ruang sosial dan semakin bercampur khalayak, semakin berkurangan pula dominasi bahasa Banjar, yang menandakan berlakunya proses peralihan bahasa dalam domain jual beli.

3. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di Pasar Malam, Bagan Serai?

Jadual 6.20 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di Pasar Malam, Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.36	1.24	47.29	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.20 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden semasa membeli barang di Pasar Malam, Bagan Serai. Daripada 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.36 dengan sisihan piawai 1.24. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada kadar 47.29 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar dalam interaksi jual beli di pasar malam, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Dapatan ini memperlihatkan bahawa meskipun bahasa Banjar masih digunakan, ia semakin terpinggir dalam ruang sosial yang lebih terbuka dan bercampur dengan pelbagai latar masyarakat. Bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Melayu dipilih sebagai medium utama kerana fungsinya yang lebih praktikal untuk komunikasi luas dan inklusif.

Jika dianalisis melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.36 dikategorikan pada tahap 7, iaitu beralih (*shifting*). Pada tahap ini, generasi muda tidak lagi mewarisi bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda, dan penggunaannya semakin jarang dalam kalangan penutur muda. Situasi pasar malam, yang lebih heterogen dari segi pelanggan dan peniaga, menolak bahasa Banjar ke kedudukan simbolik sahaja, manakala bahasa Melayu mengambil alih fungsi utama dalam transaksi harian. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam domain perdagangan tidak formal seperti pasar malam berada pada tahap yang lebih rendah berbanding di Warung *Wadai* (Jadual 6.18) dan Pasar Awam (Jadual 6.19). Perbezaan ini memperlihatkan bahawa semakin bercampur khalayak dan semakin besar ruang sosial, semakin lemah pula kedudukan bahasa Banjar. Hal ini menandakan proses peralihan bahasa semakin ketara dalam domain jual beli, khususnya dalam konteks interaksi sosial terbuka seperti di pasar malam.

4. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di luar mukim, Bagan Serai?

Jadual 6.21 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika membeli barang di luar mukim, Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.36	0.91	47.12	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.21 memperlihatkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan oleh responden ketika membeli barang di luar Mukim, Bagan Serai. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.36 dengan sisihan piawai 0.91. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada 47.12 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan dalam interaksi jual beli di luar mukim, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Walaupun bahasa Banjar masih digunakan dalam kadar tertentu, ia tidak lagi berfungsi sebagai medium utama kerana faktor persekitaran sosial yang lebih heterogen dan interaksi dengan masyarakat luar etnik Banjar. Apabila diteliti menggunakan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.36 dikategorikan pada tahap 7, iaitu beralih (shifting). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi digunakan oleh generasi muda, dan penggunaannya dalam transaksi sosial semakin terhad. Konteks membeli di luar mukim memperlihatkan bahawa bahasa Melayu berfungsi sebagai lingua franca yang lebih praktikal dan inklusif, sekali gus menolak Banjar ke kedudukan sekunder.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar semakin berkurangan apabila interaksi sosial berlaku di luar lingkungan mukim sendiri. Jika dibandingkan dengan dapatan di Warung *Wadai* (Jadual 6.18) dan Pasar Awam (Jadual 6.19), penggunaan bahasa Banjar di luar mukim lebih rendah dan seiring dengan dapatan di Pasar Malam (Jadual 6.20). Situasi ini memperlihatkan pola jelas bahawa semakin luas ruang sosial dan semakin bercampur komuniti, semakin rendah pula penggunaan bahasa Banjar, menandakan peralihan bahasa ke arah bahasa Melayu dalam domain jual beli.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

iii. Bahasa yang digunakan dalam domain keagamaan

1. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menunaikan solat fardu di masjid?

Jadual 6.22 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menunaikan solat fardu di masjid

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.46	1.25	49.29	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.22 menunjukkan pola penggunaan bahasa responden ketika menunaikan solat fardu di masjid. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.46

dengan sisihan piawai 1.25. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 49.29 peratus, manakala tahap skor adalah 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan berbanding bahasa Banjar, dengan julat peratusan 21–40 peratus. Keadaan ini dapat difahami kerana masjid merupakan institusi agama rasmi, iaitu khutbah, doa, bacaan al-Quran, dan komunikasi umum biasanya menggunakan bahasa Melayu atau Arab. Bahasa Banjar hanya muncul secara terbatas dalam perbualan tidak formal sesama ahli kariah selepas solat. Apabila diteliti menggunakan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.46 dikategorikan pada tahap 7,iaitu beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi dituturkan secara meluas oleh generasi muda dalam perbualan formal selepas solat, malah tidak digunakan sebagai medium utama dalam domain keagamaan. Ini bermaksud, walaupun masih ada penutur dewasa yang menggunakan Banjar, fungsi agama dan ibadah telah sepenuhnya memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai lingua franca umat Islam di Malaysia. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa kedudukan bahasa Banjar dalam domain keagamaan semakin lemah, hanya tinggal pada tahap simbolik sebagai penanda identiti keagamaan dan etnik sahaja. Masjid, yang seharusnya berpotensi menjadi ruang memelihara bahasa ibunda melalui interaksi komuniti, kini lebih banyak memperkukuh dominasi bahasa Melayu. Situasi ini jelas menggambarkan proses peralihan bahasa, iaitu bahasa Banjar semakin kehilangan fungsinya dalam ruang keagamaan yang bersifat rasmi dan kolektif.

2. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama ahli kariah masjid?

Jadual 6.23 Statistik deskriptif bahasa yang biasa anda gunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama ahli kariah masjid

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.51	1.27	50.12	3	Sederhana	Bahasa Banjar + Dialek Kedah	41–60

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.23 memperlihatkan pola penggunaan bahasa responden ketika menghadiri program keagamaan bersama ahli kariah masjid. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.51 dengan sisihan piawai 1.27. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 50.12 peratus, manakala tahap skor ialah 3 yang dikategorikan sebagai sederhana.

Tahap sederhana ini menandakan bahawa bahasa Banjar digunakan secara bercampur dengan dialek Kedah, dalam julat peratusan 41–60 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa dalam program keagamaan, responden masih mengekalkan penggunaan Banjar tetapi bukan secara dominan; sebaliknya ia dituturkan bersama dialek Kedah yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat setempat. Dengan kata lain, bahasa Banjar tidak sepenuhnya hilang dalam ruang ibadah dan pengajian, tetapi kedudukannya semakin bergantung kepada konteks sosial dan tahap kefasihan generasi muda. Jika dianalisis dengan *kerangka Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.51 dikategorikan pada tahap 6b – terancam (*threatened*). Pada tahap ini, bahasa Banjar masih dituturkan oleh generasi dewasa, tetapi penggunaannya semakin berkurang dan kurang diwarisi kepada generasi muda. Dalam konteks program keagamaan, faktor dominasi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan dialek Kedah sebagai lingua franca tempatan turut menyumbang kepada pengecilan ruang penggunaan Banjar.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam program keagamaan bersama ahli kariah masjid berada pada tahap sederhana, iaitu masih wujud dalam bentuk campuran dengan dialek Kedah. Ini menandakan bahawa bahasa Banjar belum sepenuhnya terpinggir dalam domain keagamaan, tetapi fungsinya semakin terbatas kerana digabungkan dengan bahasa dominan lain untuk memenuhi keperluan komunikasi inklusif.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama masyarakat dari luar mukim Bagan Serai?

Jadual 6.24 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menghadiri program keagamaan bersama masyarakat dari luar mukim Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.21	1.12	44.24	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.24 memperlihatkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden semasa menghadiri program keagamaan dengan masyarakat luar mukim. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.21 dengan sisihan piawai 1.12. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada 44.24 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menandakan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan dalam konteks ini, dengan julat peratusan 21–40 peratus. Hal ini dapat difahami kerana program keagamaan yang melibatkan masyarakat dari luar mukim memerlukan bahasa komunikasi yang lebih inklusif. Bahasa Banjar tidak lagi berfungsi sebagai medium utama, sebaliknya digantikan oleh bahasa Melayu yang lebih meluas penggunaannya dalam ruang sosial keagamaan antara-mukim.

Apabila diteliti dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.21 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi diwarisi secara konsisten oleh generasi muda, dan dalam domain keagamaan terbuka seperti ini, kedudukannya semakin lemah. Generasi dewasa mungkin masih menuturkan Banjar, tetapi penggunaannya semakin jarang kerana wujud tekanan sosial untuk menyesuaikan diri dengan bahasa dominan (bahasa Melayu) demi kefahaman kolektif. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir apabila interaksi keagamaan melibatkan komuniti luar mukim. Jika dibandingkan dengan dapatan di Jadual 6.22 (solat fardu di masjid – rendah) dan Jadual 6.23 (program keagamaan bersama ahli kariah mukim – sederhana), penggunaan Banjar dalam program keagamaan bersama masyarakat luar mukim adalah lebih rendah. Hal ini menandakan bahawa semakin luas

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

konteks sosial dan semakin bercampur khalayak, semakin lemah kedudukan bahasa Banjar dalam domain keagamaan, dengan bahasa Melayu mengambil alih peranan utama sebagai bahasa ibadah dan komunikasi rasmi.

4. Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menghadiri majlis jamuan bersama ahli kariah masjid?

Jadual 6.25 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika menghadiri majlis jamuan bersama ahli kariah masjid

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.43	1.30	48.59	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.25 memperlihatkan dapatan tentang bahasa yang digunakan oleh responden ketika menghadiri majlis jamuan bersama ahli kariah masjid. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.43 dengan sisihan piawai 1.30. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada kadar 48.59 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Meskipun majlis jamuan biasanya berbentuk santai dan melibatkan interaksi sosial yang tidak formal, bahasa Banjar tidak lagi menjadi medium utama. Sebaliknya, bahasa Melayu dipilih kerana sifatnya yang lebih inklusif dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat dalam kariah masjid.

Jika dilihat dari perspektif *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.43 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi dituturkan secara meluas oleh generasi muda, dan fungsinya semakin mengecil. Walaupun masih digunakan dalam perbualan sampingan oleh golongan dewasa atau warga emas, ia tidak lagi mendominasi komunikasi sosial dalam konteks kolektif seperti majlis jamuan.Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun majlis jamuan berpotensi menjadi ruang santai yang boleh mengekalkan penggunaan bahasa ibunda, bahasa Banjar tetap tidak kukuh. Kedudukannya digantikan oleh bahasa Melayu sebagai medium komunikasi utama, manakala bahasa Banjar hanya kekal pada tahap simbolik. Jika dibandingkan dengan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dapatan Jadual 6.23 (program keagamaan ahli kariah – sederhana), penggunaan bahasa Banjar dalam majlis jamuan lebih rendah, sekali gus menegaskan bahawa semakin bercampur khalayak, semakin berkuranglah peranan bahasa Banjar dalam domain keagamaan dan sosial di masjid.

iv. Bahasa yang digunakan dalam domain pendidikan

1. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika di bilik darjah?

Jadual 6.26 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di bilik darjah

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.34	0.84	46.82	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan menunjukkan bahawa daripada 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.34 dengan sisihan piawai 0.84. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 46.82 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan berbanding bahasa Banjar dalam konteks bilik darjah. Hal ini dapat dijangka kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar rasmi dalam sistem pendidikan kebangsaan, manakala penggunaan bahasa Banjar hanya terhad, sekiranya wujud, dalam komunikasi sampingan antara pelajar. Jika dilihat melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.34 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi diwarisi secara konsisten kepada generasi muda, malah fungsinya dalam domain pendidikan hampir tidak kelihatan. Pendidikan formal yang memberi penekanan penuh kepada bahasa Melayu secara tidak langsung memperkukuh kedudukan bahasa kebangsaan dan menolak penggunaan bahasa Banjar ke pinggir.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar tidak berfungsi sebagai medium pembelajaran dalam bilik darjah. Kedudukannya adalah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

amat terhad dan hanya digunakan secara sampingan antara rakan sebaya, manakala bahasa Melayu sepenuhnya mengambil alih sebagai bahasa utama pendidikan. Keadaan ini mempercepatkan proses peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda kerana sekolah, sebagai institusi sosial utama, mengukuhkan dominasi bahasa Melayu berbanding bahasa warisan seperti Banjar.

2. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika di kantin/kafe?

Jadual 6.27 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di kantin/kafe

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.43	0.84	46.82	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.27 memperlihatkan corak penggunaan bahasa responden ketika berada di kantin atau kafe. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.43 dengan sisihan piawai 0.84. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 46.82 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah. Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan dalam interaksi di kantin atau kafe, manakala penggunaan bahasa Banjar semakin terbatas. Hal ini dapat difahami kerana kantin/kafe merupakan ruang sosial terbuka yang melibatkan pelbagai latar etnik, dan bahasa Melayu berperanan sebagai medium komunikasi yang lebih inklusif.

Jika dianalisis berdasarkan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.43 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi diwarisi secara meluas dalam kalangan generasi muda, malah penggunaannya di ruang sosial umum seperti kantin lebih jarang berlaku. Walaupun masih wujud secara sampingan dalam interaksi antara penutur Banjar, fungsinya tidak dominan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar semakin kurang digunakan dalam domain pendidikan tidak formal seperti kantin/kafe. Bahasa Melayu sepenuhnya mengambil alih peranan sebagai bahasa komunikasi utama, manakala Banjar hanya bertahan dalam konteks kecil dan lebih

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bersifat simbolik. Keadaan ini memperlihatkan bahawa di ruang sosial pelajar yang bersifat terbuka, peranan bahasa Banjar semakin terpinggir berbanding bahasa dominan lain.

3. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika di padang?

Jadual 6.28 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika di padang

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.43	0.98	48.53	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.28 memaparkan dapatan berkaitan bahasa yang digunakan responden ketika berada di padang. Daripada 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 2.43 dengan sisihan piawai 0.98. Peratusan penggunaan bahasa Banjar dicatatkan pada kadar 48.53 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar dalam interaksi di padang, yang biasanya melibatkan aktiviti riadah, kokurikulum, atau sukan. Walaupun suasana padang bersifat santai dan tidak formal, bahasa Banjar tidak lagi menjadi medium utama komunikasi, sebaliknya bahasa Melayu dipilih kerana lebih praktikal serta difahami oleh semua rakan sebaya dalam konteks sosial terbuka. Dalam kajian Collins (2019), beliau juga melaporkan situasi yang seumpama, iaitu terdapat contoh pemuda Melayu di kawasan Saribas (Sarawak) akan menggunakan bahasa Iban (iaitu bahasa *lingua franca* Sarawak) ketika bermain di padang, dan bahasa ibundanya, dialek Melayu Saribas hanya digunakan ketika di rumah, meskipun ahli keluarga mereka semua tahu berbahasa Iban.

Jika dianalisis melalui *kerangka Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.43 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar semakin jarang digunakan oleh generasi muda, dan fungsinya semakin terhad dalam pergaulan harian. Interaksi di padang, yang biasanya bercampur dengan pelajar daripada pelbagai latar etnik, mendorong penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dominan, manakala Banjar hanya wujud secara minoriti.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar semakin berkurangan penggunaannya dalam domain pendidikan tidak formal seperti di padang. Sama seperti di kantin (Jadual 6.27), bahasa Melayu kekal sebagai bahasa utama, manakala bahasa Banjar hanya bertahan dalam ruang interaksi kecil sesama penutur asal. Hal ini memperlihatkan bahawa pengaruh sosial persekitaran yang lebih luas mempercepatkan peralihan bahasa daripada bahasa Banjar kepada bahasa dominan lain dalam kalangan generasi muda.

4. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika program Bersama pelajar di luar Mukim Bagan Serai?

Jadual 6.29 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan ketika program bersama pelajar di luar Mukim Bagan Serai

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	2.34	0.88	46.71	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.29 memperlihatkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden ketika mengikuti program bersama pelajar di luar Mukim Bagan Serai. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 2.34 dengan sisihan piawai 0.88. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada kadar 46.71 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan digunakan berbanding bahasa Banjar dalam situasi melibatkan pelajar luar mukim. Keadaan ini dapat difahami kerana interaksi dalam program sebegini bersifat terbuka dan bercampur dengan pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik. Oleh itu, bahasa Melayu dipilih sebagai lingua franca utama, manakala penggunaan bahasa Banjar semakin terhad kepada interaksi kecil sesama penutur asal sahaja.Apabila diteliti dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 2.34 diletakkan pada tahap 7 – beralih (*shifting*). Pada tahap ini, bahasa Banjar tidak lagi diwarisi secara konsisten oleh generasi muda dan penggunaannya semakin mengecil, terutama apabila berhadapan dengan khalayak lebih luas.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir dalam konteks pendidikan luar mukim. Sama seperti di bilik darjah (Jadual 6.26), kantin (Jadual 6.27), dan padang (Jadual 6.28), bahasa Melayu tampil sebagai bahasa dominan, manakala Banjar hanya kekal dalam ruang terbatas. Ini memperlihatkan pola peralihan yang semakin jelas, iaitu bahasa Banjar kurang berfungsi dalam interaksi pendidikan formal mahupun tidak formal apabila melibatkan khalayak yang lebih luas.

v. Bahasa yang Digunakan dalam Domain Pekerjaan

1. Apakah bahasa yang anda gunakan dengan rakan di tempat kerja anda?

Jadual 6.30 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan rakan di tempat kerja

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	1.41	1.36	28.29	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.30 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden bersama rakan di tempat kerja. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 1.41 dengan sisihan piawai 1.36. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 28.29 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini memperlihatkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar dalam domain pekerjaan, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Hal ini dapat difahami kerana tempat kerja merupakan ruang sosial yang lebih formal, melibatkan interaksi dengan pelbagai etnik, dan biasanya tertakluk kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan profesional. Jika dianalisis melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 1.41 menghampiri tahap 8a – hampir pupus (*moribund*). Pada tahap ini, penggunaan bahasa Banjar di tempat kerja sangat minimum dan hanya bertahan dalam interaksi terbatas sesama penutur asal. Dalam kebanyakan situasi kerja, bahasa Melayu digunakan secara meluas sebagai medium komunikasi utama, manakala Banjar tidak

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

lagi memainkan peranan penting. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar berada pada kedudukan yang amat lemah dalam domain pekerjaan. Bahasa Melayu mengambil alih sepenuhnya peranan sebagai bahasa interaksi, manakala bahasa Banjar berfungsi secara terbatas. Situasi ini menegaskan bahawa dalam domain formal seperti pekerjaan, peluang pewarisan dan pemerkasaan bahasa Banjar hampir tiada kerana fungsinya tidak lagi relevan dalam komunikasi rasmi.

2. Apakah bahasa yang anda gunakan dengan majikan anda?

Jadual 6.31 Statistik deskriptif bahasa yang biasa digunakan dengan majikan

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	1.36	1.22	27.24	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.31 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden ketika berinteraksi dengan majikan. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 1.36 dengan sisihan piawai 1.22. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 27.24 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menandakan bahawa bahasa Melayu lebih dominan berbanding bahasa Banjar dalam komunikasi dengan majikan, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Keadaan ini boleh dijangka kerana hubungan dengan majikan biasanya berlaku dalam konteks formal dan profesional, iaitu bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi dan standard. Jika dianalisis menggunakan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 1.36 menghampiri tahap 8a – hampir pupus (*moribund*). Pada tahap ini, bahasa Banjar hampir tidak digunakan langsung dalam interaksi pekerjaan rasmi, kecuali dalam situasi sangat terhad sesama penutur asal. Bahasa Melayu menguasai hampir sepenuhnya domain pekerjaan kerana peranannya sebagai bahasa pentadbiran, pengurusan, dan komunikasi antara etnik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar tidak

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

mempunyai fungsi signifikan dalam komunikasi dengan majikan. Kedudukannya hanya bersifat simbolik, manakala bahasa Melayu sepenuhnya menjadi medium komunikasi profesional. Hal ini menegaskan bahawa dalam domain pekerjaan formal, peluang untuk mengekalkan bahasa Banjar adalah sangat minimum, sekali gus mengukuhkan pola peralihan bahasa yang telah dikenal pasti dalam dapatan sebelumnya.

3. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika makan bersama rakan sekerja anda?

Jadual 6.32 Statistik deskriptif bahasa yang anda gunakan ketika makan bersama rakan sekerja

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	1.47	1.37	29.35	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.32 memperlihatkan pola penggunaan bahasa responden ketika makan bersama rakan sekerja. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang dicatatkan ialah 1.47 dengan sisihan piawai 1.37. Peratusan penggunaan bahasa Banjar direkodkan pada kadar 29.35 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih dominan digunakan berbanding bahasa Banjar dalam situasi santai seperti makan bersama rakan sekerja, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Walaupun konteks makan bersama biasanya lebih tidak formal, bahasa Banjar tetap tidak menjadi medium utama. Sebaliknya, bahasa Melayu digunakan untuk memudahkan komunikasi dalam kumpulan kerja yang bercampur etnik dan latar bahasa. Jika diteliti melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 1.47 menghampiri tahap 8a – hampir pupus (*moribund*). Ini menandakan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam konteks pekerjaan, walaupun dalam situasi tidak formal seperti makan bersama, sangat terbatas. Generasi muda khususnya lebih selesa menggunakan bahasa Melayu yang lebih inklusif dan sesuai dengan norma profesional. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun makan bersama rakan sekerja berpotensi menjadi ruang santai untuk menggunakan bahasa ibunda, bahasa Banjar tidak lagi mendapat tempat yang kukuh. Bahasa Melayu sepenuhnya

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menguasai komunikasi, manakala Banjar hanya digunakan dalam interaksi kecil sesama penutur asal. Keadaan ini memperlihatkan bahawa dalam domain pekerjaan, baik dalam interaksi formal mahupun tidak formal, bahasa Banjar semakin terpinggir.

4. Apakah bahasa yang anda gunakan ketika melakukan aktiviti riadah bersama rakan sekerja anda?

Jadual 6.33 Statistik deskriptif bahasa yang anda gunakan ketika melakukan aktiviti riadah bersama rakan sekerja

Jumlah Responden (N)	Min (Purata Skor)	Sisihan Piawai	Peratus Penggunaan Banjar (%)	Tahap Skor	Interpretasi Umum	Kategori Pemilihan Bahasa	Julat Peratusan (%)
340	1.41	1.36	28.29	2	Rendah	Bahasa Melayu	21–40

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.33 menunjukkan dapatan mengenai bahasa yang digunakan responden semasa melakukan aktiviti riadah bersama rakan sekerja. Berdasarkan 340 responden, nilai min yang diperoleh ialah 1.41 dengan sisihan piawai 1.36. Peratusan penggunaan bahasa Banjar berada pada 28.29 peratus, manakala tahap skor berada pada nilai 2 yang dikategorikan sebagai rendah.

Tahap rendah ini memperlihatkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa dominan berbanding bahasa Banjar, dengan julat peratusan antara 21–40 peratus. Walaupun aktiviti riadah biasanya berlangsung dalam suasana santai dan tidak formal, bahasa Banjar tidak digunakan secara meluas. Sebaliknya, bahasa Melayu lebih dipilih kerana sifatnya yang inklusif dan difahami oleh semua rakan sekerja tanpa mengira latar etnik. Jika dianalisis menggunakan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), skor min 1.41 menghampiri tahap 8a – hampir pupus (*moribund*). Hal ini menandakan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam konteks riadah bersama rakan sekerja amat terbatas, malah hampir tidak digunakan oleh generasi muda. Bahasa Melayu sepenuhnya mengambil alih fungsi komunikasi, sekali gus memperkukuh kedudukannya dalam domain pekerjaan dan interaksi sosial berkaitan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Banjar semakin terpinggir walaupun dalam suasana santai seperti aktiviti riadah. Bahasa Melayu kekal sebagai bahasa utama yang menghubungkan komuniti kerja, manakala Banjar hanya digunakan secara minimum oleh sebilangan kecil penutur. Situasi ini

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menegaskan pola umum bahawa dalam domain pekerjaan, baik formal mahupun tidak formal, bahasa Banjar tidak lagi memainkan peranan dominan.

6.3.4 Analisis Persepsi Responden Berkaitan Perbezaan Bahasa antara Penutur dalam Kalangan Golongan Muda dan Tua

a. Adakah bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda?


Jadual 6.34 memperlihatkan persepsi responden mengenai tahap persamaan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu seramai 286 orang (84.1%), menyatakan bahawa bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua tidak sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda. Sebaliknya, hanya 54 orang responden (15.9%) berpendapat bahawa bahasa Banjar golongan tua masih lebih kurang sama dengan bahasa Banjar golongan muda.

Jadual 6.34 Bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda

Bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	286	84.1
Ya	54	15.9
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.6 Bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.35 Jika tidak, bagaimana ia berlaku?

Jika tidak, bagaimana ia berlaku?	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Orang muda BM + BI	60	21.0
Orang muda sebutan yang berbeza	46	16.1
Orang muda campur aduk BB + DK	97	33.9
Orang muda hanya guna kosa kata BB yang diketahui	83	29.0
Jumlah	**286**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.35 memaparkan pandangan responden mengenai bagaimana perbezaan bahasa Banjar antara golongan tua dan muda berlaku. Seramai 286 responden yang memilih jawapan "tidak sama" dalam Jadual 6.36 memberikan penjelasan lanjut. Dapatan menunjukkan bahawa 33.9 peratus atau 97 orang responden berpendapat golongan muda menuturkan bahasa Banjar dalam bentuk campur aduk dengan dialek Kedah. Seterusnya, 29.0 peratus atau 83 orang responden menyatakan golongan muda hanya menggunakan kosa kata bahasa Banjar yang mereka ketahui, tanpa menguasai keseluruhan bentuk bahasa. Sebahagian lagi, iaitu 21.0 peratus atau 60 orang responden berpendapat golongan muda lebih banyak menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berbanding bahasa Banjar, manakala 16.1 peratus atau 46 orang responden

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

menegaskan bahawa perbezaan ini wujud kerana golongan muda mempunyai sebutan yang berbeza daripada golongan tua.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa faktor utama perbezaan bahasa Banjar antara generasi bukan sahaja berpunca daripada campuran bahasa dengan dialek dominan setempat,iaitu dialek Melayu Kedah tetapi juga akibat keterbatasan penguasaan kosa kata dalam kalangan generasi muda. Kecenderungan menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris pula menggambarkan pengaruh dari bahasa yang dominan digunakan dalam sistem pendidikan dan media, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bahasa Banjar. Perubahan sebutan pula boleh dianggap sebagai variasi fonologi yang lahir daripada penyesuaian interaksi dengan bahasa persekitaran. Secara keseluruhannya, Jadual 6.35 menegaskan bahawa perbezaan antara generasi ini berlaku melalui pelbagai mekanisme, iaitu campur aduk bahasa, penguasaan kosa kata yang terhad, pengaruh bahasa dominan, dan variasi sebutan, yang kesemuanya memberi kesan langsung terhadap bentuk dan kelangsungan bahasa Banjar dalam komuniti.

6.3.5 Analisis Aspek Sikap Bahasa Responden

a. Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?


Jadual 6.36 memperlihatkan sikap responden terhadap usaha mempelajari atau memperbaiki penguasaan bahasa Banjar. Daripada 340 responden, seramai 286 orang (84.1%) menyatakan ya, mereka ingin mempelajari atau memperbaiki penguasaan bahasa Banjar. Sebaliknya, hanya 54 orang (15.9%) menyatakan tidak berminat.

Jadual 6.36 Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?

Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	54	15.9
Ya	286	84.1
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.7 Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini menunjukkan majoriti besar responden masih mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Banjar walaupun penggunaan semasanya berada pada tahap 3 (sederhana) dan 2 (rendah) dalam pelbagai domain. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Banjar masih dianggap penting sebagai penanda identiti etnik dan warisan budaya, sekali gus memberi ruang kepada usaha pemuliharaan.

Peratusan kecil yang tidak berminat (15.9%) pula mungkin dipengaruhi oleh faktor keperluan praktikal, iaitu bahasa Banjar tidak lagi relevan dalam urusan pendidikan, pekerjaan, atau komunikasi rasmi. Namun demikian, jumlah ini tidak menjejaskan hakikat bahawa sebahagian besar komuniti masih menunjukkan sikap positif terhadap pemerkasaan bahasa Banjar. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun bahasa Banjar semakin kurang digunakan dalam kehidupan seharian, namun demikian sikap komuniti terhadap bahasa ini kekal positif dan berpotensi menjadi asas kukuh bagi usaha pemuliharaan dan revitalisasi.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


b. Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?

Jadual 6.37 menunjukkan pandangan responden tentang keperluan pemeliharaan bahasa Banjar secara formal. Daripada 340 responden, seramai 306 orang (90.0%) bersetuju bahawa bahasa Banjar wajar dipelihara secara formal, manakala hanya 34 orang (10.0%) berpendapat sebaliknya.

Jadual 6.37 Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?

Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak	34	10.0
Ya	306	90.0
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.8 Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara formal?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini jelas memperlihatkan bahawa majoriti besar responden mempunyai kesedaran tinggi tentang pentingnya pemeliharaan bahasa Banjar sebagai sebahagian daripada identiti etnik dan warisan budaya. Sokongan hampir sepakat ini menjadi bukti bahawa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai masih menilai bahasa ibunda mereka sebagai satu elemen penting yang perlu dikekalkan.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Sebaliknya, peratusan kecil yang tidak bersetuju (10.0%) mungkin berpendapat bahawa usaha pemeliharaan formal tidak relevan dalam konteks kehidupan moden, atau melihat bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang lebih praktikal digunakan dalam urusan pendidikan, pekerjaan, dan komunikasi rasmi. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan adanya kesedaran kolektif dalam kalangan masyarakat Banjar di mukim Bagan Serai tentang keperluan intervensi formal bagi memastikan kelangsungan bahasa mereka. Keadaan ini selari dengan dapatan sebelumnya (Jadual 6.35) yang menunjukkan majoriti responden berminat mempelajari atau memperbaiki bahasa Banjar, sekali gus menegaskan bahawa peluang untuk program revitalisasi bahasa Banjar masih terbuka luas.

c. Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?


Jadual 6.38 memaparkan pandangan responden mengenai cadangan penerbitan majalah atau buletin dalam bahasa Banjar. Daripada 340 responden, seramai 299 orang (87.9%) bersetuju dengan cadangan ini, manakala hanya 41 orang (12.1%) tidak bersetuju.

Jadual 6.38 Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?

Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	41	12.1
Ya	299	87.9
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.9 Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong inisiatif penerbitan majalah atau buletin dalam bahasa Banjar. Sokongan yang tinggi ini membuktikan wujudnya kesedaran bahawa bahan bertulis seperti majalah atau buletin boleh menjadi medium penting dalam usaha mengekalkan serta memartabatkan bahasa Banjar, di samping memperkukuh penggunaannya dalam bentuk tulisan.

Peratusan kecil yang tidak bersetuju (12.1%) mungkin berpunca daripada anggapan bahawa usaha penerbitan ini kurang praktikal, sukar mendapat sambutan, atau tidak relevan dalam kehidupan moden yang lebih menekankan bahasa Melayu dan Inggeris. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa masyarakat Banjar di Bagan Serai masih mempunyai keinginan kuat untuk melihat bahasa mereka diperkasakan melalui saluran bertulis. Usaha ini bukan sahaja dapat memperluas ruang penggunaan bahasa Banjar, tetapi juga menyumbang kepada dokumentasi, pembelajaran, dan pewarisan kepada generasi muda.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


d. Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?

Jadual 6.39 memperlihatkan pandangan responden tentang cadangan mewujudkan program radio dalam bahasa Banjar. Daripada 340 responden, seramai 308 orang (90.6%) menyatakan persetujuan, manakala hanya 32 orang (9.4%) tidak bersetuju.

Jadual 6.39 Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?

Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak	32	9.4
Ya	308	90.6
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.10 Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini menunjukkan bahawa sokongan terhadap usaha pengembangan bahasa Banjar melalui medium penyiaran amat tinggi. Majoriti besar responden melihat program radio sebagai platform penting yang mampu memperkukuh penggunaan bahasa Banjar dalam kehidupan seharian, di samping memperluas capaian kepada semua peringkat umur, khususnya generasi muda dan warga emas yang lebih akrab dengan media tradisional.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Peratusan kecil yang tidak bersetuju (9.4%) mungkin berpunca daripada tanggapan bahawa program radio kurang relevan dalam era digital, atau kerana mereka lebih menekankan penggunaan bahasa dominan lain seperti bahasa Melayu atau Inggeris.Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa masyarakat Banjar di Bagan Serai mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan media sebagai wahana pemerkasaan bahasa. Cadangan mewujudkan program radio dalam bahasa Banjar mendapat sokongan hampir sepenuhnya, sekali gus memberi isyarat bahawa inisiatif berbentuk penyiaran boleh menjadi strategi penting dalam usaha pemuliharaan dan revitalisasi bahasa Banjar.

e. Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?


Jadual 6.40 menunjukkan pandangan responden tentang kelangsungan bahasa Banjar dalam tempoh dua dekad akan datang. Daripada 340 responden, seramai 239 orang (70.3%) berpendapat bahawa bahasa Banjar masih akan dituturkan, 66 orang (19.4%) menjangka penggunaannya akan lebih kurang sama seperti sekarang, manakala hanya 35 orang (10.3%) berpandangan ia tidak lagi akan dituturkan.

Jadual 6.40 Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?

Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Tidak	35	10.3
Lebih kurang sama	66	19.4
Ya	239	70.3
Jumlah	**340**	**100.0**

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.11 Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Dapatan ini memperlihatkan optimisme yang tinggi dalam kalangan masyarakat Banjar terhadap kelangsungan bahasa mereka. Majoriti besar responden yakin bahawa bahasa Banjar masih akan digunakan pada masa hadapan, meskipun terdapat pelbagai cabaran peralihan bahasa yang ditunjukkan dalam domain pendidikan, pekerjaan, dan keagamaan.

Pandangan 19.4 peratus responden yang menjangka tiada perubahan ketara menunjukkan wujudnya persepsi bahawa bahasa Banjar berada pada tahap stabil tertentu, walaupun tidak dominan. Sementara itu, 10.3 peratus yang berpendapat bahasa Banjar tidak lagi akan dituturkan memberi isyarat kewujudan kebimbangan terhadap kepupusan bahasa ini, khususnya kerana faktor pewarisan generasi muda yang semakin lemah. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan sikap positif komuniti Banjar terhadap masa depan bahasa mereka. Walaupun bukti empirikal daripada analisis domain menunjukkan penurunan penggunaan, keyakinan responden ini menjadi modal sosial yang penting untuk digerakkan dalam program pemeliharaan dan revitalisasi bahasa Banjar.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

6.3.6 Hubungan antara Kumpulan Umur dengan Tahap Kefasihan/Pilihan Bahasa

Dalam kajian ini, hubungan antara kumpulan umur dengan tahap kefasihan bahasa (Dialek Kedah, Bahasa Melayu, dan Bahasa Banjar) dianalisis menggunakan ujian *Chi-Square* bagi menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan tahap kefasihan/pilihan bahasa berdasarkan kumpulan umur. Ujian *Chi-Square* digunakan untuk menguji independensi antara dua pembolehubah kategori, iaitu kumpulan umur dan kefasihan/pilihan bahasa, bagi menilai sama ada kedua-duanya saling berkaitan atau bebas antara satu sama lain. Analisis ini bertujuan memahami tahap kefasihan/pilihan bahasa dalam kalangan individu daripada kumpulan umur yang berbeza, sekali gus memberi gambaran yang lebih mendalam tentang faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam komuniti kajian. Analisis dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap kefasihan mempunyai pengaruh langsung terhadap pilihan bahasa responden dalam pelbagai domain.

Jadual 6.41 Kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Umur	**Kefasihan Bahasa/Pilihan Bahasa**			**Jumlah (%)**
	Dialek Kedah (%)	**Bahasa Melayu (%)**	**Bahasa Banjar (%)**	
20-30 tahun	47	63	5	115
	(40.9)	(54.8)	(4.3)	(100.0)
31-40 tahun	36	30	6	72
	(50.0)	(41.7)	(8.3)	(100.0)
41-50 tahun	12	9	11	32
	(37.5)	(28.1)	(34.4)	(100.0)
51-60 tahun	9	21	22	52
	(17.3)	(40.4)	(42.3)	(100.0)
61 tahun ke atas	4	19	46	69
	(5.8)	(27.5)	(66.7)	(100.0)
Jumlah	**108**	**142**	**90**	**340**
	(31.8)	**(41.8)**	**(26.5)**	**(100.0)**

Sumber: Mohd Khaidir 2026


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.42 *Chi-Square Tests* kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Chi-Square Tests			
	Value	***df***	***Asymptotic Significance (2-sided)***
Pearson Chi-Square	116.408[a]	8	.000
Likelihood Ratio	124.916	8	.000
Linear-by-Linear Association	87.898	1	.000
N of Valid Cases	340		

a. *0 cells (0.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 8.47.*

Sumber: Mohd Khaidir 2026



Rajah 6.12 Kumpulan umur * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.41 memperlihatkan *crosstabulation* antara kumpulan umur dan kefasihan/pilihan bahasa responden. Dapatan menunjukkan bahawa generasi muda (20–30 tahun) lebih dominan menggunakan bahasa Melayu (54.8%) dan dialek Kedah (40.9%), manakala penggunaan bahasa Banjar sangat rendah (4.3%). Pola ini berterusan dalam kalangan responden berumur 31–40 tahun, dengan pilihan terhadap dialek Kedah (50.0%) lebih menonjol berbanding bahasa Melayu (41.7%), manakala bahasa Banjar kekal rendah (8.3%). Sebaliknya, kumpulan umur 41–50 tahun memperlihatkan perubahan yang lebih seimbang, iaitu 34.4% responden menggunakan bahasa Banjar dalam subkumpulan pertama (N=32), manakala dalam subkumpulan umur 51-60

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(N=52), bahasa Banjar mencatat peratusan lebih tinggi (42.3%), sekali gus menunjukkan bahawa generasi pertengahan masih mengekalkan bahasa Banjar pada tahap yang lebih baik berbanding generasi muda. Trend ini mencapai kemuncaknya dalam kalangan responden berumur 61 tahun ke atas, iaitu majoriti besar (66.7%) memilih bahasa Banjar, manakala bahasa Melayu (27.5%) dan dialek Kedah (5.8%) jauh lebih rendah. Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan pola peralihan yang jelas,iaitu generasi tua lebih fasih dan cenderung mengekalkan penggunaan bahasa Banjar, manakala generasi muda lebih selesa menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah kerana tahap kefasihan mereka yang lebih tinggi dalam bahasa dominan tersebut. Hal ini menegaskan bahawa tahap kefasihan berperanan besar dalam menentukan pilihan bahasa, dan jurang penggunaan antara generasi memperlihatkan ancaman nyata terhadap pewarisan intergenerasi bahasa Banjar

Dapatan analisis *Chi-Square* dalam Jadual 6.42 menunjukkan bahawa kumpulan umur mempengaruhi secara signifikan jenis bahasa yang digunakan oleh responden, dan hal ini jelas berkait rapat dengan tahap kefasihan bahasa yang dimiliki. Hasil ujian menunjukkan nilai *Pearson Chi-Square* (116.408, $p < 0.001$) dan *Likelihood Ratio* (124.916, $p < 0.001$), yang kedua-duanya membuktikan terdapat hubungan signifikan antara kumpulan umur dan kefasihan/pilihan bahasa. Nilai p (< 0.001) memberikan bukti kukuh bahawa hubungan tersebut tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya merupakan hubungan yang nyata serta boleh dipercayai. Analisis ini membuktikan bahawa tahap kefasihan merupakan faktor utama yang menentukan pilihan bahasa responden. Generasi tua mengekalkan penggunaan Banjar kerana kefasihan yang kukuh terhadap bahasa ibunda, manakala generasi muda beralih kepada bahasa Melayu dan dialek Kedah kerana penguasaan yang lebih tinggi dalam bahasa dominan tersebut. Pola ini memperlihatkan dengan jelas proses peralihan bahasa intergenerasi yang sedang berlaku dalam komuniti Banjar di Bagan Serai.

Apabila ditafsirkan dengan kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), dapatan ini menunjukkan kedudukan bahasa Banjar berada pada tahap 6b – terancam (*threatened*), iaitu masih digunakan dalam komunikasi harian oleh golongan dewasa dan warga emas, tetapi tidak lagi diwarisi secara meluas kepada generasi muda. Generasi muda yang lebih fasih dalam bahasa Melayu dan dialek Kedah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

memperlihatkan tanda-tanda jelas peralihan ke tahap 7 – beralih (shifting), iaitu generasi baharu tidak lagi mempelajari bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda. Sebaliknya, generasi tua mengekalkan Banjar dalam domain keluarga, namun pengaruhnya semakin terhad.

Secara keseluruhannya, analisis ini membuktikan bahawa tahap kefasihan menjadi faktor utama yang menentukan pilihan bahasa, dan jurang intergenerasi memperlihatkan proses peralihan bahasa Banjar yang semakin ketara. Jika trend ini berterusan tanpa intervensi pemeliharaan, bahasa Banjar berisiko bergerak dari tahap 6b (terancam) ke tahap 7 (beralih), sekali gus mempercepatkan penghakisan pewarisan intergenerasi dalam komuniti Banjar di Bagan Serai.

6.3.7 Hubungan antara Kumpulan Jantina dengan Tahap Kefasihan/Pilihan Bahasa

Hubungan antara kumpulan jantina dan tahap kefasihan/pilihan bahasa seperti dalam Jadual 6.43 dan 6.44 di bawah:

Jadual 6.43 Kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Jantina	**Kefasihan Bahasa/Pilihan Bahasa**			**Jumlah (%)**
	Dialek Kedah (%)	**Bahasa Melayu (%)**	**Bahasa Banjar (%)**	
Lelaki	51	71	57	179
	(28.5)	(39.7)	(31.8)	(100.0)
Perempuan	57	71	33	161
	(35.4)	(44.1)	(20.5)	(100.0)
Jumlah	**108**	**142**	**90**	**340**
	(31.8)	**(41.8)**	**(26.5)**	**(100.0)**

Sumber: Mohd Khaidir 2026


Jadual 6.44 *Chi-Square Tests* kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Chi-Square Tests			
	Value	***df***	***Asymptotic Significance (2-sided)***
Pearson Chi-Square	5.797a	2	.055
Likelihood Ratio	5.858	2	.053
Linear-by-Linear Association	4.862	1	.027
N of Valid Cases	340		

a. *0 cells (0.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 42.62.*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.13 Kumpulan jantina * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.43 memperlihatkan hubungan antara jantina dan kefasihan/pilihan bahasa responden. Dalam kalangan responden lelaki (N = 179), majoriti menggunakan bahasa Melayu (39.7%), diikuti bahasa Banjar (31.8%) dan dialek Kedah (28.5%). Hal ini menunjukkan bahawa lelaki lebih seimbang dalam penggunaan ketiga-tiga bahasa, dengan bahasa Banjar masih mencatat peratusan yang agak tinggi berbanding responden perempuan. Sebaliknya, bagi responden perempuan (N = 161), bahasa Melayu mencatat peratusan tertinggi (44.1%), diikuti dialek Kedah (35.4%), manakala penggunaan bahasa Banjar menurun dengan ketara (20.5%). Dapatan ini memperlihatkan bahawa responden perempuan lebih dominan menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah berbanding bahasa Banjar, sekali gus memperlihatkan kecenderungan lebih besar kepada bahasa dominan dalam komuniti.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa faktor jantina turut memainkan peranan dalam menentukan pilihan bahasa. Responden lelaki masih mengekalkan penggunaan bahasa Banjar pada kadar yang lebih tinggi berbanding responden perempuan, manakala responden perempuan lebih cenderung menggunakan bahasa dominan seperti bahasa Melayu dan dialek Kedah. Pola ini memperkukuh lagi gambaran bahawa bahasa Banjar berada pada kedudukan yang terpinggir dalam

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kalangan segmen tertentu komuniti, khususnya kaum wanita, yang sering menjadi model utama dalam pewarisan bahasa kepada generasi muda. Jika pola ini berterusan, peranan wanita yang lebih memilih bahasa Melayu atau Kedah boleh mempercepatkan proses peralihan bahasa Banjar dalam domain keluarga dan sosial.

Keputusan ujian *Chi-Square* dalam Jadual 6.44 menunjukkan nilai *Pearson Chi-Square* = 5.797, *df* = 2, *p* = 0.055. Nilai p melebihi aras signifikan 0.05, menandakan bahawa secara keseluruhan, tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara jantina dan kefasihan/pemilihan bahasa. Walau bagaimanapun, nilai *Linear-by-Linear Association* (4.862, *p* = 0.027) menunjukkan terdapat kecenderungan linear yang signifikan, iaitu responden lelaki lebih berkemungkinan mengekalkan Banjar berbanding wanita. Secara keseluruhannya, walaupun hubungan antara jantina dan kefasihan/pemilihan bahasa tidak signifikan secara menyeluruh, terdapat pola jelas yang menunjukkan bahawa wanita lebih cenderung memilih bahasa dominan (Melayu dan Kedah), manakala lelaki masih mengekalkan bahasa Banjar pada tahap yang lebih tinggi. Pola ini penting kerana dalam konteks pewarisan bahasa, peranan wanita biasanya lebih besar dalam mendidik generasi muda. Justeru, jika kaum wanita lebih memilih bahasa Melayu atau Kedah, keadaan ini boleh mempercepatkan proses peralihan bahasa Banjar dalam domain keluarga dan sosial.

Apabila dianalisis dalam kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), dapatan ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar berada pada tahap 6b – terancam (*threatened*), iaitu ia masih digunakan secara aktif oleh sebahagian orang dewasa (terutama lelaki), tetapi pewarisannya kepada generasi muda semakin lemah. Dalam konteks wanita, yang memainkan peranan utama dalam sosialisasi bahasa kepada anak-anak, kecenderungan mereka untuk menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah menunjukkan tanda peralihan ke tahap 7 – beralih (shifting). Pada tahap ini, generasi muda tidak lagi mempelajari bahasa Banjar sebagai bahasa ibunda, sebaliknya lebih terdedah kepada bahasa dominan lain.

Secara keseluruhannya, meskipun hubungan antara jantina dan pilihan bahasa tidak signifikan secara menyeluruh, pola yang ditunjukkan amat penting dari perspektif vitaliti bahasa. Kaum lelaki masih mengekalkan bahasa Banjar pada tahap tertentu,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

tetapi dominasi bahasa Melayu dan Kedah dalam kalangan kaum wanita memberi isyarat jelas bahawa proses peralihan bahasa sedang berlaku secara beransur-ansur, dan jika trend ini berterusan, kedudukan Banjar akan semakin terhakis dalam domain keluarga dan pewarisan intergenerasi.

6.3.8 Hubungan antara Kumpulan Taraf Pendidikan dengan Tahap Kefasihan/Pilihan Bahasa

Hubungan antara kumpulan taraf pendidikan dan tahap kefasihan/pilihan bahasa seperti dalam Jadual 6.45 dan 6.46 di bawah:

Jadual 6.45 Kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Taraf Pendidikan	Kefasihan Bahasa/Pilihan Bahasa			Jumlah (%)
	Dialek Kedah (%)	Bahasa Melayu (%)	Bahasa Banjar (%)	
UPSR/Sekolah Rendah	4	19	17	40
	(10.0)	(47.5)	(42.5)	(100.0)
SRP/PMR	16	10	15	41
	(39.0)	(24.4)	(36.6)	(100.0)
SPM	30	36	33	99
	(30.3)	(36.4)	(33.3)	(100.0)
STPM/Diploma	39	43	15	97
	(40.2)	(44.3)	(15.5)	(100.0)
Ijazah Sarjana Muda	15	29	8	52
	(28.8)	(55.8)	(15.4)	(100.0)
Sarjana	1	3	2	6
	(16.7)	(50.0)	(33.3)	(100.0)
PhD	3	2	0	5
	(60.0)	(40.0)	(0.0)	(100.0)
Jumlah	108	142	90	340
	(31.8)	(41.8)	(26.5)	(100.0)

Sumber: Mohd Khaidir 2026


Jadual 6.46 *Chi-Square Tests* kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Chi-Square Tests			
	Value	***df***	***Asymptotic Significance (2-sided)***
Pearson Chi-Square	32.891a	12	.001
Likelihood Ratio	36.632	12	.000
Linear-by-Linear Association	12.416	1	.000
N of Valid Cases	340		

a. *6 cells (28.6%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.32.*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.14 Kumpulan taraf pendidikan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.45 memperlihatkan hubungan antara tahap pendidikan dan kefasihan/pilihan bahasa responden. Dalam kalangan responden berpendidikan rendah (UPSR/Sekolah Rendah), penggunaan bahasa Banjar masih tinggi (42.5%), hampir setara dengan bahasa Melayu (47.5%), manakala dialek Kedah hanya 10.0%. Begitu juga dalam kalangan lepasan SRP/PMR,bahasa Banjar masih digunakan pada kadar yang agak tinggi (36.6%), hampir seimbang dengan bahasa Melayu (24.4%) dan dialek Kedah (39.0%).

Bagi responden lepasan SPM, ketiga-tiga bahasa menunjukkan taburan yang hampir seimbang, iaitu bahasa Melayu (36.4%), bahasa Banjar (33.3%), dan dialek Kedah (30.3%). Namun, pola berubah dalam kalangan mereka yang berpendidikan tinggi. Dalam kumpulan STPM/Diploma, bahasa Melayu menjadi dominan (44.3%), diikuti dialek Kedah (40.2%), manakala bahasa Banjar merosot kepada hanya 15.5 peratus. Trend ini berterusan dalam kalangan pemegang Ijazah Sarjana Muda, iaitu bahasa Melayu mencatat 55.8 peratus dan bahasa Banjar menurun ke 15.4 peratus. Menariknya, dalam kalangan responden peringkat Sarjana, walaupun jumlah responden kecil (N = 6), bahasa Banjar kembali digunakan pada kadar agak tinggi (33.3%).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Namun, dalam kalangan responden berkelulusan PhD (N = 5), tiada seorang pun yang memilih bahasa Banjar; majoriti cenderung kepada dialek Kedah (60.0%) dan bahasa Melayu (40.0%).

Secara keseluruhannya, pola ini memperlihatkan bahawa tahap pendidikan mempunyai hubungan dengan kefasihan/pilihan bahasa. Individu berpendidikan rendah lebih mengekalkan penggunaan Banjar, manakala mereka yang berpendidikan menengah atas dan tinggi lebih dominan dengan bahasa Melayu dan dialek Kedah. Keadaan ini sejajar dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pendidikan dan pekerjaan, yang semakin meminggirkan Banjar dalam kalangan mereka yang terdedah kepada sistem pendidikan tinggi.

Keputusan ujian *Chi-Square* dalam Jadual 6.46 mengesahkan dapatan ini. Nilai *Pearson Chi-Square* = 32.891, $df = 12$, $p = 0.001$ menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara tahap pendidikan dan kefasihan/pilihan bahasa. Nilai *Likelihood Ratio* (36.632, $p < 0.001$) mengukuhkan kesimpulan ini, manakala *Linear-by-Linear* Association (12.416, $p < 0.001$) menunjukkan adanya pola linear, iaitu semakin tinggi tahap pendidikan, semakin rendah kecenderungan menggunakan bahasa Banjar, sebaliknya semakin tinggi penggunaan bahasa Melayu dan dialek Kedah.

Apabila ditafsirkan melalui kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS), pola ini menegaskan kedudukan bahasa Banjar pada tahap 6b – terancam (*threatened*) kerana masih digunakan oleh kelompok berpendidikan rendah dan menengah, tetapi pewarisan semakin lemah dalam kalangan berpendidikan tinggi. Ketiadaan penutur Banjar dalam kalangan pemegang PhD memperlihatkan tanda peralihan ke tahap 7 – beralih (*shifting*), iaitu bahasa Banjar tidak lagi dipelajari atau digunakan sebagai bahasa ibunda dalam kalangan golongan elit akademik.

6.3.9 Hubungan antara Kumpulan Pekerjaan dengan Tahap Kefasihan/Pilihan Bahasa

Hubungan antara kumpulan pekerjaan dan tahap kefasihan/pilihan bahasa seperti dalam Jadual 6.47 dan 6.48 di bawah:

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.47 Kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Pekerjaan	Kefasihan Bahasa/Pilihan Bahasa			Jumlah (%)
	Dialek Kedah (%)	Bahasa Melayu (%)	Bahasa Banjar (%)	
Tidak Bekerja	3	18	13	34
	(8.8)	(52.9)	(38.2)	(100.0)
Pelajar	19	20	7	46
	(41.3)	(43.5)	(15.2)	(100.0)
Bekerja Sendiri	21	21	28	70
	(30.0)	(30.0)	(40.0)	(100.0)
Pesawah/Petani	17	18	19	54
	(31.5)	(33.3)	(35.2)	(100.0)
Swasta	32	43	10	85
	(37.6)	(50.6)	(11.8)	(100.0)
Kerajaan	16	22	13	51
	(31.4)	(43.1)	(25.5)	(100.0)
Jumlah	108	142	90	340
	31.8	41.8	26.5	100.0

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.48 *Chi-Square Tests* kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*


Chi-Square Tests

	Value	*df*	*Asymptotic Significance (2-sided)*
Pearson Chi-Square	31.176a	10	.001
Likelihood Ratio	34.646	10	.000
Linear-by-Linear Association	4.204	1	.040
N of Valid Cases	340		

a. *0 cells (0.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 9.00.*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.15 Kumpulan pekerjaan * kefasihan/pilihan bahasa *Crosstabulation*

Sumber: Mohd Khaidir 2026

Jadual 6.47 memperlihatkan pola penggunaan bahasa mengikut status pekerjaan responden. Bagi responden yang tidak bekerja (N = 34), bahasa Melayu menjadi pilihan utama (52.9%), diikuti Banjar (38.2%), manakala dialek Kedah hanya 8.8%. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa Melayu dominan, bahasa Banjar masih mempunyai kedudukan yang agak kuat dalam kalangan kelompok ini.

Dalam kalangan pelajar (N = 46), bahasa Melayu (43.5%) dan dialek Kedah (41.3%) mencatat peratusan hampir seimbang, manakala penggunaan Banjar jauh lebih rendah (15.2%). Dapatan ini konsisten dengan pola generasi muda yang lebih terdedah kepada bahasa dominan berbanding bahasa warisan. Bagi responden yang bekerja sendiri (N = 70), bahasa Banjar digunakan pada kadar tertinggi (40.0%), setara dengan bahasa Melayu (30.0%) dan dialek Kedah (30.0%). Begitu juga bagi responden yang bekerja sebagai pesawah/petani (N = 54), bahasa Banjar (35.2%) kekal tinggi dan seimbang dengan bahasa Melayu (33.3%) serta dialek Kedah (31.5%). Hal ini memperlihatkan bahawa responden yang bekerja dalam sektor tidak formal atau berkait rapat dengan komuniti tempatan masih mengekalkan bahasa Banjar dalam komunikasi harian.

Sebaliknya, responden yang bekerja di sektor swasta (N = 85) lebih dominan dengan bahasa Melayu (50.6%) dan dialek Kedah (37.6%), manakala bahasa Banjar

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

hanya 11.8 peratus. Pola ini juga dapat dilihat dalam sektor kerajaan (N = 51), dengan bahasa Melayu mencatat 43.1 peratus, diikuti dialek Kedah (31.4%) dan bahasa Banjar (25.5%). Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa status pekerjaan berkait rapat dengan pilihan bahasa. Responden dalam sektor pekerjaan tidak formal (bekerja sendiri, petani) lebih mengekalkan bahasa Banjar, manakala mereka dalam sektor moden (swasta, kerajaan) cenderung memilih bahasa Melayu dan dialek Kedah. Pelajar pula jelas memperlihatkan pola peralihan ke arah bahasa dominan, sekali gus menandakan risiko lemahnya pewarisan bahasa Banjar dalam kalangan generasi muda.

Keputusan ujian *Chi-Square* dalam Jadual 6.48 menyokong pola ini. Nilai *Pearson Chi-Square* = 31.176, *df* = 10, $p = 0.001$ menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara status pekerjaan dan pilihan bahasa. Nilai *Likelihood Ratio* (34.646, $p < 0.001$) mengukuhkan dapatan tersebut, manakala *Linear-by-Linear Association* (4.204, $p = 0.040$) menunjukkan wujudnya kecenderungan linear,iaitu semakin moden atau formal status pekerjaan, semakin rendah penggunaan Banjar, sebaliknya semakin tinggi dominasi bahasa Melayu dan dialek Kedah.

Dalam kerangka EGIDS, dapatan ini memperlihatkan bahawa bahasa Banjar masih berada pada tahap 6b – terancam (*threatened*) kerana ia masih digunakan secara aktif oleh kelompok bekerja sendiri dan petani. Namun, dalam kalangan pelajar serta pekerja sektor swasta dan kerajaan, pola penggunaan bahasa Banjar menunjukkan tanda-tanda peralihan ke tahap 7 – beralih (shifting), iaitu bahasa Banjar tidak lagi dituturkan secara meluas oleh generasi muda dan pekerja dalam sektor formal.

6.4 RUMUSAN TAHAP VITALITI DENGAN SKALA EGIDS

Bahagian ini secara khusus merumuskan hasil analisis terhadap pola penggunaan bahasa dan tahap-tahapnya mengikut skala EGIDS. Jadual 6.49 berikut menunjukkan bahawa pada umumnya tahap kelangsungan bahasa Banjar berada di antara tahap 6b (terancam) dan 7 (beralih). Namun demikian, hasil analisis telah mendapati bahawa bahasa Banjar cenderung beranjak ke tahap 8a (hampir pupus) dan senario ini dikenalpasti dalam domain pekerjaan. Ini bermakna bahawa bahasa Banjar sudah sangat jarang digunakan dalam sektor pekerjaan.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Jadual 6.49 Hasil sintesis terhadap pola peralihan bahasa Banjar berdasarkan domain dan faktor demografi

Aspek	Pola Penggunaan Bahasa	Tahap EGIDS	Interpretasi
Domain Keluarga	Min sederhana dengan datuk/nenek (3.29), ibu bapa (3.08), pasangan (3.13), anak (2.88), adik-beradik (2.87); menurun ketara dengan cucu (2.10, rendah). Banjar digunakan bercampur dengan dialek Kedah; eksklusiviti semakin berkurang mengikut urutan generasi.	6b – Terancam (dewasa/warga emas) → 7 – Beralih (cucu)	Pewarisan tidak konsisten; Bahasa Banjar masih digunakan dalam kalangan dewasa/tua tetapi tidak diwarisi penuh kepada generasi muda, malah hampir terputus pada cucu.
Domain Luar Keluarga	**Persahabatan:** kejiranan/kenduri/rekreasi = sederhana (2.71–2.89). **Komuniti rasmi:** mesyuarat JKKK = rendah (2.30). **Jual beli:** warung/pasar awam = sederhana (2.64–2.74), pasar malam/luar mukim = rendah (2.36). **Keagamaan:** solat/program luar mukim/jamuan = rendah (2.21–2.46), program kariah dalam mukim = sederhana (2.51). **Pendidikan:** bilik darjah/kantin/padang/luar mukim = rendah (2.34–2.43). **Pekerjaan:** rakan/majikan/makan/riadah = sangat rendah (1.36–1.47).	6b – Terancam (santai & jual beli kecil) → 7 – Beralih (pendidikan & keagamaan rasmi) → 8a – Hampir pupus (pekerjaan)	Bahasa Banjar bertahan dalam ruang santai & tempatan, tetapi menurun dalam domain formal, pendidikan, dan pekerjaan. Semakin luas khalayak dan semakin formal, semakin dominan bahasa Melayu/dialek Kedah dan semakin terpinggir bahasa Banjar.
Umur	Generasi tua (61 tahun ke atas) kukuh dengan bahasa Banjar (66.7%); generasi muda (20–30 tahun) hampir meninggalkan bahasa Banjar (4.3%), dominan bahasa Melayu & dialek Kedah.	6b – Terancam (tua) → 7 – Beralih (muda)	Jurang umur menentukan peralihan: bahasa Banjar dipertahankan generasi tua, tetapi generasi muda tidak lagi mewarisinya.
Jantina	Lelaki lebih banyak menggunakan Banjar (31.8%) berbanding perempuan (20.5%).	6b – Terancam → 7 – Beralih	Golongan wanita lebih memilih bahasa Melayu dan dialek Kedah, mempercepatkan peralihan kerana peranan mereka penting dalam pewarisan keluarga.
Pendidikan	Pendidikan rendah (UPSR/SRP) masih mengekalkan Banjar (36–42%); semakin tinggi pendidikan, semakin merosot hingga hilang sepenuhnya (0% pada PhD).	6b – Terancam → 7 – Beralih	Dominasi bahasa Melayu semakin kuat di tahap pendidikan tinggi; bahasa Banjar hilang dalam kalangan elit akademik.
Pekerjaan	Sektor tradisional (bekerja sendiri/petani) sederhana (35–40% bahasa Banjar); sektor moden seperti swasta (11.8%) & kerajaan (25.5%) rendah.	6b – Terancam → 7 – Beralih	Bahasa Banjar masih wujud di sektor tradisional, tetapi hilang dalam pekerjaan formal & moden

Sumber: Mohd Khaidir 2026


UNIVERSITI PERANGSANA MALAYSIA

Dalam menilai status terkini sesuatu bahasa, Lewis dan Simons (2012) telah mengemukakan lima soalan utama seperti berikut. Bahagian ini akan menilai status bahasa Banjar berdasarkan rumusan yang diperoleh dari hasil analisis data.

i. Apakaha fungsi identiti semasa bahasa tersebut?
ii. Apakah tahap rasmi penggunaannya?
iii. Adakah semua ibu bapa menyalurkan Bahasa Banjar kepada anak-anak?
iv. Apakah status literasi bahasa tersebut?
v. Generasi manakah yang masih mengandungi penutur yang fasih berbahasa?

Dari segi fungsi identiti semasa bahasa Banjar di Bagan Serai, bahasa ini berfungsi sebagai medium berinteraksi di domain yang tidak formal. Bahasa ini tidak digunakan di tahap rasmi dan statusnya adalah bahasa regional. Selain berfungsi sebagai bahasa berinteraksi tak formal, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Banjar juga merupakan bahasa yang kerap digunakan dalam keluarga. Namun demikian, dalam domain keluarga, kabanyakan ibu bapa tidak berusaha mewariskan bahasa ini kepada anak-anak mereka. Natijahnya, hanya generasi ibu bapa yang dikenalpasti mengandungi penutur yang fasih berbahasa Banjar. Namun demikian, mereka didapati tidak menggunakannya secara konsisten dan memilih bahasa mengikut domain-domain tertentu. Dalam hal ini, secara keseluruhannya status terkini bahasa Banjar di Bagan Serai adalah berada di tahap 7 dan peralihan bahasa sedang berlaku dalam kalangan mereka.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Rajah 6.16 Status bahasa Banjar di Bagan Serai

Sumber: Diadaptasi daripada Lewis dan Simons (2010)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

6.5 KESIMPULAN

Berdasarkan kupasan secara terperinci terhadap pilihan dan penggunaan mengikut domain-domain, secara kumulatif, dapatan kajian ini secara jelas memperlihatkan bahawa bahasa Banjar berada pada tahap 6b – terancam (*threatened*) dalam kerangka EGIDS, dengan kecenderungan beralih ke tahap 7 – beralih (*shifting*) dan bahkan menghampiri 8a – hampir pupus (*moribund*) dalam domain tertentu.

Dalam domain keluarga, bahasa Banjar masih wujud bersama dialek Kedah, khususnya dengan generasi tua seperti datuk dan nenek. Namun, pewarisan semakin lemah apabila beralih kepada ibu bapa, pasangan dan anak, dan akhirnya hampir terputus dalam komunikasi dengan cucu. Hal ini membuktikan bahawa keluarga sebagai nadi utama pewarisan bahasa (Fishman 1991) tidak lagi berfungsi sepenuhnya sebagai tapak kesinambungan bahasa Banjar.

Dalam domain di luar keluarga, pola yang sama turut kelihatan. bahasa Banjar masih bertahan pada tahap sederhana dalam interaksi santai seperti persahabatan di kejiranan atau kenduri, serta dalam jual beli kecil seperti di warung. Namun, ia merosot ketara dalam domain rasmi seperti mesyuarat, pendidikan, dan keagamaan formal, dan paling kritikal hampir hilang dalam domain pekerjaan, iaitu bahasa Melayu sepenuhnya mengambil alih peranan komunikasi utama. Ini menunjukkan semakin luas khalayak dan semakin formal ruang interaksi, semakin terpinggir kedudukan bahasa Banjar.

Dari segi faktor demografi, peranan umur amat ketara,iaitu generasi tua masih kuat mempertahankan bahasa Banjar, tetapi generasi muda hampir meninggalkannya. Faktor jantina turut berperanan, apabila wanita lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dan dialek Kedah, sekali gus mempercepatkan peralihan kerana peranan mereka dalam pewarisan keluarga. Tahap pendidikan dan pekerjaan juga memperlihatkan pola jelas, iaitu semakin tinggi pendidikan dan semakin moden sektor pekerjaan, semakin hilang penggunaan bahasa Banjar, manakala ia hanya bertahan dalam kalangan berpendidikan rendah dan sektor tradisional seperti petani dan bekerja sendiri.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa tahap kefasihan/ pemilihan bahasa saling berkait rapat dengan faktor domain dan demografi. Bahasa

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Banjar masih bertahan dalam ruang tertentu, tetapi pewarisannya amat rapuh dan berisiko besar untuk terus merosot jika tidak ada usaha pemuliharaan yang lebih sistematik.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB VII

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

7.1 PENGENALAN

Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti fenomena peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, daerah Kerian, Perak dengan menumpukan kepada pilihan bahasa berpaksikan teori Analisis Domain oleh Fishman (1972), faktor sosiolinguistik yang mempengaruhinya, serta kedudukan semasa bahasa Banjar dalam kerangka *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) oleh Lewis dan Simons (2010). Teori dan pendekatan yang diaplikasikan membolehkan penilaian dijalankan mengikut enam domain utama kehidupan sosial di lokasi kajian, iaitu domain keluarga, persahabatan, pekerjaan, jual beli, pendidikan, dan keagamaan. Melalui kombinasi kedua-dua pendekatan ini, kajian ini telah berjaya menelusuri pola penggunaan bahasa mengikut konteks sosial sambil menilai tahap vitaliti dan kesinambungan antara generasi bahasa Banjar secara empirikal.

Selaras dengan reka bentuk dan objektif kajian, tiga persoalan utama telah digarap: (i) bagaimanakah pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai terhadap bahasa ibunda dan bahasa lain di persekitaran mereka; (ii) apakah fenomena sosiolinguistik yang mencorakkan peralihan bahasa serta faktor-faktor yang mempengaruhinya; dan (iii) apakah tahap peralihan atau kepunahan bahasa Banjar berdasarkan penilaian EGIDS. Jawapan terhadap persoalan-persoalan ini membolehkan kajian menilai secara empirikal tahap vitaliti bahasa Banjar serta menjelaskan bagaimana interaksi antara faktor generasi, domain sosial, dan persepsi terhadap bahasa dominan mempengaruhi kesinambungan bahasa Banjar di Bagan Serai.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

7.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pilihan bahasa masyarakat Banjar berbentuk berlapis dan adaptif, mencerminkan realiti ekologi linguistik yang rencam di Mukim Bagan Serai. Bahasa Melayu standard dan dialek Melayu Kedah muncul sebagai medium dominan dalam domain rasmi, pendidikan dan pekerjaan, manakala bahasa Banjar masih bertahan sebagai bahasa warisan dalam domain kekeluargaan, keagamaan dan interaksi sesama etnik. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Banjar semakin terhad dan bersifat simbolik, khususnya dalam kalangan generasi muda, menandakan berlakunya peralihan bahasa yang progresif merentas generasi.

Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai mempunyai sejarah diaspora yang panjang, hasil penghijrahan dari Kalimantan Selatan sejak awal abad ke-20. Proses integrasi sosial yang berterusan dengan komuniti Melayu setempat telah mewujudkan suasana dwibahasa dan campur kod yang mencerminkan identiti hibrid, iaitu di satu sisi mengekalkan warisan linguistik bahasa Banjar, dan di sisi lain menyesuaikan diri dengan norma bahasa dominan di Semenanjung Malaysia. Faktor geografi yang menempatkan komuniti ini di utara Perak turut menyumbang kepada penyerapan elemen dialek Kedah dalam pertuturan harian. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan bercampur (*mixed-method design*) yang merangkumi data rakaman, temu bual, analisis kandungan dan soal selidik untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang vitaliti bahasa Banjar. Pendekatan ini membolehkan analisis dijalankan secara serentak pada dua peringkat, iaitu pada peringkat makro (pola penggunaan bahasa mengikut domain sosial) dan peringkat mikro (tingkah laku linguistik, sikap, dan akomodasi penutur). Hasilnya, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti bentuk-bentuk peralihan bahasa, tetapi turut menelusuri faktor sosiobudaya, pendidikan, dan ekonomi yang mendasari fenomena tersebut.

Pola pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai serta faktor-faktor yang mempengaruhinya dihuraikan dalam bab ini berdasarkan analisis triangulasi data yang melibatkan empat komponen utama, iaitu (i) rakaman tidak sedar sebanyak tiga pusingan yang merangkumi interaksi semula jadi dalam enam domain sosial (keluarga,

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

persahabatan, jual beli, pekerjaan, pendidikan dan keagamaan); (ii) temu bual separa berstruktur dengan lima kumpulan umur; (iii) analisis kandungan terhadap bahan linguistik dan budaya seperti papan tanda, kad jemputan, gegantung dan dokumen awam; serta (iv) soal selidik kajian tinjauan kuantitatif bagi mengukur tahap penggunaan dan vitaliti bahasa Banjar. Keempat-empat sumber data ini telah dipadukan secara menyeluruh bagi menghasilkan gambaran empirikal yang holistik tentang pola penggunaan bahasa Banjar, kedudukannya berbanding bahasa lain, serta faktor-faktor sosiolinguistik, pendidikan, ekonomi dan sikap bahasa yang mendorong berlakunya peralihan bahasa dalam kalangan komuniti diaspora Banjar di kawasan kajian.

Berdasarkan analisis triangulasi data melalui rakaman, temu bual, analisis kandungan dan soal selidik yang melibatkan enam domain utama, iaitu domain keluarga, persahabatan, jual beli, pendidikan, pekerjaan dan keagamaan memperlihatkan bahawa bahasa Banjar sedang berdepan dengan proses peralihan yang progresif dan beransur-ansur ke arah kepupusan fungsi komunikatifnya. Hal ini dibuktikan berdasarkan analisis yang dijalankan menampilkan konsistensi yang signifikan antara dimensi kualitatif dan kuantitatif, iaitu dapatan kualitatif memperlihatkan fenomena peralihan bahasa Banjar di Mukim Bagan Serai memperlihatkan penurunan yang ketara dalam penggunaan bahasa Banjar merentasi generasi, terutamanya dalam domain awam dan formal. Pola ini selaras dengan dapatan kuantitatif soal selidik yang menunjukkan skor min penggunaan bahasa Banjar berada pada tahap rendah hingga sederhana, sekali gus mengesahkan penurunan antara generasi yang konsisten.

Secara umum, bahasa Banjar tidak lagi berperanan sebagai bahasa interaksi utama dalam komuniti setempat, sebaliknya fungsinya semakin menyempit kepada fungsi simbolik dan penanda identiti etnik, manakala bahasa Melayu standard dan dialek Kedah mendominasi hampir semua ruang interaksi sosial. Dalam domain keluarga, dapatan memperlihatkan bahawa hanya generasi tua yang masih menuturkan bahasa Banjar secara aktif, sedangkan generasi muda lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu. Proses transmisi antara generasi yang lemah ini mengukuhkan pandangan Fishman (1991) bahawa keluarga ialah benteng utama dalam kesinambungan bahasa minoriti; apabila fungsi ini melemah, peralihan bahasa menjadi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sukar dibendung. Meskipun generasi tua masih menuturkan bahasa ini secara aktif, gejala kelemahan transmisi kepada generasi muda menunjukkan tanda-tanda kepupusan antara generasi, selaras dengan pandangan Fishman (1991) bahawa keluarga ialah "*nucleus of intergenerational continuity*", iaitu apabila institusi keluarga gagal menyalurkan bahasa ibunda, maka seluruh ekologi bahasa akan terjejas. Dapatan ini turut mengesahkan teori domain Fishman (1972), yang menjelaskan bahawa kestabilan sesuatu bahasa minoriti amat bergantung kepada kekuatan fungsinya dalam domain intim seperti keluarga, agama, dan komuniti tempatan. Dalam domain persahabatan, penggunaan bahasa Banjar semakin terhad kepada interaksi sesama etnik dan bersifat situasional, manakala dalam interaksi majmuk, bahasa Melayu atau dialek Kedah dipilih atas dasar keberkesanan komunikasi. Keadaan ini menepati teori domain oleh Fishman (1972) yang menjelaskan bahawa penutur sering menyesuaikan pilihan bahasa bagi mencapai keharmonian sosial dan kefahaman bersama. Fenomena akomodasi linguistik ini jelas memperlihatkan penutur Banjar beralih kepada bahasa Melayu standard atau dialek Kedah untuk mencapai komunikasi efektif merentas etnik. Hal ini menyokong pandangan oleh Giles (1973), yang menegaskan bahawa penutur akan menyesuaikan kod linguistik mereka untuk mengekalkan keharmonian sosial dan solidariti kumpulan. Keputusan strategik ini bagaimanapun mempercepatkan penghakisan fungsi bahasa Banjar, menjadikannya hanya digunakan dalam konteks terhad sesama penutur seetnik atau dalam situasi santai yang bersifat nostalgik.

Dalam domain jual beli, penggunaan bahasa Banjar kekal dalam konteks tidak formal seperti di Warung Wadai dan di pasar-pasar, namun di kawasan bandar dan persekitaran bercampur etnik, bahasa Melayu menjadi dominan sebagai bahasa ekonomi. Dalam domain pendidikan, dapatan menunjukkan bahawa bahasa Banjar hampir tidak berfungsi dalam konteks formal, sebaliknya kekal dalam ruang simbolik melalui papan tanda, peribahasa Banjar dan inisiatif pelestarian sekolah. Bahasa Melayu standard digunakan secara menyeluruh sebagai bahasa pengantar dan interaksi murid, manakala bahasa Banjar hanya wujud secara insidental di kawasan yang mempunyai kepadatan etnik. Dalam erti kata lain, kedudukan bahasa Banjar semakin marginal dalam domain pendidikan. Institusi pendidikan yang berlandaskan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi telah menyingkirkan bahasa Banjar daripada ruang formal, menjadikannya sekadar simbol budaya melalui papan tanda, mural dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

peribahasa. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Wardhaugh dan Fuller (2021) bahawa institusi pendidikan sering memperkukuh kedudukan bahasa rasmi, sekali gus meminggirkan bahasa warisan.

Dalam domain pekerjaan, penggunaan bahasa Banjar hanya muncul dalam sektor tidak formal seperti dalam sektor pertanian, pekerjaan di bengkel kenderaan atau perniagaan kecil sesama etnik Banjar, sedangkan sektor kerajaan dan swasta menuntut penggunaan bahasa Melayu standard sebagai norma profesional. Norma profesional dan dasar institusi yang menuntut penggunaan bahasa Melayu standard sebagai bahasa kebangsaan, menjadikan bahasa Banjar hanya relevan dalam sektor tidak formal. Fenomena ini selari dengan pandangan Edwards (2009), bahawa bahasa minoriti sering kehilangan daya fungsinya apabila tidak mempunyai nilai instrumental dalam struktur sosioekonomi moden.

Sementara itu, domain keagamaan menunjukkan pengekalan bahasa Banjar dalam kalangan generasi tua, khususnya dalam aktiviti tahlil dan kenduri arwah, namun khutbah dan ceramah kini sepenuhnya dalam bahasa Melayu demi kefahaman jemaah di mukim ini. Dalam hal ini, domain keagamaan memperlihatkan pelapisan fungsi yang menarik. Bahasa Arab digunakan dalam ritual dan doa, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengajaran dan khutbah, manakala bahasa Banjar hanya digunakan secara terhad dalam aktiviti tradisional seperti tahlil dan kenduri arwah. Pola ini menandakan wujudnya hierarki fungsi bahasa (*linguistic hierarchy*), iaitu bahasa Banjar kekal sebagai unsur budaya spiritual generasi tua tetapi gagal menembusi ruang keagamaan rasmi. Fenomena ini sejajar dengan pandangan oleh Holmes (2013) yang menjelaskan bahawa apabila bahasa minoriti tidak lagi digunakan dalam domain bernilai tinggi seperti agama dan pendidikan, proses peralihan ke arah kepupusan menjadi sukar dielakkan.

Fenomena peralihan ini digerakkan oleh beberapa faktor utama. Pertama, faktor umur dan generasi, iaitu jurang ketara wujud antara penutur tua yang masih fasih manakala penutur muda yang hanya memahami secara pasif. Hal ini selari dengan pemerhatian Holmes (2013) bahawa generasi muda lebih terdedah kepada bahasa dominan melalui pendidikan dan media, menyebabkan bahasa warisan kehilangan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

fungsi komunikatif. Kedua, perkahwinan campur mempercepatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* keluarga dwietnik, sekali gus melemahkan pewarisan bahasa Banjar. Ketiga, norma profesional dan sistem pendidikan formal menuntut penggunaan bahasa kebangsaan, menyebabkan Banjar kehilangan relevansi institusional. Keempat, akomodasi linguistik berlaku apabila penutur Banjar menyesuaikan diri menggunakan bahasa Melayu atau dialek Kedah dalam interaksi yang lebih luas untuk menjamin keberkesanan komunikasi. Kelima, persepsi praktikaliti dan prestij terhadap bahasa Melayu sebagai lebih luas, moden dan inklusif turut menghakis fungsi bahasa Banjar dalam ranah sosial kontemporari, selaras dengan pandangan Edwards (2009) bahawa faktor status, mobiliti sosial dan modenisasi mendorong peralihan kepada bahasa berprestij tinggi.

Dapatan ini menegaskan bahawa bahasa Banjar kini berada pada kedudukan EGIDS 7–8a (beralih hingga hampir pupus). Bahasa ini tidak lagi berfungsi sebagai alat komunikasi utama, sebaliknya hanya berperanan sebagai penanda identiti etnik dan warisan budaya. Dapatan ini menzahirkan corak tipikal "*late-stage language shift*" sebagaimana dihuraikan oleh Edwards (1992), iaitu bahasa warisan yang masih bertahan secara simbolik tetapi kehilangan fungsi komunikatifnya dalam kehidupan harian.

Fungsi simbolik ini didapati dalam bentuk toponimi (contohnya Jalan Banjar), penamaan premis (Kawitan Enterprise), papan tanda budaya sekolah (Peribahasa kaum Banjar) dan ungkapan budaya tempatan (seperti istilah bubu dan serkap). Unsur-unsur ini menandakan bahawa walaupun bahasa Banjar telah kehilangan fungsi komunikatifnya dalam domain awam dan formal, ia masih dihidupkan secara simbolik sebagai memori kolektif komuniti. Walau bagaimanapun, seperti yang ditegaskan oleh Fishman (1991), fungsi simbolik semata-mata tidak mencukupi untuk menjamin kelangsungan sesuatu bahasa minoriti kerana vitaliti sebenar hanya dapat dikekalkan melalui penggunaan antara generasi dalam domain utama seperti keluarga dan pendidikan. Giles et al. (1977) turut menegaskan bahawa tanpa sokongan institusi, status sosial yang kukuh, dan kepadatan demografi yang memadai, bahasa minoriti akan berhadapan risiko tinggi untuk hilang relevansi. Hal ini jelas dalam konteks komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai, iaitu perubahan struktur sosial, urbanisasi, dan pengaruh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

bahasa dominan seperti bahasa Melayu standard mempercepatkan proses peralihan. Pada tahap ini juga, bahasa Banjar masih dituturkan oleh generasi tua tetapi tidak lagi dipindahkan secara aktif kepada generasi muda, menjadikannya rentan terhadap kepupusan fungsi dan struktur. Giles et al. (1977) turut menekankan bahawa vitaliti etnolinguistik sesebuah bahasa minoriti bergantung kepada tiga komponen utama, iaitu status, demografi, dan sokongan institusi. Dalam konteks komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai, ketiga-tiganya menunjukkan kelemahan yang signifikan, iaitu status sosial bahasa yang rendah, kepadatan komuniti yang menurun akibat urbanisasi dan perkahwinan campur, serta ketiadaan dasar atau institusi khusus yang memperkukuh kedudukan bahasa ini dalam ruang rasmi.

Selain itu, Edwards (1992) berpendapat bahawa apabila bahasa diturunkan kepada fungsi simbolik, ia mencerminkan peringkat akhir dalam kitaran peralihan bahasa dan bahasa tersebut tidak lagi menjadi alat utama interaksi, sebaliknya berfungsi sebagai lambang identiti yang bersifat nostalgik. Dalam konteks ini, bahasa Banjar kini menghadapi risiko sebagai "*heritage without speakers*", iaitu warisan budaya yang hanya diiktiraf secara pasif tanpa penerusan aktif. Oleh itu, tanpa intervensi yang sistematik melalui dasar pendidikan, aktiviti komuniti, atau dokumentasi linguistik, fungsi simbolik ini juga berpotensi pupus seiring dengan jarak generasi yang semakin melebar daripada akar bahasa asal.

Dapatan ini turut mengesahkan bahawa persepsi praktikaliti dan prestij bahasa Melayu telah menggantikan nilai instrumental bahasa Banjar. Spolsky (2009) menyatakan bahawa pemilihan bahasa sering didorong oleh kombinasi faktor kepercayaan, amalan, dan dasar yang berkait rapat dengan mobiliti sosial. Dalam konteks ini, bahasa Melayu menjadi bahasa ekonomi, pendidikan, dan prestij, manakala bahasa Banjar berfungsi sebagai penanda nostalgia etnik. Proses ini turut diperkuat oleh sikap akomodatif penutur Banjar yang melihat penggunaan bahasa dominan sebagai keperluan pragmatik dalam konteks sosial yang semakin heterogen.

Tuntasnya, peralihan bahasa Banjar di Mukim Bagan Serai bukan sahaja mencerminkan perubahan linguistik, tetapi juga perubahan nilai, identiti dan orientasi sosial komuniti. Bahasa Banjar kini menempati kedudukan simbolik dalam landskap

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sosiolinguistik, menandakan transformasi daripada bahasa hidup kepada warisan budaya. Kedudukan semasa bahasa Banjar di Mukim Bagan Serai menepati ciri-ciri bahasa yang berada pada ambang kepupusan, iaitu masih diingati sebagai identiti, tetapi semakin hilang dalam amalan harian. Justeru, pemuliharaan bahasa ini memerlukan pendekatan pelbagai dimensi yang menekankan bukan sahaja aspek simbolik, tetapi juga pengaktifan semula fungsi komunikatif melalui strategi revitalisasi di peringkat keluarga, pendidikan, dan komuniti setempat. Tanpa intervensi berasaskan komuniti dan dasar yang menyokong revitalisasi, fenomena ini akan terus berkembang ke arah kepupusan fungsional. Justeru, dapatan ini menuntut tindakan strategik melalui pelestarian berasaskan keluarga, pendidikan komuniti, dan dokumentasi linguistik bagi mengembalikan fungsi bahasa Banjar bukan sekadar sebagai lambang etnik, tetapi sebagai alat komunikasi aktif dalam masyarakat.

7.3 SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami pola pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, khususnya dalam konteks komuniti diaspora yang berhadapan tekanan asimilasi linguistik daripada bahasa dominan seperti bahasa Melayu standard dan dialek Kedah. Dari segi teori, kajian ini memperkukuh pemahaman terhadap hubungan antara pilihan bahasa dan vitaliti etnolinguistik dengan menggabungkan Teori Domain Fishman (1972) dan kerangka EGIDS (Lewis & Simons 2010). Kedua-dua pendekatan ini saling melengkapi dalam menilai bukan sahaja penggunaan sesuatu bahasa, tetapi juga sejauh mana ia masih berfungsi dalam transmisi generasi dan identiti etnik. Pendekatan ini membolehkan analisis pilihan bahasa dilakukan secara berlapis meliputi fungsi bahasa dalam domain sosial (mikro) serta kedudukannya dalam struktur institusional (makro).

Dari segi metodologi, kajian ini menyumbang pendekatan triangulasi data pelbagai kaedah yang menggabungkan empat instrument, iaitu rakaman tidak sedar, temu bual separa berstruktur, analisis kandungan, dan soal selidik. Reka bentuk ini membolehkan peneliti menilai pilihan bahasa bukan hanya berdasarkan apa yang dikatakan responden, tetapi juga bagaimana mereka memilih bahasa dalam interaksi sebenar. Analisis silang antara data kualitatif dan kuantitatif mengesahkan pola

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

konsisten bahawa bahasa Melayu dan dialek Kedah menjadi pilihan utama dalam domain awam dan formal, manakala bahasa Banjar berfungsi secara terhad sebagai simbol identiti. Pendekatan metodologi ini seterusnya menyumbang model analisis menyeluruh yang boleh diguna pakai dalam penyelidikan bahasa minoriti lain di Malaysia.

Dari segi praktikal, dapatan kajian ini membekalkan asas empirikal kepada pembuat dasar, institusi pendidikan, dan organisasi komuniti dalam merangka strategi intervensi linguistik. Kajian ini membuktikan bahawa pilihan bahasa masyarakat Banjar bukan sekadar fenomena linguistik, tetapi refleksi terhadap faktor sosiobudaya, ekonomi dan institusional. Oleh itu, dasar pelestarian bahasa perlu mempertimbangkan insentif yang mengimbangi nilai praktikal bahasa Melayu dengan nilai identiti bahasa Banjar misalnya, melalui pengiktirafan program dwibahasa, dokumentasi istilah tradisional, serta penggunaan bahasa Banjar dalam papan tanda komuniti dan bahan pendidikan informal.

Sumbangan kajian ini juga terletak pada penonjolan fungsi simbolik pilihan bahasa sebagai komponen penting dalam mengekalkan identiti etnik. Penemuan bahawa bahasa Banjar kekal melalui bentuk toponimi (seperti Jalan Banjar), nama premis (Kawitan Enterprise), dan teks budaya sekolah (Peribahasa Kaum Banjar) memperlihatkan bahawa pilihan bahasa bukan sekadar keputusan komunikasi, tetapi juga tindakan identiti (Edwards 2009). Penemuan ini memperkayakan perbincangan sosiolinguistik tentang peranan *language choice as identity marker* dalam komuniti minoriti.

Akhirnya, kajian ini turut memberikan sumbangan kepada literatur sosiolinguistik tempatan dengan mendokumentasikan pola pilihan bahasa masyarakat Banjar di Perak khususnya di Bagan Serai satu komuniti yang kurang diberi tumpuan dalam kajian akademik arus perdana. Dengan memetakan bagaimana setiap domain sosial mencerminkan peranan dan kedudukan bahasa yang berbeza, kajian ini mengetengahkan asas penting untuk memahami transformasi bahasa warisan dalam konteks diaspora. Justeru, kajian ini bukan sahaja menambah kepada teori pilihan bahasa dan vitaliti linguistik, tetapi juga memberi panduan konkrit untuk pelaksanaan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

dasar dan strategi pelestarian bahasa yang lebih kontekstual, berasaskan bukti, dan berpaksikan komuniti.

7.4 IMPLIKASI KAJIAN

7.4.1 Implikasi Teoritikal

Kajian ini menggunakan Teori Analisis Domain oleh Fishman (1972) dan Pendekatan *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) oleh Lewis dan Simons (2010). Teori dan pendekatan ini saling melengkapi dalam menilai fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, khususnya dari segi fungsi sosial bahasa dan tahap vitalitinya merentasi generasi.

Teori Analisis Domain berperanan untuk menjelaskan bagaimana pilihan bahasa dipengaruhi oleh konteks sosial. Fishman (1972) menegaskan bahawa kelangsungan bahasa sangat bergantung pada fungsinya dalam domain utama seperti keluarga, persahabatan, pendidikan, pekerjaan, jual beli dan agama. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa domain keluarga dan persahabatan masih menjadi benteng terakhir bagi penggunaan bahasa Banjar, manakala domain awam seperti sekolah, agama, tempat kerja dan pasar lebih dominan dengan bahasa Melayu standard dan dialek Kedah. Hal ini mengesahkan pandangan Fishman bahawa apabila sesuatu bahasa hilang fungsinya dalam domain kritikal, proses peralihan bahasa akan berlaku dengan lebih pantas.

Pendekatan EGIDS pula digunakan untuk menilai tahap vitaliti bahasa Banjar secara lebih sistematik. Berdasarkan analisis triangulasi data, bahasa Banjar berada antara Tahap 7 (beralih) dan Tahap 8a (hampir pupus). Pada tahap ini, bahasa masih dituturkan oleh generasi tua tetapi tidak lagi diwarisi secara aktif kepada generasi muda. Dapatan ini menguatkan hujah bahawa transmisi antara generasi merupakan faktor utama dalam menentukan survival sesuatu bahasa. Kajian ini juga menambah dimensi baharu kepada EGIDS dengan menunjukkan bahawa walaupun bahasa kehilangan fungsi komunikatif, ia masih berperanan pada tahap simbolik, misalnya dalam penamaan tempat (Jalan Banjar), papan tanda budaya sekolah (peribahasa Banjar), dan nama premis perniagaan (Kawitan Enterprise).

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Selain daripada teori dan pendekatan tersebut, kajian ini turut memperlihatkan beberapa faktor kontekstual yang memperkayakan perbahasan teori. Antaranya ialah faktor geolinguistik dan mobiliti sosial, iaitu perpindahan generasi muda ke bandar yang menyebabkan keperluan menggunakan bahasa Banjar semakin berkurangan; faktor institusi tidak formal seperti madrasah, warung dan majlis kenduri yang masih menyediakan ruang bagi pengekalan bahasa; serta faktor simbolik yang mengekalkan bahasa sebagai penanda identiti. Pandangan Edwards (1992) menyokong dapatan ini dengan menegaskan bahawa walaupun bahasa minoriti semakin kurang digunakan, ia boleh terus bertahan sebagai simbol identiti etnik. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penggabungan kerangka Fishman dan EGIDS menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh. Fishman membantu menilai fungsi bahasa dalam domain tertentu, manakala EGIDS memberikan gambaran tentang kedudukan bahasa dari segi transmisi generasi. Kajian ini memperkayakan kedua-dua teori dengan menekankan bahawa faktor keluarga dan persahabatan berperanan penting dalam mengekalkan bahasa, sementara fungsi simbolik pula muncul sebagai strategi survival budaya apabila penggunaan bahasa semakin terhad.

Oleh itu, implikasi teori daripada kajian ini menunjukkan bahawa analisis peralihan bahasa tidak boleh hanya bersifat deskriptif, tetapi mesti mengambil kira konteks sosial, sikap penutur dan adaptasi budaya. Dalam kes masyarakat Banjar di Bagan Serai, bahasa Banjar bukan lagi alat komunikasi utama, namun masih bertahan sebagai warisan simbolik. Keadaan ini menegaskan bahawa untuk memahami fenomena peralihan bahasa, teori sosiolinguistik perlu diaplikasikan secara fleksibel dengan mengambil kira realiti komuniti tempatan.

7.4.2 Implikasi kepada Masyarakat

Kajian ini penting kerana dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai tentang kedudukan sebenar bahasa Banjar, sama ada masih berada pada tahap yang selamat atau telah mencapai tahap kritikal. Berdasarkan penilaian menggunakan kerangka EGIDS, bahasa Banjar kini berada pada kedudukan antara Tahap 7 (beralih) dan Tahap 8a (hampir pupus), iaitu fasa transmisi bahasa tidak lagi berlaku secara aktif daripada generasi tua kepada generasi muda. Dapatan ini

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sewajarnya menjadi isyarat awal kepada komuniti Banjar bahawa usaha pemuliharaan perlu dilaksanakan segera agar bahasa ini tidak terus menyusut fungsinya dan akhirnya hilang daripada penggunaan harian. Dalam konteks ini, kesedaran kolektif amat penting kerana menurut Fishman (1991), kelangsungan sesuatu bahasa bergantung pada kesinambungan transmisi antara generasi yang aktif dalam domain keluarga dan komuniti. Apabila proses ini terhenti, bahasa akan kehilangan keupayaan komunikatif dan hanya kekal sebagai simbol budaya semata-mata. Justeru, masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai perlu melihat bahasa ibunda bukan sekadar lambang sejarah, tetapi sebagai warisan hidup yang perlu digunakan dan dipraktikkan dalam pelbagai domain sosial, terutamanya keluarga, persahabatan, keagamaan, dan pendidikan tidak formal. Seiring dengan pandangan Baker (2001), pengukuhan sikap positif terhadap bahasa ibunda dan penggunaan aktif dalam ruang sosial merupakan tunjang utama dalam memastikan vitaliti bahasa. Masyarakat Banjar disaran memperkukuh penggunaan bahasa ini melalui aktiviti harian seperti majlis kenduri, perbualan keluarga, serta pengajaran agama, agar generasi muda dapat memahami, menguasai, dan menuturkannya secara semula jadi. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh identiti etnolinguistik, tetapi juga mewujudkan ruang transmisi yang kondusif bagi pewarisan nilai budaya dan linguistik.

Selain itu, perubahan sikap masyarakat terhadap nilai praktikal bahasa Banjar juga amat diperlukan. Spolsky (2009) menegaskan bahawa pemilihan bahasa sering didorong oleh faktor ekonomi, pendidikan, dan keperluan sosial. Oleh itu, bagi mengimbangi keperluan moden dengan kelestarian warisan, masyarakat Banjar perlu memupuk sikap dwibahasa yang seimbang, iaitu bahasa Melayu digunakan untuk mobiliti sosial, manakala bahasa Banjar dipelihara sebagai penanda identiti dan akar budaya. Kesedaran ini harus diperkukuh melalui penglibatan institusi setempat seperti madrasah, masjid, sekolah, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dapat menjadi agen pelestarian melalui program komuniti, kelas bahasa, dan aktiviti kebudayaan. Peranan Persatuan Banjar di Bagan Serai dan usaha seorang tokoh Banjar, iaitu Tuan Haji Jamaludian Asaa'ri yang menghubungkan antara komuniti Banjar di Malaysia dan komuniti Banjar di Kalimantan Selatan sememangnya wajar diberi pengiktirafan kerana menjadi antara entiti akar umbi yang masih berusaha memelihara bahasa dan budaya Banjar melalui penganjuran program kebudayaan, majlis keagamaan, serta aktiviti

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

komuniti. Namun begitu, berdasarkan dapatan kajian, penyertaan dalam aktiviti seumpama ini didominasi oleh golongan berusia 40 tahun ke atas, manakala generasi muda dilihat kurang terlibat secara aktif. Keadaan ini mencerminkan wujudnya jurang generasi dalam kesedaran linguistik dan tahap keprihatinan terhadap pemeliharaan bahasa ibunda. Fishman (1991) menegaskan bahawa tanpa penglibatan aktif generasi muda, sebarang usaha revitalisasi bahasa akan berdepan risiko kegagalan kerana transmisi antara generasi merupakan asas utama kepada kelangsungan bahasa minoriti. Dalam konteks ini, peranan generasi muda bukan sekadar sebagai peserta, tetapi sebagai pewaris dan penggerak yang perlu dilibatkan secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan program bahasa. Penglibatan mereka dapat diwujudkan melalui pendekatan yang lebih kontemporari seperti bengkel interaktif, kandungan digital dwibahasa, dan aktiviti berasaskan komuniti yang berteraskan nilai Banjar tetapi disampaikan dalam bentuk yang lebih menarik dan relevan dengan gaya hidup mereka.

Tambahan pula, seperti ditegaskan oleh Edwards (2010), identiti linguistik hanya dapat dikekalkan apabila wujud rasa memiliki (*sense of ownership*) terhadap bahasa tersebut. Justeru, generasi muda Banjar perlu melihat bahasa ini bukan sekadar peninggalan nenek moyang, tetapi sebagai aset warisan yang mencerminkan jati diri mereka di tengah masyarakat majmuk Malaysia. Oleh itu, Persatuan Banjar bersama institusi pendidikan, masjid dan NGO tempatan disaran memperkukuh kolaborasi rentas generasi agar inisiatif pemeliharaan bahasa Banjar dapat disampaikan melalui saluran yang sesuai dengan realiti sosiobudaya dan minat generasi baharu, sekali gus memastikan kesinambungan fungsi bahasa Banjar bukan hanya sebagai simbol identiti, tetapi juga sebagai alat komunikasi hidup dalam komuniti. Selain penglibatan komuniti, strategi pelestarian bahasa Banjar juga perlu disokong oleh dasar yang bersifat mikro dan meso, iaitu di peringkat institusi tempatan dan daerah. Fishman (2001) menjelaskan bahawa revitalisasi bahasa minoriti hanya berkesan apabila digerakkan melalui pendekatan "*bottom-up*", iaitu bermula daripada komuniti sendiri sebelum diperluas kepada sokongan struktur dan institusi. Dalam konteks Mukim Bagan Serai, madrasah, sekolah rendah yang mempunyai majoriti murid Banjar, serta masjid tempatan berpotensi besar menjadi tapak integrasi antara pendidikan formal dan nilai warisan. Sebagai contoh, elemen linguistik Banjar boleh diselitkan dalam program kokurikulum, mural sekolah, atau bahan bacaan ringan seperti buku kecil peribahasa, kosa kata

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

tradisional, dan teks rakyat tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja dapat menormalkan kehadiran bahasa Banjar dalam ruang pendidikan, tetapi juga memupuk rasa bangga dan kepunyaan terhadap bahasa tersebut sejak di peringkat awal persekolahan.

Di samping itu, seperti yang dihujahkan oleh Grenoble dan Whaley (2006), pelestarian bahasa tidak boleh dilihat semata-mata sebagai usaha linguistik, tetapi harus bersifat holistik dengan menekankan hubungan antara bahasa, budaya, dan ekonomi komuniti. Oleh itu, bagi masyarakat Banjar di Bagan Serai, pengukuhan ekosistem sosioekonomi tempatan yang berteraskan identiti Banjar seperti pengkomersialan produk tradisional, festival bahasa dan budaya, serta penggunaan dwibahasa pada papan tanda dan media sosial boleh menjadi pemangkin kebanggaan etnolinguistik. Inisiatif sebegini bukan sahaja menghidupkan semula penggunaan bahasa Banjar dalam ruang awam, tetapi turut meningkatkan nilai ekonomi simbolik (Bourdieu 1991) bahasa tersebut, menjadikannya relevan dalam konteks moden. Apabila bahasa dikaitkan dengan peluang ekonomi, status sosial, dan prestij budaya, ia berpotensi menarik minat generasi muda untuk kembali menggunakan serta memartabatkan bahasa ibunda mereka sebagai sebahagian daripada identiti Banjar kontemporari.

7.4.3 Implikasi Dasar

Kajian ini membawa implikasi penting terhadap dasar bahasa dan pendidikan negara, khususnya dalam usaha memperkukuh pelestarian bahasa etnik minoriti seperti bahasa Banjar. Walaupun Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, hak linguistik masyarakat minoriti untuk mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda turut dilindungi melalui dasar kebudayaan dan pendidikan yang inklusif. Oleh itu, dapatan kajian ini yang menunjukkan bahasa Banjar berada pada kedudukan EGIDS 7–8a (beralih hingga hampir pupus) seharusnya menjadi asas kepada pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), untuk mempertimbangkan dasar mikro bagi pengajaran bahasa warisan di sekolah-sekolah kawasan majoriti Banjar seperti di Mukim Bagan Serai.

Dalam konteks pendidikan formal, KPM boleh memperkenalkan modul pengayaan atau aktiviti kokurikulum berunsurkan bahasa dan budaya Banjar di sekolah rendah dan menengah, sama ada melalui program Bahasa Ibunda Tambahan (BIT) atau

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

kokurikulum kesenian dan kebudayaan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembentukan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui pemupukan jati diri dan warisan budaya. Keberadaan bahan bantu mengajar seperti kamus mini bahasa Banjar-bahasa Melayu, modul kosa kata asas, serta aktiviti berasaskan cerita rakyat dan peribahasa tempatan dapat menjadi pelantar awal untuk mendekatkan generasi muda kepada bahasa ibunda mereka.

Selain itu, sokongan dasar juga perlu diperluas kepada sektor pendidikan tidak formal seperti madrasah dan institusi keagamaan komuniti, yang selama ini berfungsi sebagai benteng sosial dan ruang pelestarian bahasa. Kementerian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, dan agensi budaya seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) boleh bekerjasama dengan Persatuan Banjar Negeri Perak dalam menganjurkan program dwifungsi, iaitu pengajaran agama disertai pengenalan kosa kata Banjar, penulisan Jawi Banjar, serta dokumentasi istilah Islam tempatan. Pendekatan dasar berasaskan komuniti ini selaras dengan saranan Grenoble dan Whaley (2006) yang menegaskan bahawa revitalisasi bahasa minoriti harus melibatkan sokongan institusi akar umbi yang memiliki legitimasi budaya di mata masyarakat.

Tambahan pula, dasar kebudayaan negeri dan daerah wajar menyokong inisiatif ruang awam berbilang bahasa melalui projek Landskap Linguistik (*Linguistic Landscape*). Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah Kerian boleh mengiktiraf papan tanda dwibahasa (bahasa Melayu–bahasa Banjar) pada premis-premis komuniti, institusi pendidikan, dan lokasi bersejarah seperti Jalan Banjar dan Masjid Tinggi. Usaha ini bukan sahaja menzahirkan kepelbagaian linguistik di ruang awam, tetapi turut memperkukuh imej Bagan Serai sebagai pusat warisan Banjar di Semenanjung Malaysia. Seperti dihujahkan oleh Landry dan Bourhis (1997), landskap linguistik berfungsi sebagai "cermin identiti kolektif" yang memperkukuh status simbolik dan kebanggaan etnolinguistik penutur minoriti.

Akhir sekali, dasar pelestarian bahasa minoriti perlu diselaraskan dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dan *National Language Policy Framework* agar setiap etnik mendapat ruang bagi mengekalkan bahasa ibunda sebagai sebahagian daripada

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

warisan nasional. Justeru, hasil kajian ini dapat dijadikan asas untuk merangka pelan tindakan Bahasa Warisan di bawah DBP, termasuk geran dokumentasi, bengkel leksikografi komuniti, dan penghasilan bahan digital interaktif (aplikasi mudah alih, portal e-pelajaran) untuk menarik minat generasi muda. Sekiranya dasar sedemikian dilaksanakan secara bersepadu, bahasa Banjar bukan sahaja dapat dipertahankan sebagai warisan budaya, tetapi juga diangkat sebagai sebahagian daripada ekosistem kepelbagaian linguistik yang membentuk identiti Malaysia Madani.

7.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini telah berjaya memberikan gambaran menyeluruh tentang fenomena peralihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai melalui pendekatan triangulasi data kualitatif dan kuantitatif. Namun, hasil dapatan yang diperoleh juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam dan bersifat reflektif terhadap dimensi sosiolinguistik, sosiohistoris, serta ekologi bahasa Banjar dalam konteks masyarakat diaspora di Malaysia.

Pertama, dari sudut metodologi, kajian akan datang disarankan untuk melaksanakan reka bentuk longitudinal yang memerhati perubahan pola penggunaan bahasa dalam tempoh masa yang panjang. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai trajektori sebenar peralihan atau pengekalan bahasa merentasi generasi dengan lebih empirik, berbanding analisis rentas masa yang bersifat statik seperti dalam kajian ini. Seperti yang ditegaskan oleh Labov (1994), pemerhatian longitudinal dapat mengesan perubahan mikro yang tidak dapat dirakam melalui tinjauan satu masa (*cross-sectional*), terutamanya dalam aspek peralihan intergenerasi dan interaksi bahasa di ruang awam.

Kedua, kajian lanjutan wajar memperluas skop geografi ke kawasan diaspora Banjar lain di Semenanjung Malaysia seperti Kuala Kurau, Parit Buntar, Sabak Bernam, dan Batu Pahat. Setiap komuniti mempunyai sejarah migrasi, jaringan sosial, dan tahap integrasi yang berbeza, yang mungkin menghasilkan pola vitaliti bahasa yang tidak homogen. Pendekatan perbandingan antara mukim, daerah mahupun negeri ini bukan sahaja akan memperkayakan pemahaman terhadap variasi dialek dan strategi pengekalan, tetapi juga menguji sejauh mana faktor lokal (seperti interaksi etnik dan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ekonomi setempat) mempengaruhi daya tahan bahasa Banjar dalam konteks yang berbeza.

Ketiga, kajian akan datang juga disaran untuk meneroka dimensi ekologi linguistik dan *translanguaging* dalam komuniti Banjar. Seiring dengan pandangan García dan Wei (2014), fenomena penggunaan pelbagai kod secara fleksibel mencerminkan strategi komunikasi yang kompleks dalam komuniti majmuk. Kajian lanjutan boleh meneliti bagaimana bahasa Banjar berinteraksi dengan bahasa Melayu, dialek Kedah dan Perak, serta bahasa Arab dalam domain keagamaan dan pendidikan. Pendekatan ini akan memfokuskan kepada pemahaman lebih holistik tentang repertoir linguistik dan amalan dwibahasa atau tribahasa yang membentuk identiti generasi muda Banjar hari ini.

Keempat, penyelidikan masa depan wajar memberi perhatian kepada kajian digital dan sosioteknologi, khususnya bagaimana media sosial, platform dalam talian, dan aplikasi komunikasi mempengaruhi pewarisan bahasa. Dalam era digital, ruang maya berpotensi menjadi domain baharu bagi revitalisasi bahasa minoriti, seperti yang dibuktikan oleh Zappavigna (2012) melalui analisis diskursif media sosial. Justeru, kajian baharu boleh meneliti sama ada bahasa Banjar digunakan dalam kandungan digital (meme, video, siaran langsung) dan sejauh mana generasi muda mengadaptasi bahasa ini dalam ekologi komunikasi digital mereka.

Selain itu, dimensi intervensi dasar dan pendidikan komuniti juga perlu diberi perhatian. Kajian akan datang boleh menilai keberkesanan program pelestarian bahasa yang dijalankan oleh persatuan Banjar, sekolah-sekolah di Bagan Serai, termasuk keberkesanan kurikulum informal seperti kelas bahasa warisan dan aktiviti kebudayaan. Penyelidikan berbentuk kajian tindakan (*action research*) boleh dilaksanakan dengan melibatkan kolaborasi antara pengkaji, guru, dan pemimpin masyarakat bagi merangka strategi pemuliharaan yang lebih kontekstual dan lestari.

Akhir sekali, pendekatan interdisiplinari yang menggabungkan sosiolinguistik dengan antropologi budaya, sejarah migrasi, dan ekonomi politik bahasa disaran bagi membina kerangka analisis yang lebih komprehensif. Seperti yang dihujahkan oleh

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Blommaert (2010), bahasa tidak boleh difahami secara terpisah daripada konteks mobiliti, kuasa, dan ideologi yang melingkunginya. Maka, analisis masa depan harus memperluas tumpuan daripada aspek linguistik semata-mata kepada pemahaman struktur sosial dan ideologi bahasa yang membentuk pilihan linguistik masyarakat Banjar.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan ini bukan sahaja bertujuan mengisi jurang pengetahuan yang dikenal pasti dalam kajian ini, tetapi juga membuka ruang kepada satu agenda penyelidikan berasaskan komuniti yang lebih progresif, reflektif dan berakar dalam konteks realiti diaspora Banjar di Malaysia.

7.6 PENUTUP

Kesimpulannya kajian ini memberi satu gambaran menyeluruh tentang pola pilihan dan peralihan bahasa dalam komuniti Banjar di Mukim Bagan Serai. Secara jelasnya, bahasa Banjar sedang bergerak daripada fungsi komunikatif kepada fungsi simbolik. Berdasarkan penilaian dengan EGIDS, bahasa Banjar kini berada pada tahap 7–8a, iaitu "beralih" dan "hampir pupus". Sehubungan dengan itu, usaha pemuliharaan bahasa Banjar perlu dilaksanakan dengan kerjasama dari segenap lapisan masyarakat Banjar dan disokong oleh institusi seperti madrasah, masjid, sekolah, dan pertubuhan komuniti setempat. Bagi mencapai hasrat ini, generasi muda harus dijadikan pemacu utama usaha revitalisasi bahasa Banjar. Sesungguhnya, bahasa ini masih mempunyai ruang untuk dipulihkan kerana terdapat sejumlah generasi tua yang fasih bahasa ini. Sekiranya tiada usaha revitalisasi dilakukan, bahasa diapora ini mungkin akan masuk dalam senarai *Atlas of the World's Languages in Danger* yang dihasilkan oleh UNESCO.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

RUJUKAN

Adham, M. F. 2019. Dampak budaya ayun bapukung dari suku Banjar terhadap kesehatan bayi. Tesis Ilmiah, Program Studi Ilmu Kesehatan, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Agus Yulianto. 2019. Kepercayaan lokal dalam pemali Banjar di Kalimantan Selatan. *Jurnal Mabasan* 13(1): 1–13.

Ahyat Ita Syamtasiyah. 2012. *Kesultanan Banjarmasin pada Abad ke-19: Ekspansi Pemerintah Hindia-Belanda di Kalimantan*. Tangerang: Serat Alam Media

Akhmad Mansur, Asbah Razali, Nurhamizah Hashim, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. 2024. Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi. *Pertanika Journal of Social Sciences dan Humanities* 32(S1): 29–49.

Akrofi, M. M. 2016. The sociolinguistic dynamics of language choice in multilingual communities: The case of Larteh, Ghana. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 37(2): 123-137.

Alfani Daud 1997. *Islam dan Masyarakat Banjar: Deskripsi dan Analisa Kebudayaan Banjar*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada

Alifsah. 2013. Pengaruh motivasi, disiplin kerja dan kepemimpinan terhadap kinerja pegawai badan pemberdayaan perempuan perlindungan anak dan keluarga berencana Kabupaten Banjar. *Wawasan Manajemen* 1(1): 43-64.

Annisa Akhlak, M. Bahri Arifin & Syamsul Rijal. 2019. Pamali dalam masyarakat etnik Banjar di Kota Samarinda: Suatu tinjauan semiotika. *Jurnal Ilmu Budaya* 3(2): 121–130.

Aseri, A. F. 2009. *Alfani Daud: Riwayat dan Pemikirannya*. Banjarmasin: Antasari Press.

Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu: Latar Belakang dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Asmah Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Ramli. 2012. Bapukung buai bayi tidur nyenyak, selesa. *Berita Harian*, 15 Mac: N8–N9.

Baker, C. 2001. *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism.* Edisi Ke-3. Clevedon: Multilingual Matters.

Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'ri. 2020. Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(7): 96–107.

Bernama. 2019. *Masyarakat Banjar di Kerian kekalkan adat bapukong.* 5 Oktober. https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1775331 [12 Disember 2024].

Bertaux, D. 1981. From the life history approach to the transformation of the personal narrative. *Qualitative Sociology* 4(1): 1-18.

Blommaert, J. 2010. *The Sociolinguistics of Globalization*. Cambridge: Cambridge University Press.

Bourdieu, P. 1991. *Language and Symbolic Power*. Cambridge: Polity Press.

Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77–101.

Bryman, A. 2012. *Social Research Methods*. Edisi Ke-4. Oxford University Press.

Bryman, A. 2015. *Social Research Methods*. Edisi Ke-5. Oxford University Press.

Bryman, A. 2016. *Social Research Methods*. Edisi Ke-5. Oxford University Press.

Burhan Murshidi Baharon, Ernawita Atan, Sharil Nizam Sha'ri & Sa'adiah Ma'alip. 2023. Pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Jahut di Jerantut, Pahang. *Pertanika Mahawangsa* 10(2): 67–82.

Cendellera anak Janar. 2022. Sikap dan pemilihan bahasa oleh masyarakat Cina kahwin campur dan bukan kahwin campur di Malaysia. Laporan Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Sarawak. Tidak diterbitkan.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Chambers, J. K. 2003. *Sociolinguistic Theory: Linguistic Variation and Its Social Significance*. Edisi Ke-2. Blackwell.

Chambert-Loir, H (pnyt.). 2004. Kerajaan Bima dalam sastra dan sejarah*:* Ceritera asal bangsa jin dan segala dewa-dewa Hikayat Sang Bima; Syair Kerajaan Bima. Dlm. *Seri Naskhah dan Dokumen Nusantara XIX*, pp. 407-414. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.

Chong Shin, Hendrikus Mangku & Collins, J. T. 2018. Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 18(4): 61–77.

Cohen, R. 2008. *Global Diasporas: An Introduction*. Edisi Ke-2. London: Routledge.

Collins, J. T. 2019. Diversiti bahasa Melayu di Sungai Saribas dan Sungai Rejang. Dlm. Shin, C., Collins, J. T. & Asfar, D. A. (pnyt.). *Bahasa dan Masyarakat di Lembangan Sungai Saribas*, hlm. 28-56. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Coluzzi, P. 2010. Endangered languages in Borneo: A survey among the Iban and Murut (Lun Bawang) in Temburong, Brunei. *Oceanic Linguistics* 49(1): 1-30.

Coluzzi, P. 2017. The vitality of minority languages in Malaysia. *Oceanic Linguistics* 56(1): 210–225.

Coluzzi, P., Riget, P. N. & Kitade, R. 2018. Is the Baba Nyonya a doomed minority? A preliminary study on the vitality of Baba Malay in Melaka (Malaysia). *Grazer Linguistische Studien* 89: 111–139.

Coomans, M. 1987. *Manusia Daya: Dahulu, Sekarang, Masa Depan*. Jakarta: PT Gramedia.

Corisa, C. 2019. Pilihan bahasa masyarakat bilingual Banjar-Dayak di Palangka Raya dalam ranah keluarga. Tesis. Program Studi Pendidikan Bahasa Indonesia, Pascasarjana, Universitas Negeri Semarang, Indonsia.

Coulmas, F. 2013. *Sociolinguistics: The Study of Speakers' Choices*. Cambridge: Cambridge University Press.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Cowell, A. 2016. Language maintenance and revitalization. Dlm. Bonvillain, N. (pnyt.) *The Routledge Handbook of Linguistic Anthropology*, hlm. 420-432 New York: Routledge.

Creswell, J. W. & Creswell, J. D. 2018. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi Ke-5. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Edisi Ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications.

Creswell, J. W. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Edisi Ke-3. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi Ke-4. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Crystal, D. 2000. *Language Death*. Cambridge: Cambridge University Press.

Danial Hadi. 2020. Resepi Wadai Banjar Kalakatar, Bahan-bahan. Facebook 17 Oktober. https://www.facebook.com/photo.php?fbid=1595700917301763 [12 Disember 2023].

Darmansyah. et al. 1979. *Bahasa Pasir*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan

Darwis Harahap .1992. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

David, M. K. 1996. Languange shift in the Sindhis of Malaysia. Tesis Dr. Fal., Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak terbit.

Dealwis, C. 2009. *Exogamous marriages and assimilation of two cultures for greater nation unity*. *Proceedings of the 5th Indian Cultural* Seminar, hlm. 3-13.

Dendy, I. W., Sukamto & Hotma, S. 2016. Pemilihan dan sikap bahasa warga Bubuhan Banjar di Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa* 5(5): 1-17.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Denscombe, M. 2014. *The Good Research Guide: For Small-Scale Social Research Projects*. Edisi Ke-5. London: Open University Press.

Denzin, N. K. 1978. *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods.* Edisi Ke-2. New York: McGraw-Hill.

Dilah Tuah, D., Chong Shin, Remmy Gedat, R., & Mohammed Azlan Mis, M. A. 2021. Pemilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(2): 177-195.

Dobby, E. H. G. 1955. The Krian irrigation scheme. *The Malayan Journal of Tropical Geography* 6: 70–79.

Durasid. 1990. Rekonstruksi protobahasa Barito. Disertasi Sarjana, Universitas Indonesia, Jakarta.

Eckert, P. 1997. Age as a sociolinguistic variable. Dlm. Coulmas, F. (pnyt*.). The Handbook of Sociolinguistics*, hlm. 151-167. Oxford: Blackwell Publishing.

Edwards, J. 1992. Sociopolitical aspects of language maintenance and loss: Towards a typology of minority language situations. Dlm. Fase, W., Jaspaert, K. & Kroon, S. (pnyt.). *Maintenance and Loss of Minority Languages*, hlm. 37–54. Amsterdem: John Benjamins Publishing.

Edwards, J. 2009. *Language and Identity: An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.

Edwards, J. 2010. *Minority Languages and Group Identity: Cases and Categories*. Amsterdem: John Benjamins Publishing.

Ervin-Tripp, S. M. 1972. Social factors in linguistic change. Dlm. Fishman, J.A. (pnyt.). *Advances in the Sociology of Language*, hlm. 1-27. New York: Mouton.

Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Blackwell Publishing.

Ferguson, C. A. 1959. *Diglossia*. *Word* 15(2): 325–340.

Fetterman, D. M. 1989. *Ethnography: Step by Step*. Newbury Park: SAGE Publications

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Field, A.P. 2018. *Discovering Statistics Using IBM SPSS Statistics*. Edisi Ke-11. Newbury Park: Sage.

Fishman, J. A (pnyt.). 2000. Reversing language shift: Rationale and strategies for reversing language shift. Dlm. *Can Threatened Languages Be Saved? Reversing Language Shift, Revisited: A 21st Century Perspective*, hlm. 1–22. Clevedon: Multilingual Matters.

Fishman, J. A. 1972. *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Newbury Park: Newbury House Publishers.

Fishman, J. A. 1991. *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon: Multilingual Matters.

Fishman, J. A. 2001. *Can Threatened Languages be Saved? Reversing Language Shift, Revisited: A 21st Century Perspective*. Clevedon: Multilingual Matters.

Francis, J. J., Johnston, M., Robertson, C., Glidewell, L., Entwistle, V., Eccles, M., & Grimshaw, J. M. 2010. What is an adequate sample size? Operationalizing data saturation for theory-based interview studies. *Psychology and Health* 25(10): 1229-1245.

García, O., & Wei, L. 2014. *Translanguaging: Language, Bilingualism and Education*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.

Garrett, P. 2010. *Attitudes to Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

George, D. & Mallery, P. 2003. *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*. Edisi Ke-4. Boston: Allyn & Bacon.

Giles, H. & Coupland, N. 1991. *Language: Contexts and Consequences*. New York: Thomson Brooks/Cole Publishing Company.

Giles, H. 1973. Accent mobility: A model and some data. *Anthropological Linguistics* 15(2): 87–105.

Giles, H., Bourhis, R. Y. & Taylor, D. M. 1977. Towards a theory of language in ethnic group relations. Dlm. Giles, H. (pnyt.). *Language, Ethnicity, and Intergroup Relations*, hlm. 307-348. New York: Academic Press.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Greenfield, L. & Fishman J. A. 1970. Situational measires of normative language views to person, place and topic among Puerto Rican Bilinguals. *Antrhopes* 65: 602-618

Grenoble, L. A. & Whaley, L. J. 1998. *Endangered Languages: Language Loss and Community Response*. Cambridge: Cambridge University Press.

Grenoble, L. A. & Whaley, L. J. 2006. *Saving Languages: An Introduction to Language Revitalization*. Cambridge: Cambridge University Press.

Grosjean, F. 2010. *Bilingual: Life and Reality*. London: Harvard University Press.

Guest, G., Bunce, A. & Johnson, L. 2006. How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *SAGE Open* 6(2): 59-82.

Hasan Basri. 1988. *Perpindahan orang Banjar ke Surakarta: Kasus migrasi inter-etnis di Indonesia*. Prisma 7(3): 42-56.

Hasan Zainuddin. 2008. Pengaruh Melayu dan Dayak dalam bahasa Banjar. *Antara News*, 3 Mac. https://www.antaranews.com/berita/95257/pengaruh-melayu-dan-dayak-dalam-bahasa-banjar [23 Ogos 2023].

Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: Korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik* 24(2): 47-58.

Heilbron, J. L. 1998. In diaspora. Dlm. Wang, L. C. & Wang, G. W. (pnyt.). *The Chinese Diaspora, Selected Essays*, Jil. 1, hlm. xii-xiv. Singapore: Times Academic Press.

Hendrokumoro. 2023. Diaspora Jawa di Malaysia: Perspektif budaya dan bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 11(1): 11–18.

Holmes, J. 1992. *An Introduction to Sociolinguistics.* London: Longman.

Holmes, J. 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Ke-2. London: Longman.

Holmes, J. 2008. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Ke-3. London: Pearson Education Limited.

Holmes, J. 2013. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Ke-4. New York: Routledge.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Hornberger, N. H. 2002. Multilingual language policies and the continua of biliteracy: An ecological approach. *Language Policy* 1(1): 27-51.

Husni Mubarak. 2016. Sikap bahasa masyarakat Banjar dalam ranah keluarga dan pemerintah Kabupaten Kotabaru Kecamatan Pulau Laut Utara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Cendekia* 4(7):1-20.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Current Population Estimates, Malaysia, 2022. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia-2022 [3 Januari 2024].

Jamaludin Asaari. 2019. *Sejarah Masyarakat Banjar*. Bagan Serai: Persatuan Banjar Malaysia.

Jamaludin Asaari. 2024. Sejarah dan peranan Masigit Lawas di Bagan Serai, Perak. Temu bual 12 Mac.

Jorgensen, D. L. 2015. Participant observation. Dalam Scott, R. A. & Kosslyn, S. M. (pnyt.). *Emerging Trends in the Social and Behavioral Sciences*, hlm. 1-15. New York: John Wiley & Sons.

Jumadi, A., Suryadi, T. & Rahmat, A. 2024. Pilihan bahasa dalam komuniti berbilang etnik di bandar Banjarmasin, Kalimantan Selatan: Pengaruh budaya, sosial, dan politik terhadap penggunaan bahasa. *Jurnal Bahasa dan Budaya Nusantara* 22(1): 45–62.

Jumadi, J., Ahsani Taqwiem, Mu'in, F., Rusma Noortyani, Rina Listia & Rizky Amelia. 2024. Language choice in multilingual speech communities: A sociolinguistic study in the wetland area, Banjarmasin, South Kalimantan. *Register Journal* 17(2): 404–434.

Kamal Hasuna & Akhmad Humaidi. 2018. Faktor penentu pilihan bahasa pada masyarakat multibahasa di Pasar Kemakmuran Kabupaten Kotabaru Provinsi Kalimantan Selatan. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 3(2):191-201

Kamaruddin Isayah. 2019. Analisis pemilihan dan percampuran bahasa dalam masyarakat Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand. Tesis Dr. Fal., Universiti Sains Malaysia.

Kamus Inggeris-Melayu Dewan. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Kasatkina, N. 2011. Language shift and maintenance among Russian immigrants from the former Soviet Union. *Arizona Working Papers in SLA & Teaching* 18: 35-54.

Kaur, S., Singh, G. S. B., David, M. K., Shanmuganathan, T. & Dumanig, F. P. 2022. Language choice among the Punjabi Sikh community in Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. *IARS' International Research Journal* 12(1): 828012012022188.

Kawi Djantera, 1991, Bahasa Banjar; Dialek dan subdialeknya. Tesis Dr. Fal., Universitas Indonesia, Jakarta.

Kawi, M. 1978. Analisa geografi dialek Kotamadya Banjarmasin. Laporan Penelitian. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

Kedrebeogo, G. 1995. Language maintenance and shift in communities of oral tradition: The case of the Sillanko of Burkina Faso (West Africa). Tesis Dr. Fal., Illinois Urbana-Champaign, United States.

Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi. 2023. Pemilihan bahasa dalam kalangan peserta latihan dan dakwah Orang Asli, Kok Lanas berdasarkan tiga domain. *Jurnal Linguistik* 27(1): 129-139.

Kindell, G. E. 2006. Endangered Language Groups. http://www.sil.org/sociolx/ndg-lg-grps.html [12 Disember 2024].

Krauss, M. 1992. The world's languages in crisis. *Language* 68(1): 4–10.

Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607–610.

Labov, W. 1994. *Principles of linguistic change*. Vol. 1: Internal factors. Oxford: Blackwell Publishing.

Ladegaard, H. J. 2000. Language attitudes and sociolinguistic behaviour: Exploring attitude-behaviour relations in language. *Journal of Sociolinguistics* 4(2): 214–233.

Landry, R. & Bourhis, R. Y. 1997. Linguistic landscape and ethnolinguistic vitality: An empirical study. *Journal of Language and Social Psychology* 16(1): 23–49.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Latif Ajas Tihurua & Chong Shin. 2022. Pemilihan bahasa di Kampung Sepa, Maluku Tengah, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 6(1): 73-85.

Lewis, M. P. & Simons, G. F. 2010. Assessing endangerment: Expanding Fishman's GIDS. *Revue Roumaine de Linguistique* 55(2): 103-120.

Lovrits, V., Langinier, H. & Ehrhart, S. 2024. French and language ideologies in a multilingual European Union institution: Re-constructing the meaning of language choice at work. *International Journal of Cross Cultural Management* 24(1): 149-166.

Malinowski, B. 1944) *A Scientific Theory of Culture, and Other Essays*. North Carolina: University of North Carolina Press.

Mallinckrodt, J. 1928. *Het Adatrecht van Borneo*, Dubbeldeman: The Netherlands.

Mayring, P. 2014. *Qualitative Content Analysis: Theoretical Foundation, Basic Procedures and Software Solution*. Klagenfurt: Beltz.

Md. Roslan Suhailin & Arba'ie Sujud. 2020. Gender dan transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 5(35): 107–124.

Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.

Milroy, L. & Milroy, J. 1992. Social network and social class: Toward an integrated sociolinguistic model. *Language in Society* 21(1): 1-26.

Milroy, L. 1987. *Language and Social Networks.* Edisi Ke-2. Oxford: Blackwell Publishing.

Mohamad Subakir. 1998. *Language Allegiance and: Language Shift*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed Salleh Lamry. 1992. Orang Banjar di Selangor: Penghijrahan dan pola kehidupan di Rantau. Laporan Penyelidikan . Centre National de la Recherche Scentifique, Paris.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Mohamed Salleh Lamry. 2005. Dari Kalimantan Selatan ke Semenanjung Malaysia: Migrasi orang Banjar pada dua zaman. Dlm. Abdul Halim Ali (pnyt.) *Borneo-Kalimantan 2005: Transformasi Sosial Masyarakat Pesisir Borneo-Kalimantan*. hlm. 182-190. Kuching: Institut Pengajian Asia Timur.

Mohamed Salleh Lamry. 2016. Madam ka Banua Urang: Migrasi dan perubahan sosial dalam kalangan orang Banjar di Malaysia. Kertas kerja Konferensi Internasional: Transformasi Sosial dan Intelektual Orang Banjar Kontemporer, Banjarmasin, Indonesia. 9-11 Ogos.

Mohamed Salleh Lamry. 2017. *Hujan Emas di Negeri Orang Perantau Banjar dari Pajukungan, Kalimantan Selatan*. Selangor: MZ Edu Publications.

Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis & Norhayati Lateh. 2016. The patterns of language choice at the border of Malaysia-Thailand. *Indonesian Journal of Applied Linguistics* 5(2): 176-185.

Mohammed Azlan Mis. 2010. Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10(2): 97–115.

Mohammed Azlan Mis. 2012. Medium perantara pelbagai suku kaum di Sarawak: Kajian lingua franca. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 12(3): 903–922.

Mohd Azis Ngah. 2019. *Jangan malu mengaku Banjar. Berita Harian*, 21 Februari. https://www.pressreader.com/malaysia/ [12 Disember 2024].

Mohd Khaidir Abdul Wahab & Noriah Mohamed. 2021. Hubungan sejarah dan perkaitan linguistik antara bahasa. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt.) *Menelusuri Intisari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. hlm. 13-30**.** Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun. 2025. Pemilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak / Language choice of the diaspora Banjar community in Bagan Serai, Perak. *Kajian Malaysia* (early view). http://web.usm.my/km/forthcoming.html [4 Januari 2026].

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin, Karim Harun & Jamaludian Asaari. 2025. Pilihan bahasa dalam domain pendidikan keagamaan di Bagan Serai, Perak. *Jurnal Melayu* 24(1): 1–21.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin, Karim Harun & Jamaludian Asaari. 2025. Pengekalan dan peralihan Bahasa Banjar di lokasi terpilih di Mukim Bagan Serai, Perak. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 13(1): 38–50.

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong, S., & Harun, K. 2024. *Pamali: Tradisi Lisan Masyarakat Banjar sebagai Alat Kawalan Sosial dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Morse, J. M. 1994. *Critical Issues in Qualitative Research Methods*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Muhammad Danial Danish Yusman & Noor Saadah Salleh. 2024. Pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. *Jurnal Linguistik* 28(2): 90–103.

Muhammad Firdaus Pawit & Normahdiah Sheikh Said. 2014. Pengaruh bahasa Jawa Pembauran Kod Golongan Muda Melayu Berketurunan Jawa. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 2(3): 76- 85

Muljana, S. 2005. *Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara*. Jakarta: LKiS Pelangi Aksara.

Muna Afifah Mohd Zulkepli. 2017. Kelestarian bahasa Jahai dari sudut sosiolinguistik. Tesis Dr. Fal., Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Nambiar, G. 2007. *Research Methodology: A Handbook for Beginners*. New York: University Press.

Neuman, W. L. 2014. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Edisi Ke-7. New York: Pearson Education.

Nguyen, T. T. T. & Hamid, M. O. 2021. Language choice of Vietnamese ethnic minority students in family and community interactions: Implications for minority language maintenance. *Language Policy* 20(3): 317–331.

Ningsih, A. P. 2024. Pilihan bahasa masyarakat bilingual Dayak-Jawa di Malinau dalam ranah keluarga. *Onoma: Pendidikan, Bahasa dan Sastra* 10(1): 1–15.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Nor Hisham Osman. 1999. Pemeliharaan dan penyisihan bahasa: Kajian kesterhadap komuniti minoriti. Tesis Dr. Fal., Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak terbit.

Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Peralihan bahasa dalam kalangan dua generasi Cham Malaysia. *Akademika* 90(2): 75–89.

Noria Tugang, Bibiana Motey Semang & Adilawati Asri. 2022. *Warisan Budaya Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: Unimas Publisher

Noriah Mohamed & Ghazali Basri. 2012. *Masyarakat Banjar Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

Noriah Mohamed & Meriam Abdul Karim. 2005. Penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu analisis domain. *Jurnal Bahasa* 5(1): 1–42.

Noriah Mohamed. 2019. *Fenomena Sosiolinguitik.*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Nurul Atikah Marshid & Sa'adiah Ma'alip. 2018. Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(2): 1–14.

Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. 2023. Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 13(1): 47–56.

Nurussobah Hussin, Nurul Husna Mohd Yunus, Nur Suhaila Juharei & Wan Satirah Wan Mohd Saman. 2017. Sosiobudaya masyarakat Banjar di Malaysia. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia* 1(1): 48.

Ostler, N. 2011. Language maintenence, shift, and endangerment. Dlm. Mesthrie, R. (pnyt.). *The Cambridge Handbook of Sociolinguistics*, hlm. 315-334. Cambridge: Cambridge University Press.

Paulston, C. B. 1994. *Linguistic Minorities in Multilingual Settings: Implications For Language Policies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai. 2024. *Jumlah Populasi dan Sampel Penduduk Mukim Bagan Serai Berdasarkan Data Pentadbiran Kampung/JKKK Tahun 2023*. Bagan Serai, Perak: Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai.

Perak Government. 1896. *Perak Annual Report for the Year 1896.* Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.

Perelaer, M. T. H. 1870. *Ethnographische Beschrijving der Dajaks: Met vier Platen*. Zalt-Bommel: J. Noman & Zoon.

Portal Masjid Malaysia. t.th. Maklumat. https://masjid.islam.gov.my/index.php/maklumatDetailMS/1/0807058 [12 Disember 2023].

Putra, I. G. A. C. S., Hikmaharyanti, P. D. A. & Nggus, Y. C. N. P. 2022. Pilihan bahasa oleh anak muda di daerah Denpasar. *Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra (SEMNALISA)*, hlm. 221-228.

Rahilah Omar, Nasrun Alias & Teo Kok Seong. 2016. Pemilihan bahasa masyarakat Chetti di Melaka. *Jurnal Melayu* 15(2): 233–250.

Rahim Aman, Nazihah Najwa Othman, Shahidi A. H, Ery Iswary & Anwar O.D. 2018. Rekonstruksi dalaman varian Banjar beriah purba. *Journal of Nusantara Studies* 3(2): 92 – 106

Rahmasari, D. & Zulaeha, I. 2018. Language choice form of multi-ethnic community in family area at Permai ATM Housing. *Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* 7(1): 85–93.

Ras, J. J. 1968. *Hikajat Bandjar: A Study in Malay Historiography*. New York: Brill.

Ras, J. J. 1990. *Hikayat Banjar*. Jakarta: Djambatan.

Remmy Gedat. 2011. Kepelbagaian variasi bahasa Iban dan corak pemilihannya dalam interaksi: Kajian kes di Bahagian Barat Sarawak. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Remmy Gedat. 2011. Pemilihan Variasi Iban dalam Interaksi: Kajian Kes di Bahagian Barat Sarawak. *Jurnal MANU* 17: 87-100.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Riduan Makhtar, Siti Aisah Zailani, & Abd Ganing Laengkang. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 16(9): 115-132.

Romaine, S. 1995. *Bilingualism*. Edisi Ke-2. Oxford: Blackwell Publishing.

Sa'adiah Ma'alip & Kartini Abd Wahab. 2024. Language choice among family in Narum speech community. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 20(1): 140-154.

Sa'adiah Ma'alip. 2014. Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Che Wong. *Jurnal Melayu* 12(1): 32-43.

Sa'adiah Ma'alip. 2019. Tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka. *Akademika* 89(SI1): 109-123.

Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall/Pearson Malaysia.

Sahriansyah, S. 2015. *Sejarah Kesultanan dan Budaya Banjar*. Jakarta: IAIN Antasari Press.

Saidah Ismail. 2009. Pemilihan bahasa dalam kalangan komuniti Bugis. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Saifullah, & Susi, F. D. 2018. *Keberadaan Etnik atau "Urang" Banjar di Malaysia*. Padang: Hayfa Press.

Salim Hairus. 1996. Islam Banjar, relasi antar etnik dan pembangunan dalam kisah dari kampung halaman: Masyarakat suku, agama resmi dan pembangunan. Yogyakarta: t.pt.

Sankar, L. V. 2004. Languange shift an maintenance amaong Malaysian Iyers community: A study of intra-group variations. Tesis Dr. Fal., Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak terbit.

Saputra, Imam Hendra, Ninuk Krismanti & Agustina Lestary. 2021. Banjar language shifting in ecolinguistics perspective. *Jurnal Ilmiah Lingua Idea* 12(2): 207–224.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Selvajothi @ Pillai Ramalingam. 2017. Peralihan dan pengekalan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil di Kuching, Sarawak. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak terbit.

Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar & Mohd Sharifudin Yusop. 2019. Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 16(9): 115–132.

Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian variasi leksikal dialek di Perak: Analisis GIS. *Akademika* 88(1): 137-152.

Sjamsuddin, H. 2001. *Pegustian dan Temenggung: Perlawanan di Kalimantan Selatan dan Kalimantan Tengah 1859–1906*. Jakarta: Balai Pustaka.

Sobrielo, A. 1985. Language maintenance and shift among Tamils in Singapore. Tesis Sarjana, National University of Singapore, Singapore. Tidak terbit.

Spolsky, B. 2004. *Language Policy*. Cambridge: Cambridge University Press.

Spolsky, B. 2009. *Language Management*. Cambridge: Cambridge University Press.

Spradley, J. P. 1980. *Participant Observation*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Stockdale, D. 2002. Audio recording as a tool for qualitative research: A review of its applications. *Qualitative Studies in Language and Communication* 14(1): 45–62.

Talukder, S. & Barner-Rasmussen, W. 2024. Exploring the language choice dilemma of international small firms: A social exchange perspective on English-only versus multilingualism. *International Business Review* 33(3): 102257.

Taufik Arbain. 2013. *Strategi Migran Banjar. Yogyakarta*: LKiS.

Trisnawati. 2023. Pilihan bahasa masyarakat multilingual di Kota Sampit. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya* 13(2): 274–292.

Trudgill, P. 2000. *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society*. Edisi Ke-4. London: Penguin.

Tsing, A. L. 1998. *Di Bawah Bayang-bayang Ratu Intan: Proses Marjinalisasi pada Masyarakat.* Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tunku Shamsul Bahrin. 1964. *Indonesians in Malaya*. Tesis Dr. Fal., University of Sheffield, Sheffield. Tidak Terbit.

Vallerga, M. & Zurbriggen, E. L. 2022. Hegemonic masculinities in the 'Manosphere': A thematic analysis of beliefs about men and women on The Red Pill and Incel. *Analyses of Social Issues and Public Policy* 22(2): 602-625.

van Rees, W. A. 1867. *De Bandjermasinsche Krijg van 1859-1863: Nader Toegelicht*. Arnhem: D. A. Thieme.

Wardani, D. I., Sukamto & Simanjuntak, H. 2016. Pemilihan dan sikap bahasa warga Bubuhan Banjar di Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (JPPK)* 5(5): 1-17.

Wardhaugh, R. & Fuller, J. M. 2021. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Ke-8. London: Wiley-Blackwell.

Weinreich, U. 1953. *Language In Contact: Findings and Problems*. The Hague: Mouton Publishers

Weinreich, Uriel. 1968. *Languages in Contact: Findings and Problems*. The Hague: Mouton.

Wikimedia Commons. 2019. Map of Kerian District, Perak. https://en.wikipedia.org/wiki/File:Map_of_Kerian_District,_Perak.svg [3 Januari 2024].

Wodak, R., Krzyżanowski, M. & Forchtner, B. 2012. The interplay of language ideologies and contextual cues in multilingual interactions: Language choice and code-switching in European Union institutions. *Language in Society* 41(2): 157- 186.

Wong Khek Seng. 1987. *Persilihan bahasa di Kampung Kerinci*. Bangi: Penerbit UKM.

Yin, R. K. 2011. *Qualitative Research from Start to Finish*. New York: Guilford.

Yin, R. K. 2018. *Case Study Research and Applications: Design and methods*. Edisi Ke-6. Thousand Oaks: SAGE Publications.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Yusmawati Yusoff & Mohd Khaidir Abdul Wahab. 2021. Kata sapaan dan rujukan dalam kalangan masyarakat Banjar terpilih di Daerah Kerian, Perak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 11(2): 15–25.

Yusuf, M. 2017. Pemilihan bahasa kelompok tutur pendatang Jawa di Landasan Ulin, Banjarbaru. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya* 7(1): 22–34.

Zappavigna, M. 2012. *Discourse of Twitter and Social Media: How We Use Language to Create Affiliation on the Web*. London: Continuum.

Zhang, H., Huang, F. & Wang, C. 2024. Language choice and code-switching in bilingual children's interaction under multilingual contexts: evidence from Mandarin-English bilingual preschoolers. *Language and Education* 38(2): 1-15.

Zulayti Zakaris, Ang Kean Hua, Mohamad Pirdaus Yusoh, Lindah Roziani Jamru, Adi Jafar, Dg Junaidah Awang Jambol & Mohamad Ikhram Mohamad Ridzuan. 2023. Menelusuri warisan budaya-ketara dan budaya-tidak-ketara etnik Bajau Ubian di pantai Timur Sabah. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences* 5(3): 426–436.

Zulfa Jamalie & Juhriyansyah Dalle. 2012. Pamali sebagai nilai-nilai tradisional pencitraan publik figur masyarakat Banjar. https://idr.uinantasari.ac.id/13951/ [2 Januari 2022].

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN A1

SURAT KELULUSAN ETIKA JEP-2024-108 (LK-12M)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • *UKM RESEARCH ETHICS SECRETARIAT*

Rujukan: UKM PPI/111/8
Tarikh: 02 **April 2025**

Profesor Madya Dr. Chong Shin
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Profesor/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGESAHAN LAPORAN KEMAJUAN ETIKA PENYELIDIKAN UKM (12 BULAN)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM telah mengesahkan Laporan Kemajuan Etika Penyelidikan UKM pihak Y.Bhg. Profesor/Dato'/Tuan/Puan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM Bil. 06/2025 bertarikh 20 Mac 2025 seperti maklumat di bawah:-

No. Rujukan Etika	Tajuk Penyelidikan	Tempoh Penyelidikan
JEP-2024-108	Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak	21 Mac 2024 - 20 September 2026

3. Segala kerjasama dari pihak Y.Bhg. Profesor/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Dilampirkan petikan minit mesyuarat JEPUKM bil. 06/2025 bertarikh 20 Mac 2025 sebagai bukti laporan kemajuan ini telah disahkan dalam mesyuarat JEPUKM.

Sekian dimaklumkan.

Terima kasih.

Yang benar,

PROFESOR DR. MOHD SHAHRIR MOHAMED SAID
Pengerusi
Jawatankuasa Etika Penyelidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. - **Pengarah**
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

- **Dr. Mohd Khaidir bin Abdul Wahab (P129839)**
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

- Fail Surat Kelulusan 2024

Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz,Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur.
Telefon: +603-9145 5046 / 5048
Email: sepukm@ukm.edu.my Web: https://www.ukm.my/jepukm/

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

MINUTES OF MEETING
RESEARCH ETHICS COMMITTEE
THE NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA
NO.06/2025

Date	:	20 March 2025 (Thursday)
Time	:	11.15 a.m
Application	:	Zoom Cloud Meeting

6. **Presentation list of research progress reports.**

6.1 Presentation list of progress reports from 06 March 2025 – 19 March 2025.
6.1.1 The lists were approved.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN A2

SURAT KELULUSAN ETIKA JEP-2024-108

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • *UKM RESEARCH ETHICS COMMITTEE*

Reference : UKM PPI/111/8/JEP-2024-108
Date : 25 March 2024

Assoc. Prof. Dr. Chong Shin
Institute Of The Malay World And Civilization (ATMA)
The National University of Malaysia

Dear Professor/Datuk/Dato'/Datin/Sir/Madam,

ETHICAL APPROVAL TO CONDUCT RESEARCH IN THE NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA

Research title:	*Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak*
Ethics Ref. No.:	JEP-2024-108
Approval period:	21 March 2024 – 20 September 2026
Study Site:	*Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak (Kampung Jalan Besar Masjid Tinggi & Kampung Jalan Banjar)*
Sample Size:	Quantitative - 320 respondents (survey) Qualitative - 20 informants (interview)

With reference to the above.

2. The Research Ethics Committee, The National University of Malaysia (RECUKM) has provided ethical approval for above study. Please be reminded permission from the Deputy Dean of research of the faculty or Director of Institute/Centre and all relevant heads of departments / units where the study will be carried out must be obtained prior to the study. You are required to follow and comply with their decision and all other relevant regulations.

3. Please note that the investigator's responsibility is to ensure that:

i. All Adverse Events should be reported to RECUKM as soon as possible.
ii. Progress report should be submitted every **6 Months.**
iii. All changes / amendments to the study documents / study sites / study team must be notified to the RECUKM. All changes must be approved by RECUKM before continuation of the study.
iv. Application for renewal of the approval has to be submitted to RECUKM within one month (1 month) prior to the expiry of ethical approval.
v. Final Report should be provided to RECUKM when the project is complete.
vi. Please take note that all records and data are to be kept strictly CONFIDENTIAL and can only be used for the purpose of this study. All precautions are to be taken to maintain data confidentiality.

Required forms can be obtained from the The Research Ethics Committee, The National University of Malaysia (RECUKM) website: **https://www.ukm.my/jepukm**

Thank you.

Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz,Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur.
Telefon: +603-9145 5046 / 5048
Email: jepukm@ukm.edu.my Web: https://www.ukm.my/jepukm/

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • *UKM RESEARCH ETHICS COMMITTEE*

Yours sincerely,

PROFESSOR DR. MOHD SHAHRIR MOHAMED SAID
Chairman
Research Ethics Committee
The National University of Malaysia

c.c.
- **Director**
  Institute Of The Malay World And Civilization (ATMA)
  National University Of Malaysia
- **Chairperson of Centre for Research in Psychology and Human Well-being**
  Faculty of Social Sciences and Humanities
  National University Of Malaysia
- **Assoc. Prof. Dr. Karim Bin Harun**
  Center For Research In Malay Language, Literature And Culture (BITARA)
  Faculty of Social Sciences & Humanities
  National University Of Malaysia
- **Dr. Mohd Khaidir Bin Abdul Wahab (P129839)**
  Institute Of The Malay World And Civilization (ATMA)
  National University Of Malaysia
- Approval letter File 2024

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur.
Telefon: +603-9145 5046 / 5048
Email: sepukm@ukm.edu.my Web: https://www.ukm.my/sepukm/

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • *UKM RESEARCH ETHICS COMMITTEE*

NAME OF ETHICS COMMITTEE/IRB:	ETHICS COMMITTEE/IRB REF NO :
Research Ethics Committee, The National University of Malaysia	UKM PPI/111/8/JEP-2024-108

PROTOCOL TITLE:
Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak

PRINCIPAL INVESTIGATOR:
Assoc. Prof. Dr. Chong Shin
Institute Of The Malay World And Civilization (ATMA)
The National University of Malaysia

The following items [X] have been received and reviewed in connection with the above study to be conducted by the above investigator.

Documents

- [X] Research Application Form (UKM-JEP-BO01)
- [X] Review Form (UKM-JEP-BO02)
- [X] Non-Disclosure Agreement (UKM-JEP-BO03)
- [X] Conflict Of Interest Form
- [X] Research Proposal / Protocol
- [X] Participant Information Sheet:
  - [X] Malay [ ] English [ ] Others :
- [X] Participant Consent Form:
  - [X] Malay [ ] English [ ] Others :
- [X] Questionnaire:
  - [X] Malay [ ] English [ ] Others
- [ ] Case report Form:
  - [ ] Malay [ ] English [ ] Others :
- [X] Curriculum Vitae of Researchers:
  - [X] Principal [X] Co-researcher [X] Student
- [ ] Good Clinical Practice Certificate (GCP)
- [ ] Project Agreement

The Research Ethics Committee, The National University of Malaysia operates in accordance to the International Conference of Harmonization Good Clinical Practice Guidelines.

Comments (if any): _____

Date of Approval: 21 March 2024

PROFESSOR DR. MOHD SHAHRIR MOHAMED SAID
Chairman
Research Ethics Committee
The National University of Malaysia

Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz,Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur.
Telefon: +603-9145 5046 / 5048
Email: sepukm@ukm.edu.my Web: https://www.ukm.my/jepukm/

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • *UKM RESEARCH ETHICS COMMITTEE*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


Sekretariat Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Blok Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz,Pusat Perubatan UKM, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur.
Telefon: +603-9145 5046 / 5048
Email: sepukm@ukm.edu.my Web: https://www.ukm.my/jepukm/

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

LAMPIRAN B

BORANG PENILAIAN PAKAR



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BORANG PENILAIAN PAKAR

Tajuk Kajian : Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Perak
Penyelidik : Dr. Mohd Khaidir bin Abdul Wahab
Penyelia Utama : Profesor Madya Dr Chong Shin
Penyelia Bersama : Profesor Madya Dr Karim Harun
Nama Penilai : Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong
Jabatan Penilai : Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia

ASPEK PENILAIAN	CATATAN
Arahan penggunaan instrumen	Jelas.
Ketepatan penggunaan bahasa	Tepat.
Soal selidik memenuhi objektif kajian	Objektif kajian telah dilampirkan.
Ulasan : Sila lampirkan.	

Nama Penilai : Teo Kok Seong.
Tandatangan Penilai : PROF. EMERITUS DATUK DR. TEO KOK SEONG
Felo Utama
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tarikh : 01/03/2024.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PENGESAHAN ITEM SOAL SELIDIK

Dengan ini saya, Teo Kok Seong mengesahkan bahawa semua item soal selidik bagi tajuk kajian **' Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Perak'** telah disemak.

Saya bersetuju membenarkan borang soal selidik ini diedarkan bagi tujuan kajian rintis (berdasarkan konstruk) dengan mengambil kira pembetulan dan komen yang diberikan dalam Borang Penilaian Pakar.

Tandatangan : Teo Kok Seong.

Nama : PROF. EMERITUS DATUK DR. TEO KOK SEONG

Jawatan : Felo Utama
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh : 01/03/2024.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Komen keseluruhan:

Memuaskan.

Disahkan oleh,

Teo Kok Seong.

(NAMA: PROF. EMERITUS DATUK DR. TEO KOK SEONG)
TARIKH: 01/03/2024.

Felo Utama
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN C

SOAL SELIDIK PILIHAN BAHASA DAN *EXPANDED GRADED INTERGENERATIONAL DISRUPTION SCALE* (EGIDS)

Soal selidik ini bertujuan untuk mengenal pasti pilihan bahasa masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai, Perak dalam domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, pekerjaan dan jual beli.Kajian ini turut menilai tahap peralihan bahasa Banjar di mukim ini menggunakan pendekatan EGIDS. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi penyelidikan bertajuk "Pilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Mukim Bagan Serai, Perak". Diharap Tuan/Puan dapat menjawabnya dengan jujur.

BAHAGIAN A

Umur	7-17 tahun	[ ]
	18-39 tahun	[ ]
	40-64 tahun	[ ]
	65 tahun ke atas	[ ]
Jantina	Lelaki	[ ]
	Perempuan	[ ]
Tarah Pendidikan	Tidak Bersekolah	[ ]
	UPSR/Sekolah Rendah	[ ]
	SRP/PMR	[ ]
	SPM	[ ]
	STPM/Diploma	[ ]
	Ijazah Sarjana Muda	[ ]
	Sarjana	[ ]
	PhD	[ ]
Pekerjaan	Kerajaan	[ ]
	Swasta	[ ]
	Bekerja Sendiri	[ ]
	Pesawah/Petani	[ ]
	Pelajar	[ ]
	Tidak Berkerja	[ ]

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAHAGIAN B

Tandakan [✓] pada jawapan yang berkenaan.

1. Pengetahuan tentang Bahasa

Soalan (a)	**Anda lebih fasih berbahasa?**			
Pilihan Responden	**Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar**	**Lain-lain** **Nyatakan:_____**

Soalan (b)	**Apakah bahasa ibunda/pertama anda?**			
Pilihan Responden	**Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar**	**Lain-lain** **Nyatakan:_____**

2. Perasaan Milikan

Soalan (a)	**Untuk menjadi ahli komuniti Banjar, adakah penting untuk mampu berbahasa Banjar?**		
Pilihan Responden	**Tidak**	**Bergantung pada situasi** **Nyatakan:_____**	**Ya**

Soalan (b)	**Pernahkah anda didiskriminasi kerana berbahasa Banjar?**		
Pilihan Responden	**Tidak**	**Ya, kadang-kadang**	**Ya, selalu**

Soalan (c)	**Secara keseluruhan, apakah sikap komuniti Melayu terhadap komuniti Banjar yang berbahasa Banjar?**		
Pilihan Responden	**Negatif-Mereka mahu kami berbahasa Melayu**	**Tidak kisah**	**Positif**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

3. Bahasa yang digunakan dalam keluarga

Soalan (a)	Bahasa apakah yang biasa digunakan dalam keluarga?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (b)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan datuk dan nenek anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (c)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan ibu dan bapa anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (d)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan adik beradik anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (e)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan isteri dan suami anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (f)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan anak anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Soalan (g)	Bahasa apakah yang biasa anda gunakan dengan cucu anda?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

4. Bahasa yang digunakan di Luar Domain Keluarga

i. Domain Persahabatan

Soalan (a)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berada di kawasan kejiranan?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (b)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berada di majlis kenduri?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (c)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika berekreasi di waktu petang?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

Soalan (d)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan kawan-kawan ketika dalam mesyuarat jawatankuasa kampung?				
Pilihan Bahasa Responden	Bahasa Banjar	Bahasa Banjar + Bahasa Melayu	Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Kedah

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ii. Domain Aktiviti Jual Beli

Soalan (a)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli makanan di Warung Wadai, Bagan Serai?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (b)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di Pasar Awam, Bagan Serai?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (c)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di Pasar Malam, Bagan Serai?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (d)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika membeli barang di luar Mukim Bagan Serai?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Kedah**

iii. Domain Keagamaan

Soalan (a)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menunaikan solat fardu di masjid?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (b)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan semasa menghadiri program keagamaan di masjid bersama ahli kariah masjid?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Soalan (c)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan semasa menghadiri program keagamaan di masjid bersama masyarakat dari luar Mukim Bagan Serai?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melyu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (d)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan semasa menghadiri majlis jamuan bersama ahli kariah masjid?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

iv. Domain Pendidikan

Soalan (a)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika menunaikan solat fardu di masjid?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (b)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika di kantin/kafe?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (c)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika di padang?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (d)	Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika program bersama pelajar di luar Mukim Bagan Serai?				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

v. Domain Pekerjaan

Soalan (a)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan rakan di tempat kerja anda?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (b)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan dengan majikan anda?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (c)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika makan bersama rakan sekerja anda?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

Soalan (d)	**Apakah bahasa yang biasa anda gunakan ketika melakukan aktiviti riadah bersama rakan sekerja anda?**				
Pilihan Bahasa Responden	**Bahasa Banjar**	**Bahasa Banjar + Bahasa Melayu**	**Bahasa Banjar + Dialek Melayu Kedah**	**Bahasa Melayu**	**Dialek Melayu Kedah**

5. Perbezaan Bahasa antara Penutur dalam kalangan Golongan Muda dan Tua

Soalan (a)	**Adakah bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan tua lebih kurang sama dengan bahasa Banjar yang dituturkan oleh golongan muda?**		
Pilihan Responden	**Tidak**	**Tidak pasti**	**Ya**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Soalan (b)	Jika tidak, bagaimana ianya berbeza?			
Pilihan Responden	Orang muda menggunakan lebih banyak perkataan dan struktur bahasa Melayu standard atau Bahasa Inggeris	Orang muda mempunyai sebutan yang berbeza	Orang muda mencampur aduk bahasa Banjar dengan bahasa-bahasa lain	Orang muda menggunakan lebih banyak perkataan dan struktur bahasa Melayu standard atau Bahasa Inggeris

6. Sikap Bahasa

Soalan (a)	Adakah anda ingin mempelajari/memperbaiki bahasa Banjar anda?	
Pilihan Responden	Ya	Tidak

Soalan (b)	Patutkah bahasa Banjar dipelihara secara rasmi?	
Pilihan Responden	Ya	Tidak

Soalan (c)	Patutkah diwujudkan majalah/buletin dalam bahasa Banjar?	
Pilihan Responden	Ya	Tidak

Soalan (d)	Patutkah diwujudkan radio program dalam bahasa Banjar?	
Pilihan Responden	Ya	Tidak

Soalan (e)	Dalam masa 20 tahun adakah bahasa Banjar akan dituturkan berbanding sekarang?		
Pilihan Responden	Tidak	Lebih kurang sama	Ya

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN D

SURAT PELANTIKAN KOORDINATOR MASIGIT LAWAS MASJID TINGGI BAGAN SERAI

مسجد الأطهر جالن بنجر

MASJID AL-ATHAR JALAN BANJAR, MASJID TINGGI

مسجد تيڠڬي باكن سراي فيراق دار الرضوان

Bil (001)/dlm.MAA/(025)
Tarikh : 08hb. Mac. 2025

Kepada,
Yang Berahagia,
Dr. Mohd Khaidir bin Abdul Wahab,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
11700, Minden,
Pulau Pinang,

PERKARA : KOLABORASI PEMANTAPAN MASIGIT LAWAS.

Sukacita dimaklumkan perkara diatas adalah dirujuk.

2.Kolaborasi pemantapan ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan peranan Masigit Lawas dalam masyarakat, khususnya dalam aspek keagamaan, sosial, pendidikan, dan kebajikan.

3. Dengan itu, Yang Berbahagia, Dr. Mohd Khaidir bin Abdul Wahab, dengan ini diamanahkan sebagai koordinator, bagi memantapkan institusi masjid ini melalui pendekatan yang relevan, fungsi masjid dan nilai estetik dalam konteks kontemporari.

Sekian terima kasih.

" Masigit Lawas, Pusaka Banjar"

.....
JAMALUDIN ASAARI, *PPT*
Setiausaha Masjid Al-Athar
Sesi 2023/2026

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN E

SURAT KELULUSAN BELAJAR SAMBILAN PH.D KEDUA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Jabatan Pendaftar

Registry Department

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

Rujukan Kami : USM 0422/18
Tarikh : 01 Mac 2023

Dr. Mohd Khaidir Bin Abdul Wahab
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
PULAU PINANG

Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN MENGIKUTI BELAJAR SECARA SAMBILAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan permohonan **Dr. Mohd Khaidir Bin Abdul Wahab** , No. K/P (860228385841) bertarikh 01 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan ini, dimaklumkan bahawa pihak Universiti bersetuju untuk membenarkan tuan mengikuti belajar secara sambilan bagi tempoh selama **84 bulan** bermula **24 Mac 2023** sehingga **24 Mac 2030** bagi program pengajian **Doktor Falsafah Sastera (Sosiolinguistik)** bertempat di **Universiti Kebangsaan Malaysia** dengan syarat tugas dan tanggungjawab tuan di Universiti tidak terjejas.

3. Semasa mengikuti pengajian tersebut tuan boleh menggunakan kemudahan Perpustakaan yang telah diperuntukkan kepada semua staf Universiti. Bagi kemudahan-kemudahan lain yang diperlukan tuan boleh berhubung terus dengan Jabatan berkenaan untuk pertimbangan mereka. Semua perbelanjaan pengajian yang diikuti adalah atas pembiayaan tuan sendiri.

4. Pihak Universiti mengucapkan syabas atas usaha tuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Sekian,terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Unit Pembangunan Staf
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

No. Tel: 604-653 6080 / 6086

[Ini adalah cetakan berkomputer. Tandatangan adalah tidak diperlukan]

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN F

PENERIMAAN ABSTRAK PEMBENTANGAN PERSIDNGAN/SEMINAR

a. Seminar Sahabat USM-UUM 2025



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
SCHOOL OF HUMANITIES

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
School of Humanities

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
T : 604 653 3888 samb. 3771/3772/3773
W : www.humanities.usm.my

20 Ogos 2025

YBrs. Dr. Mohd Khaidir Abdul Wahab
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

YBrs. Dr.,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PEMAKLUMAN PENERIMAAN ABSTRAK UNTUK SEMINAR SAHABAT USM-UUUM 2025

Sukacita dimaklumkan bahawa abstrak bertajuk **PILIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DIASPORA DI DAERAH KERIAN, PERAK DALAM ERA KOMUNIKASI DIGITAL: PENILAIAN MELALUI PENDEKATAN EGIDS** telah **DITERIMA** untuk dibentang dalam Seminar Sahabat USM-UUM yang akan berlangsung pada 17 September 2025 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Sehubungan itu, kerja kerja lengkap perlu dihantar sebelum atau pada **15 September 2025** untuk dimuatkan dalam buku suntingan. Bersama-sama ini dilampirkan format kertas kerja lengkap untuk perhatian dan rujukan YBrs. Dr.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak sekretariat di alamat emel abnorsofah@usm.my.

Sekian, terima kasih.

(DR. NORSOFIAH ABU BAKAR)

Pengerusi Seminar Sahabat USM-UUM 2025

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
SCHOOL OF HUMANITIES

SIJIL PENYERTAAN

DENGAN SUKACITANYA DIANUGERAHKAN SIJIL INI KEPADA

DR. MOHD KHAIDIR ABD WAHAB

kerana telah menyertai Seminar Sahabat USM-UUM 2025 bertempat di Dewan Persidangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM pada 17 September 2025.

DR. NORSOFIAH BINTI ABU BAKAR
PENSYARAH
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PROF. MADYA DR. JASNI BIN SULONG
DEKAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

b. Persidangan Antarabangsa Pemartabatan dan Pengantarabangsaan Pengajian Melayu pada 11 & 12 November 2026 di Brunei



PERSIDANGAN ANTARABANGSA
PEMARTABATAN DAN PENGANTARABANGSAAN
PENGAJIAN MELAYU 2026
Pemerkasaan Pengajian Melayu dalam Era Kecerdasan Buatan
11-12 November 2026 | Universiti Brunei Darussalam

Ruj. : PAPPPM/2026/KK_092
Tarikh : 15 April 2026

Yang Mulia,
Dr. Mohd Khaidir Abdul Wahab
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Tuan Dr.,

PEMAKLUMAN PENERIMAAN ABSTRAK BAGI PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMARTABATAN DAN PENGANTARABANGSAAN PENGAJIAN MELAYU 2026

Sukacita dimaklumkan bahawa abstrak bertajuk **Tahap Peralihan Bahasa Masyarakat Banjar di Mukim Bagan Serai Berdasarkan Skala Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS)** telah DITERIMA untuk dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pemartabatan dan Pengantarabangsaan Pengajian Melayu pada 11 & 12 November 2026.

Tempoh pembayaran yuran pendaftaran sebanyak USD 150 bermula **1 Jun 2026 sehingga 31 Julai 2026**. Pembayaran boleh dilakukan terus menerusi portal pembayaran UBD (di bawah PAPPPM 2026) ATAU melalui pemindahan telegrafik (TT) seperti yang berikut:

Nama Akaun	Tabung Universiti Brunei Darussalam
No Akaun	06-00-130-265788
Bank	Baiduri Bank Berhad
Alamat Bank	Level 1, Baiduri Bank Headquarters, Main Branch, Level 1, 1 Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam
Kod Swift	BAIDBNBB

Untuk pembayaran melalui kaedah pemindahan telegrafik, peserta hendaklah menyatakan nama institusi yang diwakili serta nombor invois (jika ada) semasa membuat pembayaran. Peserta juga dikehendaki menyertakan rujukan "PAPPPM2026" dalam transaksi berkenaan dan menghantar salinan slip TT kepada Jabatan Kewangan (Perhatian: Akauntan) melalui emel helpdesk.epay@ubd.edu.bn sebagai bukti pembayaran. Sila kemukakan salinan emel tersebut (cc) kepada setiausaha.papppm@ubd.edu.bn.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja lengkap perlu dihantarkan sebelum atau pada **31 Julai 2026** untuk memastikannya dimuatkan dalam prosiding. Sila rujuk format kertas kerja pada pencontoh kertas kerja penuh https://bit.ly/PAPPPM3 bagi penghantaran kertas kerja penuh menerusi pautan https://bit.ly/PAPPPM2.

Sekian, terima kasih.
Urusetia PAPPPM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu XII (SALPBM XII) 2026

SEMINAR ANTARABANGSA LINGUISTIK DAN PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU XII (SALPBM XII)

Rujukan Kami : UPM.FBMK.JBM.SALPBMXII (011)
Tarikh : 15 Februari 2026

Mohd Khaidir Abdul Wahab & Chong Shin
Universiti Sains Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENERIMAAN ABSTRAK DAN UNDANGAN SEBAGAI PEMBENTANG DALAM SEMINAR ANTARABANGSA LINGUISTIK DAN PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU XII (SALPBM XII)

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan SALPBM XII pada 15 dan 16 April 2026.

3. Sehubungan dengan itu, abstrak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan yang bertajuk **"Pemilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Bagan Serai, Perak"** telah diterima untuk dibentangkan dalam seminar tersebut.

4. Untuk penerbitan bab dalam buku, penulisan hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dan mengikut format yang ada pada poster. Tarikh akhir penyerahan bab dalam buku adalah pada 30 Mac 2026 dan harus dimuat naik ke dalam folder menerusi **pautan ini** berserta abstrak seminar. Folder perlulah dilabel dengan format nama pemakalah – tajuk makalah (Muhammad Faizul Abd Hamid – Deiksis Persona dalam Teks Manifesto Pilihan Raya Umum ke-15).

5. Kesudian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan menyertai SALPBM XII ini sangat saya hargai dan didahulukan ucapan sedalam-dalam terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA DR. NORAZLINA HJ. MOHD KIRAM
Pengerusi SALPBM XII

Surat ini ialah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

d. 1st Postgraduate Symposium (PGSYM 2026)



1ST POSTGRADUATE SYMPOSIUM (PGSYM 2026)

ACCEPTANCE OF ABSTRACT

Dear MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB & CHONG SHIN

Congratulations on the acceptance of your abstract for your **Regular Article** entitled

PEMILIHAN BAHASA DAN PERALIHAN BAHASA DALAM DOMAIN PENDIDIKAN: KAJIAN MASYARAKAT BANJAR DIASPORA DI BAGAN SERAI under the sub-theme Social Science.However, you need to amend the abstract based on the Symposium's format. Both your abstracts have exceeded the word limit of 250 words. Please amend them following the correct word limit. Kindly submit the amended abstract through this Google form - https://forms.gle/5HYZuZv5XnJCSX5C7.

Kindly prepare your full article based on the manuscript submission format and submit the latest by 10 April 2026 via this Google Form - https://forms.gle/Guf3cWdvRmvRhbiY7.

Please let us know whether you will be attending virtually or in person, and share your dietary requirements (veggie or non-veggie; a quick reply to this email will do).

WELCOME TO OUR 1ST POSTGRADUATE SYMPOSIUM 2026!

We cannot wait to meet you there!

Regards,
Secretariat of the 1STPGSYM26


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

LAMPIRAN G

SENARAI PENERBITAN

1. Artikel Jurnal

a. Kajian Malaysia, Universiti Sains Malaysia-Scopus Q2



KAJIAN MALAYSIA
JOURNAL OF MALAYSIAN STUDIES

SCOPUS
Q3

Manuscript Title: Pemilihan Bahasa Masyarakat Banjar Diaspora di Bagan Serai, Perak
Authors: Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin and Karim Harun
Accepted Date: 4-March-2025

Please cite this article as: Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin and Karim Harun. Pemilihan bahasa masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak. *Kajian Malaysia* (Early View).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

© Penerbit Universiti Sains Malaysia. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).



Kajian Malaysia (early view)

PEMILIHAN BAHASA MASYARAKAT BANJAR DIASPORA DI BAGAN SERAI, PERAK
LANGUAGE CHOICE OF THE DIASPORA BANJAR COMMUNITY IN BAGAN SERAI, PERAK

Mohd Khaidir Abdul Wahab*, Chong Shin and Karim Harun

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
*Corresponding author: p129839@siswa.ukm.edu.my

ABSTRACT

The Banjar community originating from South Kalimantan is often associated with their tendency to migrate, also known as madam ka banua urang. *Despite that, their religious and social traditions are well preserved. In Kerian (particularly Bagan Serai), Masjid Tinggi, Masjid Al-Attar, and Masjid At-Taqwa in Taman Serai Maju serve as centres for religious activities such as prayers, Quranic studies, and religious lectures. They also host social activities within the friendship domain, such as communal iftar gatherings. In addition to their mother tongue, this community communicate in a multilingual ecology which includes the Kedah Malay dialect, Standard Malay, and other languages. This study aims to examine language choice in this multilingual setting. A mixed-method approach was employed: the qualitative method involved participatory observation and covert recording, while the quantitative method utilised questionnaires. Fishman's (1972) framework was adopted as it is well suited for multilingual community contexts. A pilot study was conducted to test the reliability and validity of the questionnaires, employing a sample size determined by Krejcie and Morgan's (1970) method. Based on the sample, the findings reveal a hierarchical pattern of language choice*

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

b. ***International Journal of the Malay World Civilisation*** **(JATMA), UKM-Mycite**

International Journal of the Malay World and Civilisation 13(1), 2025: 38 – 50
(https://doi.org/10.17576/jatma-2025-1301-04)

Pengekalan dan Peralihan Bahasa Banjar di Lokasi Terpilih di Mukim Bagan Serai, Perak

The Retention and Transition of the Banjar Language in Selected Locations in Mukim Bagan Serai, Perak

Mohd Khaidir Abdul Wahab, Chong Shin & Karim Harun

ABSTRAK

Masyarakat Banjar diaspora di Bagan Serai, Perak menyumbang kepada kepelbagaian warisan tak ketara yang dibawa bersama dari Kalimantan Selatan, Indonesia. Dari aspek warisan bahasa, tinjauan pustaka mendapati bahawa penyelidikan mengenai pengekalan dan peralihan bahasa Banjar di Bagan Serai masih belum dilakukan secara tentatif. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan menghuraikan penggunaan dan pemilihan bahasa oleh masyarakat Banjar yang multilingual dengan berpandukan kerangka domain pilihan bahasa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data melalui pemerhatian ikut serta dan rakaman tak sedar. Terdapat empat domain pilihan bahasa yang difokuskan, iaitu domain persahabatan, jual beli, kekeluargaan dan keagamaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam domain persahabatan, kod bahasa Banjar menonjol sebagai medium utama, memperlihatkan kekuatan dan keteguhan identiti budaya di Kampung Parit Haji Taib. Sementara itu, dalam konteks transaksi jual beli di Warung Wadai, terdapat kecenderungan menggunakan campuran kod yang meluas, menggambarkan adaptasi penjual terhadap keperluan komunikasi lintas budaya dengan pembeli. Di dalam domain keagamaan, bahasa Melayu formal mendominasi aktiviti di dalam masjid manakala di perkarangan masjid, peralihan kod turut berlaku dengan bahasa banjar dan dialek Melayu Kedah digunakan secara berselang-seli. Dalam lingkungan keluarga pula, kod bahasa Banjar tetap menjadi pilihan utama dalam perbualan. Keseluruhannya, pola pilihan kod dalam kesemua domain adalah "a1 [b1] a1" di mana kod asing diselitkan dalam pertuturan yang menggunakan bahasa Banjar sebagai bahasa matrik. Gejala ini menunjukkan bahasa Banjar sedang berdepan keterancaman di ekologi bahasa Bagan Serai yang multilingual.

Kata kunci: Pertukaran kod; pengekalan dan peralihan bahasa; domain dan pilihan bahasa; bahasa Banjar; Bagan Serai

ABSTRACT

The diaspora Banjar community in Bagan Serai, Perak contributes to the diversity of intangible heritage brought together from South Kalimantan, Indonesia. However, there has been limited research on the retention and transition in the contemporary Banjar community in Bagan Serai. Therefore, this study aims to describe the use and choice of language by the multilingual Banjar community in daily communication, based on the domain framework of language choice. The study utilizes a qualitative approach, collecting data through participant observation and unconscious recording. Four domains of language choice are focused on: friendship, transaction, family, and religion. The findings reveal that the Banjar language is the primary medium in the domain of friendship, showcasing the strength and resilience of cultural identity in Kampung Parit Haji Taib. On the other hand, in the context of transactions at Warung Wadai, a mix of codes is used to illustrate the seller's cross-cultural communication and language adaptation with customers. In the religious domain, formal Malay language predominates activities within the mosque, while outside the mosque, code-switching occurs with the alternation of Banjar language and Kedah Malay dialects. Within the family domain, the Banjar language remains the main choice for conversation. Overall, the pattern of code choice in all the domains follows the pattern "a1 [b1] a1," where other language codes are inserted into speech that uses Banjar as the matrix language. This phenomenon highlights that the Banjar language faces threats in Bagan Serai's multilingual language ecology.

Keywords: Code-switching; language maintenance and shift; language choice and domains; Banjar language; Bagan Serai

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

c. *Jurnal Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*-Mycite



Jurnal Melayu
Vol. 24 (1) 2025

PILIHAN BAHASA DALAM DOMAIN PENDIDIKAN KEAGAMAAN DI BAGAN SERAI, PERAK

*MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB**
Universiti Kebangsaan Malaysia
Mohdkhaidir@usm.my

CHONG SHIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
chongshin@ukm.edu.my

KARIM HARUN
Universiti Kebangsaan Malaysia
linguist@ukm.edu.my

JAMALUDIAN ASAARI
Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai
kahuidagang2@gmail.com

**Pengarang Perantara*


ABSTRAK

Bagan Serai, Perak, adalah salah satu kawasan penyebaran masyarakat Banjar diaspora di Alam Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola pilihan bahasa dalam domain pendidikan di madrasah yang ditubuhkan sebagai institusi agama Islam. Kajian ini memberi tumpuan kepada Madrasah Al-Akhlak Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, yang diasaskan oleh komuniti Banjar. Kerangka teori yang digunakan adalah teori Fishman mengenai pilihan bahasa, yang memberi tumpuan kepada pola pilihan bahasa dalam domain pendidikan, baik di dalam mahupun di luar bilik darjah. Menurut teori ini, pilihan bahasa mencerminkan bukan sahaja keperluan komunikasi, tetapi juga kedudukan sosial, identiti budaya, dan peranan setiap bahasa dalam struktur sosial. Penyelidikan ini melibatkan kaedah pemerhatian ikut serta, rakaman tidak sedar, dan temu bual untuk mengumpul data. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard dan bahasa Arab menjadi bahasa utama dalam konteks formal dan keagamaan, sementara dialek Melayu Kedah, bahasa Inggeris, dan bahasa Banjar digunakan dalam aktiviti sosial dan bukan formal. Penggunaan bahasa Arab dalam doa dan pengajaran menonjolkan peranan utamanya dalam aspek keagamaan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam interaksi sosial mencerminkan ikatan budaya yang dipelihara dalam kalangan komuniti tersebut, meskipun bahasa Melayu dan bahasa Arab mendominasi dalam konteks keagamaan dan pendidikan. Kajian ini menyimpulkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga merupakan medium penting dalam memupuk identiti budaya serta kepelbagaian linguistik dalam kalangan komuniti madrasah.

Kata kunci: Domain pendidikan; madrasah; masyarakat Banjar diaspora; pilihan bahasa; sosiolinguistik.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

d. ***Journal of Language Studies GEMA Online*-In Review**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

2. Bab dalam Buku

Editor & Penulis Bab-Penerbit Universiti Sains Malaysia

